**KISAH PERTAMA:** Kuala Rompin merupakan penempatan nelayan tradisional antara Merchong di utara dan Pontian di selatan pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Terdapat beberapa cerita mengatakan bahawa Rompin menerima namanya daripada Pokok Ru yang unik, ramping dan berbeza daripada Pokok Ru yang lain. Pada asalnya dikenali sebagai Ru Ramping dan kemudiannya menukar namanya kepada Rumping atau Rumpin (Rompin), yang dikenali pada hari ini.


**KISAH KEDUA:** Terdapat juga pelbagai versi cerita mengenai asal-usul nama Rompin diantaranya adalah kisah bahawa pada masa dahulu ada seorang bernama Riffin yang tinggal di bawah sebatang Pokok Ru besar. Oleh kerana itu, tempat berkenaan dipanggil orang sebagai 'Rupin' yang lama-kelamaan bertukar kepada 'Rumpin'

*Jambatan menghubungkan Endau di Johor dengan Rompin di Pahang*



### B. GARIS MASA DAERAH ROMPIN DAN MAJLIS DAERAH ROMPIN

Pada tahun **14 Jun 1988** Majlis Daerah Rompin (MDR) telah ditubuhkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang meliputi keseluruhan Daerah Rompin kecuali Pulau Tioman. Manakala Pentadbiran Pulau Tioman pula diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman yang telah ditubuhkan pada **19 November 1997** di bawah Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 (Enakmen 12) berperanan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sejak **1 Jun 2002** selaras kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMK Ke 13/2002 pada 22 Mei 2002. Dari segi pentadbiran tanah, Gugusan Pulau Tioman masih di bawah kawalan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin. Penyediaan kajian rancangan tempatan ini akan meliputi kawasan kedua-dua pihak berkuasa tempatan tersebut bagi pemakaian dan pelaksanaan tindakan. Sempadan Daerah Kecil Muadzam Shah di warta oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tarikh **21 November 2019.**





*Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.*

## 2.2 PROFIL KAWASAN DAERAH ROMPIN

### 2.2.1 KEDUDUKAN DAERAH ROMPIN

Di dalam konteks wilayah, Daerah Rompin mempunyai hubungan dengan beberapa bandar utama di Negeri Johor dan Negeri Sembilan iaitu Mersing (63 km), Segamat (146 km), Kluang (151 km), dan Muar (224 km). Jarak perjalanan dari Daerah Rompin ke Negeri Johor dan Negeri Sembilan mengambil masa lebih kurang 3 jam. Berikut merupakan rumusan pembangunan daerah bersempadan berdasarkan rajah di bawah.

**Rajah 2.1: Kedudukan Daerah Rompin di dalam Konteks Wilayah**




*Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*


## 2.2.2 PENDUDUK DAN SOSIOEKONOMI DAERAH ROMPIN

### A. PENDUDUK DAERAH ROMPIN MENGIKUT MUKIM, TAHUN 2020

Jumlah semasa keseluruhan penduduk **Daerah Rompin** yang telah direkodkan pada tahun 2020 berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan adalah seramai **98,065 orang**. Taburan data terperinci berdasarkan setiap mukim adalah seperti di Rajah 2.2 dibawah.

Majoriti penduduk di Daerah Rompin adalah tertumpu di **Mukim Keratong** iaitu seramai 42,951 orang penduduk disebabkan Mukim Keratong merupakan kawasan tumpuan penempatan Felda dan mempunyai keluasan tanah yang paling besar di dalam Daerah Rompin berbanding mukim-mukim lain. Mukim yang mempunyai jumlah penduduk terendah pula adalah di **Mukim Tioman** iaitu seramai 3,347 orang penduduk.


**Rajah 2.2: Taburan Penduduk Mengikut Mukim Daerah Rompin, 2020**




*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

### B. PENDUDUK BANDAR DAN LUAR BANDAR DAERAH ROMPIN

Penduduk Daerah Rompin lebih tertumpu di kawasan luar bandar berbanding bandar merujuk kepada data perangkaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian sempadan bandar yang melibatkan Bandar Kuala Rompin dan Bandar Muadzam Shah pula menunjukkan penduduk bandar adalah seramai 26,175 orang.





*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia & Kajian Sempadan Bandar*

### C. SEKTOR EKONOMI UTAMA DAERAH ROMPIN, TAHUN 2015

Sektor ekonomi utama Daerah Rompin yang menjadi pemangkin dalam pertumbuhan KDNK Negeri Pahang adalah melalui **sektor pembuatan**. Walau bagaimanapun, sektor ekonomi sampingan yang menyokong pembangunan ekonomi di Daerah Rompin adalah terdiri daripada sektor pertanian, pembinaan, perkhidmatan dan perlombongan serta pengangkutan.

**Sektor Ekonomi Utama Berdasarkan Tahun 2015**





*Sumber : My Locals Stats Negeri Pahang 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia*



*Sektor-sektor yang menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi Daerah Rompin*

### D. STRUKTUR GUNA TENAGA

Kadar penyertaan tenaga buruh bagi Daerah Rompin pada tahun 2020 dianggarkan sebanyak 62.1% daripada keseluruhan jumlah penduduk umur bekerja.




**Jadual 2.1: Statistik Terpilih Guna Tenaga Daerah Rompin**

| SEKTOR | 2018 | 2019 | 2020 |
|---|---|---|---|
| Tenaga Buruh ('000) | 53.2 | 54.2 | 52.8 |
| Penduduk Bekerja ('000) | 51.6 | 52.4 | 51.3 |
| **Kadar Penyertaan Tenaga Buruh(%)** | **64.1** | **63.7** | **62.1** |

*Sumber : Laporan Survei Pendaptan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Pahang 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia*

## 2.2.3 KAWASAN PENTADBIRAN, MUKIM DAN KELUASAN DAERAH ROMPIN

Daerah Rompin merupakan salah satu daerah di bahagian tenggara Negeri Pahang yang berkeluasan **524,733.00 hektar** dengan bilangan penduduk seramai **98,065 orang** pada tahun 2020. Kawasan pentadbiran Daerah Rompin melibatkan dua (2) buah Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada **Majlis Daerah Rompin** dan **Lembaga Pembangunan Tioman.**

Daerah Rompin terletak lebih kurang 135 kilometer dari Bandar Kuantan, 148 kilometer dari Bandar Segamat dan 276 kilometer dari Kuala Lumpur. Daerah ini adalah bersempadan dengan Daerah Pekan (Utara), Daerah Maran (Utara), Daerah Bera (Barat), Daerah Segamat (Selatan) dan Daerah Mersing (Selatan). Pulau Tioman dan 22 buah pulau kecil juga terletak dalam Daerah Rompin yang mana pulau-pulau ini dipisahkan oleh Laut China Selatan dari tanah besar Rompin.

Terdapat **6 buah Mukim** yang terletak di dalam Daerah Rompin iaitu Mukim Bebar (Muadzam Shah), Mukim Keratong, Mukim Endau, Mukim Pontian, Mukim Rompin dan Mukim Tioman.


**Jadual 2.2: Jumlah Keluasan dan Kawasan Pentadbiran**

| MUKIM | | KELUASAN (HEK) | PERATUS (%) | PENTADIRAN |
|---|---|---|---|---|
| | Bebar | 4,390.63 | 0.84 | Majlis Daerah Rompin |
| | Endau | 82,100.00 | 15.65 | |
| | Rompin | 79,041.37 | 15.06 | |
| | Keratong | 316,359.00 | 60.29 | |
| | Pontian | 28,333.00 | 5.40 | |
| | Tioman | 14,509.00 | 2.76 | Lembaga Pembangunan Tioman |
| **JUMLAH** | | **524,733.00** | **100.00** | **DAERAH ROMPIN** |

***Nota:**

*Sempadan dan keluasan daerah ini merupakan sempadan asal yang digunapakai di peringkat LASP 1 dan 2. Walau bagaimanapun, terdapat penambahan sempadan di kawasan Mukim Bebar yang mengakibatkan pertambahan keluasan baharu. Jumlah keluasan 524,733.00 (hektar) (asal) digunapakai di bahagian rumusan penemuan hasil daripada Laporan Analisis Strategi Pembangunan 1 & 2. Oleh itu, keluasan baharu yang berjumlah 538,078.88 (hektar) akan digunapakai di dalam Laporan Draf Awal bab 5, 6 dan 7.*

**Rajah 2.3: Pelan Sempadan Mukim dan Keluasan Daerah Rompin**




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## 2.2.4 GUNA TANAH SEMASA 2023

Keluasan keseluruhan kawasan kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin adalah **524,733.00 hektar** dengan majoritinya merupakan kawasan bukan tepu bina iaitu 513,926.21 hektar (97.94%). Secara keseluruhan Daerah Rompin diliputi oleh guna tanah pertanian dengan jumlah keluasan sebanyak 253,528.06 hektar (48.32%). Kemudiannya diikuti dengan guna tanah hutan iaitu seluas 250,792.20 hektar (47.79%).

Selain daripada itu, jumlah bagi guna tanah tepu bina adalah seluas 10,806.79 hektar bersamaan dengan 2.06% daripada jumlah keluasan kawasan kajian. Guna tanah tepu bina utama kawasan kajian adalah guna tanah perumahan seluas 3,046.13 hektar (0.58%) dan diikuti dengan guna tanah pengangkutan seluas 2,378.96 hektar (0.45%)

**Rajah 2.4: Komponen Guna Tanah Daerah Rompin, 2023**





*Kawasan Semasa di Bukit Ibam*

| GUNA TANAH (KAWASAN ASAL) | + | GUNA TANAH 2023 (KAWASAN PENAMBAHAN MUKIM BEBAR) | = | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|
| 524,733.00 HEKTAR | | 13,345.87 HEKTAR | | 538,078.88 HEKTAR |


**Jadual 2.3: Guna Tanah Semasa Daerah Rompin, 2023**

| GUNA TANAH | MDR | TDA | KELUASAN (HEK) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|---|
| Perumahan | 3,039.22 | 6.91 | 3,046.13 | 0.58 |
| Komersial | 443.45 | 153.32 | 596.77 | 0.11 |
| Industri | 473.88 | 0.00 | 473.88 | 0.09 |
| Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 1,152.93 | 16.32 | 1,169.25 | 0.22 |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 192.05 | 3.73 | 195.78 | 0.04 |
| Pengangkutan | 2,344.57 | 34.39 | 2,378.96 | 0.45 |
| Infrastruktur dan Utiliti | 1,070.04 | 6.36 | 1,076.40 | 0.21 |
| Tanah Kosong | 1,715.17 | 155.32 | 1,870.49 | 0.36 |
| **TEPU BINA** | **10,431.31** | **376.35** | **10,807.66** | **2.06** |
| Perlombongan / Kuari | 3,699.54 | 0.00 | 3,699.54 | 0.71 |
| Pertanian | 253,282.12 | 245.07 | 253,527.19 | 48.32 |
| Hutan | 236,910.51 | 13,881.69 | 250,792.20 | 47.79 |
| Badan Air | 5,406.40 | 61.85 | 5,468.25 | 1.04 |
| Pantai | 307.39 | 130.77 | 438.16 | 0.08 |
| **BUKAN TEPU BINA** | **499,605.96** | **14,319.38** | **513,925.34** | **97.94** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **524,733.00** | **100.00** |

**Jadual 2.4: Guna Tanah Semasa Kawasan Penambahan (Mukim Bebar), 2023**


| GUNA TANAH | MDR | TDA | KELUASAN (HEK) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|---|
| Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 63.72 | - | 63.72 | 0.48 |
| Pengangkutan | 87.43 | - | 87.43 | 0.66 |
| **TEPU BINA** | **151.15** | **-** | **151.15** | **1.13** |
| Pertanian | 13,194.72 | - | 13,194.72 | 98.87 |
| **BUKAN TEPU BINA** | **13,194.72** | **-** | **13,194.72** | **98.87** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **13,345.87** | **100.00** |

**Rajah 2.5: Peratusan Komponen Guna Tanah, 2023**




*Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 2.6: Pelan Guna Tanah Semasa Daerah Rompin, 2023





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## PULAU TIOMAN




## PELAN LOKASI




## PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan
- Perumahan Kampung

**KOMERSIAL**
- Komersial

**INDUSTRI**
- Industri

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun
- Kemudahan Awam

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi

**PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN**
- Jalan Utama
- Jalan Sokongan
- Kemudahan Pengangkutan

**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**
- Padi
- Pertanian (Selain Padi)
- Akuakultur

**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pengairan dan Perparitan
- Bekalan Gas
- Telekomunikasi
- Pelupusan Sisa Pepejal
- Pembetungan
- Rentis Elektrik

**HUTAN**
- Hutan Simpan Kekal
- Hutan Tanah Kerajaan
- Kawasan Berhutan

**BADAN AIR**
- Sungai
- Empangan
- Pantai

**LAIN-LAIN**
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Blok Perancangan (BP)
- Sempadan Blok Perancangan Kecil (BPK)

## 2.2.5 TAHAP KETINGGIAN TANAH DAERAH ROMPIN

Majoriti kelas ketinggian tanah di Daerah Rompin berada pada bacaan kurang daripada 150 meter iaitu seluas 438,798.58 hektar (83.62%) di mana **semua jenis pembangunan** adalah **sesuai** untuk dijalankan di atas ketinggian ini. Sementara itu, 9.14% keluasan bersamaan 47,966.99 hektar kawasan Daerah Rompin adalah berada dalam kelas ketinggian 150 hingga 300 meter iaitu dalam kategori tanah bukit. Kawasan ini adalah terletak di kawasan hutan simpan kekal seperti **HS Lesong** dan **HS Bukit Ibam.**

Secara umumnya terdapat empat (4) kategori kriteria muka bumi di kawasan Daerah Rompin iaitu:

1. Tanah Rendah: **(Kelas 1)**
2. Tanah Berbukit: **(Kelas 2)**
3. Tanah Tinggi: **(Kelas 3)**
4. Tanah Gunung: **(Kelas 4)**



**Tasik Biru di Kawasan Bukit Ibam**

**KELAS KETINGGIAN TANAH DI DAERAH ROMPIN, PAHANG**

| KELAS KETINGGIAN TANAH | Kelas 1 (Tanah Rendah) | Kelas 2 (Tanah Bukit) | Kelas 3 (Tanah Tinggi) | Kelas 4 (Tanah Gunung) |
|---|---|---|---|---|
| KATEGORI KETINGGIAN (METER) | <150 | 150-300 | 300-1000 | >1000 |
| KRITERIA | 1. Tanah rendah.<br>2. Sesuai untuk semua jenis pembangunan tertakluk kepada Rancangan Tempatan. | 1. Tanah Berbukit<br>2. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS 3).<br>3. Pembangunan terkawal bergantung kepada ciri-ciri halangan.<br>4. Pembangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat kecerunan kurang daripada 15 darjah. | 1. Kawasan tanah tinggi.<br>2. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS 2).<br>3. Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan.<br>4. Pembalakan mampan dan pelancongan alam semula jadi dibenarkan bergantung kepada halangan dan kecerunan tidak melebihi 25 darjah. | 1. Kawasan pergunungan.<br>2. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS 1).<br>3. Tidak dibenarkan sebarang pembangunan, pertanian atau pembalakan kecuali aktiviti pelancongan alam semulajadi berimpak rendah, penyelidikan dan pembangunan (R&D) |
| LUAS (HEKTAR) | 438,798.58 | 47,966.99 | 37,961.47 | 5.96 |
| PERATUS (%) | 83.62 | 9.14 | 7.23 | 0.01 |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempadan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## 2.2.6 TAHAP KECERUNAN TANAH DAERAH ROMPIN

Maklumat kecerunan bagi Daerah Rompin adalah merujuk kepada empat kelas kecerunan tanah mengikut kesesuaian pembangunan. Analisis mendapati hampir keseluruhan Daerah Rompin iaitu 85.44% adalah berkecerunan kelas 1 di mana ianya merupakan kawasan cerun landai dan dikategorikan sebagai kawasan yang dibenarkan untuk semua jenis pembangunan seperti perumahan, industri, komersial, institusi dan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti, pengangkutan, tanah lapang dan rekreasi. 2.82% kawasan Daerah Rompin pula adalah berada dalam kelas 3 di mana kawasan ini boleh dibangunkan dengan syarat perlu mendapat kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar.

**Rajah 2.7: Kategori Kecerunan Daerah Rompin**




**Kawasan Zon Risiko Rendah**

Cerun kurang daripada 15 darjah sesuai untuk pembangunan seperti perumahan, perniagaan, perhotelan, pelancongan dan rekreasi tertakluk kepada pelan pengurusan bagi kawasan berkenaan.




**Kawasan Zon Risiko Sederhana**

Kecerunan di antara 15 – 25 sesuai untuk pembangunan dengan syarat pemaju Menyediakan *Environment Risk Assessment (ERA)* di dalam Laporan Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) serta Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) serta *Erosion Sediment Control Plan (ESCP)*.




**Kawasan Zon Risiko Tinggi**

Kecerunan melebihi 25 darjah perlu dielakkan daripada sebarang aktiviti pembangunan kerana terdedah dengan risiko tanah runtuh.

**Peratus kecerunan Daerah Rompin**

(Kelas 1) = **85.45%**

(Kelas 2) = **11.17%**

(Kelas 3) = **2.82%**

(Kelas 4) = **0.56%**


*Sumber: Garis Panduan Perancangan: Pemeliharaan Topografi Semula jadi Dalam Perancangan & Pembangunan Fizikal, Akta Perancangan Banda Dan Desa, 1976*

**KELAS KECERUNAN TANAH DI DAERAH ROMPIN, PAHANG**

| KELAS KECERUNAN TANAH | Kelas 1 | Kelas 2 | Kelas 3 | Kelas 4 |
|---|---|---|---|---|
| KATEGORI KECERUNAN (DARJAH) | **<15** Cerun Landai | **15-25** Cerun Beralun dan Berbukit | **25-35** Cerun Sederhana Curam | **>35** Cerun Curam |
| KLASIFIKASI PEMBANGUNAN | Dibenarkan untuk pembangunan tanah bukit | Dibenarkan setelah mendapat kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar dan Geoteknikal | Dibenarkan setelah mendapat kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Geoteknikal | Tidak dibenarkan untuk pembangunan |
| REKABENTUK BANGUNAN / KEPERLUAN | • Tertakluk kepada Rancangan Tempatan. | • Kepadatan sederhana.<br>• Rekabentuk bangunan perlu mengikut alunan cerun bagi mengurangkan pemotongan dan kerja tanah. | • Hanya sesuai untuk pembangunan beritensiti rendah.<br>• Aktiviti yang bersesusaian.<br>• Cerun tanah berisiko runtuh jika melebihi 25 darjah.<br>• Melibatkan elemen kerja tanah | • Tidak dibenarkan sebarang pembangunan.<br>• Kritikal untuk keselamatan bangunan dan tapak |
| LUAS (HEKTAR) | **448,353.08** | **58,629.21** | **14,797.81** | **2,952.90** |


*Sumber: Kajian Rancangan Tempadan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 2.8: Pelan Ketinggian Tanah Daerah Rompin





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## PULAU TIOMAN




## PELAN LOKASI





## PETUNJUK


- Ketinggian <150m
- Ketinggian 150m-300m
- Ketinggian 300m-1000m
- Ketinggian >1000m

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim




## Rajah 2.9: Pelan Kecerunan Tanah Daerah Rompin





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## PULAU TIOMAN




## PELAN LOKASI





## PETUNJUK

- Kawasan Tepu Bina
- Kawasan Boleh Dibangunkan
- Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
- Kawasan Berhalangan

**Lain-lain**


- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim




## 2.2.7 HIERARKI PETEMPATAN DAN PUSAT TUMPUAN DAERAH ROMPIN 2050

Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 (RSN Pahang 2050) telah menetapkan **Kuala Rompin** sebagai **Bandar Utama** bagi Daerah Rompin di mana ia berperanan sebagai pusat pentadbiran, komersial dan pelancongan yang akan meningkatkan pertumbuhan aktiviti perbandaran di Daerah Rompin.

| BANDAR UTAMA | PUSAT PETEMPATAN UTAMA | PUSAT PETEMPATAN KECIL | |
|---|---|---|---|
| KUALA ROMPIN | 1. Muadzam Shah<br>2. Bukit Ibam<br>3. Bandar Tun Razak<br>4. Teluk Gading<br>5. Kampung Tekek | 1. Perantau Damai<br>2. Kedaik<br>3. Leban Chondong<br>4. Kampung Janglau<br>5. Melati<br>6. Kota Bahagia<br>7. Kota Shahbandar<br>8. Pekoti Timur<br>9. Chanis | 10. Chenderawasih<br>11. Pewira Jaya<br>12. Selancar<br>13. Sepayang<br>14. Kampung Parit Raja<br>15. Kampung Juara<br>16. Kampung Mukut<br>17. Berabong |




**Rajah 2.10: Pelan Hierarki Petempatan Daerah Rompin**




*Sumber : Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2050*

## 2.3 DASAR PERANCANGAN BERKAITAN DAERAH ROMPIN

Berikut merupakan dasar-dasar yang perlu diambilkira dalam penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian). Dasar-dasar ini dibahagikan kepada tiga (3) peringkat utama mengikut kepentingannya iaitu:

**TIGA (3) PERINGKAT DASAR PERANCANGAN BAGI KAJIAN RT DAERAH ROMPIN, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)**

### DASAR PERANCANGAN

PERINGKAT GLOBAL/ SERANTAU

1. Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs)
2. Agenda Perbandaran Baharu *(New Urban Agenda - NUA)*
3. *Malaysia Smart City Framework*

### DASAR PERANCANGAN

PERINGKAT NASIONAL/WILAYAH


1. Rancangan Fizikal Negara 4
2. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 (RPP2)
3. Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2)
4. Dasar Rancangan Fizikal Desa Negara 2030
5. Dasar Komuniti Negara
6. Dasar Pembangunan Luar Bandar
7. Dasar Perhutanan Negara
8. Dasar Sumber Air Negara
9. Dasar Mineral Negara Kedua (DMN2)
10. Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030
11. Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN)
12. Kajian Penentuan Sempadan Bandar
13. Laporan Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan
14. Pelan Jalinan Digital Negara
15. Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) 2021 – Jilid 2 (Pemeliharaan CFS dan Rangkaian Ekologi Negeri Pahang)
16. Pelan Induk ECER 2.0
17. Garis Panduan Bandar Berdaya Tahan Bencana
18. Low Carbon City Framework Assessment

### DASAR PERANCANGAN

PERINGKAT NEGERI

1. Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050



## 2.3.1 RINGKASAN DASAR UTAMA BERKAITAN DAERAH ROMPIN

Jadual di bawah menunjukkan dasar yang berkaitan secara langsung dalam penyediaan RT Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian).

**Jadual 2.5: Ringkasan Dasar Utama yang Berkaitan Daerah Rompin**

| PERINGKAT | PELAN | PERINCIAN | SEKTOR |
|---|---|---|---|
| NASIONAL/ WILAYAH | **RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 4** | 1. Memperkukuh fungsi kawasan pertumbuhan;<br>2. Mempergiat aktiviti ekonomi digital sebagai asas pertumbuhan ekonomi;<br>3. Menggalakkan pembangunan kluster; pembuatan berteknologi tinggi dan inovatif<br>4. Mengutamakan perancangan dan pengurusan taman perindustrian yang bersepadu;<br>5. Mengutamakan sumber tanah yang boleh dimajukan untuk sektor pertanian secara lebih optimum bagi aktiviti pertanian, penternakan dan akuakultur;<br>6. Meningkatkan pengeluaran khususnya dalam tanaman komunditi dan agromakanan bagi mewujudkan pulangan yang lebih tinggi;<br>7. Permodenan dalam pengurusan dan aktiviti pertanian, penternakan dan akuakultur. | 1. Perniagaan<br>2. Perindustrian<br>3. Pertanian, Penternakan dan akuakultur<br>4. Pelancongan |
| | **RANCANGAN FIZIKAL ZON PERSISIRAN PANTAI 2 (RPP2)** | 1. Melaksanakan cadangan pewartaan kawasan *seascape* **Pulau Tioman;**<br>2. Mewartakan kawasan hutan paya laut berkepentingan tinggi sebagai kawasan hutan simpan;<br>3. Mewujudkan **Rancangan Kawasan Khas Persisiran Pantai** bagi tujuan pemeliharaan, pemuliharaan dan pembangunan mampan di zon persisiran pantai;<br>4. Mewujudkan garis panduan bagi memelihara kawasan warisan dan pertanian di zon persisiran pantai;<br>5. Meletakkan tukun tiruan di kawasan kritikal serta melakukan semaian terumbu karang bagi mempergiatkan pertumbuhan terumbu karang;<br>6. Menyediakan platform bagi memudahkan kerjasama antara penduduk setempat dan syarikat swasta / kerajaan melalui penyediaan bantuan kewangan, kepakaran dan Kawasan khusus bagi penganjuran aktiviti. | Pelancongan |
| | **DASAR PERBANDARAN NEGARA 2 (DPN 2)** | 1. Menyediakan **Pelan Induk Kluster Ekonomi Dalam Bandar;**<br>2. Meningkatkan penyediaan pusat maklumat dan perkhidmatan perniagaan bersepadu bagi menyokong perkembangan ekonomi bandar;<br>**3. Kuala Rompin** dan **Bandar Muadzam Shah** sebagai bandar tempatan;<br>4. Penyediaan perumahan untuk pekerja di kawasan perindustrian baharu; | 1. Perniagaan<br>2. Perindustrian |

*Sambungan…*

| PERINGKAT | PELAN | PERINCIAN | SEKTOR |
|---|---|---|---|
| | ***Sambungan DPN2…*** | 5. Pembangunan kawasan industri bersepadu yang menerapkan konsep **taman eko-industri;**<br>6. Menguatkuasakan ***Polluter Pays Principles*** terhadap aktiviti industri yang tidak mematuhi piawaian pelepasan yang ditetapkan. | |
| NEGERI | **RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG 2050** | 1. Pengukuhan fungsi, imej dan potensi bandar;<br>2. Pembangunan perindustrian secara kluster yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas dan perkhidmatan logistik;<br>3. Dua (2) projek utama pembangunan yang memberi impak kepada **Gugusan Pulau Tioman** iaitu pembinaan **Lapangan Terbang Pulau Tioman** dan pemuliharaan **Pulau Tioman** sebagai **10 pulau terindah dunia – *Glory Tioman;***<br>4. Menyokong cadangan menaik taraf **Taman Negeri Rompin** kepada ***Asean Heritage Park*** *(AHP)* dan **taman negara;**<br>5. Pengukuhan pelancongan semula jadi di **Taman Negeri Rompin;**<br>6. Kawasan hutan **Taman Negeri Rompin** perlu dipelihara dan diuruskan secara lestari dan berkonsepkan penyelidikan dan pembangunan;<br>7. Mengembalikan imej **Pulau Tioman** sebagai pulau terindah dengan pengurusan KSAS dan pelancongan mampan;<br>8. Taman Laut Negara di perairan **Pulau Tioman** dikawal dan dipelihara secara lestari;<br>9. Mempelbagaikan aktiviti ***experiential tourism*** seperti **Program *Homestay*** di **Leban Chondong** dan **Muadzam Shah, Rompin;**<br>10. Pemerkasaan pelancongan sokongan seperti Udang Galah dan memancing ***(Royal Pahang Billfish International Challenge);***<br>11. Pembangunan sektor pertanian, penternakan dan akuakultur yang sesuai menerusi pelbagai inisiatif dan strategi yang dicadangkan;<br>12. Penggunaan teknologi terkini dan inovasi terhadap aktiviti pertanian, penternakan dan akuakultur;<br>13. Amalan pertanian baik di kalangan pekebun kecil dan juga pengusaha;<br>14. Produktiviti perikanan dengan pemodenan *vessel* penangkapan ikan yang diperbuat dari bahan besi dan *fibre glass*. Pemodenan dan naik taraf jeti perikanan terutana di Daerah Kuantan, **Rompin** dan Pekan. | 1. Perniagaan<br>2. Perindustrian<br>3. Pelancongan<br>4. Pertanian, Penternakan dan Akuakultur<br>5. Perikanan |

## 2.3.2 DASAR PERINGKAT GLOBAL

### A. MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)

Malaysia telah komited dalam menerapkan teras pembangunan mampan bersama 193 negara lain untuk menyokong dan melaksanakan Agenda 2030 Pembangunan mampan menjelang 2030 pada tahun 2015. Matlamat Pembangunan Mampan *(Sustainable Development Goals – SDGs)* menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi kepada pembangunan sosial, persekitaran dan ekonomi. Matlamat dan sasaran ini akan diterjemahkan secara *top down* dari peringkat nasional ke peringkat tempatan dalam penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) agar dapat menyelesaikan isu masalah dan mencapai objektif pembangunan berpaksikan kepada pembangunan masyarakat dari segi persekitaran, ekonomi dan sosial.

**Rajah 2.11: Matlamat Pembangunan Mampan *(Sustainable Development Goals, SDGs)***

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

1 NO POVERTY
**TIADA KEMISKINAN**
Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di mana-mana

2 ZERO HUNGER
**SIFAR KELAPARAN**
Menamatkan kebuluran, mencapai keselamatan makanan dan menggalakkan pertanian mampan

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
**KESIHATAN & KESEJAHTERAAN BAIK**
Memastikan kesihatan dan kesejahteraan di semua peringkat umur

4 QUALITY EDUCATION
**PENDIDIKAN BERKUALITI**
Memastikan kualiti pendidikan yang inklusif, saksama dan menggalakkan pendidikan sepanjang hayat

5 GENDER EQUALITY
**KESAMARATAAN GENDER**
Mencapai persamaan gender dan memberi kuasa kepada wanita

6 CLEAN WATER AND SANITATION
**AIR BERSIH & SANITASI**
Mencapai sumber air yang cukup dan pengurusan air yang mampan dan sanitasi

7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY
**TENAGA MAMPU MILIK & BERSIH**
Memastikan akses mempunyai tenaga mampu milik, kebolehharapan, mampan dan moden

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
**PERTUMBUHAN EKONOMI & KERJA YANG BAIK**
Galakan berterusan secara inklusif dengan pertumbuhan ekonomi mampan

9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
**INDUSTRI, INOVASI & INFRASTRUKTUR**
Membina infrastruktur berdaya tahan, inklusif dan kemampanan industri dan memupuk inovasi

10 REDUCED INEQUALITIES
**PENGURANGAN KETIDAKSAMAAN**
Mengurangkan ketidaksamaan di antara negeri

11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
**BANDAR & KOMUNITI MAMPAN**
Menjadikan bandar dan penempatan penduduk yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan

12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION
**PENGGUNAAN & PENGHASILAN BERHEMAH**
Memastikan kemampanan corak penggunaan dan pengeluaran

13 CLIMATE ACTION
**TINDAKAN PERUBAHAN IKLIM**
Membina infrastruktur yang berdaya tahan, inklusif dan kemampanan industri dan memupuk inovasi

14 LIFE BELOW WATER
**KEHIDUPAN DALAM AIR**
Memastikan kemampanan corak penggunaan dan pengeluaran

15 LIFE ON LAND
**KEHIDUPAN DI DARAT**
Melindungi, memulihkan dan menggalakkan kemampanan dengan penggunaan ekosistem mampan

16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
**INSTITUSI YANG AMAN, ADIL DAN KUAT**
Menggalakkan keamanan dan komuniti yang inklisif

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS
**PERKONGSIAN MATLAMAT**
Menekankan kaedah pelaksanaan dan menggalakan hubungan luar bagi mencapai pembangunan mampan

### B. AGENDA PERBANDARAN BAHARU (NUA)




Agenda Perbandaran Baharu iaitu *New Urban Agenda (NUA)* merupakan pelan Tindakan perbandaran bagi menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030 ke arah mewujudkan bandar-bandar yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. Pelaksanaan agenda ini terbahagi kepada lima (5) aspek utama yang akan menjadi asas dan diterjemahkan kepada pembangunan bandar terutama untuk kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) dalam tempoh pelaksanaan akan datang.

**Jadual 2.6: Aspek Perancangan NUA dalam Konteks Malaysia**

| ASPEK PERANCANGAN NUA | KONTEKS MALAYSIA |
|---|---|
| **Dasar Perbandaran Negara** | Malaysia telah menggariskan RMK12, RFN4, DPN2, DPLB sebagai model untuk membentuk pembangunan ekonomi, alam sekitar dan sosial yang hijau dan mampan. |
| **Perundangan dan Peraturan Perbandaran** | Melalui peruntukan akta terhadap setiap sektor yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi sosial dan persekitaran |
| **Perancangan dan Reka Bentuk Bandar** | Menekankan pembangunan hijau, mampan, reka bentuk *sensitive climate* dan lain-lain |
| **Kewangan Perbandaran dan Ekonomi Bandar** | Mewujudkan mekanisma kewangan fiskal untuk pembangunan hijau melalui kerjasama negara maju yang aktif dengan usaha menangani perubahan iklim |
| **Pelaksanaan Tempatan** | Memastikan pembangunan mampan dapat diterjemah secara fizikal terhadap kawasan bandar seiring dengan pelan pembangunan mampan negara |


**Isu yang ingin ditangani oleh NUA & SDGs menjelang 2035 berkaitan dengan Daerah Rompin**

1. Masalah perkhidmatan kurang efisien
2. Isu perumahan mampu milik
3. Pengangkutan awam yang tidak berkesan
4. Alam sekitar yang tidak sihat
5. Banjir kilat
6. Kekurangan tanah lapang
7. Masalah penggunaan tinggi
8. Masalah kesihatan
9. Pengurusan sisa pepejal yang tidak efisien
10. Kadar jenayah tinggi
11. Kesesakan lalu lintas
12. Tiada pengangkutan awam

**Tujuh (7) komitmen NUA** yang boleh diterapkan dalam perancangan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) adalah:

- Penyediaan keperluan asas kepada masyarakat
- Mempromosi ruang yang selamat, mudah dicapai dan hijau
- Memastikan semua masyarakat mempunyai peluang kemudahan yang sama rata dan tiada diskriminasi
- Mengambil tindakan dalam menangani perubahan iklim melalui pengurangan dalam pelepasan gas rumah hijau
- Menguatkan daya tahan bandar dalam mengurangi risiko dan kesan bencana
- Mempromosikan langkah yang menyokong kepada bandar bersih
- Meningkatkan kemudahsampaian dan menyokong kepada inisiatif yang berinovasi dan hijau

## C. RANGKA KERJA BANDAR PINTAR MALAYSIA




Terdapat 7 komponen bandar pintar yang telah dikenalpasti berdasarkan **Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia**. Kesemua komponen bandar pintar yang digariskan perlu diambil kira dalam Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) bagi memastikan keberkesanan dalam perancangan pembangunan Daerah Rompin.

**Jadual 2.7: Komponen dan Fokus Bandar Pintar**


| KOMPONEN DAN FOKUS BANDAR PINTAR | | PENJELASAN |
|---|---|---|
| **Smart Government** | 1. Pendigitalan perkhidmatan kerajaan<br>2. Ketersediaan data masa sebenar<br>3. Perkongsian, integrasi data dan data terbuka<br>4. Platform data raya bandar pintar | A. Menggalakkan penerimagunaan teknologi bagi membolehkan rakyat mengakses perkhidmatan kerajaan dalam talian.<br>B. Membantu dalam meningkatkan penyampaian melalui *data driven decision making* dan sebagai integriti, akauntabiliti dan ketelusan agensi. |
| **Smart People** | 1. Bakat digital berkemahiran tinggi<br>2. Pemerkasaan komuniti pintar<br>3. Pembangunan bakat sukan | A. Melahirkan bakat digital berkemahiran tinggi bagi mengalakkan inovasi dan memenuhi keperluan industri selaras perkembangan teknologi yang mewujudkan permintaan kepada kemahiran dan kepakaran baharu.<br>B. Pemerkasaan komuniti pintar melalui teknologi akan meningkatkan penglibatan dalam membuat keputusan |
| **Smart Economy** | 1. Pendigitalan dan teknologi dalam aktiviti ekonomi<br>2. Persekitaran tanpa tunai<br>3. Hab inovasi digital<br>4. Insentif pelaburan | A. Penerimagunaan digital dan teknologi termaju seperti *Fourth Industrial Revolution* (4IR), *Internet of Things* (IoT), *Big Data*, automasi dan Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti, mencipta peluang baharu dan memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi. |
| **Smart Living** | 1. Rumah mampu milik<br>2. Pendigitalan perkhidmatan kesihatan<br>3. Bandar mesra warga emas & OKU<br>4. Kesiapsiagaan tindak balas kecemasan dan pencegahan jenayah | A. Pendigitalan penjagaan kesihatan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan.<br>B. Penggunaan teknologi dan reka bentuk pembangunan pintar di dalam meningkatkan tidak balas kecemasan dan pencegahan jenayah.<br>C. Persekitaran kejiranan pintar dan keperluan rumah mampu milik. |
| **Smart Mobility** | 1. Pengurusan trafik dan mobiliti pintar<br>2. *Mobility as a services*<br>3. Mobiliti barangan<br>4. Mobiliti hijau dan mobiliti aktif<br>5. Kemudahan sokongan pengangkutan pintar | A. Memantapkan perkongsian maklumat perjalanan untuk pengguna dan membantu mengurus permintaan pengangkutan awam bagi meningkatkan tahap kebolehsampaian dan ketersambungan, mengurangkan kesesakan trafik dan pelepasan karbon. |
| **Smart Environment** | 1. Pembangunan rendah karbon<br>2. Pengurusan alam sekitar dan risiko bencana<br>3. Pengurusan tenaga, sisa pepejal dan air pintar | A. Penekanan pengurusan sisa pepejal, kualiti air, kualiti udara, perubahan iklim dan risiko bencana bagi memastikan kemampanan dan daya tahan bandar.<br>B. Pengurusan grid pintar dan kecekapan penggunaan tenaga bagi mengurangkan pelepasan GHG. |
| **Smart Digital Infrastructure** | 1. Kualiti dan tahap liputan<br>2. Jalur lebar berkelajuan tinggi<br>3. Perkhidmatan infrastruktur digital sokongan | A. Perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam akan meningkatkan ketersambungan dan akses jalur lebar berkualiti serta mewujudkan persekitaran yang menyokong aktiviti perbandaran dan mobiliti penduduk. |

## 2.3.3 DASAR PERINGKAT NASIONAL / WILAYAH

### A. RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 4 (RFN 4)




Rancangan Fizikal Negara merupakan dokumen perancangan tertinggi dalam rangka kerja perancangan pembangunan fizikal negara yang menterjemahkan dasar-dasar strategik dan sektoral negara ke dalam dimensi spatial serta fizikal. Dokumen ini juga disediakan selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun meliputi Semenanjung Malaysia.



# RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

**3 TERAS PEMBANGUNAN**

| TERAS 1: | TERAS 2: | TERAS 3: |
|---|---|---|
| PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG | KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM | KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI |
| PD | KD | KI |

**11 HALA TUJU STRATEGIK**

| | | |
|---|---|---|
| PD 1 Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara Di Peringkat Global | KD 1 Perancangan Guna Tanah Holistik | KI 1 Penyediaan Perumahan Untuk Semua Masyarakat |
| PD 2 Pertumbuhan Ekonomi Mampan Dan Berdaya Saing | KD 2 Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan Dan Sumber Warisan | KI 2 Masyarakat Berpendidikan Yang Berdaya Saing |
| PD 3 Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik Dan Bersepadu | KD 3 Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon | KI 3 Persekitaran Kehidupan Yang Kondusif Dan Berdaya Huni |
| PD 4 Menaiktaraf Infrastruktur Digital Dan Pintar | | KI 4 Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan |

**40 STRATEGIK**

| | | |
|---|---|---|
| 16 Strategi | 16 Strategi | 8 Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan |

**128 TINDAKAN**

| | | |
|---|---|---|
| 47 Tindakan | 58 Tindakan | 23 Tindakan |

Matlamat RFN 4 dirangka menerusi tiga (3) teras utama yang dirujuk semasa penyediaan RT penggantian supaya perancangan pembangunan yang dibuat selaras dengan keperluan pembangunan negara. Teras pembangunan yang dibentuk meliputi segenap bidang perancangan khususnya fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial. RFN Ke 4 ini mengandungi tiga (3) teras pembangunan, 11 hala tuju strategik, 40 strategi dan 128 Tindakan seperti berikut:

Matlamat RFN 4 adalah untuk mecapai **Malaysia Makmur, Berdaya Tahan** dan **Sejahtera**. Matlamat ini dijangka mampu menjadi aspirasi utama dalam mencorak pembangunan negara untuk mencapai status negara maju, berharmoni dan sejahtera.

**FOKUS:**

Memperkukuh teras pembangunan melalui konsep "Ekosistem Spatial yang Komprehensif" yang memberi penekanan kepada perancangan keselamatan negara, pembangunan bercirikan pintar, jaminan sekuriti makanan, negara neutral karbon, pembangunan modal insan ke arah mencapai Kemakmuran, Kemampanan, dan Kesejahteraan Negara.

Terdapat tiga (3) Pelan Pengurusan Spatial yang telah dikhususkan untuk Negeri Pahang di mana ia merupakan rangka asas yang memandu untuk memperinci dan menterjemah strategi dan tindakan pelan spatial negara dalam konteks setiap negeri.

## 1. RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Pengurusan Spatial merupakan satu kerangka dalam mengurus ketersediaan spatial guna tanah, pengangkutan, kawasan pertumbuhan, hierarki petempatan, sumber semula jadi negara dan penglibatan komuniti dalam kualiti persekitaran kehidupan yang berdaya huni. Intensifikasi pembangunan ditekankan melalui pengurusan yang lebih efektif dan holistik serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan.

### Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing

1. Memperkasa pembangunan di beberapa kawasan seperti:
   A. Konurbasi Timur (Kuantan – Gambang – Pekan),
   B. Zon Promosi Pembangunan (ZPP) iaitu ZPP Jerantut – Bandar Tun Abdul Razak (Maran) – Temerloh – Mentakab,
   C. Pusat Katalis Bentong dan **Bandar Muadzam Shah**.
2. Bandar Kuala Lipis, Raub, Bentong, Bera – Triang, Jerantut, Bandar Tun Abdul Razak (Maran), Mentakab, Maran, Pekan dan **Kuala Rompin** berpotensi untuk dinaiktaraf kepada **Bandar Utama.**
3. Membangunkan **Pusat Agropolitan** Kuala Lipis, Raub dan **Kuala Rompin** sebagai nod pertumbuhan luar bandar.


### Pembangunan dan Perlindungan Kawasan Persisiran Pantai

1. Mengawal selia aktiviti pembangunan, penambakan dan tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai.
2. Mengurus dan melindungi habitat marin dan kepelbagaian ekologi di zon persisiran pantai dengan merujuk kepada RPP2.

### Rangkaian Perhubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu

1. Memperkukuh hubungan jaringan jalan raya antara wilayah melalui:
   A. Cadangan sambungan dari lebuh raya *Central Spine Road* (CSR) di Simpang Pelangai, Pahang ke Ulu Tiram, Johor melalui *Southern Central Road* (SCR),
   B. Sambungan Lebuh Raya Kuantan – Pasir Gudang,
   C. Sambungan Lebuh Raya Hutan Melintang – Raub,
   D. Sambungan Lebuh Raya Simpang Pelangai – **Muadzam Shah**
2. Memperluas rangkaian rel berkelajuan tinggi:
   **(ECRL 1):** Menghubungkan Bandar Cherating – KotaSAS – Gambang – Maran – Temerloh – Pelabuhan Klang, Selangor
   **(ECRL 2):** Menghubungkan Kuantan – Johor Bahru (yang akan melalui **Bandar Kuala Rompin** – Pekan – Kuantan)

**Rajah 2.12: Pelan Rangka Pertumbuhan Spatial Negeri Pahang**




*Sumber: Rancangan Fizikal Negara 4*

**PETUNJUK**

**Kawasan Pertumbuhan**
- Konurbasi
- Zon Promosi Pembangunan
- Pusat Katalis
- Pusat Agropolitan
- Bandar Wilayah
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

**Guna Tanah**
- Tepu Bina Semasa
- Cadangan Tepu Bina
- Kawasan Berhutan
- Badan Air
- Pertanian

**Kawasan Pembangunan dan Perlindungan Pantai**
- Zon Pembangunan Persisiran Pantai
- Zon Perlindungan Persisiran Pantai

**Pengangkutan Darat, Udara & Air**
- Lebuh Raya
- Jalan Raya
- Lebuh Raya Cadangan
- Jajaran Rel Sedia Ada
- Cadangan Jajaran Rel Berkelajuan Tinggi
- Laluan Air
- Stesen Rel
- Cadangan Stesen Rel
- Cadangan Lapangan Terbang
- Cadangan Lapangan Terbang Amfibia
- Pelabuhan
- Cadangan Pelabuhan
- Pelabuhan Darat
- Terminal Penumpang

**Lain-lain**
- Sempadan 3 Batu Nautika
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah


## 2. PENGURUSAN SUMBER

Pengurusan Sumber bagi RFN Ke-4 terdiri daripada 5 kategori utama iaitu sumber asli, sumber makanan, sumber warisan, sumber air mampan dan pendekatan rendah karbon. Sumber ini merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan hidup. Tadbir urus serta peranan undang-undang adalah penting di peringkat ini bagi memelihara dan memulihara arkeologi negara serta manfaatnya terus dikecapi bagi semasa dan pada masa hadapan.

**Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan**

1. Memulihara HSK Sungai Wi, HSK Sungai Yu, HSK Ulu Jelai, HSK Bukit Bujang, HSK Yong, HSK Tekai Tembeling, HSK Gunung Aais, HSK Tersang, HSK Batu Talam, HSK Som, HSK Tekam, HSK Berkelah (Kuantan), HSK Remen Chereh Tambahan, HSK Berkelah (Temerloh), HSK Krau, HSK Lakum, HSK Bukit Tinggi, HSK Lentang, HSK Kemasul, HSK Lepar, HSK Chini, HSK Chini Temerloh, **HSK Bukit Ibam,** HSK Pekan, HSK Nenasi, HSK Resak, **HSK Lesong, HSK Taman Negeri Endau** bagi kepentingan habitat hidupan liar.
2. Mewartakan, melindungi dan memulihara:
   A. Kawasan perlindungan marin (*marine protected areas*)
   B. Persisiran pantai (kawasan terlibat meliputi Kawasan Pemuliharaan Marin Diraja Iskandar – RIMCA)
3. **Pemuliharaan dan pengawalan pembangunan di kawasan seperti:** koridor ekologi C-PL2 HS Ulu Jelai – HS Bukit Bujang – HS Hulu Lemoi, **C-PL3 HS Lesong** – HS Resak, **C-PL4 HS Bukit Ibam** – HS Sg. Manong – **HS Sg. Lesong**, C-PL6 Rizab RAMSAR Bera – **HS Ibam**, C-SL2 HS Lepar – HS Berkelah dan C-SI3 HS Chini – HS Lepar untuk mengekalkan kesinambungan landskap hutan.
4. Pengekalan dan perlindungan terhadap:
   A. Kawasan jelapang padi
   B. Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan (*5,555* hek)
   C. Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) **Rompin** (2,920 hek) di **Paya Setajam, Paya Laka, Paya Sepayang dan Tebu Hitam.**
5. Melindungi kawasan zon pewartaan perairan **Pulau Tioman** (meliputi Pulau Tioman dan sebahagian daripada kepulauan di Johor seluas *7,048.60* kilometer persegi) untuk memastikan pembangunan di kawasan perairan lebih terkawal, pemeliharaan aset semulajadi dan perlindungan warisan bawah air.
6. Melindungi kawasan **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** dan **Zon Akuakultur (ZIA)** sebagai sumber jaminan keselamatan bekalan makanan negara (*food security*).

**Rajah 2.13: Pelan Pengurusan Sumber Negeri Pahang**




**Mempertingkat Sumber Air Berterusan**

1. Mewartakan rizab lembangan Sungai Pontian, **Sungai Rompin**, Sungai Mercung, Sungai Bebar, Sungai Pahang, Sungai Penur, Sungai Kuantan, Sungai Baluk dan Sungai Cherating.
2. Mengawal pembangunan dan aktiviti di kawasan tadahan air (kawasan terlibat meliputi Empangan Cherah, Empangan Ulu Jelai, Empangan Kelau, Empangan Rempas Baru, Empangan Rempas Lama, Empangan Perting, Empangan Ceruk, Empangan Pontian dan **Empangan Anak Endau**)

## 3. PENGURUSAN KAWASAN RISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengurusan ini adalah untuk mengenal pasti kawasan berisiko bencana semula jadi kesan daripada fenomena perubahan iklim. Penglibatan daripada pihak yang terlibat adalah penting dalam memastikan pengurangan risiko bencana dapat dilaksanakan melalui langkah-langkah kawalan secara berstruktur dan bukan berstruktur.

Pengenalpastian kawasan berisiko bencana di Negeri Pahang iaitu banjir, kenaikan aras laut, tanah runtuh, hakisan pantai, gempa bumi dan tsunami adalah bertujuan memberi indikasi bagi penelitian dengan lebih terperinci dalam perancangan pembangunan.

### Kawasan Berisiko Banjir

Memperluas penyediaan *flood risk map* untuk kawasan mudah banjir (*flood vulnerability area*) di Pahang melibatkan kawasan penempatan di Bandar Kuantan, Pekan, **Kuala Rompin**.

**Jadual 2.8: Senarai Lokasi Banjir Berulang daripada Tahun 2017-2021**

| LOKASI | TAHUN INSIDEN BANJIR | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
| Kampung Aur | / | / | / | | / | / |
| Kampung Rekoh | / | | / | | / | / |
| Kampung Meripoh | / | / | | | | |
| Kampung Mikang | / | / | | | | |
| Kampung Setajam | | / | / | | / | |
| Kampung Pianggu | | / | / | | / | |
| Kampung Janglau | / | | / | | | |
| Kampung Tekek | / | / | | | | / |

*Sumber: Laporan Banjir Tahunan 2017-2022*


### Kawasan Berisiko Hakisan Pantai

Kawalan pembangunan persisiran pantai di kawasan perairan pantai di Kuantan, Pekan dan **Kuala Rompin**.



*Contoh Masalah hakisan pantai yang telah mengakibatkan penutupanSummerset Resort di Rompin Pahang*

**Rajah 2.14: Pelan Pengurusan Kawasan Risiko Bencana Semula jadi Negeri Pahang**




*Sumber: Rancangan Fizikal Negara 4*

**PETUNJUK**

**Risiko Tanah Runtuh**
- Risiko Tanah Runtuh (Kecerunan>25°)
- Tanah Tinggi (>1,000m)

**Risiko Banjir**
- Risiko Banjir

**Risiko Gempa Bumi dan Tsunami**
- Garis Sesar

**RisikoHakisan Pantai**
- Kritikal
- Ketara
- Belum Serius/ Boleh Diterima

**Risiko Kenaikan Aras Laut**
- Unjuran Tahun 2030 (0.12m)
- Unjuran Tahun 2050 (0.24m)
- Unjuran Tahun 2100 (0.73m)

**Risiko Kebakaran Hutan dan Tanah gambut**
- Tanah Gambut

**Kategori Risiko Bencana**
- Kawasan Berisiko Tinggi
- Kawasan Risiko Sederhana
- Kawasan Berisiko Rendah

**Lain-lain**
- Sungai / Empangan
- Bandar Utama
- Lebuh Raya
- Jalan Raya
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

## B. RANCANGAN FIZIKAL ZON PERSISIRAN PANTAI (RPP2)




Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai (RPP2) merupakan rancangan strategik guna tanah yang menggariskan hala tuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber jaya persisiran pantai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**MATLAMAT**

Pengurusan sumber jaya persisiran pantai yang optimum ke arah pembangunan mampan, kelangsungan sosio-ekonomi dan kelestarian alam sekitar


- Pembangunan berdaya tahan terhadap risiko bencana (PB)
- Aset ekologi dan perkhidmatan ekosistem lestari (AE)
- Tadbir urus kukuh dan efektif (TE)
- Komuniti peka dan berupaya ikhtiar (KB)

**Jadual 2.9: Strategi dan Tindakan dalam Pelaksanaan RPP2**

| STRATEGI | TINDAKAN |
|---|---|
| **STRATEGI PB1 :** Menerapkan aspek risiko bencana dalam perancangan dan kawalan pembangunan peringkat negeri dan tempatan | 1. **Tindakan PB1.1:** Memperincikan parameter risiko bencana dan kerapuhan persisiran pantai di peringkat Rancangan Pemajuan<br>2. **Tindakan PB1.2:** Menerapkan aspek risiko bencana sebagai parameter utama perancangan dan kawalan pembangunan<br>3. **Tindakan PB1.3:** Kawalan ke atas penambakan pantai, tebus guna tanah dan pengorekan pasir |
| **STRATEGI PB2 :** Melindungi kawasan pembangunan sedia ada | 1. **Tindakan PB2.1:** Memperkukuhkan kestabilan zon persisiran pantai<br>2. **Tindakan PB2.2:** Melindungi kawasan pertanian jaminan makanan<br>3. **Tindakan PB2.3:** Mempertimbangkan perlindungan bagi kawasan pelancongan dan warisan |
| **STRATEGI PB3 :** Meningkatkan kesiapsiagaan kemudahan awam dan infrastruktur dalam menghadapi bencana | 1. **Tindakan PB3.1:** Menambahbaik kemudahan awam di kawasan berisiko bencana<br>2. **Tindakan PB3.2:** Memastikan ketersediaan infrastruktur dan utiliti di kawasan risiko bencana<br>3. **Tindakan PB3.3:** Meningkatkan sistem perhubungan bagi kawasan persisiran pantai |
| **STRATEGI PB4 :** Meningkatkan kemampuan amaran bencana | 1. **Tindakan PB4.1:** Menaik taraf dan mempelbagaikan variasi sistem amaran bencana |

*Sumber: Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2*

**Rajah 2.15: Pelan Kerapuhan Persisiran Pantai Negara (NVC)**




*Sumber: Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2*

**PETUNJUK**

| UNIT PERANCANGAN ZON PANTAI (UPZP) | KOD | CVIP (Fizikal) | CVIB (Biodiversiti) | CVIS (Sosial) | NCVI |
|---|---|---|---|---|---|
| **C08: Rompin** | C08 | 4 | 4 | 4 | 4 |
| **C09: Pontian** | C09 | 3 | 2 | 1 | 2 |
| **C10: Endau** | C10 | 4 | 3 | 1 | 2 |
| **C11: Tioman** | C11 | 1 | 5 | 5 | 3 |

*Nota :* Sangat Rendah , Rendah , Sederhana , Tinggi , Sangat Tinggi

## C. DASAR PERBANDARAN NEGARA 2 (DPN 2)

Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) merupakan dasar yang memandu dan **menyelaras perancangan pembangunan serta pentadbiran perbandaran,** agar menjadi lebih efisien dan sistematik dengan penekanan terhadap **keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi serta fizikal.**


DPN2 menggariskan cabaran - cabaran baharu yang memerlukan satu perancangan dan pengurusan bandar agar lebih sistematik, isu rebakan bandar *(urban sprawl)* dan penetapan sempadan bandar.

**Jadual 2.10: Prinsip dan Strategi Yang Memberi Impak Kepada Daerah Rompin**

| PRINSIP DPN2 | STRATEGI YANG BERKAITAN/MEMBERI IMPAK KEPADA ROMPIN |
|---|---|
| **Prinsip 1 :** Tadbir Urus Bandar yang Baik | 1. Pengguna sumber secara optimum dan berkesan<br>2. Memberi **perkhidmatan bandar yang efisien dan cepat**<br>3. Meningkatkan sistem penyampaian selari dengan kehendak komuniti<br>4. Mengadakan **kerjasama berterusan bersama komuniti** |
| **Prinsip 2 :** Bandar yang Berdaya Huni | **1. Penyediaan rumah mampu milik** yang mencukupi, berkualiti dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat<br>**2. Perkhidmatan infrastruktur, utiliti dan kemudahan perbandaran** yang efisien dan **bersepadu;**<br>3. Pelaksanaan **reka bentuk bandar** yang **selamat dan beridentiti;**<br>4. Persekitaran **bandar** yang **selamat;**<br>5. Pengurusan risiko bencana yang komprehensif. |
| **Prinsip 3 :** Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing | 1. Penyediaan sistem komunikasi yang cekap dan efektif;<br>2. Penggunaan tanah wakaf, tanah rizab melayu dan tanah adat dalam bandar yang optimum;<br>3. Pengintegrasian perancangan **pembangunan kampung dalam bandar;**<br>4. Peningkatan **produktiviti modal insan;**<br>5. Penyediaan **sistem komunikasi yang cekap** dan efektif; |
| **Prinsip 4 :** Pembangunan Bandar Inklusif dan Saksama | 1. Tumpuan program yang khusus untuk **kebajikan isi rumah B40;**<br>2. Peningkatan pendapatan isi rumah B40;<br>3. Penyediaan keperluan golongan **warga emas, orang kurang upaya (OKU)** , (serta **orang asal/asli**) dalam pembangunan bandar yang pelbagai. |
| **Prinsip 5 :** Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih | 1. Penerapan elemen hijau dalam pembangunan bandar;<br>2. Pengurusan badan air yang efisien dan mampan; mengurangkan kehilangan air yang tidak terhasil<br>3. Pengurusan sisa pepejal yang efektif bagi memastikan bandar yang bersih;<br>4. Peningkatan kualiti gaya hidup sihat dan udara yang bersih dalam bandar. |

*Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan*

**Rajah 2.16: Pelan Hierarki Bandar Negeri Pahang**




*Sumber: Dasar Perbandaran Negara 2*

### PETUNJUK

**Hierarki Petempatan**
- Bandar Wilayah
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

**Kawasan Pemeliharaan & Pemuliharaan**
- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlndungan
- Hutan
- Badan Air

**Kawasan Pertumbuhan**
- Konurbasi
- Tepu Bina Sedia Ada
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit nasional (Cadangan)

**Kawasan Pertanian**
- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

**Lain-lain**
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuh Raya Sedia Ada
- Lebuh Raya Cadangan
- Jalan Cadangan
- Laluan Feri

**Info Ringkas Hierarki Bandar Negeri Pahang**

Bandar Wilayah **1**

Bandar Utama **1**

Bandar Tempatan **15**

**Bandar Wilayah**

Kuantan

**Bandar Utama**

Temerloh

**Bandar Tempatan**

1. **Bandar Muadzam Shah**
2. **Bandar Tun Razak**
3. **Kuala Rompin**
4. Bentong
5. Bera
6. Bukit Tinggi
7. Gambang
8. Jerantut
9. Karak
10. Kuala Lipis
11. Maran
12. Mentakap
13. Pekan
14. Raub
15. Tanah Rata-Brinchang

## D. DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030 (DPFDN 2030)




DPFDN 2030 merupakan dasar pembangunan desa yang pertama di Malaysia berbentuk spatial yang bertujuan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa dan melengkapkan Dasar Perbandaran Negara yang disediakan untuk kawasan bandar di Malaysia.

DPFDN 2030 berbentuk pelan operasi dan menjadi panduan kepada agensi pelaksana bagi perancangan kawasan desa yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur, utiliti, warisan, pengurusan dan mekanisma pemantauan. DPFDN 2030 ini menyediakan pernyataan dasar, strategi dan langkah-langkah pencapaian mengikut tema dan teras bagi merealisasikan visi pembangunan desa sehingga tahun 2030.

Secara tidak langsung, situasi ini menggalakkan proses kebangkitan semula desa *(rural rebound)* dengan mensasarkan perubahan yang positif bagi kawasan desa dengan menjadikan desa sebagai tempat tinggal pilihan. Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) akan merujuk kelangsungan dasar ini dalam memastikan kawasan desa turut diperkasakan selari dengan keperluan di peringkat negara.

Pernyataan dasar secara trans-sektoral disediakan mengikut lima teras utama yang saling menyokong pencapaian visi dan matlamat pembangunan desa. Antara teras yang telah digariskan dapat dirumuskan seperti berikut:

### HUBUNG KAIT DASAR TERHADAP DAERAH ROMPIN




**VISI** Desa Sejahtera, Negara Sejahtera

**MATLAMAT** Desa berdaya huni (*liveable*) dan berdaya tahan (*resilient*)

**TEMA** Hijau, Harmoni & Dinamis

Teras ini adalah berkait rapat dengan kesesuaian pembangunan desa bagi Daerah Rompin di mana **Kampung Membalau** yang terletak di **Mukim Keratong** merupakan salah satu kampung di dalam Daerah Rompin yang dicadangkan untuk menerima **bekalan elektrik alternatif** di bawah inisiatif **Peningkatan Infrastruktur yang Efisien.** Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memastikan pembangunan komuniti desa dapat ditingkatkan secara menyeluruh dan inklusif di samping dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat.

**TERAS 3**
Pengukuhan Daya Huni Desa

**PERNYATAAN DASAR (DD3)**
Peningkatan Infrastruktur yang Efisien

**STRATEGI (DD3.2)**
Menyokong pengagihan bekalan elektrik 24 jam yang menyeluruh

**Kampung Membalau, Rompin**

## E. DASAR KOMUNITI NEGARA




Dasar Komuniti Negara yang digubal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertujuan untuk menangani isu sosial perumahan di peringkat komuniti setempat, khususnya di kawasan perumahan berstrata kos rendah di seluruh negara. Strategi di bawah ini selaras RMKe-12, DPN2, Dasar Sosial Negara, RFN4, Deklarasi Kuala Lumpur 2018 di bawah Agenda Perbandaran Baharu (NUA) serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Pelaksanaan Dasar Komuniti Negara memberi fokus kepada lapan (8) bidang utama atau kluster. Lapan (8) kluster ini merupakan kumpulan faktor-faktor utama dalam mengubah minda serta sikap komuniti di sesebuah lokaliti perumahan khususnya perumahan berstrata. Lapan (8) kluster tersebut adalah:

| | | |
|---|---|---|
| **KLUSTER 1** Infrastruktur dan Penyelenggaraan | | **KLUSTER 5** Keprihatinan terhadap kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan daif |
| **KLUSTER 2** Kebersihan Alam Sekitar dan Kesihatan | | **KLUSTER 6** Keusahawanan dan Perniagaan Sosial |
| **KLUSTER 3** Keselamatan | | **KLUSTER 7** Perkhidmatan Sosial |
| **KLUSTER 4** Pendidikan dan Kemahiran | | **KLUSTER 8** Sukan dan Rekreasi |

**Kepentingan Dasar** Komuniti kepada Daerah Rompin ialah dengan menjamin kualiti hidup persekitaran untuk golongan B40 yang tinggal di perumahan strata khususnya. Dasar ini berkait rapat dengan kesesuaian penyediaan perumahan mampu milik kepada penduduk di Daerah Rompin pada masa sekarang dan akan datang.






## F. DASAR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR




Dasar Pembangunan Luar bandar (DPLB) telah merumuskan wawasan "Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik" sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030. Wawasan luar bandar menggambarkan hasrat kerajaan untuk memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar. Kawasan luar bandar disasarkan akan menawarkan peluang pekerjaan yang dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

**T E R A S**

1. Ekonomi berdaya saing dan mampan
2. Keusahawanan pemacu pembangunan ekonomi.
3. Modal Insan berkualiti.
4. Prasarana lengkap dan canggih.
5. Keunggulan generasi belia luar bandar.
6. Wanita luar bandar yang progresif.
7. Kehidupan luar bandar yang sejahtera.
8. Sistem penyampaian dan tadbir urus berkesan.
9. Biodiversiti dan alam sekitar mampan.
10. Perumahan, pembangunan wilayah, dan penempatan desa bersepadu.

**DPLB** menyediakan kerangka hala tuju secara umum dan strategi pembangunan secara menyeluruh selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030).

**DPLB** akan menjadi teras kepada hala tuju pembangunan luar bandar ke arah Malaysia negara maju yang sejahtera dan berpendapatan tinggi.

**Tiga** prinsip penggubalan dasar yang akan dijadikan sebagai panduan:

**KEMAMPANAN**

**Mengutamakan kualiti dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.**

**HOLISTIK**

**Merangkumi pelbagai dimensi seperti sosial, ekonomi, rohani, fizikal, budaya dan tadbir urus.**

**INKLUSIF**

**Pembangunan yang mengambil kira keseimbangan kaum, jantina, kumpulan umur, keupayaan diri, tahap pendidikan, pendapatan dan kedudukan geografi.**

## G. DASAR PERHUTANAN NEGARA




Dasar Perhutanan Negara merupakan satu bentuk polisi di peringkat nasional berasaskan prinsip-prinsip pemuliharaan sumber asli dan pembangunan sosioekonomi. Dasar ini telah dikemas kini selaras dengan komitmen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, iaitu untuk mencapai pertumbuhan mampan. Ia menggabungkan dasar-dasar perhutanan wilayah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di samping masih mengekalkan kepentingan setiap wilayah.

Dasar berkaitan perhutanan di Semenanjung Malaysia sebelum ini dikenali sebagai Dasar Perhutanan Negara 1978 yang menggantikan Dasar Perhutanan 1922 dan Dasar Perhutanan Sementara 1952. Dasar Perhutanan 1978 merupakan teras utama dalam memacu pengurusan, pembangunan dan pentadbiran sektor perhutanan dalam pengekalan peranan pentingnya terhadap pertumbuhan ekonomi negara di samping keseimbangan dengan kestabilan alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

### DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Kawasan kajian adalah terletak di Negeri Pahang dan di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pelaksanaan dasar adalah memfokuskan kepada Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia. Terdapat sembilan (9) teras utama yang disusun bagi pelaksanaan Dasar Semenanjung Malaysia yang mempunyai hubung kait dengan penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian). Antaranya adalah seperti berikut:

### KEPENTINGAN DASAR

Dasar Perhutanan Negara adalah penting sebagai asas kepada penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian). Hal ini kerana, Daerah Rompin merupakan salah satu daerah yang mempunyai sumber jaya alam semula jadi yang terdiri daripada **Taman Negeri Rompin – Pahang, Hutan Wetland Rompin – Nenasi – Pahang Tenggara (*Blackwater* Runchang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin dan Pekan**. Ketiga-tiga sumber alam ini telah dikategorikan sebagai **Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Utama** di Negeri Pahang di mana ianya telah digazetkan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050.



**Tasik Biru, Hutan Simpan Kekal Bukit Ibam**




**Taman Negeri Rompin**

**Jadual 2.11: Pengelasan Fungsi Hutan**

**PENGELASAN FUNGSI HUTAN**
SEKSYEN 10 (1) AKTA PERHUTANAN NEGARA

| HUTAN PENGELUARAN | HUTAN PERLINDUNGAN |
|---|---|
| **HUTAN PENGELUARANK KAYU DI BAWAH PEROLEHAN BERKEKALAN – 208,932 HA**<br>Kawasan hutan ini adalah produktif dan berekonomik untuk menghasilkan kayu-kayuan atau Kawasan hutan yang berpotensi untuk dipulihkan semula untuk menhasilkan kayu-kayuan secara berkekalan. | **HUTAN PERLINDUNGAN TANAH 20,653.13 HA**<br>Mempunyai ketinggian melebihi 1,000 m atas laut dan kecerunan melebihi 40’ |
| | **HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR – 1,8000.00 HA**<br>Kawasan hutan banyak kehidupan liar. Hutan perlu dijaga daripada gangguan manusia |
| | **HUTAN PELAJARAN – 499.02 HA**<br>Kawasan hutan ini ialah untuk tujuan Pendidikan dan mewujudkan kesedaran |
| | **HUTAN KAWALAN BANJIR – 3,555.75 HA**<br>Kawasan hutan ini ialah untuk tujuan Pendidikan dan mewujudkan kesedaran |
| | **HUTAN PENYELIDIKAN – 9,032.59 HA**<br>Kawasan hutan ini ialah untuk tujuan penyelidikan |
| | **HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR) – 3,912.90 HA**<br>Kawasan hutan ini ialah rizab dan arboretum semula jadi yang kekal ia berfungsi untuk mengekalkan kepelbagaian biologi |
| | **HUTAN BAGI MAKSUD PERSEKUTUAN – 2,772.22 HA**<br>Kawasan hutan ini ialah untuk kegunaan aktiviti-aktiviti perhutanan yang dikendalikan di peringkat persekutuan |
| | **HUTAN LIPUR – 1,798.70**<br>Kawasan hutan ini ialah kawasan yang dipelihara, dibangunkan dan diuruskan untuk tujuan rekreasi |
| | **HUTAN TADAHAN AIR – 85,683.88 HA**<br>Kawasan hutan ini berfungsi mengawal larian air permukaan yang berlebihan dan keupayaan untuk menakung air |

## H. DASAR SUMBER AIR NEGARA




Dasar Sumber Air Negara merupakan panduan lengkap dan menyeluruh bagi membantu tadbir urus air dan sumber air negara. Dasar ini akan menetapkan cara yang akan memastikan bahawa hala tuju dasar sedia ada dan yang dicadangkan daripada pelbagai sektor berkaitan air secara keseluruhannya adalah saling melengkapi.

Selain itu, dasar ini merupakan panduan bagi membantu dalam menangani jurang pengetahuan serta memperkukuh kaedah dan amalan bagi memastikan sumber air tidak sahaja diurus secara bersepadu, tetapi diselaraskan ke arah pembangunan dan penggunaan lestari.

### FOKUS UTAMA & TERAS

Terdapat **empat** fokus utama berserta sembilan teras yang terkandung di dalam Dasar Sumber Air Negara. Antaranya adalah seperti berikut:

**FOKUS 1:** Jaminan Sumber Air

**TERAS 1:** Maklumat dan Risikan Sumber Air

**TERAS 2:** Integriti Sumber Air

**TERAS 3:** Penggunaan Sumber Air dan Punca-punca Alternatif

**TERAS 4:** Pengurangan Risiko Bencana Berkaitan Air, Kesiapsiagaan dan Respon

**FOKUS 2:** Kelestarian Sumber Air

**TERAS 5:** Kriteria Bagi Perincian Sumber Air

**TERAS 6:** Pemuliharaan & Perlindungan Sumber dan Jasad Air Semula Jadi & Buatan

**FOKUS 3:** Perkongsian

**TERAS 7:** Keterangkuman dan Keterlibatan Pihak Berkepentingan

**TERAS 8:** Perkongsian Tadbir Urus Sumber Air

**FOKUS 4:** Pembinaan Keupayaan dan Kesedaran

**TERAS 9:** Pembinaan Keupayaan dan Kesedaran

### PENDEKATAN BERSEPADU

Terdapat **enam** pendekatan yang telah diterima pakai bagi membantu dalam menstruktur amalam semasa ke arah tadbir urus air yang lebih baik dengan mengambil kira keunikan setiap pendekatan dalam menangani bencana.

**6**

- Pengurusan Sumber Air Bersepadu **(IWRM)**
- Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu **(IRBM)**
- Pengurusan Tasik Bersepadu **(ILM)**
- Pengurusan Zon Pantai Bersepadu **(ICZM)**
- Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu **(ISMP)**
- Pengurusan Banjir Bersepadu **(IFM)**

### PRINSIP-PRINSIP DASAR

**P1:** **Jaminan Sumber Air**

Sumber air perlu dijamin untuk memastikan kebolehdapatannya bagi memenuhi keperluan dan permintaan manusia dan alam, dengan mengoptimumkan potensinya dan meminimumkan impak yang merosakkan.

**P2:** **Kelestarian Sumber Air**

Sumber air adalah pemangkin kepada kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan negara.

**P3:** **Tadbir Urus Kolaboratif**

Keterangkuman dan kolaborasi pihak berkepentingan adalah perlu ke arah memastikan jaminan dan kelestarian sumber air, seterusnya pencapaian matlamat bersama bagi menangani pelbagai perkara dan keutamaan tadbir urus sumber air.


**Jadual 2.12: Fokus Utama, Teras dan Sasaran DSAN**

| FOKUS UTAMA | TERAS | SASARAN & STRATEGI |
|---|---|---|
| **FOKUS UTAMA 1: Jaminan Sumber Air** | **TERAS 1:** Maklumat dan Risikan Sumber Air | **SASARAN 1:** Membangun Sistem Maklumat Komprehensif Sumber Air<br><br>**SASARAN 2:** Memperkasa Kerangka Pangkalan Data<br><br>**SASARAN 3:** Menyeragamkan Pelbagai Proses Dan Kaedah Saintifik Berkaitan Dengan Penilaian Dan Analisis Rupa, Status Dan Keadaan Sumber Air |
| | **TERAS 2:** Integriti Sumber Air | **SASARAN 4:** Tetapkan Piawaian Kebangsaan Bagi Menentukan Nilai Ambang Sumber Air Bagi Melindungi Kebolehdapatan Dan Integriti Jasad Air<br><br>**SASARAN 5:** Mengurangkan Kerentanan Sumber Air Terhadap Impak Dan Ancaman Serta Kukuhkan Adaptibiliti Terhadap Perubahan Ekosistem Dan Fizikal<br><br>**SASARAN 6:** Membangunkan Pelan Pemuliharaan Sumber Air Untuk Kawasan Dan Jasad Sumber Air Yang Strategik, Sensitif Dan Kritikal |
| | **TERAS 3:** Penggunaan Sumber Air Dan Punca-punca Alternatif | **SASARAN 7:** Optimumkan Opsyen Penggunaan Sumber Air Yang Pelbagai Jenis Secara Alternatif, Konjungtif Atau Berdampingan Untuk Mengurangkan Tekanan Ke Atas Sumber Sedia Ada |
| | **TERAS 4:** Pengurangan Risiko Bencana Berkaitan Air, Kesiapsiagaan Dan Respons | **SASARAN 8:** Mengguna Pakai Pelan Pengurangan Risiko, Kesiapsiagaan Dan Tindak Balas Bencana Negara Untuk Memperkenalkan Langkah Bagi Kesiapsiagaan Dan Respons, Serta Pengurangan Risiko Dan Ancaman Bencana Daripada Dan Kepada Sumber Air |

**Sambungan...**

| FOKUS UTAMA | TERAS | SASARAN & STRATEGI |
|---|---|---|
| **FOKUS UTAMA 2: Kelestarian Sumber Air** | **TERAS 5:** Kriteria Bagi Pencirian Sumber Air | **SASARAN 9:** Mengguna Pakai Kriteria Kebangsaan Bagi Pencirian Dan Piawaian Sumber Air |
| | **TERAS 6:** Pemuliharaan Dan Perlindungan Sumber Dan Jasad Air Semula Jadi Dan Buatan | **SASARAN 10:** Menentukan Keutamaan Penggunaan Sumber Air, Khususnya Pada Masa Krisis Atau Ancaman<br><br>**SASARAN 11:** Melindungi Rupa Dan Keadaan Sumber Air, Kawasan Tadahan Dan Jasad Air<br><br>**SASARAN 12:** Mengguna Pakai Langkah-langkah Ekonomi Untuk Menilai Sumber Air<br><br>**SASARAN 13:** Mengguna Pakai Langkah-Langkah Untuk Menentukan Kualiti Dan Perolehan Air Yang Optimum<br><br>**SASARAN 14:** Mengguna Pakai Langkah-Langkah Untuk Melaksana Pengurusan Permintaan Air Di Seluruh Negara |
| **FOKUS UTAMA 3: Perkongsian** | **TERAS 7:** Keterangkuman Dan Keterlibatan Pihak Berkepentingan | **SASARAN 15:** Mewujudkan Mekanisme Perundingan Rasmi Dan Tidak Rasmi Berkaitan Sumber Air |
| | **TERAS 8:** Perkongsian Tadbir Urus Sumber Air | **SASARAN 16:** Membangun Kerangka Untuk Kolaborasi Pihak Berkepentingan Di Dalam Tadbir Urus Sumber Air |
| **FOKUS UTAMA 4: Pembinaan Keupayaan Dan Kesedaran** | **TERAS 9:** Pembinaan Keupayaan Dan Kesedaran | **SASARAN 17:** Membina Keupayaan Pihak-Pihak Berkepentingan Utama<br><br>**SASARAN 18:** Mempertingkatkan Kefahaman Dan Kesedaran Terhadap Kepentingan Jaminan Dan Kelestarian Sumber Air |

## I. DASAR MINERAL NEGARA KEDUA (DMN2)




Dasar Mineral Negara 2 (DMN2) dirangka khusus untuk memberi fokus dan penekanan terhadap pembangunan yang mampan dan penggunaan sumber mineral secara optima iaitu dengan mempromosikan penerajuan terhadap alam sekitar, mempertingkatkan daya saing dan kemajuan sektor mineral di arena global, mempromosikan penggunaan mineral tempatan, memajukan penghasilan produk-produk mineral, menggalakkan perolehan, kitar-semula dan penggunaan semula logam dan mineral.


**Jadual 2.13: Matlamat dan Objektif DMN 2**

| MATLAMAT | OBJEKTIF DMN2 |
|---|---|
| Asas rujukan DMN2 kepada penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) adalah bertujuan untuk mempertingkatkan sumbangan sektor mineral terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pembangunan sumber mineral yang efisien, bertanggungjawab dan mampan di samping penggunaan sumber mineral secara optima. | Untuk memastikan pembangunan yang mampan dan penggunaan sumber-sumber mineral secara optima; |
| | Untuk mempromosikan penerajuan terhadap alam sekitar bagi memastikan sumber mineral negara dibangunkan secara mesra alam sekitar, bertanggungjawab dan mampan; |
| | Untuk mempertingkatkan daya saing dan kemajuan sektor mineral di arena global ; |
| | Untuk memastikan penggunaan mineral tempatan dan mempromosikan lagi pembangunan produk berasaskan mineral ; dan |
| | Untuk menggalakkan perolehan, kitar semula dan guna semula logam dan mineral. |

### KEPENTINGAN DASAR

Kepentingan DMN2 kepada penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) adalah berkait rapat dengan inisiatif pembangunan mampan, kemakmuran ekonomi & kemajuan sosial di samping penekanan terhadap aspek penerajuan alam sekitar yang dapat menjamin persekitaran yang indah, pembangunan moden serta sebagai penjana ekonomi bagi Daerah Rompin.

## J. DASAR PELANCONGAN NEGARA 2020 - 2030




Dasar Pelancongan Negara 2020 - 2030 ini adalah bertujuan untuk menjamin kelangsungan industri pelancongan negara serta menjadikan Malaysia kembali sebagai destinasi pelancongan terpilih utama di peringkat global.

**Pembangunan Industri Pelancongan Yang Berasaskan Teknologi Digital**

Bagi menggalakkan pelaburan pelancongan yang berpusatkan teknologi, Malaysia akan mewujudkan zon pelaburan untuk projek pelancongan atau ***Special Tourism Investment Zones.***

**MATLAMAT**

**"Menggubal Dasar Pelancongan Negara berdasarkan prinsip kelestarian daya saing dan keterangkuman untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terbaik global dalam aspek ketibaan dan perbelanjaan pelancong".**

Selaras dengan Hala Tuju Strategik, **6 Strategi Transformasi** telah dirangka bagi memacu perubahan transformatif. Strategi ini disokong oleh 22 Tindakan Strategik dan 32 Taktik

- **Transformasi tadbir urus**
- **Mewujudkan zon pelabuhan bagi projek pelancongan yang inklusif**
- **Mempergiat digitalisasi pelancongan**
- **Memperkaya pengalaman dan kepuasan pelancong**
- **Memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari**
- **Meningkatkan kapasiti modal insan dalam semua sub-sektor pelancongan**

## K. KAJIAN PERANCANGAN GUNA TANAH KAWASAN SUMBER MAKANAN NEGARA (KAGUMN)



Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) adalah bertujuan bagi memastikan kestabilan bekalan makanan di peringkat isi rumah secara tetap dan berterusan sepanjang tahun dan dalam jangka masa panjang.

Keperluan kajian ini juga disediakan bagi membentuk strategi yang jelas dalam merangka pelan guna tanah pertanian yang berkesan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang inklusif bagi aktiviti sumber makanan negara.

### KEPENTINGAN

1. Merujuk kepada Peta Kawasan Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara, Daerah Rompin mempunyai kawasan yang berpotensi bagi **Kawasan Tanaman Padi** dan **Zon Industri Akuakultur**.


2. Anggaran keluasan bagi kawasan tanaman padi di Daerah Rompin adalah sekitar 5,326 hektar. Selain daripada Daerah Rompin, Daerah Pekan juga merupakan antara kawasan yang berpotensi bagi tanaman ini dengan anggaran keluasan 6,017 hektar. Kedua-dua kawasan di Daerah ini berpotensi dijadikan sebagai jelapang padi yang dapat meningkatkan penghasilan beras negara dan ekonomi Negeri Pahang.

3. Bagi Zon Industri Akuakultur pula, Daerah Rompin juga telah dikenalpasti sebagai salah satu Daerah yang berpotensi dalam pembangunan taman akuakultur dan penternakan udang galah berskala besar yang akan memberi fokus kepada penghasilan udang galah (*Macrobachium Rosenbergii*) serta ternakan air tawar yang bernilai tinggi di pasaran tempatan dan global.



*Kawasan Penternakan (Zon Akuakultur)*

**Rajah 2.17: Pelan Kawasan Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara**




### PETUNJUK


- Kawasan Tanaman Padi
- Kawasan Lain-lain Tanaman
- Kawasan Ternakan (Padang Ragut)
- Zon Akuakultur
- Sempadan Daerah Rompin

### KAWASAN SUMBER MAKANAN NEGARA:

- **Kawasan jelapang padi dan luar jelapang padi**
- Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
- **Kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA)**
- Kawasan ternakan (padang ragut)
- Kawasan sumber makanan lain yang dikenalpasti di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

*Sumber: Laporan Awam Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (Jun 2021)*

## L. PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (CFS) 2021 – JILID 2 (PEMELIHARAAN CFS DAN RANGKAIAN EKOLOGI NEGERI PAHANG)




Pelan Induk Rangkaian Ekologi Forest Spine (PIRECFS) 2022 merupakan suatu inisiatif untuk menghubungkan, mengekalkan dan memelihara serta memulihara kawasan-kawasan hutan di Semenanjung Malaysia agar wujud satu rangkaian fizikal hutan yang bersambung di seluruh kawasan CFS.

***Central Forest Spine* (CFS)** adalah gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal, Hutan Tanah Kerajaan, Taman Negara, Taman Negeri, Rizab Hidupan Liar dan sebahagian tanah pertanian serta kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Semenanjung Malaysia.

### RANGKAIAN EKOLOGI NEGERI PAHANG YANG MELIBATKAN DAERAH ROMPIN

**KEPENTINGAN KAWASAN CFS**

Kawasan CFS menjadi habitat kepada pelbagai spesis tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar (*terrestrial* dan akuatik)

Mempunyai sumber asli yang amat bernilai tinggi serta dikekalkan dan dipelihara bagi memastikan kemampanan dan kesejahteraan alam sejagat secara keseluruhan.

Berperanan sebagai kawasan hutan tadahan untuk membekalkan sumber air mentah dan oksigen, mengawal hakisan tanah dan bencana alam, menstabilkan suhu di permukaan bumi dan menyeimbangkan ekosistem.

Berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) 2021 Jilid 2, **Hutan Simpan Ibam (Rompin), Hutan Simpan Kedondong. Hutan Simpan Pekan** dan **Hutan Simpan Nenasi** berada di dalam **Rangkaian Ekologi C-PL5 (CFS2-PL5).** Kawasan hutan simpan yang terlibat adalah terletak di dalam Daerah Pekan dan Rompin.





*Keadaan Sg. Rompin di FT12 (Lebuhraya Segamat – Kuantan) yang merentangi Rangkaian Ekologi ini.*

### RUMUSAN CADANGAN PEMELIHARAAN RANGKAIAN EKOLOGI C-PL5

Berikut merupakan rumusan cadangan pemeliharaan merujuk kepada pelan induk yang telah disediakan bagi Daerah **Rompin** dan Pekan:


- Memohon pewartaan HTK di dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi
- Memasang papan tanda CFS dan hidupan liar bersama *flashing amberlight* dan kawalan kelajuan seperti *tranverse bar/speedbreaker*
- Menjalankan usaha pelepasan benih ikan di Sungai Bebar dan sekitar Rangkaian Ekologi
- Cadangan santuari ikan di Sungai Bebar
- Menyelesaikan isu *Human Wildlife Conflict* (HWT) (*cadangan yang terlibat bagi Daerah Rompin*)
- Mengawal pembesaran kawasan pembangunan sama ada pertanian atau tepu bina ke kawasan hutan simpan
- Pembangunan pertanian yang mampan serta mesra biodiversiti
- Memulihara spesis terancam (Merawan Penak, Resak Laru, Meranti Paya)








*Pelbagai aktiviti pertanian di sepanjang FT12 (Lebuhraya Segamat - Kuantan) di dalam / berhampiran Rangkaian Ekologi ini.*

**Rajah 2.18: Pelan Lokasi Cadangan Pemeliharaan Ekologi C-PL5 ( HS Ibam (Rompin) – HS Kedondong, HS Pekan – HS Nenasi)**




*Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 – Jilid 2*

## M. PELAN INDUK ECER 2.0




Pelan Induk ECER 2.0 berperanan sebagai panduan utama dalam meneruskan kesinambungan pembangunan sosio-ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur sehingga tahun 2025 dan seterusnya.

Pembangunan ECER akan beralih kepada sebuah model yang dipacu oleh produktiviti, dengan penekanan terhadap pelaburan bernilai tambah tinggi dan berteraskan teknologi intensif.

Pelan Induk ECER 2.0 (2018-2025) dirangka bagi memastikan Wilayah ECER terus membangun dan beradaptasi terhadap cabaran dan perkembangan masa hadapan.

### 6 INISIATIF STRATEGIK

| | |
|---|---|
| **Infrastruktur jalur lebar ICT perlu diberi perhatian bagi melaksanakan digitalisasi dan Industri 4.0** | • Menambahbaik Sistem Pendigitalan |
| **Memanfaatkan nod-nod pertumbuhan dan pembangunan kesalinghubungan untuk memacu pembangunan** | • Memanfaatkan Kesalinghubungan |
| **Menangani isu kadar penyertaan yang rendah di kalangan belia dan wanita dalam tenaga kerja** | • Menggerakkan Tenaga Kerja |
| **Meningkatkan aktiviti bernilai tinggi, kemahiran pekerja dan kemasukan pekerja berpengetahuan** | • Meningkatkan Produktiviti Pekerja |
| **Menggunakan analisis perdampingan (*adjacency analysis*) bagi mengenal pasti pemacu pertumbuhan baharu di seluruh kluster ekonomi** | • Mempelbagaikan Asas Ekonomi |
| **Menggalakkan/ membangunkan perusahaan berskala besar dengan keupayaan untuk bersaing dalam pasaran global** | • Memudahcara Ekonomi Skala |

## 6 PEMACU UTAMA

### PEMBUATAN

- Keseluruhan rantaian nilai dan bekalan
- Taman-taman industri bertema

### PERNIAGAAN TANI

- Model syarikat induk
- Peladang-peladang kontrak & satelit

### MINYAK, GAS & PETROKIMIA

- Kompleks-kompleks petrokimia bersepadu
- Industri-industri tambah nilai hiliran

### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Program-program akademik, peningkatan kemahiran & keusahawanan yang inklusif
- Penglibatan wanita & belia
- Pemerkasaan bumiputera

### PELANCONGAN

- Ekopelancongan, pelancongan bandar & pesisir pantai
- Produk-produk pelancongan kesenian, budaya dan warisan

### LOGISTIK DAN PERKHIDMATAN

- Pergerakan barangan & perkhidmatan yang efisien untuk mengurangkan kos & tempoh perjalanan
- Integrasi bandar-luar bandar

ECER akan memainkan peranan sebagai Gerbang ke Asia Pasifik melalui pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi, antaranya **perluasan Pelabuhan Kuantan menjadi pelabuhan laut dalam** dan **pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)** yang akan menjadikannya sebagai destinasi ideal untuk para pelabur dari dalam dan luar negara.

Pembangunan yang bakal dilaksanakan di **Rompin** dan **Muadzam Shah** akan tertumpu kepada sektor **perniagaan tani** dan **agropelancongan di Taman Negeri Rompin**. Kawasan berperanan sebagai **gerbang pelancongan ke Pulau Tioman**


1. **Lebuhraya Pantai Timur 4 (LPT4):** (Menghubungkan Kuantan – Pekan – Rompin – Mersing – Johor Bahru/ Pengerang)
2. **Koridor Pelancongan Muadzam – Rompin – Tioman**
3. **Taman Negeri Rompin** Gabungan Daerah Rompin, Mersing dan Segamat

**NOD 4: Kawasan Pembangunan Utama bagi Daerah Rompin - Mersing**

**KDA Mersing-Rompin**

Projek-projek **pertanian** dan **ekopelancongan** memainkan peranan penting dalam pembangunan Nod 4 yang bermula dari Rompin di Pahang ke Mersing di Johor. Antara projek-projek utama di Nod 4 ialah **Ladang Nanas Bersepadu Rompin (RIPP), Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah (MSCRIC), Lembah Tenusu di Jamaluang, Taman Negeri Endau** dan pembangunan Pelancongan Pulau di pesisir pantai Mersing.

**Rajah 2.19: Pelan Induk ECER – Pelan Pembangunan Mampan dan Seimbang**




**Projek & Program ECER (2018-2025) di Daerah Rompin dan daerah bersempadan**

1. **Rompin:**
   A. Ladang Nanas Bersepadu Rompin (RIPP)
   B. Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah (MSCRIC)
   C. Taman Negeri Rompin
   *D. Empower* ECER dan *entrepreneur* ECER
   E. Program Pekerkasaan Graduan ECER (ETEP)

2. **Maran:**
   A. Taman Bio Aromatik Pahang
   *B. Empower* ECER dan *entrepreneur* ECER
   C. Program Pemerkasaan Graduan ECER (ETEP)

3. **Bera:**
   *A. Empower* ECER dan *entrepreneur* ECER
   B. Program Pemerkasaan Graduan ECER (ETEP)

**Rajah 2.20: Pelan Induk ECER – Strategi Pembangunan Pahang**



## N. GARIS PANDUAN BANDAR BERDAYA TAHAN BENCANA





Garis Panduan Perancangan (GPP) Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia *(Disaster Resilient City)* merupakan satu dokumen rujukan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam megenalpasti tahap kekentalan bandar-bandar di kawasan PBT.


GPP ini menumpukan kepada lima jenis bencana semulajadi (bencana geologi atau hidrologi) yang boleh mengakibatkan kerugian dan kerosakan harta benda. Pemilihan jenis bencana garis panduan ini adalah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara KE-3 (RFN3)




1. **Kedudukan mukabumi berpaya dan mudah banjir;**
2. Kebocoran ekonomi setempat;
3. **Hakisan pantai yang menjejaskan daya tarikan dan aktiviti utama pelancongan;**
4. Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang masih kurang memuaskan;
5. Perlindungan kawasan tadahan air di kawasan sensitif alam sekitar;
6. Hubungan yang lemah di antara kawasan pantai dan kawasan pedalaman melibatkan perhubungan yang kurang menyeluruh;
7. Asas ekonomi tempatan yang kurang berdaya saing;
8. Perletakan Daerah Rompin jauh dari kawasan yang telah maju;
9. Pusat bandar dan penempatan kawasan-kawasan tinggalan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) yang tidak diselenggara dengan baik; dan
10. Keperluan perkhidmatan air bersih yang terhad.

## O. *LOW CARBON CITIES FRAMEWORK ASSESSMENT*




Low Carbon Cities Framework (LCCF) merupakan rangka kerja dan sistem penilaian kebangsaan untuk membimbing dan menilai perkembangan bandar dan menyokong perkembangan lestari yang holistik di Malaysia.

Bandar Rendah Karbon merupakan sebuah bandar yang mampu menyediakan pembangunan asas dalam bandar tanpa menjejaskan keperluan rakyatnya dan pada masa yang sama dapat mengawal tahap pelepasan gas rumah hijau (GHG) di bawah purata global.

Terdapat 15 kriteria prestasi dan 41 sub-kriteria yang akan menyumbang ke arah sasaran pengurangan karbon. Berikut menunjukkan ringkasan kriteria prestasi dan sub kriteria dalam LCCF.

| 4 ELEMEN | 15 KRITERIA PRESTASI | 41 SUB-KRITERIA |
|---|---|---|
| **Persekitaran Bandar (UE)** | **3** Kriteria Prestasi | **14** Sub-Kriteria |
| **Pengangkutan Bandar (UT)** | **6** Kriteria Prestasi | **11** Sub-Kriteria |
| **Infrastruktur Bandar (UI)** | **4** Kriteria Prestasi | **10** Sub-Kriteria |
| **Bangunan (B)** | **2** Kriteria Prestasi | **6** Sub-Kriteria |

**Semua Bandar di Malaysia**

1. Pihak berkuasa Tempatan
2. Pemaju
3. Universiti

LCCF

**SASARAN:**

LCCF dibangunkan dengan sasaran untuk turut menyumbang kepada pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45% per KDNK per kapita menjelang tahun 2030 (secara tidak langsung).

## 2.3.4 DASAR PERINGKAT NEGERI

### A. RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG 2050




**Wawasan Pembangunan**

**"PAHANG CEMERLANG 2050
SPATIAL, MAJU, SEJAHTERA, LESTARI"**

Empat (4) aspek utama menjadi teras kepada wawasan kecemerlangan tersebut iaitu SPATIAL, MAJU, SEJAHTERA dan LESTARI. Ia menterjemah aspirasi Kerajaan Negeri dalam membangunkan Negeri Pahang iaitu:

**SPATIAL SEIMBANG**

1. Aspek spatial adalah melibatkan perancangan dan penggunaan ruang secara efisien dan bersepadu.
2. Keseimbangan spatial perlu dititikberatkan memandangkan tumpuan pembangunan yang ketara di Daerah Kuantan. Bandaraya Kuantan dengan fungsi sebagai konurbasi timur akan terus digalakkan berkembang maju sebagai katalis dan pusat pembangunan negeri.
3. Pembangunan di kawasan petempatan di setiap daerah akan juga digalakkan terutama berasaskan sumber tempatan bertujuan mewujudkan keseimbangan pembangunan spatial negeri.

**MAJU**

1. Kemajuan terutama dalam aspek ekonomi yang menekankan pertumbuhan yang stabil dan seimbang dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk.
2. Memastikan Negeri Pahang terus membangun dan mencapai status negeri maju pada atau sebelum tahun 2030.
3. Kestabilan ekonomi yang berdaya tahan terhadap kesan ekonomi global.


**SEJAHTERA**

1. Kemajuan Negeri Pahang dengan berteraskan kesejahteraan rakyat sama ada di bandar atau luar bandar.
2. Pembangunan komuniti menyeluruh dan inklusif (persekitaran berdaya huni dan penyertaan penduduk).
3. Peningkatan kualiti hidup rakyat dengan keberkesanan kemudahan infrastruktur perumahan dan kemudahan sosial (pendidikan/kesihatan/keselamatan), hak kemanusiaan dan pengekalan kebudayaan.

**LESTARI**

1. Pembangunan lestari memerlukan keseimbangan di antara pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan perlindungan alam sekitar.
2. Menekankan khazanah alam sekitar semula jadi Negeri Pahang adalah milik bersama negara dan memerlukan perkongsian tanggungjawab (dari sudut pengurusan, pemeliharaan, dan pemuliharaan khazanah).
3. Perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar, habitat dan kawasan KSAS (sumber terhad) serta daya tahan terhadap perubahan iklim.

**Rajah 2.21: Pelan Strategik Pembangunan Spatial Daerah Rompin**




**PETUNJUK**

- Bandar Utama
- Bandar Tempatan/ Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil/ Pusat Petempatan Desa
- Kampung
- Pusat Katalis

**Guna Tanah Utama**

- Kawasan Tepu Bina
- Kawasan Pembangunan Utama (Zoning RTD)
- Kawasan Hutan
- Hutan Simpan Kekal
- Kawasan Pertanian
- Koridor Pembangunan

**Kawasan Pembangunan Terkawal**

- Kawasan Pengekalan Padi
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan
- Kawasan Pemeliharaan Biodiversiti
- Kawasan dan Zon Akuakultur
- Zon Perlindungan Pesisir Utama
- Nodus Pelancongan Utama
- Nodus Pelancongan

**Pemuliharaan Warisan & KSAS**

- *Central Forest Spine*
- Kawasan Berkepentingan Burung (Margastua)
- Kawasan Pendaratan Penyu
- Kawasan Terumbu Karang

**Pengangkutan dan Infrastruktur**

- Cadangan Lebuh Raya Bersepadu Seremban – Pekan & Simpang Pertang – Karak
- Lapangan Terbang

**Lain-lain**

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Jalanraya Utama
- Sungai
- Laut

*Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050*

## 1) PROFIL DAERAH ROMPIN

Berikut merupakan profil **Daerah Rompin** berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050.


**Jadual 2.14: Profil Daerah Rompin**

| BANDAR PELANCONGAN ANTARABANGSA | | |
|---|---|---|
| **Keluasan** | | 524,733.00 hektar |
| **Penduduk** | | **Unjuran penduduk**<br>2010 : 109,848<br>2020 : 124,789<br>2030 : 128,411 |
| | **Bandar Wilayah** | Kuantan |
| **Hierarki Petempatan** | **Bandar Utama** | Bandar Kuala Rompin |
| | **Bandar Tempatan/ Pusat Petempatan Utama** | Muadzam Shah, Bukit Ibam, Bandar Tun Razak, Teluk Gading, Kampung Tekek |
| | **Pusat Petempatan Kecil/ Pusat Petempatan Desa** | Perantau Damai, Kedaik, Leban Chondong, Berabung, Kampung Janglau, Melati, Kota Bahagia, Kota Shahbandar, Pekoti Timur, Chanis, Cenderawasih, Pewira Jaya, Selancar, Sepayang, Kampung Parit Raja, Kampung Genting, Kampung Juara, Kampung Mukut |

*Sumber : Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050*

## 2) SENARAI CADANGAN YANG BERKAITAN DENGAN DAERAH ROMPIN BERDASARKAN RSN PAHANG 2050

Terdapat **4 teras utama**, **11 sektor** dan **62 cadangan** yang mendokong wawasan pembangunan Negeri Pahang.




**Jadual 2.15: Senarai Cadangan Daerah Rompin**

| TERAS 1: SPATIAL | |
|---|---|
| **Guna Tanah dan Petempatan** | 1. Cadangan menjalankan kajian-kajian seperti berikut:<br>A. RKK Koridor Pesisiran Pantai (bersama Daerah Pekan dan Kuantan) |

**Sambungan...**

| TERAS 1: SPATIAL | |
|---|---|
| **Guna Tanah dan Petempatan** | B. RKK KSAS dan Pelancongan Pulau Tioman/ Antarabangsa Daerah Rompin (termasuk *Asean Heritage Park* Endau Rompin)<br>C. RKK Pembangunan Pertanian (Jaminan Makanan dan *Food Sovereignty* Pahang) Daerah Rompin, Pekan, Raub, Bentong dan Cameron Highlands<br>D. RKK Teluk Gading, Rompin Pahang (integrasi dengan Pekan Endau)<br>2. Pembangunan Infill, pembangunan *brownfield* dan **pembaharuan bandar secara lestari di Bandar Kuala Rompin dan Muadzam Shah**<br>**3. Tumpuan pembangunan kawasan Koridor** Kuala Rompin – Teluk Gading dan Koridor Muadzam Shah – Simpang Chini<br>4. Penerusan pengukuhan *branding* daerah dan Bandar Rompin sebagai **kawasan pelancongan antarabangsa dan kawasan udang galah** |
| **Pengangkutan** | 1. Membina hab terminal pengangkutan awam bersepadu Konurbasi Wilayah Timur di Kuala Rompin, Teluk Gading dan Muadzam Shah<br>2. Alternatif pengangkutan udara ke Pulau Tioman<br>3. Mengkelaskan setiap pelabuhan di Negeri Pahang dengan fungsi utamanya serta perincian peranan Jeti Teluk Gading - Pelancongan<br>4. Penyediaan Pelan Induk Laluan Basikal dan Laluan Pejalan Kaki di kawasan pusat bandar dan kawasan pelancongan di Kuala Rompin, Kepulauan Tioman, Teluk Gading dan Muadzam Shah |
| **Infrastruktur** | 1. Penyediaan Pelan Induk Sistem Saliran di Kuala Rompin<br>2. Sistem amaran tsunami di Rompin<br>3. Mewartakan sungai, riparian dan anak sungai utama sebagai zon perlindungan badan air (Sungai Rompin, Sungai Pontian, Sungai Anak Endau) terutama tadahan Empangan Pontian/Sepayang<br>4. Cadangan pencawang masuk utama dan cadangan menaik taraf talian rentis<br>5. Penyediaan laluan elektrik bawah tanah *(Common Trenching System)*<br>6. Pemasangan panel solar<br>7. Sistem rawatan kumbahan berpusat (STP) di bandar tempatan dan pusat petempatan utama<br>8. Menyediakan Pelan Induk Pembetungan<br>9. Tapak bagi cadangan loji rawatan kumbahan baharu di Pulau Tioman, Pontian dan Keratong<br>10. Pelaksanaan kemudahan tapak pelupusan dengan penggunaan *Material Recovery Facilities (MRF)* melalui konsep *Waste To Energy* di Pulau Tioman, Pontian dan Keratong<br>11. Kemudahan rangkaian telekomunikasi dan jalur lebar kelajuan tinggi (HSBB) |

**Sambungan…**

| TERAS 2: MAJU | |
|---|---|
| **Pertanian** | 1. Pengukuhan dan mengkomersialkan Kawasan Jelapang Padi Rompin dan luar jelapang - IADA Rompin<br>2. Pengukuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di TKPM Janglau, TKPM Sepayang, TKPM Muadzam Shah<br>3. Pengekalan kawasan pertanian bagi pemerkasaan sebagai Pertanian Makanan dan Jaminan Makanan Negara<br>4. Pengukuhan dan pemerkasaan Kawasan Ternakan Lembu (Tenusu) - Muadzam Shah dan Rompin<br>5. Pewartaan dan pelaksanaan Kawasan Ternakan (padang ragut) - Muadzam Shah<br>6. Memacu dan mengembangkan sektor penternakan supaya dapat dikomersialkan dengan industri hiliran dan lain-lain<br>7. Memperkasakan aktiviti penternakan terutama kambing, lembu dan biri-biri untuk tujuan tempatan dan eksport di Rompin<br>8. Meningkatkan hasil keluaran dan melaksanakan inovasi tanaman getah terutama pekebun kecil<br>9. Pengamalan bioteknologi pertanian<br>10. Pengeluaran komersial ekstrak herba terpiawai<br>11. Pengeluaran komersial buah-buahan<br>12. Pengukuhan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Kg. Ayau, Kg. Buah Keras, Kg. Sabak Feri, Kg. Kedaik dan Kg. Selendang, Rompin; Pulau Tioman; Kg. Kuala Sungai, Pontian dan lain-lain Kawasan baharu berpotensi<br>13. Mengamalkan mikro pembiakan pokok balak nilai tinggi<br>14. Mensasarkan peningkatan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran<br>15. Pembangunan Projek Tanaman Nanas Bersepadu<br>16. Peningkatan produktiviti tanaman komoditi utama |
| **Pelancongan** | 1. Menyokong cadangan naik taraf Taman Negeri Rompin kepada *Asean Heritage Park* dan Taman Negara<br>2. Pengukuhan pelancongan semula jadi di Taman Negeri Rompin<br>3. Kawasan Hutan Taman Negeri Rompin perlu dipelihara dan diuruskan secara lestari dan berkonsepkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)<br>4. Memperkukuhkan dan mengembalikan imej Pulau Tioman sebagai 10 pulau terindah dengan Pengurusan KSAS dan pelancongan mampan<br>5. Taman Laut Negara di perairan Pulau Tioman dikawal dan dipelihara secara lestari<br>6. Mempelbagaikan aktiviti *experiential tourism* seperti Program Homestay di Leban Chondong dan Muadzam Shah, Rompin<br>7. Pemerkasaan dan pengurusan pelancongan sokongan seperti udang galah dan memancing (*Royal Pahang Billfish International Challenge*) |
| **Perlombongan** | 1. Perlombongan bijih besi di Bukit Ibam |

**Sambungan…**

| TERAS 2: MAJU | |
|---|---|
| **Industri** | 1. Kluster Industri Berimpak Tinggi dan Pusat Katalis - Muadzam Shah<br>2. Konsep Kluster Industri Negeri Pahang, PKNP di Kluster Sarang Burung Walit – Rompin<br>3. Kluster Seramik - Muadzam Shah<br>4. Kluster berasaskan sumber dan IKS<br>5. Kluster elektrik dan elektronik<br>6. Kluster pemprosesan makanan |

| TERAS 3: SEJAHTERA | |
|---|---|
| **Perumahan** | 1. Unjuran perumahan (Unit)<br>✓2020 : 26,161<br>✓2030 : 26,921<br>✓2040 : 30,097<br>✓2045 : 30,990<br>✓2050 : 32,332 |
| **Kemudahan** | 1. Penyediaan kemudahan masyarakat yang berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk<br>2. Penyediaan Institusi Pengajian Tinggi<br>3. Hospital Besar<br>4. UTC<br>5. RTC<br>6. Unjuran kemudahan (unit)<br>✓Sekolah Menengah : 21<br>✓Sekolah Rendah : 51<br>✓Hospital : 2<br>✓Klinik Kesihatan : 9<br>✓Balai Polis : 8<br>✓Pondok Polis : 15<br>✓Balai Bomba : 3 |
| **Rekreasi dan Sukan** | 1. 2 unit taman bandaran dan 3 unit taman tempatan |

| TERAS 4: LESTARI | |
|---|---|
| **Alam Sekitar** | 1. Pewartaan Taman Negeri Rompin sebagai *Asean Heritage Park*<br>2. Pemeliharaan dan pengurusan Rizab Hidupan Liar Tioman Penguatkuasaan Taman Laut Tioman dan pewartaan menyeluruh gugusan Kepulauan Tioman<br>3. Pengukuhan pemuliharaan biodiversiti (Pulau Tioman, kawasan bakau sungai-sungai Rompin dan Taman Negeri Rompin)<br>4. Mempertingkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan asset ekologi Negeri Pahang terutama baik pulih dan pewartaan semula hutan tadahan air di Kawasan Empangan Pontian/Sepayang<br>5. Pelaksanaan Cadangan Pelan Pengurusan Pesisir Pantai Bersepadu (ISMP) |

### 3) SENARAI CADANGAN JALAN DAN PRODUK PELANCONGAN DAN WARISAN

Terdapat **3 sektor utama** yang melibatkan **24 cadangan** keseluruhan berdasarkan sektor jalan, produk pelancongan dan warisan bagi Daerah Rompin. Berikut merupakan cadangan-cadangan yang telah dikenalpasti:

**9 Cadangan Jalan Baharu dan Naik Taraf Jalan**

1. Naik Taraf Jalan Pekan – Nenasi – Endau, Rompin (FT03) (dalam pembinaan)
2. Naik Taraf Jalan Persekutuan 11 (Bahau – Keratong - Rompin)
3. Naik Taraf Jalan Kg. Tekek ke Kg. Juara, Pulau Tioman
4. Cadangan Jalan Pesisiran Pantai (Kuala Pontian – Teluk Gading, Rompin)
5. Naik Taraf Jalan Persekutuan 63 (Muadzam Shah – Leban Chondong)
6. Cadangan Jalan Muadzam Shah - Chenor
7. Cadangan Jalan Pintasan Pusat Bandar Rompin
8. Cadangan Jalan baharu Felda Selancar - Felda Selendang
9. Cadangan Jalan baharu Ibam - Felda Chini

**13 Produk Pelancongan**

1. Bukit Ibam
2. Gunung Kajang
3. Hutan Simpan Menchali
4. Taman Negeri Rompin
5. Pulau Tioman
6. Pantai Hiburan
7. Pantai Lanjut
8. Kampung Orang Asli Jakun (Kg. Deraman Batu 3)
9. *Royal Pahang Billfish International Challenge*
10. Nanas
11. Susu Lembu (Muadzam Shah)
12. Jagung Kg. Janglau
13. Udang Galah

**2 Inventori Bangunan Warisan**

1. Masjid Leban Chondong
2. Kampung Juara, Pulau Tioman

Pelbagai projek berimpak tinggi yang dicadangkan di dalam RSN Pahang 2050 bagi Daerah Rompin dan cadangan ini sangat komprehensif dan perlu diambil kira dalam Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian).

### B. GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN SEMPADAN HIJAU NEGERI PAHANG

Merujuk kepada pekeliling YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Bilangan 5 Tahun 2022, **Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Sempadan Hijau Negeri Pahang** merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempata (PBT) Negeri Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Pahang dan Jabatan / Agensi Teknikal di Negeri Pahang berhubung **pembangunan lestari** mengikut konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus di atas tanah kerajaan serta tanah milik yang berada dalam jajaran 500 meter dari sempadan Negeri Pahang.

## KAEDAH PELAKSANAAN

1. Tanah Kerajaan yang terletak di kawasan sempadan Negeri Pahang iaitu:

a) Daerah Lipis – sempadan Negeri Kelantan
b) Daerah Raub – sempadan Negeri Selangor
c) Daerah Bentong – sempadan Negeri Selangor
d) Daerah Bera – sempadan Negeri Sembilan; dan
**e) Daerah Rompin – sempadan Negeri Johor**

Diwartakan sebagai hutan simpanan kekal mengikut Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 sepertimana disiarkan dalam Warta Kerajaan Negeri Pahang.

2. Semua permohonan pelupusan tanah kerajaan yang berada dalam jajaran 500 meter dari sempadan negeri hendaklah ditolak ringkas mengikut kaedah 6(e) atau 31(e) Kaedah-Kaedah Tanah Pahang 1992.

3. Semua pegangan termasuk pajakan di atas tanah rizab, Lesen Penduduk Sementara dan Permit yang telah tamat tempoh tidak akan lagi diperbaharui.

**Rajah 2.22: Surat Pekeliling Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Sempadan Hijau Negeri Pahang**



فجايت ستيا وسها كراجاءن ڤهڠ
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
WISMA SRI PAHANG
26503 KUANTAN

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Rujukan Kami : SUK.P-IG 3.100-1/3/1 Jld.2 (31)
Tarikh : 10 November 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB. Dato' Indera / YB. Dato' / YH. Dato' / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG BILANGAN 5 TAHUN 2022
- GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN SEMPADAN HIJAU NEGERI PAHANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB. Dato' Indera / YB. Dato' / YH. Dato' / Tuan / Puan, bersama ini disertakan Pekeliling YB Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 5 Tahun 2022 – Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Sempadan Hijau Negeri Pahang untuk rujukan dan tindakan sewajarnya.

Perhatian dan kerjasama pihak YB. Dato' Indera / YB. Dato' / YH. Dato' / Tuan / Puan, berhubung perkara ini amatlah dihargai dan dicupkan terima kasih.

*"Mudah, Cepat, Teliti"*

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

( NORDEN BIN ZAKARIA )
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kerajaan Tempatan
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Rujukan Kami : SUK.P-IG 3.100-1/3/1 Jld.2 (30)
Tarikh : 10 November 2022

SURAT PEKELILING YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BILANGAN 5 TAHUN 2022

PLANMALAYSIA@PAHANG
DATUK BANDAR KUANTAN
SEMUA YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN/DAERAH
SEMUA PEGAWAI DAERAH
SEMUA JABATAN / AGENSI TEKNIKAL

YH. Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN SEMPADAN HIJAU NEGERI PAHANG


1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Pahang dan Jabatan / Agensi Teknikal di Negeri Pahang berhubung pembangunan secara lestari mengikut konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus di atas tanah Kerajaan serta tanah milik yang berada dalam jajaran 500 meter dari sempadan Negeri Pahang.

## 2.4 PEMBANGUNAN BERSEMPADAN

Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) perlu mengambil kira peranan daerah dan negeri bersempadan. Hal ini bertujuan untuk memastikan pembangunan Daerah Rompin dapat mewujudkan kesan positif antara negeri dan daerah bersempadan agar persaingan dan pertindihan dapat diminimumkan. Negeri bersempadan dengan Daerah Rompin, Pahang adalah Negeri Johor. Daerah bersempadan dengan Daerah Rompin di dalam Negeri Pahang adalah Daerah Pekan, Bera dan Maran manakala daerah bersempadan di dalam konteks Negeri Johor pula adalah terdiri daripada Daerah Mersing dan Daerah Segamat.

**Rajah 2.23: Pelan Negeri dan Daerah Bersempadan Kawasan Daerah Rompin**




### PEMBANGUNAN KAWASAN PERSEMPADANAN

**1 CADANGAN MEMELIHARA LALUAN CFS**
i. Taman Negeri Rompin

**2 NAIK TARAF PEKAN TELUK GADING**
i. Cadangan Rejuvenasi Kawasan Pusat Perdagangan dan Perkhidmatan Teluk Gading
ii. Naik Taraf Kawasan Terminal Penumpang Teluk Gading

**3 NAIK TARAF DAN CADANGAN JALAN UTAMA**
i. Naik taraf Jalan Pekan – Nenasi – Endau, Rompin (FT03)
ii. Naik taraf Jalan Persekutuan 11 (Bahau-Keratong-Rompin)
iii. Cadangan Jalan Kg. Salang ke Kg. Mukut
iv. Cadangan Jalan Persisiran Pantai (Kuala Rompin-Teluk Gading)
v. Cadangan Jalan Muadzam Shah-Chenor.
vi. Cadangan Jalan Pintas Pusat Bandar Rompin

**PEKAN**

Daerah Pekan merupakan daerah keempat terbesar, terletak di bahagian tenggara Negeri Pahang dan ia merangkumi 11 mukim. Dari perspektif makro, Daerah Pekan bersempadan dengan daerah Rompin di bahagian selatan serta bersempadan dengan Laut China Selatan di bahagian timur. Berikutan dengan potensi lokasi perletakkannya, Bandar Pekan - Sungai Miang - Kuala Pahang merupakan sebahagian daripada Konurbasi Timur Negara serta memberi **penekanan kepada pembangunan aktiviti perindustrian** sebagai fokus ekonomi daerah yang utama dan Bandar Pekan berfungsi sebagai Bandar Tempatan dengan karakter utama bandar adalah sebagai **Bandar Diraja.** Trend pembangunan masa depan Bandar Pekan dijangka akan terarah **hab industri, hab perikanan marin dan akuakultur, pelancongan persisiran pantai dan hab makanan laut.**

**BERA**

Daerah Bera adalah terletak di selatan Negeri Pahang dengan anggaran keluasan sebanyak 2,214 kilometer persegi. Bandar Bera telah dipilih untuk dijadikan sebagai pusat pentadbiran daerah manakala Bandar Triang berperanan sebagai pusat komersil. Daerah Bera dibahagikan kepada dua buah mukim iaitu Mukim Bera dan Mukim Triang. Bagi memperkasakan ekonomi di daerah ini, cadangan **mempelbagai dan mengukuhkan aktiviti industri** baru adalah satu inisiatif sebagai usaha untuk **meningkatkan tahap ekonomi penduduk setempat**. Selain itu, daerah ini turut menekankan aspek pelancongan dengan menjalankan promosi produk-produk pelancongan yang terdapat di dalam kawasan rancangan tempatan.

**MARAN**

Daerah Maran merangkumi 7 buah mukim dan terletak di bahagian Barat Laut Daerah Rompin. Daerah ini adalah bersempadan dengan Daerah Bera, Pekan dan Rompin di Selatan, Temerloh di Barat, Jerantut di Utara dan Kuantan di Timur. Dari segi sektor ekonomi, Daerah Maran merupakan daerah yang didominasi dengan aktiviti pertanian di mana tanaman utamanya termasuklah kelapa sawit, getah dan koko. Dalam mewujudkan struktur pembangunan guna tanah yang teratur, cadangan pembangunan di daerah ini adalah **memfokuskan kepada pembangunan yang berasaskan petempatan utama.** Selain itu, Daerah Maran turut mensasarkan inspirasi bagi menjadikannya sebagai sebuah daerah dengan imej perbandaran yang menarik dan sejahtera untuk didiami.

**MERSING**

Bandar Mersing merupakan Bandar utama bagi Daerah Mersing dan merupakan Pusat Wilayah Negeri bagi Negeri Johor. Daerah Mersing merupakan sebuah daerah yang mempunyai keunikan dan keistimewaan alam semula jadi yang pelbagai dan terkenal dengan keindahan kepulauan dan pesisir pantainya sehingga telah diletakkan sebagai **Destinasi Pelancongan Unggul dan Mampan di Negeri Johor** oleh Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Bagi memastikan perancangan yang mampan dapat dicapai, ia telah dikelaskan mengikut hala tuju pembangunan ***Big Moves*** iaitu Mersing sebagai **Destinasi Pelancong**, Bandar Mersing sebgai **Bandar Pelancongan dan Perkhidmatan**, Mersing sebagai **Jaminan Keselamatan Makanan Johor**, Mersing Daerah **Berdaya Tahan** dan Mersing Daerah **Sejahtera dan Lestari.**

**SEGAMAT**

Daerah Segamat merangkumi 11 buah mukim dan terletak di bahagian Utara Negeri Johor. Daerah ini juga bersempadan dengan Daerah Tampin, Negeri Sembilan di bahagian barat laut dan Daerah Rompin, Pahang di bahagian Timur Laut. **Selaras dengan potensi, kekuatan dan kedudukan Daerah Segamat sebagai 'Pintu Masuk Utara Negeri' (*North Gateway*), Daerah Segamat merupakan Katalis Pertumbuhan Wilayah Utara Johor-Hab Pertanian Johor.** Selain itu, Daerah Segamat juga telah ditetapkan sebagai ***Malaysia's Agricultural Powerhouse*** bagi kluster utama yang akan dipromosikan iaitu **Pertanian dan Agropelancongan dan ekopelancongan pembuatan ringan.**

Daerah Rompin mempunyai potensi pusat pelancongan dan kawasan perdagangan yang tersendiri dengan sumber jaya sedia ada seperti pantai peranginan, hutan semula jadi dan sungai yang cantik sebagai aset utama berbanding Daerah Pekan dan Segamat. Kesinambungan di kawasan pelancongan Daerah Mersing akan menyokong kepada pembangunan pelancongan di Daerah Rompin secara bersepadu.

## 2.5 RUMUSAN DASAR PEMBANGUNAN DAN PERANCANGAN DAERAH ROMPIN

Penemuan strategik dasar dan hala tuju Daerah Rompin dari konteks Wilayah, Negeri dan Daerah Bersempadan yang mempengaruhi pembangunan daerah adalah:

### PERINGKAT NASIONAL/ WILAYAH

#### RFN4

1. Bandar Mentakab, Maran, Pekan dan **Kuala Rompin** berpotensi untuk dinaiktaraf kepada **Bandar Utama**
2. Membangunkan **Pusat Agropolitan** Kuala Lipis, Raub dan **Kuala Rompin** sebagai nod pertumbuhan luar bandar.
3. Pengekalan dan perlindungan kawasan jelapang padi **kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin (2,920 hek)**
4. Memperkukuh hubungan jaringan jalan raya antara wilayah melalui cadangan sambungan jalan yang mana salah satunya daripadanya adalah **Lebuh Raya Simpang Pelangi – Muadzam Shah**
5. Menjamin kesinambungan landskap hutan melalui pengekalan kawasan **HSK Bukit Ibam, HSK Lesong, & HSK Taman Negeri Endau**.

#### RPP2

1. 2 UPZP yang mempunyai kawasan biodiversiti tertumpu di **C08 dan C11** iaitu Mukim Rompin dan Pulau Tioman (**Terumbu Karang dan Kawasan Pendaratan Penyu**)
2. **Kerapuhan kawasan persisiran pantai** di sebahagian Daerah Rompin (C08) berada pada **tahap tinggi.**

### PERINGKAT NEGERI

#### RSN PAHANG 2050

1. Menyokong cadangan naik taraf Taman Negeri Rompin kepada ***Asean Heritage Park*** dan Taman Negara
2. **Tumpuan pembangunan kawasan Koridor** Kuala Rompin – Teluk Gading dan Koridor Muadzam Shah – Simpang Chini
3. Penerusan pengukuhan *branding* daerah dan Bandar Rompin sebagai **kawasan pelancongan antarabangsa dan kawasan udang galah**
4. Penyediaan **Pelan Induk Laluan Basikal dan Laluan Pejalan Kaki di kawasan pusat bandar** dan **kawasan pelancongan** di Kuala Rompin, Kepulauan Tioman, Teluk Gading dan Muadzam Shah
5. Memperkukuhkan dan mengembalikan **imej Pulau Tioman sebagai 10 pulau terindah dengan Pengurusan KSAS** dan pelancongan mampan
6. Kluster **Industri Berimpak Tinggi** dan Pusat Katalis - Muadzam Shah
7. Konsep **Kluster Industri Negeri Pahang,** PKNP di Kluster sarang Burung Walit – Rompin

### PERINGKAT DAERAH BERSEMPADAN

#### DAERAH PEKAN, PAHANG

- Daerah Pekan akan menjadi **rangkaian perhubungan** dari Daerah Kota Tinggi, Johor ke Kuantan yang akan melalui Daerah Rompin dan Pekan.

#### DAERAH BERA, PAHANG

- **Mempelbagai** dan **mengukuhkan aktiviti industri baru** bagi meningkatkan tahap ekonomi penduduk setempat

#### DAERAH MARAN, PAHANG

- **Pengukuhan industri kluster** berasaskan sumber dan kayu, elektronik, pemprosesan makanan di Bandar Tun Razak, Jengka dan Maran.

#### DAERAH MERSING, JOHOR

- Daerah Mersing sebagai sebuah **kawasan pembangunan industri pemprosesan makanan** dan mengambil kesempatan dari kedudukannya yang lebih hampir dengan Daerah Mersing.

#### DAERAH SEGAMAT, JOHOR

- Memperkuatkan **koridor perindustrian Muadzam Shah** ke Segamat dan Muadzam Shah sebagai **pusat industri utama di Daerah Rompin**

### ARAH TUJU UTAMA DAERAH ROMPIN

UTAMA

1. **Kuala Rompin** dan **Pulau Tioman** sebagai dua **pusat pelancongan utama** yang boleh memainkan peranannya secara dua hala.
2. **Pulau Tioman** akan menjadi pusat pelancongan yang menawarkan **produk-produk bertaraf tinggi** bagi mengambil peluang kehadiran pelancong luar negara
3. **Kuala Rompin** pula menjadi **pintu masuk utama** bukan sahaja para pelancong tempatan malahan pelancong luar negara yang datang dari Pulau Tioman

SOKONGAN

**PERTANIAN**

1. Sektor ini akan menggunakan **pendekatan '*cluster*' atau berkelompok** seperti '*cluster*' **makanan pertanian** seperti padi, jagung, kekacang, sayur-sayuran, herba, akuakultur dan perikanan.
2. **Kawasan tanaman padi perlu diperluaskan** serta dikekalkan sebagai **kawasan jelapang padi negara.**
3. **Kuala Rompin** akan berpotensi sebagai **Pusat Agropolitan.**

**INDUSTRI**

1. **Industri perkhidmatan** sebagai pemacu pertumbuhan di daerah Rompin.
2. **Bandar Muadzam Shah akan dijadikan pusat industri pembuatan dan perkhidmatan** bagi menyokong pertumbuhan industri pembuatan berskala besar.

**PENGANGKUTAN**

1. **Membina hab terminal pengangkutan awam bersepadu** Konurbasi Wilayah Timur di Kuala Rompin, Teluk Gading dan Muadzam Shah.
2. **Alternatif pengangkutan udara** ke Pulau Tioman

## 2.6 RUMUSAN PENEMUAN DAERAH ROMPIN 2035

Rumusan penemuan bagi Daerah Rompin melibatkan **20 sektor** kajian dan dibahagikan kepada **tiga (4) teras pembangunan.**

### TERAS 1



**PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA**

Daerah Mampan dengan kepelbagaian Bio - Daerah Rompin merupakan daerah yang mampan, berkualiti dan rendah daripada karbon. Pembangunan semula jadi yang memfokuskan ke arah kemampanan dan kreatif dalam mengoptimumkan kelebihan kepelbagaian bio akan menjadi hala tuju utama perancangan Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (P).

**SEKTORAL**

1. **Perancangan Fizikal dan Guna Tanah;**
2. **Alam Sekitar;**
3. **Perhutanan;**
4. **Sumber Jaya Semula Jadi;**
5. **Maritim;**
6. **Perikanan; dan**
7. **Pengurusan Risiko Geo Bencana.**

### TERAS 2



**KOMUNITI INKLUSIF DAN INFRASTRUKTUR MAMPAN**

Infrastruktur Mampan memberi Pengukuhan jaringan pengangkutan dan penyediaan infrastruktur menyeluruh dan berkesan melalui penyediaan rangkaian pengangkutan darat dan pengangkutan awam yang menjadi pemacu pembangunan di samping membantu dalam meningkatkan rangkaian pengangkutan utama dan infrastruktur yang **mampan dan "hijau".**

Memastikan hala tuju Daerah Rompin kearah Komuniti Inklusif dengan mengutamakan keperluan sosial supaya masyarakat di Daerah Rompin dapat keperluan perumahan pada masa akan datang.

**SEKTORAL**

1. **Perhubungan Pengangkutan dan Lalu Lintas;**
2. **Pengurusan Sisa Pepejal;**
3. **Infrastruktur, Digital Telekomunikasi dan Utiliti;**
4. **Perumahan;**
5. **Petempatan Desa; dan**
6. **Institusi dan Kemudahan Masyarakat.**

### TERAS 3



**PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN**

Menekankan aspek utama pembangunan ekonomi yang mampu menjana kemakmuran pembangunan ekonomi dan menyokong pembangunan Pusat Agropolitan agar berdaya maju dan memberi kesan positif serta impak tinggi kepada kesejahteraan daerah. Tiga (3) sektor ekonomi sebagai jentera utama Daerah Rompin iaitu pelancongan eko/agro, sektor pertanian berproduktiviti tinggi dan perindustrian

Reka Bentuk Bandar mampan dapat pengekalan budaya serta warisan tempatan yang dicerminkan daripada reka bentuk alam bina terutama desa yang menarik; di samping sikap positif penduduk

**SEKTORAL**

1. **Pelancongan dan Hospitaliti;**
2. **Pertanian, Penternakan dan Akuakultur;**
3. **Perniagaan;**
4. **Perindustrian;**
5. **Reka Bentuk Bandar; dan**
6. **Rekreasi Dan Landskap.**

### TERAS 4



**URUS TADBIR EFEKTIF**

Urus tadbir berkesan akan diberi penekanan terutama aspek kaedah pelaksanaan cadangan Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 dengan fokus projek yang mampu memberi impak positif penduduk.

**SEKTORAL**

1. **Pengurusan dan Pelaksanaan Projek**

## 2.6.1 TERAS 1 – PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA


### A. GUNA TANAH

#### i. Hierarki Pusat Petempatan Daerah Rompin

Pusat petempatan merupakan suatu kawasan petempatan yang berkembang seiring dengan fungsi pembangunan sesuatu kawasan dalam menjana pendapatan penduduk dan negara. Fungsi umumnya merujuk kepada fungsi asas bandar yang menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial kepada penduduk setempat.

Definisi Bandar:
Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih atau kawasan pembangunan khusus atau pusat pentadbiran daerah walaupun penduduk kurang daripada 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

**Rajah 2.24: Hierarki Pusat Petempatan Negeri Pahang 2050**




Berdasarkan pada prospek pertumbuhan dan bagi mengimbangkan ekonomi negeri, hierarki petempatan bagi Daerah Rompin terbahagi kepada 3 iaitu :

- ❑ Bandar Utama
- ❑ Bandar Tempatan
- ❑ Pusat Petempatan Kecil.

*Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050*

Sebagai Bandar Utama adalah **Kuala Rompin** sejajar dengan sasaran yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050. Walau bagaimanapun, bagi sasaran bandar tempatan untuk kajian rancangan tempatan ini hanya terdapat **4** sahaja **bandar tempatan** yang disasarkan di dalam kajian ini iaitu **Muadzam Shah, Bandar Tun Razak, Teluk Gading** dan **Kampung Tekek.** Namun kajian ini mendapati Bukit Ibam yang disasarkan bandar tempatan dalam RSN Pahang 2050 tidak mencapai ciri-ciri sebagai sebuah bandar tempatan.

**Jadual 2.16: Hierarki Pusat Petempatan Daerah Rompin, Pahang**


| | SASARAN RSN PAHANG 2050 | SASARAN KAJIAN | CIRI-CIRI DAN KOMPONEN |
|---|---|---|---|
| **BANDAR UTAMA**<br>Pusat pertumbuhan yang signifikan dalam pembangunan sesebuah negeri<br>**> 100,000 penduduk** | **1.Kuala Rompin** | **1.Kuala Rompin** | 1. > 100,000 Penduduk<br>2. Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran<br>3. Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Negeri<br>4. Bank Antarabangsa, Tempatan (Cawangan)<br>5. Resort/Eklusif ( ≤ 5 Bintang), Hotel Bajet Sehingga 5 Bintang, Pusat Persidangan Dan Pameran, Rumah Tetamu<br>6. Universiti/Kolej Awam/Kolej Swasta<br>7. Sekolah Teknikal/Vokasional<br>8. Sekolah Antarabangsa<br>9. Sekolah Rendah & Menengah<br>10. Hospital Kerajaan & Swasta<br>11. Taman Bandar<br>12. Masjid Daerah, Tempat Ibadat Bukan Islam<br>13. Ibu Pejabat Polis Daerah & Balai Polis<br>14. Balai Bomba<br>15. Pelabuhan Antarabangsa Dan Nasional<br>16. Stesen Bas/Teksi<br>17. Stesen Keretapi |
| **BANDAR TEMPATAN**<br>Bandar yang memberi perkhidmatan perniagaan atau/dan kawasan pentadbiran yang lebih kecil berbanding bandar utama<br>**10,000 – 100,000 penduduk** | **1.Muadzam Shah**<br>**2.Bukit Ibam**<br>**3.Bandar Tun Razak**<br>**4.Teluk Gading**<br>**5.Kampung Tekek** | **1.Muadzam Shah**<br>**2.Bandar Tun Razak**<br>**3.Teluk Gading**<br>**4.Kampung Tekek** | 1. 10,000 – 100,000 Penduduk<br>2. Pusat Pentadbiran<br>3. Daerah (Jika kurang dari 10,000)<br>4. Jabatan Kerajaan Negeri<br>5. Majlis Perbandaran, Majlis Daerah<br>6. Bank Antarabangsa, Tempatan (Cawangan)<br>7. Hotel Bajet Sehingga 5 Bintang, Pusat Persidangan Dan Pameran, Rumah Tetamu<br>8. Sekolah Teknikal/Vokasional<br>9. Sekolah Rendah & Menengah<br>10. Hospital Kerajaan<br>11. Taman Bandar/ Tempatan<br>12. Masjid, Tempat Ibadat Bukan Islam<br>13. Ibu Pejabat Polis Daerah & Balai Polis<br>14. Balai Bomba<br>15. Pelabuhan Nasional<br>16. Stesen Bas/Teksi<br>17. Stesen Keretapi |
| **PUSAT PETEMPATAN KECIL**<br>Pusat perkhidmatan desa yang utama kepada beberapa buah kampung yang terletak secara berkelompok<br>**< 10,000** | **1. Perantau Damai**<br>**2. Kedaik**<br>**3. Leban Chondong**<br>**4. Kampung Janglau**<br>**5. Melati**<br>**6. Kota Bahagia** | **7. Kota Shahbandar**<br>**8. Pekoti Timur**<br>**9. Chanis**<br>**10. Chenderawasih**<br>**11. Pewira Jaya**<br>**12. Selancar** | **13. Sepayang**<br>**14. Kampung Parit Raja**<br>**15. Kampung Juara**<br>**16. Kampung Mukut**<br>**17. Berabong**<br>**Sasaran RSN Pahang 2050** |

**Jadual 2.17: Rumusan Pencapaian Ciri-ciri dan Komponen Bandar dan Petempatan di Daerah Rompin.**

| BANDAR | CIRI-CIRI DAN KOMPONEN | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | JULAT PENDUDUK | | PEJABAT PENTADBIRAN | | PIHAK BERKUASA | | | BANK | | KEMUDAHAN HOTEL & PERSIDANGAN | | | | PENDIDIKAN | | | | | | KESIHATAN | | | | REKREASI | | KEAGAMAAN | | | POLIS & BOMBA | | | TERMINAL PENGANGKUTAN | | |
| | > 100,000 penduduk | 10,000 – 100,000 penduduk | Kerajaan Persekutuan | Kerajaan Negeri | Majlis BanDARAya | Majlis Perbandaran | Majis Daerah | Bank Antarabangsa | Bank Tempatan | Resort/Eklusif (≤ 5 bintang), | Hotel bajet sehingga 5 bintang | Pusat Persidangan dan Pameran | Rumah Tetamu | Universiti/Kolej Awam | Universiti/Kolej Swasta | Sekolah Teknikal/ Vokasional | Sekolah Antarabangsa | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah | Hospital Kerajaan | Hospital Swasta | Klinik Kesihatan | Klinik Swasta | Taman Bandar | Taman Tempatan | Masjid Daerah | Masjid | Tempat Ibadah Bukan Islam | Ibu Pejabat polis Daerah | Balai Polis | Balai Bomba | Pelabuhan Antarabangsa / Nasional | Stesen Bas/Teksi | Stesen Keretapi |
| **BANDAR UTAMA** | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KUALA ROMPIN | - | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ | - | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - |
| **BANDAR TEMPATAN** | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| MUADZAM SHAH | - | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ | - | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | ✓ | - | ✓ | - | - | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | - |
| BUKIT IBAM | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | - | - | - | - |
| BANDAR TUN RAZAK | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | - |
| TELUK GADING | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | - |
| KAMPUNG TEKEK | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - |
| **PUSAT PETEMPATAN KECIL** | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| PERANTAU DAMAI | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | - | - | - | ✓ | - |
| KEDAIK | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| LEBAN CHONDONG | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - |
| KAMPUNG JANGLAU | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - |
| MALATI | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - |
| KOTA BAHAGIA | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - |
| KOTA SHAHBANDAR | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | ✓ | - | - | - | - | - |
| PEKOTI TIMUR | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| CHANIS | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - |
| CHENDERAWASIH | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | | - | - | ✓ | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - |
| PEWIRA JAYA | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| SELANCAR | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | | - | - |
| SEPAYANG | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - |
| KAMPUNG PARIT RAJA | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | - | - | - | - |
| KAMPUNG JUARA | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | - | - | - | - |
| KAMPUNG MUKUL | - | - | - | - | - | - | - | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | - | - | - | - | - |
| BERABONG | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*


## Rajah 2.25: Pelan Hierarki Pusat Petempatan Daerah Rompin




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### PETUNJUK

**Hierarki Pusat Petempatan**




**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



### ii. Senario Semasa Kawasan DARA


DARA terletak di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) Pahang meliputi enam daerah iaitu Rompin, Pekan, Bera, Maran, Temerloh dan Jerantut. Sebelum FELDA mengambil alih, beberapa petempatan di daerah Rompin sebelum ini dikelola oleh pihak DARA. Beberapa cadangan bagi setiap petempatan telah dirangka sebelum ini untuk membangunkan kawasan-kawasan berkenaan. Melalui dapatan kajian, keadaan guna tanah semasa di tapak menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi pencapaian cadangan pelan DARA.

Merujuk kepada rajah di bawah, Chanis menunjukkan pencapaian cadangan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) tertinggi berbanding dengan kawasan DARA yang lain dengan peratusan capaian tertinggi iaitu 89.21% dari keseluruhan cadangan DARA. Selain itu, Pekoti Timur merupakan peratusan yang terendah iaitu dengan peratusan 16.69%. Kesimpulannya terdapat 6 Kawasan DARA yang telah mencapai melebihi 50% iaitu Kota Bahagia, Chanis, Perantau Damai, Selendang, Pewira Jaya dan Selancar. Manakala kawasan Melati, Pekoti Timur, Chenderawasih dan Kota Shahbandar pembangunannya tidak mencapai cadangan pembangunan yang telah dirancang oleh Pihak Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*


**Rajah 2.26: Perbandingan Pencapaian Cadangan Pelan DARA dan Guna Tanah Semasa 2023**




| | Melati | Kota Bahagia | Pekoti Timur | Chenderawasih | Chanis | Perantau Damai | Selendang | Perwira Jaya | Selancar | Kota Shahbandar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SEMASA | 21.08% | 58.32% | 16.69% | 37.55% | 89.21% | 80.59% | 57.67% | 66.30% | 60.63% | 20.59% |
| CADANGAN DARA | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 2.27: Pelan Keseluruhan Kawasan DARA Daerah Rompin




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### PETUNJUK


1. MELATI
2. KOTA BAHAGIA
3. PEKOTI TIMUR
4. CHENDERAWASIH
5. CHANIS
6. PERANTAU DAMAI
7. SELENDANG
8. PEWIRA JAYA
9. SELANCAR
10. KOTA SHAHBANDAR
11. BANDAR TUN RAZAK

*Nota: Bandar Tun Razak tiada rekod pelan DARA diterima atau diperolehi untuk dihasilkan panduan sepertimana pelan-pelan yang lain*

**Lain-lain**


- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan Kawasan DARA

### PELAN LOKASI




## 1 MELATI

- Jumlah guna tanah tepu bina berlaku peningkatan sebanyak 97.86 hektar yang dimana berlakunya perubahan yang besar terhadap guna tanah perumahan dengan jumlah keluasan seluas 39.28 hektar.
- Manakala bagi guna tanah bukan tepu bina berlakunya penurunan sebanyak negatif 97.86 hektar





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*




## 2 KOTA BAHAGIA

- Manakala bagi guna tanah industri berlaku penurunan sebanyak -12.68 hektar. Selain itu, guna tanah bukan tepu bina menurun daripada 113.81 hektar kepada -27.20 hektar.
- Guna tanah pertanian menunjukkan penurunan yang terbesar seluas -28.32 hektar.





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*





## 3 PEKOTI TIMUR

- Guna tanah tepu bina di Pekoti Timur berlakunya peningkatan keluasan seluas 103.83 hektar berbanding dengan guna tanah semasa 2023 yang hanya berkeluasan 20.80 hektar.
- Manakala bagi guna tanah bukan tepu bina berlakunya penurunan sebanyak -103.83 hektar daripada 436.05 hektar





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*





## 4 CHENDERAWASIH

- Guna tanah perumahan berlakunya peningkatan sebanyak 35.26 hektar berbanding dengan guna tanah semasa dari 7.77 hektar kepada 43.03 hektar.
- Guna tanah bukan tepu bina berlakunya penurunan sebanyak -56.45 hektar berbanding dengan keluasan guna tanah semasa seluas 423.07 hektar.





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*




## 5 CHANIS

- Peningkatan yang ketara adalah guna tanah perumahan daripada 124.83 hektar kepada 153.35 hektar.
- Guna tanah bukan tepu bina berlaku penurunan sebanyak -26.08 hektar yang dimana guna tanah pertanian menunjukkan penurunan yang ketara seluas -21.43 hektar.





## 6 PERANTAU DAMAI

- Perbandingan terhadap guna tanah tepu bina mendapati berlaku peningkatan sebanyak 22.82 hektar daripada jumlah guna tanah semasa 156.11 hektar kepada 178.92 hektar.
- Peningkatan yang ketara adalah guna tanah pengangkutan seluas 23.16 hektar dan diikuti guna tanah perumahan 22.82 hektar.





## 7 SELENDANG

- Guna tanah tepu bina di kawasan Selendang berlakunya peningkatan daripada 334.65 hektar kepada 578.69 hektar.
- Guna tanah yang paling ketara berlakunya peningkatan adalah guna tanah perumahan dengan keluasan seluas 124.21 hektar.





## 8 PEWIRA JAYA

- Guna tanah perumahan berlaku peningkatan sebanyak 33.40 hektar daripada jumlah keluasan guna tanah semasa iaitu 80.35 hektar kepada 113.76 hektar.
- Keluasan kawasan bukan tepu bina menurun daripada 207.54 hektar kepada 130.71 hektar.




## 9 SELANCAR

- Guna tanah tepu bina di kawasan Selancar mendapati keluasan bagi guna tanah perumahan meningkat daripada 160.34 hektar kepada 273.22 hektar.
- Guna tanah bukan tepu bina, guna tanah pertanian berlakunya penurunan sebannyak -201.12 hektar daripada keluasan guna tanah semasa iaitu 707.18 hektar kepada 506.06 hektar.




## 10 KOTA SHAHBANDAR

- Peningkatan yang ketara bagai guna tanah tepu bina adalah guna tanah perumahan dengan keluasan seluas 49.64 hektar.
- Manakala bagi kawasan bukan tepu bina berlaku penurunan bagi guna tanah pertanian seluas -98.81 hektar daripada keluasan guna tanah semasa iaitu dari 242.49 hektar kepada 143.69 hektar.






**Gambar Dron di Sekitar Kawasan Bandar Tun Razak**

### iii. Kesediaan Tanah Daerah Rompin

Analisis kesediaan tanah merupakan analisis yang dihasilkan bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk pembangunan masa hadapan. Teknik peta tapisan melalui perisian GIS digunakan bagi analisis ini. Bagi menjalankan analisis ini, terdapat kriteria yang akan ditentukan untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi dibangunkan dengan syarat dan yang tidak boleh dibangunkan.


Hasil analisis mendapati seluas 52.89 peratus (277,550.68 hektar) kawasan Daerah Rompin dikategorikan sebagai kawasan yang boleh dibangunkan. Manakala kawasan yang berhalangan pula meliputi keluasan sebanyak 38.30 peratus (200,976.92 hektar) daripada keluasan daerah.

**Jadual 2.18: Keluasan Kesediaan Tanah Daerah Rompin**

| KESEDIAAN TANAH | KELUASAN (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| **Kawasan Tepu Bina** | 12,717.09 | 2.42 |
| **Kawasan Boleh Dibangunkan** | 277,550.68 | 52.89 |
| **Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat** | 33488.31 | 6.38 |
| **Kawasan Berhalangan** | 200,976.92 | 38.30 |
| **Jumlah** | **524,733.00** | **100.00** |


*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 2.28: Peratusan Kesediaan Tanah Daerah Rompin**





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*


**Rajah 2.29: Kriteria-Kriteria Yang Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Tanah Daerah Rompin**




## Rajah 2.30: Pelan Kesediaan Tanah Untuk Pembangunan Daerah Rompin





*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*


PULAU TIOMAN
Kg. Salang
Kg. Tekek
Kg. Juara
Kg. Genting
Kg. Mukut


PELAN LOKASI
KELANTAN
TERENGGANU
CAMERON HIGHLANDS
LIPIS
JERANTUT
PERAK
RAUB
KUANTAN
LAUT CHINA SELATAN
TEMERLOH
MARAN
PEKAN
BENTONG
SELANGOR
BERA
NEGERI SEMBILAN
ROMPIN
MELAKA
JOHOR


PETUNJUK
Kawasan Tepu Bina
Kawasan Boleh Dibangunkan
Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
Kawasan Berhalangan
Lain-lain
Jalan Sedia Ada
Jalan Cadangan Lebuhraya
Cadangan ECRL 2
Sungai
Sempadan Negeri
Sempadan Daerah
Sempadan Mukim



LAUT CHINA SELATAN
PULAU TULAI
Kg. Salang
Kg. Tekek
Kg. Juara
PULAU TIOMAN
Kg. Genting
Kg. Mukut
MUKIM TIOMAN
Pulau Sembilang
Pulau Acheh
Pulau Seri Buat
DAERAH MERSING (JOHOR)

## B. ALAM SEKITAR

### i. Kualiti Air Sungai

Berdasarkan pemantauan Indeks Kualiti Air (IKA) dari tahun 2017-2021, **sungai-sungai di Daerah Rompin diklasifikasikan sebagai Kelas II (Bersih).** Penemuan semasa ditentukan melalui pengiraan nilai Indeks Kualiti Air (IKA) bagi kesemua 19 stesen persampelan menunjukkan bahawa kualiti air sungai di Daerah Rompin **semakin menurun.** Oleh itu, beberapa langkah pengawasan dan pemantauan aktiviti-aktiviti di sepanjang sungai perlu dilakukan sebelum keadaan sungai menjadi semakin buruk.

**Rajah 2.32: Nilai Indeks Kualiti Air (IKA) Sungai bagi Kajian Persampelan di Daerah Rompin**





*Sumber : Kajian RT Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### ii. Kualiti Air Marin

Trend bagi kualiti air marin di kawasan kajian adalah terbaik bagi stesen di pulau-pulau. Namun, stesen muara sungai di kawasan Kuala Rompin Kecil menunjukkan penurunan bagi nilai indeks dan kawasan masih di status sederhana bagi tahun 2018 sehingga tahun 2021.


**Rajah 2.33: Status Kualiti Air Marin bagi Tahun 2017-2021**




### iii. Kualiti Udara


Daerah Rompin mencatatkan kualiti udara yang baik selama 109 hari (30%) manakala 248 hari (68%) adalah sederhana. Lapan hari (2%) mencatatkan kualiti udara tidak sihat disebabkan oleh peningkatan kepekatan PM 2.5 akibat kebakaran hutan dan belukar di kawasan setempat.

**Rajah 2.31: Peratusan Kualiti Udara Daerah Rompin bagi Tahun 2021**




*Sumber : Laporan Alam Sekeliling Tahun 2021*

## Rajah 2.34: Pelan Rumusan Sektor Alam Sekitar




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

**Batuan Geologi**
- Kuarterner
- Jura
- Trias
- Perm
- Devonian

**Stesen Kualiti Air Sungai Sedia Ada**
1 Parit Sungai Endau
2 Anak Sungai Endau
3 Sungai Pontian
4 Sungai Pontian 2
5 Muara Sungai Rompin
6 Sungai Rompin
7 Sungai Rompin
8 Sungai Rompin
9 Sungai Anur
10 Sungai Anur
11 Sungai Tepesuk
12 Sungai Jeram
13 Sungai Keratong
14 Sungai Kepasing
15 Sungai Keratong
16 Sungai Jekatih
17 Sungai Pukin
18 Sungai Pukin
19 Sungai Pukin

**Stesen Kualiti Air Pantai**
Pantai Lanjut

**Stesen Kualiti Air Muara Sungai**
Kuala Rompin Kecil

**Stesen Kualiti Udara Sedia Ada**

**Stesen Kualiti Air Pulau**
1 Tioman (Teluk Salang)
2 Tioman (Kg. Nipah)
3 Tulai
4 Labas
5 Cebeh
6 Sepui
7 Sembilang
8 Seri Buat
9 Tokong Bahara

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI




## C. PERHUTANAN

### i. Sumber Hutan

Terdapat **3 jenis hutan** yang berada di dalam kawasan Daerah Rompin iaitu **hutan paya laut , hutan paya gambut dan hutan darat**. Pecahan keluasan maklumat sumber hutan di daerah Rompin adalah seperti berikut:

**Rajah 2.35: Pecahan Sumber Hutan di Daerah Rompin**




*Sumber : Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*

### ii. Kepelbagaian dan Pengurusan Biodiversiti

Melalui penemuan bagi biodiveristi dalam Daerah Rompin, terdapat beberapa spesies yang perlu dijaga dan di pelihara iaitu penyu karah, terumbu karang hidupan laut di kawasan Gugusan Pulau Tioman. Bagi pengurusan bagi biodiversiti sedia ada di dalam kawasan ini adalah:

1. **Tiga (3) Kawasan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine:***
    1. C-PL3 HS Lesong – HS Resak
    2. C-PL4 HS Bukit Ibam – HS Sg. Marong & HS Lesong
    3. C-PL5 HS Ibam (Rompin) – HS Kedondong, HS Pekan & HS Nenasi
2. **Rizab Hidupan Liar Pulau Tioman:**
    1. Seluas 8,296 hektar (12,383 ekar)
3. **Taman Laut Pulau Tioman:**
    1. Kawasan perairan laut sejauh 2 batu nautika yang diukur dari paras air surut di sekeliling pulau yang diwartakan, yang dizonkan sebagai santuari untuk komuniti batu karang.





Spesis Hidupan yang Perlu Dijaga dan Dipelihara


**Jadual 2.19: Senarai Hutan Simpan Kekal dan Jenis Hutan di Daerah Rompin**

| JENIS HUTAN | HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) | KELUASAN (HEKTAR) | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|---|
| Hutan Darat | HS Bukit Ibam | 127.99 | 0.08 |
| | HS Bukit Ibam (Tambahan) | 40.84 | 0.02 |
| | HS Ibam (Rompin) | 45,801.10 | 27.54 |
| | HS Ibam Tambahan | 219.54 | 0.13 |
| | HS Bukit Ibam (Kuantan) | 236.04 | 0.14 |
| | HS Bukit Kerisek | 396.3 | 0.24 |
| | HS Chini (Rompin) | 7065.00 | 4.25 |
| | HS Sungai Marong | 2,190.59 | 1.32 |
| | HS Sungai Pukin | 3,523.66 | 2.12 |
| | HS Sungai Pukin (Tambahan) | 240.53 | 0.14 |
| | HS Lesong | 63,474.45 | 38.17 |
| | HS Lesong ( Tambahan ) | 819.66 | 0.49 |
| | HS Endau | 7,727.64 | 4.65 |
| | HS Endau (Tambahan) | 80.96 | 0.05 |
| | HS Taman Negeri | 31,797.00 | 19.12 |
| | HS Mentas | 585.62 | 0.35 |
| | HS Sempadan Hijau | 907.44 | 0.55 |
| Hutan Paya Gambut | HS Menchali | 620.34 | 0.37 |
| Hutan Paya Laut | HS Pontian Paya Laut | 189.48 | 0.11 |
| | HS Rompin Paya Laut | 203.61 | 0.12 |
| | HS Endau (Hutan Bakau) Paya Laut | 66.76 | 0.04 |
| | **JUMLAH** | **166,314.55** | **100.00** |

Nota : Penggunaan terma **Hutan Simpan Kekal (HSK)** adalah umum bagi penggunaan sumber hutan manakala terma **Hutan Simpan (HS)** digunakan bagi pernyataan nama dan lokasi kawasan HSK tersebut.

*Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*

**Rajah 2.36: Pengelasan Fungsi Hutan Daerah Rompin**





**Jadual 2.20: Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi CFS Daerah Rompin**

| KOD | NAMA RANGKAIAN EKOLOGI | DAERAH & MUKIM | KELUASAN (HEK.) |
|---|---|---|---|
| **C-PL3** | HS Lesong – HS Resak | Rompin, Rompin | 5,991 |
| **C-PL4** | HS Bukit Ibam – HS Sg. Marong & HS Lesong | Rompin, Keratong | 6,855 |
| **C-PL5** | HS Ibam (Rompin) – HS Kedondong, HS Pekan & HS Nenasi | Pekan & Rompin, Bebar & Keratong | 14,353 |
| | | **JUMLAH** | **27,199** |

*Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 – Jilid 2*

## Rajah 2.37: Pelan Rumusan Perhutanan




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

### Kategori Hutan

- Hutan Simpanan Kekal (HSK)
- Hutan Tanah Kerajaan (HTK)
- Kawasan Berhutan
- Hutan Paya Laut
- Hutan Paya Gambut
- Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)
- Taman Negeri Rompin
- Taman Laut Pulau Tioman
- Rizab Hidupan Liar Pulau Tioman

### Lain-lain

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## D. SUMBERJAYA SEMULA JADI




### i. Sumber Air

a) Tujuh (7) kawasan sungai empangan dan telaga (*tube well*) bagi sumber air mentah utama di kawasan Daerah Rompin.
b) Seluas 21,554.00 hektar bagi kawasan tadahan air yang meliputi HS Sungai Pukin dan Hutan Simpan Lesong.

### ii. Sumber Mineral

a) Sumber-sumber mineral yang terdapat di kawasan Daerah Rompin adalah daripada dua (2) kategori iaitu sumber bukan logam dan sumber logam.
b) Menurut dapatan daripada agensi Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang, terdapat beberapa kawasan perlombongan yang masih aktif di bawah perlesenan agensi tersebut.


### iii. Sumber Jaya Warisan Geologi


a) Sumberjaya warisan geologi dan kawasan ekopelancongan yang dikenal pasti adalah sejumlah 20 lokasi.
b) 6 lokasi telah dikenal pasti berpotensi sebagai geo tapak.

### iv. Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Kawasan KSAS yang terlibat di Daerah Rompin mengikut kategori KSAS:

**a) KSAS Berisiko Bencana**: Ketinggian dan Kecerunan; Kawasan Tadahan dan Sumber Air Tanah; Tanah Lembap,Tanah Bekas Lombong, Tasik dan Sungai; Sumber Mineral; Persisiran Pantai, Pulau-Pulau dan Taman Laut
**b) KSAS Bernilai Sokongan Hidup:** Kawasan Bekalan Makanan; Hutan Simpanan Kekal dan Rizab Hidupan Liar
**c) KSAS Bernilai Warisan**: Warisan Semula Jadi


Singkapan batuan sedimen di bahagian atas Air Terjun Seri Mahkota, Taman Negeri Rompin


Sesar Kincin membentuk singkapan batuan menegak dan lurus di Batu Dinding, Taman Negeri Rompin


Kawasan Warisan Geologi dan Kawasan Ekopelancongan Daerah Rompin

**Jadual 2.21: Senarai Lokasi Berpotensi Sebagai Geo Tapak**

| BIL | LOKASI | MUKIM | TARIKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Air Terjun Seri Mahkota | Endau | Geologinya terdiri daripada batuan volkanik berusia 260 juta tahun dan batuan sedimen berusia 150 juta tahun:<br>1. Air terjun terbentuk di sempadan batuan volkanik (bahagian bawah) dan batuan sedimen (bahagian atas)<br>2. Mempunyai pemandangan air terjun yang cantik dengan struktur air terjun bertangga yang menarik |
| 2. | Padang Tujuh, Taman Negeri Endau Rompin | Endau | Geologinya terdiri daripada batuan sedimen berusia 150 juta tahun<br>1. Puncak bukit yang rata kerana lapisan batuan sedimennya berkemiringan landai<br>2. Mempunyai hutan puncak bukit yang menarik dengan tumbuh-tumbuhan yang unik |
| 3. | Batu Dinding, Taman Negeri Endau Rompin | Endau | Geologinya terdiri daripada batuan volkanik berusia 260 juta tahun<br>1. Merupakan singkapan batuan yang lurus dan menegak sepanjang 200 meter menghasilkan pemandangan yang unik dan menarik<br>2. Terbentuk pada satah sesar yang dikenali sebagai Sesar Kincin |
| 4. | Bukit Nenek Semukut, Pulau Tioman | Tioman | Mempunyai dua puncak kelihatan seperti tanduk naga yang menjadi mercu tanda Tioman<br>1. Geologinya terdiri daripada batuan granit berusia sekitar 200 juta tahun<br>2. Pembentukannya dikawal oleh struktur kekar dalam batuan granit |
| 5. | Air Terjun Asah, Pulau Tioman | Tioman | Geologinya terdiri daripada batuan volkanik berusia 280 juta tahun dan batuan granit berusia 200 juta tahun<br>1. Terdapat kolam air terjun berbentuk segiempat tepat dipengaruhi oleh struktur satah sesar dalam batuan volkanik |
| 6. | Pulau Berbatu Bongkah, Tioman | Tioman | Terdiri daripada Pulau Soyak, Pulau Jahat, Pulau Renggis dan Pulau Tumuk<br>1. Terbentuk hasil proses geologi seperti luluhawa serta hakisan yang membentuk bongkah batuan dan tindakan arus/ombak yang membentuk pulau bongkah |

*Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang, 2023*

Berdasarkan analisis KSAS sektoral, kawasan-kawasan yang terlibat akan dikelaskan mengikut tahap kesensitifan yang berbeza. Ia bergantung kepada sifat, kepentingan dan risiko sesuatu kawasan terhadap persekitaran.

| | 1. KSAS TAHAP 1 | 2. KSAS TAHAP 2 | 3. KSAS TAHAP 3 |
|---|---|---|---|
| | 1. KSAS yang penting bagi pengekalan nilai warisan, nilai sokongan hidup dan tahap risiko bencana yang tinggi.<br>2. Perubahan yang ketara akan memusnahkan kemampanan kawasan tersebut bagi mengekalkan fungsi utamanya. | 1. Pengekalan KSAS Tahap 2 ini bagi mengawal keadaan pembangunan semasa yang berkepentingan daerah berteraskan intergriti dan peranan kawasan ini. | 1. Pembangunan yang terkawal atau pembangunan yang berteraskan peranan kawasan ini dan pembangunan pada takat upaya tampungan yang masih boleh mempertahankan integritinya. |
| STRATEGI PENGURUSAN | 1. Perlindungan<br>2. Pemeliharaan<br>3. Pemuliharaan | 1. Pemeliharaan<br>2. Pemuliharaan | 1. Pemuliharaan<br>2. Kawalan Berkala |
| KAEDAH PENGURUSAN | 1. Pembangunan yang ketara termasuk pertanian dan pembalakan tidak dibenarkan sama sekali kecuali aktiviti penyelidikan dan pembelajaran yang berimpak rendah sahaja. | 1. Hanya pembangunan dan aktiviti berimpak rendah dibenarkan tanpa perubahan nyata pada guna tanah utama<br>2. Permohonan pembangunan perlu menyediakan Laporan pemetaan geologi bagi menunjukkan bahawa pembangunan tersebut berimpak rendah melalui kajian EIA, SIA, TIA dan lain-lain. | 1. Pembangunan terkawal dibenarkan dengan syarat yang ketat. Jenis kepadatan pembangunan pembangunan perlu dikawal tertakluk kepada keadaan tapak.<br>2. Segala permohonan di tapak perlu disertakan dengan EIA sebelum pembangunan dan menunjukkan kepada Garis Panduan KSAS. |


Kawasan-kawasan yang diluar kategori KSAS di Daerah Rompin berpotensi untuk pembangunan untuk akan datang dengan syarat mematuhi keperluan perancangan Jabatan Teknikal semasa.

**Jadual 2.22: Kategori Tahap KSAS bagi Daerah Rompin**

| KSAS BERSEPADU | KSAS SEKTORAL | KSAS | | |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP 1 | TAHAP 2 | TAHAP 3 |
| KSAS RISIKO BENCANA | Ketinggian dan Kecerunan | Kawasan<br>Tanah Tinggi melebihi 1000 meter<br>Gunung Kajang (1038m) | Kawasan tanah tinggi<br>(300 - 1,000 meter), Bukit Seperuk, Bukit Kerayong Pulai, Bukit Parang Panjang, CO 6 | Tanah bukit<br>(150 – 300 meter)<br>Batu Sirau, Nenek Si Mukut, Bukit Gandang , Bukit Tanjung Temiang |
| | | Kawasan<br>Kecerunan Melebihi<br>35 Darjah (Keperluan JMG) | Kawasan Kecerunan 12-34 Darjah (Keperluan JMG) | Kawasan kecerunan < 12 darjah |
| | Kawasan Tadahan dan Sumber Air Tanah | Empangan Sg. Pontian, Empangan Endau, HS Sg. Pukin, HS Lesong, | Sg. Gadak, Sg. Keratong | Telaga (*Tube well*) |
| | Tanah Lembap, Tanah Lembut, Bekas Lombong, Tasik dan Sungai | Hutan Paya Laut Pontian, Tasik Empangan Sg. Pontian,<br>Tasik Empangan Endau | Tasik Hijau Bukit Ibam, Tasik Biru Bukit Ibam, rizab sungai | Kawasan endapan alluvium, Tasik Cermin, Sepanjang koridor sungai |
| | Sumber Mineral | - | Zon penampan 500 meter di kawasan perlombongan | Kawasan perlombongan |
| | Kawasan Berisiko Banjir | - | 39 lokasi kawasan berisiko banjir<br>(Berdasarkan input-sektoral pengurusan risiko banjir dan infrastruktur) | - |
| | Persisiran Pantai, Pulau-Pulau dan Taman Laut | Taman Laut Pulau Tioman<br>(Pulau Seri Buat, Pulau Cebeh, Pulau Sembilang, Pulau Gut, Pulau Tokong Bahara, Pulau Sepoi, Pulau Labas, Pulau Tulai) | Gugusan Pulau Tioman<br>(Pulau Seri Buat, Pulau Cebeh, Pulau Sembilang, Pulau Gut, Pulau Tokong Bahara, Pulau Sepoi, Pulau Labas, Pulau Tulai, Pulau Tokong Burung Besar, Pulau Tokong Burung Condong, Pulau Tokong Burung Tengah, Pulau Layak, Pulau Soyak, Pulau Rengis, Pulau Tunas, Pulau Tengah Pulau Tumok, Pulau Tasu, Pulau Raja, Pulau Acheh, Batu Malang) | • Persisiran 5 batu nautika ke laut<br>• Kawasan 5 km ke daratan dari garis pantai<br>(Berdasarkan input-sektoral pengurusan risiko banjir) |
| KSAS BERNILAI WARISAN | Warisan Semula Jadi | - | - | Taman Eko Rimba Menchali, Bukit Kerayong Kecil, Bukit Nenek Semukut, Batu Dinding, Air Jeram Leleh Bukit Ibam, Air Terjun Asah, Air Terjun Harimau, Air Terjun Padang Batu, Air Terjun Jaang |
| KSAS BERNILAI SOKONGAN HIDUP | Kawasan Bekalan Makanan | - | Tanaman padi kawasan Felda Selendang, Ladang Nanas Bersepadu Rompin | Muadzam Shah Cattle Research and Innovation (MSCRIC) |
| | Hutan Simpanan Kekal dan Rizab Hidupan Liar | Semua kawasan hutan perlindungan telah diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)<br><br>CFS : C-PL3 (CFS-PL2) : HS Lesong – HS Resak, C-PL4 (CFS-PL4) : HS Bukit Ibam-HS Sungai Merong & HS Sungai Lesong, C-PL5 (CFS-PL5) : HS Bukit Ibam (Rompin) – HS Kedondong, HS Pekan dan HS Nenasi, Taman Negeri Rompin<br><br>Rizab Hidupan Liar | Taman Negeri Rompin | Kawasan 500m penampan dari KSAS<br>Tahap 2, HS negeri dan kawasan berhutan |

*Sumber: Kajian RT Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 2.38: Pelan Cadangan Pengurusan dan Pengawalan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)**





*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

**Tahap KSAS**
- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Luar KSAS
- Kawasan risiko banjir

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## E. MARITIM

### 1. Persempadanan Maritim

Menurut Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia merupakan agensi yang bertanggunjawab bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Persempadanan kawalan keselamatan di sekitar perairan Pahang **dikawal oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)** di Wilayah Timur melalui **Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).** Jadual 2.23 menunjukkan zon bagi setiap daerah bagi sempadan keselamatan.

Berdasarkan analisis, **sempadan keselamatan Daerah Rompin terletak di Daerah Maritim (DM 8)** di bawah Wilayah Maritim Timur. Rajah 2.39 menunjukkan kawalan dan pemantauan di setiap kawasan maritim dibawah pengawasan pihak APMM di setiap kawasan perairan di dalam Kawasan Zon Maritim Malaysia (ZMM). Pulau Tioman juga termasuk di dalam persempadanan DM 8.


**Persempadanan Maritim DM8 yang luas** turut menyukarkan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan dan menyebabkan aktiviti **pencerobohan semakin meningkat.**

**Jadual 2.23: Zon Bagi Setiap Daerah Bagi Sempadan Keselamatan di Semenanjung Malaysia**

| WILAYAH MARITIM | IBU PEJABAT WILAYAH | DAERAH MARITIM | IBU PEJABAT DAERAH | PANGKALAN MARITIM | POS MARITIM |
|---|---|---|---|---|---|
| Timur | Kuantan, Pahang | DM 8 | Kuantan, Pahang | Rompin, Pahang | Pulau Tioman |
| | | DM 9 | Kuala Terengganu | Kemaman, Terengganu | - |
| | | DM 10 | Tok Bali, Kelantan | Tawang Kelantan | - |

*Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)*

**Rajah 2.39: Zon Bagi Setiap Daerah Bagi Sempadan Keselamatan di Semenanjung Malaysia**





*Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)*

## 2. Pencerobohan dan Jenayah Maritim

Berdasarkan sumber daripada pihak APMM terdapat beberapa **pencerobohan perairan terutama pencerobohan daripada pihak asing** melalui kaedah mencerobohi sempadan perairan sesuatu negara tanpa sebarang dokumen perjalanan dan permit kebenaran yang sah. Pencerobohan ini akan membawa pelbagai jenis masalah keselamatan kepada rakyat

**Rajah 2.40: Lokasi Pencerobohan Nelayan Asing di DM7 - DM10**





Berdasarkan sumber daripada pihak APMM, Rajah 2.40 menunjukkan **taburan jenayah pencerobohan yang berlaku terutama di persempadanan DM8. Sebanyak 16 kes pencerobohan pendatang asing daripada Vietnam.** Faktor aset APPM rosak adalah antara punca penguatkuasaan tidak mencapai tahap optimum. Ini mengakibatkan masih berlaku penyeludupan barangan, pencerobohan dan penyeludupan pendatang tanpa izin dan pencerobohan nelayan di ZMM.



APMM Pahang menahan dua bot nelayn tempatan, 15 kru Vietnam

Bilangan **tangkapan tertinggi** yang dilaporkan oleh APMM pada 2020 adalah **kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (599 kes),** diikuti kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (175 kes) dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (112 kes). Rajah 2.41 menunjukkan jumlah tangkapan mengikut akta di Malaysia.

**Rajah 2.41: Tangkapan Mengikut Akta Terpilih, Malaysia, 2020**




*Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia*

**Jadual 2.24: Statistik Tangkapan Mengikut Akta, Malaysia, 2018-2020**

| AKTA | TAHUN | | |
|---|---|---|---|
| | 2018 | 2019 | 2020 |
| Akta Perikanan 1985 | 478 | 603 | 599 |
| Akta Imigresen 1959/63 | 120 | 167 | 175 |
| Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 | 143 | 132 | 112 |
| Akta Kastam 1967 | 33 | 36 | 42 |
| Dadah Berbahaya 1952 | 6 | 22 | 26 |

*Sumber: Statistik Jenayah Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia*

Berdasarkan statistik, jumlah tertinggi jenayah maritim yang berlaku pada setiap tahun adalah jenayah berkaitan perikanan iaitu mengenai tangkapan kapal dagang, bot nelayan asing, PATI dan penyeludupan.

## F. PERIKANAN

### i. Senario Semasa Perikanan

**Negeri Pahang merupakan pengeluar hasil perikanan pertama terbesar di Semenanjung Malaysia dan kedudukan pertama di Pantai Timur** hampir 52,000 tan metrik hasil laut yang dinaikkan di Jeti Pahang pada tahun 2020 yang memberi pulangan berjumlah RM 126,255,242.42. (Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Daerah Rompin)

**Jadual 2.25: Pendaratan Ikan di Wilayah Timur Pada Tahun 2019 dan 2020**

| WILAYAH TIMUR | KOMPLEKS | KUANTITI (t) | | NILAI (RM) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2020 | 2019 | 2020 | 2019 |
| Pahang | Kuala Pahang | 706.24 | 824.28 | 4,462,112.00 | 5,047,691.00 |
| | Kuala Rompin | 175.71 | 190.96 | 1,758,037.30 | 2,002,149.70 |
| | Kuantan | 50,117.40 | 62,758.45 | 117,046,943.44 | 153,837,271.79 |
| | Nenasi | 627.75 | 772.10 | 2,988,149.68 | 4,918,066.18 |
| **JUMLAH** | | **51,627.10** | **64,545.79** | **126,255,242.42** | **165,805,178.67** |

*Sumber: Laporan Tahunan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), 2020*

### ii. Jeti-Jeti Pendaratan Ikan

**JETI PENDARATAN IKAN TELUK GADING SEBAGAI PUSAT PENDARATAN IKAN**


1. Pusat pengumpulan hasil laut dan jeti – jeti pendaratan ikan tertumpu di persisiran Sungai Endau (bahagian barat Teluk Gading).
2. Jeti Pendaratan Ikan Teluk Gading diisytiharkan sebagai pusat pendaratan ikan bagi nelayan seluruh Rompin oleh Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) yang membolehkan nelayan menerima insentif pendaratan.
3. Pendaratan ikan perlu dibuat di Kompleks LKIM dan insentif akan diberikan kepada nelayan yang menurunkan ikan di tempat tersebut.

Jeti pendaratan ikan Teluk Gading merupakan salah satu pusat pendaratan ikan terbesar di Pahang. Terdapat 21 senarai pegusaha jeti perikanan di Persisiran Sungai Endau.



Keadaan Semasa Jeti-jeti Pendaratan Ikan di Daerah Rompin

**Rajah 2.42: Pelan Taburan Teperinci Jeti-Jeti di Teluk Gading**




**PETUNJUK**

1. Jeti Prospect Dockyard Sdn Bhd
   Jeti Hun Sen Trading
2. Timurikan Trengganu Sdn Bhd
3. Timurikan Trengganu Sdn Bhd
4. Timurikan Trengganu Sdn Bhd
5. Seng Fu Trading Sdn Bhd
6. Atong Fishing Sdn Bhd
7. Atong Fishing Sdn Bhd
8. Syarikat Lian Hup Fishery Sdn Bhd
9. S&L Synergy Sdn Bhd
10. Haji Idrus Bin Mohd Ali
11. Choon Huat Fish Dealer
12. Mayfresh Frozen Sea Product Sdn Bhd
13. Dato' Haji Md. Rusli Bin Haji Ismail
14. Wen Bao Fishery Sdn Bhd Lim
    Lim Family Fishery Trading
15. Rompin Fishery Trading Sdn Bhd
16. Rompin Fishery Trading Sdn Bhd
17. Anzeco Ocean Sdn Bhd
18. Timurikan Trengganu Sdn Bhd
19. Timurikan Trengganu Sdn Bhd
20. Perikanan Hap Haut Sdn Bhd
21. Persatuan Nelayan Kawasan Rompin
    Agrotimur Fishery Sdn Bhd

**Lain-lain**

Jalan Sedia Ada

*Sumber: Majlis Daerah Rompin, 2023*

### iii. Nelayan

Bilangan nelayan terdiri daripada nelayan warganegara dan nelayan bukan warganegara yang menjadikan jumlah bilangan nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan seramai 2,404 orang secara keseluruhannya. Jumlah nelayan dikategorikan mengikut zon perikanan.

**Jadual 2.26: Jumlah Bilangan Nelayan**

| ZON PERIKANAN | BILANGAN NELAYAN | | | | | | | | JUMLAH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NELAYAN WARGANEGARA | | NELAYAN BUKAN WARGANEGARA | | | | | | |
| | MELAYU | CINA | INDONESIA | THAILAND | KEMBOJA | VIETNAM | LAOS | MYANMAR | |
| A | 131 | 2 | - | - | - | - | - | - | **133** |
| B | 143 | 79 | - | - | - | - | - | - | **222** |
| C | 286 | 169 | 201 | 73 | 91 | 162 | 62 | 141 | **1185** |
| C2+C3 | 35 | 17 | 26 | 65 | 290 | 36 | 126 | 37 | **632** |
| FIBER | 230 | 2 | - | - | - | - | - | - | **232** |
Unjuran infrastruktur dan utiliti yang disediakan adalah berdasarkan daripada perancangan pembangunan yang dirangka bagi tahun 2025 sehingga tahun 2035. Berdasarkan daripada unjuran intra sektor, unjuran infrastruktur meneliti perancangan pembangunan seperti sektor perumahan, perindustrian dan komersial bagi menunjukkan gambaran sebenar keperluan utiliti yang diperlukan menjelang tahun 2035. Unjuran bagi infrasruktur dan utiliti menunjukkan peningkatan bagi keperluan asas seperti talian telekomunikasi, pembetungan, bekalan air dan bekalan elektrik tidak meningkat secara mendadak, dimana peningkatan 3% - 5% bagi setiap 5 tahun. Bagi keperluan bekalan air, dengan mengambil asas kadar air tidak terakaun (NRW) pada tahun 2035 hanya 35%, margin rizab bekalan air tersedia mampu untuk menampung kepada 26.77%, manakala bagi keperluan bekalan elektrik masih berada di dalam purata margin selamat iaitu 42% - 39%.

**Rajah 2.53: Unjuran Talian Telekomunikasi Talian Tetap, Talian Mudah Alih dan Unjuran PE Pembetungan.**





| | 2025 | 2030 | 2035 |
|---|---|---|---|
| Unjuran Talian Tetap | 2929 | 3088 | 3157 |
| Unjuran Talian Mudah Alih '00 | 1537.95 | 1621.46 | 1657.41 |
| Unjuran PE '00 (Pembetungan) | 1082.25 | 1109.368 | 1136.811 |

**Rajah 2.54: Unjuran dan Kapasiti Bekalan Air Dan Elektrik**



## Rajah 2.55: Pelan Kawasan Risiko Banjir




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

- Kawasan Banjir


**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## Rajah 2.56: Pelan Kawasan Liputan Telekomunikasi Semasa




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

- Kawasan Liputan Perkhidmatan telekomunikasi
- Lokasi Menara Telekomunikasi


**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## Rajah 2.57: Pelan Lokasi Loji Rawatan Sisa Kumbahan Semasa




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

- Lokasi Sistem Rawatan Sisa Kumbahan


**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## Rajah 2.58: Pelan Lokasi Loji Rawatan Air Bersih




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

- Lokasi Loji Rawatan Air Bersih

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## D. PERUMAHAN

### i. Senario Semasa Perumahan

Kajian perumahan di Daerah Rompin dibahagikan kepada 3 pecahan kategori perumahan iaitu **perumahan terancang, perkampungan terancang dan perkampungan tidak terancang**.

Terdapat 6 mukim di Daerah Rompin yang ditadbir dibawah Majlis Daerah Rompin (MDR) dan Lembaga Pembangunan Tioman. Jumlah keseluruhan unit perumahan yang terdapat di Daerah Rompin adalah sebanyak **27,525 unit rumah.** Secara keseluruhannya perumahan terancang adalah sebanyak **7,193 unit rumah (26.13%), perkampungan terancang sebanyak 11,523 unit rumah (41.86%) dan perkampungan tidak terancang pula adalah sebanyak 8,810 unit (32.01%).** Berdasarkan pecahan kategori perumahan di Daerah Rompin, perkampungan terancang merupakan kategori perumahan yang mempunyai unit rumah tertinggi.

**Jadual 2.51: Pecahan Kategori Perumahan Mengikut Mukim di Daerah Rompin**

| MUKIM | PERUMAHAN TERANCANG | | PERKAMPUNGAN TERANCANG | | PERKAMPUNGAN TIDAK TERANCANG | | JUMLAH KESELURUHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | UNIT | % | UNIT | % | UNIT | % | UNIT | % |
| Bebar (Muadzam Shah) | 970 | 13.49 | 1,908 | 16.56 | 16 | 0.18 | **2,893** | **10.51** |
| Keratong | 1,387 | 19.28 | 8,579 | 74.45 | 2,225 | 25.26 | **12,191** | **44.29** |
| Rompin | 3,046 | 42.35 | 0 | 0.00 | 1,835 | 20.83 | **4,881** | **17.73** |
| Pontian | 529 | 7.35 | 544 | 4.72 | 2,401 | 27.25 | **3,474** | **12.62** |
| Endau | 1,128 | 15.68 | 492 | 4.27 | 1,479 | 16.79 | **3,099** | **11.26** |
| Tioman | 133 | 1.85 | 0 | 0.00 | 854 | 9.69 | **987** | **3.59** |
| **Jumlah Keseluruhan** | **7,193** | **100.00** | **11,523** | **100.00** | **8,810** | **100.00** | **27,525** | **100.00** |
| **Peratus Keseluruhan** | ***26.13*** | | **41.86** | | **32.01** | | **100.00** | |

*Sumber:*
1. *Majlis Daerah Rompin*
2. *Pejabat Daerah dan Tanah Rompin*
3. *SCHARMS*
4. *Pejabat Felda Wilayah, Kuantan*
5. *Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)*
6. *Guna Tanah Semasa Daerah Rompin 2023*

### ii. Unjuran Masa Hadapan

Unjuran adalah penting dalam memastikan keperluan perumahan adalah mencukupi bagi menampung penduduk pada masa akan datang. Unjuran perumahan dianggarkan kepada bilangan rumah yang diperlukan mengikut piawaian yang *normative* tanpa mengambil kira kemampuan bayaran rumah. Dalam konteks ini keperluan perumahan adalah berkait rapat dengan pertambahan penduduk dan isi rumah. Kaedah unjuran unit dan keluasan kediaman adalah berdasarkan kepada faktor berikut :

1. **Bilangan unit rumah sedia ada.**
2. **Pembangunan komited perumahan.**
3. **Unjuran penduduk dari tahun 2020 sehingga tahun 2035.**

### Sasaran Keperluan Kediaman Sehingga Tahun 2035


Berdasarkan maklumat sasaran pertambahan penduduk sehingga tahun 2035 dan stok kediaman semasa serta komited, keseluruhannya Daerah Rompin mempunyai lebihan penawaran perumahan sebanyak **3,651 unit** rumah. Lebihan perumahan ini melibatkan semua mukim di Daerah Rompin. Mukim Keratong mencatatkan lebihan tertinggi sebanyak **1,322 unit** rumah.

**Jadual 2.52: Keperluan Tambahan Isi Rumah Daerah Rompin, 2020-2035**

| MUKIM | PENAWARAN RUMAH SEMASA | | | KEPERLUAN RUMAH 2025 - 2035 | | | | KEPERLUAN AKAN DATANG (LEBIHAN) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KOMITED (50%) | KEKOSONGAN (KEKURANGAN) | JUMLAH | TAHUN 2025 | TAHUN 2030 | TAHUN 2035 | JUMLAH | |
| Bebar (Muadzam Shah) | 437 | 813 | 1,250 | 191 | 361 | 209 | 761 | **(489)** |
| Keratong | 0 | 2,350 | 2,350 | 425 | 431 | 172 | 1,028 | **(1,322)** |
| Rompin | 128 | 1,465 | 1,593 | 342 | 415 | 139 | 896 | **(696)** |
| Pontian | 40 | 642 | 682 | 90 | 107 | 47 | 244 | **(438)** |
| Endau | 34 | 740 | 774 | 118 | 133 | 64 | 315 | **(459)** |
| Tioman | 0 | 351 | 351 | 47 | 47 | 11 | 105 | **(246)** |
| **DAERAH ROMPIN** | **639** | **6,361** | **7,000** | **1,212** | **1,496** | **641** | **3,349** | **(3,651)** |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*


## Rajah 2.59: Pelan Taburan Perumahan Semasa Daerah Rompin 2023





### 1 MUKIM TIOMAN





### 2 MUKIM KERATONG





### 3 MUKIM PONTIAN & ENDAU




### 4 MUKIM BEBAR




### 5 MUKIM ROMPIN




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**Perumahan**

- Perumahan Terancang
- Perkampungan Terancang
- Perkampungan Tidak Terancang

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI




## E. PETEMPATAN DESA

### i. Senario Semasa Petempatan Desa

Petempatan Desa di Daerah Rompin dibahagiakan kepada 4 jenis kampung iaitu, Kampung Tradisional, Kampung Tersusun, Kampung Orang Asli dan Kawasan Tanah Rancangan FELDA.

Secara keseluruhanya Daerah Rompin mempunyai 167 buah petempatan desa utama yang terdiri daripada 18,409 unit rumah dengan jumlah penduduk seramai 98,065 orang.


**Rajah 2.60: Rumusan bilangan rumah dan kepadatan penduduk luar bandar, 2023**





**Jadual 2.53: Penemuan Petempatan Desa Mengikut Mukim di Daerah Rompin**

| KEMUDAHAN FIZIKAL | KAMPUNG TRADISI | KAMPUNG TERSUSUN | KAMPUNG ORANG ASLI | TANAH RANCANGAN |
|---|---|---|---|---|
| BEKALAN AIR | 97.85% | 100.00% | 76.85% | 100.00% |
| BEKALAN ELEKTRIK | 99.60% | 100.00% | 94.02% | 100.00% |
| LIPITAN JALAN BERTURAP | 100.00% | 100.00% | 100.00% | 100.00% |
| PENGANGKUTAN AWAM | 62.96% | 50.00% | 44.11% | 88.23% |
| KEMUDAHAN PENDIDIKAN DAN KESIHATAN | Semua petempatan mendapat akses dalam lingkusan jarak dan masa yang ideal kecuali di Kampung Rekoh | Semua petempatan mendapat akses dalam lingkusan jarak dan masa yang ideal | Semua petempatan mendapat akses dalam lingkusan jarak dan masa yang ideal kecuali di :-<br>1. KOA Kemomoi<br>2. KOA Banai<br>3. KOA Ganoh<br>4. KOA Guri<br>5. KOA Mentelong | Semua petempatan mendapat akses dalam lingkusan jarak dan masa yang ideal kecuali di beberapa kawasan FELDA Selancar |
| KEMUDAHAN AWAM | Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan | Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan | Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan kecuali beberapa kemudahan yang masih lagi berada di tahap rendah seperti di :-<br>1. KOA Paya Keladan<br>2. KOA Kemomoi<br>3. KOA Kemara<br>4. KOA Dong<br>5. KOA Air Molek<br>6. KOA Gambir<br>7. KOA Gading | Kesemua kemudahan berhierarki rendah telah disediakan |

*Sumber:*
1. *Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN)*
2. *Portal Program Pembangunan Desa Mandiri (PPDM)*
3. *Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2023*
4. *Federal Land Development Authority (FELDA),2023*



## Rajah 2.61: Pelan Taburan Petempatan Desa Semasa Daerah Rompin 2023




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

- Kampung Induk
- Kampung Tersusun
- Kampung Orang Asli
- Tanah Rancangan
- Kampung Rangkaian

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## F. INSTITUSI DAN KEMUDHAHAN MASYARAKAT

### i. Senario Semasa Perumahan

Berdasarkan daripada Jadual 2.52 guna tanah pendidikan merupakan guna tanah yang terbesar dalam kategori institusi dan kemudahan masyarakat di Daerah Rompin. Hal ini kerana, Daerah Rompin **mempunyai Institusi Pendidikan tinggi iaitu Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Politeknik Muadzam Shah dan Kolej Komuniti.**

Bagi kemudahan masyarakat di Daerah Rompin pula, tahap penyediaan kemudahan berada pada tahap yang sederhana dengan beberapa keperluan penambahan perlu dilakukan bagi memastikan taraf kualiti hidup yang baik dapat dicapai selaras dengan keperluan penduduk menjelang tahun 2035.

**Jadual 2.54: Keluasan Guna Tanah Bagi Kemudahan Masyarakat**


| KEMUDAHAN MASYARAT | | |
|---|---|---|
| **JENIS KEMUDAHAN** | **KELUASAN (Hek)** | **%** |
| Kemudahan Pendidikan | 536.00 | 54.21 |
| Kemudahan kesihatan | 46.50 | 4.70 |
| Kemudahan Keselamatan | 97.60 | 9.87 |
| Kemudahan Keagamaan | 42.60 | 4.31 |
| Kemudahan Perkuburan | 64.00 | 6.47 |
| Kemudahan Awam | 202.00 | 20.43 |
| **JUMLAH** | **988.70** | **100.00** |




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) Semasa*

### ii. Unjuran Masa Hadapan

**Rajah 2.62: Unjuran Keperluan Kemudahan Daerah Rompin, 2025-2035**




**Jadual 2.55: Unjuran Keperluan Kemudahan Daerah Rompin, 2025-2035**

| KEMUDAHAN | SEMASA (2020) | | TAHUN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2025 | | 2030 | | 2035 | |
| | BIL | KEPERLUAN | KEPERLUAN 2025 | KEPERLUAN TAMBAHAN SEHINGGA 2025 | KEPERLUAN 2030 | KEPERLUAN TAMBAHAN SEHINGGA 2030 | KEPERLUAN 2035 | KEPERLUAN TAMBAHAN SEHINGGA 2035 |
| Sekolah Menengah | 16 | 11 | 11 | 0 | 12 | 0 | 12 | 0 |
| Sekolah Rendah | 39 | 34 | 34 | 3 | 36 | 3 | 37 | 4 |
| Klinik Kesihatan | 9 | 7 | 7 | 2 | 7 | 2 | 7 | 2 |
| Klinik Desa | 19 | 26 | 20 | 4 | 21 | 5 | 21 | 5 |
| Balai Polis | 8 | 7 | 7 | 2 | 7 | 2 | 7 | 2 |
| Balai Bomba | 3 | 2 | 2 | 1 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| Masjid | 39 | 21 | 21 | 0 | 22 | 0 | 22 | 0 |
| Dewan | 10 | 10 | 10 | 1 | 11 | 3 | 11 | 3 |
| **JUMLAH** | **127** | **106** | **101** | **13** | **106** | **17** | **108** | **18** |

## 2.6.3 TERAS 3 – PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN

### A. PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

#### i. Kedatangan Pelancong Tahun 2023




#### iii. Kemudahan Sokongan Pelancongan dan Hospitaliti

| | Kemudahan Penginapan | Kemudahan Asas Pelancongan | Perkhidmatan Pelancongan |
|---|---|---|---|
| 132 | 35 di Kuala Rompin<br>97 di Pulau Tioman | Bank, Perhentian Bas, Jeti, Lapangan Terbang | Agensi Pelancong, Sewaan Alat Selam, Sewaan Alat Memancing, Sewaan Motosikal dan Basikal |

#### ii. Produk Pelancongan Semasa Daerah Rompin

Terdapat 109 produk pelancongan dikenalpasti di kawasan RTD Rompin dan dikelaskan kepada 9 kategori pelancongan. Bahagian ini menunjukkan perincian kategori produk pelancongan RTD Rompin dan senarai kategori, jenis dan nama produk pelancongan Daerah Rompin 2023


#### iv. Unjuran Kedatangan Pelancong

Unjuran kedatangan pelancong diambil kira hanya bagi tahun 2019. Ini kerana, pada tahun 2020 sehingga 2022, kedatangan pelancong ke Rompin dan Pulau Tioman mengalami menurun kesan dari pandemik Covid-19. Unjuran kedatangan pelancong ke Daerah Rompin sehingga akhir tahun perancangan 2035 dibuat berdasarkan **Alternatif / Keadah : *Dynamic Econometric Model.***

**Rajah 2.63 : Kategori Produk Pelancongan**




**Rajah 2.64: Unjuran Kedatangan Pelancong Tahun 2035**



**Jadual 2.56: Senarai Kategori, Jenis dan Nama Produk Pelancongan Daerah Rompin 2023**

**PRODUK UTAMA**

| JENIS PRODUK | NAMA PRODUK PELANCONGAN | LOKASI |
|---|---|---|
| **PELANCONGAN PULAU** | 1. Gugusan Pulau Tioman<br>2. Pulau Soyak<br>3. Pulau Rengis<br>4. Pulau Tumok<br>5. Pulau Tulai<br>6. Pulau Ceben<br>7. Pulau Sepoi<br>8. Pulau Labas<br>9. Pulau Jahat<br>10. Pulau Tokong Bahara<br>11. Pulau Tokong Burong Tengah<br>12. Pulau Tokong Burong Besar<br>13. Pulau Tokong Buring Chondong<br>14. Pulau Tasu<br>15. Pulau Seri Buat<br>16. Pulau Sembilang<br>17. Pulau Raja<br>18. Pulau Acheh<br>19. Pulau Layak<br>20. Pulau Tunas<br>21. Pulau Tengah<br>22. Pulau Lucung Laut<br>23. Pulau Lucung Darat | Laut China Selatan |

**PRODUK SOKONGAN**

| JENIS PRODUK | NAMA PRODUK PELANCONGAN | LOKASI |
|---|---|---|
| **PELANCONGAN PANTAI** | 1. Pantai Leban Chondong<br>2. Pantai Rantau Abang<br>3. Pantai Lanjut<br>4. Pantai Bernas<br>5. Pantai Kuala Pontian<br>6. Pantai Hiburan<br>7. Pantai Kampung Sungai Lumpur<br>8. Pantai Kampung Janglau<br>9. Pantai Mempisang<br>10. Pantai Tanjung Pahang | Pesisir Pantai |
| **PELANCONGAN EKO DAN SEMULAJADI** | **EKOPELANCONGAN**<br>1. Bukit Sembilan<br>2. Tasik Biru Bukit Ibam<br>3. Air Jeram Leleh Bukit Ibam<br>4. Bukit Ridan | Muadzam Shah |
| | 5. Taman Eko-Rimba Menchali | Kuala Rompin |
| | 6. Taman Negeri Rompin | Kuala Rompin |
| | **AIR TERJUN**<br>7. Air Terjun Seri Mahkota<br>8. Air Terjun Harimau Berjemur,<br>9. Air Terjun Ja'ang/Padang Batu | Taman Negeri Rompin |
| | 10. Air Terjun Kg Asah | Pulau Tioman |
| | 11. Air Terjun Lubuk Teja | Pulau Tioman |

| JENIS PRODUK | NAMA PRODUK PELANCONGAN | LOKASI |
|---|---|---|
| **INDUSTRI MAKANAN** | 1. Sri Muadzam Ikan Bakar<br>2. Jentayu Kopitiam<br>3. Cita Rasa Kita (CRK)<br>4. Baim Corner Keratong<br>5. Restoran Mak Che Tomyam (RMCT) | Muadzam Shah |
| | 6. Gerai Makan Azizah Leban Condong<br>7. Udang Galah Mak Ngah<br>8. Mak Ngah Udang Galah Cawangan 2 | Leban Chondong |
| | 9. Medan Selera Rompin<br>10. Iman Super Char Kuey Tiow<br>11. Warung Kak Yah Maggi Telur Sotong<br>12. *Roundabout Station*<br>13. Ikan Celup Tepung Qaseh Armani<br>14. Restoran Paip Biru<br>15. BFF *Café*<br>16. Gerai Makan Azizah Cawangan 3<br>17. Warung Kopi Johan<br>18. Cendol Hero Kg. Sepakat | Kuala Rompin |

| NAMA PRODUK PELANCONGAN | LOKASI |
|---|---|
| 19. Warung Nasi Dagang Bonda<br>20. Warong Pokok Manggis<br>21. Restoran Ikhwan Teluk Gading<br>22. Mutiara Biru *Bistro* | Teluk Gading |
| 23. Salang Indah Restaurant<br>24. Salang *Dreams Restaurant*<br>25. Tioman Cabana Beach Bistro<br>26. *Fiqthya Chalets Cafe*<br>27. Restoran Delima<br>28. Mawar Beach Restaurant<br>29. Warong Syahirah<br>30. Restoran Hijau<br>31. Matahari Restaurant<br>32. ABC Restaurant | Pulau Tioman |

**PRODUK SAMPINGAN**

| JENIS PRODUKNN | NAMA PRODUK PELANCONGAN | LOKASI |
|---|---|---|
| **PELANCONGAN ACARA** | **ROMPIN**<br>1. *Royal Pahang Billfish International Challenge*<br>2. *Fish Tales Cup Global Chinese Pro Challenge* | Laut China Selatan |
| | 3. *Rompin State Park Bird Race* | Taman Negeri Rompin |
| | 4. *Rompin Fest* | Pesisir Pantai Rompin |
| | **PULAU TIOMAN**<br>5. *Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge*<br>6. *Tioman Surf Festival*<br>7. *Padi Women's Dive Day* | Laut China Selatan |
| | 8. *Sail Malaysia Passage To The East Yacht Rally*<br>9. *Bubble Camp*<br>10. *World Sea Turtle Day*<br>11. *Start In Tioman*<br>12. *Beach Clean Up* | Pesisir Pantai Pulau Tioman |
| **PELANCONGAN AGRO DAN IKS** | 1. Kompleks Tenusu Muadzam Shah (Farm Fresh Milk Sdn Bhd)<br>2. Rompin Integrated Pineapple Industries | Muadzam Shah |
| | 3. Projek Agrotourism Paya Laka | Jalan Selendang |
| | 4. Keropok Lekor Sarang Tiong<br>5. ZDUE Enterprise – Ternakan Air Tawar<br>6. Mutiara Luncai Enterprise – Keropok Lekor | Teluk Gading |

| JENIS PRODUK | NAMA PRODUK PELANCONGAN | LOKASI |
|---|---|---|
| **PELANCONGAN AQUA** | 1. Rumah Rakit Sri Kandang, Kuala Rompin<br>2. Rumah Rakit Rizqy<br>3. Rumah Rakit Leban Chondong<br>4. Rumah Rakit & Chalet Damiha<br>5. Rumah Rakit Amaraisya<br>6. Rumah Rakit Rumbia Kg Lebam Chondong<br>7. Rumah Rakit Tanjung Sabak<br>8. D'Ferry Rumah Rakit<br>9. Qai Rakit Kg Sabak | Sungai Rompin |
| | 10. Rakit Pak Seman<br>11. Rumah Rakit CRC | Sungai Pontian |
| **PELANCONGAN GEO DAN WARISAN** | 1. Padang Tujuh<br>2. Batu Dinding | Taman Negeri Rompin |
| | 3. Pulau Berbatu Bongkah | Pulau Soyak, Pulau Jahat, Pulau Renggis dan Pulau Tumuk. |
| | 4. Bukit Nenek Semukut | Pulau Tioman |
| | 5. Rumah Orang Asli – Kg Orang Asli Sg Mok | Jalan Selendang |

## B. PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN AKUAKULTUR

### i. Senario Semasa Pertanian, Penternakan dan Akuakultur

Sektor Pertanian, Penternakan dan Akuakultur merupakan asas ekonomi utama di Daerah Rompin di mana sebahagian guna tanah keseluruhan Daerah Rompin adalah dikategorikan sebagai guna tanah pertanian. Terdapat tiga kategori utama dalam guna tanah pertanian iaitu Pertanian, Penternakan dan Akuakultur. Guna tanah pertanian merupakan guna tanah terbesar iaitu 48.32% dari keseluruhan guna tanah di Daerah Rompin.

Bagi keluasan guna tanah aktiviti pertanian yang utama, 99.65% keluasan aktiviti pertanian di mana tanaman kelapa sawit antara tanaman yang mempunyai keluasan yang terbesar iaitu 94.86%. Tanaman kedua terbesar adalah tanaman kontan yang mempunyai keluasan 2.82% diikuti tanaman padi merupakan tanaman ketiga terbesar iaitu seluas 1.42% dan diikuti tanaman getah merupakan tanaman keempat terbesar iaitu 0.47%. Oleh itu, tanaman kelapa sawit, tanaman kontan, padi dan getah merupakan tanaman terpenting dalam Daerah Rompin dari segi keluasan guna tanah dan produktiviti hasil pengeluaran.

**Jadual 2.57: Jenis Aktiviti Guna Tanah Pertanian Semasa 2023**

| JENIS AKTIVITI | KELUASAN (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| **PERTANIAN** | | |
| Kelapa Sawit | 239,666.83 | 94.86 |
| Tanaman Kontan | 7,149.17 | 2.82 |
| Padi | 3,610.03 | 1.42 |
| Getah | 1,197.33 | 0.47 |
| Tanaman Industri | 958.83 | 0.38 |
| Sayur-sayuran | 52.72 | 0.02 |
| Buah-buahan | 13.75 | 0.01 |
| **Jumlah Pertanian** | **252,648.66** | **99.65** |
| **PENTERNAKAN** | | |
| Burung Walit | 36.01 | 0.01 |
| Ayam | 7.67 | 0.01 |
| Itik | 3.84 | 0.00 |
| **Jumlah Penternakan** | **47.53** | **0.02** |
| **AKUAKULTUR** | | |
| Ikan | 824.09 | 0.33 |
| Udang | 7.79 | 0.00 |
| **Jumlah Akuakultur** | **831.88** | **0.33** |
| **Jumlah Guna Tanah Pertanian Semasa 2023** | **253,528.06** | **100.00** |

*Sumber: Guna Tanah Semasa Daerah Rompin 2023*

### ii. Unjuran Masa Hadapan

Beberapa aktiviti pertanian dikenalpasti sangat penting bagi jaminan keselamatan makanan negara seperti padi, tanaman kontan, sayur-sayuran dan buah-buahan. Keperluan projek pertanian berimpak tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), dan Jelapang Padi menerusi projek Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) mampu menjadikan pertanian di Daerah Rompin sebagai kawasan pengeluaran makanan bagi daerah Rompin, negeri Pahang dan Malaysia. Selain itu, pengekalan kawasan agrikomoditi seperti getah dan kelapa sawit turut juga ditekankan dalam perancangan sektor pertanian sehingga tahun 2035.

Bagi sektor penternakan dan akuakultur juga dikenalpasti sebagai sektor tumpuan pembangunan seperti ternakan ayam, ruminan pedaging dan tenusu selain akuakultur ikan dan udang yang berpotensi dan penting bagi menjamin pengeluaran hasil produktiviti yang baik kepada jaminan keselamatan makanan negara.

**Sasaran Guna Tanah Bagi Sektor Pertanian Sehingga Tahun 2035**


Berdasarkan keperluan terhadap jaminan keselamatan makanan negara menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) menunjukkan kepentingan sektor pertanian dalam perancangan guna tanah, dan pengeluaran hasil bagi memenuhi keperluan dalam negara. Oleh itu, unjuran bagi guna tanah pertanian di Daerah Rompin sehingga tahun 2035 akan menunjukkan peningkatan keluasan guna tanah di mana peningkatan sebanyak 0.38% peratus atau pertambahan 3,245.93 hektar dari tahun 2023 hingga tahun 2035.

**Jadual 2.58: Unjuran Keperluan Guna Tanah Bagi Sektor Pertanian Daerah Rompin, 2023-2035**

| GUNA TANAH AKTIVITI PERTANIAN | KADAR PERTUMBUHAN (%) | 2025 | % | 2030 | % | 2035 | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pertanian** | **0.36** | **253,561.12** | **99.64** | **254,591.85** | **99.62** | **255,760.03** | **99.61** |
| Kelapa Sawit | 0.00 | 239,666.83 | 94.18 | 239,666.83 | 93.78 | 239,666.83 | 93.34 |
| Tanaman Kontan | 3.50 | 7,399.39 | 2.91 | 7,658.37 | 3.00 | 7,926.41 | 3.09 |
| Padi | 17.00 | 4,223.74 | 1.66 | 4,941.77 | 1.93 | 5,781.87 | 2.25 |
| Getah | 0.00 | 1,197.33 | 0.47 | 1,197.33 | 0.47 | 1,197.33 | 0.47 |
| Tanaman Industri | 3.50 | 992.39 | 0.39 | 1,027.12 | 0.40 | 1,063.07 | 0.41 |
| Sayur-sayuran | 27.50 | 67.22 | 0.03 | 85.70 | 0.03 | 109.27 | 0.04 |
| Buah-buahan | 3.50 | 14.23 | 0.01 | 14.73 | 0.01 | 15.24 | 0.01 |
| **Penternakan** | **8.60** | **51.61** | **0.02** | **57.14** | **0.02** | **64.64** | **0.03** |
| Burung Walit | 0.00 | 36.01 | 0.01 | 36.01 | 0.01 | 36.01 | 0.01 |
| Ayam | 35.50 | 10.39 | 0.00 | 14.08 | 0.01 | 19.08 | 0.01 |
| Itik | 35.50 | 5.20 | 0.00 | 7.05 | 0.00 | 9.55 | 0.00 |
| **Akuakultur** | **4.50** | **869.31** | **0.34** | **908.43** | **0.36** | **949.31** | **0.37** |
| Ikan | 4.50 | 861.17 | 0.34 | 899.93 | 0.35 | 940.42 | 0.37 |
| Udang | 4.50 | 8.14 | 0.00 | 8.51 | 0.00 | 8.89 | 0.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **0.38** | **254,482.05** | **100.00** | **255,557.43** | **100.00** | **256,773.99** | **100.00** |

*Sumber: Guna Tanah Semasa Daerah Rompin 2023; DAN 2021-2030; Kajian KAGUMN*

## Rajah 2.65: Pelan Guna Tanah Pertanian Semasa Daerah Rompin 2023




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**Pertanian**

- Kelapa Sawit
- Tanaman Kontan
- Padi
- Getah
- Tanaman Industri
- Sayur-Sayuran
- Buah-Buahan
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan
- Zon Industri Akuakultur
- Pagut Ragut

**Penternakan**

- Burung Walit
- Ayam
- Itik

**Akuakultur**

- Ikan
- Udang

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## C. PERNIAGAAN

### i. Senario Semasa Perniagaan

Kajian perniagaan di Daerah Rompin dibahagikan kepada 2 pecahan kategori iaitu **perniagaan formal dan perniagaan tidak formal.**

Jumlah keseluruhan **perniagaan formal** di Daerah Rompin adalah **sebanyak 2,303 unit.** Jumlah ini merangkumi **tiga (3) jenis perniagaan iaitu runcit, borong serta perkhidmatan.** Manakala bagi **perniagaan tidak formal, sebanyak 1,193 unit** perniagaan dikenalpasti yang merangkumi perniagaan jenis gerai dan penjaja. Kajian mendapati jumlah unit bagi perniagaan terancang mengatasi jumlah perniagaan tidak formal di Daerah Rompin . **Penumpuan perniagan bagi kedua kategori ini adalah di Mukim Rompin dan Bebar (Muadzam Shah).**

**Jadual 2.59: Bilangan unit dan Keluasan Guna Tanah Perniagaan Daerah Rompin Mengikut Mukim**

| MUKIM | PERNIAGAAN FORMAL | | PERNIAGAAN TIDAK FORMAL | |
|---|---|---|---|---|
| | BILANGAN (UNIT) | PERATUSAN (%) | BILANGAN (UNIT) | PERATUSAN (%) |
| **Bebar (Muadzam Shah)** | 517 | 22.45 | 482 | 40.40 |
| **Keratong** | 282 | 12.24 | 115 | 9.64 |
| **Rompin** | 704 | 30.57 | 489 | 40.99 |
| **Pontian** | 27 | 1.17 | 5 | 0.42 |
| **Endau** | 409 | 17.76 | 84 | 7.04 |
| **Tioman** | 364 | 15.81 | 18 | 1.51 |
| **JUMLAH** | **2,303** | **100.00** | **1,193** | **100.00** |

*Sumber: Kajian Lapangan Sektor Perniagaan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### ii. Unjuran Masa Hadapan

Unjuran perniagaan diperlukan bagi mengenalpasti ruang lantai perniagaan yang diperlukan pada masa hadapan. Dalam konteks ini keperluan ruang lantai perniagaan ini. Ianya berkait rapat dengan bilangan penduduk semasa bagi memastikan ruang lantai yang diunjurkan selaras dengan pertambahan penduduk. Kaedah unjuran penawaran ruang lantai perniagaan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :

- **Luas ruang lantai perniagaan**
- **Bilangan penduduk tahun 2023**
- **Pembangunan perniagaan komited / ditetapkan tahun 2023**

Kaedah pengiraan adalah seperti berikut :

$$\frac{\text{Ruang Lantai Tahun 2023}}{\text{Penduduk Tahun 2023}} \times \text{Bilangan Penduduk Tahun 2035}$$

**Sasaran Keperluan Perniagaan Sehingga Tahun 2035**


Berdasarkan kepada unjuran keperluan ruang lantai perniagaan yang telah dibuat, sebanyak 116,756 mp (28.85 ekar / 11.67 hektar) penambahan ruang lantai perniagaan yang diperlukan di Daerah Rompin sehingga tahun 2035.

**Jadual 2.60: Keperluan Tambahan Isi Rumah Daerah Rompin, 2020-2035**

| MUKIM | RUANG LANTAI 2023 (MP) (A) | RUANG LANTAI KOMITED 2023 (MP) (B) | RUANG LANTAI 2035 (MP) (C) | KEPERLUAN SEBENAR RUANG LANTAI PERNIAGAAN 2035 (MP) (C-(A+B) |
|---|---|---|---|---|
| **Bebar (Muadzam Shah)** | 76,680 | 23,760 | 116,987 | 16,547 |
| **Keratong** | 40,680 | - | 52,345 | 11,665 |
| **Rompin** | 95,760 | 10,860 | 152,704 | 46,084 |
| **Pontian** | 4,080 | - | 5,394 | 1,314 |
| **Endau** | 73,560 | 2,160 | 94,940 | 19,220 |
| **Tioman** | 40,680 | - | 62,606 | 21,926 |
| **Jumlah** | **331,440** | **36,780** | **484,976** | **116,756** |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 2.66: Pelan Taburan Perniagaan Semasa Daerah Rompin 2023




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 4 MUKIM ROMPIN




### 5 MUKIM PONTIAN & ENDAU



### PETUNJUK

- Teres
- Bangunan Sesebuah

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## D. PERINDUSTRIAN

### i. Senario Semasa Perindustrian

Kajian perindustrian di Daerah Rompin dibahagikan kepada 3 pecahan kategori perindustrian iaitu **Taman Perindustrian, Bukan Taman Perindustrian dan Perlombongan /Kuari.**

Jumlah guna tanah Perindustrian semasa Daerah Rompin adalah **2,989.48 hektar** iaitu **0.63%** dari jumlah keseluruhan Daerah Rompin. Jumlah keluasan **Taman Perindustrian** adalah **384.12 hektar (12.85%), Bukan Taman Perindustrian** seluas **225.4 hektar (7.54%) dan Perlombongan/Kuari seluas 2,379.96 hektar (79.61%).**

**Mukim Keratong** mempunyai keluasan guna tanah perindustrian paling tinggi berbanding mukim-mukim lain iaitu sebanyak **2,397.10 hektar (80.18%)** dari guna tanah keseluruhan Daerah Rompin. Aktiviti perlombongan dan kuari mencatatkan keluasan yang tertinggi di mukim ini iaitu **2,097.24 hektar** di mana terdapat 2 aktiviti kuari yang aktif serta 17 perlombongan dijalankan di mukim tersebut.

Guna tanah perindustrian kedua terbesar adalah di **Mukim Pontian** iaitu seluas **235.53 hektar (7.88%)** yang meliputi kawasan taman perindustrian serta perlombongan/kuari di mukim tersebut. Manakala mukim-mukim lain seperti **Mukim Rompin** mencatatkan peratusan guna tanah seluas **229.75 hektar (7.69%), Mukim Bebar (Muadzam Shah)** seluas **70.18 hektar (2.35%)** dan diikuti dengan **Mukim Endau** seluas **56.92 hektar (1.90%).**

### ii. Unjuran Masa Hadapan

Unjuran peluang pekerjaan industri penting di dalam menentukan tren pembangunan masa hadapan. Unjuran guna tenaga dikira berasaskan **purata pertumbuhan guna tenaga** iaitu **3.70%**[1]. Unjuran keperluan kawasan industri pula dibuat dengan mengambilkira jumlah guna tenaga sedia ada dan keluasan kawasan industri sedia ada iaitu merangkumi **pembangunan industri selain perlombongan/kuari** serta **industri komited.**

[1] *Kadar purata dibentuk berdasarkan tren pertumbuhan tahunan guna tenaga sektor pembuatan.*

**Jadual 2.61: Taburan Guna Tanah Perindustrian Mengikut Mukim, Daerah Rompin**

| MUKIM | TAMAN PERINDUSTRIAN (HEKTAR) | % | BUKAN TAMAN PERINDUSTRIAN (HEKTAR) | % | PERLOMBONGAN / KUARI | % | JUMLAH (HEKTAR) | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bebar (Muadzam Shah) | 37.81 | 9.84 | 0 | 0.00 | 32.37 | 1.36 | 70.18 | 2.35 |
| Keratong | 78.27 | 20.38 | 221.59 | 98.31 | 2,097.24 | 88.12 | 2,397.10 | 80.18 |
| Rompin | 226.1 | 58.86 | 3.65 | 1.62 | 0 | 0.00 | 229.75 | 7.69 |
| Pontian | 4.35 | 1.13 | 0.16 | 0.07 | 231.02 | 9.71 | 235.53 | 7.88 |
| Endau | 37.59 | 9.79 | 0 | 0.00 | 19.33 | 0.81 | 56.92 | 1.90 |
| Tioman | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| **Jumlah** | **384.12** | **100** | **225.4** | **100** | **2,379.96** | **100** | **2,989.48** | **100** |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### Sasaran Keperluan Industri Sehingga Tahun 2035


Berdasarkan unjuran di bawah, seluas **679.71 hektar** keperluan tanah perindustrian diperlukan sehingga tahun 2035. **Purata peningkatan** keluasan perindustrian setiap lima tahun adalah sebanyak **23.82 hektar.** Namun begitu, pertambahan atau pengurangan tanah industri boleh berubah sekiranya terdapat perubahan dasar di peringkat Negeri mahupun Persekutuan.

**Jadual 2.62: Unjuran Keperluan Sebenar Kawasan Industri di Daerah Rompin, 2020-2035**

| TAHUN | 2025 | 2030 | 2035 |
|---|---|---|---|
| A. Kawasan Industri Unjuran (Hektar) | 632.07 | 655.46 | 679.71 |
| B. Kawasan Industri Semasa (i) | 609.52 | 609.52 | 609.52 |
| i. Kawasan Industri Sedia Ada (Hektar) | 609.52 | 609.52 | 609.52 |
| C. Kawasan Industri Komited (Hektar) | - | - | - |
| **Keperluan Bersih Kawasan Industri A-(B+C)** | **22.55** | **45.94** | **70.19** |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 2.67: Pelan Taburan Perindustrian Semasa Daerah Rompin 2023




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 3 KUALA ROMPIN




### 4 TELUK GADING





### PETUNJUK

- Taman Perindustrian
- Bukan Taman Perindustrian
- Perlombongan/Kuari

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## E. REKABENTUK BANDAR

### i. Senario Semasa Rekabentuk Bandar

Pemilihan kawasan kajian reka bentuk bandar, pemuliharaan bangunan warisan dan landskap adalah berdasarkan fungsi dan imej sesebuah kawasan serta potensinya sebagai penyumbang pembangunan kawasan kajian menjelang tahun 2035. Fungsi setiap pusat petempatan saling berkait rapat dengan sektor komersial di mana bandar dan pekan-pekan menjadi tumpuan komuniti setempat untuk mendapatkan keperluan harian serta perkhidmatan tertentu.




Hierarki bandar-bandar serta pekan yang dikaji ini adalah berpandukan hierarki petempatan yang digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 dan Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2). Bandar Kuala Rompin dikategorikan sebagai bandar utama ataupun Pusat Pertumbuhan Daerah bagi Daerah Rompin manakala Muadzam Shah, Bukit Ibam, Bandar Tun Razak, Teluk Gading dan Tioman (Kampung Tekek) dikategorikan sebagai Pusat Petempatan Utama, petempatan FELDA pula termasuk dalam kategori Pusat Petempatan Kecil.

**HIERARKI BANDAR**



| BANDAR UTAMA | PUSAT PETEMPATAN UTAMA | PUSAT PETEMPATAN KECIL |
|---|---|---|
| ✓ Kuala Rompin | ✓ Muadzam Shah<br>✓ Bukit Ibam<br>✓ Bandar Tun Razak<br>✓ Teluk Gading<br>✓ Pulau Tioman (Kampung Tekek) | ✓ Chanis<br>✓ Perantau Damai<br>✓ Pewira Jaya<br>✓ Selancar<br>✓ Selendang |

**Jadual 2.63: Ringkasan Rekabentuk Bandar.**


| BANDAR KUALA ROMPIN | BANDAR MUADZAM SHAH | BANDAR TELUK GADING |
|---|---|---|
| i. Berfungsi sebagai pusat aktiviti dan tumpuan masyarakat, pusat pentadbiran daerah dan kemudahan masyarakat serta pusat perniagaan dan perkhidmatan.<br>ii. Zon aktiviti tertumpu di kawasan Pusat Bandar Kuala Rompin dengan tumpuan kepada kawasan perniagaan, pasar, terminal bas dan taman awam. | i. Terletak di lokasi strategik kerana berhampiran dengan jalan utama iaitu Lebuhraya Tun Razak.<br>ii. Zon aktiviti tertumpu di Pusat Bandar Muadzam Shah dengan tumpuan kepada kawasan perniagaan, terminal bas dan kemudahan awam.<br>iii. Berpotensi sebagai hub Pendidikan Rompin | i. Bandar Teluk Gading mempunyai lokasi yang strategik terletak di sempadan Negeri Pahang – Johor dan bersempadanan dengan Daerah Mersing.<br>ii. Zon aktiviti tertumpu kepada kawasan perniagaan dan terminal feri.<br>iii. Berpotensi sebagai hub Pelancongan Pengangkutan |
|  |  |  |
| **PEKAN BUKIT IBAM** | **BANDAR TUN RAZAK** | **KAMPUNG TEKEK (TIOMAN)** |
| i. Majoriti Kawasan Bukit Ibam adalah terdiri daripada Kawasan petempatan penduduk lengkap dengan kemudahan awam.<br>ii. Keunikan Tasik Biru Bukit Ibam sebagai kawasan bekas lombong menjadi tarikan sejarah kepada pelancong. | i. Berperanan sebagai pusat perkhidmatan kepada penduduk tempatan terutamanya di dalam penyediaan kemudahan asas dan juga sosial.<br>ii. Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan yang terhad. | i. Kawasan tumpuan utama pelancong di daerah Rompin.<br>ii. Pusat perkhidmatan dengan fungsi perkhidmatan yang pelbagai seperti hotel dan komersial bagi menyokong aktiviti pelancongan dan penduduk setempat. |
|  |  |  |



**Ringkasan Rekabentuk Bandar (Sambungan….)**


## CHANIS

i. Merupakan kawasan petempatan FELDA Keratong 6 dan 7 yang dilengkapi dengan kemudahan awas.
ii. Pusat perniagaan yang berpusat dengan fungsi perkhidmatan yang terhad.
iii. Mempunyai pintu gerbang sebagai mercu tanda di setiap pintu masuk dan mempunyai landskap menarik.





## PERANTAU DAMAI

i. Merupakan kawasan petempatan FELDA Keratong 8, 9 dan 10 yang dilengkapi dengan kemudahan awas.
ii. Pusat perniagaan yang berpusat dengan fungsi perkhidmatan yang terhad.
iii. Mempunyai pintu gerbang sebagai mercu tanda di setiap pintu masuk dan mempunyai landskap menarik.





## PEWIRA JAYA

i. Merupakan kawasan petempatan FELDA Selancar 1 dan 6 yang dilengkapi dengan kemudahan awas.
ii. Pusat perniagaan yang berpusat dengan fungsi perkhidmatan yang terhad.
iii. Mempunyai pintu gerbang sebagai mercu tanda di setiap pintu masuk dan mempunyai landskap menarik.





## SELANCAR

i. Merupakan kawasan petempatan FELDA Selancar 2, 3, 4 dan 5 yang dilengkapi dengan kemudahan awas.
ii. Pusat perniagaan yang berpusat dengan fungsi perkhidmatan terhad.
iii. Mempunyai pintu gerbang sebagai mercu tanda di setiap pintu masuk dan mempunyai landskap menarik.




## SELENDANG

i. Merupakan kawasan petempatan FELDA Selancar 1 dan 2 yang dilengkapi dengan kemudahan awas.
ii. Pusat perniagaan yang berpusat dengan fungsi perkhidmatan terhad.
iii. Mempunyai pintu gerbang sebagai mercu tanda di setiap pintu masuk dan mempunyai landskap menarik.




**Imej dan rekabentuk kawasan bandar dan petempatan Felda ini berpotensi untuk dinaiktaraf dan dibangunkan terutama dari aspek fizikal dan sosial sekaligus mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mampan kepada penduduk mahupun pelancong.**

**PETUNJUK :**

- Mercu Tanda (*Landmark*)
- Nodus (*Nodes*)
- Laluan (Path)
- Zon Perniagaan
- Zon Perumahan
- Zon Rekreasi
- Zon Industri
- Zon Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Sempadan Bandar
- Sungai / Laut

## IMEJ DAN IDENTITI DAERAH ROMPIN

Daerah Rompin mempunyai imej dan identiti yang tersendiri yang berpotensi untuk ditonjolkan. Terdapatnya elemen simbolik iaitu Ikan Layaran yang memberi impak dari segi visual yang tinggi kepada pengunjung. Elemen Ikan Layaran ini diterapkan di dalam rekabentuk pintu masuk daerah dan arca-arca yang terdapat di sekitar bandar di daerah Rompin.

Terdapat juga elemen gading yang turut dijadikan sebagai arca di Muadzam Shah. Ia merupakan elemen simbolik kepada Negeri Pahang khususnya Daerah Rompin.






Penerapan elemen semulajadi Ikan Layaran di sekitar daerah Rompin

## F. REKREASI DAN LANDSKAP

### i. Kawasan Lapang Dan Rekreasi

**Keluasan Daerah Rompin**
**524,733 hektar**

**Penduduk Tahun 2020**
**98,065 orang**

**Penawaran dan Keperluan Sebenar Kawasan Lapang dan Rekreasi**


| **Penawaran Semasa** guna tanah kawasan lapang dan rekreasi | **Keperluan Sebenar** guna tanah kawasan lapang dan rekreasi |
|---|---|
| **0.04%** (195.78 Hektar) | **0.04%** (196.13 Hektar) |

Nisbah penyediaan kawasan lapang dengan penduduk semasa :
**1.99 hektar bagi 1,000 penduduk**

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*
*Nota: Penyediaan semasa menepati nisbah penyediaan dalam Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi & Indikator Murninet iaitu 2 hektar bagi 1,000 penduduk.*

### ii. Senario Semasa Kawasan Lapang Warta

**Status Pewartaan Tanah Lapang Daerah Rompin**




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### iii. Unjuran Masa Hadapan

**Unjuran Kawasan Lapang dan Rekreasi Bagi Daerah Rompin Dari Tahun 2020 Sehingga 2035 (Unit)**

| Keperluan Tambahan | |
|---|---|
| **3 unit** Taman Bandaran | **3 unit** Taman Kejiranan |
| (Mukim Keratong, Mukim Rompin dan Mukim Endau) | (Mukim Bebar (Muadzam Shah), Mukim Pontian dan Mukim Tioman) |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### iv. Landskap Pintu Masuk Daerah Rompin

Terdapat enam (6) pintu masuk ke Daerah Rompin dan tiga (3) daripadanya adalah pintu masuk antara negeri. Berdasarkan analisis semasa, kesemua pintu masuk bagi Daerah Rompin didapati hanya mencatatkan skor keseluruhan penilaian imej landskap yang rendah.

**Jadual 2.64: Penilaian Imej Landskap Kawasan Pintu Masuk Daerah Rompin**

| BIL | LOKASI | LANDSKAP KEJUR | | LANDSKAP LEMBUT | | PURATA SKOR | TAHAP KUALITI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PAPAN TANDA | LAMPU | POKOK RENEK | POKOK TEDUHAN | | |
| 1. | Dari Mersing | 1 | 2 | 1 | 1 | 1 | TR |
| 2. | Ke Pekan | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | TR |
| 3. | Ke Kuantan | 1 | 2 | 0 | 1 | 1 | TR |
| 4. | Dari Segamat | 2 | 0 | 0 | 0 | 1 | TR |
| 5. | Dari Bandar Bera | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | TR |
| 6. | Dari Bandar Seri Jempol | 2 | 1 | 0 | 1 | 1 | TR |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*
*Skor penilaian imej landskap:* 3 = *Sangat Baik,* 2 = *Baik,* 1 = *Sederhana,* 0 = *Kurang Memuaskan*
Tahap Kualiti : TT =Tahap Tinggi, TS = Tahap Sederhana , TR = Tahap Rendah

### iv. Landskap Bandar Utama Daerah Rompin


Landskap bandar utama adalah penting dalam menonjolkan karakter dan imej sesebuah bandar. Penilaian landskap dilakukan bagi mengenalpasti penyediaan landskap kejur dan lembut dapat membantu dalam memperindah dan memberi kesan kehijauan dalam bandar serta menyokong aktiviti semasa.

**Jadual 2.65: Penilaian Imej Landskap Bandar Utama Daerah Rompin**

| BANDAR UTAMA | PENILAIAN HARDSCAPE SEDIA ADA | PENILAIAN SOFTSCAPE SEDIA ADA | PENGGUNAAN KOMPONEN SMART |
|---|---|---|---|
| Kuala Rompin | 2 (Tahap Sederhana) | 2 (Tahap Sederhana) | Tiada |
| Teluk Gading | 2 (Tahap Sederhana) | 1 (Tahap Rendah) | Tiada |
| Muadzam Shah | 3 (Tahap Baik) | 2 (Tahap Sederhana) | Ada Lokasi: Taman Tasik Lipur Kota |
| Bukit Ibam | 1 (Tahap Rendah) | 1 (Tahap Rendah) | Ada Lokasi: Tasik Biru Bukit Ibam |
| Kampung Tekek, Tioman | 3 (Tahap Baik) | 2 (Tahap Sederhana) | Ada (Lampu Solar) |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*
*Skor penilaian imej landskap:* 3 = *Sangat Baik,* 2 = *Baik,* 1 = *Sederhana,* 0 = *Kurang Memuaskan*

## Rajah 2.68: Pelan Taburan Tanah Lapang & Rekreasi Daerah Rompin




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**Tanah Lapang & Rekreasi**
- Tanah Lapang
- Kemudahan Sukan & Rekreasi
- Tanah Lapang Warta
- Hutan Rekreasi
- Tasik
- Pantai
- Air Tejun
- Rekreasi Lain

**Pintu Masuk**
- Pintu Masuk Daerah
- Pintu Masuk Negeri

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## 2.7 ISU DAN POTENSI PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2023

Bahagian ini akan memperincikan isu dan potensi utama Daerah Rompin yang telah dikenalpasti dalam kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) ini. Secara keseluruhannya terdapat **10 isu** dan **4 potensi** yang mempengaruhi pembangunan Daerah Rompin seperti berikut:

### A ISU DAN MASALAH PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN

#### KEDUDUKAN MUKABUMI BERPAYA DAN MUDAH BANJIR

- **Saban tahun Daerah Rompin mengalami bencana banjir** kerana **kedudukan muka bumi berpaya dan mudah banjir semasa musim tengkujuh** khususnya di kawasan kampung, penempatan, jelapang padi dan RPS orang asli **melibatkan tiga (3) sungai utama iaitu Sungai Rompin, Sungai Endau dan Sungai Keratong.**
- Kawasan-kawasan terlibat ini adalah di Kampung Gading (Sungai Mabuk dan Sungai Perepat), Kampung Perepat (Sungai Cemara) dan Kampung Kurnia (Sungai Anak Endau).




#### HAKISAN PANTAI YANG MENJEJASKAN DAYA TARIKAN DAN AKTIVITI PELANCONGAN

- Hakisan pantai yang berlaku di kawasan pantai timur berikutan proses semula jadi yang tidak dapat dielakkan iaitu daya semula jadi yang saling bertindak di pesisiran pantai seperti **ombak, arus, angin dan air pasang surut.**
- **Isu hakisan pantai di sepanjang pesisiran pantai di Daerah Rompin telah menjejaskan potensi pembangunan pelancongan** khususnya resort-resort sedia ada yang telah beroperasi lama serta menjejaskan potensi pembangunan di masa hadapan bagi kawasan tumpuan pelancongan.




#### KEBOCORAN EKONOMI SETEMPAT

- **Kedudukan pusat-pusat komersial yang berjauhan dengan kawasan tumpuan penduduk memberi kesan kepada kebocoran ekonomi di Daerah Rompin.** Kesan daripada itu, kadar tenaga buruh berkurangan disebabkan migrasi penduduk keluar terutamanya orang muda kerana kurangnya peluang pekerjaan.
- Bagi sektor ekonomi pula rata-rata penduduk di Daerah Rompin berkecenderungan berbelanja di negeri dan daerah bersempadanan seperti Mersing, Segamat, Pekan dan Kuantan.
- Perkembangan bandar khususnya pusat-pusat komersial sedia ada menjadi tidak rancak kerana tiada penjanaan ekonomi daripada penduduk tempatan.




#### PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI YANG MASIH KURANG MEMUASKAN

- Pembangunan bandar yang teratur adalah disokong oleh kemudahan infrastruktur dan utiliti yang baik.
- Namun demikian penyediaan kemudahan tersebut masih berkurang memuaskan khususnya di kawasan-kawasan pedalaman, pusat petempatan kecil, Rancangan Petempatan Semula (RPS) dan kampung tradisional yang mempunyai kadar bilangan penduduk yang rendah.




#### HUBUNGAN YANG LEMAH ANTARA KAWASAN PANTAI DAN KAWASAN PEDALAMAN

- Hubungan antara kawasan pedalaman dan kawasan bandar yang lemah kerana kemudahan jalan raya kurang memuaskan.
- Hal ini disebabkan ketiadaan jalan alternatif khususnya bagi kawasan Kuala Rompin-Berabong-Selancar-Segamat.
- Oleh itu, pertumbuhan ekonomi di luar bandar tidak dapat dipertingkatkan kerana akses yang lemah untuk menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar.
- Selain itu, peluang pekerjaan bagi penduduk pedalaman sangat lemah kerana tiada jalan alternatif ke kawasan bandar.



***Sambungan…***

## PERLINDUNGAN KAWASAN TADAHAN AIR DI KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

- Isu Kawasan Sensitif Alam Sekitar di Daerah Rompin adalah berlakunya pembalakan secara haram. Secara tidak langsung, kawasan guna tanah hutan semakin berkurang dan memberi kesan terhadap kawasan tadahan air di Daerah Rompin yang boleh menyebabkan banjir.
- Antara kawasan pelindungan kawasan tadahan air adalah di kawasan Hutan Simpan Kekal (HS Resak, HS Lesong dan HS Pukin), Hutan Simpan Tadahan Air (HS Ibam) dan kawasan berpaya Kuala Pontian dan Kuala Rompin.
- Antara alternatif untuk menyelamatkan kawasan tadahan air di kawasan sesitif alam sekitar adalah penyahwartaan kawasan hutan tadahan air HS Ibam sebagaimana sumber Jabatan Perhutanan dan Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Negeri Pahang perlu diberi penekanan utama kerana hutan ini berfungsi sebagai kawasan tadahan.




## ASAS EKONOMI TEMPATAN YANG KURANG BERSAING

- Kurangnya peluang pekerjaan di Daerah Rompin menyebabkan kadar penghijrahan meningkat terutamanya golongan muda.
- Hal ini disebabkan, Daerah Rompin tidak mempunyai projek-projek berimpak tinggi menyebabkan ekonomi daerah Rompin kurang memberangsangkan sekali gus penawaran peluang pekerjaan berkurang.
- Projek-projek berskala besar dapat menyokong ekonomi tempatan untuk bersaing dan dapat meningkatkan peluang pekerjaan sekali gus dapat mengurangkan kadar penghijrahan di Daerah Rompin.




## PUSAT BANDAR DAN PENEMPATAN KAWASAN-KAWASAN TINGGALAN LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA (DARA) YANG TIDAK DISELENGGARA DENGAN BAIK

- Pembubaran Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) memberi kesan yang buruk kepada kawasan-kawasan di bawah seliaannya. Kemungkinan penempatan kawasan tinggalan (DARA) akan ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi dan prasarana dalam konteks pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- Penyelarasan dan penyelenggaraan pusat bandar dan penempatan kawasan-kawasan di bawah DARA yang tidak urus dengan baik memberi kesan kepada prestasi pengurusan dan kawalan pembangunan di Daerah Rompin.
- Kawasan-kawasan terlibat adalah di Bukit Ibam, Kota Shah Bandar, Melati, Pekoti Timur, Selancar, Bandar Tun Razak, Perantau Damai, Kota Bahagia, Chanis, Cenderawasih dan Perwira Jaya.




## PERLETAKAN DAERAH ROMPIN JAUH DARI KAWASAN YANG TELAH MAJU

- Daerah Rompin tidak terlibat dengan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) menyebabkan Daerah Rompin jauh daripada kawasan maju.
- Sebagai contoh keseluruhan Daerah Rompin tidak terlibat dengan laluan Projek Rel Pantai Timur (ECRL) dan jajaran Lebuhraya Central Spine Road (CSR).
- Ini secara tidak langsung limpahan manfaat pembangunan di laluan ini adalah tidak diberi keutamaan kepada Daerah Rompin.
- Permasalahan ini memberi kesan kepada pembangunan Rompin sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Projek laluan berimpak tinggi tidak dapat memberi sokongan kepada sektor pelancongan di Daerah Rompin.




## KEPERLUAN PERKHIDMATAN AIR BERSIH DAN TERHAD

- Berdasarkan daripada akbar, masalah perkhidmatan air bersih sering berlaku setiap tahun
- Keperluan perkhidmatan air bersih yang terhad juga turut menjadi isu dan masalah kepada kawasan pusat bandar dan kawasan-kawasan perumahan sedi ada.
- Penggunaan paip-paip lama yang tidak diganti mengambilkira kos yang tinggi untuk tujuan penggantian bagi keseluruhan sistem penyampaian air.
- Kawasan tadahan air di Daerah Rompin tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengguna di Daerah Rompin. Oleh itu, cadangan untuk penyahwartaan kawasan sensitif alam sekitar sebagai kawasan tadahan perlu disegerakan.



Daerah Rompin mempunyai potensi pembangunan. Antara potensi-potensi yang telah dikenal pasti boleh dimanfaatkan adalah seperti berikut:

## B POTENSI UTAMA PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN

### KEDUDUKAN STRATEGIK DI LALUAN UTAMA MENGHUBUNGKAN NEGERI BERSEMPADAN IAITU JOHOR DAN NEGERI SEMBILAN

Daerah Rompin berpotensi besar dalam sektor pelancongan kerana berada di laluan pintu masuk antara kawasan selatan ke pantai timur menggunakan Jalan Endau Utama (AH18). Selain itu, perletakan Daerah Rompin yang strategik di laluan utama menghubungkan Negeri Johor dan Negeri Sembilan di kawasan pembangunan baharu pusat komersial Muadzam Shah telah memberikan limpahan kepesatan pembangunan dari kawasan tersebut pada masa depan. Lokasi di laluan utama Jalan Persekutuan FT 12 ini telah memberi impak dari segi peningkatan nilai hartanah, peluang-peluang pekerjaan, pemangkin kegiatan ekonomi, peningkatkan nilai pasaran, kewujudan penawaran dan permintaan ekonomi.







### KEPELBAGAIAN PRODUK DAN KAWASAN PELANCONGAN, REKREASI DAN PENGEKALAN SUMBER ALAM SEMULA JADI

Daerah Rompin merupakan hub pelancongan Negeri Pahang. Merujuk kepada potensi Daerah Rompin, terdapat pelbagai tarikan pelancongan di daerah ini seperti pelancongan hutan, gunung, bukit, air terjun, pantai, pulau yang menarik dan indah, makanan laut/ air tawar dan aktiviti sungai dan laut.

Daerah Rompin berpotensi untuk memperkasakan sektor pelancongan di kawasan persisiran pantai Bandar Rompin sebagai contoh di kawasan Pantai Hiburan.

Daerah Rompin merupakan hub pelancongan Negeri Pahang perlu menambah baik sektor pelancongan pulau terutamanya di Pulau Tioman. Antara cadangan yang perlu dibuat adalah pengiklanan dan pejanamaan semula Pulau-pulau di Daerah Rompin.

Namun masih terdapat banyak lagi produk pelancongan yang berpotensi yang boleh diketengahkan bahkan akan menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan juga luar negara.






### KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN

Daerah Rompin mempunyai kelebihan dari segi kesediaan tanah yang luas untuk ditawarkan bagi menampung pembangunan-pembangunan baharu di masa hadapan.

Kawasan-kawasan baharu yang boleh diwujudkan untuk keperluan pembangunan adalah seperti perumahan, perniagaan, industri dan lain-lain. Daerah Rompin masih memiliki tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangunkan secara tidak langsung ia memberikan limpahan kepesatan pembangunan dari kawasan tersebut pada masa depan.






### PEMBANGUNAN PERTANIAN, AKUAKULTUR, PRODUK HASIL LAUT DAN HUTAN SECARA KOMERSIL

Daerah Rompin mempunyai kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan pertanian secara komersil yang tidak bercanggah dengan alam sekitar.

Daerah Rompin berpotensi untuk menjadikan kawasan kluster Pembangunan Agropolitan. Daerah Rompin bakal menjadi hub lembah makanan dan pengeluar sumber makanan utama kepada Negeri Pahang terutamanya tanaman nanas dan produk tenusu. Secara tidak langsung, Daerah Rompin bakal menjadi destinasi Agropolitan yang mampu menarik kedatangan pelancong.





# BAB 3

## WAWASAN DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

**RSN PAHANG 2050**
**BANDAR PELANCONGAN ANTARABANGSA**

## VISI MAJLIS DAERAH ROMPIN

**Menyediakan sebuah Daerah yang mampan dan boleh menjana pembangunan modal insan serta Ekopelancongan menerusi pembangunan fizikal dan kawalan pelancongan terancang**

## VISI LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

**Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan kawasan Lembaga Pembangunan Tioman (PULAU TENAGA HIJAU)**



# 3.0 WAWASAN DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

## 3.1 VISI DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

MATLAMAT PEMBANGUNAN

**"MENJADIKAN DAERAH ROMPIN SEBAGAI**
**BANDAR PELANCONGAN ANTARABANGSA**
**DISOKONG DENGAN**
**EKOPELANCONGAN LESTARI, PERTANIAN MODEN**
**DAN**
**PEMBANGUNAN MAMPAN"**

### TERJEMAHAN MATLAMAT PEMBANGUNAN

| BANDAR PELANCONGAN ANTARABANGSA | EKOPELANCONGAN LESTARI | PERTANIAN MODEN | PEMBANGUNAN MAMPAN |
|---|---|---|---|
| Halatuju Bandar Pelancongan Antarabangsa tertumpu di kawasan Pulau, Pantai dan Perbandaran sebagai komponen utama bagi kawasan pelancongan antarabangsa.<br><br>Terdapat beberapa cara untuk menjadikan konsep ini diaplikasikan iaitu memperkenalkan kawasan hijau di bandar, mempromosikan penggunaan kenderaan awam, pembangunan ruang perjalan kaki dan basikal di bandar, permuliharaan dan pemeliharaan warisan, produk kebudayaan yang terdapat di bandar, penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, kitar semula, dan hotel yang mengunapakai strategi pengurangan kesan rumah hijau | Ekopelancongan adalah bentuk pelancongan yang biasanya melibatkan tarikan semula jadi.<br><br>Pelancongan lestari merujuk kepada penerapan konsep kelestarian untuk sebarang jenis pelancongan. Oleh itu, pelancongan lestari dapat dilihat di pelbagai jenis destinasi, termasuk kawasan luar bandar dan bandar sedangkan ekopelancongan terutamanya melibatkan kawasan luar bandar dan kawasan luar<br><br>Elemen Pelancongan Lestari merujuk kepada aspek ekologi, desa dan komuniti selain juga berkonsepkan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan | Pendekatan menginovasikan amalan pertanian secara berterusan melalui penggunaan teknologi, teknik dan sains moden yang dapat membantu petani meningkatkan kecekapan dalam amalan pertanian secara mampan, mengurangkan kebergantungan kepada sumber-sumber berkaitan proses perlaksanaan pertanian dan meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran tanaman | Pembangunan yang memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan bagi mencapai kesinambungan antara pembangunan ekonomi , sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan bersama tanpa menjejaskan keperluan generasi seterusnya |

## 3.2 OBJEKTIF PEMBANGUNAN DAERAH

### OBJEKTIF PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

Bagi memandu arah tuju pembangunan dan mencapai matlamat pembangunan Daerah Rompin 2035, perancangan Daerah Rompin akan berlandaskan kepada enam (6) objektif pembangunan yang telah dikenalpasti iaitu:

**1** **MERANCANG DAN MENGATUR ZON GUNA TANAH SECARA MENYELURUH DAN MAMPAN** bagi memandu arah pembangunan Daerah Rompin di masa akan datang

Menentukan pembangunan guna tanah daerah yang meliputi kesemua aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi mengoptimumkan potensi dan sumberjaya daerah bagi memenuhi keperluan masa sekarang dan tidak menjejaskan keperluan masa hadapan

**2** **MEMELIHARA DAN MEMULIHARA SUMBERJAYA SEMULAJADI DAN MEMINIMUMKAN RISIKO BENCANA** Daerah Rompin ke arah melindungi dan kelangsungan kehidupan

Merupakan kawasan yang perlu dikekalkan dan dipelihara bagi memastikan kemampanan, keseimbangan ekologi dan biodiversiti semula jadi daerah iaitu melibatkan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 seperti rizab hutan, badan air, koridor hidupan liar dan geotapak serta kawasan risiko bencana

**3** **MEMPERKUKUH AKTIVITI EKONOMI KHUSUSNYA PELANCONGAN, PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN BERASASKAN SUMBERJAYA SEDIA ADA** ke arah ekonomi daerah yang berdaya maju

Pertumbuhan ekonomi yang stabil dengan mengeksploitasi sumber sedia ada secara optimum khususnya dalam sektor pelancongan, pertanian dan perindustrian yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi daerah

**4** **MERANCANG DAN MEMPERKUKUH PUSAT-PUSAT PETEMPATAN UTAMA DAN KECIL MENGIKUT HIERARKI DAN FUNGSI BANDAR** yang saling menyokong dengan menyediakan kemudahan sosial, infrastruktur dan utiliti yang mencukupi serta berkualiti

Pusat petempatan disusun berasaskan hierarki perbandaran yang jelas dan membolehkan setiap pusat petempatan dilengkapi dengan kemudahan perbandaran yang boleh membawa peranan dan fungsi berdasarkan tahap hierarki dalam menyediakan persekitaran hidup yang berkualiti

**5** **MENAMBAHBAIK DAN MEMPERLUAS PENYEDIAAN PRASARANA PENGANGKUTAN, INFRASTRUKTUR DAN UTILITI** bandar dan desa ke arah meningkatkan tahap kualiti persekitaran kerja dan hidup

Menyedia dan menyelenggara rangkaian perhubungan dan infrastruktur dan utiliti yang menyeluruh ke setiap kawasan petempatan bandar dan desa bagi memenuhi permintaan pengguna dan sasaran penduduk 2035

**6** **MEMPERKUKUH DAN MEMPERKEMAS SISTEM URUS TADBIR PBPT** dan memudahcara pelaksanaan projek serta menjadi rujukan kepada agensi teknikal dan pihak pemaju/ pelabur

Memperkuat dan menambahbaik sistem pengurusan PBPT dan memastikan proses pelaksanaan cadangan pembangunan diurus dengan baik dan berkesan, di samping menyelaras aktiviti pembangunan supaya cadangan yang dirangka terlaksana dan mencapai matlamat dan sasarannya

## 3.3 HALA TUJU PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

Hala tuju pembangunan Daerah Rompin 2035 adalah berdasarkan 7 fokus utama iaitu :-

**FOKUS 1**

**PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAN ZON KEUTAMAAN PEMBANGUNAN**

Memfokuskan kepada pusat pertumbuhan utama dan kawasan potensi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang bernilai tambah secara bersepadu dan berfungsi sebagai pusat pertumbuhan bagi Daerah Rompin.

**FOKUS 2**

**PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN KSAS DAN KAWASAN RISIKO GEO BENCANA**

Memfokuskan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan yang telah dirizab dan diwartakan sebagai kawasan sensitif alam sekitar dan risiko bencana khususnya kawasan tanah tinggi, kawasan rizab hutan, kawasan badan air dan kawasan tanaman makanan yang memberi kepentingan kepada alam sekitar dan kawasan risiko geo bencana.

**FOKUS 3**

**MEMPERKUKUHKAN SEKTOR PELANCONGAN**

Memfokuskan kepada pengukuhan peranan sektor pelancongan sebagai sektor teras kepada penyumbang ekonomi daerah.

**FOKUS 4**

**MEMPERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN**

Memfokuskan kepada pembangunan sektor pertanian dan peindustrian sebagai salah satu sektor utama penyumbang kepada ekonomi daerah.

**FOKUS 5**

**PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA BANDAR DAN LUAR BANDAR**

Memfokuskan kepada penyediaan prasarana bandar dan luar bandar yang lebih ekonomik dan selesa serta mewujudkan persekitaran hidup, kerja dan riadah yang lebih berkualiti, selamat, sejahtera dan beridentiti melibatkan kemudahan perhubungan, infrastruktur, utiliti, perumahan dan sebagainya.

**FOKUS 6**

**MENINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN**

Memfokuskan kepada sistem perhubungan utama luaran (*inter*) dan dalaman (*intra*) antara kawasan bandar dan bandar yang lain sama ada perhubungan lebuhraya, jalan raya dan pengangkutan awam.

**FOKUS 7**

**PENCAPAIAN SASARAN PENDUDUK 2035**

Memfokuskan kepada pencapaian sasaran penduduk seramai 109,729 orang menjelang tahun 2035 dengan tumpuan adalah kepada penduduk bandar

## KONSEP PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

Konsep pembangunan dibentuk sebagai asas kerangka spatial pembangunan daerah yang akan menterjemahkan kerangka pembangunan dalam bentuk reruang. Bagi Daerah Rompin, konsep

**“ PEMBANGUNAN BERSEPADU DAN MAMPAN KE ARAH ROMPIN GERBANG PELANCONGAN HIJAU ”**

telah dipilih dengan tujuan untuk **mencapai keseimbangan pembangunan daerah dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi, pembangunan ekonomi, pembangunan fizikal dan sosial serta pembangunan bandar dan luar bandar** bagi mewujudkan perancangan pembangunan yang bersepadu dan lestari.

### PEMBANGUNAN BERSEPADU

**TAFSIRAN:**

Pendekatan pembangunan secara berfokus serta melengkapi keseluruhan aktiviti dan komponen pembangunan termasuklah aspek sosio ekonomi penduduk, pusat pertumbuhan serta prasarana bandar dan luar bandar.

### PEMBANGUNAN MAMPAN

**TAFSIRAN:**

Pembangunan yang memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan bagi mencapai kesinambungan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan bersama tanpa menjejaskan keperluan generasi seterusnya

### FIZIKAL DAN SOSIAL BERSEPADU

Memberi penumpuan terhadap pembangunan secara bersepadu di kawasan bandar utama, pekan dan pusat pertumbuhan desa serta jaringan perhubungan bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan

**PUSAT PERTUMBUHAN/ TUMPUAN UTAMA**

Bandar Utama
Pusat Petempatan Utama
Pusat Petempatan Kecil

**ZON/ KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN**

Zon Pembangunan Utama
Zon Pembangunan Sekunder
Arah Tumpuan Pembangunan

**RANGKAIAN PERHUBUNGAN**

Perhubungan Sedia Ada
Perhubungan Cadangan
Persimpangan Bertingkat

### SUMBERJAYA SEMULAJADI DAN RISIKO BENCANA

Pemeliharaan dan pemuliharaan KSAS Bersepadu, iaitu KSAS Warisan, KSAS Risiko Bencana dan KSAS Sokongan Hidup serta Risiko Bencana

**ZON / KAWASAN BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN (KSAS TAHAP 1)**

Hutan Simpan Kekal
Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman
Sungai dan Badan Air
Kawasan Geotapak

**ZON / KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD (KSAS TAHAP 2)**

Kawasan Tanaman Makanan
Rangkaian Ekologi dan Koridor Hidupan Liar
Kawasan Berhutan
Kawasan FELDA


### EKONOMI BERSEPADU

Memastikan pembangunan ekonomi secara bersepadu melibatkan sektor-sektor utama ekonomi ke arah meningkatkan daya saing dan mengoptimumkan pertumbuhan ekonomi

**ZON / KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN**

Taman Negeri Rompin
Taman Laut
Zon Tumpuan Kluster Pelancongan
Zon Kluster Perindustrian
Zon Pertanian dan Penternakan
Koridor Tumpuan Utama Aktiviti Ekonomi

## Rajah 3.1: Konsep Dan Strategi Pembangunan




## PETUNJUK

**HIERARKI PETEMPATAN**
- Bandar Utama
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil

**ZON / KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN**
- Zon Pembangunan Utama (Sempadan Bandar)
- Zon Pembangunan Sekunder
- Arah Tumpuan Pembangunan

**ZON / KAWASAN BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN**
- Hutan Simpan Kekal
- Rizab Hidupan Liar Pulau Tioman
- Sungai dan Badan Air
- Kawasan Geotapak

**ZON/ KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD**
- Kawasan Tanaman Makanan
- Rangkaian Ekologi dan Koridor Hidupan Liar
- Kawasan Berhutan
- Kawasan FELDA

**ZON/ KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN**
- Taman Negeri Rompin
- Taman Laut
- Zon Tumpuan Kluster Pelancongan
- Zon Kluster Perindustrian
- Zon Pertanian dan Penternakan
- Koridor Tumpuan Utama Aktiviti Ekonomi

**RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN**
- Perhubungan Sedia Ada
- Perhubungan Cadangan
- Persimpangan Bertingkat

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## 3.5 KOMPONEN UTAMA KONSEP PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

### 01 HIERARKI PETEMPATAN / PUSAT PERTUMBUHAN/ TUMPUAN UTAMA

Melibatkan peranan bandar atau kawasan atau petempatan

- Bandar Utama (Pusat Separa Wilayah)
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil

### 02 ZON / KAWASAN KEUTAMAAN TUMPUAN UTAMA

Melibatkan kawasan yang dibenarkan / galakan pembangunan

- Zon Pembangunan Utama (Kawasan Sempadan Bandar)
- Zon Pembangunan Skunder (Kawasan Petempatan)
- Arah Tumpuan Pembangunan (Koridor Utama Pembangunan)

### 03 ZON / KAWASAN BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

Melibatkan majoriti kawasan Biodiversiti dan KSAS Tahap 1

- Hutan Simpan Kekal (HSK)
- Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman
- Lembangan Sungai dan Badan Air
- Kawasan Geotapak

### 04 ZON / KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD

Melibatkan kawasan pembangunan terhad atau kawalan khusus

- Kawasan Tanaman Makanan
- Rangkaian Ekologi dan Koridor Hidupan Liar
- Kawasan Berhutan
- Kawasan Felda

### 05 ZON / KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN

Melibatkan kawasan sumber aktiviti ekonomi dan pelaburan

- Taman Negeri Rompin
- Taman Laut
- Zon Tumpuan Kluster Pelancongan
- Zon Kluster Perindustrian
- Zon Pertanian dan Penternakan
- Koridor Tumpuan Utama Aktiviti Ekonomi

### 06 RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN

Melibatkan rangkaian perhubungan

- Perhubungan Sedia Ada
- Perhubungan Cadangan
- Persimpangan Bertingkat



01

HIERARKI PETEMPATAN / PUSAT PERTUMBUHAN/ **TUMPUAN UTAMA**

## A. HIERARKI PETEMPATAN / PUSAT PERTUMBUHAN / TUMPUAN UTAMA

Hierarki petempatan Daerah Rompin 2035 ditentukan berdasarkan kepada hierarki di peringkat negeri dan termasuk juga potensi semasa pusat-pusat petempatan sedia ada. Berdasarkan penemuan semasa, 3 hierarki yang melibatkan 12 pusat petempatan telah dikenal pasti dan fungsi-fungsi setiap pusat petempatan. Berikut merupakan jadual pusat petempatan dan fungsi-fungsi utama.


**Jadual 3.1: Pusat Pertumbuhan dan Tumpuan Utama**

| PUSAT PETEMPATAN | KAWASAN | FUNGSI UTAMA |
|---|---|---|
| **Bandar Utama** | Kuala Rompin | 1. Pusat tumpuan utama Daerah Rompin dan berperanan sebagai Bandar Pentadbiran.<br>2. Berperanan sebagai Pusat Agropolitan Wilayah Selatan Negeri Pahang. |
| **Pusat Petempatan Utama** | Muadzam Shah | 1. Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar dan petempatan Felda.<br>2. Fokus kepada pusat pendidikan dan perindustrian utama Daerah Rompin.<br>3. Pintu masuk utara dari Negeri Johor (Daerah Segamat), Daerah Bera dan Negeri Sembilan (Daerah Kuala Pilah / Seremban). |
| | Teluk Gading | 1. Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar Teluk Gading.<br>2. Merupakan pintu masuk utama ke Pulau Tioman melalui Jeti Tioman Harbour.<br>3. Pintu masuk selatan dari Negeri Johor (Daerah Mersing). |
| | Bandar Tun Razak | 1. Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar khususnya Felda Keratong.<br>2. Pintu masuk barat dari Negeri Sembilan (Daerah Kuala Pilah / Seremban). |
| | Kampung Tekek | 1. Pekan utama, pusat perkhidmatan kawasan Pulau Tioman.<br>2. Merupakan destinasi pelancongan utama Negeri Pahang dan Daerah Rompin. |
| **Pusat Petempatan Kecil** | Bukit Ibam, Perantau Damai, Selancar, Kedaik, Leban Chondong, Kg Janglau, Kg Juara | 1. Pekan sokongan kepada kawasan sekitarnya sebagai pusat perkhidmatan kawasan perkampungan sekitar. |

**KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN:**

**HIERARKI PETEMPATAN**

Bandar Utama
Pusat Petempatan Utama
Pusat Petempatan Kecil




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 3.2: Pusat Pertumbuhan Dan Tumpuan Utama.**

02

ZON / KAWASAN
**KEUTAMAAN TUMPUAN UTAMA**

## B. ZON/KAWASAN KEUTAMAAN TUMPUAN UTAMA

Zon keutamaan pembangunan yang dicadangkan adalah memfokuskan kepada pengukuhan pusat-pusat petempatan utama sedia ada, kawasan koridor pembangunan dan kawasan potensi pembangunan. Indikatif utama dalam pembentukan keutamaan ini adalah berdasarkan ketersediaan tanah dan kebitaraan yang terdapat dalam Daerah Rompin.


**Jadual 3.2: Kawasan Keutamaan Pembangunan**

| ZON / KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN | PERINCIAN |
|---|---|
| **Zon Pembangunan Utama (Kawasan Sempadan Bandar)** | 1. Melibatkan Bandar Kuala Rompin dan Bandar Muadzam Shah.<br>2. Kawasan seluas **1,754 hektar di Bandar Kuala Rompin dan 2,497 hektar ataupun 0.81%** dari keluasan keseluruhan Daerah Rompin. |
| **Zon Pembangunan Sekunder (Kawasan Petempatan)** | 1. Melibatkan sekitar Bandar Kuala Rompin dan Bandar Muadzam Shah.<br>2. Semua Pekan-pekan dan petempatan Felda melibatkan Teluk Gading, Bandar Tun Razak, Bukit Ibam, Kg Tekek, Perantau Damai, Selancar, Kedaik, Leban Chondong, Kg Janglau, Kg Juara.<br>3. Semua kawasan peninggalan DARA melibat Kota Bahagia, Chanis, Chenderawasih, Melati, Kota Shahbandar, Perwira Jaya, Selendang, Genting, Paya, Mukut dan Salang. |
| **Arah Tumpuan Pembangunan (Kawasan Koridor Pembangunan)** | 1. Menggalakkan kepada serakan pembangunan di sekitar Bandar Kuala Rompin selaras dengan peranan dan kedudukannya di tengah Daerah Rompin dan koridor utama Mersing – Pekan – Kuantan.<br>2. Memfokuskan kepada pengukuhan bandar, pekan dan pusat pertumbuhan utama sedia ada melibatkan Bandar Muadzam Shah, Teluk Gading, Bandar Tun Razak dan Kg Tekek. |

**KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN:**

**ZON / KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN**

- Zon Pembangunan Utama (Sempadan Bandar)
- Zon Pembangunan Sekunder
- Arah Tumpuan Pembangunan




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 3.3: Zon/Kawasan Keutamaan Pembangunan.**

03

ZON / KAWASAN
**BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN**

## C. ZON / KAWASAN BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

Zon ini mengkhususkan kepada kawasan pengekalan dan pemeliharaan yang melibatkan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 iaitu KSAS Risiko Bencana, KSAS Bernilai Warisan dan KSAS Bernilai Sokongan Hidup. Secara keseluruhannya, kawasan yang terlibat adalah melibatkan rizab hutan, badan air, rizab pantai dan koridor hidupan liar.


**Jadual 3.3: Zon/ Kawasan Biodiversiti, Pengekalan dan Pemeliharaan.**

| ZON / KAWASAN BIODIVERSITI, PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN | PERINCIAN |
|---|---|
| **Hutan Simpan Kekal** | 1. Melibatkan kawasan seluas **199,614.69 hektar** ataupun 38.14% dari luas keseluruhan daerah.<br>2. Hutan simpan kekal melibatkan HS Lesong, HS Sungai Pukin, HS Sungai Marong, HS Bukit Ibam – Chini. |
| **Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman** | 1. Telah diwartakan pada tahun 1972 dengan keluasan **9,455 hektar.**<br>2. Rezab ini didiami oleh 45 spesies mamalia seperti Binturong dan Beruk selain 138 spesies herpetofauna, 48 jenis ikan air tawar serta 78 spesies rama-rama dari 57 generasi. |
| **Lembangan Sungai dan Badan Air** | 1. Melibatkan Lembangan Sungai Utama, iaitu :-<br>➢Lembangan Sg. Rompin (193 anak sungai)<br>➢Lembangan Sg. Endau (14 anak sungai)<br>➢Lembangan Sg. Pontian (20 anak sungai)<br>2. Melibatkan Kawasan Empangan, iaitu :<br>➢Empangan Pontian<br>➢Empangan Anak Bukit |
| **Kawasan Geotapak** | 1. Mukim Endau melibatkan Air Terjun Seri Mahkota, Padang Tujuh Taman Negeri Endau Rompin dan Batu Dinding Taman Negeri Endau Rompin.<br>2. Mukim Tioman melibatkan Bukit Nenek Semukut, Air Terjun Asah, dan Pulau Berbatu Bongkah. |

**KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN:**

**ZON / KAWASAN BIODIVERSITI PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN**

- Hutan Simpan Kekal
- Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman
- Sungai dan Badan Air
- Kawasan Geotapak




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 3.4: Zon / Kawasan Biodiversiti, Pengekalan dan Pemeliharaan.**

04

ZON / KAWASAN
**TERKAWAL/**
**PEMBANGUNAN TERHAD**

## D. ZON / KAWASAN TERKAWAL / PEMBANGUNAN TERHAD

Zon atau kawasan terkawal akan memfokuskan kepada kawasan di luar KSAS Tahap 1 iaitu sekitar rizab hutan simpan kekal, sekitar kawasan badan air, kawasan tanaman makanan dan hab penternakan serta pertanian produktif dan lain-lain pertanian. Kawasan ini akan terkawal dari segi pembangunan fizikal bagi memastikan kelangsungan hasil Daerah Rompin.


**Jadual 3.4: Zon / Kawasan Terkawal / Pembangunan Terhad.**

| ZON / KAWASAN TERKAWAL / PEMBANGUNAN TERHAD | PERINCIAN |
|---|---|
| **Kawasan Tanaman Makanan** | 1. Kawasan Pertanian Makanan:<br>i. Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan<br>ii. Kawasan tanaman padi<br>iii. Kawasan tanaman nenas<br>iv. Kawasan Akuakultur |
| **Rangkaian Ekologi Dan Koridor Hidupan Liar** | 1. Melibatkan Koridor<br>i. Koridor HS Lesong – Daerah Pekan (6.79 hektar / 16.30 km)<br>ii. Koridor HS Lesong – HS Bukit Ibam (10.84 hektar / 31.43 km)<br>2. 1km dari laluan CFS, Hutan Tadahan Air, Hutan Dara, Hutan Pengeluaran / Ladang Hutan, Hutan Penyelidikan dan Pendidikan. |
| **Kawasan Berhutan** | Penyediaan zon penampan sekurang-kurang 500 meter dalam antara kawasan berhutan dan hutan simpan kekal. |
| **Kawasan FELDA** | Kawasan pertanian FELDA. |

**KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN:**

**ZON/ KAWASAN TERKAWAL/ PEMBANGUNAN TERHAD**

- Kawasan Tanaman Makanan
- Rangkaian Ekologi dan Koridor Hidupan Liar
- Kawasan Berhutan
- Kawasan FELDA




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 3.5: Zon / Kawasan Terkawal / Pembangunan Terhad.**

05

**ZON / KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN**

## E. ZON / KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN

Zon ini mengkhususkan kepada zon ekonomi dan pelaburan yang melibatkan kawasan strategik pelaburan / Taman Negeri Rompin, kawasan tumpuan pelancongan utama, kawasan hab pertanian dan penternakan, kawasan perindustrian baru.


**Jadual 3.5: Zon/ Kawasan Ekonomi Dan Pelaburan.**

| ZON / KAWASAN | PERINCIAN |
|---|---|
| **Taman Negeri Rompin** | 1. Melibatkan kawasan Rizab Hutan Simpan Lesong<br>2. Kawasan potensi strategik pelaburan pelancongan berasaskan Taman Negeri Rompin.<br>3. Menjadikan Taman Negeri Rompin sebagai Pusat Ekopelancongan Negeri Pahang dan pewartaan Taman Negeri Rompin sebagai *Asean Heritage Park*. |
| **Taman Laut** | 1. Memulihara Taman Laut iaitu melibatkan habitat hidupan marin daripada sebarang ancaman pencemaran dan pencerobohan.<br>2. Pembangunan di pulau-pulau hendaklah mematuhi Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau Pulau dan Taman Laut, 2015. |
| **Zon Kluster Perindustrian** | 1. Melibatkan cadangan kluster<br>i. Kluster 1 : Industri Berimpak Tinggi dan Pusat Katalis di Muadzam Shah<br>ii. Kluster 2 : Industri Perikanan dan Maritim di Teluk Gading |
| **Zon Tumpuan Kluster Pelancongan** | 1. Melibatkan cadangan pengukuhan 3 zon utama fokus pelancongan Daerah Rompin iaitu:<br>i. Zon 1 : Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan antarabangsa berasaskan Pulau Tenaga Hijau.<br>ii. Zon 2 : Pembangunan pelancongan bandar di Kuala Rompin dan Teluk Gading bagi mempelbagaikan pilihan tarikan kepada pelancong.<br>iii. Zon 3 : Pelancongan pantai di sepanjang Teluk Gading sehingga Leban Chondong sejauh 40 km termasuk Pulau Duchong Laut dan Duchong Darat.<br>iv. Zon 4 : Pelancongan Sungai melibatkan Sungai Endau, Sungai Pontian dan Sungai Rompin sehingga ke kawasan perkampungan Orang Asli Peta (Mersing) dan Kedaik |
| **Zon Pertanian dan Penternakan Utama** | 1. Melibatkan cadangan pengukuhan 2 zon utama fokus pertanian Daerah Rompin iaitu:<br>i. Zon 1 : Pertanian Timur dan Selatan – Fokus Kepada Peningkatan Produktiviti Pertanian Makanan Dan R&D (Tanaman, Ternakan, Akuakultur, IADA).<br>ii. Zon 2 : Pertanian Utara dan Barat – Fokus Kepada Pengekalan Kawasan Pertanian Dan Kawalan Tanaman Komoditi. |
| **Koridor Tumpuan Utama Aktiviti Ekonomi** | 1. Melibatkan 3 koridor pembangunan utama:<br>i. Koridor Kuala Rompin – Kg Janglau – Teluk Gading<br>ii. Koridor Kuala Rompin – Leban Chondong – Muadzam Shah<br>iii. Koridor Muadzam Shah – Bandar Tun Razak<br>2. Melibatkan 2 koridor pelancongan:<br>i. Koridor Teluk Gading – Pulau Tioman<br>ii. Koridor Kg Janglau – Taman Negeri Rompin |

**KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN:**

**ZON/ KAWASAN EKONOMI DAN PELABURAN**

- Taman Negeri Rompin
- Taman Laut
- Zon Tumpuan Kluster Pelancongan
- Zon Kluster Perindustrian
- Zon Pertanian dan Penternakan
- Koridor Tumpuan Utama Aktiviti Ekonomi




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 3.6: Zon/ Kawasan Ekonomi Dan Pelaburan.**

06

RANGKAIAN
SISTEM

## F. RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN

Cadangan rangkaian sistem perhubungan akan terbahagi kepada 3 iaitu perhubungan wilayah, perhubungan dalaman dan kemudahan pengangkutan yang meliputi cadangan lebuhraya, cadangan jalan baru dan cadangan naik taraf. Selain itu, cadangan turut meliputi kemudahan terminal pengangkutan.


**Jadual 3.6: Rangkaian Sistem Perhubungan.**

| RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN | PERINCIAN |
|---|---|
| **Perhubungan Sedia Ada** | 1. Perhubungan sedia ada melibatkan hubungan wilayah, antara negeri, antara daerah dan hubungan tempatan.<br>2. Jalan sedia ada utama antaranya :<br>i. Jalan Persekutuan 3 (Johor Bahru – Kuantan)<br>ii. Jalan Persekutuan 11 (Seremban – Jalan Persekutuan 12)<br>iii. Jalan Persekutuan 12 (Segamat – Kuantan)<br>iv. Jalan Persekutuan 63 (Kuala Rompin – Muadzam Shah – Bukit Ibam) |
| **Perhubungan Cadangan** | 1. Menaiktaraf cadangan jalan baru khususnya perhubungan diperingkat wilayah.<br>2. Cadangan jalan utama wilayah / nasional antaranya :<br>i. Lebuh Raya Simpang Pelangai – Muadzam Shah<br>ii. Lebuhraya Seremban – Serting (sehingga Jalan Persekutuan 12)<br>iii. Lebuhraya Kuantan – Pasir Gudang<br>3. Cadangan jalan utama sokongan antaranya :<br>i. Jalan Penghubung Bukit Ibam – Bera<br>ii. Jalan Persisiran Pantai Teluk Gading – Kuala Rompin – Lanjut – Leban Chondong<br>4. Cadangan jalan / jambatan menyambung Pantai Bernas dan bandar lama. |
| **Persimpangan Bertingkat** | • Melibatkan hubungan antara lebuhraya akan datang dengan jalan sedia ada khususnya melibatkan hubungan dengan kawasan perbandaran sedia ada. |

**KOMPONEN KONSEP PEMBANGUNAN:**

**RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN**

- Perhubungan Sedia Ada
- Perhubungan Cadangan
- Persimpangan Bertingkat




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

**Rajah 3.7: Zon Rangkaian Sistem Perhubungan.**

# BAB 4

## RINGKASAN STRATEGI DAN CADANGAN PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

# 4.0 RINGKASAN STRATEGI DAN CADANGAN PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

## KESELURUHAN STRATEGI DAN CADANGAN PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN 2035

STRATEGI **28**

CADANGAN **133**

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 16 | 11 | 50 | 56 |

## 4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan ringkasan strategi dan cadangan pembangunan Daerah Rompin 2035 yang akan diperkukuhkan mengikut sektor-sektor di dalam bahagian penyediaan Draf Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian). Cadangan pembangunan Daerah Rompin 2035 akan diterangkan secara lebih terperinci dan pelan cadangan daripada setiap teras/sektor di dalam Laporan Rancangan Tempatan. Strategi pembangunan bertujuan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, peningkatan kualiti hidup penduduk dan pembangunan yang selaras dengan keperluan masyarakat dan alam sekitar. Strategi bagi setiap teras perlu memenuhi 3 keperluan seperti iaitu dasar semasa, isu strategik dam keperluan masa depan.

### TERAS 1
**PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA**

| 9 STRATEGI | 41 CADANGAN |
|---|---|

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 3 | 8 | 16 | 14 |

### TERAS 2
**KOMUNITI INKLUSIF DAN INFRASTRUKTUR MAMPAN**

| 8 STRATEGI | 40 CADANGAN |
|---|---|

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 3 | 0 | 15 | 22 |

### TERAS 3
**PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN**

| 9 STRATEGI | 48 CADANGAN |
|---|---|

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 10 | 3 | 15 | 20 |

### TERAS 4
**URUS TADBIR EFEKTIF**

| 2 STRATEGI | 4 CADANGAN |
|---|---|

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 0 | 0 | 4 | 0 |

## TERAS 1
## PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA


### SEKTORAL

1. Sektor Perancangan Fizikal dan Guna Tanah
2. Sektor Alam Sekitar, Perhutanan, Sumber Jaya Semula Jadi, Maritim dan Perikanan
3. Sektor Pengurusan Risiko Geo Bencana













### T1S1 PERANCANGAN GUNA TANAH YANG MAMPAN DAN DINAMIK

| | | |
|---|---|---|
| T1S1- C1 | QW | Cadangan Zon Guna Tanah Daerah Rompin 2035 |
| T1S1-C2 | UT | Cadangan Hierarki Penempatan Daerah Rompin 2035 |
| T1S1-C3 | ST | Cadangan pembangunan Tanjung Seratus sebagai Rompin *Green Bussines Park* / Bandar Pelancongan Bersepadu |
| T1S1-C4 | ST | Cadangan Pembaharuan Semula Bandar Kawasan Teluk Gading |

### T1S2 PERANCANGAN KE ARAH ROMPIN DAERAH HIJAU

| | | |
|---|---|---|
| T1S2-C1 | UT | Cadangan Menggalakkan Penerapan Elemen-elemen Kejiranan Hijau dalam Kawasan Perumahan Sedia Ada dan Baharu |
| T1S2-C2 | UT | Cadangan Pelaksanaan Penerapan Elemen Hijau dalam Perancangan Pembangunan Daerah Rompin |
| T1S2-C3 | SK | Cadangan Penyediaan Stesen Pengecasan Kenderaan EV Daerah Rompin |
| T1S2-C4 | SK | Cadangan Menyediakan *Floating Solar* di Pulau Tioman |
| T1S2-C5 | SK | Cadangan Penerapan Ekonomi Sirkular dalam Sektor Perindustrian |
| T1S2-C6 | SK | Cadangan Program Kesedaran dan Pendidikan Komuniti |
| T1S2-C7 | SK | Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok |
| T1S2-C8 | SK | Cadangan Kebun Komuniti |

### T1S3 MEMPERKUKUHKAN PULAU TIOMAN SEBAGAI ZON PEMBANGUNAN HIJAU

| | | |
|---|---|---|
| T1S3-C1 | ST | Memperkenalkan Pulau Tioman sebagai Pulau Pelancongan Hijau (*Green Tourism Island*) dengan Pengiktirafan Pulau Tenaga Hijau |
| T1S3-C2 | SK | Menggunakan Teknik *Limits Of Acceptable Change (LAC)* secara Berterusan di Gugusan Pulau Tioman |

### T1S4 MENINGKATKAN KUALITI ALAM SEKITAR MELALUI KAWALAN PENCEMARAN

| | | |
|---|---|---|
| T1S4-C1 | QW | Cadangan Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Premis atau Aktiviti Berpotensi Mencemar |
| T1S4-C2 | SK | Cadangan Stesen Pemantauan Alam Sekitar bagi Kualiti Air dan Udara |
| T1S4-C3 | SK | Cadangan Penstabilan Tebing dan Pemuliharaan Kualiti Air di Muara Sungai |

### T1S5 MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI SERTA MELINDUNGI EKOSISTEM HIDUPAN LIAR

| | | |
|---|---|---|
| T1S5-C1 | QW | Cadangan Pemeliharaan Spesies Terlindung di Pulau Tioman |
| T1S5-C2 | UT | Cadangan Kawalan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) |
| T1S5-C3 | UT | Cadangan Pemuliharaan Hutan Termasuk Hutan Paya Gambut |
| T1S5-C4 | UT | Cadangan Pengekalan Hutan Simpan Kekal |
| T1S5-C5 | SK | Cadangan Langkah-langkah Struktur dalam Menangani Konflik Hidupan Liar (HWC) |
| T1S5-C6 | SK | Cadangan Pengurusan Pemantauan Inventori dan Penyelidikan Flora dan Fauna |
| T1S5-C7 | SK | Cadangan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) sebagai Zon Penyerap Karbon |

## T1S6 MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

| | | |
|---|---|---|
| T1S6- C1 | QW | Cadangan Zon Penampan dan Kawalan Risiko Perlombongan atau Kuari |
| T1S6-C2 | UT | Cadangan Pengurusan dan Pengawalan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) |
| T1S6-C3 | UT | Cadangan Pewartaan dan Pengurusan Geotapak Daerah Rompin Sebagai Geopark Kebangsaan |

## T1S7 MEMPERKUKUHKAN ASPEK KESELAMATAN MARITIM DI DAERAH ROMPIN DENGAN LEBIH SISTEMATIK

| | | |
|---|---|---|
| T1S7- C1 | UT | Cadangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Sempadan Secara Berterusan bagi Mengatasi Masalah Pencerobohan |
| T1S7-C2 | SK | Cadangan Mempertingkatkan Kesiapsiagaan Aset dan Infrastruktur Maritim |

## T1S8 PEMBANGUNAN YANG SISTEMATIK BAGI INDUSTRI BERASASKAN PERIKANAN DAN HASIL LAUT

| | | |
|---|---|---|
| T1S8- C1 | UT | Cadangan Zon Maritim dan Perikanan |
| T1S8-C2 | UT | Cadangan Mewujudkan Pusat IKS bagi Pemasaran Produk dan Makanan Hasil Laut |
| T1S8-C3 | SK | Cadangan Meningkatkan Kemudahan Pendaratan Ikan dan Menaik Taraf Kemudahan Pemasaran di Jeti Kuala Pontian |

## T1S9 MEMINIMAKAN IMPAK KAWASAN BANJIR DAN HAKISAN DENGAN MENGAMBIL KIRA KAWASAN BERISIKO DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN

| | | |
|---|---|---|
| T1S9- C1 | QW | Cadangan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di Kawasan yang Terdedah dengan Banjir |
| T1S9-C2 | QW | Cadangan Bangunan Gunasama yang Berfungsi sebagai Pusat Pemindahan Tetap |
| T1S9-C3 | QW | Cadangan Pelan Tindakan Risiko Bencana yang Komprehensif |
| T1S9-C4 | QW | Cadangan Ban Banjir Sungai Rompin bagi Kawasan Kg Aur, Kg Leban Chondong, Kg Sabak dan Kg Belangkap |
| T1S9-C5 | UT | Cadangan Penempatan Semula bagi Kawasan yang Terjejas Banjir |
| T1S9-C6 | UT | Cadangan Projek dan Program Kawalan Hakisan Pantai |
| T1S9-C7 | UT | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Rompin |
| T1S9-C8 | UT | Cadangan Mendalam dan Memperluas Sungai Pontian Serta Penyediaan Ban Banjir |
| T1S9-C9 | UT | Cadangan Kerja-kerja Mendalam dan Pelebaran Sungai Endau |

## TERAS 2
## KOMUNITI INKLUSIF DAN INFRASTRUKTUR MAMPAN

### SEKTORAL

1. Sektor Perhubungan Pengangkutan dan Lalu Lintas
2. Sektor Pengurusan Sisa Pepejal, Infrastruktur, Digital Telekomunikasi dan Utiliti
3. Sektor Perumahan, Institusi dan Kemudahan Masyarakat

STRATEGI
8

CADANGAN
40

| STRATEGIK | QUICK WIN |
|---|---|
| 3 | 0 |

| UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|
| 15 | 22 |

### T2S1 PERANCANGAN MEMANTAPKAN AKSESIBILITI DAN PERHUBUNGAN ANTARA WILAYAH DAN DAERAH

| | | |
|---|---|---|
| T2S1- C1 | ST | Cadangan Lebuhraya Simpang Pelangai – Muadzam Shah (Sambungan dari Putrajaya / Klia –Nilai / Mantin –Jelebu) |
| T2S1-C2 | ST | Cadangan Lebuhraya Pantai Timur 4 (Sambungan Sambungan dari Kuantan – Pekan – Rompin – Mersing – Kota Tinggi – Johor Bahru / Pengerang) |
| T2S1-C3 | ST | Cadangan Membina *Spur Line East Coast Railway Link* 2 (ECRL 2) |
| T2S1-C4 | UT | Cadangan Menaik Taraf Jalan-jalan Persekutuan Sedia Ada (FT003, FT011, FT012 dan FT063) |
| T2S1-C5 | UT | Cadangan Menaik Taraf Jambatan Teluk Gading – Endau di Jalan Persekutuan 3 (FT003) |
| T2S1-C6 | UT | Cadangan Menaik Taraf Terminal Lapangan Terbang Pulau Tioman |
| T2S1-C7 | SK | Cadangan Menaik Taraf Terminal Lapangan Terbang Kampung Lanjut |

### T2S2 MENINGKATKAN PERHUBUNGAN BANDAR KE KAWASAN PELANCONGAN DAN KAWASAN LUAR BANDAR

| | | |
|---|---|---|
| T2S2- C1 | SK | Cadangan Menaik Taraf Jalan Persisiran Pantai di Pulau Tioman |
| T2S2-C2 | SK | Cadangan Jalan Persisiran Pantai (Pantai Lanjut – Tanjung Pahang) |
| T2S2-C3 | SK | Cadangan Jalan Bukit Ibam - Chini |
| T2S2-C4 | SK | Cadangan Menaik Taraf Jalan Felda Redong – Selancar Sehingga Persimpangan Jalan Persekutuan 12 (FT012) |
| T2S2-C5 | SK | Cadangan Menyediakan Perkhidmatan Para Transit Desa di Kawasan Pelancongan dan Kawasan Luar Bandar |
| T2S2-C6 | SK | Cadangan Mendalamkan Sungai dan Menyediakan Platform Pendaratan Bot yang mencukupi di Sungai Kampung Tekek |

### T2S3 MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN TAHAP KEBERKESANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

| | | |
|---|---|---|
| T2S3- C1 | UT | Cadangan Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Rompin kepada Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Muadzam Shah dan Kg Feri |
| T2S3- C2 | SK | Menyediakan Kemudahan Pusat Kitar Semula Daerah Rompin |

### T2S4 PENYEDIAAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR BERSIH TERBAIK DAN LESTARI

| | | |
|---|---|---|
| T2S4- C1 | UT | Cadangan Penyambungan Paip Retikulasi Bekalan Air Bersih bagi Kawasan Pendalaman di Bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) |
| T2S4- C2 | UT | Cadangan Membina *Off River Storage* dan Loji Rawatan Air Bersih di Sungai Pukin |
| T2S4- C3 | UT | Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air Sg Aur |
| T2S4- C4 | UT | Cadangan Projek Bekalan Air (BALB) Pulau Tioman |
| T2S4- C5 | UT | Cadangan Penggantian Paip Retikulasi yang Usang atau Jenis *Asbestos Simen* |

## T2S5 MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN SISTEM PEMBETUNGAN DAN KEUPAYAAN LIPUTAN JALUR LEBAR DAERAH ROMPIN

| | | |
|---|---|---|
| T2S5- C1 | UT | Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Berpusat di Salang dan Tekek |
| T2S5- C2 | UT | Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Sisa Kumbahan Jenis Kolam Pengudaraan (OD) kepada Mekanikal |
| T2S5- C3 | UT | Cadangan Pengantian Sistem Kumbahan Tandas Curah/ Palong Kepada Jenis Sistem Tangki Septik Individu |
| T2S5- C4 | UT | Cadangan Meningkatkan Keupayaan Telekomunikasi Daerah Rompin |

## T2S6 PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG BERKUALITI, MAMPU MILIK DAN MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK

| | | |
|---|---|---|
| T2S6- C1 | SK | Cadangan Pembangunan Perumahan di Pusat Penempatan Felda Dan DARA |
| T2S6- C2 | SK | Cadangan Mengutamakan Pembangunan Perumahan Sepanjang Koridor Utama yang Ditetapkan |
| T2S6-C3 | SK | Cadangan Menggalakan Program Perumahan Mampu Milik di Kawasan Bandar dan Luar Bandar |
| T2S6-C4 | SK | Cadangan Mengutamakan Pembangunan Perumahan di Bandar Utama Daerah Rompin |

## T2S7 PEMERKASAAN PEMBANGUNAN PETEMPATAN DESA SECARA HOLISTIK DARI SEGI KEMUDAHAN ASAS, PENAIKTARAFAN KAMPUNG DAN SOSIOEKONOMI

| | | |
|---|---|---|
| T2S7- C1 | SK | Cadangan Menaik Taraf Kemudahan Asas dan Awam bagi Penempatan Desa di Daerah Rompin |
| T2S7- C2 | SK | Cadangan Naik Taraf PPD Kampung Genting Melalui Penambahan Komponen-komponen PPD |
| T2S7-C3 | SK | Cadangan Meningkatkan Akses Penduduk Desa kepada Keusahawanan dan Peluang Pekerjaan Supaya Kawasan Desa Kekal Menarik untuk Didiami |
| T2S7-C4 | SK | Cadangan Meningkatkan Produktiviti, Kualiti dan Pemasaran Produk Desa |

## T2S8 MENINGKATKAN KUALITI KEMUDAHAN DENGAN MEMBERI PERKHIDMATAN YANG KOMPREHENSIF

| | | |
|---|---|---|
| T2S8- C1 | UT | Cadangan Menaik Taraf Kemudahan Hospital Rompin dan Muadzam Shah |
| T2S8- C2 | UT | Cadangan Pembangunan Hab Pendidikan dan Belia di Muadzam Shah |
| T2S8-C3 | SK | Menambah Baik Program dan Kemudahan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS), UNITEN |
| T2S8-C4 | SK | Cadangan Pembangunan Sekolah Rendah di Daerah Rompin |
| T2S8-C5 | SK | Pembinaan Pusat Kokurikulum Aktiviti Aras Tinggi (*High Rope Element*) Daerah Rompin |
| T2S8-C6 | SK | Cadangan Pembangunan dan Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada |
| T2S8-C7 | SK | Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu di Mukim Pontian dan Endau |
| T2S8-C8 | SK | Menyediakan dan Menaik Taraf Kemudahan Balai Bomba dan Penyelamat yang Mencukupi dan Efisien, untuk Semua Lapisan Masyarakat. |

**TERAS 3**
**PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN**

## SEKTORAL

1. Sektor Pelancongan dan Hospitaliti
2. Sektor Pertanian, Penternakan dan Akuakultur
3. Sektor Ekonomi, Perniagaan dan Perindustrian
4. Sektor Reka Bentuk Bandar, Rekreasi Dan Landskap













### T3S1 MENGUKUHKAN ROMPIN SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN ANTARABANGSA

| | | |
|---|---|---|
| T3S1- C1 | ST | Memperkenalkan *Tagline* Pelancongan Daerah Rompin sebagai "*River 2 Rainforest 2 Reef (Triple R)*" |
| T3S1-C2 | ST | Memperkenalkan Acara Mega Bertaraf Antarabangsa dan Kalendar Acara Pelancongan Tahunan Daerah Rompin |
| T3S1-C3 | ST | Memperkenalkan Program *Green Voluntourism* Bertaraf Antarabangsa |
| T3S1-C4 | ST | Memperkenalkan Pakej Pelancongan Berasaskan Trail Pelancongan Bertema dan Segmen Pasaran Khusus (*Niche Segment Market*) |
| T3S1-C5 | ST | Membangunkan Produk Pelancongan Bercirikan Pelancongan Hijau di Kg. Tekek |
| T3S1-C6 | ST | Menaik Taraf Taman Negeri Rompin sebagai *Asean Heritage Park* |
| T3S1-C7 | ST | Membangunkan Pulau Duchong sebagai Taman Rekreasi *Island Escape* |
| T3S1-C8 | ST | Menaik Taraf Tioman Harbour bagi Menampung Keperluan Pelancong ke Pulau Tioman |
| T3S1-C9 | UT | Membangunkan Marina serta Tumpuan Tarikan Pelancongan Mencabar dan *Extreme* di Kg. Mukut |
| T3S1-C10 | UT | Menjadikan Pulau Tioman sebagai Pusat Latihan Selam Skuba Profesional yang Bertaraf Antarabangsa |
| T3S1-C11 | UT | Menaik Taraf Kawasan Rekreasi Pantai dengan Berkonsepkan Rompin Rantaian Biru *(Rompin Coastal Blue Belt)* |
| T3S1-C12 | UT | Menggalakkan Program Persidangan dan Pameran (MICE) Berkonsepkan Pelancongan Hijau di Rompin *Convention and Resort Centre* |
| T3S1-C13 | UT | Mempelbagai Aktiviti Tarikan Pelancongan Baru di Agrotourism Paya Laka |
| T3S1-C14 | UT | Memperkenalkan Rompin *Farm Fresh* Sebagai Tarikan Agropelancongan Baru di Rompin |
| T3S1-C15 | UT | Menaik Taraf Pesisir Sg. Rompin Sebagai *River Boulevard* |
| T3S1-C16 | UT | *Smart Kiosk* di Jeti |
| T3S1-C17 | SK | Menaik Taraf Kemudahan *Wayfinding* di Kawasan Tarikan Ekopelancongan yang Bercirikan Hijau, Selamat, Jelas dan Berinovasi |
| T3S1-C18 | SK | Menggalakkan Penglibatan Operator Pelancong di Tioman Harbour sebagai Pemandu Pelancong Alam Semulajadi untuk ke Pulau Seri Buat |

### T3S2 MEMPERKASAKAN KOMUNITI TEMPATAN MELALUI PROGRAM PENINGKATAN KEUPAYAAN *(CAPACITY BUILDING)*

| | | |
|---|---|---|
| T3S2- C1 | SK | Pemerkasaan dan Pembangunan Komuniti Orang Asli melalui Ekopelancongan *(Community-based Ecotourism)* |
| T3S2-C2 | SK | Meningkatkan Kemahiran *(Up-scalling)* Operator Pelancongan melalui Latihan Hospitaliti Serta Peningkatan Produk Pelancongan yang Lebih Pintar |

### T3S3 MEMANTAPKAN KERJASAMA BERSEPADU DI ANTARA PELBAGAI PIHAK

| | | |
|---|---|---|
| T3S3- C1 | QW | Penyeragaman Operasi *Guesthouse Homestay* Melalui Penyediaan Garis Panduan Khusus kepada Pihak Berkuasa Tempatan |
| T3S3-C2 | QW | Menaik Taraf dan Mendaftar Rumah Rakit Sebagai Program Pengalaman *Homestay* |
| T3S3-C3 | QW | Menaik Taraf Penginapan Sedia Ada dengan Menggalakkan Konsep Inisiatif Hijau dan *Muslim-Friendly Tourism* |

### T3S4 MENGUKUHKAN KETERJAMINAN KESELAMATAN MAKANAN (ROMPIN SEBAGAI BANDAR AGROPOLITAN)

| | | |
|---|---|---|
| T3S4- C1 | ST | Membangunkan Kuala Rompin Sebagai Bandar Agropolitan Rompin |
| T3S4-C2 | UT | Memperluaskan Kawasan Pengeluaran Agromakanan Sedia Ada |

Sambungan....

| | | |
|---|---|---|
| T3S4-C3 | UT | Mengoptimumkan Penggunaan Tanah bagi Kawasan Pengeluaran Agromakanan Sedia Ada sebagai Kawasan Pengeluaran yang Produktif |

## T3S5 MEMPRAKTIKKAN AMALAN PERTANIAN YANG BAIK, INOVATIF DAN PRODUKTIF

| | | |
|---|---|---|
| T3S5- C1 | SK | Memperkukuhkan Tahap Daya Tahan dan Inisiatif Pengurangan Risiko Bencana dalam Sistem Jaminan Keselamatan Makanan |
| T3S5- C2 | SK | Membudayakan Amalan Pertanian Baik dan Penggunaan Teknologi Moden dalam Setiap Peringkat Proses Aktiviti Agromakanan |

## T3S6 MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG MEMACU EKONOMI DAERAH DAN BERNILAI TAMBAH

| | | |
|---|---|---|
| T3S6- C1 | UT | Peningkatan Ruang Lantai Perniagaan di Daerah Rompin |
| T3S6- C2 | UT | Pembangunan Semula Kawasan Rehat dan Rawat (RNR) |
| T3S6- C3 | SK | Galakan Konsep *Adaptive Reuse* di Unit Perniagan yang Kosong |
| T3S6- C4 | SK | Menaik Taraf Aktiviti Perniagaan *Informal* |
| T3S6- C5 | SK | Penyediaan Ruang Mampu Niaga Berasaskan Produk Tempatan |

## T3S7 PENGUKUHAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN YANG BERIDENTITI DAN BERNILAI TAMBAH

| | | |
|---|---|---|
| T3S7- C1 | ST | Cadangan Zon Kluster Industri |
| T3S7- C2 | UT | Cadangan Menggalakkan Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan '*Managed Industrial Park*' |

## T3S8 MELAKSANAKAN REKA BENTUK BANDAR YANG BERIDENTITI, BERKUALITI DAN MENARIK

| | | |
|---|---|---|
| T3S8- C1 | UT | Cadangan Menaik Taraf Imej dan Identiti Pusat Bandar Kuala Rompin Sebagai Bandar Pelancongan Kepada Daerah Rompin |
| T3S8- C2 | UT | Cadangan Pembaharuan Semula Pusat Bandar Teluk Gading sebagai Hub Pelancongan Pengangkutan Daerah Rompin |
| T3S8- C3 | SK | Cadangan Pengindahan Semula Pusat Bandar Muadzam Shah sebagai Hub Pendidikan Daerah Rompin |
| T3S8- C4 | SK | Cadangan Mewujudkan Imej dan Identiti Bandar Tun Razak sebagai Pusat Perkhidmatan Gugusan Felda Keratong |
| T3S8- C5 | SK | Cadangan Memperindah Kampung Tekek sebagai Kawasan Pelancongan Utama Pulau Tioman |

## T3S9 MENYEDIAKAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG LENGKAP SERTA MEMPUNYAI FUNGSI YANG PELBAGAI DAN MEMBENTUK IMEJ LANDSKAP DAERAH YANG MAMPAN

| | | |
|---|---|---|
| T3S9- C1 | SK | Cadangan Menaik Taraf Reka Bentuk Pintu Masuk Persempadanan Utama dan *Entrance Statement* Daerah Rompin |
| T3S9- C2 | SK | Cadangan Pokok Rasmi Daerah Rompin |
| T3S9- C3 | SK | Cadangan Pengindahan Landskap di Daerah Rompin |
| T3S9- C4 | SK | Cadangan Menaik Taraf Landskap dan Kemudahan di Dataran Kuala Rompin, Dataran Teluk Gading dan Dataran Muadzam Shah |
| T3S9- C5 | SK | Cadangan Menaik Taraf dan Menambahbaik Kawasan Lapang dan Kemudahan Sukan di Muadzam Shah |
| T3S9- C6 | SK | Cadangan Penambahbaikan Landskap dan Kemudahan Rekreasi di Kawasan Pembangunan Rekreasi Semula Jadi |
| T3S9- C7 | SK | Cadangan Menaiktaraf dan Menambahbaik Kemudahan Taman Kejiranan & Taman Permainan Sedia Ada |
| T3S9- C8 | SK | Cadangan Penyediaan Kawasan Lapang dan Rekreasi bagi Keperluan akan Datang |

## SEKTORAL

1. Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan Projek

STRATEGI
2

CADANGAN
4

| STRATEGIK | QUICK WIN |
|---|---|
| 0 | 0 |

| UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|
| 4 | 0 |

### T4S1 MENYEDIAKAN KAEDAH PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN YANG LEBIH EFEKTIF DAN MENYELURUH

| | | |
|---|---|---|
| T3S1- C1 | UT | Cadangan Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Kawasan Peninggalan DARA Daerah Rompin |
| T4S1-C2 | UT | Cadangan Menaik Taraf dan Pengukuhan Unit Pelancongan dan Pelaburan Majlis Daerah Rompin |


### T4S2 MEMPROMOSIKAN DAERAH ROMPIN KE ARAH PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR MENJELANG 2035

| | | |
|---|---|---|
| T4S2- C1 | UT | Cadangan Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Daerah Rompin 2035 |
| T4S2-C2 | UT | Cadangan Pembangunan Projek Perintis Bandar Pintar Daerah Rompin |

# BAB 5

## TERAS 1 – PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA

## TERAS 1
## PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA



### INTIPATI / ASAS PEMBENTUKKAN STRATEGI DAN CADANGAN:

Daerah Rompin kaya dengan biodiversiti merupakan daerah yang mampan, berkualiti dan rendah karbon. Pembangunan semula jadi yang memfokuskan aspek kemampanan dalam mengoptimumkan kelebihan biodiversiti akan menjadi hala tuju utama perancangan Teras 1 Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian).

### SEKTORAL

1. Sektor Perancangan Fizikal dan Guna Tanah
2. Sektor Alam Sekitar, Perhutanan, Sumber Jaya Semula Jadi, Maritim dan Perikanan
3. Sektor Pengurusan Risiko Geo Bencana

| STRATEGI | CADANGAN |
|---|---|
| 9 | 41 |

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 3 | 8 | 16 | 14 |

## STRATEGI T1S1

### PERANCANGAN GUNA TANAH YANG MAMPAN DAN DINAMIK

### CADANGAN

| | | |
|---|---|---|
| T1S1-C1 | QW | Cadangan Zon Guna Tanah Daerah Rompin 2035 |
| T1S1-C2 | UT | Cadangan Hierarki Penempatan Daerah Rompin 2035 |
| T1S1-C3 | ST | Cadangan pembangunan Tanjung Seratus sebagai Rompin *Green Bussines Park* / Bandar Pelancongan Bersepadu |
| T1S1-C4 | ST | Cadangan Pembaharuan Semula Bandar Kawasan Teluk Gading |

## STRATEGI T1S2

### PERANCANGAN KE ARAH ROMPIN DAERAH HIJAU

### CADANGAN

| | | |
|---|---|---|
| T1S2-C1 | UT | Cadangan Menggalakkan Penerapan Elemen-elemen Kejiranan Hijau dalam Kawasan Perumahan Sedia Ada dan Baharu |
| T1S2-C2 | UT | Cadangan Pelaksanaan Penerapan Elemen Hijau dalam Perancangan Pembangunan Daerah Rompin |
| T1S2-C3 | SK | Cadangan Penyediaan Stesen Pengecasan Kenderaan EV Daerah Rompin |
| T1S2-C4 | SK | Cadangan Menyediakan *Floating Solar* di Pulau Tioman |
| T1S2-C5 | SK | Cadangan Penerapan Ekonomi Sirkular dalam Sektor Perindustrian |
| T1S2-C6 | SK | Cadangan Program Kesedaran dan Pendidikan Komuniti |
| T1S2-C7 | SK | Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok |
| T1S2-C8 | SK | Cadangan Kebun Komuniti |

## STRATEGI T1S3

### MEMPERKUKUHKAN PULAU TIOMAN SEBAGAI ZON PEMBANGUNAN HIJAU

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S3-C1 | ST | Memperkenalkan Pulau Tioman Sebagai Pulau Pelancongan Hijau (*Green Tourism Island*) dengan Pengiktirafan Pulau Tenaga Hijau |
| T1S3-C2 | SK | Menggunakan Teknik *Limits Of Acceptable* Change (LAC) secara Berterusan di Gugusan Pulau Tioman |

## STRATEGI T1S4

### MENINGKATKAN KUALITI ALAM SEKITAR MELALUI KAWALAN PENCEMARAN

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S4-C1 | QW | Cadangan Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Premis atau Aktiviti Berpotensi Mencemar |
| T1S4-C2 | SK | Cadangan Stesen Pemantauan Alam Sekitar bagi Kualiti Air dan Udara |
| T1S4-C3 | SK | Cadangan Penstabilan Tebing dan Pemuliharaan Kualiti Air di Muara Sungai |

## STRATEGI T1S5

### MEMPERTINGKATKAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN EKOSISTEM DAN BIODIVERSITI

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S5-C1 | QW | Cadangan Pemeliharaan Spesies Terlindung di Pulau Tioman |
| T1S5-C2 | UT | Cadangan Kawalan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) |
| T1S5-C3 | UT | Cadangan Pemuliharaan Hutan Termasuk Hutan Paya Gambut |
| T1S5-C4 | UT | Cadangan Pengekalan Hutan Simpan Kekal |
| T1S5-C5 | SK | Cadangan Langkah-langkah Struktur dalam Menangani Konflik Hidupan Liar (HWC) |
| T1S5-C6 | SK | Cadangan Pengurusan Pemantauan Inventori dan Penyelidikan Flora dan Fauna |
| T1S5-C7 | SK | Cadangan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) sebagai Zon Penyerap Karbon |

## STRATEGI T1S6

### MEMELIHARA, MEMULIHARA DAN MENGEKALKAN KAWASAN SENITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S6-C1 | QW | Cadangan Zon Penampan dan Kawalan Risiko Perlombongan Atau Kuari |
| T1S6-C2 | UT | Cadangan Pengurusan dan Pengawalan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) |
| T1S6-C3 | UT | Cadangan Pewartaan dan Pengurusan Geotapak Daerah Rompin Sebagai Geopark Kebangsaan |

## STRATEGI T1S7

### MEMPERKUKUHKAN ASPEK KESELAMATAN MARITIM DI DAERAH ROMPIN DENGAN LEBIH SISTEMATIK

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S7-C1 | UT | Cadangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Sempadan Secara Berterusan bagi Mengatasi Masalah Pencerobohan |
| T1S7-C2 | SK | Cadangan Mempertingkatkan Kesiapsiagaan Aset dan Infrastruktur Maritim |

STRATEGI
## T1S8

**PEMBANGUNAN YANG SISTEMATIK BAGI INDUSTRI BERASASKAN PERIKANAN DAN HASIL LAUT**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S8-C1 | UT | Cadangan Zon Maritim dan Perikanan |
| T1S8-C2 | UT | Cadangan Mewujudkan Pusat IKS Bagi Pemasaran Produk dan Makanan Hasil Laut |
| T1S8-C3 | SK | Cadangan Meningkatkan Kemudahan Pendaratan Ikan dan Menaik Taraf Kemudahan Pemasaran di Jeti Kuala Pontian |

STRATEGI
## T1S9

**PERANCANGAN PEMBANGUNAN KAWASAN BERISIKO BAGI MEMINIMAKAN IMPAK KAWASAN BANJIR DAN HAKISAN**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T1S9-C1 | QW | Cadangan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) Di Kawasan yang Terdedah Dengan Banjir |
| T1S9-C2 | QW | Cadangan Bangunan Gunasama yang Berfungsi Sebagai Pusat Pemindahan Tetap |
| T1S9-C3 | QW | Cadangan Pelan Tindakan Risiko Bencana yang Komprehensif |
| T1S9-C4 | QW | Cadangan Ban Banjir Sungai Rompin Bagi Kawasan Kg Aur, Kg Leban Chondong, Kg Sabak dan Kg Belangkap |
| T1S9-C5 | UT | Cadangan Penempatan Semula bagi Kawasan yang Terjejas Banjir |
| T1S9-C6 | UT | Cadangan Projek dan Program Kawalan Hakisan Pantai |
| T1S9-C7 | UT | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Rompin |
| T1S9-C8 | UT | Cadangan Mendalam dan Memperluas Sungai Pontian Serta Penyediaan Ban Banjir |
| T1S9-C9 | UT | Cadangan Kerja-kerja Mendalam dan Perlebaran Sungai Endau |



RUANG INI DIKOSONGKAN

**STRATEGI** | **CADANGAN** | **AGENDA** | **KATEGORI**

**T1S1**
Perancangan Guna Tanah Yang Mampan dan Dinamik

**T1S1-C1**

# CADANGAN ZON GUNA TANAH DAERAH ROMPIN 2035

**QW**
**(QUICK WIN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pelan konsep dan strategi yang diwujudkan untuk memastikan hasrat dan harapan untuk menjadikan Rompin sebuah daerah yang makmur dan mampan dengan tumpuan Pembangunan Bersepadu dan Mampan Ke Arah Rompin Gerbang Pelancongan Hijau. Secara amnya, ia menjadi asas kepada cadangan peta guna tanah Daerah Rompin 2035. Konsep guna tanah Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) mengambil kira pelbagai elemen, termasuk had sempadan bandar dan pusat petempatan, zon risiko bencana, zon pembangunan KSAS dan jaminan keselamatan makanan bagi memastikan perancangan guna tanah yang mampan. Kesesuaian jenis penggunaan tanah dan lokasi yang sesuai akan diambilkira dalam cadangan ini.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Mengawal penggunaan tanah yang mencukupi bagi pembangunan perumahan, ruang perniagaan dan industri selari dengan pertumbuhan penduduk dan keperluan pembangunan pada masa akan datang.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Cadangan Peta Cadangan Daerah Rompin 2035 (PCDR 2035) yang melibatkan semua lot-lot aktiviti guna tanah untuk diselaraskan bagi mencapai sasaran visi pembangunan.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Keseluruhan Kawasan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula / Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)
3. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin





**Jadual 5.1: Perbezaan Guna Tanah Daerah Rompin 2023 dan Guna Tanah Cadangan 2035**

| GUNA TANAH | SEMASA 2023 | | PETA CADANGAN 2035 | | PERUBAHAN LUAS (hektar) |
|---|---|---|---|---|---|
| | LUAS (hektar) | PERATUS (%) | LUAS (hektar) | PERATUS (%) | |
| **TEPU BINA** | | | | | |
| Perumahan | 3,046.13 | 0.57 | 5,007.29 | 0.93 | 1,961.16 |
| Komersial | 596.77 | 0.11 | 1,617.64 | 0.3 | 1,020.87 |
| Industri | 473.88 | 0.09 | 579.38 | 0.11 | 105.50 |
| Institusi & Kemudahan Masyarakat | 1,232.98 | 0.23 | 1,441.17 | 0.27 | 208.19 |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 195.78 | 0.04 | 521.99 | 0.1 | 326.21 |
| Pengangkutan | 2,466.39 | 0.46 | 2,635.52 | 0.49 | 169.13 |
| Infrastruktur dan utiliti | 1,076.40 | 0.2 | 1,095.58 | 0.2 | 19.18 |
| Tanah Kosong | 1,870.49 | 0.35 | 0 | 0 | -1,870.49 |
| **JUMLAH KECIL** | **10,958.82** | **2.04** | **12,898.57** | **2.40** | 1,939.75 |
| **BUKAN TEPU BINA** | | | | | 0.00 |
| Pelombongan/ Kuari | 3,699.54 | 0.69 | 0 | 0 | -3,699.54 |
| Pertanian | 266,721.91 | 49.57 | 303,957.22 | 56.49 | 37,235.31 |
| Hutan | 250,792.20 | 46.61 | 215,313.95 | 40.02 | -35,478.25 |
| Badan Air | 5,468.25 | 1.02 | 5,470.98 | 1.02 | 2.73 |
| Pantai | 438.16 | 0.08 | 438.16 | 0.08 | 0.00 |
| **JUMLAH KECIL** | **527,120.06** | **97.96** | **525,180.31** | **97.60** | -1,939.75 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **538,078.88** | **100.00** | **538,078.88** | **100.00** | |


*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 5.1: Pelan Cadangan Guna Tanah Daerah Rompin 2035



## PELAN LOKASI




## PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

**KOMERSIAL**
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

**INDUSTRI**
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi / Kemudahan Awam Cadangan

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan

**PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN**
- Jalan Utama Sedia Ada
- Jalan Sokongan Sedia Ada
- Lapangan Terbang Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Lebuhraya Cadangan
- ECRL Cadangan
- Kemudahan Pengangkutan Sedia Ada
- Kemudahan Pengangkutan Cadangan

**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Bekalan Gas Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembetungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada

**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**
- Padi Sedia Ada
- Pertanian (Selain Padi) Sedia Ada
- Akuakultur Sedia Ada
- Pertanian Cadangan

**HUTAN**
- Hutan Simpan Kekal
- Hutan Tanah Kerajaan
- Kawasan Berhutan

**BADAN AIR**
- Sungai
- Empangan
- Pantai

**LAIN-LAIN**
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Blok Perancangan (BP)
- Sempadan Blok Perancangan Kecil (BPK)
- Sempadan Rangkaian Ekologi CFS
- Zon Penampan Rangkaian Ekologi CFS (1km)
- Zon Sempadan Hijau Negeri Pahang (500 meter)
- Kawasan Strategik Pelaburan

**SEMPADAN BANDAR / PUSAT PETEMPATAN**
- Sempadan Bandar
- Sempadan Petempatan Utama

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

STRATEGI

**T1S1**

**Perancangan Guna Tanah Yang Mampan dan Dinamik**

CADANGAN

**T1S1-C4**

# CADANGAN HIERARKI PETEMPATAN DAERAH ROMPIN 2035

AGENDA

SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE

NUA 01

KATEGORI

**UT**

**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Berdasarkan pada prospek pertumbuhan dan bagi mengimbangkan ekonomi negeri, hierarki petempatan bandar Negeri Pahang sehingga tahun 2050 terbahagi kepada tiga (3) iaitu:
   - Bandar Negeri
   - Bandar Utama
   - Bandar Tempatan
2. Di dalam konteks RT Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian), cadangan hierarki petempatan ditentukan berdasarkan hierarki di peringkat negeri dan juga potensi semasa pusat-pusat petempatan sedia ada.
3. Berdasarkan penemuan, hanya satu (1) hierarki petempatan yang dicadangkan sebagai Bandar Utama iaitu Kuala Rompin. Manakala Bandar Tempatan akan melibatkan empat (4) pusat petempatan utama iaitu Muadzam Shah, Bandar Tun Razak, Teluk Gading dan Kampung Tekek.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penetapan hierarki petempatan dapat membantu MDR dan TDA dalam memberi keutamaan terhadap pembangunan akan datang.
2. Merancang pertumbuhan perbandaran untuk mengelakkan masalah rebakan bandar (*urban sprawl*) yang akan menyebabkan pembaziran sumber.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan menetapkan sempadan bandar (melibatkan Bandar Kuala Rompin dan Muadzam Shah).

**B** Cadangan pusat petempatan utama (melibatkan Bandar Tun Razak, Teluk Gading dan Kampung Tekek)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bandar Utana
   - Bandar Rompin
2. Bandar Tempatan / Pusat Petempatan Utama
   - Bandar Muadzam Shah
   - Bandar Tun Razak
   - Teluk Gading
   - Kampung Tekek

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula / Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)
3. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin


**Jadual 5.2: Hierarki Pusat Petempatan Daerah Rompin, Pahang**

| HIERARKI | BANDAR / PEKAN | CIRI-CIRI DAN KOMPONEN |
|---|---|---|
| **BANDAR UTAMA**<br>Pusat pertumbuhan yang signifikan dalam pembangunan sesebuah negeri<br>**> 100,000 penduduk** | **1. Kuala Rompin**<br>Berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan daerah | • > 100,000 Penduduk<br>• Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran<br>• Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri<br>• Bank Antarabangsa, Tempatan (Cawangan)<br>• Resort/Eklusif ( ≤ 5 Bintang), Hotel Bajet Sehingga 5 Bintang, Pusat Persidangan dan Pameran, Rumah Tetamu<br>• Universiti/Kolej Awam/Kolej Swasta<br>• Sekolah Teknikal/Vokasional<br>• Sekolah Antarabangsa<br>• Sekolah Rendah dan Menengah<br>• Hospital Kerajaan dan Swasta<br>• Taman Bandar<br>• Masjid Daerah, Tempat Ibadat Bukan Islam<br>• Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai Polis<br>• Balai Bomba<br>• Pelabuhan Antarabangsa dan Nasional<br>• Stesen Bas/Teksi<br>• Stesen Keretapi |
| **BANDAR TEMPATAN / PUSAT PETEMPATAN UTAMA**<br>Bandar yang memberi perkhidmatan perniagaan atau/dan kawasan pentadbiran yang lebih kecil berbanding bandar utama<br>**10,000 – 100,000 penduduk** | **1. Muadzam Shah**<br>**2. Bandar Tun Razak**<br>**3. Teluk Gading**<br>**4. Kampung Tekek**<br>Berfungsi sebagai pusat pentadbiran (cawangan) atau pusat perkhidmatan tempatan dan perniagaan sekitar | • 10,000 – 100,000 Penduduk<br>• Pusat Pentadbiran Daerah (Jika kurang dari 10,000)<br>• Jabatan Kerajaan Negeri<br>• Majlis Perbandaran, Majlis Daerah<br>• Bank Antarabangsa, Tempatan (Cawangan)<br>• Hotel Bajet Sehingga 5 Bintang, Pusat Persidangan dan Pameran, Rumah Tetamu<br>• Sekolah Teknikal/Vokasional<br>• Sekolah Rendah dan Menengah<br>• Hospital Kerajaan<br>• Taman Bandar/ Tempatan<br>• Masjid, Tempat Ibadat Bukan Islam<br>• Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai Polis<br>• Balai Bomba<br>• Pelabuhan Nasional<br>• Stesen Bas/Teksi<br>• Stesen Keretapi |

*Sumber:*

1. *Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2050.*
2. *Dasar Perbandaran Negara 2*
3. *Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 5.2: Sempadan Bandar dan Petempatan Utama Daerah Rompin 2035




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**Sempadan Bandar / Pusat Petempatan**
- Sempadan Bandar
- Sempadan Petempatan Utama

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## A Cadangan Menetapkan Sempadan Bandar (Melibatkan Bandar Kuala Rompin dan Muadzam Shah)

### I. Bandar Kuala Rompin

**HAD SEMPADAN BANDAR**

1. Bandar Kuala Rompin seluas 1,625 hektar (4,015 ekar) merupakan Bandar Utama bagi Daerah Rompin dan merupakan Bandar Tempatan bagi Negeri Pahang.
2. Kuala Rompin memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian pembangunan di peringkat negeri sebagai **Pusat Agropolitan.**

3. Kriteria Persempadanan
   - Pusat pentadbiran
   - Pusat pemasaran dan perdagangan produk pertanian
   - Perikanan
   - Agro-pelancongan dan ekopelancongan
   - Pembangunan komited
   - Tren dan arah pembangunan semasa
   - Rangkaian jalan utama

**GUNA TANAH CADANGAN 2035**

Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Kuala Rompin pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 929.55 hektar iaitu 57.20% dari keluasan keseluruhan Kuala Rompin. Ia merangkumi 113.36 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan, 30.96% pembangunan komited dan 785.23 hektar dalam kategori cadangan baru.

**Jadual 5.3: Guna Tanah Cadangan Kuala Rompin 2035**

| GUNA TANAH | GUNA TANAH (hektar) | | | PETA CADANGAN 2035 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | SEMASA DIKEKALKAN | KOMITED | CADANGAN BARU | LUAS (hek) | % |
| **TEPU BINA** | | | | | |
| Perumahan | 113.36 | 30.96 | 785.23 | **929.55** | **57.20** |
| Komersial | 45.98 | 1.95 | 120.59 | **168.52** | **10.37** |
| Institusi & Kemudahan Masyarakat | 160.75 | 2.34 | 8.47 | **171.56** | **10.56** |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 27.31 | 7.72 | 87.40 | **122.43** | **7.53** |
| Pengangkutan | 150.34 | 20.90 | 12.00 | **183.24** | **11.28** |
| Infrastruktur dan utiliti | 8.34 | 1.09 | | **9.43** | **0.58** |
| **JUMLAH KECIL** | **506.08** | **64.96** | **1,013.69** | **1,584.73** | **97.52** |
| **BUKAN TEPU BINA** | | | | | **-** |
| Pertanian | - | 0.57 | | **0.57** | **0.04** |
| Hutan | 33.73 | | | **33.73** | **2.08** |
| Badan Air | 3.23 | 2.74 | | **5.97** | **0.37** |
| **JUMLAH KECIL** | **36.96** | **3.31** | **-** | **40.27** | **2.48** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **543.04** | **68.27** | **1,013.69** | **1,625.00** | **100.00** |

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### II. Bandar Muadzam Shah

**HAD SEMPADAN BANDAR**

1. Bandar Muadzam Shah seluas 3,483.00 hektar (8,603 ekar) terletak dalam Mukim Bebar dan bersebelahan dengan Daerah Pekan.
2. Arah pembangunan Bandar Muadzam Shah ini adalah tertumpu dan sejajar dengan laluan penghubung utama, Lebuhraya Segamat - Kuantan
3. Bandar Muadzam Shah merupakan segabai Pusat Katalis mengikut pembangunan di peringkat Negeri Pahang

4. Kriteria Persempadanan
   - Pembangunan perindustrian (makanan)
   - Hab pendidikan
   - Pembangunan komited
   - Tren dan arah pembangunan semasa
   - Rangkaian jalan utama
   - Aktiviti pertanian

**GUNA TANAH CADANGAN 2035**


Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Bandar Muadzam Shah pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 1,005.69 hektar iaitu 28.87% dari keluasan keseluruhan Bandar Muadzam Shah. Ia merangkumi 125.59 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan, 40.43 pembangunan komited dan 839.67 hektar dalam kategori cadangan baru.

**Jadual 5.4: Guna Tanah Cadangan Bandar Muadzam Shah 2035**

| GUNA TANAH | GUNA TANAH (hektar) | | | PETA CADANGAN 2035 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | SEMASA DIKEKALKAN | KOMITED | CADANGAN BARU | LUAS (hek) | % |
| **TEPU BINA** | | | | | |
| Perumahan | 125.59 | 40.43 | 839.67 | **1,005.69** | **28.87** |
| Komersial | 34.82 | 4.72 | 34.82 | **74.36** | **2.13** |
| Industri | 37.81 | - | 625.17 | **662.98** | **19.03** |
| Institusi & Kemudahan Masyarakat | 239.01 | 6.84 | 272.28 | **518.13** | **14.88** |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 59.42 | 7.66 | 154.85 | **221.93** | **6.37** |
| Pengangkutan | 140.5 | 30.68 | 43.37 | **214.55** | **6.16** |
| Infrastruktur dan utiliti | 108.16 | 8.83 | 0.25 | **117.24** | **3.37** |
| **JUMLAH KECIL** | **745.31** | **99.16** | **1970.41** | **2,814.88** | **80.82** |
| **BUKAN TEPU BINA** | | | | | **-** |
| Pertanian | 342.39 | - | - | **342.39** | **9.83** |
| Hutan | 323.91 | - | - | **323.91** | **9.30** |
| Badan Air | 1.82 | - | - | **1.82** | **0.05** |
| **JUMLAH KECIL** | **668.12** | **-** | **-** | **668.12** | **19.18** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,413.43** | **99.16** | **1,970.41** | **3,483.00** | **100.00** |

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## Rajah 5.3: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Kuala Rompin, 2035




### PELAN LOKASI




### PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

**KOMERSIAL**
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi / Kemudahan Awam Cadangan

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan


**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Bekalan Gas Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembetungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada

**SEMPADAN BANDAR / PUSAT PETEMPATAN**
- Sempadan Bandar
- Sempadan Petempatan Utama

**LAIN-LAIN**
- Jalan Utama Sedia Ada
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- ECRL Cadangan
- Sungai

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## Rajah 5.4: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Bandar Muadzam Shah, 2035




### PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

**KOMERSIAL**
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

**INDUSTRI**
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada
- Institusi/ Kemudahan Awam Cadangan

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan

**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Bekalan Gas Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembetungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada

**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**
- Pertanian (Selain Padi) Sedia Ada
- Pertanian Cadangan

### PETUNJUK

**SEMPADAN BANDAR / PUSAT PETEMPATAN**
- Sempadan Bandar
- Sempadan Petempatan Utama

**LAIN-LAIN**
- Jalan Utama Sedia Ada
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- ECRL Cadangan
- Sungai

### PELAN LOKASI




Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## B Cadangan Pusat Petempatan Utama (Melibatkan Bandar Tun Razak, Teluk Gading dan Kampung Tekek)

### I. Bandar Tun Razak

**HAD KAWASAN PETEMPATAN**

1. Bandar Tun Razak seluas 1.777 hektar (4,391 ekar) terletak dalam Mukim Keratong dan telah dikenalpasti sebagai salah satu Bandar Tempatan bagi Daerah Rompin.
2. Arah Pembangunan semasa Bandar Tun Razak ini lebih berkelompok. Selain itu, Bandar Tun Razak juga berdekatan dengan laluan utama iaitu Lebuhraya Segamat-Kuantan.

3. Kriteria Persempadanan
   - Pusat petempatan kecil
   - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada
   - Tren dan arah pembangunan semasa
   - Rangkaian jalan utama

**GUNA TANAH CADANGAN 2035**

Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Bandar Tun Razak pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 814.04 hektar iaitu 45.81% dari keluasan keseluruhan Bandar Tun Razak. Ia merangkumi 444.26 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan. 20.58 hektar pembangunan komited dan 349.20 hektar dalam kategori cadangan baru

**Jadual 5.5: Guna Tanah Cadangan Bandar Tun Razak 2035**

| GUNA TANAH | GUNA TANAH (hektar) | | | PETA CADANGAN 2035 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | SEMASA DIKEKALKAN | KOMITED | CADANGAN BARU | LUAS (hektar) | PERATUS (%) |
| **TEPU BINA** | | | | | |
| Perumahan | 444.26 | 20.58 | 349.20 | **814.04** | **45.81** |
| Komersial | 8.85 | 0.31 | 10.87 | **20.02** | **1.13** |
| Industri | 1.20 | | | **1.20** | **0.07** |
| Institusi & Kemudahan Masyarakat | 69.80 | 0.75 | | **70.55** | **3.97** |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 39.64 | 5.78 | 34.34 | **79.75** | **4.49** |
| Pengangkutan | 213.57 | 11.51 | 0.59 | **225.67** | **12.70** |
| Infrastruktur dan utiliti | 16.16 | 2.26 | | **18.42** | **1.04** |
| **JUMLAH KECIL** | **793.47** | **41.18** | **394.99** | **1,229.64** | **69.20** |
| **BUKAN TEPU BINA** | | | | | **-** |
| Pertanian | 473.88 | | 35.97 | **509.86** | **28.69** |
| Hutan | 30.02 | | | **30.02** | **1.69** |
| Badan Air | 7.49 | | | **7.49** | **0.42** |
| **JUMLAH KECIL** | **511.39** | **-** | **35.97** | **547.36** | **30.80** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,304.86** | **41.18** | **430.97** | **1,777.00** | **100.00** |

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### II. Teluk Gading

**HAD KAWASAN PETEMPATAN**

1. Teluk Gading seluas 755.90 hektar (1,867 ekar) merupakan salah satu bandar tempatan bagi Daerah Rompin dan terletak dalam Mukim Endau dan bersebelahan dengan Negeri Johor.
2. Arah Pembangunan semasa ini lebih berbentuk linear dengan penghubung utama iaitu Laluan Persekutuan 3.

3. Kriteria Persempadanan
   - Pintu masuk utama Daerah Rompin, Negeri Pahang dan Pantai Timur serta ke Pulau Tioman
   - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada
   - Kawasan perindustrian maritim dan perikanan akan datang
   - Tren dan arah pembangunan semasa
   - Rangkaian jalan utama

**GUNA TANAH CADANGAN 2035**


Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Teluk Gading pada tahun 2035 adalah kawasan perumahan yang meliputi kawasan seluas 314.06 hektar iaitu 41.55% dari keluasan keseluruhan Teluk Gading. Ia merangkumi 15.67 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan, 5.05 hektar pembangunan komited dan 293.34 hektar dalam kategori cadangan baru.

**Jadual 5.6: Guna tanah Cadangan Teluk Gading 2035**

| GUNA TANAH | GUNA TANAH (hektar) | | | PETA CADANGAN 2035 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | SEMASA DIKEKALKAN | KOMITED | CADANGAN BARU | LUAS (hektar) | PERATUS (%) |
| **TEPU BINA** | | | | | |
| Perumahan | 15.67 | 5.05 | 293.34 | **314.06** | **41.55** |
| Komersial | 12.79 | 0.58 | 19.50 | **32.87** | **4.35** |
| Industri | 38.21 | | 143.16 | **181.37** | **23.99** |
| Institusi & Kemudahan Masyarakat | 19.80 | | 1.00 | **20.8** | **2.75** |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 4.44 | 0.93 | 8.37 | **13.74** | **1.82** |
| Pengangkutan | 18.90 | 3.25 | 2.52 | **24.67** | **3.26** |
| Infrastruktur dan utiliti | 2.14 | 0.06 | | **2.20** | **0.29** |
| **JUMLAH KECIL** | **111.95** | **9.87** | **467.89** | **589.71** | **78.01** |
| **BUKAN TEPU BINA** | | | | | **-** |
| Pertanian | **4.65** | | | **4.65** | **0.62** |
| Hutan | 6.78 | | | **6.78** | **0.90** |
| Badan Air | 154.76 | | | **154.76** | **20.47** |
| **JUMLAH KECIL** | **166.19** | **0.00** | **0.00** | **166.19** | **21.99** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **278.14** | **9.87** | **467.89** | **755.90** | **100.00** |

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## Rajah 5.5: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Bandar Tun Razak, 2035




### PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

**KOMERSIAL**
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

**INDUSTRI**
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan

**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**
- Pertanian (Selain Padi) Sedia Ada
- Pertanian Cadangan


**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Bekalan Gas Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembetungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada

**HUTAN**
- Kawasan Berhutan

**SEMPADAN BANDAR / PUSAT PETEMPATAN**
- Sempadan Bandar
- Sempadan Petempatan Utama

**LAIN-LAIN**
- Jalan Utama Sedia Ada
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Sungai

### PELAN LOKASI




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang, 2035 (Penggantian)*

## Rajah 5.6 : Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Teluk Gading, 2035




### PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Cadangan

**KOMERSIAL**
- Komersial Sedia Ada
- Komersial Cadangan

**INDUSTRI**
- Industri Sedia Ada
- Industri Cadangan

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada
- Tanah Lapang dan Rekreasi Cadangan

**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Bekalan Gas Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembetungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada

**SEMPADAN BANDAR / PUSAT PETEMPATAN**
- Sempadan Bandar
- Sempadan Petempatan Utama

**LAIN-LAIN**
- Jalan Utama Sedia Ada
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Sungai

### PELAN LOKASI




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang, 2035 (Penggantian)*

### III. Kampung Tekek

#### HAD KAWASAN PETEMPATAN

1. Kampung Tekek seluas 300.20 hektar (741.50 ekar) terletak dalam Mukim Tioman dan ianya terletak di kawasan Pulau Tioman.
2. Selain itu, Kampung Tekek telah dikenalpasti sebagai salah satu bandar tempatan utama bagi Daerah Rompin di dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 khususnya bagi Pulau Tioman

3. **Kriteria Persempadanan**
   - Kawasan pelancongan
   - Kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada
   - Tren dan arah pembangunan semasa

#### GUNA TANAH CADANGAN 2035

Secara keseluruhannya zon guna tanah utama bagi Kampung Tekek pada tahun 2035 adalah kawasan komersial yang meliputi kawasan seluas 114.33 hektar iaitu 38.02% dari keluasan keseluruhan Kampung Tekek. Ia merangkumi 40.88 hektar dalam kategori pembangunan semasa yang dikekalkan dan 73.45 cadangan baru.

**Jadual 5.7: Guna Tanah Cadangan Kampung Tekek 2035**


| GUNA TANAH | GUNA TANAH (hektar) | | | PETA CADANGAN 2035 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | SEMASA DIKEKALKAN | KOMITED | CADANGAN BARU | LUAS (hek) | % |
| **TEPU BINA** | | | | | |
| Perumahan | 6.10 | - | 56.56 | **62.66** | **20.84** |
| Komersial | 40.88 | - | 73.45 | **114.33** | **38.02** |
| Institusi & Kemudahan Masyarakat | 10.07 | - | - | **10.07** | **3.35** |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 3.38 | - | - | **3.38** | **1.12** |
| Pengangkutan | 23.06 | - | 6.66 | **29.72** | **9.88** |
| Infrastruktur dan utiliti | 4.82 | - | 1.66 | **6.48** | **2.15** |
| **JUMLAH KECIL** | **87.44** | **-** | **138.33** | **226.64** | **75.37** |
| **BUKAN TEPU BINA** | | | | | **0.00** |
| Tanah Kosong | - | - | - | **0.00** | **0.00** |
| Pertanian | 42.18 | - | - | **42.18** | **14.03** |
| Hutan | 19.72 | - | - | **19.72** | **6.56** |
| Badan Air | 3.40 | - | - | **3.40** | **1.13** |
| Pantai | 8.76 | - | - | **8.76** | **2.91** |
| **JUMLAH KECIL** | **74.93** | **-** | **-** | **74.06** | **24.63** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **162.37** | **-** | **138.33** | **300.70** | **100.00** |

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)



Kampung Tekek, Tioman

## Rajah 5.7: Sempadan Bandar dan Guna Tanah Cadangan Kampung Tekek, 2035




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

STRATEGI

**T1S1**

**Perancangan Guna Tanah Yang Mampan dan Dinamik**

CADANGAN

**T1S1-C1**

# CADANGAN PEMBANGUNAN TANJUNG SERATUS SEBAGAI *ROMPIN GREEN BUSINESS PARK*/ BANDAR PELANCONGAN BERSEPADU

AGENDA

SDGs: 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
NUA: 01

KATEGORI

**ST (STRATEGIK)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pembangunan Rompin *Green Business Park*/ Bandar Bersepadu Pelancongan MICE di Kuala Rompin yang melibatkan beberapa inisiatif penting untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, pembangunan perniagaan dan pelancongan di kawasan tersebut. Pembangunan ini perlu berjalan seiring dengan perancangan yang teliti dengan mempertimbangkan impak kepada persekitaran, kesan sosial dan keperluan aspirasi komuniti setempat. Kerjasama rapat antara sektor awam dan swasta serta keterlibatan aktif komuniti amat penting untuk memastikan pembangunan yang berjaya dan mampan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Konsep pembangunan hijau diterapkan ke dalam pembangunan fizikal bangunan dan persekitaran kawasan bagi meningkatkan kecekapan tenaga dan memaksimumkan kelestarian dengan gabungan konsep landskap dan persekitaran mesra alam.
2. Menjadikan Bandar Kuala Rompin sebagai bandar yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan utama pelancongan dan perkhidmatan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Cadangan Terminal Pengangkutan Bersepadu dan Terminal Feri Tanjung Seratus
- **B** Cadangan Pembangunan *Green Business Park*
- **C** Cadangan Pusat *MICE (Meetings, Incentives, Conferences, Exhibition)*
- **D** *Rompin Waterfront Cruise/ Rompin Harbour*

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**
Kuala Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**
1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**
1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**
1. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
2. Pemaju

## A Cadangan Terminal Pengangkutan Bersepadu dan Terminal Feri Tanjung Seratus

Pembangunan kawasan Kuala Rompin - Tanjung Seratus sebagai Terminal Pengangkutan Bersepadu yang mengabungkan Terminal Pengangkutan Rel (ECRL) - Darat - Laut (Terminal Feri) adalah langkah kehadapan untuk menjadikan Kuala Rompin sebagai destinasi pelancongan bandar bertaraf antarabangsa yang lengkap dan berdaya saing dimasa akan datang.

Pembangunan ini akan menjadi pembangunan berimpak tinggi dan ikonik baru Daerah Rompin amnya dan Bandar Kuala Rompin khususnya untuk menyokong Bandar Rompin sebagai Bandar Pelancongan Bertaraf Antarabangsa, Bandar Agropolitan dan pembangunan berteraskan elemen hijau.

Terminal feri baharu ini mempunyai beberapa tujuan, termasuk menyediakan infrastruktur yang diperlukan untuk kapal tiba dan berlepas, membolehkan perjalanan untuk kereta dan penumpang, menawarkan kemudahan perkhidmatan dan keselamatan, dan menawarkan kemudahan untuk pentadbiran dan operasi. Oleh itu, terminal feri baharu itu bertujuan untuk memenuhi jangkaan pelanggan, mengekalkan operasi yang lancar, dan menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang serta kargo.



Contoh Cadangan Terminal Feri Tanjung Seratus

## B Cadangan Pembangunan *Green Business Park*

Pembangunan *Green Business Park* adalah langkah proaktif dan berdaya maju dalam menggalakkan kelestarian alam sambil menggerakkan inovasi dalam sektor perniagaan. Dengan fokus pada penggunaan sumber tenaga hijau, pengurusan sisa pepejal secara bijak, dan penerapan teknologi mesra alam, ia membawa manfaat besar kepada komuniti dan alam sekitar.

1. **Penggunaan Tenaga Hijau**
   - Memanfaatkan sumber tenaga baharu, seperti tenaga solar, angin, atau hidroelektrik, membantu mengurangkan jejak karbon sambil mempromosikan penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.
2. **Pengurusan Sisa Pepejal**
   - Melalui amalan seperti kitar semula, pengurusan sisa pepejal secara efisien, dan penekanan pada produk ramah alam yang boleh dikitar semula, Zon Perniagaan Hijau membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar.
3. **Teknologi Mesra Alam**
   - Menggalakkan penggunaan teknologi inovatif yang berpihak kepada alam, seperti penggunaan bahan ramah alam dalam pembuatan produk, penggunaan proses pengeluaran yang bersih, dan sistem keselamatan yang berkesan bagi alam sekitar.
4. **Komuniti dan Kesedaran**
   - Melibatkan komuniti tempatan dalam usaha kelestarian, menyediakan latihan dan pendidikan tentang amalan perniagaan hijau, serta mendorong kesedaran mengenai impak positif yang boleh dibuat oleh pemilikan dan penyertaan dalam Zon Perniagaan Hijau.

## C Cadangan Pusat MICE (*Meetings, Incentives, Conferences, Exhibition*)

Pembangunan Pusat MICE *(Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions)* mempunyai impak yang besar dalam mendorong pertumbuhan ekonomi tempatan dan meningkatkan tarikan pelancongan. Sebagai pusat konvensyen dan pameran, ia mempunyai beberapa kebaikan yang mencakupi pelbagai bidang

1. **Menarik Acara Perniagaan dan Persidangan**
   - Pusat MICE yang berkualiti tinggi menjadi destinasi pilihan untuk perniagaan dan persidangan. Ini membawa kepada peningkatan jumlah acara perniagaan yang diadakan di kawasan tersebut, membuka peluang untuk pertukaran ilmu, rangkaian perniagaan, dan pembangunan profesionalisme.
2. **Pameran dan Ekspo**
   - Pameran dan ekspo yang diadakan di pusat ini memperkenalkan produk dan inovasi terkini kepada pelanggan tempatan dan luar. Ia bukan sahaja mendorong jualan tetapi juga mempromosikan keusahawanan tempatan dan memberikan platform untuk pertumbuhan industri tertentu.
3. **Pelancongan**
   - Menjadi destinasi untuk acara-acara besar menarik pelancong dari luar kawasan atau negara. Ini memberi dorongan ekonomi kepada industri pelancongan tempatan, termasuk penginapan, makanan, dan perkhidmatan lain.
4. **Meningkatkan Kedudukan dan Reputasi Kawasan**
   - Kehadiran pusat konvensyen dan pameran yang berprestij meningkatkan reputasi dan kedudukan kawasan dalam arena perniagaan dan acara global. Ini membawa ke tahap kepercayaan yang lebih tinggi dari pelabur, peserta persidangan, dan pengunjung.



## D *Rompin Waterfront Cruise/ Rompin Harbour*



Aktiviti menyusuri sungai Rompin *(River Cruise)*



Gambaran Platform Di *Rompin Waterfront Cruise*


Ruang tempat duduk berkonsepkan ampiteater, untuk kemudahan pengunjung menonton aktiviti-aktiviti yang diadakan

Plaza terbuka untuk tujuan aktiviti-aktiviti persembahan atau kegiatan riadah bekumpulan/ komuniti



Cadangan Amphiteater Dan Plaza Terbuka

**Rajah 5.8 : Cadangan Pembangunan Tanjung Seratus sebagai Rompin *Green Bussiness Park*/ Bandar Bersepadu Pelancongan**




**CADANGAN ROMPIN *GREEN BUSSINESS PARK*/ BANDAR BERSEPADU PELANCONGAN**
**(477.40 HEKTAR / 1,179.18 EKAR)**

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## ILUSTRASI KESELURUHAN TANJUNG SERATUS SEBAGAI ROMPIN GREEN BUSSINESS PARK/ BANDAR BERSEPADU PELANCONGAN




## ILUSTRASI KOMPONEN TANJUNG SERATUS SEBAGAI ROMPIN GREEN BUSSINESS PARK/ BANDAR BERSEPADU PELANCONGAN









| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S1<br>Perancangan Guna Tanah Yang Mampan dan Dinamik | T1S1-C2<br>CADANGAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR KAWASAN TELUK GADING | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH, 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; NUA 01 | ST (STRATEGIK) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pembangunan semula bandar merujuk kepada usaha-usaha untuk memodenkan semula dan memperbaharui bandar yang sedia ada. Ia melibatkan pelbagai tindakan termasuk penyusunan semula, penambahbaikan infrastruktur, dan penjenamaan semula ruang bandar.
2. Kebanyakan usaha pembangunan semula bandar dilakukan dengan tujuan meningkatkan kualiti hidup penduduk, meningkatkan ekonomi tempatan, dan mencapai kesinambungan jangka panjang dalam pembangunan.
3. Pembangunan semula bandar adalah usaha holistik yang menggabungkan banyak aspek untuk memastikan bandar berkembang dalam cara yang mampan, memenuhi keperluan penduduk, serta memelihara keindahan dan identiti bandar.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar termasuk penyediaan kemudahan kesihatan yang lebih baik, akses kepada pendidikan, perumahan yang lebih baik, ruang rekreasi dan meningkatkan ekonomi bandar yang melibatkan pembangunan kawasan perniagaan, pelaburan dalam industri, dan peluang pekerjaan baru.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Cadangan *Street Art* Teluk Gading
- **B** Cadangan Menaik Taraf Fasad Bangunan Rumah Kedai
- **C** Cadangan *Linear Park* Teluk Gading
- **D** Cadangan Menaik Taraf Surau Teluk Gading
- **E** Cadangan Naik Taraf Tioman Harbour
- **F** Cadangan Naik Taraf Dataran Teluk Gading

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Teluk Gading

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula / Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
3. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
4. Pemaju
5. Jabatan Laut

## PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR (URBAN REDEVELOPMENT)

Pembangunan semula bandar (*urban redevelopment*) merupakan pembangunan yang dibuat secara holistik dengan mengubah struktur fizikal sedia ada. Pembangunan ini akan melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak, perobohan bangunan dan perubahan guna tanah yang menjurus kepada pembangunan yang bersepadu dan mengoptimakan kegunaan tanah. Pendekatan ini akan memberikan satu nilai Baharu kepada penduduk dari segi peningkatan ekonomi, keadaan fizikal, infrastruktur dan utiliti, sosial serta kehidupan bandar yang lebih berdaya huni

## PENJANAAN SEMULA BANDAR (URBAN REGENERATION)

Penjanaan semula bandar *(urban regeneration)* memfokuskan kepada pemulihan sesuatu tapak yang lama, usang dan terbengkalai melalui pembinaan bangunan baharu atau penyediaan kemudahan dan infrastruktur tanpa memusnahkan keseluruhan reka bentuk, susun atur atau fungsi kawasan tersebut. Pembangunan ini akan menjana semula aktiviti di kawasan tersebut sama ada dari segi ekonomi, sosial atau persekitaran.

## PENYEGARAN SEMULA BANDAR *(URBAN REVITALISATION)*

Penyegaran semula bandar *(urban revitalisation)* bertujuan menyegarkan semula kawasan atau bangunan yang telah menunjukkan ciri-ciri keusangan dan berlaku kemerosotan aktiviti sosio-ekonomi. Pelaksanaan pendekatan ini memfokuskan kepada pemulihan sesuatu Kawasan atau bangunan yang tidak melibatkan perubahan fizikal secara menyeluruh. Ia merangkumi kerja-kerja seperti membaik pulih, menaik taraf, pengindahan dan penyediaan landskap sesuatu kawasan atau bangunan.

## PEMULIHARAAN BANDAR *(URBAN CONSERVATION)*

Pemuliharaan bandar *(urban conservation)* merujuk kepada pembangunan semula Kawasan terpelihara termasuk tapak/ bangunan warisan dan bersejarah dengan identiti dan estetik yang perlu dipulihara. Pelaksanaan pendekatan ini memfokuskan kepada perubahan fizikal yang melibatkan kerja pemuliharaan/ pemeliharaan fizikal tapak/ bangunan, perubahan aktiviti bangunan/ tapak yang lebih menarik dan mengekalkan nilai-nilai warisan serta sejarah tapak/ bangunan.

## A Cadangan *Street Art* Teluk Gading

Elemen seni mengisahkan sejarah Teluk Gading menampilkan dimensi yang kaya dan mendalam. Seni visual, seperti lukisan dan arca, menggambarkan peristiwa sejarah dan kehidupan seharian. Seni dan kraf tradisional memperindah kehidupan seharian di samping mengekalkan nilai tradisi. Dengan menggabungkan semua ini, sejarah Teluk Gading menjadi lebih hidup dan memberikan gambaran mendalam tentang perjalanan bangsa dan budayanya.

## B Cadangan Menaik Taraf Fasad Bangunan Rumah Kedai

Rejuvenasi kawasan perdagangan sedia ada dengan penerapan elemen seni dan penambahbaikan fasad serta penyediaan garis panduan perkedaian yang bersesuaian. Ini bertujuan untuk menciptakan kawasan perdagangan yang hidup, menarik, dan berkelanjutan secara ekonomi dan kultural.

## C Cadangan Linear Park Teluk Gading

Taman linear ialah jalur hijau yang dirancang di sepanjang kawasan koridor jalan. Mereka memeriahkan kawasan itu dengan aktiviti seperti berjalan kaki, berbasikal, dan lain-lain. Taman linear juga boleh menjadi pusat aktiviti seperti muzik jalanan dan festival kebudayaan, menarik pelancong dan meningkatkan ekonomi tempatan. Di samping itu, taman linear boleh menggalakkan ekopelancongan dan kelestarian semula jadi. Dengan kemudahan dan perkhidmatan yang lengkap, ia boleh menjadi tarikan utama untuk aktiviti di bandar dan pelancongan.

## D Cadangan Menaik Taraf Surau Teluk Gading

Penyediaan komponen sokongan di Surau Terminal Teluk Gading bertujuan untuk meningkatkan keselesaan dan perkhidmatan kepada jemaah dan masyarakat sekitar. Ini termasuklah bilik wuduk yang bersih, surau, penyimpanan kasut, penerangan agama, kemudahan tempat letak kereta, penjagaan alam sekitar, dan kerjasama dengan masyarakat setempat. Dengan menyediakan kemudahan tersebut, surau boleh menjadi tempat ibadat yang lebih inklusif dan mesra, serta pusat aktiviti masyarakat Islam setempat.

## E Cadangan Naik Taraf Tioman Harbour

Kedatangan pelancong ke Pulau Tioman bagi tahun 2023 seramai 58,784 orang. Melalui RTD Rompin, 2035 (Penggantian) ini, sasaran kenaikan secara semulajadi dan mengikut tren telah dibuat iaitu sebanyak 5% sehingga tahun 2025, kenaikan 7% untuk tahun berikut sehingga tahun 2030 dan kenaikan 10% bagi tahun seterusnya sehingga 2035. Dengan kedatangan pelancong yang dijangka akan terus meningkat, ia secara tidak langsung akan memberi kesan terutamanya dari segi sistem kemudahan terminal jeti di Tioman Harbour khususnya melibatkan sistem perkhidmatan feri, kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan pelancong.

## F Cadangan Naik Taraf Dataran Teluk Gading

Penyediaan kemudahan riadah dan perniagaan baharu di Dataran Teluk Gading bertujuan memperkaya pengalaman pelawat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Langkah tersebut termasuk pembangunan taman, kemudahan kawasan riadah, pasar malam, ruang pameran, kafe atau restoran unik, kemudahan Wi-Fi percuma dan kerjasama dengan masyarakat setempat. Dengan ini, Dataran Teluk Gading boleh menjadi destinasi popular untuk rakyat dan pelancong, serta mengukuhkan daya tarikan kawasan itu secara keseluruhan.

**ILUSTRASI KESELURUHAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR KAWASAN TELUK GADING**























**Rajah 5.9 : Cadangan Pembaharuan Semula Bandar Kawasan Teluk Gading**




**CADANGAN ZON PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR TELUK GADING**
**(47.25 HEKTAR / 116.70 EKAR)**

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

# ILUSTRASI KESELURUHAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR KAWASAN TELUK GADING



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S2<br>Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau | T1S2-C1<br>CADANGAN MENGGALAKKAN PENERAPAN ELEMEN-ELEMEN KEJIRANAN HIJAU DALAM KAWASAN PERUMAHAN SEDIA ADA DAN BAHARU | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Elemen kejiranan hijau ini disediakan bagi membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang, mereka bentuk dan mengawal pembangunan kejiranan hijau
2. Bagi PBT, elemen ini akan dijadikan asas oleh PBT dalam mempertimbang permohonan kebenaran merancang (KM)
3. Manakala, bagi pemaju elemen ini akan menjadi asas panduan untuk mereka bentuk kawasan perumahan kejiranan hijau.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mensyaratkan kepada semua pemaju untuk menitikberatkan elemen-elemen kejiranan hijau dalam konsep pembangunan perumahan akan datang di Bandar Rompin.
2. Implimentasi elemen-elemen Kejiranan Hijau hendaklah sesuai dengan keluasan kawasan perumahan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**Ciri – Ciri Kejiranan Hijau :**

2 ciri-ciri utama telah digariskan bagi mencapai sebuah kejiranan hijau. Berikut merupakan 2 ciri yang perlu diimplimentasikan:

- **A** Susun Atur Perumahan
- **B** Reka Bentuk Bangunan

### INFO CADANGAN

**A. Seluruh Kawasan**

1. Perumahan sedia ada
2. Pembangunan Perumahan akan datang

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Swasta

## A SUSUN ATUR PERUMAHAN

| CIRI-CIRI KEJIRANAN HIJAU | KAWASAN PERUMAHAN | | | |
|---|---|---|---|---|
| | SEDIA ADA | BAHARU | <10 EKAR | >10 EKAR |
| Mereka bentuk unit/sub kejiranan dalam skala perjalanan 5-10 minit berjalan kaki dengan anggaran 400 meter jejari (radius) dan berkeluasan antara 40 ekar hingga 125 ekar | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Menggalakkan pembangunan berkepadatan sederhana dan tinggi | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Menyediakan infrastruktur hijau | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Menggalakkan konsep *"walkability"* dan *"connectivity"* melalui penyediaan ruang pejalan kaki dan berbasikal | | ✓ | | ✓ |
| Menekankan kepada konsep pembangunan bercampur ***(mixeduse)*** | | ✓ | | ✓ |
| Mewujudkan rangkaian hijau (green network) secara menyeluruh melalui penyediaan tanah lapang | | ✓ | | ✓ |
| Menukar fungsi lorong belakang konvensional di kawasan perumahan teres dengan menjadikannya sebagai laluan hijau | | ✓ | ✓ | ✓ |

## B REKA BENTUK BANGUNAN

| CIRI-CIRI KEJIRANAN HIJAU | KAWASAN PERUMAHAN | | | |
|---|---|---|---|---|
| | SEDIA ADA | BARU | <10 EKAR | >10 EKAR |
| Mereka bentuk bangunan kediaman berkonsepkan bangunan hijau ***(green building)*** | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Membina **plot bangunan secara organik** (tidak rigid) dan berselang seli *(stagger)* | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Menggalakkan aktiviti menanam (kebun mini) dan taman persendirian di kawasan premis kediaman | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Mengguna landskap lembut (pokok pagaran) sebagai bahan bagi pembinaan pagar antara lot-lot rumah. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

*Sumber : Garis Panduan Perancangan Perumahan*

STRATEGI

**T1S2**

Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau

CADANGAN

**T1S2-C2**

# CADANGAN PELAKSANAAN PENERAPAN ELEMEN HIJAU DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAERAH ROMPIN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 03

KATEGORI

**UT**

**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) mampu untuk mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan bekalan air bersih.
2. Sistem solar panel merupakan sistem penjanaan bekalan elektrik dengan tenaga yang boleh diperbaharui serta mampu untuk mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan bekalan elektrik yang dibekalkan daripada Grid Nasional.
3. Penggunaan sistem lampu jalan dengan janaan solar dan pengesan pengerakan yang perlu disediakan di kawasan hotspot kawasan kemalangan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penyediaan sistem solar panel di kawasan bangunan kerajaan bagi mengurangkan penggunaan bekalan elektrik daripada grid.
2. Penyediaan sistem penuaian air hujan (SPAH) mampu untuk mengurangkan penggunaan bekalan air
3. Lampu jalan panel solar dan pengesan pengerakan dapat mengurangkan kos penyelenggaraan dan mampu disediakan di kawasan hotspot kemalangan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan Pemasangan Panel Solar dan SPAH

**B** Cadangan Pemasangan Lampu Jalan Solar dengan Pengesan Pengerakan.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bangunan, Pasar Awam, Tandas Awam, Dewan Majlis Daerah Rompin, Terminal Bas dan Jeti Teluk Gading
2. Bangunan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri)
3. Kawasan Hotspot kemalangan

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Swasta

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Tenaga Malaysia
2. Sustainable Energy Development Authority (SEDA)
3. Majlis Daerah Rompin


**E. Agensi Pelaksana**

1. Sustainable Energy Development Authority (SEDA)
2. TNB Malaysia
3. Majlis Daerah Rompin


## A Cadangan Pemasangan Panel Solar dan SPAH

1. Pihak Kerajaan telah menawarkan insentif untuk mengalakkan pemasangan sistem solar di setiap pembangunan di bawah skim *Net Energy Metering* (NEM) yang diperkenalkan pada tahun 2016 dengan kuota yang diberikan 150 MW manakala bagi tahun 2021-2024, kuota telah ditingkatkan kepada 250MW. Kuota ini dinaikan disebabkan Program NEM Rakyat telah mencapai kuota yang diberikan hampir 100% pada tahun 2020 dan pihak kerajaan memberi peluang kepada rakyat dengan menambah insentif kuota sehingga 250MW,
2. Bagi program NEM (GoMen) Kerajaan/entiti badan kerajaan, telah memberikan sebanyak 100MW kuota tetapi bagi program NEM Kerajaan masih menunjukkan kuota sehingga 50% yang tersedia untuk dipohon.

**Rajah 5.10 : Kuota *Net Energy Metering* (NEM) bagi Tahun 2023**




3. Peluang kepada pihak Majlis Daerah Rompin/ Jabatan Kerajaan di Daerah Rompin untuk melaksanakan pemasangan sistem solar panel di kawasan bangunan dengan memohon program NEM GoMen untuk penjualan semula janaan bekalan elektrik ke Grid Nasional untuk mendapatkan hasil pulangan atau penjimatan di dalam penggunaan bekalan elektrik semasa.




Berdasarkan jadual di atas merupakan kiraan Net Energy Metering (NEM) yang disediakan oleh pihak SEDA bagi mendapatkan gambaran untuk pemasangan sistem panel solar. Jadual di atas menunjukkan pemasangan sistem solar panel dengan ukuran 1,800m2 dengan janaan 361.00kwp (penerimaan cahaya 8jam) mampu untuk mendapatkan pulangan bulanan sehingga RM13,267. Sekiranya penggunaan bulanan mencapai RM 10,000, pihak yang memasangkan sistem solar dibawah program NEM mampu untuk mendapat pulangan RM3,267 sebulan hasil penjualan semula bekalan elektrik ke Grid Nasional TNB.


**Pemasangan solar panel di bumbung bangunan Majlis Daerah Rompin**



**Rajah 5.11 : Pemasangan SPAH yang dijadikan sebahagian daripada Struktur bangunan. Sumber : GP SPAH JPBD**



**Rajah 5.12 : Illustrasi penyediaan sistem pemuaian air hujan (SPAH)**





i. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) merupakan kaedah alternatif dalam mengurangkan kebengantungan terhadap penggunaan bekalan air bersih.
ii. SPAH ini juga dapat mengurangkan kadar air larian permukaan, justeru boleh mengurangkan kejadian banjir kilat.
iii. Penggunaan bekalan air daripada SPAH digunakan bagi tujuan pembersihan dan ianya tidak bersesuaian bagi tujuan untuk minuman.



## B Cadangan Pemasangan Lampu Jalan Solar dengan Pengesan Pengerakan

1. Penyediaan Lampu Solar dengan pengesan pergerakan disediakan bagi mengurangkan kawasan *BlackSpot* atau kawasan kemalangan dengan penyediaan lampu jalan solar bagi pencahayaan bagi kawasan tersebut dimana kawasan tersebut yang malap kerana ketiadaan infrastruktur lampu jalan.
2. Menerapkan dan menyediakan kemudahan teknologi hijau dalam pembangunan sedia ada yang boleh mengurangkan penggunaan bekalan utiliti sedia ada serta mengurangkan impak kepada alam sekitar.





Gambaran Penyediaan Lampu Jalan LED Solar Panel dengan sistem pengesan pengerakan (moving sensor) dimana lumen lampu dapat dikawal bagi memanjangkan tempoh hayat bateri. Oleh itu beberapa spesifikasi cadangan lampu jalan tersebut ialah :-

- Cadangan spesifikasi lampu jalan jenis LED dengan pengesan pengerakan.
- Panjang lampu 8m – 9m dengan kekuatan lumen boleh mencapai 10400lm.
- Solar panel 80kwh dengan bateri jenis lithium yang mampu untuk menampung pencahayaan 12 jam.

**Illustrasi Lampu Solar Panel**



**Rajah 5.13 : Lokasi Perletakan Lampu Jalan Solar di kawasan "*Blackspot*" (Kawasan Kemalangan)**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### LOKASI CADANGAN

Pemasangan Lampu Jalan Solar Panel.

a) Simpang ke Kota Bahagia – Melati, Bera Simpang FELDA Chanis
b) Kawasan Chanis
c) Hadapan Loji Air – Simpang Chenderawasih
d) Simpang Felda Keratong 2
e) Simpang Empat Bukit Serok
f) Hadapan Kilang Kosong – Simpang Bertingkat Muadzam Shah
g) Hadapan Simpang Ladang Sawira – Hadapan Pejabat MARDI
h) Hadapan Ladang Teh DARA
i) Kawasan Hutan – Hadapan Politeknik
j) Kawasan Teluk Gading
k) Hadapan SK Janglau – Kg Jawa
l) Kg Sabak – sebelum Simpang Tebu Hitam
m) Selekoh Summerset sebelum Simpang Leban Chondong
n) Taman Sepakat – Jambatan Pontian
o) Garisan berkembar Kg. Deraman – hadapan Kolej Komuniti
p) Laluan Jalan Kg Tekek

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S2<br>Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau | T1S2-C3<br>CADANGAN PENYEDIAAN STESEN PENGECASAN KENDERAAN EV DAERAH ROMPIN | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Penggunaan kenderaan EV di Malaysia semakin meningkat dan memerlukan penyediaan kawasan pengecasan bagi kenderaan tersebut.
2. Penyediaan EV Charging di lokasi stesen minyak dan di kawasan rawat dan rehat (RNR) di Muadzam Shah dan Rompin
3. Menyediakan kemudahan charging point bagi kenderaan elektrik di Pulau Tioman bagi memberi kemudahan penduduk Pulau Tioman.
4. Kelebihan kenderaan elektrik adalah untuk menjamin kelestarian alam

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Kawasan Daerah Rompin merupakan laluan untuk ke kawasan Pantai Timur yang boleh melalui dari kawasan Muadzam Shah dan Kuala Rompin. Kedua-dua kawasan ini tiada penyediaan stesen pengecasan kenderaan EV dan dengan penyediaan stesen pengecasan di kawasan Daerah Rompin memberi peluang kepada pemilik kenderaan EV untuk singgah ke kawasan Daerah Rompin.
2. Menjadikan Pulau Tioman sebagai Pulau Hijau dimana penggunaan kenderaan tenaga fosil akan dikurangkan dan digantikan dengan kenderaan elektrik

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Penyediaan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV)

**B** *(EV Fast Charging* atau 3Pin Plug) di Pulau Tioman

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

1. Kuala Rompin
2. Muadzam Shah
3. Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Tenaga Malaysia

**E. Agensi Pelaksana**

1. Swasta

### A Penyediaan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV)

1. TNB Electron Charging point bagi kenderaan EV membolehkan kenderaan mengecas dengan penggunaan DC chargers dimana harga yang ditawarkan 80kw : RM2.05, 90kw : RM2.20 dan 100kw: RM2.35 per minit.
2. Penyediaan perkhidmatan seperti Gentari (Petronas), Electron (TNB), dan Shell Recharge sebagai operator bagi penyediaan stesen EV berprestasi tinggi untuk kegunaan penduduk dan pengunjung yang datang ke Daerah Rompin.




Gambaran EV Charging

## B (*EV Fast Charging atau 3 Pin Plug*) di Pulau Tioman

1. Keperluan charging point EV bagi memberi kemudahan kepada penggunaan kenderaan EV di kawasan Pulau Tioman
2. Perletakkan charging point EV di setiap kawasan penempatan utama di kawasan Pulau Tioman iaitu di Kg Salang, Kg Penuba, Kg Air Batang, Kg Tekek, Kg Juara, Kg Lalang, Kg Paya, Kg Nipah dan Kg Mukut.
3. Penyediaan charging point EV ini mampu untuk memastikan penggunaan kenderaan EV berbanding daripada pengunaan kenderaan yang mengunakan minyak petrol dan diesel.
4. Pengendalian stesen pengecasan EV dan kenderaan EV boleh terbahagi kepada 3 iaitu:-
   - Penyediaan stesen pengecasan daripada unit persendirian (Pengusaha chalet dan peniaga)
   - Penyediaan kemudahan stesen daripada skim sewa beli kenderaan EV motorsikal (*Battery Swapping Station*)
   - Pemilik kenderaan EV memilik unit pengecasan sendiri di premis perumahan/bangunan masing-masing (Pemilik persendirian).




Gambaran EV Charging




TRYKE Elektrik Skuter (EV Putrajaya)




TRYKE Elektrik Skuter (EV Putrajaya)

Garis Panduan Petak Pengecasan Motosikal Elektrik (GPP Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik, EVCB, Plan Malaysia)

- Saiz minimum EVCB untuk motosikal elektrik 1m x 2m (sama seperti saiz tapak peletakan kenderaan motosikal).
- Digalakkan minimum 1 EVCB untuk motosikal disediakan bagi setiap pembangunan.
- Penyediaan *battery swaping station (Services Provider)* tidak menghalang laluan pejalan kaki terutamanya akses TLK untuk golongan OKU.




*Sumber: Garis Panduan Perancangan* Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik, EVCB, Plan Malaysia

**Jadual 5.8 : Rangkaian Jalan Raya Pulau Tioman**

| BIL | Rangkaian Jalan Raya | JARAK (KM) | Nota |
|---|---|---|---|
| 1 | Jalan Kg. Salang – Kg. Penuba – Kg. Air Batang | 5.20 | Projek peyambungan jalan baru Pakej 1 |
| 2 | Kg. Air Batang – Kg. Tekek – Kg. Juara | 9.88 | Jalan sedia Ada |
| 3 | Kg. Lalang – Kg. Paya | 4.89 | Jalan sedia ada |
| 4 | Selesa Tioman – Kg. Genting | 4.00 | Projek peyambungan jalan baru Pakej 2 |
| 5 | Kg. Genting – Kg. Nipah – Kg. Mukut | 11.50 | Projek peyambungan jalan baru Pakej 3 |

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**Lokasi Kawasan Cadangan**




**Lokasi :**

1. Kg Salang
2. Kg Penuba
3. Kg Air Batang
4. Kg Tekek
5. Kg Juara
6. Kg Lalang
7. Kg Paya
8. Kg Genting
9. Kg Nipah
10. Kg Mukut

10 lokasi dikenalpasti sebagai kawasan stesen pengecasan bagi kegunaan pengguna atau pengunjung di Pulau Tioman.











Pengecas EV

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S2<br>Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau | T1S2-C4<br>CADANGAN MENYEDIAKAN *FLOATING SOLAR* DI PULAU TIOMAN | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK<br>(SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Menerapkan penggunaan teknologi hijau dalam menjana bekalan elektrik dengan kaedah penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui iaitu *Floating Panel* Solar bagi penduduk Pulau Tioman.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Dapat mempertingkatkan keupayaan bekalan eletrik bagi kegunaan penduduk Pulau Tioman dan mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan bekalan elektrik yang mengunakan tenaga fosil (diesel untuk generato setup)

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Floating Solar Panel (Bateri, Sistem Pendawaian, Grid talian elektrik)

**B** Penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Perairan Pulau Tioman (Lokasi akan diperincikan di dalam kajian terperinci kelak)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Tenaga Nasional Berhad

**D. Agensi Pemantau**


1. Suruhanjaya Tenaga Malaysia

**E. Agensi Pelaksana**

1. Tenaga Nasional Berhad

## A *Floating Solar Panel* (Bateri, Sistem Pendawaian, Grid talian elektrik)

1. Penerapan teknologi hijau bagi mengurangkan kebengantungan terhadap penggunaan tenaga fosil dalam penjanaan bekalan elektrik.
2. Antara kelebihan penjanaan tenaga solar adalah :-
   - I. Mampu untuk mengurangkan kos tenaga elektrik
   - II. Penjanaan tenaga solar baik untuk persekitaran kerana ianya mengurangkan jejak karbon dan menghalang berlakunya pencemaran alam.
   - III. Penyediaan sistem tenaga solar mampu untuk digunakan di kawasan laut tanpa mengangu kawasan tanah yang berharga tinggi.



**Gambaran Floating Solar Panel**

3. Lokasi bagi perletakan *Floating Solar* di Pulau Tioman akan diperincikan kelak dengan mengambil kira kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS Taman Laut) bagi melindungi alam flora dan fauna yang terdapat di kawasan Pulau Tioman.


## B Penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

1. Penyediaan laporan penilaian alam sekitar (EIA) adalah bagi mengenalpasti kesan terhadap cadangan *Floating Solar* yang akan di bina di kawasan perairan Pulau Tioman.
2. Penilaian ini juga perlu mengambil kira terhadap kesan kepada kehidupan laut seperti terumbu karang, spesis ikan dan juga pencemaran yang akan berlaku sekiranya cadangan *Floating Solar* dijadikan di kawasan persisiran Laut Pulau Tioman.










**Contoh Laporan EIA yang perlu disediakan bagi kawasan pembangunan.**

TATACARA PERMOHONAN AKTIVITI MARIN,
ANALISA RISIKO MARIN DAN KEBENARAN OPERASI

KEPERLUAN DAN PROSEDUR JABATAN LAUT MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| Bahagian | : | i. Pelabuhan, Logistik, dan Perdagangan<br>ii. Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim |
| Tarikh | : | 16 Ogos 2021 |
| Nombor Pindaan | : | 01/2021 |

JABATAN LAUT MALAYSIA

2020

**Laporan Tatacara Permohonan Aktiviti Marin,Analisa Risiko Marin Dan Kebenaran Operasi**

STRATEGI

**T1S2**

Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau

CADANGAN

**T1S2-C5**

# CADANGAN PENERAPAN EKONOMI SIRKULAR DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN

AGENDA

SDGs: 7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY; 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION; NUA: 06

KATEGORI

**SK**

**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Ekonomi sirkular merupakan sebuah sistem atau model ekonomi yang bertujuan untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi dengan mempertahankan nilai produk, bahan dan sumber dayanya dalam satu tempoh yang panjang.
2. Cara ini akan membantu kitaran hasil industri dapat dilanjutkan serta mengurangkan sisa perindustrian ke tahap yang minimum.
3. Cadangan ini akan menyokong ke arah pembangunan hijau dalam sektor perindustrian.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Membantu dalam pengurangan kos pembuatan dengan menggantikan bahan mentah asal, mengurangkan plastik hanya sekali penggunaan (SUP) dan menggunakan semula plastik, meningkatkan peluang pekerjaan serta mewujudkan alam sekitar yang lebih baik.
2. Cadangan ini berupaya mengatasi cabaran global seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, pengeluaran sisa pepejal dan pencemaran alam sekitar.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

| | |
|---|---|
| **Kitar Semula dan Industri *Upcycle*** | **Tenaga yang Boleh Diperbaharui *(Renewable Energy)*** |

**Air dan Pengurusan Sisa Air *(Water and Waste Water Management)***

Ini merupakan antara komponen yang bersesuaian untuk diterapkan dan diaplikasikan dalam ekonomi sirkular

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Semua premis industri Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Swasta

**1 Kitar Semula dan Industri *Upcycle***

- ✓ Menggalakkan kepelbagaian dalam menginovasikan produk penghasilan bagi kegunaan lain
- ✓ Menggalakkan pelaksanaan program *Trash for Cash*


**2 Tenaga yang boleh diperbaharui *(Renewable Energy)***

- ✓ Penjanaan elektrik daripada penggunaan *photovoltaic (PV)*
- ✓ Penghasilan tenaga biojisim daripada sisa pertanian sedia ada

**3 Air dan Pengurusan Sisa Air *(Water and Waste Water Management)***

- ✓ Sistem penuaian air hujan (SPAH)
- ✓ Pusat rawatan air larut resap
- ✓ Kolam tadahan air bawah tanah

**Jadual 5.8 : Ciri-ciri *'Managed Industrial Park'***






Sisa Buangan Pertanian

+



Sisa Buangan Makanan



Penjanaan Elektrik

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S2** Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau | **T1S2-C6** CADANGAN PROGRAM KESEDARAN DAN PENDIDIKAN KOMUNITI | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 04 | **SK** (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Program bagi memupuk perkongsian usaha sama dan meningkatkan sikap dan tingkah laku kumpulan sasaran untuk meningkatkan kualiti alam sekitar dan mengurangkan pencemaran di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Rompin terutamanya pencemaran sungai.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Program pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar bagi mempromosi dan mendidik komuniti setempat bagi menjaga kebersihan dan kualiti air sungai.
2. Penglibatan komuniti setempat, NGO, pusat pengajian dan badan korporat menjadi rakan strategik sebagai 'Sahabat Sungai'.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Program pemuliharaan dan kelestarian Daerah Rompin :

- **A** Program Sahabat Sungai
- **B** Program Aktiviti Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH)
- **C** Program Sungai Angkat

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Petempatan berdekatan kawasan pinggir sungai dan persisiran pantai

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

## A Program Sahabat Sungai

1. Program ini merupakan inisiatif baharu yang dilaksanakan di bawah Pelan Strategik KASA 2030 sebagai salah satu mekanisme kawalan pencemaran sungai dan risiko banjir
2. Sumbangan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, antaranya seperti tenaga kerja, bahan binaan, peralatan gotong royong atau apa sahaja yang boleh membantu kerja-kerja berkaitan
3. Pelbagai aktiviti yang diadakan dapat membantu menceriakan persekitaran denai sungai, selain mempromosikan keindahannya kepada komuniti dan masyarakat setempat

### Cadangan Program Sahabat Sungai

1. Penglibatan rakan strategik iaitu NGO, Komuniti dan Pusat Pengajian
2. Penubuhan Jawatankuasa bagi mengendalikan program yang terdiri daripada komuniti setempat
3. Melakukan pembersihan sungai atau parit-parit utama yang berdekatan dengan kawasan perumahan secara sekali sebulan.



Pelajar UiTM yang terlibat sama dalam program sahabat sungai di Sungai Langat



Aktiviti pembersihan yang dilakukan sekitar pinggiran Sungai Langat

## B Program Aktiviti Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH)

- KUDAH adalah salah satu usaha di bawah Program DSK untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk semangat di kalangan komuniti di dalam pemeliharaan persekitaran sungai dan persisiran pantai
- Bertujuan memulihkan habitat semula jadi flora dan fauna di samping menghidupkan semula aktiviti tebing sungai bagi masyarakat setempat

### Cadangan Program Aktiviti Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH)

1. Melibatkan penduduk sekitar kawasan sungai dan persisiran pantai
2. Dilakukan sebagai aktiviti mingguan di persisiran pantai
3. Penyediaan tong sampah bagi memudahkan aktiviti KUDAH dijalankan



Aktiviti KUDAH diadakan di Sungai Kuyoh bersama penduduk Sri Serdang dan orang ramai

## C Program Sungai Angkat

- Program sungai angkat merupakan salah satu inisiatif Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dalam memelihara dan menjaga sungai di Malaysia.
- Dapat memberikan motivasi kepada komuniti supaya menjadi masyarakat yang lebih prihatin disamping menyediakan platform kerjasama di antara kerajaan, korporat dan orang ramai.
- Menggunakan konsep sebuah sungai di kampung tersebut telah diambil sebagai Sungai Angkat oleh komuniti penduduk setempat

### Cadangan Program Sungai Angkat

1. Pemantauan sungai adalah secara in-situ bagi memberi pendedahan mengenai bacaan-bacaan parameter kualiti air yang boleh dikategorikan sebagai tidak selamat.
2. Pembersihan dan pemeliharaan sungai sehingga kualiti sungai di tahap yang bersih.
3. Membangunkan fasiliti dari sumbangan barang-barang binaan terpakai oleh penduduk kampung.



Pembersihan sungai bagi Program Sungai Angkat SK Sungai Rual

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S2<br>Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau | T1S2-C7<br>CADANGAN PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK | SDGs 11 15 NUA 04 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Program penghijauan Malaysia mensasarkan kempen penanaman 100 juta pokok di dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2021 hingga 2025.
2. Bagi menggalakkan penduduk untuk melakukan aktiviti penanaman pokok.
3. Untuk menggalakkan pihak swasta menyumbang kepada program.
4. Untuk memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan melakukan aktiviti penanaman pokok sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan serta keceriaan persekitaran komuniti.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menambah bilangan pokok serta landskap di sekitar kawasan Majlis Daerah Rompin melalui sumbangan 1 pokok 1 rumah.
2. Memelihara pokok-pokok dan alam sekitar dengan melakukan aktiviti penanaman semula.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Program pemeliharaan dan penanaman pokok Daerah Rompin :

- **A** Kempen 1 Warga 5 Pokok
- **B** Sumbangan Satu Pokok, Satu Rumah

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Petempatan berdekatan kawasan pinggir sungai dan persisiran pantai

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin

## A Kempen 1 Warga 5 Pokok

### CADANGAN KEMPEN 1 WARGA 5 POKOK

**Taklimat/*board exhibition* berkaitan kepentingan dan kelebihan program pemeliharaan dan penanaman pokok**

1. Taklimat akan diberikan oleh agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Pertanian berkaitan kepentingan terhadap program pemeliharaan dan penanaman pokok kepada penduduk-penduduk di kawasan petempatan.

2. Kelebihan dan keperluan dalam melaksanakan program tersebut secara berterusan juga akan diterangkan bagi memupuk kesedaran dalam diri penduduk.
   1. Kelebihan dalam melaksanakan program pemuliharaan dan penanaman pokok dari segi kesan alam sekitar serta sosio penduduk.
   2. Menyahut seruan kerajaan dalam menjayakan kempen menghijaukan bumi dengan menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok seorang.
   3. Mengurangkan hakisan tanah, pencemaran dan peningkatan suhu.




## B Sumbangan Satu Pokok, Satu Rumah

Program ini akan dilaksanakan oleh Majlis Daerah Rompin dengan kerjasama agensi yang terlibat iaitu Jabatan Pertanian bersama penduduk setempat. Setiap penduduk akan dibekalkan 5 batang pokok bagi setiap peserta yang terlibat untuk ditanam di kawasan yang telah ditentukan oleh pihak agensi. Aktiviti melabelkan nama bagi setiap jenis yang ditanam juga akan dilakukan bagi tujuan rujukan masa hadapan. Antara jenis pokok yang sesuai untuk ditanam adalah seperti pokok buah-buahan, tanaman landskap hiasan dan sebagainya. Penanaman pokok ini boleh dilakukan melalui aktiviti membiak/menyemai biji benih atau secara tampang (keratan/tut) dan membeli pelbagai jenis tanaman.

### Perincian Cadangan Sumbangan Satu Pokok, Satu Rumah

1. Satu pokok satu rumah disyaratkan kepada pembangunan kediaman yang tidak mempunyai Pelan Landskap dengan mewujudkan undang-undang kecil bagi pematuhan sumbangan 1 Pokok 1 Rumah bagi kediaman yang tidak memerlukan pelan landskap.
2. Keperluan jenis pokok adalah mengikut kesesuaian dan keperluan semasa oleh pihak Majlis Daerah Rompin.
3. Cadangan ini juga boleh diaplikasikan bagi pembangunan selain kediaman seperti kawasan perniagaan atau perindustrian yang tidak mempunyai pelan landskap.

**Pokok Utama**



**Pokok Tapak kuda (*Bauhinia purpurea*)**



**Pokok Tamalan (*Dalbergia oliveri*)**



**Pokok Kenanga (*Cananga Odorota*)**

**Pokok Renek**



**Pokok Siantan (*Ixora cocinea*)**

**Pokok Renek**



**Pokok Alamanda (*Allmanda carthatica*)**



**Pokok Heliconia (*Helliconia spp*)**

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S2**<br>Perancangan Ke Arah Rompin Daerah Hijau | **T1S2-C8**<br>**CADANGAN KEBUN KOMUNITI** | SDGs: 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; 15 LIFE ON LAND<br>NUA: 04 | **SK**<br>**(SOKONGAN)** |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Salah satu inisiatif bagi menggalakkan Kejiranan Hijau dalam kalangan penduduk dan komuniti setempat dengan mengadakan program perintis di bawah Program Kebun Komuniti seperti kebun komuniti dan pengkomposan sisa buangan organik.
2. Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai Jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat daerah.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Membantu untuk menjana pendapatan komuniti melalui pengeluaran dan jualan hasil tanaman.
2. Mengurangkan pembuangan sisa makanan, rumput kering dan sisa pertanian untuk dijadikan sebagai baja kompos.
3. Memupuk semangat kerjasama dan keharmonian di antara kejiranan dan mengindahkan lagi landskap di sekitar kawasan kejiranan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Cadangan ini akan melibatkan beberapa sub-program iaitu:

- **A** Program Kebun Komuniti
- **B** Program Pengkomposan Sisa Buangan Organik

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kawasan lapang yang belum diusahakan

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Jabatan Pertanian

## A Program Kebun Komuniti

Kebun komuniti merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh penduduk setempat secara berkelompok di atas sesuatu bidang tanah. Penanaman diuruskan oleh satu badan pengurusan atau komuniti tersebut. Badan pengurusan tersebut akan merancang untuk melaksanakan penanaman di kawasan berkenaan termasuk mendapat kebenaran atau kelulusan secara rasmi daripada pihak yang berkaitan. Program ini melibatkan kawasan penanaman yang dikenal pasti di sekitar pangsapuri / kediaman yang dilaksanakan bersama oleh penduduk secara komuniti.

### Komponen Program Kebun Komuniti

- Medium penanaman sama ada menggunakan batas tanaman, kotak tanaman/guni, pasuan atau teknik hidroponik
- Penyediaan papan tanda bagi pemakluman serta penggunaan pagar di sekeliling kawasan kebun.
- Kemudahan bagi kebun komuniti seperti:
  - Tapak kompos
  - Stor/ tempat simpanan barang
  - Binaan struktur kecil
- Penyediaan sistem pengairan dan pencahayaan yang baik
- Pemilihan tanaman adalah seperti berikut:
  - Tanaman makanan harian
  - Tanaman kontan – hasil tanaman cepat dituai
  - Dan mudah diselenggara

### Program Kebun Komuniti

1. Penubuhan pasukan atau sekumpulan ahli bagi pelaksanaan dan pengurusan kebun komuniti dalam kalangan kawasan kejiranan tersebut.
2. Mengenal pasti kawasan yang boleh dijadikan sebagai program kebun komuniti iaitu:
   - Lokasi kawasan tidak mengganggu laluan dan trafik orang ramai
   - Tidak menyebabkan kacau ganggu dan ketenteraman awam
3. Mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah sama sekiranya tanah adalah milik perseorangan, pemaju atau kerajaan.
4. Kerja pembersihan tapak perlu mengambil kira faktor keselamatan dan merujuk kepada Majlis Daerah Rompin.

## Penanda Aras 1 : *Edible Garden* USJ14, Subang Jaya

*Edible Garden* USJ 14 merupakan salah satu projek kebun komuniti yang diusahakan oleh penduduk-penduduk sekitar USJ14 melalui kebenaran pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya. Kawasan ini diusahakan bagi mengelakkan tanaman haram di kawasan lapang dan tepi jalan yang boleh menyebabkan pemandangan yang tidak cantik.

Kebun komuniti ini diwujudkan bagi membantu penduduk mengurangkan perbelanjaan dengan menanam sayuran sara diri. *Edible Garden* USJ14 telah menjadi pusat pembelajaran kepada penduduk sekitar, sekolah dan kakitangan jabatan daripada pelbagai agensi.




Kebun Komuniti Yang Dijalankan Oleh Persatuan Kebun Komuniti USJ14

## Penanda Aras 2 : Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2 Keramat, Ampang Jaya

Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2 Keramat ini merupakan salah satu daripada 52 kebun komuniti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya sejak 2015 dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Sebanyak 240 pokok pelbagai jenis ditanam di Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2 di Taman Keramat, Ampang Jaya sejak tahun 2015.

Penanaman pelbagai jenis pokok termasuk padi bertujuan untuk membangunkan kebun komuniti menjadi hab agro pelancongan dan pendidikan pertanian. Pokok ditanam antaranya ulam raja, bunga kantan, serai dan pokok buah-buahan seperti nangka, mangga. Ia termasuk pelbagai herba popular seperti Tongkat Ali dan Kacip Fatimah.



Kebun Komuniti yang dijalankan oleh Persatuan Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2 Keramat

## B Program Pengkomposan Sisa Buangan Organik

Program ini adalah untuk memanfaatkan hasil baja kompos bagi aktiviti kebun komuniti. Ia juga dapat mengurangkan risiko pencemaran dan ancaman kesihatan kepada penduduk tempatan. Selain itu, ia dapat menjimatkan kos pembelian baja kimia dan memberikan kesedaran awal berkenaan kitar semula.

### KOMPONEN PROGRAM KEBUN KOMUNITI

1. Pengumpulan bahan kompos (sisa makanan, rumput kering, sisa-sisa pertanian)
2. Penyediaan *tumbler* kompos atau tong kompos bagi mempercepatkan proses pengkomposan

### PERINCIAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI

➢ **Taklimat / *board exhibition* berkaitan kategori sisa boleh kompos dan kelebihannya**

1 Pengkomposan ini melibatkan kaedah semula jadi dalam menguraikan sisa organik. Pereputan sisa organik yang tidak mengandungi bahan kimia

➢ **Demonstrasi kompos sisa**

1 Kursus/latihan pengurusan pengkomposan.
Menyediakan kursus/latihan pengurusan pengkomposan kepada penduduk. Antara faktor yang perlu diambil kira dalam proses pengkomposan iaitu:

- Mikroorganisma
- Kelembapan
- Suhu
- Pengudaraan
- Saiz timbunan kompos

2 Lebihan hasil baja kompos kemudiannya boleh dijual kepada pemborong sekali gus menjadikan penduduk itu sendiri usahawan dan sebagai suatu bentuk pendapatan.



**Contoh Aktiviti Pengkomposan yang Dilakukan Menggunakan Tumbler Kompos oleh Penduduk Flat Kangkar Pulai bagi Aktiviti Kebun Komuniti Sebagai Baja Organik**



**Teknik Compost Ring yang Boleh Digunakan bagi Program Pengkomposan Sisa Makanan bersama Komuniti Setempat**

STRATEGI

**T1S3**

**Memperkukuhkan Pulau Tioman Sebagai Zon Pembangunan Hijau**

CADANGAN

**T1S3-C1**

AGENDA

SDGs 13 14 15 NUA 06

KATEGORI

**ST (STRATEGIK)**

# MEMPERKENALKAN PULAU TIOMAN SEBAGAI PULAU PELANCONGAN HIJAU *(GREEN TOURISM ISLAND)* DENGAN PENGIKTIRAFAN PULAU TENAGA HIJAU

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pulau Tioman sebagai Pulau Tenaga Hijau (PTH) adalah pulau yang menjaga kemampanan alam sekitar, ekonomi yang berkembang, serta memelihara keadilan sosial antara pelancongan dan komuniti.
2. Ia juga berteraskan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) yang lestari dan mesra alam.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menyokong hasrat kerajaan dalam mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.
2. Menyokong projek PTH yang dijalankan di Pulau Perhentian, Pulau Redang serta termasuk Pulau Tioman.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

- **A** Zon Pelancongan Ekslusif dan Semi Ekslusif
- **B** Mengaktifkan inisiatif sedia ada ke arah Pulau Tenaga Hijau yang produktif
- **C** Pengiktirafan ASEAN *Green-Hotel Standard*
- **D** Inisiatif Geran Inovasi Pulau Tenaga Hijau
- **E** Menyediakan Garis Panduan dan Pengiktirafan Operator Pelancongan Hijau (*Green Tourism Operator*)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Gugusan Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**E. Agensi Pelaksana**

1. Lembaga Pembangunan Tioman
2. ECERDC
3. Jabatan Laut
4. Tourism Pahang
5. MOTAC Pahang
6. Agensi Swasta
7. NGO

## A Zon Pelancongan Ekslusif dan Semi Ekslusif

Konsep Ekslusif dan Semi-Eksklusif adalah bagi memastikan pengalaman pelancongan yang berbeza sesuai dengan Pelancongan Skuba Hi-End yang mempunyai sijil Selam Skuba *Advanced Open Water Diver (AOWD)* dan *Master Scuba Diver*. Manakala bagi zon pelancongan Semi Esklusif mempunyai kawasan bertekanan rendah bagi tujuan aktiviti *Junior Open Water Scuba Diver*.

**Jadual 5.9 : Lokasi snorkeling bagi aktiviti pelancongan di Pulau Tioman**

**LOKASI SNORKELING PELANCONGAN PULAU TIOMAN**

| Lokasi Bertekanan Tinggi | Lokasi Bertekanan Sederhana | Lokasi Bertekanan Rendah | *Sacrificial Site* |
|---|---|---|---|
| 1. Pulau Renggis | 1. Pulau Soyak<br>2. Batu Malang<br>3. Taman Laut<br>4. Pulau Jahat<br>5. Pulau Labas | 1. Pasir Panjang<br>2. Teluk Kador<br>3. Monkey Bay<br>4. Pulau Tumok<br>5. Pulau Ceben | 1. Taman Laut<br>2. Pulau Tulai |
|  |  |  |  |
| 1. Hanya untuk pelancong yang menggunakan bot tapak kaca tanpa enjin<br>2. Mematuhi codes of conduct | 1. Membenarkan pelancong yang menggunakan bot tapak kaca tanpa enjin dan snorkeler.<br>2. Mematuhi codes of conduct | 1. Hanya untuk snorkeler mahir sahaja (boleh berenang) dan penggunaan bot tapak kaca berenjin<br>2. Mematuhi codes of conduct | 1. Khas untuk snorkeler yang baharu belajar, semua golongan umur dan lokasi belajar menyelam bagi permulaan |





Gambar Bagi Bot Tapak Gelas Berenjin Bagi Aktiviti Snorkeling

## B Mengaktifkan Inisiatif Sedia Ada Ke Arah Pulau Tenaga Hijau Yang Produktif

1. **Memastikan penggunaan kenderaan mesra alam** di kawasan tumpuan pelancong seperti motosikal elektrik, scooter, basikal atau pelancong berjalan kaki untuk meneroka alam semula jadi *(nature walk)*.
2. **Mewajibkan inisiatif 3R** *(reuse, reduce and recycle)* di semua operator pelancongan termasuk penginapan dan restoran.
3. **Menggalakkan pemasangan panel solar** di kawasan tarikan pelancongan dan penginapan seperti di *boardwalk*, laluan pejalan kaki ke penginapan dan lain-lain.
4. **Memberi pendedahan kepada pelancong konsep 3R sebelum sampai ke Pulau Tioman** seperti mengelakkan penggunaan plastik pakai-buang
5. **Menaik Taraf premis penginapan ke arah bertaraf empat bintang** dengan reka bentuk mesra alam, menggalakkan penggunaan lampu-lampu LED dan pemantau kualiti udara karbon dioksida dalam bangunan.



Penyediaan Tong Sampah 3R


Penyediaan Sangkar Kitar Semula


Penggunaan *Electric Scooter*


Pemasangan Lampu Solar LED

## C Pengiktirafan ASEAN *Green-Hotel Standard*

Berikut adalah kriteria yang boleh digunapakai oleh premis penginapan di Pulau Tioman

**1 Penggunaan Produk Hijau**

Memaksimumkan penggunaan produk tempatan, mesra alam, perdagangan saksama (misalnya barang keperluan tetamu, kemudahan bilik mandi, bahan pembersih, makanan dan minuman, dan lain-lain), dan melibatkan tetamu membeli produk hijau dengan memberikan maklumat dan pendidikan mengenai produk ini

**2 Pengurusan Sisa Buangan**

Menguruskan sisa, termasuk teknik pengurusan sisa (contohnya pengurangan sisa, guna semula, kitar semula, pengkomposan, dan lain-lain), dan melibatkan tetamu dalam pengurusan sisa dan pendidikan (contohnya dengan program dan aktiviti yang menggalakkan penglibatan tetamu)

**3 Penggunaan Tenaga Hijau Dan Pemuliharaan Tenaga**

Menguruskan tenaga, termasuk peralatan dan aktiviti penjimatan tenaga atau tenaga boleh diperbaharui, dan melibatkan tetamu dalam aktiviti penjimatan tenaga

**4 Penggunaan Dan Pemuliharaan Air**

Menguruskan penggunaan air, termasuk peralatan dan aktiviti pemuliharaan air, dan melibatkan tetamu dalam aktiviti penjimatan air



Contoh *ASEAN Green Hotel Award*

## D Inisiatif Geran Inovasi Pulau Tenaga Hijau

**MOTAC**

↓ Mohon kepada

**MOF**

↓

### CADANGAN GERAN PADANAN INOVASI EKOPELANCONGAN

**JENIS PEMBERIAN :**

- Bantuan dalam bentuk GERAN PADANAN (50:50)
- Geran diberikan atas ASAS KONSTABIL
- Bantuan diberikan sehingga 80% DARIPADA KOS PROJEK YANG DILULUSKAN (tidak termasuk kos tanah)
- Geran maksimum yang diperuntukkan bagi setiap permohonan ialah RM 300,000.00

**KRITERIA UNTUK MEMOHON:**

- Produk mestilah INOVATIF.
- Untuk produk pelancongan baru atau menaik taraf produk sedia ada.
- Mempercepatkan proses pengelompokan pepenjuru dalam kelompok dan mewujudkan faedah ekonomi kepada masyarakat luar bandar.

**TERBUKA KEPADA SEMUA PELABUR**

**KERAJAAN NEGERI**

- PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PELABURAN & PENSWASTAAN)
- BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PAHANG (BPEN)
- PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Kolobrasi bersama

- TOURISM PAHANG
- MIDA PAHANG
- MOTAC PAHANG

- Mempromosikan kawasan pelaburan dalam pameran perdagangan, acara, misi perdagangan, dsb.
- Terbitkan *Expression of Interest* (EOI)
- Tentukan insentif yang sesuai
- Membangunkan bahan promosi

↓

**KRITERIA UNTUK MEMBANGUNKAN KAWASAN PELABURAN**

- Keunikan lokasi mengikut kluster
- Kebolehcapaian dan ketersambungan (bandar, jalan masuk, pengangkutan)
- Ketersediaan sumber manusia
- Risiko alam sekitar
- Ketersediaan tanah

## E Menyediakan Garis Panduan dan Pengiktirafan Operator Pelancongan Hijau *(Green Tourism Operator)*

### INISIATIF OPERATOR PELANCONGAN HIJAU

Terdapat 3 perkara yang boleh ditawarkan di Gugusan Pulau Tioman iaitu :

- Menjadi hotel lestari yang diiktiraf
- Menjadi operator pelancongan lestari yang diiktiraf
- Menjadi destinasi mampan yang diiktiraf

Kriteria Pengiktirafan Operator Pelancongan Hijau :

**1 MENAWARKAN LAWATAN DAN AKTIVITI MESRA ALAM**

Menawarkan lawatan yang membolehkan pelancong / pengunjung belajar tentang ekosistem, pemuliharaan hidupan liar dan isu alam sekitar yang lain.

**2 MEWUJUDKAN PERKONGSIAN YANG MAMPAN**

Perkongsian ini bertujuan untuk membantu membina rangkaian penyedia pelancongan mampan yang bertujuan untuk bekerjasama untuk mempromosikan amalan terbaik.

**3 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN**

Memperkenalkan pelancong / pengunjung tentang isu kemampanan dan kepentingan pemuliharaan melalui pelbagai medium.

**4 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN AMALAN EKOPELANCONGAN**

Untuk mengkaji kesan terhadap alam sekitar semula jadi, komuniti tempatan, dan industri pelancongan secara keseluruhan.

**5 MEMPROMOSIKAN PELANCONGAN YANG BERTANGGUNGJAWAB**

Tujuan menggalakkan pelancong / pengunjung menghormati budaya tempatan, hidupan liar dan alam sekitar, meminimumkan sisa dan penggunaan tenaga serta menyokong ekonomi tempatan.

**6 MENYOKONG DASAR YANG MAMPAN**

Menyokong dasar pelancongan dan pemuliharaan mampan di peringkat tempatan, serantau dan nasional untuk mempromosikan amalan dan inovasi pelancongan mampan.




Salah **satu Program Latihan Pelancongan Lestari yang disediakan oleh GSTC menawarkan pandangan praktikal dan langkah berkesan untuk membantu operator pelancongan dan meningkatkan amalan kemampanan**

Green Star® Hotel

GREEN RESTAURANT ASSOCIATION
DINEGREEN.COM

Tour Operators

**Contoh Award Yang Boleh Diberikan Kepada Operator Pelancongan Hijau**




**Contoh Pengiktirafan Sijil Profesional Dalam Pelancongan Lestari Yang Disediakan Oleh GSTC**

### (ii) KURSUS KHAS OPERATOR PENYELAM SCUBA (*SCUBA DRIVING*)

Tujuan utama adalah direka untuk membantu penyelam rekreasi melindungi terumbu karang dengan mempelajari cara melakukan penyelaman yang lebih mesra alam. Kursus ini dibuat secara dalam talian dan mengajar penyelam skuba cara mencegah kerosakan berkaitan selam pada terumbu karang dengan mengikut piawaian alam sekitar tertinggi.

***MODUL LATIHAN***

| MODUL 1 | MODUL 2 | MODUL3 |
|---|---|---|
| Pengenalan kepada biologi terumbu karang, ancaman global dan tempatan terhadap persekitaran marin. | Cara-cara dan kaedah mengenai amalan terbaik / latihan yang perlu dilakukan di atas air dan di atas bot. | Perkara yang boleh anda lakukan di bawah air dan cara menguruskan diri dan penyelam. |

## MELINDUNGI TERUMBU KARANG

Merupakan pendekatan pengurusan pemuliharaan untuk melindungi terumbu karang melalui garis panduan mesra alam sekitar yang diiktiraf di **peringkat antarabangsa *(15 point code of conduct)*.** Panduan ini mempromosikan aktiviti menyelam dan snorkeling secara lestari.

## SIJIL SAH

Pengsijilan sah selama **satu tahun dan perlu membuat penilaian ulangan** akan dilakukan untuk pembaharuan.

## MENGAPA ?


**Mengurangkan tekanan tempatan kepada terumbu karang akibat pelancongan boleh membantu batu karang menjadi lebih sihat dan berdaya tahan kepada tekanan lain seperti perubahan iklim.**

Mengapa penyelam scuba perlu menyertai pengiktifan :

- ✓ Dapat menarik perhatian lebih ramai pelanggan – pelancong / pengunjung / penyelam scuba.
- ✓ Melindungi perniagaan sedia ada.
- ✓ Menerima perundingan alam sekitar dan latihan tahunan untuk perniagaan.
- ✓ Dapat dipromosikan setiap tahun.




**Contoh Pengiktirafan Sijil Untuk Penyelam Scuba**



STRATEGI

**T1S3**

**Memperkukuhkan Pulau Tioman Sebagai Zon Pembangunan Hijau**

CADANGAN

**T1S3-C2**

AGENDA

KATEGORI

**SK**
**(SOKONGAN)**

# MENGGUNAKAN TEKNIK *LIMITS OF ACCEPTABLE CHANGE* (LAC) SECARA BERTERUSAN DI GUGUSAN PULAU TIOMAN

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Had perubahan boleh diterima (*limits of acceptable change* – (LAC) dalam pelancongan adalah satu kaedah yang bersesuaian dengan perubahan tren perjalanan serta kekuatan tarikan sesuatu destinasi yang berbeza dalam menentukan tahap perubahan yang mampu ditampung di sesebuah destinasi pelancongan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Kedatangan pelancong ke **Gugusan Pulau Tioman bagi tahun 2022 seramai 224,056 orang**. Melalui RTD Rompin 2035 (Penggantian) ini, sasaran kenaikan secara semulajadi dan mengikut tren telah dibuat iaitu kadar peratusan 5% bermula pada tahun 2023 sehingga tahun 2025, 7% bagi tahun 2026 sehingga tahun 2032 dan 10% bagi tahun 2033 sehingga tahun 2035.
2. Sasaran Pembangunan Pulau Tioman yang berkonsepkan Pelancongan Hijau adalah **menghadkan kedatangan pelancong dan menggalakkan pelancong tinggal lebih lama.**
3. Penggunaan LAC adalah bersesuaian dengan perubahan kadar unjuran pelancong yang berubah berasaskan biofizikal serta pengalaman pengunjung.
4. Tujuan kawalan ini adalah untuk **menggalakkan pelancong menginap dan melakukan aktiviti di Pulau Tioman** dengan lebih lama tanpa menjejaskan kualiti pengalaman keseluruhan dan kepadatan pelancong di sesuatu lokasi.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Konsep LAC berdasarkan unjuran kedatangan pelancong ke Gugusan Pulau Tioman

**B** Business model LAC pada waktu puncak

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Gugusan Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**E. Agensi Pelaksana**

1. Lembaga Pembangunan Tioman
2. Jabatan Laut

## A Konsep LAC berdasarkan unjuran kedatangan pelancong ke Gugusan Pulau Tioman

1. Unjuran kedatangan pelancong ke Daerah Rompin sehingga akhir tahun perancangan 2035 dibuat Kaedah ***Dynamic Econometric Model*** iaitu kadar peratusan 5% bermula pada tahun 2023 sehingga tahun 2025, 7% bagi tahun 2026 sehingga tahun 2032 dan 10% bagi tahun 2033 sehingga tahun 2035.
2. Anggaran unjuran ini adalah bersesuaian dengan konsep LAC bagi **menggalakkan pelancong tinggal lama namun menghadkan kemasukan yang ramai menjadikan Pulau Tioman sebuah pulau pelancongan hijau.**

**UNJURAN / SASARAN KEDATANGAN PULAU TIOMAN:**

**554,356**
pelancong pada tahun 2035

Unjuran keseluruhan Daerah Rompin 2035: **655,964 orang**

| | |
|---|---|
| PULAU TIOMAN | **554,356** pelancong |
| ROMPIN | **101,607** pelancong |

**Jadual 5.10 : Unjuran Kedatangan Pelancongan sehingga 2035 bagi Gugusan Pulau Tioman**

| TAHUN | FAKTOR JUMLAH PELANCONG | PULAU TIOMAN |
|---|---|---|
| 2022 | **Kedatangan pelancong ke Pulau Tioman** | ***224,056** |
| | ***Kadar kenaikan pelancong*** | **5%** |
| 2023 | **PULAU TIOMAN** | 235,259 |
| 2024 | • Pertumbuhan semulajadi *(natural growth)* | 247,022 |
| 2025 | • *Post-COVID recovery*<br>• Aktiviti pelancongan sedia ada<br>• Pasca pandemik<br>• Faktor kebaharuan *(novelty factor)*<br>• Fasa awal pembangunan komited<br>• Projek-projek *quick win*<br>• Pemasaran dan promosi berkala | 259,373 |
| | ***Kadar kenaikan pelancong*** | **7%** |
| 2026 | | 277,529 |
| 2027 | • Pertumbuhan semulajadi *(natural growth)* | 296,956 |
| 2028 | • Faktor kesetiaan *(loyalty factor)*<br>• *Anugerah Pulau Pelancongan Hijau Terbaik* | 317,743 |
| 2029 | • Fasa pertengahan bagi pembangunan projek komited. | 339,985 |
| 2030 | • Naik Taraf Tioman Harbour | 363,249 |
| 2031 | • Aktiviti tarikan pelancongan baharu seperti via ferrata, dan acara<br>• Pelan Tindakan Pelancongan Hijau Tioman | 389,249 |
| 2032 | | 416,496 |
| | ***Kadar kenaikan pelancong*** | **10%** |
| 2033 | • Pertumbuhan berdasarkan Tren dan Ekonomi Dinamik | 458,146 |
| 2034 | • Anugerah Pulau Pelancongan Hijau Terbaik | 503,960 |
| 2035 | • Projek berimpak tinggi seperti Green Business Park, Rompin Harbour, EcoMarina etc.<br>• Aktiviti tarikan pelancongan baharu seperti via ferrata, acara pelancongan antarabangsa etc. | 554,356 |

Catatan :
Kedatangan pelancong ke Pulau Tioman pada tahun 2019 seramai 276,232 orang
Manakala, kedatangan pelancong ke Pulau Tioman pada tahun 2022 seramai 224,056 orang

## B Business Model LAC Pada Waktu Puncak

**PERUBAHAN DALAM PENGURUSAN PELANCONGAN (DARI CC KE LAC)**

1. Had yang boleh diterima atau LAC adalah salah satu konsep yang dikenali dalam perancangan kawasan yang dilindungi. Ia juga telah digunakan dalam pelbagai situasi dan direka **sebagai tindak balas kegagalan kapasiti daya tampung (CC)** berdasarkan pendekatan terhadap isu menyelesaikan konflik antara matlamat memelihara alam semula jadi dan membenarkan akses untuk lawatan atau pelancongan.

2. LAC mempunyai tiga kekuatan yang perlu diberikan perhatian, iaitu
   i. Memfokuskan pengurusan terhadap mengenal pasti keadaan yang dikehendaki terlebih dahulu, kemudian mengenal pasti dan tindakan pengurusan yang berkesan.
   ii. Menekankan penghakiman nilai secara asas (intrinsik) terhadap perancangan pelancongan supaya dinyatakan dengan jelas dan oleh itu subjek akan dibincangkan.
   iii. Penggunaan cara tradisional dalam menarik orang awam dalam pembangunan dan perlaksanaan.

3. LAC bukanlah dibangunkan untuk menyediakan rangka kerja negara atau global untuk polisi pelancongan. **LAC ia digunapakai di kawasan persekitaran yang dilindungi, penggunaannya sebagai alat perancangan peringkat serantau untuk pembangunan pelancongan telah terhad.**


4. **LAC boleh digunapakai apabila bilangan kedatangan pelancong meningkat secara mendadak pada waktu-waktu** seperti berikut :
   i. Festival / acara antarabangsa
   ii. Cuti umum dan berlaku pada hari minggu
   iii. Permulaan cuti sekolah.

***ASAS LAC ADALAH BERDASARKAN SARANAN***

1. Mana-mana yang melibatkan aktiviti pelancongan di dalam kawasan Gugusan Pulau Tioman dan kawasan semula jadi yang menyebabkan perubahan terhadap keadaan biofizikal dan pengalaman pengunjung.
2. Wujud kepelbagaian dalam biofizikal dan sosial dan mungkin wajar.
3. Pemeliharaan warisan dan akses (untuk lawatan) adalah matlamat yang sebahagiannya bersaing tetapi sebahagiannya bertindih.
4. Pengurusan dikehendaki untuk mengekalkan kesan yang disebabkan oleh manusia dalam satu tahap penerimaan dan kesesuaian.

Menjalankan kajian daya tampung menggunakan teknik seperti *Limits Of Acceptable Change* (LAC) dan melaksanakan strategi pengurusan terutama di kawasan kunjungan pelancong yang tinggi.

***ASPEK UTAMA BAGI TAHAP KEUPAYAAN DAYA TAMPUNG***




***LIMITS OF ACCEPTABLE CHANGE (LAC)***

LAC merupakan rumusan daripada konsep kapasiti daya tampung (*carrying capacity*) yang menaksir atau menilai 'berapa banyak perubahan yang boleh diterima' dalam pembangunan di sesuatu kawasan dengan menentukan penunjuk persekitaran terpilih untuk merumuskan julat yang boleh diterima manusia berasaskan kepada alam sekitar yang digunakan dan kehendak sosial dan ia turut memberikan cadangan untuk memulakan tindakan bagi mengawal limpahan perubahan tersebut.

(Stankey et al., 1985 dalam Aw, 2013).



Pelancong di Gugusan Pulau Tioman di ruang menunggu

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S4** Meningkatkan Kualiti Alam Sekitar Melalui Kawalan Pencemaran | **T1S4-C1** | SDGs: 6, 14, 15 NUA: 06 | QW (QUICK WIN) |

# CADANGAN PENGURUSAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS ATAU AKTIVITI BERPOTENSI MENCEMAR

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Berdasarkan kajian lapangan dan kajian persampelan, antara aktiviti yang berpotensi menjadi sumber pencemaran kepada kualiti air sungai di Daerah Rompin adalah aktiviti perindustrian, pertanian dan juga perternakan akuakultur.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Membaik pulih kualiti bekalan air
2. Mengelakkan masalah kesihatan
3. Memberi kesedaran kepada komuniti dan penduduk setempat akan kesan aktiviti seharian seperti pertanian dan perniagaan kualiti air dan persekitaran
4. Menyokong aktiviti rekreasi air dan ekopelancongan seperti aktiviti river cruise

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Program pemuliharaan dan kelestarian Daerah Rompin :

- **A** Penguatkuasaan dan Pemantauan Industri Mencemar
- **B** Pengurusan Terbaik Dan Penguatkuasaan Pencemaran *Greywater*
- **C** Amalan Pengurusan Ternakan Akuakultur Baik

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bebar (Muadzam Shah)
2. Keratong
3. Rompin
4. Pontian
5. Endau
6. Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang
4. Jabatan Perikanan Negeri Pahang
   Jabatan Pertanian Negeri Pahang

## A Penguatkuasaan dan Pemantauan Industri Mencemar


**Cadangan Penguatkuasaan dan Pemantauan Industri Mencemar**

1. Siasatan aduan dan tapak bagi aktiviti seperti perlombongan dan kilang kelapa sawit yang melepaskan effluen terus ke parit utama dan sungai
2. Pematuhan terhadap Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau bagi industri utama teribat di kawasan Daerah Rompin seperti:
   - Industri Berasaskan Kayu
   - Industri Plastik Kitar Semula
   - Kilang Minyak Kelapa Sawit
3. Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan dibawahnya secara berkala terhadap premis atau aktiviti yang berpotensi mencemarkan dengan laporan dan tindakan penguatkuasaan.
4. Perbincangan dan sesi perkongsian dengan kumpulan-kumpulan sasaran
5. Program-program penghasilan *mudball* bagi merawat air tercemar dan pembuatan baja kompos daripada sisa buangan organik.
6. Penutupan kawasan penternakan haram dan larangan aktiviti penternakan berpotensi mencemarkan.




Antara Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau

## Carta Alir Prosedur Operasi bagi Penguatkuasaan dan Pemantauan Aktiviti Industri yang Mencemarkan




**Jadual 5.11 : Kilang Kelapa Sawit di Daerah Rompin**

| BIL | NAMA SYARIKAT/PERNIAGAAN | ALAMAT PERNIAGAAN |
|---|---|---|
| 1 | JL Decity | Lot 139 (GM364) Padang Lanjut, Jalan Endau-rompin, Tanjung Gemuk, 26820 Tg. Gemok, Pahang Darul Makmur |
| 2 | Merchong Palm Oil Mill Sdn. Bhd. | HS (d)4805 PT 7031(lot 16014)kg Tebu Hitam, Kg Feri, Sabak, Sabak, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur |
| 3 | - | Endau Palm Oil, Kuala Rompin, Kuala Rompin, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur |
| 4 | FGV Palm Industries Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Selendang, Peti Surat 3, Jalan Rompin-endau, Jalan Rompin-endau, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur |
| 5 | Kilang Kosfarm Sdn Bhd | Lot H.S (D) 48, PT 256, Felda Keratong, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 6 | Kilang Kelapa Sawit | Southern Keratong Plantation Sdn. Bhd., Felda Keratong, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 7 | Kumpulan Kilang Sawit Risda Sdn. Bhd. | Proses BKS, Km 32, Lebuhraya Kuantan-segamat, L/Raya Kuantan - Segamat, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 8 | Chin Teck Plantations Bhd. | Keratong Estate, Jalan Bukit Ibam, Bukit Ibam, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 9 | Ladang Rompin | 44 Km, Jalan Kuala Rompin-muadzam Shah, Muadzam Shah, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 10 | Far East Holdings Berhad. | Cenderawasih Palm Oil Mill Blok 12, Jln Kuantan - Segamat, Keratong, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 11 | Syarikat Pukin Ladang Kelapa Sawit S/B | Blok 18, Mukim Keratong, Felda Keratong, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 12 | FGV Palm Industries Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Selancar 2a, Felda Selancar, Selancar, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 13 | Kilang Sawit Selancar 2b | Wakil Pos, Felda Selancar 2, Selancar, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 14 | Kuantan Trading Oil Mill Sdn. Bhd. | Blok 15, Mukim Keratong, Jln Kuantan - Segamat, Keratong, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 15 | THP Kota Bahagia Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Kota Bahagia, Kota Bahagia, Kota Bahagia, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 16 | Wujud Wawasan Sdn. Bhd. | P.O. Box 12, Kilang Kelapa Sawit, Felda Keratong, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 17 | Kilang Sawira Makmur Sdn. Bhd. | Km 11, Off Jalan Muadzam Shah, Bandar Muadzam Shah, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 18 | Kilang Minyak Kelapa Sawit Lum Sdn. Bhd. | Blok 13, Mukim Keratong, Felda Keratong, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 19 | FGV Palm Industries Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Selancar 2b, Felda Selancar 2, Selancar, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 20 | FGV Palm Industries Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Keratong 9, Felda Keratong 9, Perantau Damai, 26700 Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur |
| 21 | FGV Palm Industries Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Keratong 2, Felda Keratong 2, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 22 | Tee Teh Palm Oil Mill | Blok 10, Mukim Ulu Keratong, Felda Keratong, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |
| 23 | FGV Palm Industries Sdn. Bhd. | Kilang Sawit Keratong 3, Felda Keratong 3, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang Darul Makmur |

*Sumber : Jabatan Perlesenan, Majlis Daerah Rompin, 2023*

## B Pengurusan Terbaik Dan Penguatkuasaan Pencemaran *Greywater*


Greywater ditakrifkan sebagai air sisa tanpa apa-apa input dari tandas, yang bermakna ia sepadan dengan air sisa daripada tab mandi, pancuran, air cuci tangan dan mesin basuh di rumah-rumah, bangunan pejabat, sekolah dan lain lain.

1. Memperkenalkan kaedah dan amalan pengurusan terbaik sisa gris dan minyak masak terpakai di premis perniagaan yang berpotensi mencemarkan.
2. Menggalakkan pemasangan perangkap minyak di premis-premis perniagaan seperti restoran, bengkel, dobi dan lain-lain.
3. Memastikan setiap outlet terus parit utama dan sungai tidak menyumbang kepada bahan pencemar.

### Cadangan Pengurusan Terbaik Dan Penguatkuasaan Pencemaran *Greywater*

1. Pemasangan perangkap minyak dan gris mengikut kapasiti operasi di setiap premis komersial (restoran dan bengkel kenderaan).
2. Pematuhan intensif yang melibatkan perlesenan di mana jika pemasangan dan penyelenggaraan tidak dibuat dengan betul, pembaharuan lesen tidak dapat dilakukan.
3. Pematuhan di bawah Seksyen 72 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan penguatkuasaan melibatkan penutupan premis jika gagal dalam memasang atau menyelenggara perangkap minyak dan gris secara berkala.
4. Kempen kesedaran dan program pematuhan pemasangan perangkap minyak.






GREASE TRAP BASIC OPERATING

**Reka Bentuk Pemasangan Perangkap Minyak Dan Gris**

**Tatacara bagi Menyenggara Perangkap Minyak**

**Jadual 5.12 : Tatacara bagi Menyenggara Perangkap Minyak**

| JENIS SISTEM | KERJA YANG PERLU DILAKUKAN |
|---|---|
| Perangkap Minyak Individu | 1. Kerja pembersihan boleh dilakukan sendiri oleh pemegang lesen atau pekerja premis makanan.<br>2. Membersihkan bakul penyaringan yang menapis sisa pepejal makanan<br>3. Mengeluarkan lapisan *brown grease* yang telah terasing di ruang sesekat dan melupus *brown grease* yang dikumpul ketika kerja pembersihan mengikut kaedah yang telah ditetapkan PBT atau melalui tong sampah<br>4. Memeriksa dan memastikan tiada halangan pada aliran air limbah di sistem perpaipan daripada premis ke perangkap minyak dan daripada perangkap minyak ke sistem pembetung atau tangki septik<br>5. Melengkapkan laporan jadual penyenggaraan perangkap minyak untuk semakan ketika pemeriksaan Majlis Daerah Rompin |
| Perangkap Minyak Komunal | 1. Digalakkan untuk melantik kontraktor pembersihan bagi menjalankan kerja pembersihan dan penyenggaraan memandangkan saiz perangkap minyak komunal yang besar<br>2. Membersihkan bakul penyaringan yang menapis sisa pepejal makanan<br>3. Mengeluarkan lapisan *brown grease* yang telah terasing di ruang sesekat dan melupus *brown grease* yang telah terasing di ruang sesekat dan melupus brown grease yang dikumpul ketika kerja pembersihan mengikut kaedah yang telah ditetapkan Majlis Daerah Rompin atau melalui tong sampah<br>4. Memeriksa dan memastikan tiada halangan pada aliran air limbah di sistem perpaipan daripada premis ke perangkap minyak dan daripada itu perangkap minyak ke sistem pembetung atau tangki septik<br>5. Melengkapkan laporan jadual penyenggaraan perangkap minyak atau semakan ketika pemeriksaan Majlis Daerah Rompin<br>6. Memeriksa sistem elektrik dan mekanikal bagi memastikan perangkap minyak berfungsi sepenuhnya |

*Sumber : Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)*

**Pemberian Insentif terhadap Pengurusan Terbaik**

1. Pemberian insentif berbentuk pembelian semula (buyback) ini memberi galakan kepada pemilik premis meenguruskan sisa gris dan minyak masak terpakai untuk dikitar dan dilupuskan dengan kaedah yang betul tanpa membuang sisa tersebut ke dalam longkang atau parit berhampiran premis.

2. Sisa gris dan minyak masak terpakai boleh diproses dan dikitar semula menjadi biodiesel, sabun pencuci dan lilin.


3. Usaha sama boleh dijalankan antara Majlis Daerah Rompin dengan syarikat-syarikat yang menguruskan pembersihan perangkap minyak dan pengumpulan minyak masak terpakai. Antaranya:
   - Captain oil
   - Arus Oil (MyProtech Sdn. Bhd.)

## C Amalan Pengurusan Ternakan Akuakultur Baik

### Cadangan Amalan Pengurusan Ternakan Akuakultur Baik


1. Penyediaan kursus ilmiah untuk ternakan baharu seperti kaedah ternakan, cara penuaian ikan, kaedah penyimpanan ikan dan sebagainya.
2. Pemberian benih ternakan akuakultur oleh Jabatan Perikanan bagi menjayakan program ini.
3. Pemilihan tapak ternakan yang mempunyai pemilikan dan diusahakan secara sah (persendirian/ sewa/ pemilikan sementara/pajak).
4. Pemberian skim pensijilan myGAP bagi menggalakkan pengusaha ternakan mengamalkan akuakultur yang baik seperti:
   - Penggunaan kolam tanah
   - Tangki simen
   - Tangki konkrit
   - Tangki kanvas
   - Tangki sistem akuakultur kitar semula (RAS)
   - Sangkar
   - Kepungan (*pen-culture*)
   - Para dan rakit
6. Pemberian insentif dan bantuan sebagai galakan untuk menternak ternakan baharu dan pengusaha ternakan yang melakukan amalan yang baik dan tidak mencemarkan persekitaran kawasan.












*Kuala Rompin*

**Rajah 5.14: Pelan Cadangan Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Premis atau Aktiviti Berpotensi Mencemar**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK


**PREMIS ATAU AKTIVITI BERPOTENSI MENCEMAR**

- Perlombongan/Kuari
- Bukan Taman Perindustrian
- Komersial
- Penternakan
- Akuakultur

**LAIN-LAIN**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S4 Meningkatkan Kualiti Alam Sekitar Melalui Kawalan Pencemaran | T1S4-C2 | SDGs 6 14 15 NUA 06 | SK (SOKONGAN) |

# CADANGAN STESEN PEMANTAUAN ALAM SEKITAR BAGI KUALITI AIR DAN UDARA

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Berdasarkan pemantauan Indeks Kualiti Air (IKA) dari tahun 2017-2021, sungai-sungai di Daerah Rompin diklasifikasikan sebagai Kelas II (Bersih). Penemuan semasa menunjukkan bahawa kualiti air sungai di Daerah Rompin semakin menurun.
2. Selain itu, lapan (8) hari pada tahun 2021, dicatatkan kualiti udara tidak sihat disebabkan oleh peningkatan kepekatan PM 2.5 akibat kebakaran hutan dan belukar di kawasan setempat.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pemantauan secara *real-time* menggunakan bagi mendapatkan bacaan yang tepat.
2. Mengurangkan bahan pencemar di dalam sungai serta menyediakan langkah-langkah mitigasi dan strategi pengurusan bagi kualiti air Daerah Rompin
3. Mengurangkan tahap pencemaran di Daerah Rompin

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat empat (4) komponen pembangunan bagi melaksanakan stesen pemantauan alam sekitar bagi kualiti air dan udara

- **A** Naik Taraf Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai
- **B** Naik Taraf Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Secara Automatik
- **C** Stesen Pengawasan Kualiti Air Bawah Tanah
- **D** Penambahan Stesen Pengawasan Kualiti Udara

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bebar (Muadzam Shah)
2. Keratong
3. Rompin
4. Pontian
5. Endau
6. Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- SEGERA (2025)
- PENDEK (2026 - 2030)
- ☑ SEDERHANA (2031 - 2035)
- JANGKA PANJANG

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Alam Sekitar Daerah Rompin


**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang


## A Naik Taraf Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai


1. Penaiktarafan stsesen pengawasan secara automatik dari manual.
2. Stesen pemantauan kualiti air mestilah dapat merekodkan bacaan in-situ bagi parameter seperti AN, BOD, COD, DO dan TSS menggunakan dengan menggunakan remote sensing dan teknologi Internet of Things (IoT) seperti:
   - Peralatan pemantauan penangkapan data automatik dalam talian,
   - Rangkaian penghantaran
   - Perisian analisis data

### CARTA ALIR SISTEM PEMANTAUAN KUALITI AIR SECARA PINTAR




### Carta Alir Opersasi Sistem Pemantauan Kualiti Air Secara Pintar








Rajah Skematik bagi Stesen Pemantauan Kualiti Air (In-situ)

**Jadual 5.13 : Komponen Utama dan Fungsi Stesen Pemantauan Kualiti Air (In-situ)**

| KOMPONEN UTAMA | FUNGSI |
|---|---|
| *Sonde* | Digunakan bagi menggunakan parameter yang diukur mengikut ketetapan seperti suhu, AN, DO dan pH |
| *Data logger* (Penyimpan Data) | Untuk mengumpul maklumat yang direkodkan oleh sonde |
| Satellite telemetry (Telemetri satelit) | Tugas segmen arahan yang terletak di tanah adalah untuk menyediakan arahan-arahan yang akan menjaga agar satelit beroperasi seperti yang diperlukan. |

*Sumber: Laman Sesawang Dewan Negeri Selangor, 2023*




Contoh Paparan bagi Nilai Kualiti Air melalui Pengunaan Aplikasi Pintar (ThinkSpeak)

## B Naik Taraf Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Secara Automatik

1. Penyediaan stsesen pengawasan secara automatik dengan menggunakan struktur jeti
2. Pembangunan teknologi pengairan pintar beserta pembangunan Dashboard connected farming System (Single Source Data) untuk big data collection.
3. Program pengawasan ini melibatkan pengukuran in-situ bagi parameter parameter kualiti air iaitu
   - pH
   - Oksigen terlarut
   - Kekonduksian
   - Kemasinan
   - Kekeruhan
   - Bebola tar



Stesen Pemantauan Kualiti Air Marin dan Pulau-pulau

| Stesen Pantai | |
|---|---|
| Pantai Lanjut | MMCC022 |
| **Stesen Muara Sungai** | |
| Kuala Rompin Kecil | MMCE002 |
| **Stesen Pulau** | |
| Tioman (Teluk Salang) | MMCM001 |
| Tioman (Kg. Nipah) | MMCM002 |
| Tulai | MMCM003 |
| Labas | MMCM004 |
| Cebeh | MMCM005 |
| Sepui | MMCM006 |
| Sembilang | MMCM007 |
| Seri Buat | MMCM008 |
| Tokong Bahara | MMCM009 |


*Sumber : Laporan Alam Sekeliling Tahun 2021, Jabatan Alam Sekitar*

## C Stesen Pengawasan Kualiti Air Bawah Tanah

1. Penyediaan stesen pengawasan kualiti air bawah tanah yang tertumpu di kawasan sawah dan pertanian.
2. Penentuan parameter kualiti air tanah berasaskan kepada impak pencemaran dan mengikut jenis guna tanah.
3. Penentuan lokasi stesen pemantauan kualiti air bawah tanah perlu diselaraskan dengan agensi Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang.




Contoh Stesen Pemantauan Kualiti Udara





Contoh Skematik Stesen Pemantauan Kualiti Udara

## D Penambahan Stesen Pengawasan Kualiti Udara

1. Penambahan stesen pengawasan kualiti udara bagi meningkatkan pemantauan kualiti udara.
2. Penentuan lokasi Pemantauan Kualiti Udara Berterusan (CAQM) berdasarkan kriteria berikut:
   i. Hasil pemantauan masa lalu dan semasa
   ii. Kebolehcapaian (*accessibility*) dan keterwakilan (*representativeness*)
   iii. Ketersediaan perkhidmatan sokongan seperti bekalan elektrik dan talian komunikasi
   iv. Keselamatan
   v. Kesan terhadap topografi sekitar






Contoh Stesen Pemantauan Kualiti Udara

## Rajah 5.15: Stesen Pemantauan Alam Sekitar Bagi Kualiti Air Dan Udara




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK


### Stesen Kualiti Air dan Udara

- 19 Stesen Kualiti Air Sungai Sedia Ada
- Satu (1) Stesen Kualiti Air Marin (Pantai) Sedia Ada
- Satu (1) Stesen Kualiti Air Marin (Muara Sungai) Sedia Ada
- Sembilan (9) Stesen Kualiti Air Marin (Pulau) Sedia Ada
- Satu (1) Stesen Kualiti Udara Sedia Ada

### LAIN-LAIN

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S4<br>Meningkatkan Kualiti Alam Sekitar Melalui Kawalan Pencemaran | T1S4-C3 | SDGs: 6, 14; NUA: 04, 05 | SK (SOKONGAN) |

# CADANGAN PENSTABILAN TEBING DAN PEMULIHARAAN KUALITI AIR DI MUARA SUNGAI

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Berdasarkan pemantauan Indeks Kualiti Air (IKA) dari tahun 2017-2021, sungai-sungai di Daerah Rompin diklasifikasikan sebagai Kelas II (Bersih). Penemuan semasa menunjukkan bahawa kualiti air sungai di Daerah Rompin semakin menurun. Oleh itu, langkah dalam meningkatkan kualiti air sungai boleh dilakukan juga secara *nature-based approach*.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Bertindak sebagai penapis air lepas terus ke laut
2. Kaedah penjimatan secara kitar semula dalam menstabilkan tebing muara sungai
3. Memulihara habitat paya laut

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Beg berisi kulit tiram atau kupang diletakkan di tebing sungai dan muara sungai yang terkesan daripada pelepasan effluen daripada aktiviti darat dan masalah hakisan
2. Kulit tiram atau kerang (bahan buangan) boleh diperoleh dari ladang akuakultur atau restoran makanan laut berdekatan
3. Komuniti tempatan atau nelayan juga boleh mengusahakan pengumpulan kulit tiram atau kerang dan penghasilan beg tiram atau kerang bagi tujuan ini sebagai hasil pendapatan sampingan
4. Penyelenggaraan atau pertukaran beg tersebut perlu dijalankan setiap tiga (3) atau lima (5) tahun.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Muara Sungai Rompin
2. Muara Sungai Anak Endau
3. Muara Sungai Pontian

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang


**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Rompin




Contoh Penstabilan Tebing Menggunakan Kerang-kerangan

**Rajah 5.16 : Pelan Cadangan Penstabilan Tebing Dan Pemuliharaan Kualiti Air Di Muara Sungai**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK


**LOKASI MUARA SUNGAI**

- Muara Sungai Rompin
- Muara Sungai Anak Endau
- Muara Sungai Pontian

**LAIN-LAIN**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan LebuhrayA
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



STRATEGI

**T1S5**

**Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti**

CADANGAN

**T1S5-C1**

# CADANGAN PEMELIHARAAN SPESIES TERLINDUNG DI PULAU TIOMAN

AGENDA

SDGs 14 LIFE BELOW WATER 15 LIFE ON LAND NUA 06

KATEGORI

**QW**
**(QUICK WIN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Kepelbagaian hidupan liar di kawasan Pulau Tioman merupakan daya tarikan utama pelancong ke Daerah Rompin. Oleh itu, pemeliharaan dan pemuliharaan habitat di kawasan penting bagi meningkatkan dan melindungi populasi habitat ini.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Meningkatkan habitat-habitat penting
2. Meningkatkan populasi biodiversiti terancam seperti penyu karah dan terumbu karang
3. Meningkatkan kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar
4. Menyokong aktiviti ekopelancongan dan meningkatkan ekonomi penduduk tempatan dengan perniagaan sokongan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Fokus kepada pemeliharaan spesies yang terlindung di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Hidupan Liar 2010 dan/ atau tersenarai di dalam *International Union For Conservation of Nature (IUCN)* seperti penyu, terumbu karang, dan gajah daripada aspek pemeliharaan habitat, meningkatkan populasi dan mengurangkan konflik.
2. Beberapa komponen utama diletakkan bagi tindakan pemeliharaan dan pemuliharaan seperti:

**A** Pemeliharaan Penyu

**B** Pemulihara, Pengawalan dan Pemantauan Terumbu Karang

**C** Pemeliharaan Spesies Endemik dan Unik

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kawasan penetasan dan pendaratan penyu
2. Rizab hidupan liar Pulau Tioman
3. Taman Laut Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
2. Jabatan Perikanan Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang
2. Jabatan Perikanan Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang
2. Jabatan Perikanan Negeri Pahang
3. Lembanga Pembangunan Tioman

## A Pemuliharaan Penyu

Penyu karah dan penyu agar merupakan satu-satunya jenis penyu laut lain yang masih ditemui bersarang di Tioman. Penyu karah ialah spesies yang mengalami ancaman kepupusan global yang kritikal *(www.iucnredlist.org)*. Ia juga tersenarai dalam *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) yang mengharamkan pemilikan dan jual beli spesies ini.

### Cadangan Pemeliharaan Kawasan Pusat Penetasan Penyu

1. Pengezonan kawasan utama penyu adalah bagi memastikan pengurusan dan penyelenggaraan kawalan terhadap pemeliharaan penyu dapat diselaraskan dan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
2. Mewujudkan sebuah pengurusan khas atau penglibatan bersama NGO bagi memastikan proses pemuliharaan penyu dapat dilakukan dengan sempurna.
3. Meletakkan papan tanda kawasan penyu dan pernyataan aktiviti yang tidak dibenarkan di kawasan tersebut berserta dengan masa larangan melaksanakan aktiviti.




Contoh Papan Tanda Dan Kawasan Pendaratan Penyu

## B Pemulihara, Pengawalan dan Pemantauan Terumbu Karang

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Terumbu karang di Gugusan Pulau Tioman meliputi kawasan seluas 5 km persegi yang mana sebahagian besarnya terletak di sebelah barat Pulau Tioman. Terumbu karang di Gugusan Pulau Tioman tidak dapat lari daripada fenomena pemanasan global mengakibatkan berlaku kelunturan terhadap hampir 90% hidupan karang pada awal 2010. Walau bagaimanapun, terumbu karang di Gugusan Pulau Tioman menunjukkan kadar pemulihan yang sangat baik di mana pada penghujung 2010, hanya terdapat sekitar 5% sahaja karang yang masih mengalami kelunturan.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Memulihara kawasan terumbu karang
2. Mengawal dan memantau kawasan terumbu karang

### LOKASI CADANGAN

Kawasan utama terumbu karang

1. Batu Malang
2. Teluk Juara
3. Pulau Jahat
4. Pulau Seri Buat
5. Kadar Bay
6. Pulau Rengis

### Cadangan Memulihara Kawasan Terumbu Karang

1. Membangunkan tapak semaian terumbu karang yang mana akan dibahagikan dengan plot-plot kecil untuk memastikan terumbu karang di tanam secara sistematik bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemantauan
2. Menawarkan kursus latihan kepada komuniti tempatan sebagai pemulih terumbu karang oleh NGO
3. Melaksanakan program pemulihan terumbu karang yang melibatkan penanaman terumbu, program pembersihan terumbu dan memasang terumbu buatan

### Cadangan Mengawal dan Memantau Kawasan Terumbu Karang

Melaksana dan memantau pelaksanaan Seksyen 41 hingga Seksyen 45, Akta Perikanan 1985 telah menggariskan aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan supaya dapat memelihara terumbu karang dan ekosistem marin.

1) Aktiviti yang dibenarkan: *Snorkeling, Scuba Diving, Non-motorised Boating, Jungle Trekking* dan fotografi di dasar laut.
2) Aktiviti yang tidak dibenarkan: *Spear gun fishing*, mengambil karang, cengkerang dan organisma yang masih hidup, mengambil tanah dan karang yang mati, membuang sampah dan mencemar kawasan marin, meletak sauh terus ke karang dan membina apa-apa struktur.



Spesies Terumbu Karang Yang Terdapat Di Gugusan Pulau Tioman

## C Pemeliharaan Spesies Endemik dan Unik

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI


Rizab Hidupan Liar Pulau Tioman telah diwartakan pada 28 September tahun 1972. Rizab ini didiami oleh 45 spesies mamalia seperti Binturong dan Berok selain 138 spesies herpetofauna, 48 jenis ikan air tawar serta 78 spesies rama-rama dari 57 genera. Populasi pelanduk boleh didapati dengan banyaknya terutama dibahagian selatan pulau.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Mengenal pasti lokasi spesies dan mengiktiraf kawasan tersebut sebagai kawasan semula jadi spesies endemik dan unik di Pulau Tioman
2. Peletakan tanda nama bagi spesies flora yang endemik dan unik.
3. Mengehadkan bilangan pelancong yang boleh mengunjungi kawasan utama biodiverisiti pada suatu masa.

### LOKASI CADANGAN

1. Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman



*Gnetum Ridleyi*



*Aristolochia Tagala Cham*



*Averrhoa Bilimbi L (Belimbing buluh)*

**Jadual 5.14: Senarai Spesies Pokok ditemui hanya di Pulau Tioman**

| BIL | JENIS FAMILI | NAMA SPESIES | KATEGORI IUCN RED LIST | KRITERIA IUCN RED |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Ebenaceae | Diospyros insidiosa | VU | B1+2c |
| 2 | Euphorbiaceae | Trigonostemon arboreus | VU | D2 |
| 3 | Gnetaceae | Gnetum ridleyi | NE | - |
| 4 | Myrtaceae | Eugenia tiumanensis | VU | B1+2c |

| KATEGORI IUCN RED LIST | TAHAP RISIKO KEPUPUSAN | KRITERIA IUCN RED LIST | PETUNJUK INDIKASI KRITERIA TERBAIK |
|---|---|---|---|
| VU | Vulnerable (Terdedah kepada kepupusan) | B | Had jarak geografi |
| NE | Not evaluated (Tidak dinilai) | D | Anggaran saiz populasi bawah 50 |

*Sumber : Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Pahang, 2016-2025*

**SPESIES FLORA DI PULAU TIOMAN**




*Diospyros insidiosa*





*Melastoma Malabathricum*

**Rajah 5.17: Pelan Cadangan Pemeliharaan Spesies Terlindung di Pulau Tioman**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

Kawasan penetasan penyu

Kawasan terumbu karang

Koridor Hidupan Liar Pulau Tioman

**LAIN-LAIN**

Jalan Sedia Ada

Jalan Cadangan Lebuhraya

Cadangan ECRL 2

Sungai

Sempadan Negeri

Sempadan Daerah

Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



STRATEGI

**T1S5**

**Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti**

CADANGAN

**T1S5-C2**

# CADANGAN KAWALAN RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (CFS)

AGENDA

SDGs 15 LIFE ON LAND

KATEGORI

**UT**

**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pemuliharaan zon CFS membentuk tulang belakang rangkaian KSAS. Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine adalah pelan perancangan dan langkah-langkah dalam membina koridor laluan hidupan liar di dalam kawasan hutan yang tergolong di dalam kelompok kompleks hutan di Semenanjung Malaysia.

CFS ini berfungsi untuk melindungi populasi hidupan liar seperti harimau, babi hutan, gajah dan sebagainya. Habitat dan ekosistem bagi hidupan liar ini juga dapat terjamin tanpa diganggu aktiviti manusia seperti kawasan petempatan, jalanraya dan pembangunan baru.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Melindungi memelihara dan mengawal biodiversiti hutan simpan sebagai aset habitat semula jadi
2. Mengawal kawasan ini dari tekanan pembangunan pertanian tepu bina di kawasan sekitar bagi menyokong kelangsungan hidupan liar yang perlu dipelihara hidupan liar menjadikan koridor ini sebagai habitat dan kawasan berkeliaran untuk mencari makanan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* 2022, terdapat tiga (3) rangkaian ekologi berada dalam Daerah Rompin dan perlu dikawal iaitu:

**A** Rangkaian Ekologi C-PL 3 (CFS2-PL2) : HS Lesong – HS Resak

**B** Rangkaian Ekologi C-PL 4 (CFS2-PL4) : HS Bukit Ibam- HS Sungai Marong & HS Sungai Lesong

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Rangkaian Ekologi C-PL 3 (CFS2-PL2) : HS Lesong – HS Resak
2. Rangkaian Ekologi C-PL 4 (CFS2-PL4) : HS Bukit Ibam- HS Sungai Marong & HS Sungai Lesong

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

**D. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin
2. Jabatan PERHILITAN Daerah Rompin

**E. Agensi Pemantau**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

## CADANGAN KAWALAN RANGKAIAN EKOLOGI

Cadangan kawalan bagi rangkaian ekologi CFS adalah mengikut keperluan setiap kawasan. Antara cadangan bagi kawalan rangkaian ekologi adalah seperti berikut:

### Penyediaan Zon Penampan

1. Semua pembangunan dalam zon penampan (1 km) dari sempadan rangkaian ekologi perlu dikawal
2. Hanya aktiviti yang tidak bercanggah dengan usaha dan fungsi rangkaian dibenarkan
3. Pembangunan berdensiti rendah

### Pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia


1. Menjalankan usaha penanaman pokok di dalam kawasan HSK bagi menyahut Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

### Penyediaan Cadangan Struktur

1. Pembinaan papan tanda amaran hidupan liar
2. Sira buatan/ jenut tiruan
3. Pagar elektrik

### Pembangunan Projek Ladang Hutan

1. Penyediaan koridor mini bagi menghubungkan hutan yang terputus









Contoh Sira Garam Tiruan



Contoh Pagar Eletrik

**Pembangunan Projek Ladang Hutan**

1. Penyediaan laluan koridor ekologi mini bagi menghubungkan hutan yang terputus





Contoh Laluan Koridor Ekologi Mini

## A Rangkaian Ekologi C-PL 3 (CFS2-PL2) : HS Lesong – HS Resak

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Rangkaian ekologi ini melibatakan HS Lesong dan HS Resak serta terletak dibahagian Selatan paya gambut DARA (Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara) yang telah diwartakan sebagai HSK. Pemeliharaan rangkaian ekologi ini dapat membantu mengukuhkan hubungan antara hutan paya gambut di Daerah Pekan dan hutan di Taman Negeri Rompin.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Menyediakan zon penampan 1 km
2. Pewartaan Hutan Tanah Kerajaan (HTK) sebagai hutan simpan kekal.
3. Pemasangan papan tanda amaran hidupan liar dan kawalan kelajuan (transverse bar)
4. Pelepasan benih ikan bagi meningkatkan stok semasa ikan di Sungai Rompin
5. Membangunkan projek hutan ladang secara mampan dengan mematuhi garis panduan zon pertanian dan menyediakan koridor mini bagi menghubungkan hutan yang terputus

### LOKASI CADANGAN

1. Rangkaian Ekologi C-PL 3 (CFS2-PL2) : HS Lesong – HS Resak (Keluasan 6,688.00 hektar)

**Jadual 5.15 : Tahap Fungsian Rangkaian Ekologi C-PL3 (CFS-PL2) Terhadap Hidupan Liar**

| KRITERIA PENILAIAN | HASIL ANALISIS | |
|---|---|---|
| Aktiviti guna tanah sekitar | Terdapat aktiviti pembalakan di rangkaian ekologi ini yang melibatkan kawasan hutan tanah kerajaan dan HSK yang berstatus Hutan Pengeluaran untuk tujuan pertanian. | |
| Pembinaan jalan | FT63 (Jalan Muadzam_Rompin) | |
| Hotspot hidupan liar | Tiada sira asli di rangkaian ekologi ini | |
| Senarai semak sepsis yang dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010 | **Mamalia (25 spesies) antaranya:**<br>• Gajah<br>• Harimau Belang<br>• Tapir<br>• Harimau Kumbang<br>• Beruang Matahari<br>**Burung (140 spesies)**<br>**Herpetofauna (30 spesies)** | |
| Senarai hidupan liar terancam | ***Endangered***<br>• Tapir<br>• Lotong Chenekah<br>• Ungka Tangan Hitam<br>• Ungka Tangan Putih<br>• Gajah | ***Critically Endangered***<br>• Enggang Tebang Mentua<br>• Harimau Belang |
| Senarai pokok hutan terancam | ***Endangered***<br>• Keruing belimbing (*Dipterocarpus grandiflorus*)<br>• Balau sengkawang air (*Shorea sumatrana*)<br>• Balau kumus hitam (*Shorea maxwelliana*) | ***Critically Endangered***<br>• Merawan penak (*Hopea mengarawan*) |
| Senarai ikan terancam | ***Endangered***<br>• *Betta tussyae; Betta waseri (Sepilai)*<br>• *Brevibora dorsiocellata (Seluang)* | ***Critically Endangered***<br>• *Hyalobagrus ornatus* (Baung) |
| *Roadkill yang dikenal* pasti | Tiada kejadian *roadkill di rangkaian ekologi ini* | |
| Spesies *human wildlife conflict (HWC)* | Gajah (25-30 ekor) di Kg Orang Asli Kedaik Asal dan Rantau Panjang Kedaik | |
| Pemburuan haram | Ada | |
| Langkah pencegahan dan kaedah penguatkuasaan | • Rondaan berkala oleh pihak terlibat<br>• Rondaan berkala menggunakan kereta/ trekking/ menunggu di persimpangan jalan balak | |

*Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 – Jilid 2*

## B Rangkaian Ekologi C-PL 4 (CFS2-PL4) : HS Bukit Ibam- HS Sungai Marong & HS Sungai Lesong

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Bagi mewujudkan sebuah bandar yang vibran ruang ruang awam seperti lorong belakang dan tepi bangunan akan dinaik taraf menjadi sebuah kawasan tumpuan aktiviti dalam bandar yang berpotensi untuk menjadi salah satu tarikan pelancong di Bandar Kuala Rompin.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Menyediakan zon penampan 1 km
2. Pelepasan benih ikan bagi meningkatkan stok semasa ikan di Sungai Keratong, Sungai Aur dan Sungai Rompin
3. Penyediaan zon riparian sungai selebar 200 meter di Sungai Rompin dan Sungai Anur

### LOKASI CADANGAN


1. Rangkaian Ekologi C-PL 4 (CFS2-PL4) : HS Bukit Ibam- HS Sungai Marong & HS Sungai Lesong (Keluasan 10,338 Hektar)

**Jadual 5.16 : Tahap Fungsian Rangkaian Ekologi C-PL4 (CFS-PL4) Terhadap Hidupan Liar**

| KRITERIA PENILAIAN | HASIL ANALISIS | |
|---|---|---|
| **Ak tiviti guna tanah sekitar** | Terdapat aktiviti pembalakan di rangkaian ekologi ini yang melibatkan kawasan hutan tanah kerajaan dan HSK yang berstatus Hutan Pengeluaran untuk tujuan pertanian. | |
| **Pembinaan jalan** | FT12 (Lebuhraya Segamat-Kuantan) | |
| **Hotspot hidupan liar** | Tiada sira asli di rangkaian ekologi ini | |
| **Senarai semak sepsis yang dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010** | **Mamalia (25 spesies) antaranya:**<br>• Gajah<br>• Harimau Belang<br>• Tapir<br>• Harimau Kumbang<br>• Beruang Matahari<br>**Burung (146 spesies)**<br>**Herpetofauna (31 spesies)** | |
| **Senarai hidupan liar Terancam** | ***Endangered***<br>• Memerang Hidung Berbulu<br>• Tapir<br>• Beruk<br>• Lotong Chenekah<br>• Lotong Cengkong<br>• Ungka Tangan Hitam<br>• Ungka Tangan Putih, Siamang<br>• Gajah | ***Critically Endangered***<br>• Tenggiling<br>• Enggang Tebang Mentua<br>• Harimau Malaya |
| **Senarai pokok hutan Terancam** | ***Endangered***<br>• Keruing kertas (*Dipterocarpus chartaceus*)<br>• Keladan (*Dryobalanops oblongifolia*)<br>• Damar hitam katup (*Shorea balanocarpoides*)<br>• Damar hitam siput (*Shorea faguetiana*)<br>• Meranti pa'ang (*Shorea bracteolata*)<br>• Meranti damar hitam (*Shorea longisperma*)<br>• Balau kumus hitam (*Shorea maxwelliana*)<br>• Meranti nemesu (*Shorea pauciflora*)<br>• Balau sengkawang air (*Shorea sumatrana*) | ***Critically Endangered***<br>• Keruing latek (*Dipterocarpus elongatus*)<br>• Meranti kepong hantu (*Shorea macrantha*)<br>• Merawan penak (*Hopea mengarawan*)<br>• Meranti tengkawang air (*Shorea palembanica*) |
| ***Roadkill yang dikenal* Pasti** | Tiada kejadian *roadkill di rangkaian ekologi ini* | |
| **Spesies *human wildlife conflict (HWC)*** | Gajah | |
| **Pemburuan haram** | Ada | |
| **Langkah Pencegahan dan Kaedah penguatkuasaan** | • Rondaan berkala oleh pihak terlibat<br>• Rondaan berkala menggunakan kereta/ trekking/ menunggu di persimpangan jalan balak | |

*Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 – Jilid 2*

Rajah 5.18: Pelan Cadangan Kawalan Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

- Pewartaan HTK sebagai Hutan Simpan Kekal
- Pelepasan benih ikan
- Pewartaan rizab sungai
- Pemasangan papan tanda had laju dan kawasan hidupan liar

**LAIN-LAIN**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S5<br>Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti | T1S5-C3<br>CADANGAN PEMULIHARAAN HUTAN TERMASUK HUTAN PAYA GAMBUT | SDG 15 LIFE ON LAND, NUA 06 | UT<br>(UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Kawasan HSK berpotensi untuk terdedah dengan aktiviti-aktiviti pencerobohan kerana mempunyai aset yang bernilai seperti kayu balak, batuan hasil bukan kayu hutan dan sebagainya. Oleh itu, keperluan untuk kawalan yang efisien di kawasan ini perlu merangkumi aspek:
   - Penambahbaikan dalam aktiviti kawalan di dalam HSK
   - Penggunaan teknologi terkini dalam aktiviti pemantauan
   - Penguatkuasaan tegas terhadap terhadapa sebarang aktiviti pencerobohan
2. Ancaman dari tukar guna hutan darat kepada kegunaan pertanian, satu lagi bentuk ancaman terbesar kepada hutan ialah kebakaran hutan yang banyak berlaku di kawasan hutan gambut/tanah bencah.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Memelihara daripada berlakunya pengurangan kawasan hutan simpan kekal di Daerah Rompin
2. Mengurangkan kehilangan litupan hutan disebabkan kebakaran
3. Mengurangkan pencemaran udara

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen utama diletakkan bagi tindakan pemuliharaan hutan termasuk hutan paya gambut adalah seperti berikut:

**A** Kawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Pencerobohan Hutan Simpan Kekal

**B** Langkah-langkah Kawalan, Mitigasi dan Pengurusan Kebakaran Hutan Paya Gambut

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

1. Kawasan HSK di Daerah Rompin & 166,314.55 hektar

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
2. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin
3. Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang

## A Kawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Pencerobohan Hutan Simpan Kekal

**Cadangan Kawalan, Pemantauan Dan Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Pencerobohan Hutan Simpan Kekal**

1. Mewujudkan zon penampan 500 m di sekitar kawasan hutan dan berhutan yang bersempadanan dengan kawasan pertanian
2. Meluaskan penggunaan teknologi dron atau Aplikasi *Normalised Difference Vegetation Index* (dan penggunaan imej satelit bagi pemantauan secara nyata (*real-time monitoring*) bagi pemantauan melalui udara.
3. Menggalakkan penglibatan masyarakat setempat dalam usaha mengawal pencerobohan hutan.





## B Langkah-langkah Kawalan, Mitigasi dan Pengurusan Kebakaran Hutan Paya Gambut


**Perincian Cadangan Langkah-langkah Kawalan, Mitigasi dan Pengurusan Kebakaran Hutan Paya Gambut**

1. Pembinaan *tube well* di kawasan-kawasan gambut yang jauh daripada sumber air
2. *Fire breaks* bertujuan membuat penhalang atau penampan di antara kawasan hutan mudah terbakar atau menghentikan kebakaran hutan atau api
3. Pemantauan *Fire Danger Rating System* (FDRS) dan papan indeks bahaya kebakaran hutan *(fire indicator)*
4. Pemantauan dan rondaan bagi kawasan *hot spots* serta pembinaan menara pemerhati





Telaga tiub bagi pencegahan kebakaran tanah gambut di Kg. Tebu Hitam




Fire Danger Rating System (FDRS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia




Contoh papan indeks bahaya kebakaran hutan (fire indicator)

**Jadual 5.17 : Kesalahan Hutan dan Denda Dikenakan di Bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993**

| SEKSYEN | KETERANGAN SEKSYEN | DENDA |
|---|---|---|
| 15 | Mengambil hasil-hasil hutan daripada HSK & TK tanpa kebenaran | Tidak melebihi RM 500,000 dan penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. |
| 25 (2) | Tidak mematuhi Notis Borang 2 | Tidak melebihi RM 50,000 dan atau penJara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak lebih RM 1,000 tiap hari/sebahagian hari kesalahan berterusan. |
| 32 (1) | Menduduki/menjalankan sebarang aktiviti dalam HSK tanpa kebenaran | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 40 (1) | Memindah hasil hutan tanpa LP dari kawasan:<br>• Tanah berimilik<br>• Tanah Lesen Pendudukan sementara<br>• Lombong<br>• Rizab | Tidak melebihi RM 500,000 dan penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. |
| 47 (1) & (4) | Memasuki Hutan Tertutup tanpa kebenaran | Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 50 (4) | Mengguna jalan hutan tanpa permit jalan | Tidak melebihi RM 10,000 |
| 66 (4) | Tidak mematuhi arahan PPN di bawah sek. 66 (1) (2) & (3) -penentuan tempat pengukuran hasil hutan | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 67 (2) | Tidak mematuhi arahan PPN di bawah sek. 67 (1) - penentuan tempat pengukuran hasil hutan melalui LP | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 68 (4) | • Memiliki, menjaga/ mengawal apa-apa hasil hutan tanpa pas pemindah<br>• Enggan menyerahkan Pas Pemindah untuk pemeriksaan | • Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya<br>• Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 69 (3) | • Operator loji penukaran tidak memiliki pas pemindah dan rekod pengukuran yang sedang ditukar/ berada di dalam kawasan loji<br>• Enggan menyerahkan Pas Pemindah dan rekod ukuran untuk pemeriksaan | • Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya<br>• Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 81 (1) | Perbuatan dilarang dalam HSK:<br>• melepaskan ternakan/ membenarkan ternakan meragut<br>• menebang, memotong, menggelang, menanda, menutuh/menoreh mana mana pokok; atau merosakkan dengan api atau memindahkan mana mana pokok atau kayu<br>• menyebabkan apa-apa kerosakkan semasa menebang/memotong/ mengheret pokok/kayu<br>• mencari, mengambil, mendedahkan kepada apa-apa proses pengilangan/memindah apa-apa hasil hutan atau mineral<br>• membersih/membajak tanah untuk tanaman atau maksud lain<br>• menggunakan bahan beracun, atau dinamit atau bahan letupan lain di dalam sungai atau tasik bagi maksud<br>• menangkap ikan; atau memburu, menembak, menangkap ikan atau memasang jerat atau menjebak<br>• menceroboh dengan apa jua cara yang sebelum ini tidak dilarangi dalam seksyen ini | •  -<br>• Tidak melebihi RM 10,000<br>• Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya<br>• Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya<br>• Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.<br>• Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.<br>• Tidak melebihi RM 10,000 atau penJara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.<br>• Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 81 (1) | Larangan membakar dalam HSK | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 83 | Membuang sampah sarap secara mengganggu | Tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 84 | Memiliki, menjaga / mengawal hasil hutan secara menyalahi undang- undang | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 85 | Bawa masuk hasil hutan daripada lain negeri tanpa pas pemindah | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 86 | Melancung/mencacat/ memiliki alat bagi melancung, tanda pada pokok dan kayu dan mengubah tanda sempadan | Tidak lebih RM 500,000 dan penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. Tidak boleh di kompaun |
| 87 | Panalti am - Kesalahan yang tidak disebutkan penaltinya secara khusus di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 | Tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya |
| 87 | Kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Hutan Negeri | |
| 92(3) | Enggan memberi kerjasama Ruj. sek. 92 (2) | |
| 93(2) | Mengusik, memindah, merosak atau memusnahkan barang-barang yang disita | |
| 96(2) | Menghalang pegawai hutan untuk memasuki atau memeriksa loji penukaran | |
| 97(2) | Enggan mematuhi larangan Seksyen 97 (1) larangan pengambilan hasil hutan atas sebab silvikultur dan lain-lain | |
| 98(2) | Tidak mematuhi larangan Seksyen 98 (1) | |
| 100 | Memberi maklumat palsu | |
| 107 | Salah guna kuasa | |

***Sumber:*** *Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*

STRATEGI

**T1S5**

Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti

CADANGAN

**T1S5-C4**

# CADANGAN PENGEKALAN HUTAN SIMPAN KEKAL

AGENDA

SDG 15 LIFE ON LAND | NUA 06

KATEGORI

**UT**

**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Aset semula jadi sedia ada ini haruslah dikekalkan dan diwartakan sebagai kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Pengeluaran dan kemasukan hutan simpan perlu diurus denga bijaksana bagi menjamin kelangsungan HSK sebagai fungsi utama dalam mengekalkan kepelbagaian biodiversiti yang terdapat di kawasan Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mengekalkan sepenuhnya kawasan Hutan Simpan Kekal yang merupakan kawasan pemuliharaan biodiversiti melaui pengawalan dalam proses penyahwartaan kawasan HSK.
2. Memelihara daripada berlakunya pengurangan kawasan hutan simpan kekal di Daerah Rompin.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Penggantian HSK yang dinyahwarta dengan keluasan yang sama dan nilai kepelbagaian biodiversiti, perkhidmatan ekosistem yang setara (tertakluk kepada penggubalan Akta Perhutanan Negara 1985).
2. Permohonan penyahwartaan harus melalui proses pendengaran awam (public hearing)
3. Penggantian HSK yang dinyahwarta dengan keluasan yang sama dan nilai kepelbagaian biodiversiti, perkhidmatan ekosistem yang setara

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

1. Kawasan HSK di Daerah Rompin & 166,314.55 hektar

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
2. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin

## PENEMUAN SEMASA BAGI PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN DAERAH ROMPIN

**Jadual 5.18: Senarai Nyahwarta dan Perwartaan Hutan Simpan Kekal bagi Tahun 2019 - 2023**

| STATUS WARTA HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) | KELUASAN (HEKTAR) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
| Warta Masuk | 82.79 | 176,081.59 | 165,407.11 | 166,489.55 |
| Warta Keluar | 162.33 | 10,748.09 | - | 175.00 |
| **JUMLAH** | **175,918.17** | **165,333.50** | **165,407.11** | **166,314.55** |

*Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*

Berdasarkan jadual di atas, perubahan keluasan hutan simpan kekal (HSK) di Daerah Rompin berlaku pada setiap tahun. Pada tahun 2019, keluasan HSK adalah sebanyak 175,918.17 hektar, namun pada tahun 2023, **terdapat penurunan sebanyak 5.45% menjadikan jumlah HSK yang terkini adalah sebanyak 166,314.55 hektar.**

Perubahan keluasan litupan hutan ini adalah disebabkan berlakunya aktiviti penyahwartaan hutan pada setiap tahun. Penyahwartaan HSK berlaku adalah disebabkan kawasan-kawasan tersebut bertukar aktiviti guna tanah bagi tujuan pembangunan tanah seperti tanaman, pembangunan perumahan dan perindustrian.


## KAJIAN PENANDA ARAS : NEGERI SELANGOR

- Menambah baik Seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 pada A23 berdasarkan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011 dengan memasukkan proviso **"semua pengeluaran Hutan Simpanan Kekal perlu melalui Kaedah Penyiasatan Awam seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri"**.

- **Proses penyahwartaan dan penggantian rizab hutan perlu dilakukan secara serentak** dan mengikut panduan Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985

- **Penambahan bilangan ahli Jawatankuasa Penyiasatan Awam** bagi mendapatkan pandangan teknikal yang lebih komprehensif

## Rajah 5.19 : Pelan Cadangan Pengekalan Hutan Simpan Kekal




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**LAIN-LAIN**

- Hutan Simpan Kekal
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim


### PELAN LOKASI



## CARTA ALIR PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERWARTAAN KELUAR HSK (HSK) MELALUI KAEDAH PENYIASATAN AWAM NEGERI SELANGOR

| | |
|---|---|
| Menerima keputusan melibatkan pewartaan keluar HSK termasuk cadangan Kawasan ganti HSK dari MMKN / Jawatankuasa MMKN | 1 HARI |
| Penyediaan Salinan Pelan Kawasan dan Laporan Bertulis untuk proses hebahan serta penyiaran notis penyiasatan awam | 14 HARI |
| Maklum balas berkaitan Notis Penyiasatan Awam | 30 HARI |
| Sesi *Townhall* (selepas notis penyiasatan awam) | 1 – 3 HARI * |
| Laporan Penyiasatan Awam | 14 HARI |
| Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Awam | 1 HARI |
| Penyediaan Kertas MMKN | 14 HARI |
| Mesyuarat MMKN | 1 HARI |
| Menerima dan memaklumkan pemohon mengenai keputusan mesyuarat MMKN | 14 HARI |

JUMLAH: 90 HARI (3 BULAN)
* Mengikut kesesuaian




*Sumber: Laman Sesawang Dewan Negeri Selangor, 2023*

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S5** Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti | **T1S5-C5** CADANGAN LANGKAH-LANGKAH STRUKTUR DALAM MENANGANI KONFLIK HIDUPAN LIAR (HWC) | SDGs 15 LIFE ON LAND | **SK** (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Konflik Manusia-Hidupan Liar bukanlah perkara yang baru ditambah dengan kerancakan pembukaan tanah untuk kegiatan pertanian seperti getah, kelapa sawit atau tebu.
2. Hidupan liar berperanan besar dalam mengimbangi ekosistem hutan. Oleh itu, bagi mengelakkan risiko ancaman terhadap spesis ini dan kepentingan penduduk khususnya di kawasan desa, Jabatan Perhilitan giat melaksanakan inisiatif bagi mengurangkan konflik manusia – gajah ini berlarutan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mengurangkan risiko pencerobohan hidupan liar di petempatan desa yang boleh mengancam nyawa dan mengakibatkan kerosakan harta benda.
2. Mengurangkan risiko hidupan liar dibunuh atau dicederakan apabila berada di kawasan petempatan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia-hidupan Liar Peringkat Komuniti

**B** Pengelasan Zon Bagi Pengurusan Gangguan Kera Dan Kajian Pengenalpastian Kawasan Sesuai Pelepasan Kera Bermasalah

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kawasan pendaratan penyu
2. Rizab hidupan liar Pulau Tioman
3. Taman Laut Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

## PENEMUAN SEMASA BAGI KONFLIK MANUSI-HIDUPAN LIAR

**Jadual 5.19: Kes Konflik Manusia-hidupan Liar (HWC) Di Daerah Rompin bagi Tahun 2021 hingga 2023**

| KES KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR (HWC) DI DAERAH ROMPIN | | | |
|---|---|---|---|
| SPESIES | TAHUN | | |
| | 2021 | 2022 | 2023 |
| Gajah | 17 | 40 | 8 |
| Kera | 80 | 70 | 33 |
| Harimau | 4 | 5 | 3 |
| Beruang | 2 | 1 | 4 |
| Babi hutan | 37 | 40 | 11 |
| Tapir | 2 | 0 | 0 |
| Lain-lain | 35 | 23 | 12 |
| JUMLAH | 177 | 179 | 71 |

*Sumber : Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), 2023*

### A Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar Peringkat Komuniti

Kesan bagi pembukaan ladang bagi tujuan pertanian telah menyebabkan sebahagian habitat hidupan liar untuk dijadikan sebagai lokasi penanaman. Pembukaan tanah juga telah menyebabkan spesies ini semakin kehilangan habitatnya sehingga kawasan sumber makanan semakin terhad dan menceroboh kawasan ladang dan pertanian penduduk sekitar terutamanya habitat gajah. Antara kawasan yang dikenal pasti terlibat dalam pencerobohan gajah adalah seperti jadual di bawah:

**Jadual 5.20: Kes Konflik Manusia-hidupan Liar (HWC) Di Daerah Rompin bagi Tahun 2021 hingga 2023**

| BIL. | KAMPUNG YANG MENERIMA ANCAMAN | KAWASAN HUTAN/ HUTAN SIMPAN TERDEKAT | FAKTOR PENINGKATAN KONFLIK MANUSIA-GAJAH |
|---|---|---|---|
| 1 | Kg. Sungai Tanam | • HS Lesong<br>• Hutan Tanah Kerajaan | • Terdapat aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Tanah Kerajaan<br>• Pembukaan tanah baru hutan kepada pertanian atau ladang kebun |
| 2 | Kg. Orang Asli Petoh | | |
| 3 | Kg. Petuh | | |
| 4 | Kg. Guri | | |
| 5 | Kg. Aur | • HS Lesong<br>• HS Sungai Marong<br>• HS Bukit Ibam (Rompin) | |
| 6 | Kg. Orang Asli Ganoh | | |
| 7 | Kg. Guchi | | |
| 8 | Felda Keratong 9 | | |
| 9 | Kg. Orang Asli Banai | | |
| 10 | Kg. Orang Asli Pelam | | |
| 11 | Kg. Chamus | | |
| 12 | Kg. Paya Keladi | | |


*Sumber : Laporan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS), 2022*

### Cadangan Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar

1. Penyediaan latihan melalui bengkel secara berkala kepada penduduk untuk mengurus situasi pencerobohan hidupan liar, jenis aktiviti tanaman yang sesuai di tanam
2. Penyediaan peruntukan peralatan bagi menghalau hidupan liar

### Cadangan Program Komuniti Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEGKOM)

1. Pemasangan pagar elektrik sebagai sempadan kawasan berpenduduk atau tanaman dengan kawasan hutan. Voltan minima bagi haiwan seperti gajah adalah lima (5) kilovalt.
2. Penglibatan penduduk kampung dalam aktiviti pemantauan dan pengurusan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG)
3. Meletakkan sistem penggera di kawasan potensi pencerobohan untuk memberi amaran kepada penduduk.




**Jarak halangan fizikal hendaklah sekurang-kurangnya 2.0/2.5 meter sekiranya terdapat dua bekalan energizer yang berlainan dan sistemnya tidak selari**
**(Nota : 2.0 meter untuk haiwan, manakala 2.5 meter untuk manusia)**



Contoh Pemasangan Pagar Elektrik di Kawasan Pertanian

## B Pengelasan Zon bagi Pengurusan Gangguan Kera dan Kajian Pengenalpastian Kawasan Sesuai Pelepasan Kera Bermasalah

### Cadangan Pengelasan Zon Pengurusan Kera

Pihak PERHILITAN akan melakukan siasatan mengkategorikan tahap gangguan kepada :

**Jadual 5.21 : Tahap Keseriusan Gangguan Berdasarkan Bilangan Aduan**

| TAHAP GANGGUAN | BILANGAN ADUAN DALAM SEBULAN DAN ANCAMAN |
|---|---|
| Serius | Mendatangkan kecederaan, menyerang manusia, memasuki premis, merosakkan harta benda |
| Sederhana Serius | Melebihi tiga aduan sebulan, merosakkan harta benda awam, memakan hasil tanaman dan mendatangkan ketakutan kesalamatan orang lain |
| Kurang Serius | Aduan antara satu atau dua kali sebulan, hanya berkeliaran mencari makanan dan tidak menggangu manusia |

***Sumber : Pelan Pengurusan Kera Bermasalah di Semenanjung Malaysia, 2006***

Analisis secara spatial berupaya menentukan corak pengurusan zon-zon yang telah dikenal pasti. Sebagai contoh:

- Zon Merah: Pengurusan konflik kera secara tembak mati
- Zon Kuning: Pengurusan konflik kera secara tangkap pindah
- Zon Hijau: Pengurusan konflik kera secara tembak halau

### Cadangan Kajian Pengenalpastian Kawasan Pelepasan Kera

1. Satu kajian perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan pelepasan yang sesuai bagi populasi kera di Daerah Rompin.
2. Pemilihan kawasan hendaklah mengambil kira sumber keperluan kera yang mencukupi di kawasan habitat baru.

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S5** Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti | **T1S5-C6** | SDG 15 LIFE ON LAND | **SK** (SOKONGAN) |

# CADANGAN PENGURUSAN PEMANTAUAN INVENTORI DAN PENYELIDIKAN FLORA DAN FAUNA

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Bagi meningkatkan kecekapan pemeliharaan dan pengurusan sumber biodiversiti Daerah Rompin, aktiviti pemantauan dan pengawasan haruslah diteruskan dengan mempertingkatkan lagi usaha inventori flora dan fauna.

2. Program pemantauan boleh dijalankan secara berkala seperti menjalankan pengawasan dan inventori flora dan fauna sebanyak dua kali setahun. Dengan ini, sebarang perubahan dinamik dapat direkod dan dipantau secara berterusan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Program inventori secara berkala dapat menyumbang data dalam perubahan dinamik spesies-spesies hidupan liar yang berada dalam HSK.
2. Pangkalan data bagi flora dan fauna dapat dihasilkan dan sistem penyebaran maklumat dapat dijalankan secara berkesan.
3. Pemantauan secara akustik (acoustic monitoring) menggunakan dron, perangkap kamera atau CCTV dan penggunaan teknologi seperti remote sensing.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Penyediaan alatan bagi tujuan pemantauan dan pengawasan seperti dron, perangkap kamera.
2. Penentuan kawasan pemantauan dan pengawasan yang diperlukan bagi tujuan inventori flora dan fauna dengan mengambil kira lokasi taburan spesies endemik dan unik.
3. Pembangunan sistem bagi pengumpulan data dan maklumat berkaitan inventori flora dan fauna serta penggunaan aplikasi bagi pengecaman spesies tersebut.
4. Melibatkan usahasama bersama NGO dalam perkongsian maklumat dan langkah-langkah pemeliharaan flora dan fauna

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kawasan HSK di Daerah Rompin & 166,314.55 hektar

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang
2. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin

## Cadangan Pengurusan Pemantauan Inventori dan Penyelidikan Flora dan Fauna

### Pengurusan Data Secara Bersepadu

1. Pembangunan sistem pengumpulan maklumat dan data flora dan fauna bagi membangunkan pangkalan data secara berpusat.

### Pemantauan Secara Fizikal

1. Penentuan lokasi dan had sempadan bagi kawasan pemantauan dan pengawasan yang diperlukan dengan mengambil kira lokasi taburan spesies endemik dan unik di kawasan tersebut.
2. Pengawasan dan pemantauan menggunakan teknologi terkini dan teknik-teknik pemantauan yang berkesan
3. Melakukan pemantauan berkala sebanyak dua (2) kali setahun.

### Pengurusan Inventori Flora dan Fauna Secara Berterusan

1. Mengadakan program inventori flora dan fauna secara berkala
2. Melibatkan usaha sama bersama NGO dalam perkongsian maklumat dan program-program pemeliharaan flora dan fauna

### Kaedah Pemantauan Secara Akustik

1. Menggunakan suara untuk mengkaji hidupan liar, dengan alat pengesan genggam hingga menggunakan alat perakam suara jarak jauh bagi memantau suara binatang.
2. Data akustik dapat digunakan untuk memantau trend spatial dan temporal dalam tingkah laku haiwan dan gangguan manusia.






**Jadual 5.22 : Spesies Endemik (Fauna)**

| MAMALIA | | | | |
|---|---|---|---|---|
| BIL | NAMA TEMPATAN | NAMA SAINTIFIK | NAMA INGGERIS | STATUS |
| 1 | Tapir | *Tapirus indicus* | Malayan Tapir | T |
| 2 | Gajah | *Elephas maximus indicus* | Elephant | ST |
| 3 | Lotong Chenekah | *Presbytis mealophos* | Mitred Leaf Monkey | T |
| 4 | Lotong Cengkong | *Trachypithecus obscurus* | Dusky Leaf Monkey | T |
| 5 | Ungka Tangan Putih | *Hylobates lar* | White Handed Gibbon | T |
| 6 | Ungka Tangan Hitam | *Hylobates agilis* | Agile Gibbon | T |
| 7 | Siamang | *Symphalangussyndactylus* | Siamang | T |
| 8 | Memerang Hidung Berbulu | *Lutra sumatrana* | Hairy-nosed Otter | T |
| 9 | Beruk | *Macaca nemestrina* | Pig-tailed Macaque | T |
| 10 | Harimau Malaya | *Panthera tigris* | Malayan Tiger | ST |
| 11 | Musang Titik Besar | *Viverra megaspila* | Large Spotted Civet | T |
| 12 | Tenggiling | *Manis spp.* | Pangolins | ST |
| **BURUNG** | | | | |
| 1 | Enggang Tebang Mentua | *Rhinoplax vigil* | Helmeted Hornbill | ST |
| **IKAN** | | | | |
| 1 | Sepilai | *Betta tussyae* | - | T |
| 2 | Seluang | *Brevibora dorsiocellata* | - | T |
| 3 | Baung | *Hyalobgrus ornatus* | - | ST |

*Nota: T – Spesies Terancam, ST – Spesies Sangat Terancam*

*Sumber:*
1. *Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 – Jilid 2*
2. *Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*

**Jadual 23 : Spesies Endemik (Flora)**

| POKOK HUTAN | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | NAMA TEMPATAN | NAMA SAINTIFIK | STATUS |
| 1 | Keruing Belimbing | *Dipterocarpus grandifloras* | T |
| 2 | Balau Sengkawang Air | *Shorea sumatrana* | T |
| 3 | Balau Kumus Hitam | *Shorea Maxwelliana* | T |
| 4 | Merawan Penak | *Hopea mengarawan* | ST |
| 5 | Keruing Kertas | *Dipterocarpus Chartaceus* | T |
| 6 | Keladan | *Dryobalamops Oblongifolia* | T |
| 7 | Damar Hitam Katup | *Shorea Balanocarpoides* | T |
| 8 | Damar Hitam Siput | *Shorea Faguetiana* | T |
| 9 | Meranti Pa'ang | *Shorea Brateolata* | T |
| 10 | Meranti Damar Hitam | *Shorea Longisperma* | T |
| 11 | Meranti Nemesu | *Shorea Pauciflora* | T |
| 12 | Keruing Latek | *Dipterocarpus Elongatus* | ST |
| 13 | Meranti Kepong Hantu | *Shorea Macrantha* | ST |
| 14 | Meranti Tengkawang Air | *Shorea Palembanica* | ST |
| 15 | Meranti Paya | *Shorea Platycarpa* | ST |
| 16 | Berus Mata Buaya | *Bruguiera hainesii* | ST |

*Nota: T – Spesies Terancam, ST – Spesies Sangat Terancam*

*Sumber:*
1. *Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 – Jilid 2*
2. *Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*



**Tenggiling**



**Enggang Tebang Mentua**



**Berus Mata Buaya**



**Meranti Kepong Hantu**

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S5 Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti | T1S5-C7 | | SK (SOKONGAN) |

# CADANGAN KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) SEBAGAI ZON PENYERAP KARBON

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pengekalan kawasan HSK dan berhutan adalah penting dalam memastikan kualiti alam sekitar sentiasa terjamin dan dipelihara dengan baik

2. Fungsi HSK dan kawasan berhutan sebagai zon penyerap karbon semula jadi berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu langkah mitigasi yang kritikal dalam menangani perubahan iklim pada masa hadapan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mengurangkan tekanan dan memulihkan tenaga hasil pelepasan oksigen dan udara segar, sekali gus meningkatkan kesihatan penduduk
2. Melaksana mekanisme penjanaan pendapatan daripada perkhidmatan ekosistem hutan

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Menanam pokok-pokok hutan yang mempunyai kadar penyerapan karbon
2. Jabatan Perhutanan perlu mengiktiraf kedapatan HSK sebagai zon penyerap karbon yang menyumbang kepada perkhidmatan persekitaran terutama pelepasan oksigen.
3. Menjalankan kajian lanjutan secara terperinci bagi pelaksanaan mekanisme compensation rate berkaitan hasil penjanaan yang diperolehi daripada fungsi sebagai zon penyerap karbon.
4. Pengurusan dan pelaksanaan cadangan dilakukan sepenuhnya oleh pihak Majlis Daerah Rompin dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melalui sokongan kewangan oleh Jabatan Perhutanan Kerajaan Persekutuan.

## INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

1. Kawasan HSK di Daerah Rompin & 166,314.55 hektar

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perhutan Negeri Pahang


**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
2. Jabatan Perhutanan Daerah Rompin


**Fungsi Hutan sebagai Sumber dan Penyerap bagi Karbon**




**Jadual 5.24: Anggaran Pengiraan Kadar Penyerapan Karbon di Daerah Rompin**

| JENIS POKOK | KADAR PENYERAPAN KARBON (KG/POKOK/SETAHUN) | ANGGARAN BILANGAN POKOK* | ANGGARAN JUMLAH PENYERAPAN KARBON (TAN/ |
|---|---|---|---|
| Meranti | 2,333 | 200 ribu | 466,600 |
| Terap | 1,072 | 250 ribu | 268,000 |
| Nyatoh taban merah | 566 | 100 ribu | 56,600 |
| Merawan bunga | 11,878 | 80 ribu | 950,240 |
| | | JUMLAH | 1,741,440 |

*Nota: * Anggaran bilangan pokok mengikut luas kawasan HSK di Daerah Rompin*
*Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 2023*




Hutan Simpan Kekal | Pembersihan Hutan | Pertumbuhan hutan baru

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S6**<br>Memelihara, Memulihara Dan Mengekalkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) | **T1S6-C1**<br>**CADANGAN ZON PENAMPAN DAN KAWALAN RISIKO PERLOMBONGAN ATAU KUARI** | SDGs 6, 14, 15 | **QW**<br>(QUICK WIN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Aktiviti perlombongan atau kuari merupakan aktiviti perindustrian yang utama di dalam Daerah Rompin. Ia meliputi sebanyak 79.61% daripada kesemua aktiviti perindustrian.
2. Aktiviti perlombongan atau kuari di kawasan Daerah Rompin mengeluarkan mineral atau bahan geologi dan bahan batuan seperti granit, batu kapur bijih besi dan bijih timah.
3. Namun, terdapat berlakunya pencemaran air sungai berdekatan kawasan petempatan berpunca daripada aktiviti perlombongan atau kuari berdekatan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Berdasarkan dapatan daripada agensi Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang, terdapat 20 kawasan perlombongan. Oleh itu, pemeliharaan alam sekitar bagi kegiatan perlombongan perlu dilaksanakan.
2. Aktiviti perlombongan perlu mengambil kira syarat-syarat yang digariskan agar tiada kesan negatif dan risiko bahaya kepada komuniti dan persekitaran setempat.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Menyediakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015
2. Menyediakan zon penampan kuari 500 meter
3. Menjalankan pemantauan kualiti udara, bunyi dan gegaran.
4. Menyediakan Laporan Penilaian Kesan Sosial (SIA)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Aktiviti perlombongan dan kuari di seluruh Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin


**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin

## PENYEDIAAN ZON PENAMPAN 500 METER




## KESAN-KESAN DARIPADA AKTIVITI PERLOMBONGAN KEPADA ALAM SEKITAR

1. Pencemaran bunyi terhasil daripada aktiviti perlombongan seperti letupan jentera dan sebagainya
2. Pencemaran udara di sebabkan oleh habuk dan debu serta asap-asap jentera
3. Pencemaran air terjadi daripada sisa yang di hasilkan

**Jadual 5.25: Jumlah Tapak bagi Aktiviti Perlombongan yang Masih Aktif di Daerah Rompin**

| BIL | JENIS LOMBONG | MUKIM | LOKASI TAPAK | SYARIKAT LOMBONG | TEMPOH OPERASI | LUAS TAPAK (HEKTAR) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Biji besi dan mangan | Keratong | Sg. Ganoh | Lojing Mines Sdn. Bhd. | 26.07.2024 | 60.70 |
| 2 | Biji besi dan mangan | | Bukit Ibam | MAB Minerals Sdn Bhd | 6.07.2025 | 202.50 |
| 3 | Emas | | Hutan Simpan Bkt Ibam | HDL Global Sdn Bhd | 08.12.2025 | 187.00 |
| 4 | Bijih besi dan bijih timah | | Sg. Timun | Syarikat Ratna Pura Sdn Bhd | 16.03.2025 | 183.20 |
| 5 | Bijih besi dan mangan | | Sg. Mercung | Wira Semangat Sdn Bhd | 07.07.2025 | 40.00 |
| 6 | Bijih besi | | Sg. Jeram | Rising Sun Machinery Parts Sdn Bhd | 06.03.2024 | 122.05 |
| 7 | Bijih besi | | Bkt. Pesagi | IBAM Mining Sdn. Bhd. | 28.10.2024 | 81.0944 |
| 8 | Bijih besi / mangan | | Bkt. Cempamak | Vetill Minerals Sdn Bhd | 14.02.2024 | 400.00 |
| 9 | Bijih timah | | Sg. Timun | Syarikat Ratna Pura Sdn Bhd | 16.03.2025 | 115.30 |
| 10 | Bijih besi | | Sg. Jubau | DTN Resources Sdn Bhd | 20.10.2025 | 198.60 |
| 11 | Bijih besi | | Bukit Ibam | Esperance Mining Sdn Bhd | 07.03.2026 | 116.95 |
| 12 | Bijih besi | | Bkt. Pesagi | Rising Sun Mining Sdn. Bhd. | 12.10.2024 | 56.90 |
| 13 | Besi | | Sungai Cipai | - | | 40.48 |
| 14 | Timah | | Sungai Timun | - | 12.05.2024 | 6.097 |
| 15 | Timah | | Sungai Jubau | - | 12.09.2024 | 150.00 |
| 16 | Bijih besi | Pontian | Bkt. Garit | IBAM Mining Sdn. Bhd. | 28.10.2025 | 29.25 |
| 17 | Bijih besi | | Bkt. Garit | IBAM Mining Sdn. Bhd. | 28.10.2025 | 52.54 |
| 18 | Kaolin | | Sg. Serai | Sri Hisham Holdings Sdn Bhd | 23.02.2029 | 60.70 |
| 19 | Bijih besi | | Sg. Tebang Kepung | Lanchang Mining Sdn Bhd | 21.07.2024 | 80.87 |
| 20 | Bijih besi | | Bkt. Garit | IBAM Mining Sdn. Bhd. | 28.10.2025 | 52.54 |
| 21 | Besi | | Selendang | New World Hi Tech Mining Sdn Bhd. | 13.03.2026 | 7.666 |
| | | | | | **JUMLAH** | **2344.00** |

Nota : Jumlah aktiviti perlombongan ini adalah berdasarkan pengiraan tapak perlombongan.

*Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang, 2023*

STRATEGI

**T1S6**

**Memelihara, Memulihara Dan Mengekalkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)**

CADANGAN

**T1S6-C2**

# CADANGAN PENGURUSAN DAN PENGAWALAN PEMBANGUNAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

AGENDA

SDGs: 6 CLEAN WATER AND SANITATION, 14 LIFE BELOW WATER, 15 LIFE ON LAND

NUA: 04, 05, 06

KATEGORI

**UT**

**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pengurusan dan pemuliharaan kawasan KSAS dalam perancangan perlu dititikberatkan untuk mengelakkan sebarang risiko bencana seperti tanah runtuh dan banjir.
2. Pematuhan Pembangunan mengikut jenis dan tahap KSAS di semua peringkat pembangunan tanah.
3. KSAS Sektoral dan KSAS Bersepadu perlu dilihat sebagai ekosistem yang mempunyai fungsi penting untuk memelihara alam sekitar.
4. Bagi Daerah Rompin, KSAS telah diklasifikasikan mengikut kawasan yang mempunyai unsur fungsi dan nilai yang berkepentingan iaitu:
5. KSAS Bernilai Bencana
6. KSAS Bernilai Sokongan Hidup
7. KSAS Bernilai Khazanah dan Warisan

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Aset semula jadi yang berbeza sifat perlu disepadukan untuk tujuan perancangan dan kawalan pembangunan.
2. Pengekalan KSAS ini adalah perlu agar kawasan-kawasan ini terpelihara dan dilindungi.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Merancang guna tanah mengikut kesesuaian KSAS Tahap 1, 2, 3 dan luar KSAS serta disepadukan mengikut perancangan guna tanah keseluruhan Daerah Rompin.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Seluruh KSAS bagi Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin


**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Jabatan Alam Sekitar
3. Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang
4. Jabatan Perhutanan Negeri/Daerah Rompin
5. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang

| | 1. KSAS TAHAP 1 | 2. KSAS TAHAP 2 | 3. KSAS TAHAP 3 |
|---|---|---|---|
| | ➢ KSAS yang penting bagi pengekalan nilai warisan, nilai sokongan hidup dan tahap risiko bencana yang tinggi.<br>➢ Perubahan yang ketara akan memusnahkan kemampanan kawasan tersebut bagi mengekalkan fungsi utamanya. | ➢ Pengekalan KSAS Tahap 2 ini bagi mengawal keadaan pembangunan semasa yang berkepentingan daerah berteraskan intergriti dan peranan kawasan ini. | ➢ Pembangunan yang terkawal atau pembangunan yang berteraskan peranan kawasan ini dan pembangunan pada takat upaya tampungan yang masih boleh mempertahankan integritinya. |
| STRATEGI PENGURUSAN | ➢ Perlindungan<br>➢ Pemeliharaan<br>➢ Pemuliharaan | ➢ Pemeliharaan<br>➢ Pemuliharaan | ➢ Pemuliharaan<br>➢ Kawalan Berkala |
| KAEDAH PENGURUSAN | ➢ Pembangunan yang ketara termasuk pertanian dan pembalakan tidak dibenarkan sama sekali kecuali aktiviti penyelidikan dan pembelajaran yang berimpak rendah sahaja. | ➢ Hanya pembangunan dan aktiviti berimpak rendah dibenarkan tanpa perubahan nyata pada guna tanah utama<br>➢ Permohonan pembangunan perlu menyediakan Laporan pemetaan geologi bagi menunjukkan bahawa pembangunan tersebut berimpak rendah melalui kajian EIA, SIA, TIA dan lain-lain. | ➢ Pembangunan terkawal dibenarkan dengan syarat yang ketat. Jenis kepadatan pembangunan pembangunan perlu dikawal tertakluk kepada keadaan tapak.<br>➢ Segala permohonan di tapak perlu disertakan dengan EIA sebelum pembangunan dan menunjukkan kepada Garis Panduan KSAS. |

**Jadual 5.26: Cadangan Strategi Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)**

| TAHAP KESENSITIFAN | STRATEGI PENGURUSAN | LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN |
|---|---|---|
| **Kesensitifan Tinggi (Tahap 1)** | • **Perlindungan**<br>• **Pemeliharaan**<br>• **Pemuliharaan** | • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat.<br>• Bagi kawasan ini, semua jenis pembangunan termasuk pertanian dan pembalakan tidak dibenarkan kecuali aktiviti penyelidikan dan lawatan.<br>• Langkah pengurusan yang lebih terperinci perlu dijalankan sekiranya kawasan pelancongan dibangunkan. |
| **Kesensitifan Sederhana (Tahap 2)** | • **Pemeliharaan**<br>• **Pemuliharaan** | • Hanya pembangunan dan aktiviti berimpak rendah dibenarkan tanpa perubahan nyata pada guna tanah utama.<br>• Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat.<br>• Termasuk kemudahan sementara, pembalakan dan kemudahan pelancongan yang berimpak rendah.<br>• Permohonan pembangunan harus menunjukkan bahawa pembangunan adalah berimpak rendah melalui kajian EIA, ES, SIA. dan lain-lain. |
| **Kesensitifan Rendah (Tahap 3)** | • **Pemuliharaan**<br>• **Pembangunan Terkawal** | • Cadangan projek-projek infrastruktur yang bersifat berkepentingan negara dibenarkan dengan syarat.<br>• Pembangunan secara terkawal dibenarkan dengan syarat-syarat yang ketat. Jenis dan kepadatan pembangunan perlu dikawal tertakluk kepada keadaan tapak.<br>• Segala permohonan pembangunan di kawasan tahap 3 harus disertakan dengan EIA atau ES dalam LCP dan menunjukkan pematuhan kepada Garis Panduan. |




**Jadual 5.27: Kategori Tahap KSAS bagi Daerah Rompin**

| KSAS BERSEPADU | KSAS SEKTORAL | KSAS | | |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP 1 | TAHAP 2 | TAHAP 3 |
| KSAS RISIKO BENCANA | Ketinggian dan Kecerunan | Kawasan Tanah Tinggi melebihi 1000 meter Gunung Kajang (1038m) | Kawasan tanah tinggi (300 - 1,000 meter), Bukit Seperuk, Bukit Kerayong Pulai, Bukit Parang Panjang, CO 6 | Tanah bukit (150 – 300 meter) Batu Sirau, Nenek Si Mukut, Bukit Gandang , Bukit Tanjung Temiang |
| | | Kawasan Kecerunan Melebihi 35 Darjah (Keperluan JMG) | Kawasan Kecerunan 12-34 Darjah (Keperluan JMG) | Kawasan kecerunan < 12 darjah |
| | Kawasan Tadahan dan Sumber Air Tanah | Empangan Sg. Pontian, Empangan Endau, HS Sg. Pukin, HS Lesong, | Sg. Gadak, Sg. Keratong | Telaga (*Tube well*) |
| | Tanah Lembap,Tanih Lembut, Bekas Lombong, Tasik dan Sungai | Hutan Paya Laut Pontian, Tasik Empangan Sg. Pontian, Tasik Empangan Endau | Tasik Hijau Bukit Ibam, Tasik Biru Bukit Ibam, rizab sungai | Kawasan endapan alluvium, Tasik Cermin, Sepanjang koridor sungai |
| | Sumber Mineral | - | Zon penampan 50 meter di kawasan perlombongan | 20 kawasan perlombongan |
| | Kawasan Berisiko Banjir | - | 39 lokasi kawasan berisiko banjir (Berdasarkan input-sektoral pengurusan risiko banjir dan infrastruktur) | - |
| | Persisiran Pantai, Pulau-Pulau dan Taman Laut | Gugusan Pulau Tioman (Pulau Seri Buat, Pulau Cebeh, Pulau Sembilang, Pulau Gut, Pulau Tokong Bahara, Pulau Sepoi, Pulau Labas, Pulau Tulai, Pulau Tokong Burung Besar, Pulau Tokong Burung Condong, Pulau Tokong Burung Tengah, Pulau Layak, Pulau Soyak, Pulau Rengis, Pulau Tunas, Pulau Tengah Pulau Tumok, Pulau Tasu, Pulau Raja, Pulau Acheh, Batu Malang) | Taman Laut Pulau Tioman (Pulau Seri Buat, Pulau Cebeh, Pulau Sembilang, Pulau Gut, Pulau Tokong Bahara, Pulau Sepoi, Pulau Labas, Pulau Tulai) | • Persisiran 5 batu nautika ke laut<br>• Kawasan 5 km ke daratan dari garis pantai (Berdasarkan input-sektoral pengurusan risiko banjir) |
| KSAS BERNILAI WARISAN | Warisan Semula Jadi | - | - | Taman Eko Rimba Menchali, Bukit Kerayong Kecil, Bukit Nenek Semukut, Batu Dinding, Air Jeram Leleh Bukit Ibam, Air Terjun Asah, Air Terjun Harimau, Air Terjun Padang Batu, Air Terjun Jaang |
| KSAS BERNILAI SOKONGAN HIDUP | Kawasan Bekalan Makanan | - | Tanaman padi kawasan Felda Selendang, Ladang Nanas Bersepadu Rompin | Muadzam Shah Cattle Research and Innovation (MSCRIC) |
| | Hutan Simpanan Kekal dan Rizab Hidupan Liar | - | Semua kawasan hutan perlindungan telah diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)<br><br>CFS : C-PL3 (CFS-PL2) : HS Lesong – HS Resak, C-PL4 (CFS-PL4) : HS Bukit Ibam- HS Sungai Merong & HS Sungai Lesong, C-PL5 (CFS-PL5) : HS Bukit Ibam (Rompin) – HS Kedondong, HS Pekan dan HS Nenasi, Taman Negeri Rompin | Kawasan 500m penampan dari KSAS Tahap 2, HS negeri dan kawasan berhutan |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

## Rajah 5.20 : Pelan Cadangan Pengurusan dan Pengawalan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Luar KSAS
- Kawasan risiko banjir

**LAIN-LAIN**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



STRATEGI

**T1S6**

**Memelihara, Memulihara Dan Mengekalkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)**

CADANGAN

**T1S6-C3**

# CADANGAN PEWARTAAN DAN PENGURUSAN GEOTAPAK DAERAH ROMPIN SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN

AGENDA

SDGs 15 LIFE ON LAND | NUA 05

KATEGORI

**UT**

**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Melalui dapatan analisis, terdapat enam (6) lokasi berpotensi geotapak yang telah dijalankan kajian lapangan oleh pihak agensi Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang.
2. Cadangan ini adalah untuk menyelaras, merancang, mengurus dan memajukan kawasan tapak geologi di Daerah Rompin

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Keistimewaan geotapak di Daerah Rompin dikuatkan dengan kewujudan geotapak yang bernilai tinggi dari aspek batuan, mineral, struktur, fosil dan monumen geologi.
2. Memelihara tapak warisan geologi Daerah Rompin bagi mengelakkan eksploitasi batuan secara haram dan tidak berlesen
3. Memastikan langkah pemuliharaan tapak warisan dapat dipertingkatkan lagi melalui pengukuhan akta atau perundangan, penguatkuasaan, pendidikan dan penyelidikan
4. Memantau pembangunan dan pelaksanaan projek-projek berkaitan pelancongan geo.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Menyediakan Pelan Pengurusan Geopark yang mencadangkan sistem governans serta kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengurusan Geopark di Daerah Rompin.
2. Mewujudkan badan atau jabatan yang menguruskan Geopark yang berfungsi untuk memulihara kawasan warisan geologi (geotapak).
3. Pemantauan tapak dan geotapak
4. Menyediakan pemasangan papan tanda informasi di lokasi geotapak.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. 6 lokasi berpotensi sebagai geotapak

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Perbadanan Taman Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Perbadanan Taman Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Perbadanan Taman Negeri Pahang

**Jadual 5.28: Lokasi Berpotensi Sebagai Geotapak**

| LOKASI | MUKIM | TARIKAN |
|---|---|---|
| Air Terjun Seri Mahkota | Endau | Geologinya terdiri daripada batuan volkanik berusia 260 juta tahun dan batuan sedimen berusia 150 juta tahun:<br>• Air terjun terbentuk di sempadan batuan volkanik (bahagian bawah) dan batuan sedimen (bahagian atas)<br>• Mempunyai pemandangan air terjun yang cantik dengan struktur air terjun bertangga yang menarik |
| Padang Tujuh, Taman Negeri Rompin | Endau | Geologinya terdiri daripada batuan sedimen berusia 150 juta tahun<br>• Puncak bukit yang rata kerana lapisan batuan sedimennya berkemiringan landai<br>• Mempunyai hutan puncak bukit yang menarik dengan tumbuh-tumbuhan yang unik |
| Batu Dinding, Taman Negeri Rompin | Endau | Geologinya terdiri daripada batuan volkanik berusia 260 juta tahun<br>• Merupakan singkapan batuan yang lurus dan menegak sepanjang 200 meter menghasilkan pemandangan yang unik dan menarik<br>• Terbentuk pada satah sesar yang dikenali sebagai Sesar Kincin |
| Bukit Nenek Semukut, Pulau Tioman | Tioman | Mempunyai dua puncak kelihatan seperti tanduk naga yang menjadi mercu tanda Tioman<br>• Geologinya terdiri daripada batuan granit berusia sekitar 200 juta tahun<br>• Pembentukannya dikawal oleh struktur kekar dalam batuan granit |
| Air Terjun Asah, Pulau Tioman | Tioman | Geologinya terdiri daripada batuan volkanik berusia 280 juta tahun dan batuan granit berusia 200 juta tahun<br>• Terdapat kolam air terjun berbentuk segiempat tepat dipengaruhi oleh struktur satah sesar dalam batuan volkanik |
| Pulau Berbatu Bongkah, Tioman | Tioman | Terdiri daripada Pulau Soyak, Pulau Jahat, Pulau Renggis dan Pulau Tumuk<br>• Terbentuk hasil proses geologi seperti lulu hawa serta hakisan yang membentuk bongkah batuan dan tindakan arus/ombak yang membentuk pulau bongkah |

*Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang, 2023*







Draf Akhir

**PELAN PENGURUSAN LANGKAWI GEOPARK 2012-2030**




*MENGHIDUPKAN MASA SILAM UNTUK MASA DEPAN*

*"Making the Past Present for the Future"*

**PELAN TINDAKAN**




## KOMPONEN PEMBANGUNAN GEOPARK ROMPIN

| KOMPONEN FIZIKAL | KOMPONEN PEMBANGUNAN | KOMPONEN PENGURUSAN |
|---|---|---|
| Elemen-elemen yang merangkumi sumber geologi dan arkeologi. | Aktiviti pemuliharaan dan pembangunan tapak warisan semula jadi serta pembangunan prasarana di tapak warisan, sosioekonomi secara lestari, dan insaniah melalui pendidikan. | Penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam pengurusan kewangan dan pembangunan infrastruktur. |

## LANGKAH- LANGKAH PENGIKTIRAFAN GEOPARK

**01 Menilai kesesuaian tapak sebagai geotapak**
- Pengenalpastian geotapak bernilai kebangsaan.
- Penetapan kawasan untuk pemuliharaan, penempatan dan pelancongan.

**02 Membentuk Jawatankuasa Promosi**
- Promosi kepada pihak berkepentingan dan pengenalpastian *local champion*.
- Penubuhan Jawatankuasa promosi peringkat negeri.

**03 Maklumat Penyediaan *Dossier***
- Pengumpulan maklumat geotapak.
- Penyediaan dossier mengikut kriteria *dossier geopark* kebangsaan.


**04 Membangunkan Prasarana Asas**
- Prasarana pendidikan (papan tanda, pusat maklumat bagi geotapak terpilih).
- Mengemaskini prasarana pelancongan dan komuniti.

**05 Penganjuran Aktiviti Kesedaran Awam dan Pendidikan**
- Program kesedaran awam untuk pihak berkepentingan.
- Kesedaran awam dan pendidikan untuk komuniti tentang geopark dan penjagaan alam sekitar.


**06 Menghantar Permohonan**
- Permohonan bersama *Dossier* melalui Jawatankuasa. Pelaksana *Geopark* Kebangsaan.
- Penilaian kendiri *geopark*.

**07 Penilaian Geopark**
- Penilaian geopark oleh pakar.
- Rumusan penilaian Geopark.

**08 Perakuan Geopark Kebangsaan**
- Kelulusan daripada pihak Jawatankuasa *Geopark* Kebangsaan.
- Rumusan dan cadangan daripada Jawatankuasa Geopark Kebangsaan.



Singkapan Batuan Sedimen Di Bahagian Atas Air Terjun Seri Mahkota, Taman Negeri Endau Rompin



Sesar Kincin Membentuk Singkapan Batuan Menegak Dan Lurus Di Batu Dinding, Taman Negeri Rompin



Dua Puncak Bukit Batuan Granit Di Bukit Nenek Semukut, Pulau Tioman



Struktur Satah Sesar Pada Batuan Granit Mempengaruhi Pembentukan Kolam Air Terjun Berbentuk Segiempat Tepat Di Air Terjun Asah, Pulau Tioman

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S7 | T1S7-C1 | SDGs 14 LIFE BELOW WATER, NUA 03 | UT (UTAMA) |

**Memperkukuhkan Aspek Keselamatan Maritim Di Daerah Rompin Dengan Lebih Sistemaik**

# CADANGAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN SEMPADAN SECARA BERTERUSAN BAGI MENGATASI MASALAH PENCEROBOHAN

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Menurut pihak APMM, sempadan Zon Maritim Malaysia (ZMM) merupakan satu potensi sebagai sempadan keselamatan perairan khususnya di Dearah Maritim (DM8). Keberkesanan dalam pengawalan perairan sempadan ZMM dapat memastikan keselamatan perairan terjamin.
2. Walaubagaimanapun, terdapat rekod pencerobohan perairan daripada nelayan asing tanpa sebarang dokumen perjalanan dan permit kebenaran yang sah merentasi sempadan ZMM dan ditangkap oleh pihak APMM.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Cadangan ini bagi memantau dan memastikan tiada gangguan atau ancaman dari nelayan asing tanpa kebenaran.
2. Memastikan sempadan negara sentiasa terkawal dengan selamat.
3. Mengelakkan sebarang pencerobohan laut oleh pihak tidak bertanggungjawab.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berdasarkan daripada Dasar Keselamatan Negara, terdapat beberapa komponen utama yang penting bagi menjamin keselamatan perairan iaitu:

- **A** Pengenalan Cadangan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA)
- **B** Aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia
- **C** Mengawasi kawasan perairan daripada penceroboh
- **D** Program kesedaran dan keselamatan di laut

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Zon Maritim Malaysia (ZMM), Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

**D. Agensi Pemantau**

1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

**E. Agensi Pelaksana**

1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
2. Zon Maritim Rompin

## A Pengenalan Cadangan Radar Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA)

Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) adalah satu sistem yang diwujudkan bagi pengawasan keselamatan ke atas perairan maritim. SWASLA melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisis dan menyalur aktiviti maritim melalui *Remote Sensor Site (RSS)*. SWASLA memainkan peranan penting di dalam membantu APMM menguatkuasa dan mengawal keselamatan di ZMM. SWASLA yang berfungsi sebagai sistem rangkaian radar 24 jam digunakan bagi mengawasi semua jenis pergerakan bot atau kapal mencurigakan, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), penyeludupan dadah dan rokok serta melabuhkan kapal di lokasi yang tidak dibenarkan.

### CADANGAN REMOTE SENSOR SITE (RSS)

1. Peletakan *remote sensor site (RSS)* di kawasan Pulau Tioman bagi pemantauan pencerobohan pelayaran asing oleh bahagian SWASLA di Pulau Tioman.

    - Menjadi pengawasan jarak jauh (radius pemantauan lebih kurang 30 - 60 batu nautika (bn) mengikut ketinggian pencawang.
    - Menganalisis aktiviti pencerobonan
    - Membantu menyelaraskan operasi




Sesi Perbincangan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA)


Contoh Radar Remote Sensor Site (RSS)

## B Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia

Pihak APMM meningkatkan rondaan di sempadan perairan negara terutama perairan Pahang. APMM komited mengekalkan keselamatan daripada ancaman dengan mengambil tindakan tegas dan terancang bagi memastikan keselamatan perairan negara serta kesejahteraan rakyat terjaga.

**Lokasi Cadangan Zon Maritim Malaysia**




### Cadangan Aspek Kawalan dan Keselamatan

1. **Kawalan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasa**
   - Pihak APMM mewujudkan pasukan khas untuk memantau pergerakan keluar masuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)
   - Operasi khas yang dijalankan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
2. **Mempergiatkan rondaan di lokasi 'hotspot' bagi membanteras golongan PATI**
   - Meningkatkan rondaan di lokasi tumpuan terutama di perairan yang mempunyai sumber laut yang banyak.
3. **Mengekalkan pelaksanaan tapisan awal keselamatan** kepada semua PATI terutama yang datang ke Malaysia dan mempunyai rekod jenayah atau risiko keganasan.
4. Pengoperasian **kapal peronda luar pesisir (OPV)** di sempadan/jarak jauh lebih dari 70 bn ke sempadan
   - Kapal bersaiz lebih besar mampu beroperasi lebih lama di laut

## C Mengawasi Kawsan Perairan Daripada Penceroboh

Pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia turut mengesan pencerobohan nelayan asing yang semakin berani. Antara tindakan yang boleh diambil bagi menangani isu ni adalah:

1. Pelaksanaan perundangan akta-akta maritim bagi mewujudkan keseragaman pelaksanaan secara kolektif demi mengatasi situasi kawasan berpotensi diceroboh
2. Kolaborasi antara agensi terlibat dalam aspek penguatkuasaan dan yang membabitkan keselarasan penguatkuasaan
3. Mengamalkan prinsip kerahsiaan dan sentiasa peka terhadap persekitaran semasa
4. Merampas bot nelayan asing dan hasil laut yang diperolehi secara haram

## D Program Kesedaran Dan Keselamatan di Laut

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Pahang mengadakan program Kesedaran keselamatan di laut dalam usaha menjelaskan isu-isu keselamatan dan undang-undang di laut kepada komuniti nelayan. Antara pengisian program seperti taklimat kesedaran keselamatan di laut dan sesi soal jawab bersama komuniti nelayan, serta pameran Maritim Negeri Pahang juga diadakan bagi meraikan Bulan Keselamatan Negara 2019. Program ini perlu disertai oleh persatuan nelayan kawasan Pekan.

### Tujuan Program Kesedaran Keselamatan di Laut

1. Memupuk kesedaran tentang kepentingan keselamatan semasa berada di laut
2. Memberi penerangan berkaitan operasi mencari dan menyelamat yang dilakukan oleh Maritim Malaysia
3. Peluang untuk sama-sama berinteraksi secara langsung dalam usaha menangani isu-isu keselamatan dan menyalurkan maklumat sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang di perairan
4. Menjadikan nelayan sebagai mata dan telinga untuk menyalurkan maklumat dan aduan




Sesi Pameran dan Sembang Santai dari Antara Pihak APMM dan Nelayan

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S7 Memperkukuhkan Aspek Keselamatan Maritim Di Daerah Rompin Dengan Lebih Sistemaik | T1S7-C2 CADANGAN MEMPERTINGKATKAN KESIAPSIAGAAN ASET DAN INFRASTRUKTUR MARITIM | SDGs 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; NUA 02 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

APMM merupakan Agensi Penguatkuasaan yang mempunyai hampir kesemua aset-aset pengoperasian melibatkan kapal dan bot. Sehingga kini jumlah aset kapal adalah sebanyak 70 buah kapal dan bot sebanyak 197 buah. Bahagian Kejuruteraan bertanggungjawab untuk memastikan kesemua aset ini dijaga, dirawat dan dipantau secara teratur bagi memastikan tahap kesiapsiagaan aset yang optimum.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Meningkatkan tahap mengawasi dan kecekapan sempadan ZMM.
2. Meningkatkan tahap ketersediaan anggota dalam menghadapi operasi dalam memastikan aset pengoperasian dapat digunakan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat beberapa komponen utama yang penting dalam mempertingkatkan kesiapsiagaan aset dan infrastruktur maritim iaitu:

**A** Meningkatkan penyelenggaraan aset maritim sedia ada secara berkala

**B** Memperhebat usaha perolehan aset-aset baharu

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

**D. Agensi Pemantau**

1. Zon Maritim Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
2. Zon Maritim Rompin

## A Meningkatkan Penyelenggaraan Aset Maritim Sedia Ada Secara Berkala

1. Kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan secukupnya bagi tujuan penaiktarafan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Sebanyak RM 485 juta yang diperuntukkan menerusi bajet 2023 kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi menyelenggara kapal dan bot.

**Ini kerana,**

- Kebanyakan aset telah berusia dan usang
- Kawasan operasi yang luas
- Peralatan sokongan operasi yang terhad

**Hasil daripada kekangan ini memberi implikasi terhadap perancangan APMM dalam menyelesaikan isu-isu strategik di ZMM seperti berikut:**

- Kemasukan kapal penguatkuasa asing
- Aktiviti jenayah rentas sempadan seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan migran dan barang terlarang

2. Mendalamkan alur laluan kapal & bot di kawasan Sungai Endau serta pembinaan *break water*

**Tujuan Penyelenggaraan Aset Maritim Secara Berkala:**

1. Memastikan aset berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan
2. Memelihara dan memanjangkan jangka hayat serta meningkatkan keupayaan dan mengurangkan kerosakan
3. Dapat menjamin keselamatan dan operasi yang lebih lancer

## B Memperhebat Usaha Perolehan Aset-aset Baharu

1. APMM melaksanakan pelan penggantian dan perolehan kapal baru untuk menggantikan kapal yang telah usang dan berusia untuk memperkukuh tahap keselamatan ekonomi maritim dan kedaulatan negara bagi mengelakkan pencerobohan di kawasan maritim.
2. Keperluan kawasan bagi pembinaan pejabat & jeti Pusat Tahanan Vesel (PTV)

STRATEGI

**T1S8**

**Pembangunan Yang Sistematik Bagi Industri Berasaskan Perikanan Dan Hasil Laut**

CADANGAN

**T1S8-C1**

# CADANGAN ZON MARITIM DAN PERIKANAN

AGENDA

SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

NUA 01

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Lokasinya yang strategik di persisiran Sungai Endau dapat meningkatkan ekonomi Daerah Rompin dan akan tertumpu kepada perindustrian berasaskan hasil laut
2. Industri di Teluk Gading terdiri daripada industri kecil dan sederhana selaras dengan Garis Panduan Perletakan dan Pengezonan Industri

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pembangunan kawasan industri marin dan perikanan secara lebih ekonomi, terancang, selamat dan berdaya maju.
2. Memudahkan MDR mengawal dan mengurus tadbir zon industri.
3. Mengawal projek / aktiviti industri yang berpotensi mendatangkan pencemaran kepada kawasan sekitar

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Zon maritim dan perikanan dilaksanakan dalam menggalakkan pembangunan sistematik bagi industri berteraskan maritim dan hasil laut. Potensi industri maritim dan hasil laut perlu dikukuhkan bagi menyokong pembangunan Teluk Gading.

- **A** Zon Maritim dan Perikanan Hendaklah Dilengkapi dengan Kemudahan Selaras dan Garis Panduan Industri
- **B** Penstrukturan Semula Jeti-jeti di Sepanjang Sungai Endau
- **C** Pemantauan dan Penguatkuasaan dari Pihak LKIM/MDR bagi Mengawal Aktiviti Pengeksportan yang Tidak Berdaftar
- **D** Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Hasil Laut di Rompin
- **E** Cadangan Penyediaan Zon Asrama bagi Pekerja Warga Asing Secara Berpusat

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Persisiran Sungai Endau (Teluk Gading)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- ✓ **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**


1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
3. PihakSwasta

## A Zon Maritim dan Perikanan Hendaklah Dilengkapi dengan Kemudahan Selaras dan Garis Panduan Industri

Zon maritim dan perikanan di Teluk Gading berfokuskan kepada industri import dan eksport dan penyimpanan stok barang. Zon industri hendaklah mempunyai akses yang baik dan menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan bagi memberi keselesaan kepada pekerja. Komponen cadangan zon maritim dan perikanan di Teluk Gading perlu dilengkapi dengan kemudahan dan infrastruktur yang khususnya:

i. Pusat Pengumpulan hasil laut
ii. Terminal Feri dan Bot
iii. Ruang penyimpanan depot kosong
iv. Kemudahan perkhidmatan Industri Perkhidmatan
v. Industri Pembuatan (memperbaiki bot dan membuat kapal baru)
vi. Industri Perkapalan dan Perikanan
vii. Asrama Pekerja

**Rajah 5.21 : Pelan Lokasi Cadangan Pengezonan Maritim dan Perikanan**






**Ilustrasi Cadangan Zon Maritim dan Perikanan**

## B Penstrukturan Semula Jeti-jeti di Sepanjang Sungai Endau

Struktur jeti sedia ada yang padat dan tidak tersusun merupakan faktor utama wujudnya keperluan pemutihan dan penyusunan semula jeti-jeti di Teluk Gading. Hal ini juga memberi gambaran imej yang kurang menarik kepada kawasan pinggiran Sungai Endau yang merupakan salah satu gerbang utama dalam pembangunan pelancongan di Daerah Rompin.

**Objektif penstrukturan semula jeti**

i. Penyusunan jeti yang lebih teratur
ii. Jeti mengikut piawaian Majlis Daerah Rompin yang lebih selamat
iii. Penyediaan infrastruktur seperti stor penyimpanan dan sebagainya untuk kemudahan nelayan

**Jadual 5.29: Bilangan Bot Berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan LKIM bagi kawasan Teluk Gading**

| BIL | KAWASAN | ZON A | | ZON B | ZON C | ZON C2+C3 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | ENJIN DALAM | ENJIN SANGKUT | - | - | - | |
| 1 | Teluk Gading | 23 | 56 | 37 | 159 | 73 | **348** |

Terdapat 4 jenis jeti yang perlu disediakan bagi menampung sejumlah 348 bot/vessel. Selain daripada itu, bagi kapal nelayan yang kecil, akan disediakan jeti nelayan berpusat dengan pelbagai kelengkapan seperti:

i. Peti penyejuk bagi penyimpanan ikan
ii. Tempat mengisi minyak
iii. Stor penyimpanan pukat dan bubu
iv. Tempat membaiki bot dan pukat / bubu





Gambaran Cadangan Penstrukturan Semula Jeti di Persisiran Mersing

## C Pemantauan dan Penguatkuasaan dari Pihak LKIM/MDR bagi Mengawal Aktiviti Pengeksportan yang Tidak Berdaftar

Cadangan ini bagi memastikan setiap pengusaha perlu mendaftar bagi tujuan aktiviti pengeksportan hasil perikanan supaya tidak menimbulkan sebarang masalah. Memberi kesedaran kepada pengusaha jeti kesan aktiviti pengeksportan tanpa mendapat kebenaran daripada pihak LKIM. Komponen yang mempengaruhi kepada cadangan ini:


1. Siasatan bagi jeti yang tidak mempunyai lesen pengeksportan tetapi menjalankan aktiviti mengeksport.
2. Pemantauan dan penguatkuasaan berkala terhadap jeti yang melakukan aktiviti pengeksportan secara terbuka.
3. Perbincangan bersama pengusaha jeti sebab-sebab tidak berdaftar aktiviti pengeksportan dengan pihak LKIM.

**Rajah 5.22 : Pelan Lokasi Industri Sedia Ada Yang Tidak Berdaftar**




| | NAMA PENGUSAHA JETI |
|---|---|
| 1 | **Prospect Dockyard Sdn Bhd Hun Sen Trading** |
| | **Hun Sen Trading** |
| 2 | **Syarikat Lian Hup Fishery Sdn Bhd** |
| 3 | **S&L Synergy Sdn Bhd** |
| 4 | **Haji Idrus Bin Mohd Ali** |
| 5 | **Mayfresh Frozen Sea Product Sdn Bhd** |
| 6 | **Dato' Haji Md. Rusli Bin Haji Ismail** |
| 7 | **Wen Bao Fishery Sdn Bhd Lim** |
| | **Lim Family Fishery Trading** |
| 8 | **Anzeco Ocean Sdn Bhd** |
| 9 | **Perikanan Hap Haut Sdn Bhd** |

**Rajah 5.23 : Pelan Cadangan "Street Art" Kuala Rompin**




**NAMA PENGUSAHA JETI**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | Prospect Dockyard Sdn Bhd Hun Sen Trading | 12 | Mayfresh Frozen Sea Product Sdn Bhd |
| | Hun Sen Trading | 13 | Dato' Haji Md. Rusli Bin Haji Ismail |
| 2 | Timurikan Trengganu Sdn Bhd | 14 | Wen Bao Fishery Sdn Bhd Lim |
| 3 | Timurikan Trengganu Sdn Bhd | | Lim Family Fishery Trading |
| 4 | Timurikan Trengganu Sdn Bhd | 15 | Rompin Fishery Trading Sdn Bhd |
| 5 | Seng Fu Trading Sdn Bhd | 16 | Rompin Fishery Trading Sdn Bhd |
| 6 | Atong Fishing Sdn Bhd | 17 | Anzeco Ocean Sdn Bhd |
| 7 | Atong Fishing Sdn Bhd | 18 | Timurikan Trengganu Sdn Bhd |
| 8 | Syarikat Lian Hup Fishery Sdn Bhd | 19 | Timurikan Trengganu Sdn Bhd |
| 9 | S&L Synergy Sdn Bhd | 20 | Perikanan Hap Haut Sdn Bhd |
| 10 | Haji Idrus Bin Mohd Ali | 21 | Persatuan Nelayan Kawasan Rompin |
| 11 | Choon Huat Fish Dealer | | Agrotimur Fishery Sdn Bhd |

## D Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Hasil Laut di Rompin

Daerah Rompin memerlukan cadangan sebuah kilang pemprosesan hasil laut yang dijadikan sebagai produk makanan berasaskan sumber laut. Hal ini kerana, banyak pengeluar IKS mengambil sumber laut yang telah diproses di QL Marine Endau untuk dipasarkan. Oleh sebab itu, cadangan pusat pemprosesan ini perlu diwujudkan.

Antara komponen yang dicadangkan bagi pusat pengumpulan dan pemprosesan ini ialah:

i. Menyediakan kemudahan infrastruktur perikanan moden dan bersepadu (pendaratan pengendalian, penyimpanan, pemprosesan dan pemasaran ikan)
ii. Tempat letak kenderaan
iii. Pejabat pengurusan
iv. Pusat pengumpulan hasil laut
v. Restoran dan gerai-gerai urusniaga borong dan runcit ikan segar

**INFO CADANGAN**

**Lokasi & Keluasan Tapak**


**Lokasi**
Tanah Kosong berdekatan Jeti Perikanan Teluk Gading

**Keluasan**
3.799 hektar

**Rajah 5.24: Pelan Lokasi Pusat Pengumpulan Dan Pemprosesan Hasil Laut**




Cadangan ini merupakan pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil laut yang akan dibina di lot tanah kosong (semak samun) berhampiran dengan kawasan jeti perikanan Teluk Gading. Cadangan ini merupakan kilang sesebuah (industri ringan). Rajah 6.1 menunjukkan keratan rentas pembinaan kilang sesebuah.




*Sumber : Garis Panduan Perancangan Perindustrian, PLANMalaysia, 2019*

## E Cadangan Penyediaan Zon Asrama bagi Pekerja Warga Asing Secara Berpusat

Keadaan semasa sektor perikanan di kawasan Teluk Gading menunjukkan nelayan yang menjalankan aktiviti perikanan majoritinya terdiri daripada nelayan warga asing iaitu sebanyak 1310 orang (54.50%) daripada keseluruhan sebanyak 2404 orang nelayan. Penyediaan asrama pekerja diperlukan bagi industri yang mempunyai 30% pekerja asing dari keseluruhan pekerja.

Antara komponen yang dicadangkan bagi penyediaan asrama pekerja ialah:

i. Asrama pekerja mengikut garis panduan perancangan
ii. Kemudahan yang perlu disediakan seperti asrama pekerja, kemudahan Masyarakat & rekreasi dan perniagaan

Berikut adalah garis panduan yang perlu dipatuhi bagi penyediaan asrama pekerja:

| PERKARA | PIAWAIAN PERANCANGAN |
|---|---|
| ZON DIBENARKAN | • Zon Perniagaan dan Industri (Hanya dibenarkan di industri ringan dan sederhana). |
| KELUASAN | • Minima 2 ekar untuk 5,000 penduduk |
| KETINGGIAN BANGUNAN | • Tertakluk kepada ketinggian yang telah diluluskan oleh MDR |
| REKA BENTUK BANGUNAN | • Reka bentuk bersifat mesra alam<br>• Menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan tidak mudah terbakar serta mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MDR |
| SAIZ RUANG LANTAI | • 800 kaki persegi / unit (minima) |
| LAIN-LAIN | • Pemaju dikehendaki untuk menyediakan sekurang – kurangnya 4.0 meter persegi GFA setiap pekerja untuk ruang legar<br>• Memastikan merangkumi kemudahan asas seperti ruang dapur dan tandas bagi tujuan meningkatkan taraf kehidupan asrama dan membantu mengurangkan isu ameniti. |

*Sumber : Garis Panduan Perancangan Perumahan Pekerja Asing, PLANMalaysia, 2019*

Komponen utama yang perlu disediakan di dalam cadangan penyediaan asrama pekerja di tapak cadangan baharu adalah seperti berikut:

**ASRAMA**

- Domitori – konsep hostel
- Saiz bangunan (biasa) : 25 kaki x 160 kaki
- Anjakan bangunan : 25 kaki
- Kapasiti penghuni : 500 orang/blok biasa
- Jenis bangunan – rumah pangsa 5 tingkat

**KEMUDAHAN MASYARAKAT**

- Surau
- Dewan Makan
- Padang Bola

**PERNIAGAAN**

- Mini Market
- Restoren/Gerai makan
- Dobi

STRATEGI

**T1S8**

**Pembangunan Yang Sistematik Bagi Industri Berasaskan Perikanan Dan Hasil Laut**

CADANGAN

**T1S8-C2**

## CADANGAN MEWUJUDKAN PUSAT IKS BAGI PEMASARAN PRODUK DAN MAKANAN HASIL LAUT

AGENDA

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Memfokuskan kepada pemasaran produk-produk hasil laut seperti keropok lekor, keropok ikan, belacan, kerepek dan lain-lain.
2. Pemusatan aktiviti Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memandang Daerah Rompin tiada kawasan khas pemasaran IKS.
3. Dapat menggalakkan penduduk tempatan menjana pendapatan dengan mengusahakan produk IKS dan membuka peluang pekerjaan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menjadikan kawasan IKS sebagai salah satu tarikan tempat persinggahan kepada pelancong.
2. Memberikan galakan dan kursus pengendalian keusahawanan kepada pengusaha – pengusaha bumiputera.
3. Menyediakan peruntukan pembelian mesin dan teknologi tekini yang diperlukan bagi melipatgandakan produk pengeluaran makanan tempatan

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Antara komponen yang dicadangkan bagi pusat IKS ialah:

i. Pusat IKS
ii. Peralatan pemprosesan dan pembungkusan produk
iii. Pelabelan produk
iv. Pemasaran produk IKS

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

Tapak Cadangan sedia ada di Teluk Gading (0.5811 hektar)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)


**D. Agensi Pemantau**

1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Swasta
2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**Rajah 5.25: Pelan Lokasi Tapak IKS**







**Contoh Gambaran Produk IKS**

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S8<br>Pembangunan Yang Sistematik Bagi Industri Berasaskan Perikanan Dan Hasil Laut | T1S8-C3<br>CADANGAN MENINGKATKAN KEMUDAHAN PENDARATAN IKAN DAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN PEMASARAN DI JETI KUALA PONTIAN | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH, 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; NUA 01 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Infrastruktur jeti yang telah usang dan tidak dapat digunakan dengan baik bagi tujuan pendaratan ikan kerana tidak selamat digunakan akibat fenomena air pasang dan ombak besar.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Cadangan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan kawasan jeti.
2. Cadangan menaik taraf pusat jualan bagi aktiviti jual beli antara nelayan dengan penduduk.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen pembangunan kemudahan pendaratan ikan dan menaik taraf yang dicadangkan ialah:

i. Bengkel membaiki sampan/bot kecil
ii. Bengkel membaiki pukat
iii. Pasar ikan segar

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**Lokasi**
Jeti Kuala Pontian

**B. Fasa Pelaksanaan**

- SEGERA (2025)
- ☑ PENDEK (2026 - 2030)
- SEDERHANA (2031 - 2035)
- JANGKA PANJANG

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)


**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perikanan Malaysia

**E. Agensi Pelaksana**

1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**Rajah 5.26 : Pelan Lokasi Jeti Kuala Pontian**








Menaik taraf Kemudahan Pemasaran Hasil Perikanan di Jeti Kuala Pontian



Cadangan Bengkel Membaiki Pukat dan Bot Nelayan




Menaik taraf Pasar Ikan Segar di Jeti Kuala Pontian

STRATEGI

**T1S9**

**Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan**

CADANGAN

**T1S9-C1**

# CADANGAN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR (PRAB) DI KAWASAN YANG TERDEDAH DENGAN BANJIR

AGENDA

KATEGORI

**QW**
**(QUICK WIN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Penyediaan sistem amaran bencana adalah bertujuan untuk memberi informasi awal berkenaan bencana yang bakal berlaku seterusnya memudahkan penduduk untuk berpindah ke kawasan yang lebih selamat.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Sebanyak 38 lokasi banjir dan 8 lokasi banjir hotspot di Daerah Rompin.
2. Oleh itu, cadangan ini memberi penekanan kepada strategi pengurangan risiko bencana banjir serta pengurusannya yang merangkumi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana.
3. Meningkatkan tahap kesiapsiagaan semua agensi yang terlibat dan penduduk di Daerah Rompin dalam menghadapi sebarang bencana yang berisiko berlaku pada masa akan datang.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Menara Pemancar, Pembesar Suara Akustik, Sensor Amaran dan Bahaya, Panel Solar, Sistem Telemetri Siren dan Tolok Banjir
2. Penggunaan dan penerapan elemen pintar bagi memantau atau meramal banjir dengan lebih efektif seperti Teknologi Sensor, Peranti Pintar, Internet of Things (IoT), Artificial Intelligent (AI), Data Raya (Big Data) dan Pengkomputeran Prestasi Tinggi (HPC)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. 8 kawasan yang terdedah banjr / Hotspot yang masih belum mempunyai PRABN

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

**Jadual 5.30 : Ciri – Ciri Terperinci Reka Bentuk Siren Amaran Awal**

| ASPEK | ELEMEN |
|---|---|
| **TUJUAN** | • Mengesan kenaikkan aras air secara automatik dengan pembesar suara akustik, sistem pemantauan bersepadu dan menggunakan sistem solar sepenuhnya |
| **FUNGSI** | • Ia akan diaktifkan setelah air sungai melepasi aras bahaya dan penduduk diminta untuk berpindah serta merta.<br>• Memberi arahan daripada pusat ramalan dan amaran banjir negara ke stesen siren dengan kaedah *voice activation*<br>• Dilengkapi dengan sistem pemantauan bersepadu *(Real Time Monitoring Telemetri)* |
| **JENIS** | • **Bunyi Siren Amaran:** Apabila air sungai melepasi aras amaran dan penduduk diminta bersiap sedia untuk berpindah.<br>• **Bunyi Siren Bahaya:** Ia diaktifkan setelah air Sungai melepasi aras bahaya dan penduduk diminta untuk perpindah serta merta |
| **RADIUS** | • Dilengkapi dengan sistem pemantauan bersepadu (Real Time Monitoring Telemetri) |


**8 Kawasan Yang Terdedah Banjir / Hotspot yang Masih Belum Mempunyai PRABN iaitu:**

1. Lubok Batu – Mukim Keratong
2. Kampung Mikang – Mukim Keratong
3. Selancar 4 – Mukim Kerantong
4. Kampung Rantau Panjang – Mukim Rompin
5. Batu 8 – Mukim Pontian
6. Kampung Janglau – Mukim Pontian
7. Kampung Pianggu dan Kampung Setajam – Mukim Endau
8. Kampung Tekek – Mukim Tioman




Gambaran Ciri dan Reka Bentuk Siren Amaran Awal Banjir

## Rajah 5.27: Pusat Ramalan Dan Amaran Banjir (PRAB)




## PETUNJUK

**LOKASI PRAB**


1. PRAB Lubok Batu
2. PRAB Kampung Mikang
3. PRAB Selancar 4
4. PRAB Kampung Rantau Panjang
5. PRAB Batu 8
6. PRAB Kampung Janglau
7. PRAB Kampung Pianggu dan Kampung Setajam
8. PRAB Kampung Tekek

Kawasan Banjir
Lokasi Banjir

**Lain-lain**

Sungai
Sempadan Negeri
Sempadan Daerah
Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



STRATEGI

**T1S9**

**Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan**

CADANGAN

**T1S9-C2**

# CADANGAN BANGUNAN GUNASAMA YANG BERFUNGSI SEBAGAI PUSAT PEMINDAHAN TETAP

AGENDA

SDGs 13 CLIMATE ACTION | NUA 06

KATEGORI

**QW**
**(QUICK WIN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Keperluan Pusat Pemindahan Tetap (PPT) amat penting untuk menempatkan mangsa – mangsa bencana ketika dilanda bencana terutamanya pada musim banjir.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Memastikan Pembinaan Pusat Pemindahan Tetap (PPT) dapat menampung kapasiti mangsa banjir dan ditelengami banjir.
2. Keperluan pembinaan Pusat Tetap (PPT) bagi Kampung Pianggu disebabkan PPT sedia ada berpotensi dilanda banjir.
3. Tambahan sebuah dewan serbaguna di bawah selian Majlis Daerah Rompin di Mukim Endau berpotensi dijadikan sebagai PPT bagi kegunaan menyeluruh dan selesa kepada penduduk atau mangsa banjir di kawasan tersebut

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Komponen dewan serbaguna seperti pejabat, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, bilik solat dan tandas
2. Pembahagi ruang mudah alih (partition paper)
3. Pembahagi mudah alih (MOPAR) dan Khemah.
4. Penyediaan set generator bagi memastikan kelangsungan bekalan sumber elektrik apabila TNB menutup pencawang di kawasan yang terjejas banjir
5. Penyediaan tandas bergerak di PPS untuk menampung jumlah mangsa yang padat
6. Fasiliti stor atau ruang penyimpanan barang keperluan banjir

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kampung Pianggu

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Agensi Pengurusan Bencana Negara

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Kebajikan Masyarakat

**E. Agensi Pelaksana**

1. Agensi Pengurusan Bencana Negara
2. Jabatan Meteorologi Malaysia
3. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

**Kriteria Cadangan Pembinaan Bangunan Gunasama Sebagai Pusat Pemindahan Tetap**

1. Kawasan yang tidak terlibat dengan kawasan banjir.
2. Terletak di kawasan kategori zon rendah banjir (250 meter) daripada Sungai Endau.
3. Terletak di dalam radius 500 meter daripada PPS SK Pianggu dimana ianya tidak jauh dengan PPS sedia ada.
4. Kawasan yang tidak terputus hubungan dengan kawasan luar jika berlakunya banjir.
5. Cadangan tapak berkeluasan 1.9789 hektar.

**Jadual 5.31 : Perincian Cadangan Pusat Pemindahan Tetap (PPT)**

| KATEGORI | JENIS | KAPASITI | SKALA | KAMPUNG TERLIBAT |
|---|---|---|---|---|
| Sedia ada | SK Pianggu | 200 orang | Kecil | • Desa Wawasan<br>• Kg Kasing<br>• Kg Pianggu<br>• Kg Lantang |
| Cadangan | Dewan Serbaguna | 500 Orang | Sederhana | |

*Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*




**Gambaran Cadangan Dewan Serbaguna Sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**

**Jadual 5.32 : Kemudahan Sokongan Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)**

| ASPEK | ELEMEN |
|---|---|
| Aksessibiliti | 1. Ramp<br>2. Handrail<br>3. Laluan Pejalan Kaki<br>4. Anjung masuk bangunan |
| Reruang | 1. Bilik persalinan/penyusuan<br>2. Tandas OKU |
| Kemudahan Sokongan | 1. Papan tanda kenyataan, tanda arah dan keterangan bertulis |

*Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*

**Rajah 5.28 : Cadangan Bangunan Gunasama Berfungsi Sebagai Pusat Pemindahan Tetap (PPT)**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

**PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA**
- PPS SK Pianggu Sedia ada
- Cadangan PPS

**Kategori Banjir**
- Zon Tinggi, 50 meter
- Zon Sederhana, 50 meter
- Zon Rendah, 250 meter

**LAIN-LAIN**
- Lot Rumah Kampung
- Kawasan Banjir
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T1S9**<br>Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan | **T1S9-C3**<br>**CADANGAN PELAN TINDAKAN RISIKO BENCANA YANG KOMPREHENSIF** | SDGs 13 CLIMATE ACTION, 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 06 | **QW**<br>**(QUICK WIN)** |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Cadangan ini merangkumi kaedah pengurusan bencana yang menyeluruh dan sistematik dalam kesiapsiagaan menghadapi bencana bermula dari peringkat awal sebelum bencana, semasa bencana dan selepas bencana

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Sebanyak 38 lokasi banjir dan 8 lokasi banjir hotspot di Daerah Rompin.
2. Oleh itu, cadangan ini memberi penekanan kepada strategi pengurangan risiko bencana banjir serta pengurusannya yang merangkumi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana.
3. Meningkatkan tahap kesiapsiagaan semua agensi yang terlibat dan penduduk di Daerah Rompin dalam menghadapi sebarang bencana yang berisiko berlaku pada masa akan datang.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Penyediaan Pelan Kelangsungan Perkhidmatan *(Business Continuity Plan, BCP)*
- **B** Meningkatkan Pengurusan dan Usaha Mengurangkan Risiko Geo Bencana
- **C** Cadangan Mengurangkan Risiko Geo Bencana Melalui Proses Kawalan Pembangunan bagi Pembangunan di Kawasan Berisiko
- **D** Kesiapsiagaan yang Tinggi dan Kesedaran Agensi Kerajaan, Swasta dan Masyarakat dalam Menghadapi Bencana

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Lot 447, Kampung Pianggu

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Agensi Bencana Negara

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Agensi Bencana Negara
2. Angkatan Pertahanan Awam Daerah Rompin

## A Penyediaan Pelan Kelangsungan Perkhidmatan *(Business Continuity Plan, BCP)*

Perancangan atau Pelan Kelangsungan Perkhidmatan (*Business Continuity Plan,* BCP) adalah salah satu **strategi pengurusan risiko bencana, dan pelan tindakan pengurusan.** BCP dalam kitaran DRR lebih berbentuk **kesiapsiagaan, pelan kontigensi untuk bertindak balas** jika berlaku bencana dan pemulihan secara pantas. Terdapat 4 komponen dalam pengurusan bencana dan 4 strategi BCP.

| KOMPONEN / STRATEGI | LANGKAH |
|---|---|
| **MITIGASI BENCANA**<br>Langkah – langkah pencegahan sebelum bencana untuk memastikan keadaan kecemasan boleh dielak dan kesan bencana dapat dikurangkan | • Langkah dan tindakan kawal selia terhadap bangunan dan struktur serta prasarana sedia ada<br>• Pelan guna tanah untuk aktiviti ekonomi dan komersial hendak mengambilkira kemungkinan bencana dan mengelak dari penggunaan tanah ekonomi di kawasan terdedah risiko bencana.<br>• Penempatan semula perniagaan yang beroperasi di kawasan yang mempunyai risiko bencana yang tingi. |
| **KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA**<br>Kerajaan perlu melibatkan pihak swasta khususnya penggiat aktiviti ekonomi dalam merangka pelan persediaan | • Menubuhkan pasukan tindakan pemulihan ekonomi yang diterajui oleh usahawan / peniaga.<br>• Menyediakan pelan pengekalan semasa bencana dan pemulihan selepas bencana untuk aktiviti ekonomi dan perniagaan<br>• Inventori sumber ekonomi seperti merancang apa yang perlu dibuat dan agihan sumber selepas bencana |
| **TINDAK BALAS BENCANA**<br>Pelan Tindakan Bencana yang baik akan membolehkan tindakan diambil dengan lebih teratur dan terancang | • Menangani ancaman semasa disebabkan oleh bencana yang memerlukan tindak segera<br>• Menyelamatkan nyawa<br>• Menilai sepenuhnya keadaan semasa |
| **PEMULIHAN BENCANA**<br>Mengembalikan semula semua kerosakan kepada kejadian asal dilakukan dan tindakan segera ke atas keperluan | • Menangani ancaman semasa disebabkan oleh bencana yang memerlukan tindakan segera<br>• Menyelamatkan nyawa<br>• Menyediakan keperluan kemanusiaan seperti makanan, pakaian perubatan dan penginapan<br>• Menilai kerosokan akibat bencana |

**FASA SEBELUM BENCANA BERLAKU** | **FASA SEMASA BENCANA BERLAKU** | **FASA SELEPAS BENCANA BERLAKU**

## B Meningkatkan Pengurusan dan Usaha Mengurangkan Risiko Geobencana

Definisi Pengurangan Risiko Bencana *(Disaster Risk Reduction, DRR)* oleh Majlis Keselamatan Negara **merangkumi konsep dan amalan pengurangan risiko secara sistematik untuk menganalisis dan mengurus bencana.** Ini termasuk pengurangan pendedahan dan kemudah-terancaman manusia dan harta-benda, mempertingkatkan kesiapsiagaan individu, masyarakat dan agensi dalam menghadapi bencana serta pengurusan alam sekitar secara lestari. DRR adalah bertujuan untuk mengurangkan risiko yang disebabkan oleh bencana alam, seperti banjir dan tanah runtuh, melalui kaedah pencegahan. Oleh itu, terdapat 4 langkah cadangan dalam usaha pengurusan dan usaha mengurangkan risiko geo bencana seperti:

**CADANGAN DALAM USAHA PENGURUSAN DAN USAHA MENGURANGKAN RISIKO GEO BENCANA SEPERTI:**

1. Cadangan Mengukuhkan Pengurusan Risiko Bencana
2. Cadangan Mengurangkan Risiko Geo Bencana Melalui Proses Kawalan Pembangunan Bagi Pembangunan di Kawasan Berisiko
3. Cadangan perancangan dan pelaksanaan konsep pembangunan berimpak rendah *(Low Carbon Impact Development, LID)*
4. Cadangan Pelan Laluan Evakuasi

### CADANGAN MENGUKUHKAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA

Risiko geobencana melibatkan kejadiaan banjir banyak bergantung kepada pelbagai faktor seperti topografi, geologi, pengaruh iklim serta perubahan guna tanah yang berkaitan dengan aktiviti pembangunan. Justeru itu, pengurusan risiko geobencana ini adalah untuk mengurangkan bilangan penduduk dan kawasan yang terjejas akibat bencana serta mengurangkan kerugian kerosakan harta benda dan menyelamatkan nyawa

Oleh itu, bagi memastikan pengurusan risiko banjir di Majlis Daerah Rompin merangkumi dan meliputi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir,satu sistem pengurusan perlu diwujudkan untuk menggantikan pendekatan pengurusan bencana tradisional yang sebelum ini hanya memberi tumpuan kepada tindak balas pemulihan dan pembinaan semula selepas peristiwa bencana. Oleh itu, cadangan pendekatan pengurusan risiko bencana banjir ini merangkumi 6 komponen yang boleh menjadi kerangka utama dalam aspek pengurusan untuk mengurangkan risiko dan impak geobencana.

#### PERINGKAT 1: PENGENALPASTIAN BAHAYA

- Keperluan pengumpulan maklumat dan penglibatan tenaga professional untuk penilaian yang lebih tepat
- lanya melibatkan maklumat peristiwa banjir, pemahaman terhadap ciri punca bencana, skala, magnitud dan lain lain

#### PERINGKAT 2: ANALISIS BAHAYA

- Analisis data yang menyeluruh meliputi intensiti hujan, analisis aliran puncak dan analisis kelajuan aliran permukaan
- Analisis faktor penyebab, faktor pencetus dan mekanisma kejadian

#### PERINGKAT 3: ANALISIS RISIKO

- Menganggarkan risiko tehadap individu, masyarakat, harta benda, alam sekitar
- Pertimbangan terhadap risiko banjir yang mungkin berlaku terhadap pembangunan baharu dan sedia ada

#### PERINGKAT 4: PENILAIAN RISIKO

- Keperluan pengnalpastian dari segi kapasiti dan keupayaan menghadapi risiko bencana

#### PERINGKAT 5: MITIGASI

- Mitigasi banjir adalah melibatkan kaedah/langkah
- Langkah Struktur

➢ Meminimakan impak risiko bencana melalui kaedah kejuruteraan seperti projek tebatan banjir, projek mendalamkan sungai, pembinaan kolam takungan dan lain lain

- Langkah Bukan Struktur

➢ Pendekatan berbentuk undang undang, akta, garis panduan pembangunan dan kesedaran awam

#### PERINGKAT 6: PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

- Perancangan/ penguatkuasaan yang dipersetujui harus dilaksanakan.
- Pemantauan dari masa ke semasa bagi melalui keberkesanan pengurusan risiko bencana

Berikut merupakan ciri – ciri penentuan tahap risiko bencana:

**Jadual 5.33 : Ciri – Ciri Penentuan Tahap Risiko Bencana**

| TAHAP RISIKO BANJIR | CIRI - CIRI | JENIS PEMBANGUNAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT | |
|---|---|---|---|
| | | JENIS / AKTIVITI | SYARAT PEMBANGUNAN |
| **Tahap 1**<br>**(Tahap Risiko Rendah)** | 1. Kawasan flood free/ luar dataran banjir<br>2. Kawasan dataran banjir 100 tahun dan ke atas | 1. Sebarang pembangunan yang dilaksanakan seperti perumahan, komersial dan rekreasi perlu sesuai dengan keadaan fizikal dan persekitaran. | 1. Mengurangkan peratusan permukaan tidak telap air dalam kawasan pembangunan<br>2. Menerapkan konsep LID dalam pembangunan seperti penyediaan kemudahan mengumpul air hujan<br>3. Mematuhi keperluan dan memastikan tiada perubahan aliran puncak sama ada sebelum atau selepas pembangunan<br>4. Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di kawasan sekitar dataran banjir |
| **Tahap 2**<br>**(Tahap Risiko Sederhana)** | 1. Kawasan pinggiran banjir *(flood fringe*<br>2. Kawasan dataran banjir 50 hingga 100 tahun. | 1. Rekreasi<br>2. Kawasan lapang dan landskap<br>3. Zon penampan<br>4. Pelancongan berkepadatan rendah<br>5. Pertanian yang sesuai<br>6. Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir yang disokong oleh JPS. | 1. Jenis kegunaan yang tidak menyebabkan pencemaran sumber air<br>2. Reka bentuk bangunan perlu mengambil kira risiko banjir dan *flood proof*<br>3. Pembangunan berdensiti rendah sahaja dibenarkan<br>4. Memastikan sebarang struktur yang dibina tidak menghalang laluan air channel<br>5. Penyediaan infrastruktur saliran yang berkesan<br>6. Langkah kawalan tebatan banjir yang ketat perlu dilaksanakan di kawasan ini<br>7. Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut<br>8. Garis panduan MSMA JPS dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu JPS |
| **Tahap 3**<br>**(Tahap Risiko Tinggi)** | 1. Kawasan laluan banjir *(floodway)*<br>2. Kawasan dataran banjir 50 tahun | 1. Rekreasi<br>2. Kawasan lapang dan landskap<br>3. Kawasan terbuka Pertanian yang sesuai<br>4. Pemuliharaan | 1. Bahan pembangunan hendaklah jenis *flood proof*<br>2. Mengadakan pembinaan struktur *(structural works)* seperti *flood mitigation dams* tetambak, lintasan banjir *by pass flood* dan lain lain<br>3. Sebarang struktur kekal tidak dibenarkan<br>4. Struktur tidak kekal yang dibina mestilah tidak menghalang laluan air channel<br>5. Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut MSMA dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu oleh JPS<br>6. Tertakluk kepada syarat syarat umum kebenaran pembangunan di dataran banjir |

## C Cadangan Mengurangkan Risiko Geo Bencana Melalui Proses Kawalan Pembangunan bagi Pembangunan di Kawasan Berisiko

Sebagai suatu strategi untuk menangani bencana banjir kilat dan tanah runtuh, Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk kawalan saliran, hakisan dan perlodakan; dan Prosedur Pengurusan Bahaya dan Risiko Bencana (PBRB) boleh diserapkan ke dalam proses penyediaan LCP Prosedur Pengurusan Bahaya dan Risiko Bencana (PBRB) melibatkan 4 peringkat iaitu Pengenalpastian Bahaya, Analisis Bahaya, Analisis Risiko dan Mitigasi. PBRB melibatkan kajian – kajian teknikal seperti pemetaan geologi kejuruteraan, terain, pengkelasan dan perincian tanah runtuh dan geobencana lain, ramalan potensi dan kekerapan bencana.

### PERINGKAT 1: PENGENALPASTIAN BAHAYA

Menggunakan kaedah Pelan Kesesuaian Pembinaan dan Pemetaan Terain Geologi yang daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) bagi tujuan:

- Mengekelaskan Terain (Kelas I, II, III & IV)
- Mengenalpasti jenis, taburan dan sejarah tanah runtuh dan geobahaya lain di kawasan yang hendak dibangunkan atau yang telah dibangunkan
- Menghasilkan Pelan Pengkelasan Bahaya Banjir Kilat dan Bahaya Tanah Runtuh bagi mengenalpasti jenis bahaya dan bencana di kawasan Pembangunan yang lebih terperinci

### PERINGKAT 2: ANALISIS BAHAYA

Kaedah-kaedah analisis kejuruteraan dan geoteknik yang biasa digunakan oleh pengamal kejuruteraan dan geologi cerun boleh dijadikan instrumen menganalisis bahaya tanah runtuh secara kualitatif ataupun kuantitatif.


### PERINGKAT 3: ANALISIS RISIKO

- Mengenalpasti unsur-unsur yang berisiko (manusia, harta benda, insfrastruktur) dan mengkelaskan darjah risiko kepada sangat tinggi, tinggi, sederhana atau rendah.
- Keputusan dibuat sama ada risiko tersebut boleh ditangani atau dielakkan
- Mengetahui darjah risiko, keputusan dan keutamaan boleh ditetapkan cerun mana yang perlu distabilkan, diperbaiki dan sebagainya.

### PERINGKAT 4: MITIGASI

- Dirancang dan dipilih mengikut kesesuaian, samada dengan kaedah struktur yang melibatkan pelbagai rekabentuk struktur dan teknologi kejuruteraan, ataupun dengan kaedah bukan struktur seperti penggunaan polisi/akta yang sesuai, ubahsuaian guna tanah, kempen kesedaran awam atau menggunakan khidmat insuran.

**Rajah 5.29 : Carta Alir Prosedur Penilaian dan Pengurusan Risiko Bencana**



**Cadangan perancangan dan pelaksanaan konsep pembangunan berimpak rendah *(Low Carbon Impact Development, LID)***


Mengawal kadar aliran air larian permukaan dan mengurangkan pengumpulan bahan pencemar ke sumber saliran semula jadi. Terdapat beberapa alternatif yang berkonsepkan *Low Impact Development* yang boleh dipraktikkan untuk mengurangkan kadar aliran air atau stormwater terus ke sungai dan sekaligus mengurangkan risiko bencana banjir. Oleh itu, terdapat teknik dan amalan perlaksanaan reka bentuk LID iaitu turapan telap air, biorententaion, vegetated swales dan kotak penapis pokok.

## TURAPAN TELAP AIR (PERMEABLE PAVING)




Mengurangkan kadar air larian permukaan dan penyerapan air hujan. Contohnya penggunaan *grass pavers, paving stones, porous asphalt, pervious concrete* di tempat letak kenderaan, bahu jalanraya dan laluan pejalan kaki

## *BIORENTENTATION*



Menakung, menyerap dan menapis air hujan dalam tempoh 72 jam sebelum dilepaskan mengalir keluar ke sistem saliran semula jadi sekaligus dapat mengurangkan bahan pencemaran dan mengurangkan kadar air larian permukaan.

## *VEGETATED SWALES*




Lekukan atau parit di permukaan tanah bertujuan untuk mengalirkan air yang berlebihan ke dalam swale untuk meningkatkan perawatan dan peresapan air. Air yang berlebihan akan disalirkan ke *perimeter retention swale* sebelum ke *interlot swale* atau saluran utama. Diaplikasikan sistem saliran dan perparitan dan di tempat letak kenderaan. Ia sesuai untuk kawasan cerun yang landai sahaja.

## KOTAK PENAPIS POKOK *(TREE BOX FILTERS)*




Mengurangkan air larian permukaan dan merawat pencemaran. Konsepnya ialah air hujan disalurkan masuk ke kotak penapis pokok, dituras dan dirawat oleh tumbuhan sebelum disalirkan ke kawasan sekitar atau sistem saliran semulajadi. Kotak mengandungi campuran tanah, *mulch* dan dilengkapi dengan sistem saliran atau parit dan tumbuh-tumbuhan

**GAMBARAN SEBELUM PEMBANGUNAN**




**GAMBARAN SELEPAS PEMBANGUNAN**





**Jadual 5.34 : Perbandingan Proses Kitaran Air Sebelum dan Selepas Pembangunan**

| ASPEK | SEBELUM PEMBANGUNAN | SELEPAS PEMBANGUNAN (PERBANDARAN) |
|---|---|---|
| **Peratus Kawasan Resapan** | Kawasan telap air yang luas memudahkan penyerapan air ke bawah tanah | Kepadatan pembangunan meningkatkan kawasan tidak telap air dan mengurangkan penyerapan air bawah tanah |
| **Air Permukaan** | Air larian permukaan mengalir rendah ke sungai berdekatan | Air larian permukaan mengalir tinggi ke sungai berdekatan |
| **Air Bawah Tanah** | Simpanan dan aliran air bawah tanah yang tinggi, memperlahankan aliran air terus ke sungai. | Simpanan dan aliran air bawah tanah yang rendah |
| **Proses Transpirasi** | Proses transpirasi/penyejatan yang tinggi oleh elemen semula jadi seperti pokok | Proses transpirasi / penyejatan yang rendah |

**Cadangan Pelan Evakuasi**

- Laluan evakuasi perlu disediakan dalam bentuk peta. Laluan ini perlu mengambil kira kapasiti jalan, lokasi petempatan, dan pusat perlindungan sementara semasa bencana.
- Papan tanda laluan evakuasi perlu dibangunkan di lokasi pusat pemindahan sementara mangsa bencana bagi tujuan pemakluman kepada orang awam.
- Papan tanda tempat berkumpul mangsa bencana perlu diletakkan didalam kawasan petempatan dan bertindak sebagai tempat selamat *(safe area)*
- Memastikan pelan laluan evakuasi ini mempunyai tahap kebolehsampaian yang tinggi dan mudah diakses oleh penyelamat mangsa bencana.

**Rajah 2.30 : Pelan Cadangan Pelan Evakuasi**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)


**PETUNJUK**

- Lokasi Cadangan Siren
- Radius 500 meter Evakuasi
- Kawasan Petempatan

**LAIN-LAIN**

- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

**PELAN LOKASI**



## D Kesiapsiagaan Yang Tinggi dan Kesedaran Agensi Kerajaan, Swasta dan Masyarakat dalam Menghadapi Bencana

Setelah langkah pencegahan dan peredaan untuk mengawal atau mengurangkan risiko bencana dirancang dan dilaksanakan, terdapat keperluan untuk mempersiapkan agensi/komuniti akan kepentingan pengetahuan mengenai risiko bencana. Penambahbaikan dalam pengurusan bencana boleh dilaksanakan dengan meningkatkan usaha menerapkan kesedaran awam iaitu Kursus dan Latihan Amal Antara Agensi di Peringkat Daerah dan Pendidikan Kesedaran Bencana di semua peringkat.

**Meneruskan Usaha Meningkatkan Kesedaran dan Ketersediaan Menghadapi Bencana di Kalangan Agensi Kerajaan, Swasta dan Komuniti**

Penambahbaikan dalam pengurusan bencana boleh dilaksanakan dengan meningkatkan usaha menerapkan kesedaran awam sebagaimana berikut:

- Kursus dan Latihan Amal Antara Agensi di Peringkat Daerah
- Pendidikan Kesedaran Bencana di Semua Peringkat

### KURSUS DAN LATIHAN AMAL ANTARA AGENSI DI PERINGKAT DAERAH

Keperluan untuk meneruskan latihan amal pengurusan dan pengendalian bencana *(Disaster Drill)* yang melibatkan semua agensi kerajaan, badan berkanun dan badan-badan sukarela diadakan secara berterusan dengan kekerapan Latihan 3 kali setahun bagi memastikan kesiapsiagaan agensi dalam menghadapi bencana dari semasa ke semasa. Melalui pendekatan ini, kesemua anggota daripada agensi yang terlibat akan lebih terlatih dan dilengkapkan dengan pengetahuan menghadapi bencana yang menyeluruh.

### PENDIDIKAN KESEDAEAN BENCANA DI SEMUA PERINGKAT

Keperluan penerusan program kesedaran dan pendidikan awam dilaksanakan secara berterusan melalui program kesedaran yang boleh dilaksanakan:

- Program Hari Kesedaean Bencana
- Program Kesedaran Bencana Peringkat Komuniti

**PROGRAM HARI KESEDARAN BENCANA**

**Kumpulan Sasar:**
Agensi Kerajaan, Swasta, Pelajar, Ketua Komuniti

**Sasaran:** 800 – 1000 Orang
**Kekerapan:** 3 Kali Setahun

**PROGRAM HARI KESEDARAN BENCANA PERINGKAT KOMUNITI**

**Kumpulan Sasar:**
Masyarakat Setempat

**Sasaran:** 200 – 300 Orang
**Kekerapan:** 6 Kali Setahun

**Membangunkan Sistem Bantuan Sokongan Keputusan *Adaptive Emergency Evacuation Centre Management (AEECM)***

*Adaptive Emergency Evacuation Centre Management (AEECM)* merupakan sistem/aplikasi berasaskan web dan aplikasi mudah alih Android. Ia bertujuan untuk membantu pengagihan mangsa bencana seperti bencana banjir di pusat-pusat pemindahan yang disediakan


### MEKANISME APLIKASI AEECM


- Pihak pentadbir/berkuasa yang menguruskan pusat pemindahan akan mengumpul maklumat tentang semua pusat pemindahan sedia ada iaitu (nama pusat pemindahan, alamat, lokasi GPS, maksimum kapasiti, jarak dengan pusat pemindahan lain, jarak dengan sungai terdekat dan nama berserta nombor telefon ketua kampung). Pihak pentadbir/berkuasa juga akan mengemas kini data yang berkaitan dengan paras air daripada laman sesawang JPS mengikut sungai terpilih.


- Oleh itu jika terdapat pusat pemindahan yang ditutup, sistem ini akan menjana pelan pengagihan semula dengan mencadangkan pusat pemindahan yang terdekat dengan kapasiti mangsa yang boleh dipindahkan.

- Pihak berkuasa juga boleh meninjau keadaan semasa pusat pemindahan melalui aplikasi tersebut di mana sebagai contoh:
- **MERAH** menandakan pusat pemindahan ditutup kerana dinaiki air
- **OREN** untuk pusat pemindahan yang perlu ditutup kerana kenaikan paras air-amaran dikeluarkan.
- **KUNING** untuk pusat pemindahan yang mencapai kapasiti 90%.
- **HIJAU** menandakan pusat pemindahan mempunyai kapasiti 75%.
- **BIRU** menandakan pusat pemindahan yang mempunyai kapasiti 50%.



Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat
INFOBANJIR
MAKLUMAT PENEMPATAN MANGSA BANJIR
SAMSUNG
Dashboard Keseluruhan
2 PUSAT BUKA
3 KELUARGA
7 MANGSA
2 NEGERI
Terengganu
PERCUMA


Memaparkan senarai Pusat Pemindahan Terdekat dengan Anda
12:01 pm
Pusat Terdekat
Surau Al-Mizan Fasa 4A
Putrajaya, Kuala Lumpur
Tutup
BALAI RAYA KAMPUNG SEMARANG
Sepang, Selangor
Tutup
DEWAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DENGKIL
Sepang, Selangor
Tutup
Dewan Serbaguna Presint 9
Putrajaya, Kuala Lumpur
Tutup
Dewan Serbaguna Presint 8
Putrajaya, Kuala Lumpur
Tutup
Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya 1
Putrajaya, Kuala Lumpur
Tutup
Dewan Serbaguna Presint 11
Putrajaya, Kuala Lumpur
Tutup
Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya 3
Putrajaya, Kuala Lumpur
Tutup


Senarai Lokasi Helipad bagi Tujuan Penghantaran Bantuan
10:36 pm
Senarai Pendaratan Helipad
KOTA BHARU
PASIR MAS
TUMPAT
PADANG SK SERI KETEREH
PADANG SMK KADOK
PADANG DEWAN BETA
PADANG BERSEBELAHAN PONDOK POLIS SALOR
PADANG SMK MULONG
PADANG SMK PENAMBANG
PADANG SMK LONG GHAFAR
PADANG PERDANA JALAN MAHMOOD
PADANG SMK RAJA SAKTI
Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra


Tinjau Pusat Penempatan yang Berhampiran melalui GPS
10:33 pm
Pusat Terdekat
Taman Botani Putrajaya
Putrajaya
Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
Google


Paparan Statistik Mangsa dipusat Pemindahan
9:23 am
DEWAN ORANG RAMAI DENG...
DEWAN ORANG RAMAI DENGKIL
Status : Buka
Kemaskini Terakhir : 2016-11-30 09:02:59
Info
Anggaran 5.0 km
Daerah : Dengkil
Zon : Dengkil
Kapasiti : 200 orang
Statistik
Tarikh Buka : 2016-11-29
Bil Keluarga : 2 keluarga
Lelaki Dewasa : 4 orang
Perempuan Dewasa : 1 orang
Kanak-kanak Lelaki : 0 orang
Kanak-kanak Perempuan : 1 orang
Bayi Lelaki : 0 orang
Bayi Perempuan : 0 orang
Jumlah Mangsa : 4 orang
Maklumat Tambahan
Warga Emas Lelaki : 0 orang
Warga Emas Perempuan : 0 orang
OKU Lelaki : 0 orang
OKU Perempuan : 0 orang


Buat Panggilan Terus ke Talian Kecemasan Melalui Aplikasi
10:35 pm
Senarai Talian Kecemasan
KUALA TERENGGANU
MARANG
Pejabat Daerah Kuala Terengganu
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu
Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu
Hospital Sultanah Nur Zahirah
Pejabat Negeri Pertahanan Awam
Pejabat Daerah Pertahanan Awam Terengganu
Pejabat Kebajikan Masyarakat Kuala
alai Bomba
a Terengganu?
TIDAK
YA

STRATEGI

**T1S9**

Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan

CADANGAN

**T1S9-C4**

# CADANGAN BAN BANJIR SUNGAI ROMPIN BAGI KAWASAN KG AUR, KG LEBAN CHONDONG, KG SABAK DAN KG BELANGKAP

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 03

KATEGORI

**QW**
**(QUICK WIN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Melaksanakan mitigasi kejuruteraan bagi mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku bagi kawasan Kg Aur, Kg Leban Chondong, Kg Sabak, dan Kg Belangkap.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Cadangan kerja penyediaan ban banjir sebagai projek tindakan awalan di beberapa lokasi penempatan bagi mengurangkan kesan kepada kejadian banjir yang kerap berlaku

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berikut adalah komponen pembangunan :

**A** Penyediaan Ban Banjir.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Jarak**

1. Kampung Belangkap (1.5km panjang, 0.6m-1.2m ketinggian ban banjir)
2. Kampung Leban Chondong dan Kg Sabak (6.0km panjang, 0.3m -1.2m ban banjir)
3. Kampung Aur ( 0.9km panjang, 0.6m-1.0m ban banjir)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- ✓ **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

## A Penyediaan Ban Banjir

1. Kerja-kerja penyediaan ban banjir adalah sebagai langkah untuk mengatasi masalah limpahan air sungai ketika berlakunya kejadian hujan lebat.
2. Penyediaan ban ini dapat mengurangkan limpahan air hujan yang berlaku justeru mengurangkan kerosakan harta benda awam yang berlaku di kawasan penempatan penduduk yang terjejas.



Gambaran Kerja-Kerja Mendalamkan dan Memperluaskan Sungai

**Rajah 5.31 : Cadangan Lokasi Ban Banjir Kg Belangkap, Kg Aur, Kg Sabak dan Leban Chondong**




**Cadangan Lokasi Ban Banjir Kg Belangkap**




**Cadangan Lokasi Ban Kg Sabak dan Leban Chondong**




**Cadangan Lokasi Ban Kg Aur**

STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI

**T1S9**

Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan

**T1S9-C5**

# CADANGAN PENEMPATAN SEMULA BANJIR BAGI KAWASAN YANG TERJEJAS BANJIR

SDGs 13 CLIMATE ACTION 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 06

**UT**
(UTAMA)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Langkah untuk mengurangkan atau mengelakkan kawasan yang terjejas banjir daripada ancaman kemusnahan harta benda teruk, kadar kerugian yang tinggi dan membawa kematian merupakan tindakan proaktif untuk mengurangkan risiko bencana

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mengurangkan impak bencana kepada mangsa banjir
2. Mengurangkan kerosakan harta benda dengan reka bentuk bangunan yang mengambil kira ketahanan impak banjir seperti bangunan bertiang (mengikut ketinggian bersesuaian dengan aras platform) serta disokong dengan bahan binaan kalis air dan struktur pembinaan tahan banjir.
3. Memberi peluang kepada penduduk memiliki rumah sendiri yang lebih selamat daripada ancaman banjir

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Mengenalpasti kampung yang terlibat dengan penempatan semula
2. Pembinaan reka bentuk rumah bertiang (on-stilts) dan tidak bertiang bagi kawasan terdedah dengan risiko banjir dan di kawasan rendah mengikut kesesuaian tapak
3. Reka bentuk aras ketinggian platform bangunan 3 meter bagi rumah bertiang
4. Cadangan Program Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru'RASA)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bukit Serok
2. Kampung Mikang
3. Kampung Kasing

**B. Fasa Pelaksanaan**

- SEGERA (2025)
- PENDEK (2026 - 2030)
- ☑ SEDERHANA (2031 - 2035)
- JANGKA PANJANG

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Kerajaan Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Kerajaan Negeri Pahang
2. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin


### Kriteria Pemilihan Tapak Penempatan Semula

Penentuan jumlah rumah dan kampung yang terlibat dengan penempatan semula akibat banjir adalah berdasarkan jenis banjir, risiko kawasan banjir dan kategori banjir.

**Jadual 5.35 : Perincian Cadangan Penempatan Semula**

| KAMPUNG | JUMLAH | MUKIM | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|
| Bukit Serok | 21 | Keratong | • Lokasi hotspot banjir<br>• Termasuk di dalam kawasan risiko banjir tinggi<br>• Banjir akibat peningkatan paras air sungai di paras bahaya pada tahun 2017-2018 dan 2021-2023 |
| Kampung Meripoh | 8 | | • Kawasan banjir berulang<br>• Banjir limpahan air Sungai |
| Kampung Aur | 13 | | • Lokasi hotspot banjir<br>• Kawasan banjir berulang<br>• Banjir akibat peningkatan paras air sungai di paras bahaya pada tahun 2017-2019 dan 2021-2023<br>• Banjir limpahan air sungai<br>• Banjir akibat monson timur laut |
| Kampung Setajam | 104 | Endau | • Kawasan banjir berulang<br>• Banjir akibat monson timur laut<br>• Banjir akibat fenomena air pasang |
| Kampung Pianggu | 27 | | • Kawasan banjir berulang<br>• Banjir akibat monsun timur laut<br>• Banjir akibat fenomena air pasang |
| **JUMLAH** | **173** | - | - |

*Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*






Cadangan Reka Bentuk Program Ru'RASA bagi Jenis Bertiang




Cadangan Rumah Bertiang





Cadangan Reka Bentuk Program Ru'RASA bagi Jenis Tidak Bertiang

## Rajah 5.32 : Pelan Cadangan Penempatan Semula Kampung




## PETUNJUK

- Lot Kampung
- Zon Tahap Tinggi Banjir, 50m
- Risiko Kawasan Banjir

**Lain-lain**

- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim


**Cadangan Penempatan Semula**


1. Bukit Serok
2. Radius 6 KM daripada Bukit Serok
3. Kampung Aur dan Kampung Meripoh
4. Kampung Aur Mikang
5. Kampung Setajam
6. Kampung Aur
7. Kampung Kasing

## PELAN LOKASI




## Rajah 5.33 : Pelan Cadangan Penempatan Semula Bukit Serok









21 buah rumah di Bukit Serok bagi cadangan penempatan semula





Keseluruhan 21 buah rumah yang telah dikenal pasti akan dipindah ke dalam radius 6KM

**Rajah 5.34 : Pelan Cadangan Penempatan Semula Kampung Aur dan Kampung Meripoh**








13 buah rumah di Kampung Aur bagi cadangan penempatan semula dan 8 buah rumah di Kampung Meripoh bagi Cadangan penempatan semula




Keseluruhan 21 buah rumah yang telah dikenal pasti akan dipindah ke dalam radius 6KM iaitu ke Kampung Mikang

**Rajah 5.35 : Pelan Cadangan Penempatan Semula Kampung Setajam dan Kampung Pianggu**




104 buah rumah di Kampung Setajam dan 27 buah rumah di Kampung Pianggu bagi cadangan penempatan semula

Keseluruhan 131 buah rumah yang telah dikenal pasti akan dipindah ke dalam radius 6KM

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S9<br>Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan | T1S9-C6<br>CADANGAN PROJEK DAN PROGRAM KAWALAN HAKISAN PANTAI | SDGs 13 CLIMATE ACTION, NUA 06 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Memfokuskan kepada kawasan pantai yang mengalami hakisan pantai tahap ketara dan belum serius sebagai langkah untuk mengelakkan hakisan kepada tahap kritikal
2. Kaedah berbentuk bukan struktur terhadap masalah hakisan pantai diberi keutamaan seperti penambakan pantai, penanaman spesis persisiran pantai yang bersesuaian, perlindungan pantai oleh tumbuhan, pembentukan dan penyelenggaraan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Kawalan hakisan pantai di Daerah Rompin penting kerana potensi pantai berpasir mempunyai pelbagai manfaat seperti kawasan riadah dan rekreasi, kawasan pelancongan, kawasan petempatan (kampung nelayan dan kawasan beting pemisah antara laut dan darat
2. Cadangan memelihara dan memulihara keadaan fizikal pesisiran pantai bagi melindungi struktur pantai daripada hentaman ombak, hakisan pantai.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Projek dan Program Kawalan Hakisan Pantai Melalui:

- **A** Cadangan Penanaman Pokok Rhu bagi Kawalan Hakisan Pantai
- **B** Cadangan Pembinaan Struktur Kawalan Hakisan Pantai
- **C** Cadangan Kawalan Pembangunan di Kawasan Persisiran Pantai

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Pantai Kuala Pontian, Pantai Hiburan, Pantai Mempisang Pantai Leban Chondong, Pantai Bernas, Pantai Kampung Janglau, Pantai Sungai Lumpur dan Pantai Mempisang

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran
2. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Daerah Rompin mempunyai enapan luar pantai jenis pasir dan garisan panai berpasir dimana terdapat banyak potensi bagi jenis garisan pantai seperti ini. Terdapat dua kategori kawalan hakisan pantai yang dicadangkan di Daerah Rompin iaitu **berstruktur dan tidak berstrutur mengikut kesesuaian pantai.**

**Jadual 5.36 : Cadangan Kawalan Hakisan Pantai di daerah Rompin**

| BERSTRUKTUR | TIDAK BERSTRUKTUR |
|---|---|
| 1. Tanjung tiruan<br>2. Pemecah ombak<br>3. *Revertments*<br>4. *Labuan Bloks* | • Penanaman semula rhu |

*Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*

### A Cadangan Penanaman Pokok Rhu bagi Kawalan Hakisan Pantai

Cadangan penanaman Pokok Rhu di Pantai **Kuala Pontian, Pantai Hiburan dan Pantai Mempisang.** Penanaman Pokok Rhu ini boleh ditanaman melalui Program Penanaman Pokok Rhu Pantai dan Spesies Pokok Bersesuaian di Persisiran Pantai. Pokok Rhu bersesuaian ditanam dikawasan persisiran pantai kerana pokok ini mempunyai banyak dahan yang kukuh dan tidak mudah patah walaupun berlaku tiupan angin kencang di tepi pantai memandangkan Daerah Rompin terdedah dengan angin monsun timur laut.



Keadaan Semasa Pantai di Daerah Rompin




Cadangan Penambaikkan

## B Cadangan Pembinaan Struktur Kawalan Hakisan Pantai

Cadangan pembinaan berstruktur seperti tanjung tiruan, pemecah ombak, *revertments dan* labuan *blocks* di **Pantai Leban Chondong, Pantai Bernas, Pantai Kampung Janglau, Pantai Sungai Lumpur Kg Jawa dan Pantai Mempisang mengikut** kesesuaian kawasan.

*Labuan Blo*cks adalah struktur kawalan hakisan pantai yang berkesan dalam menangani hakisan pantai, mengurangkan tenaga ombak dan membolehkan garis pantai negara dilindungi. Selain itu, ombak yang membawa endapan pasir ke persisiran pantai akan berpeluang utnuk menambak secara semula jadi kerana labuan *blocks* tidak menganggu proses pengangkutan endapan.

**SEBELUM MITIGASI *REVERTMENTS***



**SELEPAS MITIGASI *REVERTMENTS***





Mitigasi Berstruktur: *Labuan Blocks*



Mitigasi Berstruktur: *Revertments*

## C Cadangan Kawalan Pembangunan di Kawasan Persisiran Pantai

Bagi mewujudkan pembangunan yang berdaya tahan terhadap risiko bencana maka perancangan mesti dijalankan secara teratur dan dirancang untuk membawa faedah kepada sosial, ekonomi dan fizikal yang optimum kepada semua pihak. Kawalan pembangunan menerapkan aspek risiko bencana seperti hakisan, tsunami dan kenaikan aras laut di kawasan dan lot tanah yang terdedah dalam memastikan aspek perancangan yang berdaya tahan. Kawalan pembangunan penting untuk memastikan pembangunan yang dihasilkan bersesuaian, teratur dan tersusun, mematuhi kehendak prosedur, peraturan serta kaedah dan piawaian.

Langkah tindakan sebelum pembangunan dijalankan di pantai berpasir yang telah diselaraskan mengikut *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP), JPS iaitu:

- Mengambilkira dan mematuhi had anjakan pembangunan yang telah ditetapkan:
  - ➢ Jarak I KM dari garis pantai ke arah darat
  - ➢ 3 Batu Nautika daripada Darat ke Laut (5KM)
- Kawasan pembangunan telah dicadangkan mesti dipantau sebelum, semasa dan juga selepas pembangunan untuk memastikan tiada impak negatif yang berlaku disebabkan oleh pembangunan tersebut

**Jadual 5.37 : Perincian Kawalan Pembangunan di Kawasan Persisiran Pantai**


| AKTIVITI | SYARAT - SYARAT |
|---|---|
| Rekreasi | 60 meter daripada paras purata air pasang perbani |
| Kediaman dan Pelancongan | • 60 meter daripada paras purata air perbani<br>• Pembinaan bangunan baru di semua kawasan pantai berpasir hanya akan dibenarkan pada jarak minima 60 meter ke arah daratan dari purata air pasang perbani. Paras minima anjakan belakang yang lebih lebar akan ditetapkan untuk kawasan tanah rendah yang kurang daripada 2 meter melebihi purata paras air pasang |
| Perindustrian Ringan | • 500 meter daripada paras purata air pasang perbani |
| Perindustrian Berat | • 1000 meter daripada paras purata air pasang perbani |
| Pertanian termasuk akuakultur | • 100 meter daripada paras purata air pasang perbani |

*Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*



Gambaran Kawalan Pembangunan

**Rajah 5.36 : Cadangan Jenis Kawalan Hakisan Berstruktur dan Tidak Berstruktur Mengikut Kesesuaian Pantai**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

- Pemecah Ombak & *Revertments*
- Tanaman Rhu & *Revertments*
- Penanaman Rhu
- *Revertments*
- Laluan Blocks


**LAIN-LAIN**

- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## Rajah 5.37 : Pelan Cadangan Zon Kawalan Pembangunan Zon Persisiran Pantai




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

**PERUMAHAN**
- Perumahan Sedia Ada

**KOMERSIAL**
- Komersial Sedia Ada

**INDUSTRI**
- Industri Sedia Ada

**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Sedia Ada
- Kesihatan Sedia Ada
- Keagamaan Sedia Ada
- Perkuburan Sedia Ada
- Keselamatan Sedia Ada
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Sedia Ada
- Kemudahan Awam Sedia Ada

**TANAH LAPANG DAN REKREASI**
- Tanah Lapang dan Rekreasi Sedia Ada

**PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN**
- Jalan Utama Sedia Ada
- Jalan Sokongan Sedia Ada
- Kemudahan Pengangkutan Sedia Ada

**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**
- Bekalan Elektrik Sedia Ada
- Bekalan Air Sedia Ada
- Pengairan dan Perparitan Sedia Ada
- Bekalan Gas Sedia Ada
- Telekomunikasi Sedia Ada
- Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada
- Pembetungan Sedia Ada
- Rentis Elektrik Sedia Ada

**HUTAN**
- Hutan Simpan Kekal
- Hutan Tanah Kerajaan
- Kawasan Berhutan

**BADAN AIR**
- Sungai
- Empangan
- Pantai

**LAIN-LAIN**
- Sempadan Daerah / Negeri
- Sempadan Mukim
- Sempadan Blok Perancangan (BP)
- Sempadan Blok Perancangan Kecil (BPK)

**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**
- Padi Sedia Ada
- Pertanian (Selain Padi) Sedia Ada`
- Akuakultur Sedia Ada

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T1S9<br>Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko bagi Meminimakan Impak Kawasan Banjir dan Hakisan | T1S9-C7<br>CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI ROMPIN | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Kejadian yang kerap berlaku disebabkan oleh ketidakupayaan sungai sedia ada untuk menampung taburan hujan yang tinggi.
2. Mengambil kira taburan hujan ARI 100 tahun bagi kawasan Lembangan Sungai Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mendalam dan memperluaskan Sungai Rompin bagi menampung kapasiti taburan air hujan yang tinggi sehingga mencapai ARI 100 tahun.
2. Mengurangkan kejadian banjir akibat daripada limpahan air sungai Rompin

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Kerja-kerja mendalam dan memperluaskan Sungai Rompin.

**B** Cadangan Penyediaan Kolam Takungan Air.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Jarak**

1. Sungai Rompin (150m – 200m lebar, 23m – 25m kedalaman)
   - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 1.20m – 2.80m
2. Sungai Sekin ( 50m lebar, 6.0 – 13.0 kedalaman)
3. Sungai Gayung ( 40m lebar, 6.0m – 14.0m kedalaman)
   - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 2.4m – 2.6m
4. Sungai Jeram (50m lebar, 12.0 kedalaman)
   - Cadangan Kolam Takungan Banjir 25hektar, 15.0m kedalaman
5. Sungai Kepasing (50.0m lebar, 8.0m kedalaman)
   - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 0.6m
   - Cadangan kolam takungan banjir 20 hektar, 5.0m kedalaman
6. Sungai Jeram (50.0m lebar, 18.0m kedalaman)
   - Cadangan kolam takungan banjir 20 hektar, 10m kedalaman
7. Sungai Aur (50.0m lebar, 11.0m – 18.0m kedalaman)
   - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 1.0m – 0.6m
8. Sungai Pukin ( 30.0m lebar, 8.0m – 12.0m kedalaman)
   - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 1.5m – 1.6m
   - Cadangan kolam takungan banjir 20 hektar, 11m kedalaman
9. Sungai Jekatih (30.0m lebar, 8.0m kedalaman)
   - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 2.0m
   - Cadangan kolam takungan banjir 20 hektar, 10m kedalaman
10. Sungai Keratong (50.0m – 100.0m lebar, 12.0m - 15.0m kedalaman)
    - Cadangan Ketinggian Ban Banjir 1.50m - 1.80m

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ☑ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran

1. Perkhidmatan para transit desa mengguna pakai konsep *Demand Responsive Transit* dan ia diperkenalkan kepada kelompok masyarakat bagi menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam berdasarkan permintaan dan destinasi yang ingin dituju.
2. Pendekatan ini membolehkan pengguna mendapatkan akses pengangkutan awam tanpa perlu menunggu waktu dan tempat yang ditetapkan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Memastikan kawasan luar bandar mendapat liputan dan kemudahan pengangkutan yang baik
2. Menyelesaikan masalah teksi tanpa permit dan laluan perjalanan pengangkutan awam yang tidak menguntungkan di kawasan luar bandar

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen pembangunan bagi cadangan ini adalah:

**A** Menyediakan mod pengangkutan seperti bas mini/van mini

**B** Menawarkan Operasi Para Transit Melalui Aplikasi Dalam Talian

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**Lokasi**

1. Kawasan tumpuan pelancongan (Mukim Pontian, Endau dan Kuala Rompin)
2. Kawasan tumpuan luar bandar (Mukim Keratong dan Mukim Endau)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pihak Swasta

**D. Agensi Pemantau**

1. APAD

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pihak Swasta

## A Menyediakan Mod Pengangkutan Seperti Bas Mini/Van Mini

Perkhidmatan para transit desa boleh digunakan melalui kenderaan kecil seperti bas mini atau van mini bagi mengumpulkan kelompok kecil berdasarkan permintaan ke sesuatu tempat. Kenderaan ini dapat digunakan secara efisien dan cepat tanpa mengikut laluan tetap.


Perkhidmatan ini juga boleh diuruskan oleh koperasi kampung atau penduduk tempatan sebagai salah satu medium menjana ekonomi setempat.




Contoh Kenderaan Para Transit (Bas Mini Dan Van Mini)


## B Menawarkan Operasi Para Transit Melalui Aplikasi dalam Talian

Penyediaan aplikasi dalam talian yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan awam berdasarkan permintaan. Perkhidmatan tersebut dapat menghubungkan kepada penduduk setempat mengikut destinasi pilihan seperti kedai runcit, kedai serbaneka, pejabat, kawasan kediaman dan stesen pengangkutan awam yang lain. Ia juga difokuskan kepada kawasan luar bandar dengan menggunakan fungsi yang sama sebagaimana di kawasan bandar.




Contoh Aplikasi dalam Talian Bagi Menghubungkan kepada Perkhidmatan Para Transit

## Rajah 6.11: Pelan Cadangan Liputan Perkhidmatan Para Transit di Kawasan Pelancongan dan Kawasan Luar Bandar




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**Cadangan Perkhidmatan Para Transit**

- Cadangan Liputan Perkhidmatan Pengangkutan Para Transit
- 63 Kod Jalan Raya
- Spot perkhidmatan para transit

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



**STRATEGI** **T2S2**
Meningkatkan Perhubungan Bandar Ke Kawasan Pelancongan Dan Kawasan Luar Bandar

**CADANGAN** **T2S2-C6**

# CADANGAN MENDALAMKAN SUNGAI DAN MENYEDIAKAN PLATFORM PENDARATAN BOT YANG MENCUKUPI DI SUNGAI KAMPUNG TEKEK

**AGENDA** SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03

**KATEGORI** SK (SOKONGAN)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Kawasan jeti penduduk di Kampung Tekek menjadi salah satu tarikan pelancongan di Pulau Tioman.
2. Keadaan semasa menunjukkan kurang daripada 20 bilangan bot yang dapat ditempatkan sepanjang sungai di Kampung Tekek.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Meluaskan alur pelayaran bot-bot kecil di sepanjang sungai
2. Mengurangkan isu kekurangan parkir bot-bot kecil di sepanjang sungai.
3. Meningkatkan imej pelancongan di Kampung Tekek.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen pembangunan bagi cadangan ini adalah:

**A** Menjalankan Aktiviti Pengorekan Sungai Sedalam 1.5meter

**B** Menyediakan Platform yang Mencukupi bagi Pendaratan Bot

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Sungai Kampung Tekek, Pulau Tioman (0.26km)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2028)
- **SEDERHANA** (2029 - 2031)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
2. Pejabat Laut Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**


1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
2. Pejabat Laut Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
2. Pejabat Laut Daerah Rompin

## A Menjalankan Aktiviti Pengorekan Sungai Sedalam 1.5 Meter

Cadangan bagi mendalamkan sungai sebanyak 1.5 meter dapat meluaskan alur pelayaran di samping memudahkan aktiviti keluar masuk bot di kawasan sepanjang sungai ini. Aktiviti pelebaran sungai juga boleh dijalankan dengan maksimum 10 meter.




Keratan rentas gambaran Sungai Kampung Tekek


## B Menyediakan Platform yang Mencukupi bagi Pendaratan Bot

Jarak semasa bagi perletakan bot adalah sepanjang 260 meter dan hanya dapat menempatkan 15-20 bot sahaja di kawasan tersebut. Keperluan untuk menambah platform menurunkan penumpang tanpa melibatkan pembinaan struktur kekal adalah penting bagi memastikan parkir bot-bot mencukupi seiring dengan kedatangan pelancong yang lebih ramai pada masa hadapan.





Lokasi Kawasan Parkir Bot-Bot Kecil di Sungai Kampung Tekek

## Rajah 6.12: Pelan Cadangan Menambah baik Jeti Penduduk di Kampung Tekek, Pulau Tioman




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### JETI KAMPUNG TEKEK




### PETUNJUK

**Cadangan Menambah Baik**

- Cadangan Menambah Baik Jeti Penduduk Kampung Tekek

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S3<br>Meningkatkan Keupayaan dan Tahap Keberkesanan Pengurusan Sisa Pepejal | T2S3-C1<br>CADANGAN MENAIK TARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL ROMPIN KEPADA TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI MUADZAM SHAH DAN KG FERI | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Keperluan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari yang lebih mesra alam serta kemampuan kapasiti yang lebih tinggi dan jangka hayat yang lebih lama untuk menampung keperluan jangaan sisa pepejal bagi kawasan Daerah Rompin seiring dengan perancangan pembangunan menjelang tahun 2035`.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada yang tidak dapat menampung keperluan perancangan pembangunan sehingga tahun 2035.
2. Tapak pelupusan sisa pepejal jenis terbuka (Open Dumpsite) yang perlu dinaik taraf kepada tapak pelupusan jenis sanitari yang lebih mesra alam.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Unit Proses Loji Pengolahan Air Larut Resap
- **B** Kemudahan Fasiliti Pengasingan Sisa Kitar Semula
- **C** Penambahan Sel Sampah Lengai dan Sanitari

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada Muadzam Shah
2. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada Kg Feri

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. SWCorp

**D. Agensi Pemantau**


1. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

**E. Agensi Pelaksana**

1. SWCorp
2. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

## A Unit Proses Loji Pengolahan Air Larut Resap

Air larut resap yang terhasil daripada timbunan sampah akan mengalir kedalam unit proses pengolahan air larut resap untuk rawatan. Rawatan digunakan terdiri daripada sistem penapis pasir dan karbon teraktif. *Efluen* yang dirawat di alirkan ke takat pelepasan akhir, kemudian dilepaskan ke sistem pengairan.




Illustrasi Pelan Susunatur Loji Air Larut Resap

## B Kemudahan Fasiliti Pengasingan Sisa Kitar Semula

Penyediaan pengasingan sisa kitar semula atau *Material Recovery Facility (MRF*) perlu disediakan di kedua-dua tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada iaitu di Muadzam Shah dan juga Kg Feri. Penyediaan sistem ini mampu untuk mengasingan bahan buangan kitar semula dan dijadikan sebagai bahan yang bernilai. Penyediaan fasiliti ini juga mampu untuk menyokong kepada peningkatan kadar kitar semula justeru mencapai sasaran kebangsaan 40% kadar kitar semula menjelang tahun 2025.



Penyedian Fasiliti Pengasingan Sisa Kitar Semula

## C Penambahan Sel Sampah Lengai dan Sanitari

Bagi meningkatkan keupayaan tapak pelupusan sisa pepejal di Muadzam Shah dan Kg Feri, penambahan sel sampah lengai dan sanitari diperlukan bagi memanjangkan tempoh hayat tapak pelupusan sedia ada. Penambahan sel sampah yang baru ini akan dapat menampung keupayaan janaan sisa pepejal sehingga tahun 2035.


**Jadual 6.11 : Perbezaan Tapak Pelupusan Sanitari dengan Tapak Pelupusan Terbuka**

| TAPAK PELUPUSAN SANITARI | TAPAK PELUPUSAN TERBUKA |
|---|---|
| Mempunyai pelbagai lapisan pelapik dan sistem pengumpulan air larut resap untuk mencegah kebocoran air larut resap ke dalam tanah | Tidak mempunyai sebarang pelapik atau sistem pengumpulan air larut resap |
| Sampah dimampat dan dilapisi dengan timbusan tanah | Sampah dibiarkan terdedah tanpa timbusan |
| Mempunyai sistem rawatan air resapan | Tiada sistem rawatan air resapan. Air resapan yang terhasil biasanya mengalir ke permukaan air sungai berdekatan dan menyebabkan pencemaran. |
| Pengurusan sistem gas yang komprehensif serta kemudahan penghasilan tenaga hijau | Tiada sistem pengurusan gas dan berisiko kepada pencemaran dan pembebasan gas rumah hijau |
| Mempunyai zon penampan | Tiada zon penampan dan berisiko |



Lokasi Cadangan Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Feri

Lokasi Cadangan Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Muadzam Shah








**STRATEGI** | **CADANGAN** | **AGENDA** | **KATEGORI**

**T2S3**
**Meningkatkan Keupayaan dan Tahap Keberkesanan Pengurusan Sisa Pepejal**

**T2S3-C2**

# MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PUSAT KITAR SEMULA DAERAH ROMPIN

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 03

**SK**
**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Sasaran kebangsaan untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 40% menjelang tahun 2025 (Kadar kitar semula tahun 2022 : 33.17%)
2. Mengurangkan janaan sisa pepejal yang perlu dilupuskan di tapak pelupusan sisa pepejal justeru memendekkan jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Meningkatkan kadar kitar semula bagi Daerah Rompin bagi menyokong sasaran kebangsaan 40% kadar kitar semula menjelang tahun 2025.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Penyediaan pusat kitar semula jenis pandu lalu (*Drive Thru*) serta pusat informasi amalan kitar semula

**B** Penyediaan tong kitar semula dan kiosk layan diri pembelian botol plastik, kaca dan tin minuman

**C** Penyediaan aplikasi pembelian barangan kitar semula termasuk pembelian minyak masak terpakai

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Cadangan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu
1. Pasar Awam Kuala Rompin
2. Pasar Besar Muadzam Shah

Kiosk layan Diri Kitar Semula dan tong kitar semula
1. Masjid Tengku Ampuan Afzan Bandar Muadzam Shah
2. TMG Mart Rompin
3. *Vision Commerce Duty Free* Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. SWCorp dan Alam Flora

**D. Agensi Pemantau**

1. SWCorp

**E. Agensi Pelaksana**


1. Majlis Daerah Rompin
2. SWCorp
3. Alam Flora

## A Penyediaan Pusat Kitar Semula Jenis Pandu Lalu (*Drive Thru*) Serta Pusat Informasi Amalan Kitar Semula

Penyediaan kemudahan pusat kitar semula bagi kawasan Kuala Rompin dan Bandar Muadzam Shah adalah bagi memberikan kemudahan kepada penduduk Daerah Rompin untuk menjual atau menyerahkan barangan kitar semula kepada pihak SWCorp rompin atau pihak NGO yang ingin memberi khidmat bakti kepada Daerah rompin.

Selain itu, komponen penting dalam penyediaan pusat kitar semula dengan kaedah pandu lalu boleh memudahkan penduduk Daerah Rompin untuk menjual terus dari kenderaan. Penyediaan tong kitar semula disediakan walaupun berada di luar waktu urusan jual beli.










Gambaran Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Yang Telah Tersedia.


Lokasi Cadangan Penyediaan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu (Drive Thru)








Lokasi Cadangan Penyediaan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu (Drive Thru) Bandar Muadzam Shah.



## B Penyediaan Tong Kitar Semula dan Kiosk Layan Diri Pembelian Botol Plastik, Kaca dan Tin Minuman

Seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin berkembang, terdapat penggunaan kiosk layan diri dalam pembelian semula barangan kitar semula seperti botol plastik, kaca dan sebagainya yang diletakan di kawasan tumpuan seperti di kawasan pusat membeli belah. Penyediaan kiosk ini mampu untuk mengalakan penduduk untuk mengamalkan amalan kitar semula.




Pihak Lotus's menyediakan tong kitar semula bagi penduduk untuk kitar semula barangan.





Penyediakan kiosk layan diri bagi pembelian semula barangan kitar semula bagi botol dan tin minimum sahaja.





Penyediakan kiosk layan diri oleh pihak MPAJ untuk kegunaan orang ramai.




Cadangan perletakan tong kitar semula dan kiosk pembelian semula barangan kitar semula di Masjid Tengku Ampuan Afzan Bandar Muadzam Shah




Cadangan perletakan tong kitar semula dan kiosk pembelian semula barangan kitar semula di TMG market Rompin




Cadangan perletakan tong kitar semula dan kiosk pembelian semula barangan kitar semula Vision Commerce Duty Free Pulau Tioman

## C Penyediaan Aplikasi Pembelian Barangan Kitar Semula Termasuk Pembelian Minyak Masak Terpakai

Penyediaan Aplikasi telefon mudah alih mampu mengubah pelaksanaan amalan kitar semula yang lebih praktikal dan efisien. Aplikasi yang tersedia seperti KITARecycle yang disediakan oleh pihak SWM Environment membolehkan pengguna mengumpul mata ganjaran dan mengambil barangan kitar semula di kawasan kediaman.




Aplikasi Telefon Mudah Alih yang Boleh Digunakan oleh Penduduk



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S4 | T2S4-C1 | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

**Penyediaan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Terbaik dan Lestari**

# CADANGAN PENYAMBUNGAN PAIP RETIKULASI BEKALAN AIR BERSIH BAGI KAWASAN PENDALAMAN DI BAWAH PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Membekalkan bekalan air bersih daripada sistem retikulasi bekalan air bersih ke kawasan yang tidak dapat mendapat bekalan air bersih daripada perkhidmatan bekalan air PAIP.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Terdapat kawasan yang jauh daripada paip utama yang memerlukan penyambungan paip retkulasi yang baru bagi membekalkan bekalan air bersih di bawah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Sistem Paip Retikulasi dan tangki perkhidmatan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Rumah Gen 2 Keratong 5, Bukit Ibam (14 buah rumah)
2. Jln Kedaik – Muadzam Shah (10 buah rumah)
3. Jln Pintu Gerbang Leban Chondong – Rantau Panjang (5 buah rumah)
4. Bandar Muadzam Shah (Berhampiran Desa Tanjung) 100 buah rumah
5. Perkampung Orang Asli Cheras, Bukit Ibam (6 buah rumah)
6. Kampung Kolam (20 unit rumah)
7. Jalan Kampung Kolam (4 unit rumah)
8. Jalan Sungai Meranti (10 unit rumah)
9. Jalan Jeti Kg Selancar Telok Gading (15 unit rumah)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pengurusan Air Pahang Berhad

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pengurusan Air Pahang Berhad
2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

## A Sistem Paip Retikulasi dan Tangki Perkhidmatan

Penyediaan sistem paip retikulasi dan tangki perkhidmatan adalah salah satu komponen dalam memastikan pengagihan bekalan air bersih sampai ke kawasan penduduk Daerah Rompin. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi menyabungkan kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mendapat bekalan air bersih daripada operator perkhimdatan air bersih iaitu pihak PAIP.




Lokasi Kawasan Cadangan Keratong 5

Skop Projek : Memasang baru paip retikulasi. Kedudukan paip utama jauh daripada kediaman pengguna membina tangki perkhidmatan

**Anggaran Panjang Paip : 3,000 meter**



Lokasi Kawasan Cadangan Jln Kedaik – Muadzam Shah

Skop Projek : Memasang baru paip retikulasi. Kedudukan paip utama jauh daripada kediaman pengguna

**Anggaran Panjang Paip : 10,000 meter**




Lokasi Kawasan Cadangan Kampung Kolam/Jalan Kg Kolam

Skop Projek : Memasang baru paip retikulasi. Kedudukan paip utama jauh daripada kediaman pengguna

**Anggaran Panjang Paip : 4,800 meter**




Lokasi Kawasan Cadangan Bandar Muadzam Shah (Berhampiran Desa Tanjung)

Skop Projek : Mengubah laluan falling main yang berada di bawah premis di Desa Tanjung

1. Menyambung bekalan air sedia ada untuk membekalkan air ke Kg Gadak **Anggaran Panjang Paip : 5,000 meter**



Lokasi Kawasan Cadangan Jalan Jeti Kg Selancar Telok Gading

Skop Projek : Memasang baru paip retikulasi. Kedudukan paip utama jauh daripada kediaman pengguna

**Anggaran Panjang Paip : 2,500 meter**




Lokasi Kawasan Cadangan Jalan Sungai Meranti

Skop Projek : Memasang baru paip retikulasi. Kedudukan paip utama jauh daripada kediaman pengguna

**Anggaran Panjang Paip : 6,000 meter**

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S4<br>Penyediaan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Terbaik dan Lestari | T2S4-C2<br>CADANGAN MEMBINA *OFF RIVER STORAGE* DAN LOJI RAWATAN AIR BERSIH DI SUNGAI PUKIN | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Kolam takungan bagi menyimpan bekalan air mentah bagi kegunaan loji rawatan air bersih bagi kegunaan penduduk Daerah Rompin
2. Mengurangkan kadar larian air permukaan bagi kawasan Sungai Pukin.
3. Meningkatkan keupayaan bekalan air bersih bagi Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Sumber air mentah baru bagi menampung keperluan bekalan air bersih bagi penduduk Daerah Rompin
2. Loji rawatan air bersih yang baru mampu untuk menawarkan bekalan air bersih kepada setiap penduduk bagi Daerah Rompin secara berterusan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** *Cadangan Pembinaan Sistem Off River Storage (ORS) Sg Pukin, Rompin*
- **B** *Kolam Takungan Air (Off River Storage), Ban, Pam dan Pintu Air.*
- **C** Cadangan Loji Rawatan Air Bersih Sg Pukin, Rompin

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Sungai Pukin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pengurusan Air Pahang Berhad

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
2. BKSA Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pengurusan Air Pahang Berhad
2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

## A Cadangan Pembinaan Sistem *Off River Storage (ORS)* Sg Pukin, Rompin

Cadangan pembinaan sistem *Off River Storage (ORS)* Sg Pukin, Rompin perlu dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air bersih bagi kawasan Daerah Rompin terutama bagi kawasan mukim Keratong mendapat bekalan air bersih yang mencukupi. Peletakan lokasi, reka bentuk pusat takungan air serta impak yang akan berlaku dapat dinilai dan dikaji sebelum pelaksanaan projek dilakukan. Selain itu, kajian ini dapat menilai kebolehan pusat takungan air dapat menakung berapa m3 air mentah serta boleh dijadikan dwi fungsi untuk kolam takungan banjir bagi kawasan Sg Pukin.



**Contoh Pelaksanaa yang Meneliti Kawasan Berpotensi untuk Dijadikan Sebagai Kolam Takung Air (*Off River Storage*)**

## B Kolam Takungan Air (*Off River Storage*), Ban, Pam dan Pintu Air

Komponen utama dalam cadangan membina kolam takungan air (*Off River Storage, ORS*) adalah terdiri daripada pusat takungan air, ban, pam air dan pintu air. Kedudukan bersesuaian bagi *Off River Storage* adalah di Sungai Pukin.




**Contoh *Off River Storage (ORS) yang telah dilaksanakan di Kuala Selangor.***

## C Cadangan Loji Rawatan Air Bersih Sg Pukin, Rompin

Pembinaan Loji Rawatan Air Bersih baru di Sg Pukin dapat menampung kapasiti bekalan air bersih sebanyak 8 juta gelen sehari. Peningkatan kapasiti bekalan air bersih ini dapat menjamin pembekalan air bersih yang berterusan tanpa ada kacau ganggu bagi penduduk Daerah Rompin sehingga tahun 2035.



**Gambaran Loji Rawatan Air Bersih**




**Contoh RASAU Projek Air Selangor**

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S4<br>Penyediaan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Terbaik dan Lestari | T2S4-C3<br>CADANGAN MENAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR SG AUR | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Keupayaan loji rawatan air Sg Aur yang boleh dipertingkatkan bagi memastikan bekalan air bersih mencukupi untuk penduduk Daerah Rompin sehingga tahun 2035.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Keperluan bekalan air bersih yang semakin meningkat seiring dengan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan Daerah Rompin sehingga tahun 2035.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Menaik taraf loji rawatan air bersih Sg Aur daripada 8 juta gelen sehari kepada 16 juta gelen sehari

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Loji Rawatan Air Sungai Aur

**B. Fasa Pelaksanaan**

- SEGERA (2025)
- PENDEK (2026 - 2030)
- ☑ SEDERHANA (2031 - 2035)
- JANGKA PANJANG

**C. Agensi Pemula**

1. PAIP Sdn Bhd

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

**E. Agensi Pelaksana**


1. PAIP Sdn Bhd
2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

## A Menaik Taraf Loji Rawatan Air Bersih Sg Aur Daripada 8 Juta Gelen Sehari kepada 16 Juta Gelen Sehari

Loji rawatan air bersih sedia ada di Sungai Aur hanya mampu untuk menjanakan sebanyak 8 juta gelen sehari. Cadangan menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Aur kepada 16 juta gelen sehari dapat menampung keperluan bekalan air bersih menjelang tahun 2035. Antara komponen bagi menaik taraf loji rawatan air adalah :-

1. Cadangan menaik taraf tangki penapisan air bersih
2. Penyediaan tangki air bersih
3. Menaik taraf pam air mentah dan air terawat serta kerja-kerja berkaitan

**Loji Rawatan Air Sungai Aur**



STRATEGI

**T2S4**

Penyediaan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Terbaik dan Lestari

CADANGAN

**T2S4-C4**

# CADANGAN PROJEK BEKALAN AIR (BALB) PULAU TIOMAN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 03

KATEGORI

**UT**
(UTAMA)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Menyediakan bekalan air bersih terawat bagi sekitar penduduk Pulau Tioman

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Menaik taraf sistem bekalan air sedia ada di Pulau Tioman bagi kegunaan penduduk di Pulau Tioman mengikut sepertimana keperluan SPAN dan penyaluran air bersih kepada pengguna.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Cadangan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Kg Tekek, Tioman
- **B** Cadangan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Kg Genting, Kg Salang dan Kg Mukut
- **C** Cadangan Pengurusan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Pulau Tioman

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

**E. Agensi Pelaksana**


1. Lembaga Pembangunan Tioman
2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
3. Pengurusan Air Pahang
4. Swasta

## A Cadangan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Kg Tekek, Tioman

1. Luas kawasan tadahan air mentah bagi loji rawatan air Pulau Tioman merangkumi 24.12KM$^2$. Potensi kawasan tadahan air ini mampu untuk membekalkan sumber air mentah kepada penduduk Pulau Tioman
2. Keupayaan loji rawatan air bersih Pulau Tioman/ Kg Tekek berdasarkan daripada kawasan tadahan yang meluas, ianya mampu untuk membekalan sumber air mentah kepada loji rawatan air kemudian dibekalkan kepada penduduk tioman.
3. Kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air sedia ada bagi menampung keupayaan bekalan air bersih yang lebih tinggi perlu dilaksanakan seperti penyediaan tangki bekalan air bersih yang baru serta sistem retikulasi yang lebih menyeluruh merangkumi keseluruhan kawasan penduduk Kg Tekek, Kg Air batang dan Kg Genting.

**Jadual 6.12 : Luas Tadahan Sumber Air Mentah Loji Rawatan Air Pulau Tioman**

| NO | NAMA SUNGAI | LUAS KAWASAN TADAHAN (KM$^2$) |
|---|---|---|
| 1 | Sg. Air Besar | 1.97 |
| 2 | Sg. Lalang | 1.61 |
| 3 | Sg. Juara | 3.85 |
| 4 | Sg. Mentawak | 16.69 |
| **JUMLAH** | | **24.12** |




**Rajah 6.13 : Pelan Skematik Sistem Bekalan Air Bersih Kg, Tekek, Pulau Tioman**

**Jadual 6.13 : Fasa Pelaksanaan Penyambungan Bekalan Air Bersih Kg Tekek**

| NO | LOKASI | TAHUN | CADANGAN PANJANG PAIP RETIKULASI | BILANGAN RUMAH | CADANGAN BEKALAN AIR |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kg Tekek dan Kg Air Batang | 2025 | 1.82km | 535 unit | Tangki 2.5JLH + 4JLH (Sedia Ada |

4. Seiring dengan pembangunan projek naik taraf Jalan Persisiran Pantai Pulau Tioman, cadangan bagi penyambungan kepada setiap kawasan penempatan di Pulau Tioman perlu disediakan.
5. Cadangan penyediaan tangki simpanan bekalan air bagi setiap kawasan penempatan bagi memastikan pembekalan bekalan air bersih sentiasa mencukupi terutama ketika waktu puncak masa perayaan atau musim percutian sekolah.



Tangki Air Bersih Sediada

## B Cadangan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Kg Genting, Kg Salang dan Kg Mukut

1. Cadangan loji rawatan air bersih dan sistem retikulasi bekalan air di kawasan Kg Salang dan Kg Mukut.
2. Penyediaan sistem bekalan ini adalah untuk memastikan pengagihan bekalan air bersih yang cekap dan efisien bagi setiap penduduk dan pengusaha chalet.

**Jadual 6.14 : Fasa Pelaksanaan Penyambungan Bekalan Air Bersih Kg Salang dan Kg Mukut**

| NO | LOKASI | TAHUN | CADANGAN PANJANG PAIP RETIKULASI | BILANGAN RUMAH | CADANGAN BEKALAN AIR |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kg Salang | 2030 | 1.08km | 40 unit | Loji Rawatan Air 1.0 JLH |
| 2 | Kg Mukut | 2030 | 1.02km | 70 unit | Loji Rawatan Air 1.0 JLH |
| 3 | Kg Tekek – Kg Genting | 2030 | 4.80km | 86 unit | Loji Rawatan Air 1.0 JLH |

3. Cadangan penyediaan 1 loji rawatan air dengan kapasiti 1.0 juta liter sehari bagi Kg Salang, Kg Genting dan Kg Mukut dengan memgambil kira keupayaan penyimpanan bekalan air sehingga 3 hari.

## C Cadangan Pengurusan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Pulau Tioman

1. Penyediaan sistem retikulasi serta loji rawatan air bersih di Pulau Tioman sudah tersedia, tetapi tiada pengurusan pembekalan air bersih terdapat di kawasan Pulau Tioman bagi memastikan pengagihan bekalan air bersih berada di tahap yang terbaik.
2. Pihak Perbadanan Air Pahang Berhad (PAIP) akan bertanggungjawab bagi memastikan pembekalan air bersih diterima oleh penduduk Pulau Tioman.
3. Memantau tahap kebersihan air yang diagihkan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak SPAN.
4. Memastikan tekanan bekalan air bersih yang diterima oleh penduduk berada di tahap optimum
5. Membaik pulih sistem retikulasi yang rosak
5. Pemasangan *Smart* meter bekalan air
6. Selain itu, caj perkhidmatan pembekalan air domestik hanya dikenakan kepada pengguna yang mengunakan bekalan air bersih melebihi 20m3 air sahaja.






Penyediaan Smart Meter Membolehkan Pengguna Untuk Memantau Penggunaan Bekalan Air Bersih

STRATEGI

**T2S4**

**Penyediaan Perkhidmatan Bekalan Air Bersih Terbaik dan Lestari**

CADANGAN

**T2S4-C5**

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 03

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

# CADANGAN PENGGANTIAN PAIP RETIKULASI YANG USANG ATAU JENIS *ASBESTOS SIMEN*

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Penggantian paip usang yang melebihi 10 tahun atau jenis asbestos simen perlu dilakukan bagi memastikan pengagihan bekalan air bersih berada di tahap optimum.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Kadar air tidak terakaun (NRW) yang telah mencapai sehingga 48% (Tahun 2024) yang tinggi menyebabkan pengagihan bekalan air bersih tidak efisien dan membazir.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan penggantian paip retikulasi yang usang (melebihi 10 tahun dan jenis *asbestos simen*)

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Liputan LRA Keratong
2. Liputan LRA Sepayang
3. Liputan LRA Muadzam Shah
4. Liputan LRA Sg Aur
5. Liputan LRA Selendang

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. PAIP Sdn Bhd

**D. Agensi Pemantau**


1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

**E. Agensi Pelaksana**

1. PAIP Sdn Bhd
2. Pengurusan Aset Air Berhad

## A Cadangan Penggantian Paip Retikulasi yang Usang (Melebihi 10 Tahun dan Jenis *Asbestos Simen)*


1. Paip jenis asbestos simen yang digunakan merupakan paip yang telah digunapakai melebihi 10 tahun dimana terdapat penggunaan paip retikulasi yang lebih cekap berbanding penggunaan paip jenis asbestos simen.
2. Paip asbestos simen ini mempunyai kadar resapan air yang tinggi dan kadar untuk kebocoran amat tinggi.






Gambaran Kerja-kerja Penggantian Paip yang Giat Dijalankan

**Rajah 6.14 : Pelan Cadangan Pengantian Paip Usang dan Jenis Asbesto Simen**




**1** Liputan LRA Keratong:-
1. Paip 600mm AC dari Tangki Servis Selancar – Selancar 3/ Tangki Air Perwira Jaya
2. Paip 250mm AC dari Tangki Servis Melati – Kota Shahbandar/Bukit Serok/ Tangki Imbangan Sg Mengah/ Tangki Servis Kota Bahagia
3. Paip 250 AC Tangki Servis Cenderawasih

**2** Liputan LRA Sepayong :-
1. Paip AC 150mm Dari Tangki Servis Tanjung Gemok – Tanjug Pahang
2. Paip AC 150 mm kawasan Jeti Tg Gemuk
3. Paip AC 200 mm Kg Lanjut/ Kg Pantai

**3** Liputan LRA Sungai Aur
1. Paip AC 200mm dari tangki servis Kedaik
2. Paip AC 300mm dari paip retikulasi ke Kompleks Sukan/ PLKN
3. Paip AC 600 dan 300 mm dari tangki servis Muadzam Shah

*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## LOKASI PENGGANTIAN PAIP USANG DAN JENIS ASBESTOS SIMEN

**4** Liputan LRA Muadzam Shah
1. Paip AC 200mm dari Tangki Servis Kedaik – KOA Kedaik
2. Paip AC 300mm dari tangki Muadzam Shah 1 ke Kawasan Perindustrian


**5** Liputan LRA Selendang
1. Paip AC 150 mm KOA Bukit Serdang
2. Paip AC 150 mm RTP Bukit Serdang
3. Paip AC 150 – 200mm Perumahan Kilang Sawit Felda Selendang

## PETUNJUK

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



**Jadual 6.15 : Cadangan Jadual Pelaksanaan Kerja-kerja Penggantian Paip Usang dan Asbestos Simen**

| BIL | LIPUTAN PERKHIDMATAN LRA | PERKARA | ANGGARAN TAHUN KERJA-KERJA PENGANTIAN PAIP | ANGGARAN PANJANG PENGGATIAN PAIP AC/USANG | KAWASAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | LRA Keratong | Paip 600mm AC dari Tangki Servis Selancar – Selancar 3/ Tangki Air Perwira Jaya<br>Paip 375mm kawasan FELDA Selancar 2, 4 dan 5. | 2025 – 2026 (1 tahun) | >5.5km Paip AC 600mm kepada 600mm MS paip.<br>>15km paip AC 375mm kepada 375 HDPE Paip | Felda Selancar 2,3,4 dan 5 |
| | | Paip 250mm AC dari Tangki Servis Melati – Kota Shahbandar/Bukit Serok/ Tangki Imbangan Sg Mengah/ Tangki Servis Kota Bahagia | 2026 – 2027 (1 tahun) | >6.5km Paip AC 250 kepada 250m HDPE paip | Kota Shahbandar, Kota Bahagia |
| | | Paip 250 AC Tangki Servis Cenderawasih | 2027 – 2028 (1 tahun) | >3.5 km Paip AC 250mm AC kepada 250mm HDPE paip | Felda Cenderawasih |
| 2 | LRA Sepayang | Paip AC 150mm Dari Tangki Servis Tanjung Gemok – Tanjung Pahang | 2028 – 2030 (2 tahun) | > 10km paip AC 150mm – 200mm kepada 150mm – 200mm HDPE. | Teluk Gading, Tanjung Pahang, Kg Lanjut, Kg Pantai, Jeti Telok Gading. |
| | | Paip AC 150 mm kawasan Jeti Tg Gemuk | | | |
| | | Paip AC 200 mm Kg Lanjut/ Kg Pantai | | | |
| 3 | LRA Sungai Aur | Paip AC 200mm dari tangki servis Kedaik | 2030 – 2031 (1 tahun) | > 5.5km Paip AC 200mm – 300mm kepada 200mm – 300mm HDPE paip. | Muadzam shah Politeknik, Kompleks Sukan, |
| | | Paip AC 300mm dari paip retikulasi ke Kompleks Sukan/ PLKN | | | |
| | | Paip AC 600 dan 300 mm dari tangki servis Muadzam Shah | 2031 – 2032 (1 tahun) | > 10km Paip AC 600mm – 300mm kepada 600mm – 300mm MS Paip. | Bandar Muadzam Shah |
| 4 | LRA Muadzam Shah | Paip AC 200mm dari Tangki Servis Kedaik – KOA Kedaik | 2032 – 2033 (1 tahun) | > 1.5km paip AC 200mm kepada 200mm HDPE paip. | Kg Orang Asli Kedaik, Kedaik, |
| | | Paip AC 300mm dari tangki Muadzam Shah 1 ke Kawasan Perindustrian | 2033 – 2034 (1 tahun) | > 6.0km AC paip 300mm kepada 300mm HPDE paip. | Kawasan Perindustrian Muadzam Shah |
| 5 | LRA Selendang | Paip AC 150 mm KOA Bukit Serdang | 2034 – 2035 (1 tahun) | > 3.5km paip AC 150mm – 200mm kepada 150mm – 200mm HDPE paip. | Felda Seldengan, Kg Orang Asli Selendang, Bukit Serdang |
| | | Paip AC 150 mm RTP Bukit Serdang | | | |
| | | Paip AC 150 – 200mm Perumahan Kilang Sawit Felda Selendang | | | |

1. Perancangan penggantian paip usang atau jenis *Asbesto Simen* (AC) perlu digantikan dengan jenis paip yang lebih berkualiti iaitu jenis *Mild Steel* (MS) bagi paip yang melebihi 500mm dan jenis HDPE kepada 150mm – 300mm.
2. Perancangan penggantian paip ini bergantung kepada perancangan yang tertakluk kepada perancangan pihak yang dipertanggungjawab seperti pihak PAIP Bhd. dan juga dengan kerjasama oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi memastikan kadar air tidak terakaun (NRW) 52% dapat dikurangkan dan mencapai sasaran kadar NRW minimum 35%.

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S5<br>Mempertingkatkan Keupayaan Sistem Pembetungan dan Keupayaan Liputan Jalur Lebar Daerah Rompin | T2S5-C1<br>CADANGAN LOJI RAWATAN SISA KUMBAHAN BERPUSAT DI SALANG DAN TEKEK | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Penyediaan loji rawatan sisa kumbahan berpusat untuk merawat sisa buangan kumbahan yang terhasil daripada pembangunan sedia ada yang terdapat di kawasan Kg Salang dan Kg Tekek.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pengurusan sisa kumbahan yang cekap bagi kawasan Pulau Tioman terutama di kawasan Kg Salang dan Kg Tekek yang pesat dengan pembangunan.
2. Memastikan lepasan air buangan yang menepati piawaian Standard SPAN dan tidak merosakan alam sektiar.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembetungan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kampung Tekek, Pulau Tioman
2. Kampung Salang, Pulau Tioman

(Kajian terperinci akan dilaksanakan bagi menentu lokasi kelak)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perkhidmatan Pembentungan

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
2. Indah Water Konsortium Sdn Bhd

## A Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembetungan

1. Penyediaan loji rawatan sisa kumbahan berpusat di Kg Salang dan Kg Tekek membolehkan kesemua sisa kumbahan dirawat sebelum dilepaskan ke sistem pengairan dan saliran sedia ada.
2. Pengawalan pelepasan air buangan akan dipantau sepertimana mengikuti piawaian standard SPAN


**Jadual 6.16 : Senarai Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Pulau Tioman**

| LOKASI | LUAS | CADANGAN PE |
|---|---|---|
| Cadangan Membina Loji Rawatan Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembetungan di Kg Salang, Pulau Tloman, Rompin | 0.77 Hektar (Tidak termasuk 30m zon penampan) | 5,000 PE |
| Cadangan Membina Loji Rawatan Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembetungan di Kg Tekek, Pulau Tioman, Rompin | 0.53 Hektqr (Tidak termasuk 30m zon penampan | 20,000 PE |



Gambaran Loji Rawatan Sisa Kumbahan

## Rajah 6.15: Pelan Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Pulau Tioman




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### LOKASI PENGGANTIAN PAIP USANG DAN JENIS ASBESTOS SIMEN

| LOKASI | CADANGAN PE |
|---|---|
| Cadangan Membina Loji Rawatan Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembetungan di Kg Salang, Pulau Tloman, Rompin | 5,000 PE |
| Cadangan Membina Loji Rawatan Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembetungan di Kg Tekek, Pulau Tloman, Rompin | 20,000 PE |


### PETUNJUK

- Cadangan Kawasan Liputan Perkhidmatan Loji Rawatan Sisa Kumbahan
- Cadangan Tapak Loji Rawatan Sisa Kumbahan

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S5 Mempertingkatkan Keupayaan Sistem Pembetungan dan Keupayaan Liputan Jalur Lebar Daerah Rompin | T2S5-C2 | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

# CADANGAN MENAIK TARAF LOJI RAWATAN SISA KUMBAHAN JENIS KOLAM PENGUDARAAN (OD) KEPADA MEKANIKAL

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Keperluan meningkatkan keupayaan loji rawatan sisa kumbahan sedia ada bagi memastikan lepasan air kumbahan mengikut piawaian pihak SPAN

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Keadaan semasa loji rawatan sisa kumbahan jenis pengudaraan (OD) di Muadzam Shah yang tidak diselenggara dengan baik.
2. Menaik taraf kepada mekanikal bagi meningkatkan keupayaan rawatan sisa kumbahan yang lebih cekap dan efisien serta dapat mematuhi piawaian pihak SPAN.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan menaik taraf loji rawatan sisa kumbahan jenis kolam pengudaraan (OD) kepada jenis mekanikal

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

| LOKASI KOLAM PENGUDARAAN (OXIDATION POND) | |
|---|---|
| 1. OP FELDA Selancar 6 | 9. OP Melati B |
| 2. OP Perwira Jaya | 10. OP Melati C |
| 3. OP Chenderawasih A | 11. OP Kota Bahagia |
| 4. OP Chenderawasih B | 12. OP Bukit Ibam |
| 5. OP Chenderawasih C | 13. OP Belakang Balai Polis Muadzam (UNITEN) |
| 6. OP Bandar Tun Razak | 14. OP Jalan Merchong |
| 7. OP Kota Shahbandar | 15. OP Jalan Kuari |
| 8. OP Melati A | |

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perkhidmatan Pembentungan

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
2. Indah Water Konsortium Sdn Bhd

## A Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Sisa Kumbahan Jenis Kolam Pengudaraan (OD) kepada Jenis Mekanikal


1. Loji Sedia ada tidak mampu untuk mencapai piawaian standard SPAN bagi pelepasan air buangan
2. Sistem loji kumbahan mekanikal mampu untuk merawat dengan lebih efisien dan meningkatkan kapasiti loji tersebut.



Gambaran loji kolam pengudaraan mekanikal



## Rajah 6.16 : Pelan Cadangan Naik Taraf Kolam Pengudaraan Kepada Mekanikal




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### LOKASI KOLAM PENGUDARAAN (OXIDATION POND)

1. OP FELDA Selancar 6
2. OP Perwira Jaya
3. OP Chenderawasih A
4. OP Chenderawasih B
5. OP Chenderawasih C
6. OP Bandar Tun Razak
7. OP Kota Shahbandar
8. OP Melati A
9. OP Melati B
10. OP Melati C
11. OP Kota Bahagia
12. OP Bukit Ibam
13. OP Belakang Balai Polis Muadzam (UNITEN)
14. OP Jalan Merchong
15. OP Jalan Kuari

### PETUNJUK

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S5<br>Mempertingkatkan Keupayaan Sistem Pembetungan dan Keupayaan Liputan Jalur Lebar Daerah Rompin | T2S5-C3 | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | UT (UTAMA) |

# CADANGAN PENGANTIAN SISTEM KUMBAHAN TANDAS CURAH/ PALONG KEPADA JENIS SISTEM TANGKI SEPTIK INDIVIDU

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Sistem tangki septik merupakan kaedah yang terbaik bagi merawat sisa kumbahan bagi setiap unit perumahan dengan amalan penyelenggaraan 1 kali bagi setiap 2 tahun penggunaan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Sistem kumbahan jenis culvert yang tidak efisien dalam merawat sisa kumbahan di kawasan Pulau Tioman dimana limpahan atau air buangan dari sistem ini mampu untuk merosakan ekosistem di dalam Pulau Tioman.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

A Cadangan Pengantian Tangki Septik Konvensional kepada Sistem Tangki Septik Individu

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

| NO | LOKASI | BILANGAN RUMAH |
|---|---|---|
| 1 | Kg Tekek dan Kg Air Batang | 535 unit |
| 2 | Kg Tekek – Kg Genting | 86 unit |
| 3 | Kg Salang - Kg Air Batang | 40 unit |
| 4 | Kg Genting – Kg Mukut | 70 unit |

**B. Fasa Pelaksanaan**

- SEGERA (2025)
- ☑ PENDEK (2026 - 2030)
- SEDERHANA (2031 - 2035)
- JANGKA PANJANG

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

**E. Agensi Pelaksana**

1. Lembaga Pembangunan Tioman
2. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

## A Cadangan Pengantian Tangki Septik Konvensional kepada Sistem Tangki Septik Individu

1. Penyediaan tangki septik individu mampu untuk merawat sisa kumbahan yang lebih baik berbanding dengan sistem tandas curah atau palong.
2. Penyediaan 2 tangki di dalam tangki septik adalah bagi merawat mengasingkan enapcemar dan kekam sebelum air dilepaskan semula ke sistem perparitan.
3. Walaubagaimanapun, bagi memastikan sistem tangki septik ini dapat beroperasi secara optimum, ianya memerlukan penyelenggaraan dan penyedutan enapcemar 1 kali bagi setiap 2 tahun,
4. Penyelenggaraan ini dilakukan bagi memastikan enapcemar atau kekam tidak dilepaskan semula ke sistem perparitan sedia ada.
5. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 731 unit rumah yang menggunakan pelbagai jenis sistem kumbahan, oleh itu, penyelenggaraan secara berkala perlu dilaksanakan terhadap kesemua unit tersebut serta mengenalpasti sistem kumbahan jenis palong/ tandas curah perlu dinaik taraf kepada tangki septik atau jenis komunal (Secara bekelompok)



Tangki Septik Individu







Penyelenggaraan 1 kali bagi setiap 2 tahun

STRATEGI

**T2S5**

**Mempertingkatkan Keupayaan Sistem Pembetungan dan Keupayaan Liputan Jalur Lebar Daerah Rompin**

CADANGAN

**T2S5-C4**

# CADANGAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN TELEKOMUNIKASI DAERAH ROMPIN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 03

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Penyediaan menara pencawang telekomunikasi adalah untuk mempertingkatkan liputan perkhidmatan telekomunikasi jalur lebar di sekitar Daerah Rompin

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan Menara Pencawang Telekomunikasi

**B** Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)

**C** Memperkukuhkan NADI (Pusat Sebaran Maklumat Nasional) Daerah Rompin

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

| LOKASI CADANGAN PENCAWANG TELEKOMUNIKASI | |
|---|---|
| 1. Ladang Sawira | 16. Jalan Felda Selendang - Taman Negeri Rompin Pahang (TNER) |
| 2. Ladang KOSMA 8 | 17. Rainforest Discovery Centre, TNER |
| 3. Ladang Risda Keratong 3 | 18. Jalan Taman Negeri Rompin Pahang (TNER) 1 |
| 4. Felda Selancar 9 | 19. Jalan Taman Negeri Rompin Pahang (TNER) 2 |
| 5. Shahzan Estate 1 | 20. Ladang Far East Sungai Gayung |
| 6. Kuarters Ladang KOSMA Sungai Kepasing | 21. KOA Rantau Panjang, Kedaik |
| 7. Ladang LKPP Sabak | 22. KOA Guri |
| 8. Kg. Pantai Bernas | 23. Kota Shah Bandar |
| 9. Kg. Tanam | 24. Jln Selancar |
| 10. KOA Bukit Lepas | 25. Kg Sarang Tiong |
| 11. Ladang Far East Rangkaian | 26. Felda Keratong Timur |
| 12. KOA Mentelong | 27. Sg.Puteri |
| 13. YPPH Ladang Tanjung Gemuk | 28. Kampung Kolam |
| 14. YPPH Ladang Endau-Rompin | 29. Felda Keratong 4 |
| 15. Ladang Sungai Merbau | |

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)

**D. Agensi Pemantau**

1. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)

## A Cadangan Menara Pencawang Telekomunikasi

1. Penyediaan menara pencawang telekomunikasi adalah sebagai medium untuk satelit pemancar untuk memperluaskan liputan perkhidmatan telekomunikasi jalur lebar.
2. Penyediaan telekomunikasi seperti Maxis, Digi, Celcom, Umobile dan sebagainya akan menyewa menara pencawang telekomunikasi tersebut untuk pemasangan sistem parabola.
3. Berdasarkan daripada inisiatif Jendela (Jalinan Digital Negara) daripada SKMM, keupayaan telekomunikasi mula beralih kepada Fasa 2, iaitu meningkatkan keupayaan daripada 4G kepada 5G sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan keupayaan boleh mencapai sehingga 100mbps.



Gambaran Menara Pencawang Telekomunikasi

## B Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)

Pelaksanaan pemakaian garis panduan Perancangan Infrstruktur Komunikasi (GPP-I) adalah sebagai rujukan untuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pemaju, Pemberi Perkhidmatan dan semua pihak yang berkepentingan dalam penyediaan kemudahan infrastruktur komunikasi di Malaysia.

Terdapat 2 bahagian dalam rujukan garis panduan ini seperti :-

- Perancangan penyediaan infrastruktur komunikasi di dalam kawasan pembangunan baru, dan pembangunan semula serta kawasan pembangunan, Mengklasifikasikan sesuatu permohonan pemasangan pemancar komunikasi adalah di bawah kategori Infrastruktur Komunikasi Berskala Kecil (IBK)




**Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)**

Di antara garis panduan infrastruktur dan komunikasi (GPP-I) yang perlu diserapkan di dalam perancangan pembangunan ialah seperti berikut :-

**Jadual 6.17 : Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)**

| PENYEDIAAN RIZAB MENARA PEMANCAR KOMUNIKASI | KEPERLUAN DAN SYARAT |
|---|---|
| Saiz Pembangunan | Berkeluasan melebihi 100 ekar |
| Jangkaan penduduk | Melebihi 1,000 orang |
| Bilangan Unit Rumah | 250 unit rumah |
| Keluasan tapak | 15m x 15m |
| Tingit struktur | Mengikut kesesuaian (30m – 45) |

Berdasarkan daripada kriteria di atas, keperluan 1 menara pencawang telekomunikasi diperlukan bagi memastikan liputan telekomunikasi dapat diterima oleh penduduk di setempat. Selain itu, kedudukan menara telekomunikasi perlu berada di kawasan altitud tinggi yang bebas banjir serta ditempat mendapat liputan jalur lebar semasa yang lemah.

## C Memperkukuhkan NADI (Pusat Sebaran Maklumat Nasional) Daerah Rompin

**Lokasi Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI)**

| BIL | NAMA LOKASI |
|---|---|
| 1 | Kampung Tekek |
| 2 | FELDA Keratong 6 |
| 3 | FELDA Selendang ½ |
| 4 | Kampung Pianggu |
| 5 | FELDA Keratong 5 |
| 6 | Bukit Ibam |
| 7 | Kampung Simpang Sepayang |
| 8 | Bandar Muadzam Shah |
| 9 | FELDA Selancar 5 |
| 10 | FELDA Keratong 10 |
| 11 | FELDA Keratong 2 |
| 12 | FELDA Selancar 1 |

Terdapat 12 kawasan sedia ada di sekitar kawasan Daerah Rompin yang boleh memberi peluang kepada penduduk untuk memperkasa kemahiran digital melalui E-Dagang.


Pengusaha dan penduduk luar bandar boleh mendapatkan kemahiran melalui program, latihan ICT, keusahawanan, dan advokasi di kawasan NADI yang disediakan di sekitar kawasan Daerah Rompin.

Insiatif NADI direncanakan bagi meningkatkan pemahaman di peringkat komuniti terutama kepada sebaran maklumat mengenai program, aktiviti, bantuan, usaha serta senarai bantuan kerajaan.






## Rajah 6.17 : Pelan Cadangan Menara Telekomunikasi Jalur Lebar




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## SENARAI CADANGAN MENARA TELEKOMUNIKASI

1. Ladang Sawira
2. Ladang KOSMA 8
3. Ladang Risda Keratong 3
4. Felda Selancar 9
5. Shahzan Estate 1
6. Kuarters Ladang KOSMA Sungai Kepasing
7. Ladang LKPP Sabak
8. Kg. Pantai Bernas
9. Kg. Tanam
10. KOA Bukit Lepas
11. Ladang Far East Rangkaian
12. KOA Mentelong
13. YPPH Ladang Tanjung Gemuk
14. YPPH Ladang Endau-Rompin
15. Ladang Sungai Merbau
16. Jalan Felda Selendang - Taman Negeri Rompin Pahang (TNER)
17. Rainforest Discovery Centre, TNER
18. Jalan Taman Negeri Rompin Pahang (TNER) 1
19. Jalan Taman Negeri Rompin Pahang (TNER) 2
20. Ladang Far East Sungai Gayung
21. KOA Rantau Panjang, Kedaik
22. KOA Guri
23. Kota Shah Bandar
24. Jln Selancar
25. Kg Sarang Tiong
26. Felda Keratong Timur
27. Sg.Puteri
28. Kampung Kolam
29. Felda Keratong 4

## PETUNJUK

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S6 | T2S6-C1 | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

**Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti, Mampu Milik Dan Memenuhi Keperluan Penduduk**

# CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI PUSAT PENEMPATAN FELDA DAN DARA

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pusat bandar dan penempatan kawasan-kawasan tinggalan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) mempunyai potensi dalam pembangunan masa hadapan dengan peningkatan pembangunan bandar, pembangunan mampan, peluang pendidikan, pelancongan, kemudahan kesihatan, pengangkutan awam dan keselamatan yang mampu memberi manfaat kepada penduduk Daerah Rompin

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pemilihan kawasan pembangunan perumahan ini adalah pusat penempatan Felda dan DARA
2. Pembangunan perumahan sepanjang koridor ini perlu berada di luar kawasan sensisitif alam sekitar (KSAS) seperti lereng-lereng bukit, hutan simpan kekal dan lain-lain lagi bagi pemeliharaan dan pengekalan alam sekitar.
3. Selain itu, pusat penempatan Felda dan DARA mampu meningkatkan ekonomi Daerah Rompin dengan pertumbuhan pembangunan-pembangunan baharu di kawasan-kawasan tinggalan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat beberapa jenis rumah di Lembaga Perumahan Negeri Pahang :

| KETERANGAN | JENIS RUMAH |
|---|---|
| Rumah Pahang (Rumah Generasi Baharu FELDA) | Keluasan Unit : 20' x 60' |

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

Kawasan DARA

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin
2. FELDA

**D. Agensi Pemantau**

1. FELDA

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
2. FELDA

**Jadual 6.18 : Cadangan Penempatan FELDA Dan DARA**


| PENEMPATAN FELDA DAN DARA | KEPERLUAN AKAN DATANG (LEBIHAN) | CADANGAN ZON PEMBANGUNAN DAN PENAWARAN PERUMAHAN 2035 | |
|---|---|---|---|
| | | KELUASAN Hek | PENAWARAN RUMAH* |
| CHENDERAWASIH | MUKIM KERATONG 1,028 | **36.40** | 1,092 unit **(4,368 Penduduk)** |
| BANDAR 21, CHANIS | | **16.66** | 499 unit **(2,000 Penduduk)** |
| PERANTAU DAMAI | | **46.16** | 1,384 unit **(5,539 Penduduk)** |
| MELATI | | **39.41** | 1,182 unit **(4,729 Penduduk)** |
| KOTA SHAHBANDAR | | **54.24** | 1,627 unit **(6,508 Penduduk)** |
| KOTA BAHAGIA | | **9.20** | 276 unit **(1,104 Penduduk)** |
| FELDA SELANCAR 2 – 5 | | **24.74** | 742.2 unit **(2,968 Penduduk)** |
| FELDA SELANCAR 1 & 6 | | **53.16** | 1,594 unit **(6,379 Penduduk)** |
| BANDAR TUN RAZAK | | **349** | 10,470 unit **(41,880 Penduduk)** |

*Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*


***Nota :***
**Jumlah penawaran unit rumah adalah berdasarkan keluasan cadangan zon pembangunan perumahan. Berikut merupakan teknik yang digunakan bagi mendapatkan unit penawaran tersebut:*
***Luas Cadangan Zon Pembangunan Perumahan X 30 unit rumah (1 hektar) X 4 orang (1 rumah)***

***Nota :***
*Kota Shahbandar merupakan pusat petempatan yang mempunyai land bank yang tertinggi dan berpotensi untuk dimajukan keluasan sebanyak* **54.24 Hektar**.


## CHENDERAWASIH





## BANDAR 21, CHANIS





## PERANTAU DAMAI





## MELATI





## BANDAR TUN RAZAK





## KOTA SHAHBANDAR





## KOTA BAHAGIA




## FELDA SELANCAR 2 – 5




## FELDA SELANCAR 1 & 6



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S6 | T2S6-C2 | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

**Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti, Mampu Milik Dan Memenuhi Keperluan Penduduk**

## CADANGAN MENGUTAMAKAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SEPANJANG KORIDOR UTAMA YANG DITETAPKAN

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pembangunan secara koridor (utama & sekunder) merujuk kepada pembangunan baru kawasan perumahan di sepanjang jalan utama.
2. Koridor pembangunan ini selaras dengan kawasan operasi Majlis Daerah Rompin. Pembangunan ini mengambil kira tanah pertanian yang mempunyai potensi untuk dimajukan dan dibangunkan untuk pembangunan perumahan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pemilihan koridor bagi tujuan pembangunan perumahan ini melibatkan sepanjang jalan-jalan utama yang menghubungkan pekan-pekan utama.
2. Pembangunan perumahan sepanjang koridor ini perlu berada di luar kawasan sensisitif alam sekitar (KSAS) seperti lereng-lereng bukit, hutan simpan kekal dan lain-lain lagi bagi pemeliharaan dan pengekalan alam sekitar.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat beberapa jenis rumah di Lembaga Perumahan Negeri Pahang :

| Rumah Mampu Milik (RMM) | Rumah Selain Rumah Mampu Milik |
|---|---|
| **12 unit/ekar @ 30 unit/hektar** *(Jenis Sesebuah, Berkembar dan Teres)* | **6 unit/ekar @ 15 unit/hektar** *(Jenis Sesebuah, dan Berkembar)* |

### INFO CADANGAN

**A. Sepanjang Koridor**

1. Leban Chondong – Kuala Rompin
2. Kuala Rompin – Teluk Gading

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pihak Swasta


**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**


1. Pihak Swasta

### LEBAN CHONDONG – KUALA ROMPIN




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### KUALA ROMPIN – TELUK GADING




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

STRATEGI

**T2S6**

**Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti, Mampu Milik Dan Memenuhi Keperluan Penduduk**

CADANGAN

**T2S6-C3**

# CADANGAN MENGGALAKKAN PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK DI KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 03

KATEGORI

**SK**

**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Keperluan perumahan mampu milik amat penting bagi memastikan setiap penduduk memiliki rumah sendiri sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup sesebuah masyarakat.
2. Pihak kerajaan persekutuan, negeri dan government linked company (GLC) digalakkan untuk memperbanyakkan program perumahan milik seperti:

**JENIS RUMAH MAMPU MILIK**

- Perumahan Kos Rendah Dan Sederhana Rendah
- Rumah PR1MA
- Rumah Makmur
- Rumah Rakyat Pahang (RRP)
- Rumah Pahang (Rumah Generasi Baharu FELDA)

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Setiap pembangunan perumahan mampu milik di Daerah Rompin hendaklah mematuhi dan mengikut Dasar Perumahan Pahang
2. Kadar harga penjualan rumah mampu milik seharusnya mengambilkira dan diselaraskan dengan sosioekonomi semasa penduduk Daerah Rompin.
3. Pihak kerajaan persekutuan juga perlu membantu dalam menyediakan peruntukkan lebih bagi menjana program perumahan mampu milik.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

| Kawasan Pusat Bandar | Kawasan Sempadan Bandar |
|---|---|

Taman perumahan yang dibangunkan melebihi 3 ekar dan perlu memerlukan penyediaan 30% Rumah Mampu Milik.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Semua mukim di Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pihak Swasta

**D. Agensi Pemantau**

1. Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pihak Swasta

**Jadual 6.19 : Jenis Rumah Mampu Milik Di Daerah Rompin**

| MUKIM | PERINCIAN CADANGAN | KELUASAN (EKAR) | KEPERLUAN RUMAH 2035 |
|---|---|---|---|
| BEBAR (MUADZAM SHAH) | PRIMA Muadzam Shah (bersebelahan Kolej Vokasional Muadzam Shah | 60.00 | 412 |
| | PRIMA Pembangunan Bercampur Muadzam Shah (Berhadapan Balai Bomba Muadzam Shah) | 46.00 | 116 |
| | PRIMA dan Pembangunan Bercampur Muadzam Shah (berdekatan dengan UNITEN) | 50.00 | 206 |
| | Rumah Makmur dan Pembangunan Bercampur, Muadzam Shah (sebelah bomba Muadzam Shah) | 46.00 | 400 |
| KERATONG | PRIMA Keratong (Kg. Gadak) | 61.77 | 366 |
| | PRIMA Keratong (Kg. Gadak) | 61.77 | 398 |
| | PRIMA Keratong (Kg. Gadak) | 61.77 | 323 |
| | PRIMA dan Pembangunan Bercampur Keratong (Bandar Tun Razak) | 100.00 | 340 |
| | Rumah Makmur dan Pembangunan Bercampur, Lebuhraya Tun Razak, Keratong (Sebelah Kuaters JPJ) | 100 | 40 |
| | Rumah Pahang di FELDA Keratong 7 | 38 | 400 |
| ROMPIN | PRIMA Sg. Puteri (bersebelahan Kolej Komuniti dan berhadapan Pusat Giat MARA | 41.10 | 154 |
| | PRIMA Sg. Puteri (berhampiran Taman Nusa Putri) | 35.00 | 176 |
| PONTIAN | PRIMA Pontian Jaya (bersebelahan Taman PPRM Pontian Jaya | 46.18 | 244 |
| | PRIMA dan Pembangunan Bercampur Simpang Sepayang | 23.86 | 108 |
| TIOMAN | PRIMA dan Pembangunan Bercampur Tioman (Kg. Tekek) | 120 (50 ekar di darat dan 70 ekar di laut) | 320 |


*Sumber : Lembaga Perumahan Negeri Pahang*

**Jadual 6.20 : Jenis dan Komposisi Pembangunan Perumahan di Daerah Rompin**

| JENIS PEMBANGUNAN | KETERANGAN | JENIS RUMAH |
|---|---|---|
| Pembangunan Perumahan Bertanah (Landed) | Perumahan Kos Rendah Dan Sederhana Rendah | **Keluasan Unit :** 20' x 60'<br>Harga Jualan : RM 70,000 - RM 90,000.00 seunit |
| | Rumah PR1MA | **Jenis 1 : Rumah Berkembar Setingkat**<br>**Keluasan Unit :** 2,800 kaki persegi (40'x70')<br>**Harga Jualan :** RM 150,000.00<br><br>**Jenis 2 : Rumah Sesebuah Setingkat**<br>**Keluasan Unit :** 40'x70' / 35' x 85'<br>**Harga Jualan :** RM 200,000.00 |
| | Rumah Makmur | **Keluasan Unit :** 20' x 65'<br>**Harga Jualan :** RM 80,000.0 |
| | Rumah Rakyat Pahang (RRP) | **Keluasan Unit :** 20' x 65'<br>**Harga Jualan :** RM 65,000.00 |
| | Rumah Pahang (Rumah Generasi Baharu FELDA) | **Keluasan Unit :** 20' x 60'<br>**Harga Jualan :** RM 120,000.00 |

*Sumber : Lembaga Perumahan Negeri Pahang*

## Rajah 6.18: Pelan Keseluruhan Rumah Mampu Milik





*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)


### 1 MUKIM KERATONG




### 2 MUKIM ROMPIN




### 3 MUKIM BEBAR




### PETUNJUK

**PERUMAHAN**

- Perumahan Cadangan
- Perumahan Sedia Ada
- Lokasi Rumah Mampu Milik

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



STRATEGI

**T2S6**

**Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti, Mampu Milik Dan Memenuhi Keperluan Penduduk**

CADANGAN

**T2S6-C4**

# CADANGAN MENGUTAMAKAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI BANDAR UTAMA DAERAH ROMPIN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 03

KATEGORI

**SK**
**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pembangunan perumahan di Bandar utama Daerah Rompin merujuk kepada pembangunan baharu kawasan perumahan di dalam bandar utama iaitu Bandar Rompin, Muadzam Shah dan Teluk Gading.
2. Pembangunan perumahan ini selaras dengan kawasan operasi Majlis Daerah Rompin. Pembangunan ini mengambilkira tanah pertanian yang mempunyai potensi untuk dimajukan dan dibangunkan untuk pembangunan perumahan.
3. Penempatan kawasan perumahan di bandar utama merupakan lokasi yang strategik kerana kawasan tumpuan masyarakat yang ingin keselesaan dan peluang pekerjaan yang banyak.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pemilihan kawasan pembangunan perumahan ini melibatkan kawasan bandar – bandar utama iaitu Bandar Rompin, Muadzam Shah, Pontian dan Teluk Gading.
2. Pembangunan perumahan sepanjang koridor ini perlu berada di luar kawasan sensisitif alam sekitar (KSAS) seperti lereng-lereng bukit, hutan simpan kekal dan lain-lain lagi bagi pemeliharaan dan pengekalan alam sekitar.
3. Pembangunan perumahan yang melebihi 3 ekar perlu menyediakan 30% Rumah Mampu Milik.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat beberapa jenis rumah di Lembaga Perumahan Negeri Pahang :

| Rumah Mampu Milik (RMM) | Rumah Selain Rumah Mampu Milik |
|---|---|
| **12 unit/ekar @ 30 unit/hektar** *(Jenis Sesebuah, Berkembar dan Teres)* | **6 unit/ekar @ 15 unit/hektar** *(Jenis Sesebuah, dan Berkembar)* |

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bandar utama di Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pihak Swasta

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**


1. Pihak Swasta

**Jadual 6.21 : Zon Pembangunan Dan Penawaran Perumahan 2035**

| MUKIM | KEPERLUAN AKAN DATANG (LEBIHAN) | CADANGAN ZON PEMBANGUNAN DAN PENAWARAN PERUMAHAN 2035 | |
|---|---|---|---|
| | | KELUASAN Hek | PENAWARAN RUMAH* |
| BEBAR (MUADZAM SHAH) | **(489)** | **202** | 6,060 unit **(24,240 Penduduk)** |
| ROMPIN | **(696)** | **1,160** | 34,800 unit **(139,200 Penduduk)** |
| PONTIAN | **(438)** | **910** | 27,300 unit **(109,200 Penduduk)** |
| ENDAU | **(459)** | **396** | 11,800 unit **(47,520 Penduduk)** |
| **DAERAH ROMPIN** | **(2,082)** | **2,668** | |

***Nota :***
**Jumlah penawaran unit rumah adalah berdasarkan keluasan cadangan zon pembangunan perumahan. Berikut merupakan teknik yang digunakan bagi mendapatkan unit penawaran tersebut:*
***Luas Cadangan Zon Pembangunan Perumahan X 30 unit rumah (1 hektar) X 4 orang (1 rumah)***

*Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian)*





**Rajah 6.19: Peratus Cadangan Zon Pembangunan Perumahan di Daerah Rompin**

**PETUNJUK:**


- Mukim Bebar (Muadzam Shah) **202 Hektar**
- Mukim Rompin **1,160 Hektar**
- Mukim Pontian **910 Hektar**
- Mukim Endau **396 Hektar**

***Nota :***
*Mukim Rompin merupakan pusat petempatan yang mempunyai land bank yang tertinggi dan berpotensi untuk dimajukan keluasan sebanyak* **1,160 Hektar**.


## MUKIM ROMPIN





## MUKIM PONTIAN




## MUKIM ENDAU




## MUKIM BEBAR (MUADZAM SHAH)



STRATEGI

**T2S7**

**Pemerkasaan Pembangunan Petempatan Desa Secara Holistik Dari Segi Kemudahan, Penaiktarafan Kampung Dan Sosioekonomi**

CADANGAN

**T2S7-C1**

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 6 CLEAN WATER AND SANITATION NUA 01

KATEGORI

**SK**
**(SOKONGAN)**

# CADANGAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN ASAS DAN AWAM BAGI PENEMPATAN DESA DI DAERAH ROMPIN

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Kemudahan awam, utiliti, dan infrastruktur merupakan keperluan asas bagi pembangunan dan kemajuan sesebuah kawasan termasuklah di petempatan desa di luar bandar.
2. Oleh itu, penaiktarafan dan penambahan kemudahan awam, utiliti dan infrastruktur seperti sistem pengangkutan awam yang efisien dan akses jalur lebar yang mampu milik dan berkualiti adalah diperlukan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Keperluan bagi penyediaan kemudahan asas ini penting untuk memastikan pembangunan luar bandar di Daerah Rompin sebagai satu kawasan yang mampu didiami serta selesa dengan penyediaan kemudahan asas dan kemudahan awam yang lengkap.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen bagi penyediaan kemudahan asas dan kemudahan awam bagi petempatan desa adalah:

**A** Menyediakan bekalan air terawat di bawah program bekalan air luar bandar

**B** Menyediakan sistem pengangkutan awam yang efisien bagi meningkatkan akses di luar bandar

**C** Menyediakan kemudahan awam seperti kemudahan surau, balai raya dan kemudahan rekreasi yang berkualiti untuk kehidupan luar bandar yang lebih produktif

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bebar (Muadzam Shah)
2. Keratong
3. Rompin
4. Pontian
5. Endau
6. Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pengurusan Air Pahang Berhad
2. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin

## A Menyediakan Bekalan Air Terawat di Bawah Program Bekalan Air Luar Bandar

Sebahagian komuniti di kawasan luar bandar mempunyai akses yang terhad terhadap bekalan air terawat atas pelbagai faktor seperti pencemaran dan kekurangan kemudahan mendapatkan air terawat. Penyediaan bekalan air terawat adalah perkara yang asas bagi pembangunan desa yang sejahtera dan terhindar dari penyakit berjangkit. Oleh yang demikian, berikut merupakan beberapa kampung yang perlu diberi perhatian bagi bekalan air terawat di bawah program bekalan air luar bandar (BALB) oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu:

1. Kampung Bukit Ibam
2. Kampung Meripoh
3. Kampung Rekoh
4. Kampung Leban Chondong
5. Kampung Rantau Panjang
6. Kampung Bangkong
7. Kampung Parit Raja
8. Kampung Tanjong Gemok
9. Kampung Tanjong Pahang
10. KOA Kemara







Contoh program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang telah dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di Pahang

## B Menyediakan Sistem Pengangkutan Awam yang Efisien Bagi Meningkatkan Akses di Luar Bandar


Kemudahan pengangkutan awam sangat penting bagi pembangunan luar bandar kerana jaringan pengangkutan awam yang lengkap akan meningkatkan tahap kemudahsampaian dan akhirnya memberi impak positif terhadap mobiliti penduduk di luar bandar. Terdapat beberapa kampung yang perlu diberi perhatian khusus bagi cadangan penyediaan pengangkutan awam yang telah dipilih atas faktor lokasi kampung yang berada di jalan-jalan utama kawasan desa. Antaranya ialah :

1. Kampung Bukit Ibam
2. Kampung Rantau Panjang
3. Kampung Sepayang

## C Menyediakan Kemudahan Awam dan Kemudahan Rekreasi yang Berkualiti untuk Kehidupan Luar Bandar yang Lebih Produktif


Kemudahan awam seperti balai raya, dewan serbaguna dan pusat komuniti desa adalah komponen yang asas bagi sesebuah kampung dan ia akan menjana persekitaran yang produktif di samping kemudahan rekreasi yang lengkap seperti taman permainan dan gelanggang permainan. Oleh yang demikian, beberapa kampung yang perlu diberi perhatian khususnya perkampungan orang asli perlu ditekankan bagi meningkatkan gaya hidup yang lebih produktif di luar bandar. Kampung yang terlibat adalah :

1. KOA Paya Keladan
2. KOA Kemomoi
3. KOA Kemara
4. KOA Dong
5. KOA Air Molek
6. KOA Gambir
7. KOA Gading



Ilustrasi Dewan Serbaguna

**Rajah 6.19 : Pelan Taburan Cadangan Penyediaan Kemudahan Asas dan Kemudahan Awam bagi Petempatan Desa**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

STRATEGI

**T2S7**

**Pemerkasaan Pembangunan Petempatan Desa Secara Holistik Dari Segi Kemudahan, Penaiktarafan Kampung Dan Sosioekonomi**

CADANGAN

**T2S7-C2**

# CADANGAN NAIK TARAF PPD KAMPUNG GENTING MELALUI PENAMBAHAN KOMPONEN-KOMPONEN PPD

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 02

KATEGORI

**SK**

**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

PPD Kampung Genting perlu dicadangkan untuk dinaik taraf dari segi komponen-komponen PPD bagi memantapkan lagi pernanan kampung genting sebagai satu-satunya Pusat Pertumbuhan Desa di Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penaiktarafan kemudahan bagi hierarki petempatan sedia ada dapat membantu TDA dalam memberi keutamaan terhadap pembangunan akan datang.
2. Merancang pertumbuhan perbandaran untuk mengelakkan masalah rebakan bandar *(urban sprawl)* yang akan menyebabkan pembaziran sumber.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen bagi menaik taraf Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Kampung Genting adalah :

**A** Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Manusia



### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. PPD Kampung Genting

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin

## A Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Manusia

Pembangunan ekonomi dan Pembangunan Manusia dilihat sebagai komponen yang penting dalam pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa. Status semasa PPD Kampung Genting adalah perlu dikekalkan sebagai PPD dan dinaik taraf dari segi komponen-komponen PPD yang masih belum tersedia seperti jadual dibawah.

**Jadual 6.22 : Pecahan mengikut komponen pembangunan PPD Kampung Genting**

| BIL. | KOMPONEN PEMBANGUNAN PPD | KAMPUNG GENTING |
|---|---|---|
| **PEMBANGUNAN EKONOMI** | | |
| 1 | Pusat pengumpulan hasil pertanian | Tidak Berkaitan |
| 2 | Pusat Industri Desa | Tiada |
| 3 | Aktiviti perniagaan runcit berskala kecil | Ada |
| **KEMUDAHAN PRASARANA** | | |
| 4 | Perhubungan jalan raya | Ada |
| 5 | Bekalan elektrik | Ada |
| 6 | Perkhidmatan telekomunikasi dan ICT | Ada |
| 7 | Hentian pengangkutan awam | Ada (Bot) |
| **PUSAT PERKHIDMATAN (KEMUDAHAN AWAM DAN REKREASI)** | | |
| 8 | Balai Polis | Ada |
| | Klinik Desa | Ada |
| | Sekolah Menengah | Ada |
| | Sekolah Kebangsaan | Ada |
| | Dewan Orang Ramai | Ada |
| | Kemudahan Keagamaan | Ada |
| 9 | Kemudahan rekreasi | Ada |
| **PEMBANGUNAN MANUSIA** | | |
| 10 | Program pemulihan dalam komuniti | Tiada |
| 11 | Pusat aktiviti warga emas | Tiada |
| 12 | Pusat Jagaan Kanak-kanak | Tiada |



Kegiatan ekonomi di PPD Kampung Genting yang berbentuk pelancongan homestay/ chalet

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S7 | T2S7-C3 | SDGs 8 11 NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

**Pemerkasaan Pembangunan Petempatan Desa Secara Holistik Dari Segi Kemudahan, Penaiktarafan Kampung Dan Sosioekonomi**

# CADANGAN MENINGKATKAN AKSES PENDUDUK DESA KEPADA KEUSAHAWANAN DAN PELUANG PEKERJAAN SUPAYA KAWASAN DESA KEKAL MENARIK UNTUK DIDIAMI

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Beberapa cabaran dan kekangan untuk melahirkan komuniti usahawan desa yang berdaya saing dan mampu mentransformasi ke skala yang lebih besar adalah disebabkan kurang pendedahan mengenai ilmu pengurusan perniagaan, modal yang tidak mencukupi dan tahap inovasi dan penggunaan teknologi yang rendah.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Melahirkan komuniti usahawan desa yang berdaya saing dan mampu mentransformasikan perniagaan ke skala yang lebih besar.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen bagi meningkatkan akses penduduk desa kepada usahawan dan peluang pekerjaan adalah seperti berikut :

- **A** Program pembangunan usahawan desa
- **B** Memaksimumkan produk desa melalui industri desa bersepadu melalui akses bantuan yang optimum

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Semua kampung tradisi (Kampung induk dan rangkaian)
2. Tanah Rancangan FELDA

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin



Contoh bagi pengusaha ternakan ayam di kawasan luar bandar

## A Program Pembangunan Usahawan Desa

Program pembangunan usahawan desa akan melibatkan pelbagai pihak agensi dalam memastikan pembangunan ekonomi desa itu maju dan berkembang seiring dengan hasrat pembangunan luar bandar yang ke arah kawasan yang mampu didiami. Antara contoh program pembangunan usahawan desa adalah :

**Jadual 6.23 : Pecahan Kategori Perumahan Mengikut Mukim di Daerah Rompin**

| AGENSI PROGRAM | PROGRAM |
|---|---|
| **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah** | • Karnival Usahawan Desa (KUD)<br>• Program Star Right (PSR)<br>• Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)<br>• Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB)<br>• Program Peningkatan Pendapatan (PPP)<br>• Desamall online<br>• Program Usahawan KEMAS<br>• Program Usahawan JAKOA<br>• Program Usahawan RISDA |
| **Majlis Amanah Rakyat (MARA)** | • Program Pembangunan Teknousahawan<br>• Program Pembangunan Pemasaran<br>• Program Skim Khidmat Nasihat Perniagaan<br>• Program Latihan Keusahawanan |
| **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan** | • Kursus Teknikal Pertanian Jangka Pendek (Upskilling)<br>• Program Agropreneur Muda<br>• Program latihan pertanian<br>• Azam Tani<br>• Kelab usahawan siswazah tani |
| **Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang** | • Program Transformasi Keusahawanan PKNP<br>• Program Pembangunan Komuniti Berteraskan Keusahawanan<br>• Program Kebudayaan Keusahawanan |
| **SME Corp Malaysia** | • Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera<br>• Program Business Scale-Up (Program Biz-Up)<br>• Program Micro Connector<br>• Program Global SME Masterclass (GSM)<br>• Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)<br>• Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)<br>• Pembiayaan alternative untuk PKS<br>• Minggu Keusahawanan dan PKS<br>• Zon Perdagangan Bebas Digital |







**Contoh bagi program keusahawanan bagi pembangunan luar bandar**

## B Memaksimumkan Produk Desa Melalui Industri Desa Bersepadu Melalui Akses Bantuan yang Optimum

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Aktiviti industri dan pengusaha produk desa perlu berubah daripada beroperasi di kawasan rumah dan kebun kepada kawasan industri yang terancang dan berskala besar.
2. Aktiviti ini perlu dinaik taraf kepada perusahaan PKS bagi membolehkan pelbagai kemudahan dan insentif disalurkan kepada pengusaha dan seterusnya menaik taraf imej industri agar lebih berdaya maju dan berdaya saing.

| | PEMBUATAN | PERKHIDMATAN DAN LAIN SEKTOR |
|---|---|---|
| | Transformasi bahan atau komponen secara fizikal atau kimia yang membentuk produk baharu | Semua jenis perkhidmatan termasuk perdagangan, hotel, restoran, ICT, pendidikan swasta, kesihatan, hiburan, logistik, pergudangan dan kejuruteraan |
| MIKRO | Kurang dari RM 300,00 | Kurang dari RM 300,00 |
| | Kurang dari 5 pekerja | Kurang dari 5 pekerja |
| KECIL | Dari RM 300,000 hingga kurang dari RM15 Juta | Dari RM 300,000 hingga kurang dari RM3 Juta |
| | Dari 5 hingga kurang dari 75 pekerja | Dari 5 hingga kurang dari 30 pekerja |
| SEDERHANA | Dari RM 15 Juta hingga tidak melebihi RM 50 Juta | Dari RM 15 Juta hingga tidak melebihi RM 20 Juta |
| | Dari 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja | Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja |

### INFO RINGKAS

**1** Terdapat 1,764 pengusaha ternakan yang terdiri daripada ternakan lembu, bebiri, kerbau dan lain-lain.


**2** Terdapat 732 pengusaha yang menghasilkan produk industri kotej seperti kuih bahulu, dodol, mee goreng, roti canai segera, kerepek pisang, air tebu dan makanan sejuk beku.






Contoh bagi usahawan-usahawan desa di kawasan luar bandar

**Rajah 6.20 : Carta Alir Akses Proses Pendaftaran Dan Akses Bantuan Yang Diperolehi**



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S7<br>Pemerkasaan Pembangunan Petempatan Desa Secara Holistik Dari Segi Kemudahan, Penaiktarafan Kampung Dan Sosioekonomi | T2S7-C4<br>CADANGAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, KUALITI DAN PEMASARAN PRODUK DESA | SDGs: 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA: 03 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pelbagai hab dan aplikasi dalam talian yang boleh diguna dan dibangunkan bagi mempromosikan produk keluaran desa dengan lebih meluas dan tidak hanya bergantung kepada pasaran domestik semata-mata.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pasaran produk desa perlu dipromosikan melalui platform yang lebih sesuai dengan peredaran zaman di samping meluaskan produk pasaran ke peringkat yang lebih besar untuk meningkatkan ekonomi pembangunan luar bandar
2. Sebagai inisiatif pemasaran produk desa secara digital yang lebih meluas.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen bagi cadangan meningkatkan produktiviti, kualiti dan pemasaran produk desa adalah :

- **A** Penggunaan platform oleh agensi atas talian yang sediada
- **B** Pelancaran kedai online menggunakan alamat web sendiri

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Semua kampung tradisi (Kampung induk dan rangkaian)
2. Tanah Rancangan FELDA

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- ✓ **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

**D. Agensi Pemantau**


1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

### A Penggunaan Platform Oleh Agensi Atas Talian Yang Sediada


Menggunakan platform yang disediakan oleh agensi kerajaan seperti FAMA, KPLB, IPTA dan platform perniagaan e-commerce sedia ada seperti mudah.my, lelong.com, ebay-com, lazada dan shopee sebagai teknik pemasaran yang lebih produktif dan berkualiti bagi produk desa. Selain dari itu, memperkenalkan diri dan produk menerusi laman web yang popular serta blog yang mempuyai ramai pengikut bagi tujuan review berbayar




Contoh bagi platform sediada untuk pemasaran produk desa

### B Pelancaran Kedai Online Menggunakan Alamat Web Sendiri

Melancarkan kedai online sendiri menggunakan alamat web sendriri seperti Easyshop, kedaionlinez, opencart dan lain-lain. Hal ini dapat menjadikan usahawan boleh menumpukan pasaran dan jualan bisness online melalui laman sosial media seperti Facebook, Telegram, Instagram dan Whatsapp miliknya sendiri.




Contoh bagi kaedah pemasaran produk desa menggunakan laman web sendiri

STRATEGI

**T2S8**

**Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif**

CADANGAN

**T2S8-C1**

# CADANGAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN HOSPITAL ROMPIN DAN MUADZAM SHAH

AGENDA

SDGs 3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING NUA 03

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Berdasarkan unjuran 2035, hospital Daerah Rompin sedia ada tidak mampu menampung keperluan penduduk sekarang manakala Hospital Muadzam Shah hanya mampu menampung keperluan sehingga tahun 2025 sahaja.
2. Oleh itu, menaik taraf hospital perlu dilakukan dengan penyediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang lengkap serta moden bagi menyokong pertambahan penduduk pada masa hadapan.
3. Cadangan menaik taraf hospital Rompin dan Muadzam Shah ini juga perlu dilengkapi dengan kemudahan yang lebih baik termasuk perkhidmatan doktor pakar dan pembedahan ringan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menaik taraf hospital baharu bertujuan melengkapi keperluan penduduk yang bertambah sehinga tahun 2035.
2. Hospital sedia ada mampu menampung permintaan penambahan jumlah katil serta komponen pembangunan bagi sesebuah hospital daerah yang masih lemah.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dengan mematuhi 'Universal Design Guidelines' beserta komponen pembangunan lain seperti:

**A** Naik Taraf Hospital

**B** Komponen Kemudahan utama dan Sokongan Awam

### INFO CADANGAN

**A. Senarai Hospital**

**Mukim Rompin**
Hospital Rompin
(7.68 Hek)

**Mukim Bebar (Muadzam Shah)**
Hospital Muadzam Shah
(12.10 Hek)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- ✓ **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Hospital Daerah Rompin
2. Hospital Muadzam Shah

**D. Agensi Pemantau**

1. Kementerian Kesihatan

**E. Agensi Pelaksana**

1. Kementerian Kesihatan

## A Naik Taraf Hospital

Cadangan hospital sedia ada yang perlu dinaik taraf :

| MUKIM | LOKASI | UNJURAN PENDUDUK DAERAH ROMPIN 2035 | BILANGAN KATIL SEMASA | KEPERLUAN TAMBAHAN SEHINGGA 2035 |
|---|---|---|---|---|
| **Bebar (Muazam Shah** | Hospital Muadzam Shah | 59,960 | 60 Katil | 240 Katil |
| **Keratong** | | | | |
| **Rompin** | Hospital Rompin | 49,770 | 49 katil | 251 Katil |
| **Pontian** | | | | |
| **Endau** | | | | |
| **Tioman** | | | | |

**Nota :**
Bandar Tempatan (10,000 – 100,000 penduduk atau merupakan Pusat Pentadbiran Daerah)
Bilangan katil yang diperlukan : 150 – 300 katil

*Sumber:*
*1. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*

## B Komponen Kemudahan Utama dan Sokongan Awam

**Kemudahan Utama**

1. Bilangan katil
2. Bilangan doktor
3. Bilangan Jururawat
4. Ruang Kecemasan
5. Wad pesakit
6. Sokongan perubatan
7. Perkhidmatan kemudahan kakitangan

**Kemudahan Sokongan**


1. Tempat letak kereta awam
2. Kantin/kafetaria
3. Pusat asuhan kanak-kanak
4. Tempat menunggu

Garis Panduan Khusus Hospital Awam

| KRITERIA | PERINCIAN MENGIKUT KATEGORI |
|---|---|
| Jenis Perkhidmatan | Perkhidmatan kepakaran asas atau Perkhidmatan asas dan kepakaran secara Inisiatif Kluster/berkala berkala |
| Bilangan Tadahan Penduduk | Bandar Tempatan (10,000 – 100,000 penduduk atau merupakan Pusat Pentadbiran Daerah) |
| Bilangan Katil | **150 – 300 Katil** |
| Keluasan Tapak | 4 hektar (10 ekar) – 12 hektar (30 ekar) |
| TLK Kereta | **Kakitangan**<br>➢ 1 petak TLK / 1 kakitangan pentadbiran dan profesional (P&P)<br>➢ 1 petak TLK / 3 kakitangan sokongan<br>**Pesakit**<br>➢ Pesakit Dalam : 1 petak TLK / 1 Katil<br>➢ Tambahan 20% petak TLK untuk pelawat |


*Sumber: Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*

## Rajah 6.21: Pelan Cadangan Menaik Taraf Kemudahan Hospital Rompin Dan Muadzam Shah




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 1 HOSPITAL ROMPIN




### 2 HOSPITAL MUADZAM SHAH




### PETUNJUK

**KEMUDAHAN KESIHATAN**

- Hospital Rompin
- Hospital Muadzam Shah

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



STRATEGI

**T2S9**

**Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif**

CADANGAN

**T2S8-C2**

# CADANGAN PEMBANGUNAN HAB PENDIDIKAN DAN BELIA DI MUADZAM SHAH

AGENDA

SDGs 4 QUALITY EDUCATION | NUA 03

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Cadangan melaksanakan Bandar Pendidikan dan Belia di Muadzam Shah merupakan cadangan yang menggabungkan kemudahan masyarakat secara berpusat yang berpotensi untuk dibangunkan khusus bagi kegunaan warga Universiti Awam/ Politeknik dan golongan am secara amnya.
2. Bandar Pendidikan dan Belia di Muadzam Shah dapat meningkatkan populasi belia yang berperanan sebagai penggerak untuk memajukan pembangunan ekonomi dengan persekitaran yang kondusif dan capaian kemudahan setempat.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menyokong pembangunan Bandar Pendidikan dan Belia sebagai hab pendidikan utama di Pantai Timur yang mensasarkan golongan belia
2. Menyokong persekitaran "*Live, Learn, Work and Play*" di Bandar Muadzam Shah

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Bandar Pendidikan dan Belia di Muadzam Shah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan / fasiliti gunasama seperti :

- **A** Menyediakan asrama pelajar berkonsepkan gunasama dan mampu milik
- **B** Menyediakan *Youth Centre @ Rompin*
- **C** Memperluaskan zon wifi percuma di kawasan cadangan
- **D** Menambah baik kemudahan sokongan di kawasan bandar universiti

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**Lokasi**

Muadzam Shah (26.43 Hek)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin


**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**


1. Majlis Daerah Rompin

**Rajah 6.22: Hab Pendidikan dan Belia di Muadzam Shah**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**A** **Menyediakan Asrama Pelajar Berkonsepkan Gunasama Dan Mampu Milik**







Gelanggang Sukan | Cafe Makan | Kediaman Pelajar | Dewan Serbaguna

1. Membantu belia untuk mendapat tempat tinggal dengan harga atau sewaan yang berpatutan
2. Mempromosikan kawasan tempat tinggal yang selamat dan sihat
3. Penyediaan kemudahan-kemudahan lain seperti tadika, Gelanggang Takraw, Gimnasium, Pocket park, Kolam renang, Mini Extreme Park dan Reflex Corner

## B Menyediakan *Youth Centre @ Rompin*

**Cadangan *Youth Convention Centre***

1. Dewan Youth Convention Centre
   - Pejabat Cawangan
   - Bilik mesyuarat
   - Seminar Hall
2. Pejabat Inkubator Usahawan Belia (Ruang Kerja, Satu Pejabat dikongsi beberapa syarikat belia)
3. *The YOUTH CUBE Cabin*



*Dewan Youth Convention Centre*



*The YOUTH CUBE Cabin*


*The YOUTH CUBE Cabin*

**Cadangan *Youth Sport Centre***

1. Menggalakkan golongan belia dan penduduk setempat menjalani kehidupan yang sihat dengan menyediakan kemudahan untuk bersenam.




*Youth Sport Centre*

## C Memperluaskan Zon Wifi Percuma di Kawasan Cadangan





Pelajar dan golongan belia akan dapat menikmati Wifi internet percuma. Cadangan ini mendokong hasrat kerajaan menggalakan pelajar dan golongan belia menggunakan internet untuk pelajaran.

## D Menambah Baik Kemudahan Sokongan di Kawasan Bandar Universiti


*Laluan Penjalan Kaki dan Basikal*

Menggalakkan golongan belia dan penduduk setempat menjadikan basikal sebagai salah satu alternative untuk bergerak dan beriadah


*Naik Taraf Tempat Letak Kenderaan*

Tempat letak kenderaan yang mencukupi adalah satu keperluan kepada para pelajar, pengsyarah dan staf sokongan di Kawasan Bandar Universiti


*Menaik Taraf Perhentian Bas*

Menaik taraf perhentian bas di kawasan Muadzam Shah dapat menjamin keselamatan kepada belia dan pelajar universiti

STRATEGI

**T2S9**

**Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif**

CADANGAN

**T2S8-C3**

# MENAMBAH BAIK PROGRAM DAN KEMUDAHAN KAMPUS SULTAN HAJI AHMAD SHAH (KSHAS), UNITEN

AGENDA

SDGs 4 QUALITY EDUCATION | NUA 03

KATEGORI

**SK**
**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS) **seluas 66.63 hektar** ini merupakan pusat pengajian tinggi di peringkat sarjana muda. Kampus ini merupakan kampus cawangan UNITEN yang memfokuskan kepada bidang pengurusan perniagaan dan bidang perakaunan.
2. Oleh itu, pusat pengajian tinggi ini berpotensi untuk dinaik taraf dengan menawarkan program berkaitan kejuruteraan Elektrik & Mekanikal di peringkat diploma atau sarjana muda bagi memberi peluang kepada lebih ramai lagi anak muda menceburi dan mengembangkan lagi kemahiran kepada anak muda di Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Kesediaan lokasi dan sumber pengajian sediada perlu dinaik taraf kemudahan selaras dengan penambahan penawaran program berkaitan kejuruteraan Elektrik & Mekanikal di UNITEN.
2. Penghasilan graduan mahir dalam bidang kejuruteraan mekanikal diperlukan bagi membangunkan ekonomi Daerah Rompin bersesuaian dengan hasrat menjadikan Daerah Rompin bersepadu dan mampan.
3. Menambah bilangan kursus di UNITEN dapat menambah bilangan pelajar di Daerah Rompin secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi di Mukim Bebar (Muadzam Shah)

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A Penawaran Program**

1. Ijazah Sarajana Muda Kuruteraan Elektrik & Mekanikal
2. Sijil Kejuruteraan Mekanikal

**B Menaik Taraf Kemudahan**

1. Menambah bilangan kelas
2. Menambah bilangan penempatan pelajar

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS)


**D. Agensi Pemantau**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

**E. Agensi Pelaksana**

1. UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS)

**Rajah 6.23: Cadangan menaik taraf kemudahan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS), UNITEN**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**A Penawaran Program**

Cadangan ini juga akan menambah penawaran program yang berkaitan dengan program kejuruteraan Elektrik & Mekanikal di UNITEN. Berikut merupakan cadangan kursus yang bersesuaian untuk diterapkan :

**IJAZAH SARJANA MUDA**

I. Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Kepujian)
II. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian)
III. Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian)

**SIJIL (TVET)**

I. Sijil Kemahiran Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
II. Sijil Kemahiran Kejuruteraan Mekanikal
III. Sijil Kemahiran Kejuruteraan Awam

**B Menaik Taraf Kemudahan**


Dewan Kuliah


Bilik Kelas


Kolej Kediaman


Ruang Tidur

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T2S8** Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif | **T2S8-C4** CADANGAN PEMBANGUNAN SEKOLAH RENDAH DI DAERAH ROMPIN | SDGs 4 QUALITY EDUCATION, NUA 03 | **SK** (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Berdasarkan unjuran 2035 mengikut mukim, Daerah Rompin memerlukan tambahan sebanyak 4 unit sekolah kebangsaan baharu

I. **2 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Bebar (Muadzam Shah)**
II. **1 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Pontian**
III. **1 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Endau**

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penyediaan sekolah baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan pertumbuhan pembangunan dan pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.
2. Keutamaan pemilihan lokasi adalah berdasarkan kawasan yang mempunyai keperluan tinggi, lokasi yang strategik, mempunyai tahap kemudahsampaian yang efektif bagi tujuan pembinaan sekolah baharu
3. Pembangunan sekolah di luar kawasan tadahan SK sedia ada (berdasarkan piawaian jarak radius SK yang diguna pakai iaitu **0.8km hingga 1.6km**) yang mana sekolah terdekat terletak **lebih kurang 10km ke 12km.**

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Pembangunan sekolah kebangsaan yang dicadangkan mempunyai 12-40 bilik darjah serta dilengkapi dengan kemudahan sokongan lain
2. Susun atur dan reka bentuk bangunan sekolah menengah perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Mukim Bebar (Muadzam Shah)
2. Mukim Pontian
3. Mukim Endau

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Kementerian Pendidikan

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
2. Pejabat Pendidikan Daerah Rompin

## A Komponen Pembangunan


Antara komponen utama pembangunan untuk sekolah rendah :

i. Pejabat Pentadbiran
ii. Pejabat Guru
iii. Bilik Mesyuarat
iv. Bilik Darjah
v. Surau
vi. Dataran Perhimpunan
vii. Kantin
viii. Perpustakaan

| KRITERIA | PERINCIAN MENGIKUT KATEGORI | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Tadahan Penduduk** | 3,750 | 5,000 | 6,250 | 7,500 |
| **Modul Bilik Darjah (BD)** | 18 BD | 24 BD | 30 BD | 36 BD |
| **Keluasan ruang lantai mak./ murid (m.p.)** | 10.5 | 9.4 | 8.4 | 7.8 |
| **Keluasan Tapak** | **6 – 8 ekar (tapak yang sesuai dan boleh dibangunkan)** | | | |
| **Lokasi Perletakan** | 1. Jarak daripada persimpangan (minimum 200 meter)<br>2. Akses terus kepada jalan 20.1m (66') (dalam kawasan perumahan)<br>3. Berhampiran kawasan kediaman dan transit pengangkutan awam (800m atau 10 minit perjalanan) | | | |
| **Tanah Lapang, Landskap dan Rekreasi** | 1. Tanah lapang dan rekreasi merangkumi kemudahan asas sukan seperti padang permainan, gelanggang dan dewan sukan (3 – 5 ekar).<br>2. Landskap merangkumi perimeter planting, zon penampan, rizab utiliti, landskap antara tingkat atas bangunan dan lain-lain kawasan lapang yang tidak dimanfaatkan. | | | |

*Sumber:*
*1. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*


**Kadar Keupayaan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Sekolah Menengah**






Gambaran cadangan sekolah rendah baharu

## Rajah 6.24: Pelan Cadangan Pembangunan Sekolah Rendah di Daerah Rompin




**Tambahan Sebanyak 4 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu**

1. 1 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Bebar (Muadzam Shah)
2. 1 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Bebar (Muadzam Shah)
3. 1 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Pontian
4. 1 Unit Sekolah Kebangsaan Baharu di Mukim Endau

*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**KEMUDAHAN PENDIDIKAN**

- Sekolah Kebangsaan Baru
- Sekolah Kebangsaan Sedia Ada
- Radius Liputan Sekolah Kebangsaan Baru (1.6km)
- Radius Liputan Sekolah Kebangsaan Sedia Ada (1.6km)

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T2S8** Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif | **T2S8-C5** PEMBINAAN PUSAT KOKURIKULUM AKTIVITI ARAS TINGGI *(HIGH ROPE ELEMENT)* DAERAH ROMPIN | SDGs 4 QUALITY EDUCATION, NUA 03 | **SK** (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pembinaan pusat kokurikulum aktiviti aras tinggi merupakan pusat kokurikulum yang menggabungkan kemudahan masyarakat secara berpusat yang berpotensi untuk dibangunkan di Daerah Rompin.
2. Pusat kokurikulum ini lebih berfokus kepada kemudahan untuk golongan belia memandangkan Daerah Rompin tidak mempunyai kemudahan pusat kokurikulum berskala besar.
3. Selain itu, terdapat institut pengajian tinggi yang majoritinya adalah golongan belia dapat menggunakan pusat kokurikulum ini untuk menjalankan aktiviti riadah.
4. Lokasi kem kokurikulum yang dicadangkan adalah di kawasan kem terbengkalai yang berpotensi dan sesuai untuk menjadikan kawasan pusat kokurikulum **(1) Mukim Pontian – Kem Bestari**

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menyediakan kemudahan kem kokurikulum yang selesa dan selamat untuk penganjuran aktiviti kokurikulum murid berskala besar.
2. Daerah Rompin perlu ada pusat kokurikulum yang lengkap, selesa dan selamat bagi tujuan penganjuran aktiviti ke arah pembentukan sahsiah, jati diri dan karaktor unggul bakal pemimipin masa hadapan.
3. Pusat kokurikulum yang berfokus kepada golongan belia

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Susun atur dan reka bentuk bangunan kem kokurikulum perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.
2. Pusat kokurikulum ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.

**A** Pembangunan *Indoor*

**B** Komponen Pembangunan *Outdoor*

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**Lokasi**

Kem Bestari (1.80 Hek)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Kementerian Pendidikan

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
2. Pejabat Pendidikan Daerah Rompin

## A Pembangunan *Indoor*

1. Penyediaan pembanggunan sukan indoor dapat meningkatkan kecergasan jasmani dengan meningkatkan denyutan jantung, menguatkan otot dan meningkatkan daya tahan.
2. Selain itu, dengan ada kemudahan pembangunan indoor dapat mengurangkan aktiviti yang terdedah daripada cuaca panas atau hujan yang ekstrem di Rompin.
3. Kemudahan pembangunan indoor memudahkan pihak sekolah untuk mengadakan aktiviti tanpa mengira musim atau keadaan cuaca dan banyak kemudahan infrastruktur yang diperlukan



Cadangan dewan serbaguna


Ruang-ruang khas (*Learning Centre*)


Gambaran cadangan sekolah rendah baharu

## B Komponen Pembangunan *Outdoor*


1. Aktiviti High Rope adalah sebuah fasilitas atau permainan yang terdiri dari jaring-jaring, tali, dan rintangan-rintangan yang terhubung di ketinggian. Aktiviti ini dapat meningkatkan keberanian, keterampilan, dan kepercayaan diri pelajar di Daerah Rompin.

2. Aktiviti tapak perkhemahan dapat memupuk semangat bekerjasama membuat sesuatu perkara dalam kumpulan. Dengan adanya kemudahan tapak perkhemahan yang strategik ia baik dari segi keselamatan kepada pelajar.


Kawasan *High Rope*


Kawasan Perkhemahan

## Rajah 6.25 : Pusat Kokurikulum Aktiviti Aras Tinggi (*High Rope Element*) Daerah Rompin





*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 1 MUKIM PONTIAN




### KEM BESTARI




### PETUNJUK

Lokasi Kem Bestari

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



**STRATEGI** **T2S8**
**Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif**

**CADANGAN** **T2S8-C6**

# CADANGAN PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN SEDIA ADA

**AGENDA** SDGs 3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING; NUA 03

**KATEGORI** **SK (SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Berdasarkan unjuran 2035 mengikut mukim, Daerah Rompin memerlukan tambahan sebanyak 2 unit klinik kesihatan di Mukim Pontian dan Endau.
2. Selain itu, 7 unit klinik perlu menaik taraf klinik kesihatan sedia ada bagi menampung keperluan penduduk serta memastikan perkhidmatan yang berkesan kepada penduduk sehingga tahun 2035.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Klinik kesihatan baru dicadangkan bagi memenuhi keperluan unjuran penduduk sehingga tahun 2035 seterusnya memastikan perkhidmatan yang berkesan kepada setiap lapisan masyarakat.
2. Keperluan menaik taraf klinik kesihatan sedia ada disebabkan keadaan fizikal yang kurang baik dan terdapat keperluan tinggi untuk tampungan penduduk.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Cadangan dan Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada

**B** Komponen sokongan bukan klinikal

### INFO CADANGAN

**A. Senarai Klinik Kesihatan**

**Cadangan Klinik Kesihatan**
- Mukim Endau
- Mukim Pontian

**Cadangan Menaik Taraf Klinik Kesihatan**
- Klinik Kesihatan Rompin
- Klinik Kesihatan Teluk Gading
- Klinik Kesihatan Leban Chondong
- Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak
- Klinik Kesihatan Chanis

**Cadangan Menaik Taraf Klinik Komuniti**
- Klinik Komuniti Muadzam Shah

**Cadangan Menaik Taraf Klinik Desa**
- Klinik Desa Kedaik
- Klinik Desa Keratong 1

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Kesihatan Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Kementerian Kesihatan

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Kesihatan Daerah Rompin

## A Cadangan dan Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada

Berikut adalah senarai cadangan pembangunan klinik kesihatan dan klinik kesihatan sedia ada yang perlu dinaik taraf :

| NO | NAMA/ LOKASI | DESKRIPSI | LUAS SEMASA (Hek) | LUAS CADANGAN (Hek) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Cadangan Klinik Kesihatan di Mukim Pontian | Memenuhi keperluan penduduk di Mukim Pontian tahun 2035 | 0.50 | - |
| 2 | Cadangan Klinik Kesihatan di Mukim Endau | Memenuhi keperluan penduduk di Mukim Endau tahun 2035 | 0.60 | - |
| 3 | Klinik Kesihatan Rompin | Naik taraf dari **Klinik Kesihatan Jenis V ke Klinik Kesihatan III** | 0.88 | 1.94 |
| 4 | Klinik Kesihatan Teluk Gading | Naik taraf dari **Klinik Kesihatan Jenis V ke Klinik Kesihatan Jenis IV** | 0.88 | 0.13 |
| 5 | Klinik Kesihatan Leban Chondong | Naik Taraf dari **Klinik Kesihatan Jenis VI ke Klinik Kesihatan Jenis V** | 0.11 | 0.90 |
| 6 | Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak | Naik taraf dari **Klinik Kesihatan Jenis V ke Klinik Kesihatan III** | 4.13 | - |
| 7 | Klinik Kesihatan Chanis | Naik taraf dari **Klinik Kesihatan Jenis VII ke Klinik Kesihatan V** | 0.13 | 0.88 |
| 8 | Klinik Komuniti Muadzam Shah | Cadangan Pembinaan **Klinik Kesihatan III** Muadzam Shah | 0.02 | 1.19 |
| 9 | Klinik Desa Kedaik | Cadangan menaik taraf **Klinik Kesihatan VI** | 1.214 | - |
| 10 | Klinik Desa Keratong 2 | Cadangan menaik taraf **Klinik Kesihatan VI** | 0.25 | 0.27 |

*Sumber:*
*1. Jabatan Kesihatan Rompin*


## B Komponen Sokongan Bukan Klinikal

Garis Panduan Khusus Klinik Kesihatan

| KRITERIA | PERINCIAN MENGIKUT JENIS KLINIK KESIHATAN | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KK I | KK II | KK III | KK IV | KK V | KK VI | KK VII |
| Keluasan Tapak Minimum | 1.21 Hek | | | 1.01 Hek | | 0.52 Hek | 0.60 Hek |
| Bilangan Tadahan Penduduk (dalam radius 5 - 10km) (orang) | > 80,000 | 50,001 – 80,000 | 30,001 – 50,000 | 15,001 – 30,000 | 10,001 – 15,000 | 5,001 – 10,000 | <5,000 |

*Sumber: Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*

## Rajah 6.26: Pelan Cadangan Pembangunan dan Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada




### Cadangan Pembangunan dan Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada

| NO | NAMA/ LOKASI |
|---|---|
| 1 | Cadangan Klinik Kesihatan di Mukim Pontian |
| 2 | Cadangan Klinik Kesihatan di Mukim Endau |
| 3 | Menaik Taraf Klinik Kesihatan Rompin |
| 4 | Menaik Taraf Klinik Kesihatan Teluk Gading |
| 5 | Menaik Taraf Klinik Kesihatan Leban Chondong |
| 6 | Menaik Taraf Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak |
| 7 | Menaik Taraf Klinik Kesihatan Chanis |

### PETUNJUK

- Sekolah Kesihatan Sedia ada
- Sekolah Desa Sedia Ada
- Sekolah Komuniti Sedia Ada
- Cadangan Klinik Kesihatan
- Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada
- Naik Taraf Klinik Desa Sedia Ada
- Naik Taraf Klinik Komuniti Sedia Ada
- Radius Liputan Klinik Kesihatan Sedia ada (1.6km)
- Radius Liputan Klinik Desa Sedia ada (1.6km)
- Radius Liputan Klinik Komuniti Sedia ada(1.6km)

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T2S8 Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif | T2S8-C7 | SDGs 4 QUALITY EDUCATION, NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

# CADANGAN PEMBANGUNAN BALAI POLIS BAHARU DI MUKIM PONTIAN DAN ENDAU

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Berdasarkan unjuran 2035 mengikut mukim, Daerah Rompin memerlukan tambahan sebanyak 2 unit balai polis baharu kategori D di Mukim Pontian dan Endau bagi menampung keperluan penduduk dan memastikan perkhidmatan yang berkesan sehingga tahun 2035.
2. Peranan Balai polis baharu di Mukim Pontian dan Endau adalah menjaga keamanan dan keselamatan setempat.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penyediaan balai polis baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan unjuran berdasarkan pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.
2. Lokasi balai polis baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi serta di luar Kawasan tadahan balai polis semasa.
3. Memenuhi keperluan satu balai polis untuk setiap pusat petempatan utama (PPU) dan pusat petempatan kecil (PPK)
4. Lokasi balai polis terdekat terletak lebih kurang 5 km.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berdasarkan daripada Garis Panduan Kemudahan Masyarakat, terdapat beberapa komponen utama yang perlu dipatuhi untuk pembinaan:

- **A** Senarai balai polis yang dicadangkan
- **B** Garis Panduan Pembangunan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**
1. Mukim Pontian
2. Mukim Endau

**B. Fasa Pelaksanaan**
- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- ✓ **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**
1. Ibu Pejabat Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**
1. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang

**E. Agensi Pelaksana**
1. Ibu Pejabat Daerah Rompin
2. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang


## A Senarai Balai Polis yang Dicadangkan

Berikut adalah senarai cadangan balai polis :

| NO | LOKASI | KATEGORI | LUAS |
|---|---|---|---|
| 1 | Cadangan Pembangunan Balai Polis Mukim Pontian | Balai Polis Kategori D (Kawasan Luar Bandar) | **1.33 Hek** |
| 2 | Cadangan Pembangunan Balai Polis Mukim Endau | | **1.90 Hek** |

**Nota :**
Diperlukan di kawasa luar bandar bagi setiap pusat petempatan, bandar kecil dengan penduduk melebihi 15,000 orang

*Sumber:*
*1. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*




Lokasi balai polis terdekat terletak lebih kurang 5 km.


## B Garis Panduan Pembangunan

Bagi balai polis kategori D komponen pembangunan adalah seperti berikut:

| KRITERIA | PERINCIAN MENGIKUT KATEGORI |
|---|---|
| | BALAI POLIS KATEGORI D DAN E |
| Jumlah Ruang lantai Bangunan Utama / Plinth Area (meter persegi) | 1,000 |
| Keluasan Kawasan (hektar) | 1.4-2 |
| Nisbah Lantai Kawasan Kasar (Gross Floor Area Ratio) | 0.07 |
| Bilangan Kakitangan | 50 - 80 |
| Sasaran Respond Time | 8 minit |
| Lokap | Mempunyai Lokap |
| Komponen Kemudahan | ➢ Ruang stor / logistik.<br>➢ Papan tanda nama dan alamat bangunan<br>➢ Berada di lokasi yang sesuai dan strategik serta tidak mengganggu penglihatan penggun jalan raya.<br>➢ Pos Pengawal.<br>➢ Berpagar dan berlampu |

*Sumber:*
*1. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*

## Rajah 6.27: Pelan Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu di Mukim Pontian dan Endau




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**KEMUDAHAN KESELAMATAN**

- Lokasi Balai Polis Kategori D Mukim Endau
- Lokasi Balai Polis Kategori D Mukim Pontian

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T2S8** Meningkatkan Kualiti Kemudahan Dengan Memberi Perkhidmatan Yang Komprehensif | **T2S8-C8** MENYEDIAKAN DAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT YANG MENCUKUPI DAN EFISIEN, UNTUK SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. | SDGs: 4 QUALITY EDUCATION; NUA: 03 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Daerah Rompin memerlukan cadangan penambahan 1 balai bomba dan penyelamat jenis D terutama di bahagian Mukim Keratong bagi memastikan jarak masa perjalanan yang ideal untuk keberkesanan perkhidmatan dan keselamatan kepada penduduk
2. Balai Bomba dan Penyelamat Rompin dan Muadzam Shah sedia ada juga perlu dinaik taraf dari jenis C kepada jenis B untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan dengan kemudahan sokongan yang lengkap.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Balai bomba baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai keperluan tinggi, di luar kawasan tadahan balai bomba semasa serta mempunyai kadar waktu bantuan sampai terbaik bomba iaitu **10 km untuk 10 minit**. (lokasi balai bomba terdekat adalah di Bandar Tun Razak.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berdasarkan daripada Garis Panduan Kemudahan Masyarakat, terdapat beberapa komponen utama yang perlu dipatuhi untuk pembinaan:

**A** Senarai balai bomba dan penyelamat yang dicadangkan dan dinaik taraf

**B** Komponen pembangunan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bandar Tun Razak **(Kawasan Cadangan)**
2. Balai Bomba dan Penyelamat Rompin dan Muadzam Shah

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

**E. Agensi Pelaksana**

1. Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

## A Senarai Balai Bomba dan Penyelamat yang Dicadangkan dan Dinaktaraf

Berikut adalah senarai cadangan balai bomba dan sedia ada yang perlu dinaik taraf :

| NO | LOKASI | DESKRIPSI | LUAS |
|---|---|---|---|
| 1 | Cadangan Pembangunan Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak | Pembangunan balai bomba baharu jenis D | 3.80 Hektar |
| 2 | Balai Bomba dan Penyelamat Rompin | Naik taraf kepada jenis B | 0.27 Hektar (0.66 Ekar) |
| 3 | Balai Bomba dan Penyelamat Muadzam Shah | Naik taraf kepada jenis B | 0.22 Hektar (0.54 Ekar) |

## B Komponen Pembangunan


Bagi balai bomba dan penyelamat kategori D dan E, komponen pembangunan adalah seperti berikut:

i. Pejabat pentadbiran
ii. Bilik Gerakan
iii. Stor logistik
iv. Tempat letak Kenderaan
v. Ruang Jentera

| KRITERIA | PERINCIAN MENGIKUT KATEGORI | |
|---|---|---|
| | A | D |
| Jumlah Ruang lantai Bangunan Utama/Plinth Area | 1,200 | 250 |
| Keluasan Kawasan (Ekar) | 3.0-4.0 | 1.0-1.5 |
| Bilangan Kakitangan | 60 | 31 |
| Sasaran Respond Time | 10 minit | |
| Kategori Grid Risiko Kebakaran | Tinggi | Rendah |
| Anjakan Bangunan | Hadapan : 40' (12.2m)<br>Tepi : 20' (6.1m)<br>Belakang : 20' (6.1m) | |
| Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) | • Menyediakan kemudahan untuk Golongan Kurang Upaya dan mematuhi GPP Reka Bentuk Sejagat.<br>• Ramp untuk pelanggan berkerusi roda.<br>• Handrail<br>• Tandas khas OKU. | |

*Sumber:*
*1. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat 2022*

## Rajah 6.28: Pelan Menyediakan Dan Menaik Taraf Kemudahan Balai Bomba Dan Penyelamat




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 1 BANDAR TUN RAZAK




### PETUNJUK

**KEMUDAHAN KESELAMATAN**

- Balai Bomba Sedia Ada
- Balai Bomba Baharu
- Naik Taraf Balai Bomba Sedia Ada
- Radius Liputan 10km

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim


### PELAN LOKASI



# BAB 7

## TERAS 3 – PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN

## TERAS 3
## PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN



### INTIPATI / ASAS PEMBENTUKKAN STRATEGI DAN CADANGAN:

Menekankan aspek utama pembangunan ekonomi yang mampu menjana kemakmuran pembangunan ekonomi dan menyokong pembangunan Pusat Agropolitan agar berdaya maju dan memberi kesan positif serta impak tinggi kepada kesejahteraan daerah. Tiga (3) sektor ekonomi sebagai jentera utama Daerah Rompin iaitu pelancongan eko/agro, sektor pertanian berproduktiviti tinggi dan perindustrian

### SEKTORAL

1. Sektor Pelancongan dan Hospitaliti
2. Sektor Pertanian, Penternakan dan Akuakultur
3. Sektor Ekonomi, Perniagaan dan Perindustrian
4. Sektor Reka Bentuk Bandar, Rekreasi Dan Landskap

| STRATEGI | CADANGAN |
|---|---|
| 9 | 47 |

| STRATEGIK | QUICK WIN | UTAMA | SOKONGAN |
|---|---|---|---|
| 7 | 5 | 14 | 21 |

STRATEGI
## T3S1

### MENGUKUHKAN DAERAH ROMPIN SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN ANTARABANGSA

### CADANGAN

| | | |
|---|---|---|
| T3S1-C1 | ST | Memperkenalkan Tagline Pelancongan Daerah Rompin Sebagai *"River 2 Rainforest 2 Reef (Triple R)"* |
| T3S1-C2 | ST | Memperkenalkan Acara Mega Bertaraf Antarabangsa dan Kalendar Acara Pelancongan Tahunan Daerah Rompin |
| T3S1-C3 | ST | Memperkenalkan Program *Green Voluntourism* Bertaraf Antarabangsa |
| T3S1-C4 | ST | Memperkenalkan Pakej Pelancongan Berasaskan Trail Pelancongan Bertema dan Segmen Pasaran Khusus (*Niche Segment Market*) |
| T3S1-C5 | ST | Membangunkan Produk Pelancongan Bercirikan Pelancongan Hijau di Kg. Tekek |
| T3S1-C6 | ST | Menaik Taraf Taman Negeri Rompin Sebagai *Asean Heritage Park* |
| T3S1-C7 | ST | Membangunkan Pulau Duchong Sebagai Taman Rekreasi *Island Escape* |
| T3S1-C8 | ST | Menaik Taraf Tioman Harbour bagi Menampung Keperluan Pelancong ke Pulau Tioman |
| T3S1-C9 | UT | Membangunkan Marina serta Tumpuan Tarikan Pelancongan Mencabar dan Extreme di Kg. Mukut |
| T3S1-C10 | UT | Menjadikan Pulau Tioman Sebagai Pusat Latihan Selam Skuba Profesional yang Bertaraf Antarabangsa |
| T3S1-C11 | UT | Menaik Taraf Kawasan Rekreasi Pantai Dengan Berkonsepkan Rompin Rantaian Biru (*Rompin Coastal Blue Belt*) |
| T3S1-C12 | UT | Menggalakkan Program Persidangan dan Pameran (MICE) Berkonsepkan Pelancongan Hijau di Rompin *Convention And Resort Centre* |
| T3S1-C13 | UT | Mempelbagai Aktiviti Tarikan Pelancongan Baru di Agrotourism Paya Laka |
| T3S1-C14 | UT | Memperkenalkan Rompin *Farm Fresh* Sebagai Tarikan Agropelancongan Baru di Rompin |
| T3S1-C15 | UT | Menaik Taraf Pesisir Sg. Rompin Sebagai *River Boulevard* |
| T3S1-C16 | UT | *Smart Kiosk* di Jeti |

| | | |
|---|---|---|
| T3S1-C17 | SK | Menaik Taraf Kemudahan *Wayfinding* di Kawasan Tarikan Ekopelancongan yang Bercirikan Hijau, Selamat, Jelas dan Berinovasi |
| T3S1-C18 | SK | Menggalakkan Penglibatan Operator Pelancong di Tioman Harbour sebagai Pemandu Pelancong Alam Semulajadi untuk ke Pulau Seri Buat |

## STRATEGI T3S2

**MEMPERKASAKAN KOMUNITI TEMPATAN MELALUI PROGRAM PENINGKATAN KEUPAYAAN *(CAPACITY BUILDING)***

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S2-C1 | SK | Pemerkasaan dan Pembangunan Komuniti Orang Asli Melalui Ekopelancongan *(Community-based Ecotourism)* |
| T3S2-C2 | SK | Meningkatkan Kemahiran *(Up-scalling)* Operator Pelancongan Melalui Latihan Hospitaliti serta Peningkatan Produk Pelancongan yang Lebih Pintar |

## STRATEGI T3S3

**MEMANTAPKAN KERJASAMA BERSEPADU DI ANTARA PELBAGAI PIHAK**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S3-C1 | QW | Penyeragaman Operasi *Guesthouse Homestay* Melalui Penyediaan Garispanduan Khusus kepada Pihak Berkuasa Tempatan. |
| T3S3-C2 | QW | Menaik Taraf dan Mendaftar Rumah Rakit dan Kelong Sebagai Program Pengalaman *Homestay* |
| T3S3-C3 | QW | Menaik Taraf Penginapan Sedia dengan Menggalakkan Konsep Inisiatif Hijau dan *Muslim-friendly Tourism* |

## STRATEGI T3S4

**MENGUKUHKAN KETERJAMINAN KESELAMATAN MAKANAN (ROMPIN SEBAGAI BANDAR AGROPOLITAN)**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S4-C1 | ST | Membangunkan Kuala Rompin Sebagai Bandar Agropolitan Rompin |
| T3S4-C2 | UT | Memperluaskan Kawasan Pengeluaran Agromakanan Sedia Ada |
| T3S4-C3 | UT | Mengoptimumkan Penggunaan Tanah bagi Kawasan Pengeluaran Agromakanan Sedia Ada sebagai Kawasan Pengeluaran yang Produktif |

## STRATEGI T3S5

**MEMPRAKTIKKAN AMALAN PERTANIAN YANG BAIK, INOVATIF DAN PRODUKTIF**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S5-C1 | SK | Memperkukuhkan Tahap Daya Tahan dan Inisiatif Pengurangan Risiko Bencana dalam Sistem Jaminan Keselamatan Makanan |
| T3S5-C2 | SK | Membudayakan Amalan Pertanian Baik dan Penggunaan Teknologi Moden dalam Setiap Peringkat Proses Aktiviti Agromakanan |

## STRATEGI T3S6

**MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG MEMACU EKONOMI DAERAH DAN BERNILAI TAMBAH**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S6-C1 | UT | Peningkatan Ruang Lantai Perniagaan di Daerah Rompin |
| T3S6-C2 | UT | Pembangunan Semula Kawasan Rehat Dan Rawat (RNR) |
| T3S6-C3 | SK | Galakan Konsep *Adaptive Reuse* di Unit Perniagan yang Kosong |
| T3S6-C4 | SK | Menaik Taraf Aktiviti Perniagaan Informal |
| T3S6-C5 | SK | Penyediaan Ruang Mampu Niaga Berasaskan Produk Tempatan |

## STRATEGI T3S7

**PENGUKUHAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN YANG BERIDENTITI DAN BERNILAI TAMBAH**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S7-C1 | ST | Cadangan Zon Kluster Industri |
| T3S7-C2 | UT | Cadangan Menggalakkan Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan '*Managed Industrial Park*' |

## STRATEGI T3S8

**MELAKSANAKAN REKA BENTUK BANDAR YANG BERIDENTITI, BERKUALITI DAN MENARIK**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S8-C1 | UT | Cadangan Menaik Taraf Imej dan Identiti Pusat Bandar Kuala Rompin sebagai Bandar Pelancongan kepada Daerah Rompin |
| T3S8-C2 | UT | Cadangan Pembaharuan Semula Pusat Bandar Teluk Gading Sebagai Hab Pelancongan Pengangkutan Daerah Rompin |
| T3S8-C3 | SK | Cadangan Pengindahan Semula Pusat Bandar Muadzam Shah Sebagai Hab Pendidikan Daerah Rompin |
| T3S9-C4 | SK | Cadangan Mewujudkan Imej dan Identiti Bandar Tun Razak Sebagai Pusat Perkhidmatan Gugusan Felda Keratong. |
| T3S9-C5 | SK | Cadangan Memperindahkan Kampung Tekek sebagai Kawasan Pelancongan Utama Pulau Tioman |

## STRATEGI T3S9

**MENYEDIAKAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG LENGKAP SERTA MEMPUNYAI FUNGSI YANG PELBAGAI DAN MEMBENTUK IMEJ LANDSKAP DAERAH YANG MAMPAN**

**CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| T3S9-C1 | SK | Cadangan Menaik Taraf Reka Bentuk Pintu Masuk Persempadanan Utama dan *Entrance Statement* Daerah Rompin |
| T3S9-C2 | SK | Cadangan Pokok Rasmi Daerah Rompin |
| T3S9-C3 | SK | Cadangan Pengindahan Landskap di Daerah Rompin |
| T3S9-C4 | SK | Cadangan Menaik Taraf Landskap dan Kemudahan di Dataran Kuala Rompin, Dataran Teluk Gading dan Dataran Muadzam Shah |
| T3S9-C5 | SK | Cadangan Menaik Taraf dan Menambahbaik Kawasan Lapang dan Kemudahan Sukan di Muadzam Shah |
| T3S9-C6 | SK | Cadangan Penambahbaikan Landskap dan Kemudahan Rekreasi di Kawasan Pembangunan Rekreasi Semula Jadi |
| T3S9-C7 | SK | Cadangan Menaik Taraf dan Menambahbaik Kemudahan Taman Kejiranan & Taman Permainan Sedia Ada |
| T3S9-C8 | SK | Cadangan Penyediaan Kawasan Lapang dan Rekreasi bagi Keperluan Akan Datang |

RUANG INI DIKOSONGKAN

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S1<br>Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | T3S1-C1<br>MEMPERKENALKAN TAGLINE PELANCONGAN DAERAH ROMPIN SEBAGAI *"RIVER 2 RAINFOREST 2 REEF (TRIPLE R)"* | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | ST (STRATEGIK) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Penyediaan *tagline* sebagai imej bagi Rompin termasuk Gugusan Pulau Tioman sebagai dua nodus utama dalam pelancongan utama.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penggunaan *tagline* dapat meningkatkan imej Rompin dan Gugusan Pulau Tioman.
2. Mempromosikan dan memasarkan Daerah Rompin dengan berkonsepkan '*Family Eco-Fun*'. Selain itu, sebagai:
   i. Pengenalpastian '*keystone product*'.
   ii. Penentuan '*unique selling proposition (USP)*'
   iii. Mengenalpasti trail yang sesuai.
   iv. Manfaat rantaian *(linkages)* dan hubungan kerjasama *(networking)* antara pemegang taruh.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

| | |
|---|---|
| A | *Tagline* Pelancongan Daerah Rompin |
| B | 10 lokasi hotspot Rompin Triple R |

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. *Rompin Green Business Park*
2. Taman Negeri Rompin
3. Gugusan Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman

**E. Agensi Pelaksana**

1. *Tourism* Pahang
2. MOTAC Pahang

## A *Tagline* Pelancongan Daerah Rompin


1. Idea *tagline* ini menggabungkan 3 elemen penting iaitu sungai, hutan dan pulau.
2. Oleh itu, *tagline* ini mengambil kira 3 kawasan tarikan pelancongan sedia ada dan baru iaitu di Sungai Rompin yang akan dibangunkan sebagai Rompin Green Business Park, seterusnya hutan iaitu Taman Negeri Rompin dan Kawasan Pelancongan Antarabangsa iaitu Gugusan Pulau Tioman.

Triple R

ROMPIN GREEN BUSINESS PARK – TAMAN NEGERI ROMPIN – GUGUSAN PULAU TIOMAN

3. Selain itu, alternatif *tagline* adalah lebih ke arah atau selaras dengan strategi pelaksanaan di dalam Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) iaitu *Rainforest to Reef* (R2R).
4. Oleh itu, ia boleh digunapakai di *tagline* Rompin iaitu '***RIVER TO RAINFOREST TO REEF (R2R2R)***' atau '***TRIPLE R***' **iaitu simbol R sebagai icon Rompin.** Triple R ini mengotimumkan sumber hutan semulajadi, sungai dan sumber ekologi pulau. Ia juga akan mewujudkan 'kawasan tarikan hijau' bagi pelancong dari dalam dan luar negara serta pelabur.


'RIVER2RAINFOREST2REEF (R2R2R)' ATAU 'TRIPLE R'



## B 10 lokasi hotspot Rompin Triple R

Mencadangkan 10 lokasi hotspot tarikan pelancogan Daerah Rompin yang bertaraf antarabangsa dengan kepelbagaian aktiviti mewakili aktiviti di Sungai, Hutan dan Laut.

**Rajah 7.1: Pelan Trail 10 *Hotspot Triple R***




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)




















| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S1<br>Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | T3S1-C2<br>MEMPERKENALKAN ACARA MEGA BERTARAF ANTARABANGSA DAN KALENDAR ACARA PELANCONGAN TAHUNAN DAERAH ROMPIN | SDGs 13, 14, 15; NUA 06 | ST (STRATEGIK) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Memperkenalkan kalendar acara tahunan bagi memudahkan pelancong untuk merancang aktiviti pelancongan ke Rompin serta Gugusan Pulau Tioman

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Merupakan salah satu cadangan dari RKK Gugusan Pulau Tioman, Pahang 2030
2. Pelancong akan dapat merancang percutian.
3. Dapat menarik lebih ramai pelancong dalam satu masa.
4. Meningkatkan imej Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan.
5. Merupakan salah satu medium pemasaran yang berkesan untuk mempromosikan acara tahunan Pulau Tioman.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Acara Mega dan Acara Sampingan (*Side Event*)
- **B** Kalendar Acara Pelancongan Daerah Rompin

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Tiada

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Tourism Pahang
4. MOTAC Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Tourism Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Tourism Pahang
4. MOTAC Pahang

## A Acara Mega dan Acara Sampingan (Side Event)

Memperkenalkan beberapa acara Mega dan acara sampingan yang baharu sesuai dengan tema tagline Triple R

| | ACARA MEGA ROMPIN | ACARA SAMPINGAN *(SIDE EVENT)* |
|---|---|---|
| HUTAN (RAINFOREST) | *ROMPIN STATE PARK BIRD RACE* | *ROMPIN FEST* |
| | + | PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH ROMPIN |
| | RAINFOREST FESTIVAL | PROGRAM AKTIVITI TRADISIONAL - MENCARI KEPAH |
| | *ROMPIN GREEN TOURISM CONGRESS* | ROMPIN *AGRO & CULTURAL FEST* |
| SUNGAI (RIVER) | PERTANDINGAN MEMANCING PANTAI | MEMANCING UDANG GALAH |
| | + | MOH TEST JORAN |
| | *FESTIVAL THE RICH OF ROMPIN RIVER* | PROGRAM CAHAYA SUNGAI RUMAH RAKIT |
| | **ACARA MEGA PULAU TIOMAN** | **ACARA SAMPINGAN *(SIDE EVENT)*** |
| LAUT (REEF) | *ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE* | *TIOMAN ROCK CLIMBING CHALLENGE* |
| | *TIOMAN SURF FESTIVAL* | *TIOMAN INTERNATIONAL CANOE OCEAN RACE* |
| | *START IN TIOMAN* | *TIOMAN ULTRA* |
| | + | *SAIL MALAYSIA PASSAGE TO THE EAST YACHT RALLY* |
| | INTERNATIONAL DIVE SHOW | *TIOMAN BIRD COUNT* |
| | *INTERNATIONAL VOLUNTEERISM - CORAL REEF CARE* | *FESTIVAL DODOL MANGGA TIOMAN* |
| | | *REEF BUBBLE CAMP* |
| | | *WORLD SEA TURTLE DAY* |
| | | PEKAN KARTUN @ TIOMAN ISLAND |

Catatan :

- Acara mega pelancongan sedia ada
- Acara sampingan pelancongan sedia ada
- Cadangan acara pelancongan

## B Kalendar Acara Pelancongan Daerah Rompin

Memastikan kalendar pelancongan tahunan Daerah Rompin meliputi acara-acara Mega dan acara sampingan yang mempunyai ciri-ciri:

1. Sekurang-kurangnya satu acara Mega setiap bulan dan disusuli dengan acara sampingan yang berkaitan dengan acara Mega.
2. Menggalakkan pelancong tinggal lebih lama dengan susunan acara yang pelbagai.
3. Mewakili tagline pelancongan Triple R bagi kepelbagaian lokasi bersesuaian
4. Mensasarkan pelbagai peringkat umur dan segmen pasaran pelancong.

**JAN**



ROMPIN ULTRA MARATHON

TIOMAN SURF FESTIVAL




**FEB**

PROGRAM MEMANCING UDANG GALAH





**MAC**




ROMPIN STATE PARK BIRD RACE

TIOMAN ROCK CLIMBING CHALLENGE




RICH OF ROMPIN RIVER





**APRIL**



PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH ROMPIN

TIOMAN BIRD COUNT



ROMPIN GREEN TOURISM CONGRESS

**MEI**

BUBBLE CAMP




**JUN**



START IN TIOMAN

INTERNATIONAL DIVE SHOW



**JULAI**

INTERNATIONAL DIVE SHOW




**OGOS**

PROGRAM AKTIVITI TRADISIONAL - MENCARI KEPAH




HIKE GUNUN NENEK SEMUKUT




**SEPT**



THE ROYAL PAHANG BILLFISH INTERNATIONAL CHALLENGE

ROMPIN FEST






**OKT**

ROMPIN ECO BEACH GREEN




**NOV**



KARNIVAL PERMOTORAN ROMPIN

ROMPIN AGRO & CULTURAL FEST




**DIS**




FESTIVAL VIRAL FOOD

KARNIVAL PESTA LAMPU ANTARABANGSA




Catatan :
Musim peralihan Monsun Timur Laut sekitar bulan Oktober hingga Disember.
Oleh itu, aktiviti dan acara pelancongan sekitar bulan Oktober hingga Disember adalah bergantung kepada situasi pada bulan tersebut, terutama di kawasan Pulau Tioman

### PETUNJUK

Cadangan Acara Pelancongan Baru di Daerah Rompin

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T3S1** Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | **T3S1-C3** | SDGs 13 14 15 NUA 06 | **ST** (STRATEGIK) |

# MEMPERKENALKAN PROGRAM GREEN *VOLUNTOURISM* BERTARAF ANTARABANGSA

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Meluaskan segmen pasaran pelancong yang ingin melakukan projek sukarelawan sama ada di Rompin mahupun Gugusan Pulau Tioman sebagai destinasi sukarelawan

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Merupakan salah satu cadangan dari RKK Gugusan Pulau Tioman, Pahang 2030
2. Mempromosikan industri Daerah Rompin sebagai destinasi tarikan pelancong dan melonjakkan industri pelancongan lebih ke arah antarabangsa.
3. Program sukarelawan dapat menjadikan Rompin dan Pulau Tioman sebagai satu destinasi yang bersih dan menarik dengan penawaran pelbagai aktiviti.
4. Mewujudkan pelancongan aktif dengan menjadikan Rompin dan Pulau Tioman sebagai destinasi sukarelawan.
5. Menjadi antara aktiviti pelancongan yang boleh dijalankan semasa off *season*.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Pakej *Divers Voluntourism* di Gugusan Pulau Tioman

**B** Pakej *Non-Divers Voluntourism* di Rompin

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Gugusan Pulau Tioman
2. Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Jabatan Laut

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Jabatan Laut


**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman
3. Jabatan Laut
4. Tourism Pahang
5. MOTAC Pahang

## A Pakej *Diver Voluntourism* di Gugusan Pulau Tioman

1. Tujuan pakej ini adalah untuk **membawa lebih ramai penyelam rekreasi membeli pakej *voluntourism* untuk aktiviti pemuliharaan marin yang aktif dan penyertaan penyelidikan.**
2. Selain itu, pakej ini akan bekerjasama dengan pemuliharaan marin serta kumpulan penyelidikan untuk menghasilkan projek di mana penyelam boleh **mengambil bahagian dalam aktiviti pembersihan serpihan marin, secara aktif mengurangkan ancaman yang ditimbulkan kepada hidupan marin dan memberi kesan positif secara langsung.**
3. Berikut adalah senarai program untuk pakej diver volunteer iaitu :
   i. Projek Sukarelawan Pemuliharaan Laut Pulau Tioman *(Pulau Tioman Marine Conservation Volunteer Project)*
   ii. Pembersihan Bawah Air Sukarelawan *(Volunteers Underwater Clean-Up)*.
   iii. Program Konservasi Alam Sekitar

**Konsep Pembangunan Program Penanaman Semula Terumbu Karang Di Gugusan Pulau Tioman**








**Salah satu program pembuangan *ghostnet* & pembersihan bawah air yang dijalankan oleh Fuze Ecoteer**



**PROGRAM KONSERVASI ALAM SEKITAR**

1. Memelihara spesis terumbu karang secara mampan dan lestari supaya khazanah marin dikekalkan.
2. Mengadakan program restorasi/ penanaman semula anak terumbu karang di beberapa kawasan terpilih menggunakan kaedah tertentu.
3. Mengawal jumlah pelancong yang memasuki kawasan bagi melakukan aktiviti snorkeling dan scuba diving bagi memastikan terumbu karang dapat dipelihara
4. Menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi ekopelancongan yang unggul

**Rajah 7.2** : Konsep Pembangunan Program Pembersihan Pantai Di Gugusan Pulau Tioman







Contoh Pakej *Voluntourism* di *Blue Lagoon* Port Dickson

## B Pakej *Green Voluntourism* di Rompin

1. Segmen pasaran adalah khusus pelancong selain dari scuba diving, Pelajar Sekolah, IPTA dan IPTS serta komuniti setempat (NGO).
2. Kawasan di Rompin seperti di Taman Negeri Rompin sesuai untuk dijadikan program dan aktiviti edutourism di mana dapat menarik pelancong yang berminat untuk melakukan akitiviti pemuliharaan dan pendidikan secara sukarela.
3. Terdapat pelbagai program edutourism yang dapat dibuat di kawasan Taman Negeri Rompin seperti:
   I. Program Trash Hero
   II. Program kitar semula 3R
   III. Program pemuliharaan hidupan liar
   IV. Program amalan rendah karbon
   V. Program penanaman semula pokok
   VI. Program Cintai Sungai
   VII. Program Penanaman 1 Juta Pokok Setahun

**PENGURUSAN DAN PERLAKSANAAN**

1. Penubuhan organisasi sukarela
2. Penyertaan peserta
3. Pengagihan tugas dan tanggungjawab
4. Pelantikan penyelaras program bagi setiap program yang dijalankan
5. Latihan dan kemahiran mengenai program yang dilaksanakan
6. Penilaian maklumat dan pengalaman terdahulu



Program Cintai Sungai




Program *Trash Hero*

**KELEBIHAN EDUTOURISM**

1. Dapat memberi kesedaran kepada pelancong yang datang terhadap kepentingan alam sekitar.
2. Dapat membantu hidupan liar di kawasan TNR melalui program- program yang diadakan seperti program menyelamat dan pemuliharaan hidupan liar.
3. Dapat meningkatkan dan menjaga keadaan hutan daripada tercemar akibat hasil-hasil manusia seperti pembuangan sisa pepejal dan sampah secara berleluasa.
4. Dapat mengelakkan kepupusan flora dan fauna di kawasan TNR





Poster Program Kitar Semula

## C Sasaran Pasaran Program *Voluntourism*

- Mempromosikan program '*Work for Your Stay*' yang menggalakan pelancong sukarelawan backpackers untuk menjalankan aktiviti sukarelawan seperti mengajar pemuliharaan terumbu karang dan penyu, penanaman pokok huta dan lain-lain di bawah visa '*Professional Visit Pass*' bagi tempoh tidak lebih dari 12 bulan (Jabatan Imigresen Malaysia, 2020)





**Model Pengurusan *Green Voluntourism* Di Daerah Rompin**


















| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S1<br>Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | T3S1- C4<br>**MEMPERKENALKAN PAKEJ PELANCONGAN BERASASKAN TRAIL PELANCONGAN BERTEMA DAN SEGMEN PASARAN KHUSUS *(NICHE SEGMENT MARKET)*** | SDGs 13 CLIMATE ACTION, 14 LIFE BELOW WATER, 15 LIFE ON LAND; NUA 06 | ST<br>(STRATEGIK) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Memberi gambaran secara menyeluruh berkaitan dengan tarikan-tarikan yang ada di dalam koridor pelancongan bagi memudahkan agensi pelaksana untuk membuat penaiktarafan dan promosi secara bersepadu
2. Menawarkan pengalaman pelancong secara maksimum kepada aktiviti pelancongan yang berasaskan sumberjaya Sungai, hutan dan laut *(Triple R)*.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mempromosikan dan memasarkan Daerah Rompin dengan berkonsepkan '*Family Eco-Fun*'. Selain itu, sebagai:
   i. Pengenalpastian '*keystone product*'.
   ii. Penentuan '*unique selling proposition (USP)*'
   iii. Mengenalpasti trail yang sesuai.
   iv. Manfaat rantaian *(linkages)* dan hubungan kerjasama *(networking)* antara pemegang taruh.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

- **A** Pakej Pelancongan Bertema Rompin
- **B** Pakej pelancongan *Green Island* Tioman
- **C** Pakej Rompin Triple R Termasuk Penginapan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. *Rompin Green Business Park*
2. Taman Negeri Rompin
3. Gugusan Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman


**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Tourism Pahang
3. MOTAC Pahang

## A Pakej Pelancongan Bertema Rompin

### (I) PAKEJ MOH JALAN CARI MAKAN@ROMPIN (MJCM@ROMPIN)

1. Makanan adalah tarikan utama pelancong sebagai salah satu pembangunan destinasi pelancongan. Tujuan trail makanan ini adalah membantu dan menjadikan salah satu hotspot dalam perancangan perjalanan ke destinasi.
2. Selain itu, ia juga sebagai memperkenalkan makanan tempatan yang berpotensi iaitu udang galah.




Contoh *Food Trail* di Kuching





Gambaran *Handbook Food Trail* Rompin

### *HANDBOOK FOOD TRAILS ROMPIN*

- Rompin sebagai destinasi gastronomi popular dan mempunyai pengaruh budaya.
- Pusat penjaja adalah nadi dan jiwa suasana makanan tempatan.
- Jimat masa meneliti pusat penjaja terbaik dan hidangan tempatan, pencuci mulut dan minuman untuk dinikmati di Rompin.
- Perincian *handbook* - gambar berwarna, cadangan tentang apa yang hendak dimakan dan diminum, dan di mana.
- Mudah diikuti dengan peta yang boleh dimuat turun yang memaparkan pautan untuk lokasi, alamat jalan yang tepat dan waktu perniagaan.

## Rajah 7.3: Pelan Moh Jalan Cari Makan@Rompin (MJCM@Rompin)




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

### SARAPAN PAGI




### MAKAN TENGAHARI




### MINUM PETANG




### MAKAN MALAM




### Lain-lain

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## (II) PAKEJ JELAJAH ROMPIN

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Menggalakkan pelancong menikmati aktiviti '*Self-Drive*' serta berbasikal di Daerah Rompin.
2. Memberi kelainan dan menikmati pemandangan menarik disepanjang laluan dengan papan tanda hentian, tempat bergambar serta tarikan pelancongan di sepanjang laluan.
3. Keselamatan penunggang perlu dititikberatkan, dari segi pengurusan serta pelancong dapat merasai keseronokan ketika menunggang basikal.
4. Pengunjung boleh menyewa basikal pada harga berpatutan dan mengelilingi taman itu sambil menikmati keindahan alam semula jadi.
5. Terdapat beberapa laluan di sini dari *beginner* ke *expert* dan basikal juga boleh disewa dengan harga berpatutan.
6. Kebanyakkan penunggang basikal yang mahu menguji kemahiran dan mencari keseronokan dengan mengikuti laluan mencabar yang disediakan.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Pusat sewaan basikal
2. Papan tanda laluan 'Jelajah Rompin'
3. Mewarnakan laluan khas basikal di kawasan pusat bandar dengan warna biru menggunakan *cat retro-reflective* agar laluan khas basikal ini mudah dilihat dan dikenal pasti pada waktu malam
4. Aspek pencahayaan yang menarik (*LED street art* dan menggunakan *cat glow in the dark) di* laluan luar bandar.
5. Tandas Awam dan Emergency Stop
6. Stesen Air Minum (*Water Cooler Station*) di pusat bandar
7. Komponen Arca / Simbolik yang menarik.

### LOKASI CADANGAN

1. Laluan dari Pusat Bandar Kuala Rompin ke Pantai Hiburan.
2. Laluan dari Pusat Bandar Kuala Rompin – Agrotourism Paya Laka – Taman Negeri Rompin
3. Laluan pesisir pantai Tanjung Gemok
4. Laluan Gugusan Pulau Tioman

1. Penyediaan trail basikal memerlukan beberapa komponen iaitu papan tanda serta peta laluan bagi memudahkan pelancong menggunakan trail laluan tersebut.

Scan *QR Code* bagi informasi berkaitan laluan *trail*.




2. Pusat sewaan basikal bagi kegunaan pelancong / pengunjung yang ingin menikmati pemandangan dengan lebih dekat.




**Gambaran Pusat Sewaan Basikal**

3. Laluan basikal berkelebaran 2.0m dengan kemasan *cat epoxy* berwarna biru menghubungkan keseluruhan kawasan riadah dan komersial untuk kawasan tertentu yang dibenarkan.



**Laluan basikal**

4. Papan tanda yang disediakan bagi memudahkan pengguna untuk mengetahui jarak lokasi





**Lorong Laluan Berbasikal Disediakan Sepanjang Laluan Yang Dicadangkan**

## Rajah 7.4 : Pelan Jelajah Rompin





*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### MUADZAM SHAH




### KUALA ROMPIN




### PETUNJUK

- 1 Muadzam Shah
- 2 Kuala Rompin
- Laluan basikal
- Trail Jelajah Basikal

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## (III) TRAIL RIVER CRUISE

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Cadangan *Boat Cruise* Sungai Rompin adalah untuk memberi pengalaman kepada pelancong memancing dan sambil menikmati suasana pemandangan hutan paya bakau dengan menaiki bot. Ia akan bermula di rumah rakit yang menyediakan pakej '*boat cruise*'.
2. Selain itu, operator-operator rumah rakit juga menyediakan pakej *river cruise* kepada pelancong yang bermalam di rumah rakit. Pelancong berpeluang melihat matahari terbenam serta kunang-kunang pada waktu malam. Namun, aktiviti ini bergantung kepada operator rumah rakit tersendiri.
3. Operator rumah rakit juga akan membawa pelancong / pemancing di kawasan-kawasan spot udang / ikan / sotong.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Naik taraf Jeti Kuala Pontian
2. Bot penumpang dan jaket keselamatan
3. Pakej menarik seperti *boat tour package, learning package, shrimp catching*
4. Rumah-rumah rakit yang menyediakan pakej '*boat cruise*' dan melihat kunang-kunang

### LOKASI CADANGAN

1. Jeti Kuala Pontian
2. Jeti Pantai Bernas




Contoh Jeti di Gua Kelawar





**Rajah 7.5 : Pelan Trail River Cruise**




Pakej yang ditawarkan bagi boat cruise



Aktiviti menyusuri sungai




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**PETUNJUK**

- *Trail River Cruise*
- *Jeti Kuala Pontian*
- *Jeti Pantai Bernas*
- Spot Memancing Udang Galah
- Spot Memancing Ikan

**Senarai Rumah Rakit**

1. Rumah Rakit Sri Kandang
2. Rumah Rakit Rumbia Kg Leban Chondong
3. Rumah Rakit Rizqy
4. Rumah Rakit Leban Chondong
5. Rumah Rakit & Chalet Damiha
6. Rumah Rakit Amaraisya
7. Rumah Rakit Rizqy
8. D'Ferry Rumah Rakit
9. Qai Rakit Kg Sabak
10. Rakit Pak Seman
11. Rumah Rakit Cemara Riverview Chalet CRC

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

**PELAN LOKASI**



## (IV) TRAIL DAN PAKEJ AGRO & EKOPELANCONGAN ROMPIN

**HARI PERTAMA**

1




Sarapan di **WARUNG POKOK MANGGIS**

**9 pagi – 10 pagi**

2



**AGROTOURISM PAYA LAKA**


**11 pg – 12 t/hari**

3



**TAMAN NEGERI ROMPIN**

**HARI KEDUA**



Sarapan di **TAMAN NEGERI ROMPIN**

**2 ptg – 3 ptg**

4



**KG ORANG ASLI SUNGAI MOK**

**4 ptg – 5 ptg**

5




Minum petang di **CENDOL HERO SEPAKAT**

**6 ptg**

6



**ROMPIN GREEN BUSINESS PARK DAN PANTAI HIBURAN**

**HARI KETIGA**

7




Makan Tengahari di Kedai **UDANG GALAH MAK NGAH**

**3 ptg – 4 ptg**

8



**AGRO FARM FRESH**


**5 ptg – 6 ptg**

9



**TASIK BIRU BUKIT IBAM**

**Rajah 7.6 : Pelan Trail Agro dan Ekopelancongan (Pakej 3 Hari 2 Malam)**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

1. Warung Pokok Manggis
2. Agrotourism Paya Laka
3. Taman Negeri Rompin
4. Kg Orang Asli Sg Mok
5. Cendol Hero Sepakat
6. Rompin Green Business Park Dan Pantai Hiburan
7. Udang Galah Mak Ngah
8. Agro Farm Fresh
9. Tasik Biru Bukit Ibam

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



# PAKEJ GREEN ISLAND TIOMAN

| Trail | (A) SELAM SKUBA | (B) LAIN-LAIN TARIKAN |
|---|---|---|
| **Aktiviti Tarikan Pelancongan** | **SEDIA ADA**<br>• Selam skuba, '*snorkeling*', aktiviti meluncur air, berkayak dan berenang.<br>• Snorkeling di Pulau Rengis, Pulau Tulai, Taman Laut Pulau Tioman, Monkey Bay<br>• Pusat Taman Laut Pulau Tioman<br><br>**CADANGAN**<br>• Pakej Green Voluntourism Selam Skuba<br>• Pakej Esklusif *Green-Diver* Tioman<br>• Pakej Esklusif Selam Skuba dan Pusat *Hyperbaric Therapy*<br>• Pakej Esklusif *Island Ecotherapy*<br>• Pakej Inklusif segmen selam skuba OKU | **SEDIA ADA**<br>• Pusat Taman Laut Pulau Tioman<br>• Juara *Turtle Project* di Kg Juara<br>• Air Terjun Kg Asah<br>• Laluan trail hiking<br>i. *Dragon Horn Trail* (Mukut – Gunung Nenek Simukut) – 5km (3 jam) tarikan – pendakian ke Gunung Nenek Simukut, Flora – raflesia, periuk kera dan tongkat ali.<br>ii. Asah Jom Trekking (Kg Asah) – 2.4km (35 minit)<br><br>**CADANGAN**<br>• *Tagline Triple R* Tioman<br>• Melawat Mini Muzium Tioman, Penginapan baharu, aktiviti waktu malam di Kg. Tekek<br>• Marina Dan Tarikan Pelancongan Mencabar dan *Extreme* di Kg. Mukut<br>• Aktiviti Sukan *Extreme Via Ferrata* Kg. Mukut<br>• Air Terjun Kg Asah<br>• Program *Voluntourism* di Kampung dan Pantai<br>• Pakej Esklusif *Island Ecotherapy* |
| **Sasaran Pelancong** | **DOMESTIK / ANTARABANGSA**<br>• Selam Skuba<br>• *Teambuilding* Organisasi / Universiti<br>• *Voluntourist*<br><br>**ANTARABANGSA**<br>• Singapura, Eropah, Australia | **DOMESTIK / ANTARABANGSA**<br>• Keluarga<br>• Pasangan Berkahwin<br>• *Teambuilding* Organisasi / Universiti<br>• *Voluntourist*<br><br>**PASARAN ANTARABANGSA**<br>• Singapura, China, Eropah, Australia, Korea, Jepun |
| **Pakej bermalam yang dicadangkan** | **4 hari 3 malam** | **6 hari 5 malam** |

**Pakej pelancongan**




(2024 Promo) 4h3m Berjaya Tioman Resort Pakej Infinite Getaway

85 reviews

From **RM1,620 - RM6,150**




(2024 Promo) 3h2m Pakej Penginapan Yoga Aman Tioman Resort

32 reviews

From **RM530 - RM890**




(2023) 3h2m Berjaya Tioman Resort Pakej Snorkeling

62 reviews

From **RM655 - RM810**




(2024 Promo) 3h2m Paya Debloc Village Pakej Snorkeling

56 reviews

From **RM450 - RM830**




(2024 Promo) 3h2m Berjaya Tioman Resort Pakej Infinite Getaway

56 reviews

From **RM1,160 - RM4,050**

**C** Pakej Rompin Triple R Termasuk Penginapan

## PAKEJ ROMPIN *TRIPLE R*

| Trail | (A) *ROMPIN GREEN BUSINESS PARK* | (B) TAMAN NEGERI ROMPIN | (C) GUGUSAN PULAU TIOMAN |
|---|---|---|---|
| **Aktiviti Tarikan Pelancongan** | **SEDIA ADA**<br>• Aktiviti menyusuri Sungai Rompin.<br>• Aktiviti memancing ikan layaran, tenggiri, sotong dan jigging<br>• Pantai Hiburan<br><br>**CADANGAN**<br>• Taman Bandar Kuala Rompin<br>• *River Cruise* bermula di Terminal Feri dan bot (tapak baru)<br>• Pusat MICE<br>• *Caravan Park* di Pantai Hiburan<br>• Aktiviti sokongan mencari kepah | **SEDIA ADA**<br>• Pusat Informasi - *Rainforest Discovery Centre* (RDC)<br>• Jambatan Kanopi / Menara Tinjau<br>• Berkayak dan berenang<br>• Berbasikal di tapak perkhemahan Kinchin<br>• Tubing<br>• Laluan Hutan Lubuk Siku<br>• Laluan Hutan Jeram Panjang<br>• Hiking Padang Tujuh<br>• Terapi Hutan Sungai Kernam<br>• *Bird Walk*<br>• Air Terjun Seri Mahkota<br>• Berkhemah<br><br>**CADANGAN**<br>• ASEAN *Heritage Park Living Lab*<br>• Lawatan ke Perkampungan Orang Asli Sg Mok | **SEDIA ADA**<br>• Kedai Bebas Cukai<br>• Pusat Taman Laut Pulau Tioman<br>• *Juara Turtle Project*<br>• Air Terjun Asah<br>• *Island Hopping* - Pulau Chebeh, Pulau Sembilang, Pulau Sepoi dan Pulau Jahat.<br>• *Tioman Dive Centre*<br>• Aktiviti *Scuba Diving*<br>• *Snorkelling* di Batu Malang<br>• Aktiviti *hiking* di Gunung Nenek Semukut<br><br>**CADANGAN**<br>• Mini Muzium di Kg Tekek<br>• Marina di Kg Mukut<br>• Aktiviti Sukan Extreme iaitu Via Ferrata di Gunung Nenek Semukut |
| **Penginapan yang ditawarkan** |  |   |   |
| **Sasaran Pelancong** | **DOMESTIK**<br>• Keluarga<br>• Korporat<br><br>**ANTARABANGSA**<br>• Singapura, Eropah, Australia, Korea, Jepun | **DOMESTIK / ANTARABANGSA**<br>• Pelancong Ekopelancongan, Mencabar<br>• Penyelidik<br>• Peminat Burung dan Haiwan Liar<br><br>**PASARAN ANTARABANGSA**<br>Eropah, Australia, Singapura | **DOMESTIK / ANTARABANGSA**<br>• Selam Skuba<br>• Keluarga<br>• Pasangan Berkahwin<br>• *Teambuilding* Organisasi / Universiti<br>• *Voluntourist*<br><br>**PASARAN ANTARABANGSA**<br>Singapura, China, Eropah, Australia, Korea |
| **Pakej bermalam yang dicadangkan** | **3 hari 2 malam** | **4 hari 3 malam (*Trail* A+B)** | **6 hari 5 malam (*Trail* A+C / B+C)** |



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T3S1**<br>Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | **T3S1-C5** | SDGs: 13 CLIMATE ACTION, 14 LIFE BELOW WATER, 15 LIFE ON LAND; NUA: 06 | **ST**<br>(STRATEGIK) |

# MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BERCIRIKAN PELANCONGAN HIJAU DI KG. TEKEK

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dan diiktiraf.
2. Sebagai satu tarikan pelancongan baru di Pulau Tioman.
3. Menjadikan Pulau Tioman yang lebih terancang dan selesa dikunjungi.
4. Menghidupkan suasana dan aktiviti baru di Kg Tekek.
5. Menggalakkan kemasukan pelancong.
6. Memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Merupakan salah satu cadangan dari RKK Gugusan Pulau Tioman, Pahang 2030.
2. Cadangan ini juga telah diketengahkan oleh pihak TDA bagi menyediakan penginapan berkonsepkan hijau.
3. Sebagi *focal point* destinati pelancong di kawasan Kg Tekek.
4. Dari segi penginapan, ia mampu menampung kekurangan jumlah keperluan kemudahan penginapan dan memberi peluang atau pilihan kepada pelancong dan pengunjung.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

| | |
|---|---|
| A | Menaik Taraf Pusat Perkhidmatan Pelancong di Lapangan Terbang Tekek |
| B | Tekek *EcoResort* |
| C | Mini Muzium Tioman |
| D | Menyediakan tempat menarik *(point of interest)* untuk *instagrammable* |

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kg Tekek, Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Lembaga Pembangunan Tioman

**D. Agensi Pemantau**

1. Lembaga Pembangunan Tioman


**E. Agensi Pelaksana**

1. Lembaga Pembangunan Tioman
2. Pihak Swasta

## A Menaik Taraf Pusat Perkhidmatan Pelancong di Lapangan Terbang Tekek

1. **Perkhidmatan hotel percuma *(free hotel transfer)* dengan menggunakan perkhidmatan ulang-alik lapangan terbang percuma *(shuttle)*** seperti Berjaya Tioman Resort dan resort-resort di Kg Juara.
2. Baucar diskaun penginapan dan kedai Bebas Cukai
3. Kompleks bebas cukai Lapangan Terbang ***(Airport Duty Free)*.**
4. Menyediakan pusat dan kiosk informasi pelancong yang berinovasi
5. Membangunkan arca "*TIOMAN for TRIPLE R*" sebagai mempromosi secara keseluruhan tagline pelancongan Daerah Rompin serta Tagline "*Tioman Green Energy Island*" sebagai mewar-warkan kepada pelancong tentang inisiatif dan anugerah pulau tenaga hijau di Tioman.
6. Memperkenalkan pakej percutian merangkumi ***'flight with hotel booking'*** bagi memudahkan pelancong untuk sampai ke Pulau Tioman dengan cepat.

**Rajah 7.7 : Pelan Membangunan Produk**






Gambaran Menaik Taraf Ruang Menunggu di Lapang Terbang Kg.

## B Tekek *EcoResort*

**Kriteria Penginapan**

1. Penginapan berkonsepkan **tradisional, mesra alam dan menghijau.**
2. **Reka bentuk binaan sepenuhnya daripada kayu** dan lantai guna semula.
3. Menggunakan peralatan dan sistem tenaga hijau seperti **penggunaan sistem kad kunci** untuk memadamkan lampu bilik, penentu masa untuk lampu, dan pemampat alat pendingin hawa yang menjimatkan tenaga.
4. Menggunakan langkah-langkah mesra alam seperti **penggunaan kereta buggy dan basikal untuk tetamu.**
4. Jeti Kg Tekek, Pulau Tioman
5. Jeti Kg Genting, Pulau Tioman
6. Jeti Kg Mukut, Pulau Tioman
7. Jeti Kg Juara, Pulau Tioman
8. Jeti Kg Salang, Pulau Tioman

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S1<br>Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | T3S1-C17 | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

# MENAIK TARAF KEMUDAHAN *WAYFINDING* DI KAWASAN TARIKAN EKOPELANCONGAN YANG BERCIRIKAN HIJAU, SELAMAT, JELAS DAN BERINOVASI

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Menaik taraf semua produk ekopelancongan sedia ada dan berpotensi di Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menaik taraf kemudahan sokongan di kawasan pelancongan agar dapat memudahkan dan memberi keselesaan kepada para pelancong.
2. Penyediaan kemudahan asas akan memberi nilai tambah kepada produk pelancongan di samping dapat menarik pelancong untuk menjadikannya salah satu destinasi pilihan berkunjung.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

| | |
|---|---|
| A | Papan Tanda Informatif Bersolar |
| B | Penyediaan pelantar atau replika untuk tujuan bergambar dan berswafoto |
| C | Penyediaan papan tanda pelancongan dan papan tanda kecemasan |

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**EKOPELANCONGAN**
1. Taman Negeri Rompin
2. Tasik Biru Bukit Ibam
3. Hutan Rekreasi Menchali
4. Air Jeram Leleh Bukit Ibam

**AIR TERJUN**
1. Air Terjun Seri Mahkota, Taman Negeri Rompin
2. Air Terjun Harimau Berjemur, Taman Negeri Rompin
3. Air Terjun Ja'ang/Padang Batu, Taman Negeri Rompin
4. Air Terjun Kg Asah, Pulau Tioman
5. Air Terjun Lubuk Teja Kg. Juara, Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**
- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**
1. Perbadanan Taman Negeri Pahang
2. Jabatan Perhutanan
3. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**
1. Perbadanan Taman Negeri Pahang
2. Majlis Daerah Rompin
3. Tourism Pahang

**E. Agensi Pelaksana**
1. Tourism Pahang
2. Pihak Swasta

## A Papan Tanda Informatif Bersolar

**Perincian:**
Berikut merupakan perincian cadangan yang menyatakan maklumat diperlukan untuk papan tanda ini seperti:
1. Petunjuk
2. Maklumat jabatan
3. Lokasi dan gambar produk / tarikan
4. Penerangan produk / tarikan
5. QR Code
6. Penggunaan dwi-bahasa
7. Pengunaan tenaga solar










## B Penyediaan Pelantar Atau Replika Untuk Tujuan Bergambar Dan Berswafoto

**SEBELUM**




**SELEPAS**




Gambaran Illustrasi Penyediaan Pelantar atau Replika untuk Tujuan Bergambar dan *Berswafoto* dengan Berlatar Belakangkan Pemandangan yang Menarik di Tasik Biru Bukit Ibam (Selepas)

## C Penyediaan Papan Tanda Pelancongan Dan Papan Tanda Kecemasan





Naik Taraf Papan Tanda Pelancongan




Papan Tanda Kecemasan

**Rajah 7.14: Pelan Menaik Taraf Kemudahan *Wayfinding* di Kawasan Tarikan Ekopelancongan yang Bercirikan Hijau, Selamat dan Jelas**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

**EKOPELANCONGAN**

1. Taman Negeri Rompin
2. Tasik Biru Bukit Ibam
3. Hutan Rekreasi Menchali

**AIR TERJUN**

4. Air Terjun Seri Mahkota, Taman Negeri Rompin
5. Air Terjun Harimau Berjemur, Taman Negeri Rompin
6. Air Terjun Ja'ang/Padang Batu, Taman Negeri Rompin
7. Air Terjun Kg Asah, Pulau Tioman
8. Air Terjun Lubuk Teja Kg. Juara, Pulau Tioman

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S1<br>Mengukuhkan Daerah Rompin Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa | T3S1-C18<br>MENGGALAKKAN PENGLIBATAN OPERATOR PELANCONG DI TIOMAN HARBOUR SEBAGAI PEMANDU PELANCONG ALAM SEMULAJADI UNTUK KE PULAU SERI BUAT | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Mengawalkan kemasukan pelancong ke Pulau Seri Buat dari operator pelancong Daerah Mersing.
2. Memberi kelebihan dan keistimewaan kepada operator pelancong Daerah Rompin.
3. Meningkatkan peluang pekerjaan penduduk Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Insentif kepada operator pelancong / pemandu pelancong
2. Memberi latihan / program pengendalian pelancong pulau

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

- **A** Insentif yang ditawarkan
- **B** Garis panduan / pemberitahuan berkenaan apa yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat (*do and don'ts*) kepada pelancong

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Tioman Harbour
2. Pulau Seri Buat

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Tourism Pahang

**D. Agensi Pemantau**

1. MOTAC Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Tourism Pahang
2. MOTAC Pahang

## A Insentif Yang Ditawarkan

**INSENTIF BAGI OPERATOR / PEMANDU PELANCONG (PAKEJ BALIK HARI)**
**(TIOMAN HARBOUR - PULAU SERI BUAT)**

1. Menyediakan pakej pelancong *sehari (day trip)* dari Tioman Harbour ke Pulau Seri Buat.
2. Perjalanan bot lebih kurang 40 minit dari Tioman Harbour.
3. Memberi potongan caj kepada operator yang membawa masuk pelancong ke Pulau Seri Buat dari Tioman Harbour.
4. Harga tiket berbeza mengikut peringkat umur dan jenis bot.
5. **TARIKAN / AKTIVITI** : *Hiking, Snorkeling*

PAKEJ TRANSIT SERI BUAT

**TIOMAN HARBOUR**

1. Berkumpul
2. Tiket (memberi pengurangan kepada pelancong yang menggunakan pakej ini)

↓

**PULAU SERI BUAT**

1. *Hiking*
2. *Snorkeling*
3. *Hotspot Instagrammable*

**Harga Tiket**

**Waktu Operasi**
**8 pagi – 3 petang**

| | |
|---|---|
| Dewasa (Warganegara) | RM 20 |
| Kanak-Kanak (Warganegara) | RM 12 |
| Pelancong asing | RM 27 |





## B Garis Panduan / Pemberitahuan Berkenaan Apa Yang Boleh Dibuat Dan Tidak Boleh Dibuat (*Do And Don'ts*) Kepada Pelancong

1. Pihak TDA perlu menyediakan garis panduan / pemberitahuan berkenaan apa yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat (*do and don'ts*) kepada pelancong sebelum atau semasa mereka tiba di Pulau Seri Buat.
2. Pengedaran risalah atau penyediaan papan tanda pemberitahuan *Do and Don'ts* diletakkan di kawasan pintu masuk.

### TIPS KESELAMATAN PANTAI

Tip pantai ini bagus untuk diketahui - malah ia mungkin menyelamatkan ahli keluarga atau nyawa anda



**JANGAN BERENANG MELAWAN ARUS**

Jika arus menarik anda ke laut, berenang melawannya hanya akan membuat anda letih. Sebaliknya, berenang keluar dari arus selari dengan pantai. Setelah keluar, berenang kembali ke pantai.

**TAHU TANDA-TANDA LEMAS**

Lemas boleh menjadi proses yang tenang. Tiada pernafasan bermakna tiada panggilan untuk bantuan. Oleh kerana manusia secara naluri menolak tangan mereka ke dalam air, mangsa yang lemas mungkin tidak dapat melambai untuk meminta pertolongan. Oleh itu, sama ada seseorang sedang terkial-kial meminta pertolongan atau secara senyap-senyap terhuyung-huyung di permukaan dengan mulut tenggelam dan lengan dihulurkan mendatar, tanya mereka sama ada mereka baik-baik saja, jika mereka tidak dapat menjawab, bantu mereka atau dapatkan bantuan dengan cepat.





**JANGAN SEKALI-KALI MEMULANG KEMBALI KE GELOMBANG / OMBAK**

Jangan biarkan sikap sambil lewa membuatkan anda hanyut oleh gelombang licik.

Walaupun pada hari yang tenang, sentiasa memerhatikan ombak untuk mengelakkan kecederaan.

**LINDUNGI LEHER ANDA**

Untuk mengelakkan kecederaan leher yang serius, jangan sekali-kali menyelam ke dalam perairan yang tidak diketahui.


Ingat, "kali pertama, kaki didahulukan"



Must Do VISITOR GUIDES

*Plan your Southwest Florida vacation at www.MustDo.com*

**Rajah 7.15: Pelan Mencadangkan Penglibatan Operator Pelancong di Tioman Harbour Sebagai Memandu Pelancong Alam Semulajadi untuk ke Pulau Seri Buat**






| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S2<br>Memperkasakan Komuniti Tempatan Melalui Program Peningkatan Keupayaan *(Capacity Building)* | T3S2-C1<br>**PEMERKASAAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI ORANG ASLI MELALUI EKOPELANCONGAN (*COMMUNITY-BASED ECOTOURISM*)** | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Menggalakkan dan melibatkan komuniti Orang Asli sebagai satu bentuk aktiviti pelancongan di mana Orang Asli terlibat secara langsung sama ada mengawal atau mempersembahkan kebudayaan mereka sebagai asas tarikan

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Terdapat 33 perkampungan komuniti orang asli di Daerah Rompin iaitu Kg Orang Asli Sungai Mok, Kg Orang Asli Sembayan, Kg Orang Asli Kedaik, Kg Orang Asli Gandak dan lain-lain.
2. Memelihara dan mempertahankan identiti budaya orang asli (kaum jakun).
3. Menggalakkan dengan mempakejkan budaya tradisional sedia ada sebagai tarikan kepada pelancong.
4. Menyediakan pengalaman yang positif kepada pelancong dan tuan rumah (komuniti orang asli)
5. Model perintis Komuniti Orang Asli Sg Mok

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

- **A** Rumah Adat
- **B** Lukisan Mural
- **C** Pakej Lawatan Komuniti Orang Asli

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Rujuk Pelan

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
2. Tourism Pahang
3. MOTAC Pahang
4. Majlis Daerah Rompin

## A Rumah Adat

1. Rumah Adat adalah lebih daripada sekadar ruang komuniti, ia adalah ruang yang ditetapkan untuk penduduk kampung Orang Asli untuk mempertahankan warisan budaya mereka, mengukuhkan perpaduan dan mengadakan perhimpunan komuniti, latihan dan perusahaan kampung.
2. Tujuan rumah adat ini dibina adalah untuk mengekalkan adat dan tradisi orang Jakun.




Lawatan Ke Rumah Adat (Belum Siap Sepenuhnya)

## B Lukisan Mural

Lukisan mural yang diadaptasikan di hadapan Sekolah Rendah Sg Mok mempunyai penceritaan tersendiri.



Lawatan Lukisan Mural yang Mempunyai Penceritaan Komuniti Orang Asli Sungai Mok



Lukisan Mural yang Diadaptasikan di Dalam *Coffee Book* Taman Negeri Rompin Pahang Oleh Tourism Pahang



Tok Batin Menceritakan Sejarah Perkampungan Orang Asli Kepada Pelancong

## C Pakej Lawatan Komuniti Orang Asli




Tetamu Akan Diberi Pemakaian Tanjat Sebagai Tanda Tetamu Kehormat



Persembahan Tarian Sewang (Tarian Perayaan Menyambut Tetamu)

### TARIAN SEWANG

1. Merupakan tarian tradisional bagi masyarakat Orang Asli.
2. Tarian ini dilakukan dengan tujuan untuk berhibur, ritual dan perubatan.
3. Pada zaman dahulu, tujuan tarian ini lebih kepada satu upacara berbentuk ritual perubatan yang bertujuan mengubat dari penyakit yang disebabkan oleh semangat jahat serta mempunyai maksud tersirat.
4. Namun, pada masa kini masyarakat Orang Asli masih mengekalkan tarian sewang tetapi lebih ke arah tujuan kegembiraan seperti hiburan, buka cinta, untuk majlis perkahwinan, memuja semangat padi dan perubatan.






Lawatan ke Rumah Tradisional yang masih dikekalkan oleh komuniti Orang Asli Sungai Mok

Rajah 7.16 : Pelan Pemerkasaan Dan Pembangunan Komuniti Orang Asli Melalui Ekopelancongan






Aktiviti Menyumpit



Produk Kraftangan yang Dihasilkan Boleh Dikomersialkan

### AKTIVITI MENYUMPIT

1. Tujuan menyumpit bagi komuniti Orang Asli adalah memburu.
2. Pelancong berpeluang mempelajari cara menggunakan sumpit dan berswafoto dengan suku kaum Jakun.


### KRAFTANGAN

1. Komuniti Orang Asli juga menghasilkan barang-barang kraftangan, unsur-unsur seni yang berkait rapat dengan motif dan corak diterapkan pada ukiran kayu, buluh, anyaman, perhiasan diri, sumpitan, tabung damak dan sebagainya.
2. Hasil kraftangan dan ukiran kayu Orang Asli Sg Mok boleh dipasarkan secara meluas di dalam dan luar Negara. Pelancong-pelancong asing yang datang ke Perkampungan Orang Asli Sg Mok tidak akan melepaskan peluang untuk membawa pulang hasil tangan mereka ke negara masing-masing.
3. Selain itu, pengunjung yang melawat penempatan Orang Asli juga berpeluang mendapatkan hasil kraftangan mereka.

### RUMAH TRADISIONAL ORANG ASLI

1. Terdapat beberapa rumah tradisional orang asli yang masih dikekalkan di kawasan ini.

## Rajah 7.17: Pelan Kampung Orang Asli Yang Berpotensi di Rompin




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## PETUNJUK

1. Kg Orang Asli Bukit Redan
2. Kg Orang Asli Langkap Luar
3. Kg Orang Asli Langkap Lama
4. Kg Orang Asli Inul
5. Kg Orang Asli Paya Keladan
6. Kg Orang Asli Kemomoi
7. Kg Orang Asli Gadak
8. Kg Orang Asli Tenggalang
9. Kg Orang Asli Kemara
10. Kg Orang Asli Mikang
11. Kg Orang Asli RPS Buluh Nipis
12. Kg Orang Asli Pelam
13. Kg Orang Asli Dang
14. Kg Orang Asli Banai
13. Kg Orang Tanah Runtuh
14. Kg Orang Asli Ganoh
15. Kg Orang Asli Air Molek
16. Kg Orang Asli Bukit Serok
17. Kg Orang Asli Gambir
18. Kg Orang Asli Guri
19. Kg Orang Asli Jemeras
20. Kg Orang Asli Gading
21. Kg Orang Asli Jemeri
22. Kg Orang Asli Kediak Lama
23. Kg Orang Asli Pinang & Kerpol
24. Kg Orang Asli Petoh
25. Kg Orang Asli Rps Kedaik
26. Kg Orang Asli Tanam
27. Kg Orang Asli Rantau Panjang
28. Kg Orang Asli Sembayan
29. Kg Orang Asli Belangkap
30. Kg Orang Asli Sungai Mok
31. Kg Orang Asli Denai
32. Kg Orang Asli Mentelang
33. Kg Orang Asli Bukit Lepas

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



STRATEGI

**T3S2**

**Memperkasakan Komuniti Tempatan Melalui Program Peningkatan Keupayaan *(Capacity Building)***

CADANGAN

**T3S2-C2**

# MENINGKATKAN KEMAHIRAN *(UP-SCALLING)* OPERATOR PELANCONGAN MELALUI LATIHAN HOSPITALITI SERTA PENINGKATAN PRODUK PELANCONGAN YANG LEBIH PINTAR

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES · NUA 03

KATEGORI

**SK**

**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Memastikan industri pelancongan terus mampan dan berdaya saing dalam aspek perniagaan.
2. Menganjurkan latihan secara berkala mengikut citarasa dan kehendak peserta dari segi penetapan lokasi dan masa.
3. Latihan menggunakan pendekatan kaedah perbincangan secara kumpulan

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Cadangan ini adalah untuk memperkasakan kemahiran pengusahan tempatan dari perspektif perniagaan untuk memastikan industri pelancongan kawasan kajian terus mampan dan berdaya saing mengikut arus peredaran permintaan. Ianya perlu dijalankan secara berkala untuk tidak memutuskan rantaian hasil latihan disamping meneruskan momentum dan semangat para peserta.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

- **A** Kaedah perbincangan secara berkumpulan
- **B** Kepelbagaian Modul Latihan yang mengikut Tren dan Keperluan Semasa
- **C** Model Bimbingan *Coach-Mentor-Mentee*

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Tidak berkaitan

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. MOTAC Pahang
2. Pahang Skills

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Pahang Skills

**E. Agensi Pelaksana**

1. Tourism Pahang
2. MOTAC Pahang

## A Kaedah perbincangan secara berkumpulan

Berikut adalah konsep cadangan program latihan secara berkala yang menggunakan kaedah perbincangan secara berkumpulan



### *PERANAN (ROLE PLAYING)*

- Memberi peluang kepada peserta untuk berperanan menjadi pemaju, pelaksana dan penerima pemajuan untuk mengimbangi idea, komen dan cadangan peserta

### *PEMBELAJARAN DEWASA (ADULT LEARNING)*

- Perbincangan dalam kumpulan.
- Pendekatan yang praktikal daripada teori.
- Pembentangan *case study*.





### *LATIHAN DAN TUGASAN YANG PRAKTIKAL*

- Latihan atau tugasan yang lebih praktikal seperti lawatan langsung ke tapak perniagaan yang telah berjaya.
- Mendengar *live story* dari pengusaha yang berjaya.


## B Kepelbagaian Modul Latihan yang mengikut Tren dan Keperluan Semasa

Berikut adalah cadangan enam (6) modul latihan pembelajaran dewasa (*adult learning*) dalam perniagaan untuk digunapakai dalam program latihan bagi operator pelancongan.

| | | |
|---|---|---|
| **MODUL 1** PENGENALAN ASAS PERNIAGAAN. | **MODUL 2** PENGURUSAN PERNIAGAAN | **MODUL 3** PEMBANGUNAN PRODUK |
| **MODUL 4** PEMASARAN DAN PROMOSI | **MODUL 5** PERKEMBANGAN PERNIAGAAN | **MODUL 6** PENILAIAN PERNIAGAAN |

## C Model Bimbingan *Coach-Mentor-Mentee*

Contoh Rangka Kerja Bagi Program Mentor-Mentee bagi Kapasiti Bangunan (*Capacity Building*)




### PELANCONGAN MAPAN BERASASKAN KOMUNITI (*COMMUNITY BASED TOURISM* (CBT))

1. Merupakan inisiatif yang bertujuan untuk menggalakan golongan komuniti setempat yang berpendapatan rendah untuk diberi peluang bagi meningkatkan pendapatan mereka.
2. Melalui pendekatan ini penglibatan komuniti di dalam sektor pelancongan bukan sahaja dapat memberi impak kepada masyarakat tempatan terutamanya di dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk tempatan malah, ia juga memberikan peluang kepada komuniti / operator / pengusaha produk pelancongan Daerah Rompin untuk melebarkan jaringan sosial mereka dengan pelancong dari luar Daerah Rompin seterusnya dapat mengurangkan jurang sosial antara masyarakat bandar dan luar bandar.




**Contoh Cadangan Pusat Jualan Yang Mempromosikan Produk Berasaskan Agropelancongan dan Kraftangan Desa Berkonsepkan '*Street Market*' Yang Moden Dan Interaktif.**



**Jenis Produk Yang Dihasilkan di Keropok Lekor Sarang Tiong**



**Produk yang dikeluarkan dari Syarikat Mutiara Luncai Enterprise**

STRATEGI

**T3S3**

**Memantapkan Kerjasama Bersepadu Di Antara Pelbagai Pihak**

CADANGAN

**T3S3-C1**

# PENYERAGAMAN OPERASI *GUESTHOUSE HOMESTAY* MELALUI PENYEDIAAN GARIS PANDUAN KHUSUS KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 03

KATEGORI

**QW**

**(QUICK WIN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Terdapat premis penginapan yang tidak sah (tidak berdaftar) dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) atau dikenali sebagai '*guesthouse homestay*'
2. Sekiranya tidak berdaftar dengan MOTAC, sekaligus tiada jaminan keselamatan kepada pelancong.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

'*Homestay* tidak berdaftar' yang diusahakan penduduk di Rompin dicadangkan untuk dibenarkan beroperasi secara sah sebagai salah satu kemudahan permis penginapan pelancong tetapi tidak boleh menggunapakai nama '*homestay*'. Ini kerana ia boleh mengelirukan pelancong dengan konsep *homestay* berlesen yang diperkenalkan oleh MOTAC.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

- **A** Kaedah Permohonan Lesen Premis Penginapan Pelancong di bawah PBT
- **B** Latihan dan Kursus untuk Pengusaha Premis Penginapan
- **C** Kaedah Pendaftaran dan Mendapatkan Plaque Rumah Inap di bawah MDR.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Semua premis penginapan yang tidak berdaftar

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. MOTAC Pahang

**D. Agensi Pemantau**


1. MOTAC Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Tourism Pahang
2. MOTAC Pahang

## A Kaedah Permohonan Lesen Premis Penginapan Pelancong di bawah PBT

Premis ini dicadangkan supaya dikawal selia sebagai entiti komersial / perniagaan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengusaha perlu memohon Lesen Premis Penginapan Pelancong di bawah PBT dan perlu berdaftar dengan MOTAC sebagai premis penginapan pelancong di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.






Green Homestay


KBK INN Homestay


Az Zahra Homestay

## B Latihan dan Kursus untuk Pengusaha Premis Penginapan

Tujuan latihan dan kursus ini akan memberi pendedahan budaya kerja dan amalan profesional dalam industri hospitaliti. Para pengusaha premis akan didedahkan dengan amalan-amalan dan contoh-contoh cemerlang yang boleh diamalkan dan diaplikasikan di premis penginapan masing-masing.







Garis Panduan Pelaksanaan Kursus





Kursus *We Are the Host* adalah kursus wajib bagi pengusaha homestay




Contoh Seminar dan Kursus bagi Usahawan Homestay

## C Kaedah Pendaftaran dan Mendapatkan Plaque Rumah Inap di Bawah MDR

Kaedah Pendaftaran dan Mendapatkan *Plaque* Rumah Inap di bawah MDR.



STRATEGI

**T3S3**

Memantapkan Kerjasama Bersepadu Di Antara Pelbagai Pihak

CADANGAN

**T3S3-C2**

# MENAIK TARAF DAN MENDAFTAR RUMAH RAKIT DAN KELONG SEBAGAI PROGRAM PENGALAMAN *HOMESTAY*

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | NUA 03

KATEGORI

**QW** (QUICK WIN)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Membantu pengusaha rumah rakit untuk mendaftar premis penginapan mereka.
2. Penubuhan ini adalah bagi memastikan pembangunan masa hadapan dapat dilaksanakan dengan mampan dan mendapat keputusan bersepadu (*buy-in*) daripada semua pihak berkepentingan

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Aktiviti rekreasi dan premis penginapan yang terkawal terutama di kawasan sungai.
2. MDR akan membuat pemantauan secara berkala.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

**A** Kaedah / Proses Pengurusan Permohonan Kebenaran Merancang

**B** Syarat / piawaian pendaftaran rumah rakit Sebagai Program Pengalaman Homestay di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC)

**C** Penubuhan Persatuan Rumah Rakit

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Rumah rakit sedia ada
2. Rumah rakit baru
3. Kelong

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin
2. MOTAC Pahang

**D. Agensi Pemantau**


1. MOTAC Pahang

**E. Agensi Pelaksana**


1. Tourism Pahang
2. MOTAC Pahang

## A Kaedah / Proses Pengurusan Permohonan Kebenaran Merancang

- Semua pemajuan perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- **Permohonan KM Tempoh Terhad (KMTT)** adalah **disyorkan bagi struktur bangunan tidak kekal seperti rumah rakit** kerana ianya tidak perlu mengemukakan permohonan bagi menukar kategori tanah dan menukar/ menambah/ meletak syarat tanah bagi maksud selain pertanian. KMTT adalah **terhad untuk tempoh** sehingga dua belas **(12) tahun dengan keperluan untuk memperbaharui KMTT setiap tiga (3) tahun.**
- Semua pemajuan perlu terlebih dahulu **mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tanah kerajaan dan rizab sungai/ pesisiran pantai dan pulau-pulau** daripada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) sebelum mengemukakan permohonan KM dan KMTT kepada pihak PBT.
- **Agensi yang perlu dirujuk** adalah Pejabat Tanah dan Galian (PTG)/ Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Alam Sekitar (JAS), PLANMalaysia Negeri, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Jabatan Perikanan, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan PBT





Contoh Konsep Pembangunan Chalet Atas Air di Pesisiran Pantai




Ilustrasi Susun Atur Bangunan Jenis Sesebuah

**Rajah 7.18 : Carta Alir Proses Permohonan KM Tempoh Terhad (KMTT)**



## B Syarat / Piawaian Pendaftaran Rumah Rakit sebagai Program Pengalaman Homestay di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)


**GP Program Pengalaman Homestay**

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN**

Syarat Asas Pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia

1. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia sahaja.
2. Berkeluarga dan menetap di suatu kediaman di luar bandar.
3. Radius pendaftaran secara kluster/ individu bagi homestay (inap desa) mesti dalam lingkungan 10km di Semenanjung Malaysia dari pusat aktiviti kluster ditakrifkan sebagai komuniti homestay (inap desa).
4. Minimum pendaftaran secara kluster adalah **sepuluh (10) orang pengusaha bagi Semenanjung Malaysia untuk mewujudkan *community based tourism (CBT)***
5. Jumlah bilik bagi seorang pengusaha dihadkan kepada lima (5) buah bilik sahaja bagi homestay (inap desa) dan sepuluh (10) buah bilik bagi Kampungstay.
6. **Mempunyai produk tarikan pelancongan sebagai aktiviti kepada pelancong.**
7. **Menawarkan aktiviti masyarakat setempat dan melibatkan pelancong dalam aktiviti-aktiviti seharian masyarakat Malaysia** seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, merewang, perayaan, belajar tarian, memasak dan sebagainya
8. Premis yang terletak di kawasan taman perumahan atau premis airbnb tidak layak memohon.
9. Pengusaha digalakkan untuk mengambil suntikan *anti-thyphoid* bagi tujuan penyediaan makanan kepada tetamu.
10. Mempunyai jaringan kemudahan dari segi perhubungan dan pengangkutan.
11. Menjaga tahap kebersihan premis penginapan dan kawasan persekitaran.
12. Menjaga keselamatan pelancong setiap masa.
13. Digalakkan mengambil insurans berkelompok untuk pelancong .
14. Kluster homestay (inap desa) digalakkan untuk menubuhkan koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan digalakkan untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

**Rajah 7.19 : Carta Alir Bagi Proses Program Pengalaman Homestay Malaysia**




1. MOTAC Negeri
2. Tourism Malaysia
3. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)
4. Persatuan Homestay Negeri
5. Jabatan Kesihatan

## C Penubuhan Persatuan Rumah Rakit

PENGERUSI PERSATUAN RUMAH RAKIT ROMPIN

SETIAUSAHA

Fungsi dan Peranan

1. Melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berasaskan pelancongan
2. Menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bantuan khidmat nasihat kepada ahli-ahli.
3. Berpeluang mengikut seminar, konvensyen dan kursus kemahiran dalam bidang pertanian, pemasaran, pemprosesan, keusahawan dan kempimpinan
4. Mendapat maklumat-maklumat yang terkini melalui bahan-bahan penerbitan.
5. Membantu dan memudahcara untuk memperolehi kemudahan pembiayaan projek kepada operator rumah rakit yang layak.


Program

- Perhimpunan/mesyuarat
- Dialog/ seminar/ bengkel/ konvensyen pelancongan
- Pensijilan/ Perlesenan perniagaan dan profesional (pemandu pelancong)
- Latihan dan pembangunan kapasiti
- Latihan industri (*internship*)

Kekerapan Mesyuarat

- Satu (1) kali sebulan

## Rajah 7.20: Pelan Cadangan Menaik Taraf Rumah Rakit dan Mendaftar Sebagai Program Pengalaman Homestay di Bawah MOTAC




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)




Rumah Rakit CRV



Rumah Rakit Amaraisya

### PETUNJUK

1. Rumah Rakit Sri Kandang
2. Rumah Rakit Rumbia Kg Leban Chondong
3. Rumah Rakit Rizqy
4. Rumah Rakit Leban Chondong
5. Rumah Rakit & Chalet Damiha
6. Rumah Rakit Amaraisya
7. Rumah Rakit Rizqy
8. D'Ferry Rumah Rakit
9. Qai Rakit Kg Sabak
10. Rakit Pak Seman
11. Rumah Rakit Cemara Riverview Chalet CRC

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S3<br>Memantapkan Kerjasama Bersepadu Di Antara Pelbagai Pihak | T3S3-C3<br>MENAIK TARAF PENGINAPAN SEDIA DENGAN MENGGALAKKAN KONSEP INISIATIF HIJAU DAN *MUSLIM-FRIENDLY TOURISM* | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 03 | QW (QUICK WIN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Menggalakkan pengusaha premis penginapan menyediakan kemudahan asas bagi memenuhi keperluan pelancong-pelancong muslim.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Memberi keselesaan dan keyakinan kepada pelancong Muslim yang menginap di mana-mana premis penginapan sama ada hotel, resort, chalet, homestay dan rumah rakit.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen cadangan yang terlibat adalah :

- **A** Keperluan pelancong muslim
- **B** *Standard Hotel Mesra Muslim*
- **C** Menggalakkan Pengiktirafan *Muslim-Friendly Tourism* di penginapan bertaraf 3 bintang ke atas

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Semua premis penginapan di Rompin dan Pulau Tioman

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. MOTAC Pahang
2. *Islamic Tourism Centre (ITC)*

**D. Agensi Pemantau**

1. MOTAC Pahang
2. *Islamic Tourism Centre (ITC)*

**E. Agensi Pelaksana**

1. MOTAC Pahang
2. Tourism Pahang
3. *Islamic Tourism Centre (ITC)*
4. Pengusaha hotel

## A Keperluan Pelancong Muslim

Berikut 8 perkara untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim

1. Memastikan organisasi dan pekerja sektor pelancongan adalah terlatih, peka dengan tuntutan dan keperluan-keperluan.
2. Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari najis mughallazah.
3. Menyediakan persekitaran yang bersih, penyediaan sejadah, telekung, naskah al-Quran, jadual waktu solat, surau, kemudahan pusat kecergasan dan tandas.
4. Memastikan dapur premis mendapat persijilan halal dan serbis termasuk penyediaan ketika bersahur dan berbuka puasa.
5. Minuman berakohol tidak disimpan di dalam peti sejuk.
6. Aktiviti premis hendaklah tidak melibatkan perkara berikut iaitu pengeluaran bahan tidak halal seperti penjualan babi dan arak, perjudian, pornografi, hiburan yang bertentangan shariah, menyediakan alat sembahan dan sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan dalam Islam.
7. Memastikan kod etika pemakaian kakitangan premis pelancongan adalah sopan dan menutup aurat.
8. Memastikan segala keperluan undang-undangan berkaitan hospitaliti dipatuhi.




Gambaran dan Kriteria *Hotel Muslim Friendly*

## B Standard Hotel Mesra Muslim

1. Faktor ini tentulah telah membawa kepada peningkatan dalam pelancongan mesra Muslim. Hotel dan resort yang mesra Muslim menyediakan makanan halal, bilik sembahyang, kolam berasingan untuk lelaki dan wanita, kemudahan spa, dan termasuk pantai peribadi untuk wanita dan kanak-kanak.

2. Di Malaysia, Jabatan Standard Malaysia memperkenalkan MS 2610: 2015 *Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements* sebagai penanda aras bagi hotel mesra Muslim.

**Kriteria MS 2610: 2015: Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim – Keperluan**

1. Standard penginapan merangkumi lima komponen utama iaitu: bilik, makanan dan minuman, musolla awam, tandas awam serta prasarana rekreasi dan kesihatan. Komponen-komponen ini boleh dilihat dalam jadual berikut (Department of Standard Malaysia 2015)

**Jadual 7.3: Lima Komponen Berkaitan Penginapan dalam Standard MS: 2610: 2015**

| KOMPONEN | ASPEK |
|---|---|
| Bilik | • Bersih<br>• Kemudahan yang membolehkan pelaksanaan wuduk dan solat<br>• Kemudahan bersuci menurut syarak<br>• Tidak disediakan makanan beralkohol atau memabukkan<br>• Disediakan keperluan Muslim yang lain atas permintaan seperti, sejadah, telekung dan al-Quran |
| Makanan dan Minuman | • Dapur yang mendapat pensijilan halal oleh badan berautoriti.<br>• Menyediakan informasi dan perkhidmatan sepanjang bulan Ramadan termasuk iftar dan sahur |
| Mussola awam | • Musolla terletak di lokasi yang bersesuaian dan terdapat papan tanda khusus.<br>• Bersih, mempunyai sistem pengudaraan yang baik dan diselenggara dengan baik<br>• Memiliki perkara asas seperti tanda arah qiblat, telekung serta ruang solat dan wuduk yang terpisah antara lelaki dan wanit |
| Tandas Awam | • Bersih.<br>• Kemudahan yang membolehkan pengguna Muslim bersuci menurut syarak termasuk produk yang digunakan untuk bersuci. |
| Prasarana Rekreasi dan Kesihatan | • Bersih dan diselenggarakan dengan baik.<br>• Tandas yang disediakan membolehkan pengguna Muslim bersuci menurut syarak.<br>• Jika ada keperluan, pihak penginapan hendaklah menyediakan fasiliti mesra Muslim |

## C Menggalakkan Pengiktirafan *Muslim-Friendly Tourism* di Penginapan Bertaraf 3 Bintang ke Atas

**KRITERIA *MUSLIM FRIENDLY HOTEL***

1. Menyediakan makanan halal.
2. Tiada penyediaan alkohol, diskotik, perjudian dan saluran dewasa (*adult channels*) tidak tersedia di hotel
3. Kemudahan solat adalah untuk lelaki dan perempuan dengan penunjuk arah solat di dalam bilik.
4. Jadual waktu solat juga disediakan di kaunter penerimaan tetamu atau bilik
5. Pakaian solat wanita juga disediakan atas permintaan
6. Tandas di dalam bilik mempunyai bidet
7. Menguruskan Iftar Halal dan Sahur Halal, sepanjang Ramadan.
8. Kolam renang dan gimnasium menyediakan akses eksklusif untuk tetamu wanita pada waktu pagi dan tetamu lelaki selepas tengah hari.







Contoh Plaque Pengiktirafan Muslim-friendly Tourism



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T3S4** Mengukuhkan Keterjaminan Keselamatan Makanan (Rompin Sebagai Bandar Agropolitan) | **T3S4-C1** MEMBANGUNKAN KUALA ROMPIN SEBAGAI BANDAR AGROPOLITAN ROMPIN | SDGs: 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH, 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; NUA: 02 | **ST** (STRATEGIK) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Bandar Kuala Rompin berpotensi dibangunkan sebagai pusat agropolitan yang memperkembangkan kegiatan pembangunan pertanian, penternakan dan akuakultur dengan rantaian nilai yang lebih tinggi dari industri huluan iaitu bahan mentah sehingga ke industri hiliran iaitu produk.
2. Konsep agropolitan ini dapat membantu perkembangan sektor pertanian, penternakan dan akuakultur untuk dimajukan berskala komersial secara tempatan mahupun antarabangsa dengan penghasilan produk yang berkualiti.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Pembangunan Bandar Agropolitan Rompin menerusi elemen pengumpulan, pemprosesan dan pemasaran serta latihan dapat membantu perkembangan aktiviti pertanian, penternakan dan akuakultur dengan rantaian nilai yang lebih tinggi dan bernilai tinggi yang dapat menonjolkan Rompin sebagai salah satu kawasan jaminan keselamatan makanan negara.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berdasarkan daripada Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, Kajian KaGUMN dan RSN Pahang 2050, beberapa komponen utama pembangunan dikenalpasti bagi membangunkan Kuala Rompin sebagai Bandar Agropolitan seperti:

- **A** Cadangan pusat pengumpulan dan pemprosesan bersepadu.
- **B** Cadangan hab pemasaran produk agro dan industri asas tani (IAT).
- **C** Menyediakan program latihan dan kemahiran berasaskan agromakanan.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

| Lokasi | Keluasan |
|---|---|
| Bandar Kuala Rompin | 4.32 hektar |

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030) ✓
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. FAMA Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. FAMA Daerah Rompin
2. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. FAMA Daerah Rompin
2. Pejabat Pertanian Daerah Rompin
3. ECERDC
4. Pejabat Perikanan Daerah Rompin
5. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin

## A Cadangan Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Bersepadu


Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Bersepadu seluas 4.32 hektar ini berperanan sebagai pusat pemborongan hasil pertanian dan industri asas tani secara cekap dan berkesan. Ia juga berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat penentu kecekapan dan keselamatan makanan. Pusat ini merupakan pembangunan prasarana pasaran moden yang menghubungkan rangkaian pengeluar dan pembekal kepada pengguna. Pusat Pengumpulan ini akan menjadi *One Stop Centre* yang dilengkapi dengan sebuah Hab Pemasaran Produk Agro dan Industri Asas Tani (IAT) bagi urusan jual beli hasil pertanian daerah melibatkan pengeluar, pemborong dan pengguna.




Lokasi Cadangan Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Bersepadu FAMA Rompin

### Langkah-Langkah Cadangan Pusat Pengumpulan Dan Pemprosesan Bersepadu

1. Pembangunan pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil agromakanan seperti Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Segar yang bertaraf Amalan Pengilangan Baik (GMP).
2. Pengenalpastian jenis hasil agromakanan dan industri asas tani (IAT) yang berpotensi dan berkualiti tinggi untuk dikumpulkan dan diproses secara bersepadu.
3. Penentuan gred kualiti hasil pengeluaran agromakanan dan industri asas tani (IAT) daripada petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang bersesuaian untuk pasaran tempatan atau antarabangsa.
4. Penyediaan khidmat nasihat dan insentif khas kepada pengeluar agromakanan di Daerah Rompin terutamanya untuk mengumpulkan dan memproses hasil agromakanan di pusat ini.
















Ilustrasi Cadangan Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Bersepadu FAMA Rompin

## B Cadangan Hab Pemasaran Produk Agro dan Industri Asas Tani (IAT)


Hab pemasaran produk agro dan industri asas tani (IAT) berfungsi sebagai pusat hentian bersepadu pengedaran bekalan makanan negara, pusat pemborongan dan peruncitan hasil-hasil pertanian berkonsepkan halal hab yang kompetitif. Ia memasarkan pelbagai produk industri makanan dan segar, hab jualan secara dalam talian (online) dan lokasi pick up point, hab agro pelancongan bagi mempromosikan produk keluaran tempatan dan sebagai segmentasi pasaran baharu kepada usahawan tani dalam memasarkan produk mereka. Bagi memastikan hab pemasaran produk agro dan IAT ini menjadi pilihan penduduk untuk mendapatkan bekalan makanan yang segar, hab ini akan dibangunkan melalui konsep Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA sebagai komponen utama pembangunan seluas 4.32 hektar bersama dengan sebuah Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Bersepadu.




Contoh Agrobazaar Rakyat, dan Agrobazaar Kedai Rakyat




Lokasi Cadangan Hab Pemasaran Produk Agro dan Industri Asas Tani Rompin




Contoh Komponen Pembangunan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA

### Langkah-Langkah Cadangan Hab Pemasaran Produk Agro Dan Industri Asas Tani (IAT)

- Pembangunan pusat pengedaran dan pemasaran bersepadu (hab halal) melalui Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA di Kuala Rompin.
- Penaiktarafan Agrobazaar sedia ada seperti Agrobazaar Kedai Rakyat dan Agrobazaar Rakyat dengan penawaran produk agromakanan tempatan lebih meluas dengan harga berpatutan.
- Perlaksanaan konsep pemasaran dan jualan produk agromakanan tempatan melalui karavan tani dan *car boot sale* di Teluk Gading, Kuala Rompin dan Muadzam Shah.
- Penyediaan ruang perniagaan bagi industri hiliran dan industri makanan berasaskan agromakanan.
- Penyediaan insentif khas kepada pengeluar agromakanan di Daerah Rompin terutamanya untuk memasarkan hasil agromakanan di pusat ini.
















Ilustrasi Cadangan Hab Pemasaran Produk Agro Dan Industri Asas Tani Rompin

## C Menyediakan Program Latihan Dan Kemahiran Berasaskan Agromakanan

Penekanan terhadap program latihan dan kemahiran berasaskan agromakanan akan diberikan kepada petani/penternak/pengusaha untuk meningkatkan produktiviti, memperkukuh rantaian bekalan makanan, menambah baik sokongan institusi dan perkhidmatan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran petani serta memastikan pematuhan standard pasaran. Selain itu, usaha untuk menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang pertanian dan agromakanan ini boleh diperhebatkan lagi dengan kewujudan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang bertujuan untuk bagi meningkatkan pengeluaran agromakanan melalui model pembangunan insan mahir. Di Daerah Rompin, penglibatan penduduk terutamanya golongan belia boleh diperkukuhkan dengan keterlibatan dalam bidang tanaman, pemasaran, pengeluaran makanan (pemprosesan), ternakan air tawar, akuakultur marin, ternakan poltri, ternakan ruminan, teknologi perikanan tangkapan dan pengeluaran padi.




Contoh Program Latihan dan Kemahiran Berasaskan Agromakanan




Cadangan Program Latihan Dan Kemahiran Berasaskan Agromakanan

### BIDANG YANG DITAWARKAN

- Tanaman
- Pemasaran
- Ternakan Ruminan
- Akuakultur Air Tawar
- Ternakan Poltri
- Akuakultur Marin
- Pengeluaran Padi
- Pemprosesan Makanan
- Teknologi Perikanan Tangkapan

**Langkah-Langkah Menyediakan Program Latihan Dan Kemahiran Berasaskan Agromakanan**

- Penyediaan latihan dan pembangunan agropreneur muda.
- Penyediaan latihan pengurusan kecekapan makanan bagi membantu penternak dalam menangani peningkatan kos makanan ternakan.
- Penganjuran latihan amalan pertanian mampan, pembajaan secara berjadual dan pengurusan air, makhluk perosak dan penyakit serta menangani isu perubahan iklim.
- Penyediaan latihan dalam teknologi akuakultur, pengurusan ladang ternakan dan kawalan penyakit.

STRATEGI

**T3S4**

**Mengukuhkan Keterjaminan Keselamatan Makanan (Rompin Sebagai Bandar Agropolitan)**

CADANGAN

**T3S4-C2**

# MEMPERLUAS KAWASAN PENGELUARAN AGROMAKANAN SEDIA ADA

AGENDA

SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 15 LIFE ON LAND NUA 01

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Kawasan pengeluaran agromakanan seperti pertanian, penternakan dan akuakultur merupakan elemen terpenting bagi menjamin pengeluaran makanan yang stabil terutamanya meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) bagi rakyat di Malaysia.
2. Antara inisiatif yang telah dibangunkan adalah Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) menerusi tiga jenis iaitu TKPM tanaman, TKPM ZIA, dan TKPM ternakan dan kawasan jelapang padi di bawah MADA.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Pengekalan dan perluasan kawasan pengeluaran makanan sedia ada sama ada tanaman pertanian, dan penternakan dapat membantu mengukuhkan keterjaminan keselamatan makanan bagi Daerah Rompin, Negeri Pahang dan Malaysia.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat beberapa komponen pembangunan utama yang dapat meningkatkan hasil pengeluaran agromakanan seperti:

**A** Memperluas kawasan TKPM sedia ada.

**B** Memperluas kawasan jelapang padi sedia ada melibatkan kawasan tanaman padi yang diluar jelapang.

**C** Memperluas Kawasan Projek Tanaman Agromakanan Berskala Besar.

**D** Menggalakkan aktiviti ternakan ruminan secara fidlot dan intensif.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

**Lokasi**

- TKPM Muadzam Shah, Sepayang, Janglau **(631.11 hektar)**
- Jelapang padi (Paya Setajam, Paya Sepayang, Paya Laka, Tebu Hitam, Paya Petoh) **(5,472.00 hektar)**
- Projek Berskala Besar (Kg. Tanam, Pekoti Timur, Kg. Kerpal) **(2,407.95 hektar)**
- Kawasan Ternakan Ruminan (Mukim Rompin, Pontian, Endau, Keratong) **(60.99 hektar)**

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin
2. IADA Rompin
3. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin
4. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

## A Memperluas Kawasan TKPM Sedia Ada

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bertujuan untuk mewujudkan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran pertanian terpilih secara intensif dan moden. Ia menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Pembangunan TKPM melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pengusaha. Terdapat tiga kawasan TKPM di Daerah Rompin iaitu Muadzam Shah, Janglau dan Sepayang seluas 333.01 hektar. Perluasan kawasan TKPM di 3 buah TKPM sedia ada seluas 298.10 hektar dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran makanan di Daerah Rompin seperti tanaman kontan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

**Jadual 7.4: Keluasan Kawasan TKPM Sedia Ada**



**TKPM Muadzam Shah**
- Mukim: Keratong
- Berkeluasan 173.61 hektar
- Cadangan perluasan 137.80 hektar
- Anggaran peserta: 27 orang
- Jenis tanaman: buah-buahan
  - Nangka (Eksport)



**TKPM Sepayang**
- Mukim: Pontian
- Keluasan: 99.50 hektar
- Cadangan perluasan: 47.50 hektar
- Anggaran peserta: 9 orang
- Jenis tanaman: sayur-sayuran
  - Labu Air (Tempatan)




**TKPM Janglau**
- Mukim: Pontian
- Keluasan: 59.90 hektar
- Cadangan perluasan: 112.80 hektar
- Anggaran peserta: 22 orang
- Jenis tanaman: tanaman kontan
  - Jagung (Tempatan)

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Daerah Rompin

### Langkah-Langkah Memperluas Kawasan TKPM Sedia Ada

1. Pengenalpastian plot tanah yang berpotensi dimajukan di sekitar kawasan TPKM.
2. Pewartaan cadangan plot tanah baharu sebagai tambahan kawasan TKPM.
3. Penyediaan infrastruktur sokongan, kemudahan serta perkhidmatan yang lengkap dari proses penanaman sehingga proses pemasaran hasil.
4. Penggunaan teknologi terkini dan amalan pertanian baik di kalangan peserta TKPM.

## Rajah 7.21: Pelan Cadangan Memperluas Kawasan TKPM Sedia Ada





### 1 TKPM Muadzam Shah




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 2 TKPM Sepayang




### 3 TKPM Janglau




### PETUNJUK

**PERTANIAN**
- Pertanian
- Padi
- Cadangan Perluasan TKPM

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## B Memperluas Kawasan Jelapang Padi Sedia Ada Melibatkan Kawasan Tanaman Padi Yang Diluar Jelapang

Pengekalan dan perluasan kawasan tanaman padi penting bagi tujuan jaminan bekalan makanan negara. Daerah Rompin perlu mengekalkan empat (4) kawasan jelapang padi selain memperluas kawasan penanaman padi yang baharu melalui elemen perancangan dalam Rancangan Pemajuan seperti Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang dapat memantau sebarang penukaran guna tanah pertanian kepada guna tanah tepu bina seperti pemantauan zon guna tanah dan Kelas Guna Tanah (KGT) di peringkat kawalan perancangan dan kelulusan bagi pembangunan.




Lokasi Jelapang Padi di Daerah Rompin


Perluasan kawasan jelapang padi sedia ada atau baharu di kawasan luar jelapang dapat membantu kepada hasil pengeluaran padi yang lebih tinggi dengan pembangunan infrastruktur dan sistem pengairan yang baik. Penentuan kawasan penanaman padi yang berpotensi dibangunkan perlu mengambilkira faktor keadaan geografi, jenis tanah dan sumber bekalan air. Cadangan perluasan kawasan jelapang padi di Daerah Rompin ini dapat menjadikan daerah ini sebagai daerah pengeluar padi terbesar di Negeri Pahang dan Wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

**Jadual 7.5: Anggaran Hasil Pengeluaran Jelapang Padi dalam Daerah Rompin**

| MUKIM | JELAPANG PADI | KELUASAN WARTA (hektar) | PERATUS (%) | ANGGARAN JUMLAH PENGELUARAN (tan) (sebelum SMART SBB) | ANGGARAN JUMLAH PENGELUARAN (tan) (selepas SMART SBB) |
|---|---|---|---|---|---|
| Endau | Paya Setajam | 1,500.00 | 27.41 | 8,895.00 | 15,675.00 |
| Pontian | Paya Sepayang | 274.00 | 5.01 | 1,624.82 | 2,863.30 |
| | Paya Laka | 717.00 | 13.10 | 4,251.81 | 7,492.65 |
| Rompin | Tebu Hitam | 481.00 | 8.79 | 2,852.33 | 5,026.45 |
| | Paya Petoh* | 2,500.00 | 45.69 | 14,825.00 | 26,125.00 |
| **Jumlah** | | **5,472.00** | **100.00** | **32,448.96** | **57,182.40** |

*Sumber:* Laporan LASP 1, Kajian RTD Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)
*Cadangan dari IADA Rompin (Belum Dibangunkan)

Antara potensi cadangan perluasan kawasan jelapang padi di Daerah Rompin adalah cadangan jelapang padi Paya Petoh berkeluasan 2,500 hektar yang terletak di Kampung Tanam, Mukim Rompin. Dengan penerapan Projek Perintis Mini Sekinchan melalui SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) sebagai kaedah tanaman padi terkini (lima kali dalam tempoh dua tahun), akan berlakunya peningkatan jumlah hasil pengeluaran padi sehingga 65 peratus. Purata hasil pengeluaran padi dalam kawasan jelapang padi Daerah Rompin iaitu 5.93 tan/hektar/tahun dengan penghasilan sebanyak 32,448.96 tan/tahun, tetapi setelah penerapan Projek Perintis Mini Sekinchan melalui SMART SSB ini, purata pengeluaran hasil padi boleh meningkat sehingga 10.45 tan/hektar/tahun dengan penghasilan 57,182.40 tan/tahun.





Cadangan Jelapang Padi Paya Petoh

**Langkah-Langkah Memperluas Kawasan Jelapang Padi Sedia Ada Melibatkan Kawasan Tanaman Padi Yang Diluar Jelapang**


1. Perlaksanaan pemantauan zon guna tanah dan penambahbaikan kelas kegunaan tanah (KGT) bagi kawasan jelapang padi sedia ada.
2. Pengenalpastian kawasan jelapang padi baharu dengan mengambilkira faktor keadaan geografi, jenis tanah dan sumber bekalan air.
3. Pembangunan infrastruktur asas dan sistem pengairan bagi kawasan jelapang padi yang baru seperti di cadangan Jelapang Padi Paya Petoh.
4. Penglibatan penduduk setempat sebagai peserta/pesawah dalam aktiviti penanaman padi di kawasan jelapang padi baru dengan bantuan dari agensi Kerajaan yang berkaitan.

## Rajah 7.22: Pelan Cadangan Memperluas Kawasan Jelapang Padi Sedia Ada




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### 1 Paya Petoh




### PETUNJUK

**PERTANIAN**
- Pertanian Selain Padi
- Padi
- Cadangan Perluasan Padi

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## C Memperluaskan Kawasan Projek Tanaman Agromakanan Berskala Besar

Terdapat beberapa pengusaha/syarikat swasta yang membangunkan projek tanaman agromakanan berskala besar di Daerah Rompin yang mengusahakan tanaman nanas di Kampung Tanam seluas 485 hektar (Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd), Pekoti Timur seluas 202 hektar (AQINA Fruits Sdn Bhd) dan tanaman kelapa di Kampung Kerpal seluas 404 hektar (Ambang Perintis Sdn Bhd).




Tanaman Nanas Berskala Besar oleh RIPI di Kampung Tanam





Tanaman Nanas Berskala Besar oleh AQINA di Pekoti Timur



Tanaman Kelapa Berskala Besar oleh Ambang Perintis di Kampung Kerpal

Dua jenis tanaman ini merupakan tanaman berskala besar sedia ada di Daerah Rompin yang diusahakan oleh syarikat swasta yang berpotensi untuk diperluaskan kawasan tanaman dan dibangunkan pusat pemprosesan hasil tanaman di dalam kawasan Daerah Rompin sebelum dipasarkan ke pasaran tempatan dan luar. Dengan adanya cadangan Pusat Agropolitan Rompin, hasil produk agromakanan yang berkualiti tinggi dapat diproses dan dipasarkan di pasaran Daerah Rompin selain pasaran antarabangsa. Selain itu, ia juga dapat menawarkan peluang pekerjaan dan meningkatkan sosioekonomi penduduk tempatan Rompin untuk terlibat dalam industri agromakanan. Sebagai contoh projek tanaman nanas RIPI telah menawarkan 300 peluang pekerjaan di mana 101 orang penduduk Orang Asli tempatan bekerja dalam industri nanas ini.

**Rajah 7.23: Pelan Cadangan Perluasan Kawasan Projek Tanaman Agromakanan Berskala Besar**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**PETUNJUK**

PERTANIAN
- Pertanian
- Projek Tanaman Agromakanan Berskala Besar

Lain-lain
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

**Langkah-Langkah Memperluas Kawasan Projek Tanaman Agromakanan Berskala Besar**

1. Perluasan kawasan projek tanaman agromakanan sedia ada yang telah dibangunkan syarikat swasta seperti tanaman nanas dan kelapa.
2. Pembangunan pusat pemprosesan produk hasil tanaman di dalam kawasan projek bagi memasarkan hasil produk ke pasaran tempatan di Pusat Agropolitan Rompin dan pasaran luar.
3. Pembangunan produk hiliran industri asas tani yang berpotensi dipasarkan di Pusat Agropolitan Rompin dan pasaran luar.
4. Penyediaan insentif dan bantuan khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha agromakanan yang berpotensi meningkatkan keluasan kawasan tanaman secara optimum.

**Jadual 7.6: Antara Projek Tanaman Agromakanan Berskala Besar Terkini di Daerah Rompin**

| NAMA KAWASAN | NAMA SYARIKAT | KELUASAN SEDIA ADA (hektar) | ANGGARAN PENGELUARAN (tan/tahun) | ANGGARAN HASIL PENGELUARAN (RM juta/tahun) |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Tanam | Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd | 485.00 | 14,600.00 | 36.50 |
| Pekoti Timur | AQINA Fruits Sdn Bhd | 202.00 | 6,205.00 | 15.51 |
| Kampung Kerpal | Ambang Perintis Sdn Bhd | 404.00 | 2,554.75 | 2.70 |
| | **Jumlah** | **1,091.00** | **23,359.75** | **54.71** |

*Sumber:* Pejabat Pertanian Daerah Rompin

## D Menggalakkan Aktiviti Ternakan Ruminan Secara Fidlot Dan Intensif

Aktiviti penternakan ruminan seperti lembu dan kambing bebiri harus dijalankan secara komersial dengan menerusi sistem fidlot secara intensif dalam kandang kurungan untuk tujuan pengeluaran ternakan yang berkualiti tinggi. Terdapat 712 penternak ruminan pedaging melibatkan ternakan seperti lembu, kambing, kerbau dan bebiri di dalam Daerah Rompin. Selain itu, terdapat juga penternak ternakan ruminan pedaging berskala kecil di daerah ini yang beroperasi tidak mempunyai kawasan padang ragut yang sesuai untuk sumber makanan bagi ternakan mereka. Daerah Rompin juga dikenali sebagai salah satu kawasan pengeluaran tenusu terbesar di Malaysia dengan empat (4) buah perusahaan industri tenusu berada di dalam daerah ini sebanyak anggaran 7.3 juta liter setahun hasil tenusu (18% dari hasil tenusu negara). Dengan mewujudkan kawasan ternakan ruminan secara fidlot dan intensif di 5 kawasan dalam Mukim Endau, Pontian, Rompin dan Keratong berkeluasan keseluruhan 60.99 hektar, ia dapat membantu meningkatkan produktiviti hasil tenusu dan daging segar bagi daerah ini dan juga bagi negeri Pahang.




Cadangan Ternakan Ruminan Lembu Secara Fidlot

### Langkah-Langkah Menggalakkan Aktiviti Ternakan Ruminan Secara Fidlot Dan Intensif

1. Pembangunan kawasan ternakan fidlot berserta sistem *fodder solutions* menerusi sistem hidroponik tertutup untuk bekalan makanan bagi ternakan.
2. Pembangunan infrastruktur ternakan secara fidlot yang lengkap seperti kandang.
3. Perletakan ternakan-ternakan milik penternak berskala kecil yang berminat di sekitar Daerah Rompin dalam kawasan ternakan fidlot baharu.
4. Penyediaan insentif khas kepada penternak ruminan sedia ada untuk memperkembangkan aktiviti ternakan ruminan secara bersepadu.
5. Pembangunan pusat penyembelihan bersepadu dan pusat penyimpanan sejuk beku bagi ternakan ruminan pedaging.
6. Pembangunan pusat pemprosesan pengeluaran susu segar dan pusat penyimpanan bagi ternakan ruminan tenusu.

**Rajah 7.24: Pelan Cadangan Projek Ternakan Ruminan Secara Fidlot di Mukim Endau, Pontian, Rompin & Keratong**




*Sumber*: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**PETUNJUK**

| PERTANIAN | Lain-lain |
|---|---|
| Pertanian | Jalan Sedia Ada |
| PENTERNAKAN | Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4 |
| Cadangan Penternakan | Cadangan ECRL 2 |
| | Sungai |
| | Sempadan Negeri |
| | Sempadan Daerah |
| | Sempadan Mukim |

**Jadual 7.7: Cadangan Kawasan Projek Ternakan Ruminan Secara Fidlot**

| MUKIM | NAMA KAWASAN | KELUASAN (hektar) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|
| Rompin | Kampung Sabak | 5.08 | 8.33 |
| Pontian | Kampung Kuala Pontian | 8.95 | 14.67 |
| Endau | Kampung Pianggu | 10.49 | 17.20 |
| Keratong | FELDA Selancar 2 | 10.88 | 17.84 |
| | FELDA Keratong 4 | 25.59 | 41.96 |
| **Jumlah** | | **60.99** | **100.00** |



Illustrasi Cadangan Ternakan Ruminan Lembu Secara Fidlot

STRATEGI

**T3S4**

Mengukuhkan Keterjaminan Keselamatan Makanan (Rompin Sebagai Bandar Agropolitan)

CADANGAN

**T3S4-C3**

# MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN TANAH BAGI KAWASAN PENGELUARAN AGROMAKANAN SEDIA ADA SEBAGAI KAWASAN PENGELUARAN YANG PRODUKTIF

AGENDA

KATEGORI

**UT**
(UTAMA)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Penggunaan tanah secara optimum dapat memastikan setiap ruang tanah digunakan secara efisien mengikut kesesuaiannya.
2. Tanah yang digunakan dengan maksimum untuk pertanian juga menambah baik kadar sara diri serta meningkatkan keterjaminan makanan.
3. Strategi perancangan yang lebih berkesan perlu dilaksanakan bagi mengekalkan kawasan yang terlibat dalam pengeluaran bekalan makanan dalam negara.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Penggunaan tanah secara optimum untuk tujuan pengoperasian aktiviti pertanian, penternakan dan akuakultur dapat penyumbang kepada jaminan keselamatan makanan negara selari dengan hala tuju strategi yang ditekankan dalam kajian KaGUMN.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berdasarkan daripada Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan Kajian KaGUMN, terdapat beberapa komponen pembangunan utama yang dapat mengoptimumkan penggunaan tanah bagi kawasan pengeluaran makanan sedia ada iaitu:

- **A** Mengusahakan semula tanah padi tidak produktif.
- **B** Mengaplikasikan kaedah tanaman padi yang terkini.
- **C** Mengoptimumkan penggunaan tanah TKPM secara skala penuh.
- **D** Mengoptimumkan pengoperasian kawasan akuakultur sedia ada.
- **E** Cadangan projek integrasi kelapa sawit dengan tanaman pertanian dan penternakan unggas dan ruminan.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

**Lokasi**

- Kawasan tanaman padi (**4,435.74 hektar**)
- TKPM Muadzam Shah, Sepayang, Janglau (**216.00 hektar**)
- TKPM ZIA Kg. Kedaik, Kg. Ayau, Sungai Buah Keras (**614.31 hektar**)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin
2. IADA Rompin
3. Pejabat Perikanan Daerah Rompin
4. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin

## A Mengusahakan Semula Tanah Padi Tidak Produktif

Tanah yang tidak produktif (kawasan berpaya) atau tanah yang telah ditebus guna untuk tujuan lain terutamanya tanaman seperti kelapa sawit di dalam atau di sekitar kawasan jelapang di Tebu Hitam, Paya Sepayang, Paya Laka dan Paya Setajam boleh diusahakan semula kepada tanaman asal atau jenis tanaman jaminan keselamatan makanan iaitu padi. Ini dapat membantu meningkatkan jumlah keluasan penanaman padi seterusnya meningkatkan jumlah hasil pengeluaran padi/beras di samping membantu petani mendapatkan hasil pulangan yang optimum.

**Jadual 7.8: Maklumat Jelapang Padi dalam Daerah Rompin Mengikut Mukim**

| MUKIM | JELAPANG PADI | KELUASAN WARTA (hektar) | PERATUS (%) | KELUASAN BERTANAM (hektar) | PERATUS (%) | PURATA JUMLAH PENGELUARAN (tan) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Endau | Paya Setajam | 1,500.00 | 27.41 | 1,094.05 | 45.38 | 6,484.49 |
| Pontian | Paya Sepayang | 274.00 | 5.00 | 505.77 | 20.98 | 2,997.72 |
| | Paya Laka | 717.00 | 13.10 | 663.00 | 27.50 | 3,929.64 |
| Rompin | Tebu Hitam | 481.00 | 8.79 | 147.94 | 6.14 | 876.85 |
| | Paya Petoh* | 2,500.00 | 45.70 | - | - | - |
| **Jumlah** | | **5,472.00** | **100.00** | **2,410.76** | **100.00** | **14,288.70** |

*Sumber:* Laporan LASP 1, Kajian RTD Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)
*Cadangan dari IADA Rompin (Belum Dibangunkan)

**Jadual 7.9: Maklumat Luar Jelapang Padi dalam Daerah Rompin Mengikut Mukim**

| MUKIM | KAWASAN | KELUASAN BERTANAM (hektar) | PERATUS (%) | PURATA JUMLAH PENGELUARAN (tan) |
|---|---|---|---|---|
| Endau | Kampung Pianggu | 139.71 | 10.16 | 322.73 |
| | Sarang Tiong | 920.81 | 66.99 | 2,127.07 |
| | Kampung Jawa Pantai | 205.12 | 14.93 | 473.83 |
| Pontian | Kampung Sungai Meranti | 108.86 | 7.92 | 251.47 |
| **Jumlah** | | **1,374.50** | **100.00** | **3,175.10** |


*Sumber:* Laporan LASP 1, Kajian RTD Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

Terdapat 1,374.50 hektar kawasan luar jelapang padi yang boleh diwartakan di dalam kawasan jelapang padi dibawah IADA Rompin. Manakala, terdapat 3,061.24 hektar keluasan tanah tanaman padi yang boleh dijalankan aktiviti penanaman padi pada masa hadapan di dalam kawasan jelapang padi daerah Rompin yang diselia oleh IADA Rompin. Sejumlah 4,435.74 hektar kawasan jelapang padi boleh dibangunkan sepenuhnya pada masa hadapan.

### Langkah-Langkah Mengusahakan Semula Tanah Padi Tidak Produktif

1. Pengenalpastian tanah-tanah disekitar (luar jelapang) atau dalam kawasan jelapang padi yang tidak produktif atau tidak diusahakan atau telah ditebus guna untuk tujuan lain supaya di usahakan semula dan diwartakan kepada kawasan penanaman padi.
2. Penyatuan kawasan penanaman bersaiz kecil melalui inisiatif pertanian berkelompok bagi meraih faedah skala ekonomi menerusi program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB).
3. Perluasan penggunaan jenis padi sah baharu seperti MR253, MR263, MR269 serta padi aerob yang berhasil tinggi dan rintang penyakit di kawasan jelapang padi Rompin.

## Rajah 7.25: Pelan Kawasan Jelapang Padi Sedia Ada Daerah Rompin




### 1 Paya Setajam




### 2 Paya Laka





Sumber :
1. Laporan LASP 1, Kajian RTD Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)
2. IADA Daerah Rompin

### 3 Paya Sepayang




### 4 Tebu Hitam




### PETUNJUK

**PERTANIAN**
- Pertanian Selain Padi
- Padi

**Lain-lain**
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya RFN4
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## B Mengaplikasikan Kaedah Tanaman Padi Yang Terkini

Kaedah tanaman padi di Daerah Rompin seperti di Tebu Hitam, Paya Sepayang, Paya Laka dan Paya Setajam hanya ditanam pada dua kali dalam tempoh setahun jika tiada bencana alam seperti banjir atau ribut berlaku. Jika berlakunya benjana banjir terutamanya kawasan jelapang padi yang mudah terdedah seperti Tebu Hitam dan Paya Sepayang, jumlah penanaman padi hanya dapat dijalankan sekali setahun. Kesemua kawasan jelapang padi di Daerah Rompin ini diselia oleh IADA Rompin dengan dibangunkan infrastruktur dan sistem pengairan yang lengkap. Kawasan jelapang padi ini berpotensi untuk mengaplikasikan kaedah penanaman padi yang terkini.




Jelapang Padi Tebu Hitam, Mukim Rompin



Jelapang Padi Paya Setajam, Mukim Endau




Jelapang Padi Paya Sepayang, Mukim Pontian




Jelapang Padi Paya Laka, Mukim Pontian

Cadangan Projek Perintis Mini Sekinchan di 4 Jelapang Padi Daerah Rompin









Contoh Projek Perintis Mini Sekinchan

### Langkah-Langkah Mengaplikasikan Kaedah Tanaman Padi Yang Terkini

- Penaiktarafan infrastuktur dan sistem pengairan untuk penanaman padi di semua kawasan jelapang padi Daerah Rompin ditahap yang baik untuk menyokong amalan kaedah yang terkini.
- Perlaksanaan Projek Perintis Mini Sekinchan melalui SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di kawasan jelapang padi dan luar jelapang padi Daerah Rompin sebagai kaedah tanaman padi terkini (lima kali dalam tempoh dua tahun) yang dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi sehingga 65 peratus.




*Jika keseluruhan kawasan tanaman padi di Daerah Rompin dibangunkan sepenuhnya dan mengamalkan SMART SBB, pengeluaran hasil padi dapat ditingkatkan sebanyak 43 peratus.

## C Mengoptimumkan Penggunaan Tanah TKPM Secara Skala Penuh

Di Daerah Rompin, terdapat tiga kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu di Muadzam Shah, Janglau dan Sepayang seluas 333.01 hektar. Dengan penggunaan tanah pertanian secara optimum di setiap TKPM, ia dapat meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Oleh itu, tindakan jangka pendek boleh dicadangkan dengan mengenalpasti plot-plot tanah dalam kawasan TKPM yang tidak diusahakan sepenuhnya oleh setiap pengusaha TKPM untuk dibangunkan. Cadangan ini perlu mengikut jenis penanaman pertanian yang sesuai dengan jenis, struktur dan geologi tanah supaya penggunaan tanah TKPM dapat beroperasi secara skala penuh dan optimum.



TKPM Muadzam Shah, Mukim Keratong





TKPM Janglau, Mukim Pontian


**Langkah-Langkah Mengoptimumkan Penggunaan Tanah TKPM Secara Skala Penuh**

- Pengenalpastian plot-plot tanah dalam kawasan TKPM yang tidak beroperasi atau diusahakan.
- Pembangunan infrastruktur asas di kawasan TKPM sedia ada seperti jalan berturap, sistem saliran dan pengairan, serta bekalan elektrik dan air.
- Pengenalpastian jenis tanaman yang sesuai dengan jenis, struktur dan geologi tanah supaya produktiviti tanaman dapat ditingkatkan.
- Penyediaan insentif khas kepada peserta TKPM sedia ada di Daerah Rompin untuk mengoptimumkan penggunaan tanah sepenuhnya.

**Rajah 7.26: Pelan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sedia Ada Daerah Rompin**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)



## D Mengoptimumkan Pengoperasian Kawasan Akuakultur Sedia Ada

Terdapat tiga jenis akuakultur yang ada di Daerah Rompin iaitu air tawar, air masin dan air payau. Oleh itu, Daerah Rompin berpotensi dibangunkan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Zon Industri Akuakultur (ZIA) menerusi tiga jenis akuakultur. Namum, beberapa kawasan TKPM ZIA akuakultur air tawar dan air payau terutamanya di Sungai Rompin dan Sungai Pontian (milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang) dikenal pasti tidak beroperasi akibat tiada pelabur atau tidak beroperasi secara optimum yang berkeluasan 511.70 hektar. Kawasan TKPM ZIA Kedai (air tawar) berpotensi untuk dimajukan akuakultur udang galah dan TKPM ZIA Sungai Buah Keras (air payau) sesuai dimajukan akuakultur udang putih dan udang harimau.

### 1 TKPM ZIA Kedaik

- Keluasan: 359.36 hektar
- Keluasan operasi: 50.00 hektar
- Pemilikan tanah: PSK Pahang
- Pelabur: GK Aqua Sdn. Bhd.
- Projek: Taman Akuakultur Penternakan Udang Galah
- Sungai: Sungai Rompin
- Jenis air: Air Tawar (Udang Galah)

### 2 TKPM ZIA Ayau

- Keluasan: 52.61 hektar
- Keluasan operasi: 52.61 hektar
- Pemilikan tanah: PSK Pahang
- Pelabur: BAF Aqua Sdn. Bhd.
- Projek: Ternakan Udang dan Ikan Berteknologi Tinggi
- Sungai: Sungai Rompin
- Jenis air: Air Payau (Udang Putih & Udang Harimau)


### 3 TKPM ZIA Sungai Buah Keras

- Keluasan: 202.34 hektar
- Keluasan operasi: tiada
- Pemilikan tanah: PSK Pahang
- Pelabur: tiada
- Sungai: Sungai Pontian
- Jenis air: Air Payau

**Langkah-Langkah Mengoptimumkan Pengoperasian Kawasan Akuakultur Sedia Ada**

- Pembangunan kawasan TKPM ZIA yang tidak beroperasi atau tidak beroperasi secara optimum.
- Pembangunan kawasan TKPM ZIA sedia ada seperti akses jalan, sistem saliran dan pengairan, serta bekalan elektrik dan air.
- Penerapan teknologi dan akuakultur bersepadu untuk meningkatkan produktiviti akuakultur.
- Penyediaan insentif khas kepada pengusaha akuakultur sedia ada dan syarikat akuakultur berpotensi untuk memperkembangkan kawasan akuakultur secara optimum.

**Rajah 7.27: Pelan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Akuakultur Sedia Ada Daerah Rompin**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## E Cadangan Projek Integrasi Kelapa Sawit Dengan Aktiviti Tanaman Pertanian Dan Penternakan Unggas dan Ruminan

Kawasan yang berpotensi dan sumber untuk pembangunan ternakan unggas dan ruminan pada masa hadapan akan dijayakan secara integrasi dengan komoditi tanaman perladangan, seperti sistem integrasi ternakan ayam, kambing dan lembu dengan sawit penggunaan hasil sampingan pertanian sebagai makanan ternakan. Tiga sumber sedia ada daripada sektor perladangan kelapa sawit yang boleh digemblengkan untuk ternakan unggas dan ruminan secara integrasi di daerah Rompin ini. Pertama, dengan meragut rumpai secara integrasi di ladang kelapa sawit. Kedua, menggunakan pelepah kelapa sawit (PKS) sebagai makanan ternak berserabut dan ketiga, menggunakan hampas isirung sawit (PKC) sebagai makanan konsentrat.



Contoh Penternakan Ruminan dalam Projek Integrasi Kelapa Sawit



Contoh Penternakan Unggas dalam Projek Integrasi Kelapa Sawit



Contoh Tanaman Pertanian dalam Projek Integrasi Kelapa Sawit




Cadangan Contoh Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) dan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa)

Tanaman kelapa sawit di Daerah Rompin merupakan jenis aktiviti pertanian yang terbesar dengan keluasan 239,666.83 hektar. Oleh itu, potensi penggunaan tanah bagi kawasan ini boleh diterapkan dengan kaedah projek integrasi tanaman pertanian dan penternakan unggas dan ruminan yang bersesuaian untuk meningkatkan pengeluaran hasil makanan selain menambah hasil pendapatan sokongan bagi pekebun kecil atau pengusaha kelapa sawit yang berskala besar seperti FELDA, IOI, PKPP Agro, FAR East Holding, PASFA, KOSMA dan lain-lain syarikat perladangan kelapa sawit yang ada di Daerah Rompin ini.

### Langkah-Langkah Projek Integrasi Kelapa Sawit Dengan Aktiviti Tanaman Pertanian Dan Penternakan Unggas dan Ruminan

- Pengenalpastian pemilikan tanah kelapa sawit yang berpotensi diterapkan kaedah projek integrasi berpandukan sumber sedia ada.
- Pengenalpastian kadar muatan ternakan unggas dan ruminan di ladang sebelum menerapkan integrasi penternakan di ladang kelapa sawit yang bergantung kepada ketersediaan rumpai yang sesuai dan umur sawit.
- Penyediaan insentif dana pemula melalui MPOB bagi menarik minat dan membantu terutamanya pekebun kecil kelapa sawit untuk menerapkan projek integrasi sebagai sumber pendapatan tambahan yang lumayan seperti Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) dan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa).

STRATEGI

**T3S5**

**Mempraktikkan Amalan Pertanian yang Baik, Inovatif Dan Produktif**

CADANGAN

**T3S5-C1**

AGENDA

SDGs 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE 13 CLIMATE ACTION NUA 05

KATEGORI

**SK**

**(SOKONGAN)**

# MEMPERKUKUHKAN TAHAP DAYA TAHAN DAN INISIATIF PENGURANGAN RISIKO BENCANA DALAM SISTEM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Perubahan iklim memberi ancaman serius terhadap sektor agromakanan dan keadaan di sekelilingnya termasuklah kesan negatif kepada sekuriti makanan seperti kerosakan tanaman, fizikal dan infrastruktur.
2. Perancangan pengadaptasian dan tahap daya tahan saling berkaitan dengan kesedaran, pengetahuan dan tindakan pengusaha agromakanan tentang perubahan iklim.
3. Ia dapat mengurangkan risiko bencana melalui amalan pertanian baik, penggunaan teknologi dan kaedah tanaman terkini serta baka berkualiti dan berdaya tahan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Tahap daya tahan yang tinggi bagi aktiviti agromakanan yang berisiko bencana dan iklim yang ekstrem dapat mengurangkan risiko kerugian yang dialami oleh pengusaha agromakanan selain dapat menjamin keselamatan pengeluaran agromakanan di tahap yang stabil semasa bencana berlaku.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Terdapat beberapa komponen utama yang dapat memperkukuhkan tahap daya tahan dan inisiatif pengurangan risiko bencana dalam sistem jaminan keselamatan makanan terutamanya di Daerah Rompin iaitu:

**A** Merancang tahap kesiapsiagaan dan tahap daya tahan sektor agromakanan yang berada di kawasan berisiko bencana.

**B** Membangunkan sistem pertanian, kandang/reban dan kolam/ sangkar yang berdaya tahan bencana.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**Lokasi**
Keseluruhan Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin
2. Pejabat Perikanan Daerah Rompin
3. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin
4. IADA Rompin

## A Merancang Tahap Kesiapsiagaan dan Tahap Daya Tahan Sektor Agromakanan yang Berada di Kawasan Berisiko Bencana

Perubahan iklim kekal menjadi cabaran utama dalam sektor agromakanan. Inisiatif kesiapsiagaan dan daya tahan aktiviti agromakanan yang berada di lokasi atau kawasan berisiko bencana terutamanya banjir perlu dilaksanakan kerana kedudukan geografi Daerah Rompin yang mudah mengalami bencana banjir. Selain itu, wabak penyakit dan makhluk perosak adalah isu-isu yang sering dihadapi oleh pengeluar agromakanan. Oleh itu, usaha R&D menerusi MARDI dapat dipergiatkan dengan penghasilan benih yang berkualiti dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan penyakit.



Contoh Kesiapsiagaan dan Daya Tahan Sektor Agromakanan di Kawasan Berisiko Bencana


Sektor agromakanan pada masa ini perlu mempunyai kaedah pengurusan risiko yang menyeluruh seperti skim insurans untuk melindungi pengeluar agromakanan daripada masalah kewangan akibat kerugian disebabkan bencana dan penyakit. Oleh itu, perlindungan sosial dalam konteks sektor agromakanan boleh ditambah baik dengan memperkenalkan skim insurans kepada pengeluar agromakanan bagi mewujudkan suatu bentuk jaringan keselamatan sekiranya hasil agromakanan musnah akibat kejadian bencana alam.

### Langkah-Langkah Merancang Tahap Kesiapsiagaan dan Tahap Daya Tahan Sektor Agromakanan yang Berada di Kawasan Berisiko Bencana


1. Pengenalpastian kawasan yang mudah terjejas dengan mewujudkan ekosistem yang lebih berdaya tahan sebagai mitigasi risiko dalam sektor agromakanan.
2. Penyediaan skim insurans pertanian yang komprehensif sebagai pelan pengurangan risiko.
3. Penyediaan kualiti benih agromakanan dengan kawalan ketahanan terhadap penyakit dan perubahan iklim.
4. Penjadualan garis masa aktiviti penanaman dan penuaian hasil tanaman, ternakan dan akuakultur sebelum tempoh kebiasaan bencana berlaku.

## B Membangunkan Sistem Pertanian, Kandang/Reban Dan Kolam/ Sangkar Yang Berdaya Tahan Bencana

Bencana alam yang kerap seperti banjir di Daerah Rompin boleh menyebabkan kerosakan yang teruk kepada tanaman dan ladang ternakan selain merosakkan kemudahan pengairan dan saliran serta mengganggu rantaian bekalan makanan. Beberapa kawasan tanaman pertanian (Mukim Rompin, Pontian dan Endau) seperti TKPM Sepayang serta kawasan jelapang padi di Paya Sepayang dan Tebu Hitam sering terjejas akibat kedudukan geografi kawasan tersebut dalam kawasan mudah banjir (akibat lebihan sumber air yang masuk ke dalam kawasan dan merosakkan tanaman) terutamanya pada musim monsun timur laut antara Disember hingga Februari. Melalui inisiatif pembangunan sistem pertanian, kandang dan reban (penternakan), kolam dan sangkar (akuakultur) yang mempunyai ciri-ciri berdaya tahan seperti selamat, berstruktur kukuh dan kedudukan yang tinggi dari aras laut, ianya dapat mengurangkan risiko keterjejasan (kerugian, kerosakan dan kehilangan hasil agromakanan) akibat bencana seperti banjir.



Kerugian yang Dialami Penternak Apabila Bencana Alam seperti Banjir Berlaku




Contoh Reka Bentuk Reban Tertutup Ayam yang Berdaya Tahan



Contoh Pembangunan Sistem Akuakultur Kolam/Sangkar Berdaya Tahan Bencana



Contoh Pembangunan Sistem Penternakan Kandang/Reban Berdaya Tahan Bencana



Contoh Pembangunan Sistem Tanaman Pertanian Berdaya Tahan Bencana

### Langkah-Langkah Membangunkan Sistem Pertanian, Kandang/Reban Dan Kolam/Sangkar Yang Berdaya Tahan Bencana

1. Pembangunan rancangan tebatan banjir di Sungai Rompin dan Sungai Pontian untuk mengawal jumlah kapasiti sumber air semasa musim hujan untuk kawasan TKPM Sepayang dan jelapang padi Tebu Hitam dan Paya Sepayang.
2. Penaiktarafan sistem pengairan dan saliran di dalam kawasan TKPM Sepayang dan jelapang padi Tebu Hitam dan Paya Sepayang.
3. Penyusunan semula kedudukan kandang, reban, kolam dan sangkar ke kawasan kurang berisiko seperti kedudukan tanah yang lebih tinggi dari aras laut.
4. Pembangunan sistem kandang ternakan ruminan dan reban ternakan unggas secara tertutup dengan struktur platform yang tinggi dan berkongkrit.
5. Pembangunan sistem kolam dan sangkar akuakultur menggunakan bahan binaan yang tidak mudah berkarat atau reput.

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T3S5**<br>Mempraktikkan Amalan Pertanian yang Baik, Inovatif Dan Produktif | **T3S5-C2**<br>**MEMBUDAYAKAN AMALAN PERTANIAN BAIK DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN DALAM SETIAP PERINGKAT PROSES AKTIVITI AGROMAKANAN** | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH, 13 CLIMATE ACTION; NUA 06 | **SK**<br>(SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pertanian lestari ialah suatu sistem pertanian alternatif yang mampu untuk memenuhi keperluan makanan global secara lestari dan cekap. Sebagai contoh, amalan pertanian baik (GAP) adalah panduan dalam melaksanakan pertanian lestari yang mengambil kira kepentingan semua.
2. Penggunaan teknologi moden ialah salah satu inisiatif memajukan sektor agromakanan negara selain meningkatkan produktiviti serta menjamin kecukupan bekalan untuk kegunaan pengguna akhir di dalam konteks keterjaminan makanan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Peningkatan bilangan pensijilan MyGAP dalam kalangan pengusaha agromakanan dapat membantu perkembangan sektor agromakanan yang lebih produktif.
2. Penggunaan teknologi seperti teknologi tenaga boleh diperbaharui, automasi, sistem pintar, dan data raya dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil pengeluaran.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Pertanian lestari menjadi agenda utama penyelesaian kepada isu-isu berkaitan dengan pertanian konvensional melalui penggunaan teknologi moden secara aktif bagi setiap peringkat proses. Antara komponen pembangunan utama adalah:

**A** Mengamalkan sistem pengurusan dan kaedah tanaman dan ternakan yang efisien dan berproduktiviti tinggi.

**B** Mempromosi MyGAP secara agresif dikalangan pengusaha agromakanan.

**C** Meningkatkan penggunaan kaedah teknologi dan automasi yang terkini dan bersesuaian.

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

**Lokasi**
Keseluruhan Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Pejabat Pertanian Daerah Rompin
2. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin
3. Pejabat Perikanan Daerah Rompin

## A Mengamalkan Sistem Pengurusan dan Kaedah Tanaman Dan Ternakan yang Efisien dan Berproduktiviti Tinggi

Pertanian pintar merujuk kepada penggunaan dan pengintegrasian teknologi terkini dalam bidang pertanian. Penggunaan teknologi terkini di dalam pertanian bermula di peringkat merancang, melaksana dan memantau aktiviti pada setiap masa, di mana-mana saja dengan menggunakan sistem aplikasi pengurusan maklumat pertanian yang dipasang ke peranti komputer atau telefon pintar.



Contoh Sistem Pengurusan Ladang Agromakanan Pintar Menggunakan Teknologi IoT

Bagi memenuhi permintaan makanan yang semakin meningkat pada masa hadapan, sektor agromakanan perlu bergerak ke arah sistem pengurusan, program dan kaedah pengeluaran makanan seperti tanaman dan ternakan yang lebih mampan. Penggunaan sistem pengurusan ladang agromakanan pintar dan sistem data raya berupaya mengintegrasikan sistem pengurusan maklumat pertanian untuk memudahkan setiap peringkat proses pengeluaran agromakanan dengan lancar. Oleh itu, melalui sistem pengurusan agromakanan ini, ianya dapat menyumbang kepada kelancaran proses dari peringkat huluan aktiviti sehingga ke pasaran dengan peningkatan kualiti produk agromakanan yang semakin baik.

### Langkah-Langkah Mengamalkan Sistem Pengurusan, Program Dan Kaedah Tanaman Dan Ternakan Yang Efisien Dan Berproduktiviti Tinggi

1. Perlaksanaan sistem pengurusan ladang agromakanan pintar menggunakan teknologi IoT secara inklusif dan bersepadu.
2. Perlaksanaan sistem Agro Data Raya bagi memudahkan setiap peringkat proses pengeluaran agromakanan.
3. Perlaksanaan Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan bagi petani yang ingin mengadaptasi teknologi pertanian pintar.
4. Penyediaan kursus peningkatan kemahiran sistem pengurusan ladang agromakanan yang terkini bagi peserta MyGAP.

## B Mempromosi MyGAP Secara Agresif Dikalangan Pengusaha Agromakanan

Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) adalah skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, akuakultur dan ternakan. Ianya untuk mengiktiraf ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik. Pensijilan MyGAP ini dapat membantu petani menguruskan ladang dengan lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil agromakanan yang berkualiti, dan meningkatkan peluang untuk ke pasaran eksport.

Promosi secara agresif perlu dilaksanakan untuk membolehkan pengusaha agromakanan di Daerah Rompin mempunyai pensijilan MyGAP terutamanya produk agromakanan yang berkualiti dan berpotensi tinggi seperti akuakultur udang galah, tanaman seperti nangka, roselle, sayur-sayuran dan lain-lain.




Contoh ilustrasi Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP)

Insentif akan diberikan bagi meningkatkan pematuhan ladang kepada pensijilan MyGAP untuk memastikan pengeluaran hasil yang mampan, selamat dan segar. Ladang yang mendapat pensijilan MyGAP akan diberikan keutamaan dalam pemberian geran atau pinjaman mudah. Pensijilan MyGAP akan dijadikan prasyarat bagi semua ladang di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). MyGAP akan diselaraskan dengan keperluan Global GAP bagi meningkatkan akses pasaran, khususnya pasaran Kesatuan Eropah. Kebaikan produk yang mempunyai pensijilan MyGAP akan dipromosikan kepada pengguna melalui kempen dan program kesedaran.




Maklumat Pensijilan MyGAP Kepada Pengusaha Agromakanan di Daerah Rompin

**Langkah-Langkah Mempromosi MyGAP Secara Agresif Dikalangan Pengusaha Agromakanan**

1. Penyediaan insentif khas kepada peserta MyGAP sedia ada atau bakal peserta yang berminat.
2. Perlaksanaan jelajah penerangan MyGAP ke tapak atau kawasan pengusaha agromakanan yang belum mempunyai pensijilan MyGAP.
3. Penetapan prasyarat pemilikan MyGAP bagi pengusaha yang menjalankan aktiviti agromakanan di tanah milik atau seliaan kerajaan.
4. Penyediaan kursus, latihan dan bantuan khidmat sokongan dan teknikal secara berkala mengenai pensijilan MyGAP kepada pengusaha agromakanan

## C Meningkatkan Penggunaan Kaedah Teknologi Dan Automasi Yang Terkini Dan Bersesuaian

Sektor agromakanan dapat ditingkatkan produktiviti menerusi penggunaan teknologi moden termasuk mekanisasi dan automasi serta teknik perladangan yang lebih baik. Teknologi agromakanan membolehkan pengeluar makanan meningkatkan output mereka dengan menggunakan tanah, buruh, modal serta input secara optimum dan ia merupakan pemacu utama bagi peningkatan produktiviti.

Ladang yang moden dan kaedah pengoperasian pertanian yang dipacu oleh teknologi, termasuk sensor, peranti, jentera dan teknologi maklumat membolehkan perniagaan tani lebih menguntungkan, cekap, selamat, serta mesra alam sekitar, di samping memenuhi keperluan makanan dan pertanian global.




Contoh Kursus Pertanian Digital (Smart Farming) untuk Petani

Dengan bantuan teknologi, kesilapan manusia dan pembaziran dalam sektor agromakanan dapat dikurangkan. Produktiviti lebih tinggi yang berpotensi untuk dicapai menerusi mekanisasi selain dapat mengurangkan kos operasi. Oleh itu, pengusaha agromakanan perlu dilatih dan dilengkapi dengan kemahiran teknologi supaya mereka lebih bersedia dengan penerimagunaan teknologi dan automasi di dalam sektor agromakanan. Penerimagunaan teknologi terkini merupakan satu elemen penting dalam proses pemodenan sektor agromakanan. Ini berdasarkan manfaat daripada automasi proses operasi dengan mengambil kira kapasiti operasi yang lebih besar serta peningkatan produktiviti bagi jumlah masa dan input yang sama.



Contoh Penggunaan Kaedah Teknologi Dan Automasi Yang Terkini Dan Bersesuaian

### Langkah-Langkah Meningkatkan Penggunaan Kaedah Teknologi Dan Automasi Yang Terkini Dan Bersesuaian

1. Penyediaan latihan kemahiran penggunaan teknologi dan bantuan khidmat nasihat teknikal secara berkala.
2. Perlaksanaan pertanian lestari menerusi kaedah agroponik.
3. Penggunaan jentera tenaga elektrik atau tenaga solar.
4. Penggunaan teknologi dron untuk proses kawalan serangga perosak dan proses sembur baja pertanian berbentuk cecair.
5. Perlaksanaan program *Unarmed Aerial Vehicles* (UAV) untuk program pemetaan, tuaian, kawalan untuk kawasan pertanian berskala besar.

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S6 Membangunkan Aktiviti Perniagaan yang Memacu Ekonomi Daerah dan Bernilai Tambah | T3S6-C1 PENINGKATAN RUANG LANTAI PERNIAGAAN DI DAERAH ROMPIN | SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES; NUA 01 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Penawaran kawasan perniagaan baharu di Daerah Rompin amatlah penting bagi memenuhi keperluan ruang lantai perniagaan pada masa hadapan. Unjuran ruang lantai perniagaan menunjukkan bahawa sebanyak 116,756 mp ruang lantai diperlukan menjelang 2035.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Meningkatkan fungsi perniagaan di pusat perniagaan utama terutamanya bandar Kuala Rompin.
2. Memenuhi keperluan ruang lantai pada masa hadapan.
3. Membantu memperkembangkan kawasan pusat bandar secara lebih terkawal.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen pembangunan bagi cadangan peningkatan ruang lantai perniagaan adalah:

1. Zon perniagaan Baharu
2. Aktiviti perniagaan yang dibenarkan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kuala Rompin
2. Muadzam Shah
3. Bandar Tun Razak
4. Teluk Gading


**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- ✓ **JANGKA PANJANG**

**Jadual 7.10 : Komponen Cadangan Peningkatan Ruang Lantai Perniagaan**

| CADANGAN | KOMPONEN CADANGAN |
|---|---|
| **PERLUASAN ZON PERNIAGAAN DI BANDAR KUALA ROMPIN**<br>**Keluasan tambahan zon perniagaan :**<br>120.83 hektar | 1. Kompleks perniagaan<br>2. Borong<br>3. Runcit<br>4. Perkhidmatan dan Profesional<br>5. Makanan dan Minuman<br>6. Kedai /Pejabat<br>7. Penginapan<br>8. Perkhidmatan kenderaan<br>9. Tempat letak kenderaan<br>10. Hiburan dan Riadah<br>11. Stesen minyak<br>12. Marina<br>13. Pusat konvokesyen (MICE) |
| **PERLUASAN KELUASAN PERNIAGAAN DI BANDAR MUADZAM SHAH**<br>**Keluasan tambahan zon perniagaan :**<br>3.33 hektar | 1. Kompleks perniagaan<br>2. Borong<br>3. Runcit<br>4. Perkhidmatan dan Profesional<br>5. Makanan dan Minuman<br>6. Kedai /Pejabat<br>7. Penginapan<br>8. Perkhidmatan kenderaan<br>9. Tempat letak kenderaan<br>10. Hiburan dan Riadah<br>11. Stesen minyak |
| **PERLUASAN KELUASAN PERNIAGAAN DI BANDAR TUN RAZAK**<br>**Keluasan tambahan zon perniagaan :**<br>10.86 hektar | |
| **PERLUASAN KELUASAN PERNIAGAAN DI TELUK GADING**<br>**Keluasan tambahan zon perniagaan :**<br>19.78 hektar | |

## Rajah 7.28: Pelan Keseluruhan Zon Perniagaan





*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)


### 1 BANDAR KUALA ROMPIN




### 2 BANDAR MUADZAM SHAH




### 3 TELUK GADING




### PETUNJUK


**PERNIAGAAN**

- Perniagaan Cadangan
- Perniagaan Sedia Ada

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S6 Membangunkan Aktiviti Perniagaan yang Memacu Ekonomi Daerah dan Bernilai Tambah | T3S6-C2 PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN REHAT DAN RAWAT (RNR) | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; NUA 01 | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Keadaan semasa sebahagian gerai di kawasan RNR Leban Chondong dan Muadzam Shah berada di dalam keadaan uzur dan usang memberikan imej bandar yang tidak menyenangkan.
2. Mewujudkan ruang niaga yang aktif serta meningkatkan peluang perniagaan penduduk setempat.
3. Lokasi yang strategik menjadi tempat persinggahan utama pintu masuk Daerah Rompin dari Daerah Segamat dan Kuantan.
4. Kawasan ini berpotensi dipromosikan sebagai kawasan jualan produk tempatan seperti udang galah dan produk tempatan lain.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pembangunan semula kawasan perniagaan yang kurang berdaya maju dapat merancakkan semula ekonomi disamping meningkatkan imej bandar di kawasan terlibat.
2. Mewujudkan ruang niaga yang aktif serta meningkatkan peluang perniagaan penduduk setempat.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**A** Pembangunan Semula RNR Muadzam Shah dan kawasan sekitar

**B** Menaik Taraf RNR Leban Chondong

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

1. RNR Muadzam Shah
2. RNR Leban Chondong

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ✓ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- ✓ **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin)

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Pihak Swasta

**Jadual 7.11 : Komponen Pembangunan Semula RNR**

| KOMPONEN | RNR Muadzam Shah | RNR Leban Chondong |
|---|---|---|
| **KOMPONEN SEDIA ADA** | 1. Premis gerai makan (Hentian Muadzam Shah Sebelah Timur, Gerai Sri Highway Muadzam Shah, dan RNR Teras Dara)<br>2. Kemudahan tandas dan surau<br>3. Tanah kosong | 1. Premis gerai makan<br>2. Kemudahan tandas dan surau<br>3. Tempat letak kenderaan<br>4. Medan selera Leban Chondong |
| **KEADAAN SEDIA ADA** | 1. Susunatur bangunan yang tidak tersusun<br>2. Bangunan hentian lama yang berada di dalam keadaan kurang baik<br>3. Penggunaan tanah yang tidak optimum<br>4. Kadar kekosongan premis perniagaan yang tinggi<br>5. Suasana kawasan perniagaan yang kurang vibran | 1. Bangunan gerai makan yang tidak tersusun<br>2. Kemudahan tempat letak kenderaan yang terhad<br>3. Keadaan tandas dan surau yang berada di dalam keadaan kurang baik<br>4. Perniagaan di Medan Selera Leban Chondong yang kurang berdaya maju<br>5. Kadar kekosongan premis yang tinggi di Medan Selera Leban Chondong |
| **PEMILIKAN PREMIS RNR** | 1. Majlis Daerah Rompin<br>2. Teras Dara | 1. Majlis Daerah Rompin |
| **CADANGAN** | 1. Pembangunan semula RNR Muadzam Shah dan kawasan sekitar | 1. Pembangunan semula gerai lama RNR Leban Chondong dan penyegaran semula Medan Selera Leban Chondong |
| **CIRI-CIRI** | 1. Perubahan stuktur fizikal sedia ada dan penyusunan semula bangunan gerai<br>2. Pengubahan susun atur, reka bentuk dan fungsi yang lebih menarik<br>3. Perancangan pembangunan komited yang lebih tersusun dan berkesinambungan<br>4. Penambahbaikan landskap dan infrastruktur | 1. Perubahan stuktur fizikal sedia ada dan penyusunan semula gerai<br>2. Menaik taraf dan menyelenggara bangunan sedia ada<br>3. Perubahan aktiviti bangunan kepada yang lebih menarik dan ekonomik<br>4. Pengindahan dan penambahbaikan landskap |

## A Pembangunan Semula RNR Muadzam Shah dan kawasan sekitar

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Mewujudkan susunatur RNR yang lebih terancang dan teratur, aktiviti perniagaan yang menarik, kemudahan yang lengkap serta penggunaan tanah sekitar yang optimum.


### KOMPONEN CADANGAN

1. Pembangunan ruang niaga baharu yang lebih tersusun dan kondusif.
2. Kemudahan seperti tandas, surau, tempat letak kenderaan.
3. Tapak perniagaan restoran makanan segera dan perkhidmatan pandu lalu.
4. *Placemaking* dan penambahbaikan lanskap di pusat perniagaan sedia ada.
5. Penerapan teknologi hijau (SPAH, panel solar, lampu LED dan stesen pengecas kenderaan elektrik).
6. Mematuhi Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan serta Garis Panduan disediakan dari JKR.

### LOKASI CADANGAN

Kawasan RNR Muadzam Shah -Bandar Satelit Muadzam Shah

### Lokasi Cadangan Pembangunan Semula RNR Muadzam Shah




### Gambaran Komponen Cadangan RNR



Contoh Ilustrasi Bangunan Medan Selera



Contoh Ilustrasi Bangunan RNR



Contoh Stesen Minyak Beserta Restoran Pandu Lalu



Contoh Ilustrasi Tapak Penjaja



Contoh Ilustrasi Ruang Istirehat Di Bangunan RNR



Contoh Ilustrasi Gerai Pelbagai


## PELAN INDUK PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN RNR MUADZAM SHAH







Pelan sisip Pembangunan Semula Kawasan RNR Muadzam Shah (Gerai Sri Highway)




Pelan Sisip Pembangunan Semula Kawasan RNR Muadzam Shah (Hentian Barat , Bangunan lama RNR Teras Dara & Gerai Makan Teras Dara)

## B Menaik Taraf RNR Leban Chondong

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Mewujudkan susunatur RNR yang lebih terancang dan teratur, aktiviti perniagaan yang menarik, kemudahan yang lengkap serta penggunaan tanah sekitar yang optimum


### KOMPONEN CADANGAN

1. Menaik taraf dan penyusunan semula premis .
2. Penyediaan ruang gerai bagi barangan sejuk beku terutamanya produk udang galah, barangan runcit, buah-buahan dan barangan kraftangan.
3. Kemudahan surau, tempat letak kereta, tempat letak lori dan tandas.
4. Menyediakan landskap lembut dan kejur yang menarik.
5. Penyediaan kiosk.
6. Rekabentuk bangunan yang menarik serta penerapan komponen hijau dan pintar.
7. Penyegaran semula Medan Selera Leban Chondong melalui penambahbaikan landskap.
8. Penyediaan insentif bagi menggalakkan sewaan di Medan Selera Leban Chondong.

### LOKASI CADANGAN

Kawasan RNR Leban Chondong dan Medan Selera Leban Chondong

### Lokasi Cadangan Pembangunan Semula RNR Leban Chondong




**Gambaran Komponen Cadangan RNR**



Contoh Ilustrasi Kemudahan Musolla Dan Tandas




Contoh Ilustrasi Kemudahan Tempat Letak Kenderaan



Contoh Ilustrasi Kemudahan Tempat Letak Kenderaan

## PELAN CADANGAN NAIK TARAF RNR LEBAN CHONDONG




### CADANGAN PEMBANGUNAN

1. Penyegaran Semula Kawasan Sekitar Medan Selera Leban Chondong
2. Pembangunan semula Hentian Leban Chondong

**Contoh Gambaran Komponen Cadangan RNR**



Contoh ilustrasi Stesen Minyak dengan Perkhidmatan


Contoh ilustrasi Kedai Makan Sesebuah


Contoh Ilustrasi Dataran Dan Tapak Penjaja


Contoh Ilustrasi Gerai Pelbagai

STRATEGI

**T3S6**

**Membangunkan Aktiviti Perniagaan yang Memacu Ekonomi Daerah dan Bernilai Tambah**

CADANGAN

**T3S6-C3**

# GALAKAN KONSEP *ADAPTIVE REUSE* DI UNIT PERNIAGAN YANG KOSONG

AGENDA

SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

NUA 01

KATEGORI

**SK**

**(SOKONGAN)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Konsep *Adaptive Reuse* adalah konsep penggunaan semula unit bangunan sedia ada untuk tujuan atau fungsi lain yang lebih berekonomi. Konsep *Adaptive Reuse* pada asasnya merupakan salah satu cara dalam usaha konservasi bangunan. Ianya boleh dilaksanakan melalui rundingan dengan pemilik unit bangunan untuk menggalakkan pengisian unit perniagaan kosong dengan mencadangkan penggunaan konsep *Adaptive Reuse*.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mengurangkan kadar kekosongan unit perniagaan.
2. Mengoptimumkan penggunaan tanah.
3. Menjimatkan kos pembinaan unit perniagaan baru.
4. Mewujudkan suasana perbandaran yang lebih aktif.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen galakan penggunaan *Adaptive Reuse* adalah seperti berikut:

i. Pengenalpastian unit perniagaan kosong
ii. Rundingan bersama pemilik bangunan
iii. Galakan konsep dan aktiviti perniagaan yang lebih berdaya maju
iv. Penambahbaikan landskap persekitaran
v. Penambahbaikan struktur dan fasad bangunan

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Kuala Rompin
2. Teluk Gading
3. Muadzam Shah

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**


1. Majlis Daerah Rompin
2. Pihak Swasta

Konsep penggunaan *adaptive reuse* telah banyak diadaptasikan di Malaysia. Ianya membantu di dalam memelihara bangunan lama tanpa perobohan dan menjimatkan penggunaan tanah. Di dalam konteks Daerah Rompin, terdapat sebanyak 606 unit (20.83%) perniagaan kosong yang majoritinya tertumpu di Teluk Gading, Muadzam Shah dan Kuala Rompin.

Antara cadangan aktiviti yang digalakkan di dalam pengunaan semula bangunan adalah seperti:

1. Restoran/Kafe bertema
2. Hotel bajet/hotel transit/hotel butik
3. Muzium/galeri pameran
4. Ruang acara (*Event Space*)
5. Studio
6. Institusi

**Contoh *Adaptive Reuse* Bangunan RexKL di Kuala Lumpur dan Plan B, di Ipoh**



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T3S6** Membangunkan Aktiviti Perniagaan yang Memacu Ekonomi Daerah dan Bernilai Tambah | **T3S6-C4** MENAIK TARAF AKTIVITI PERNIAGAAN INFORMAL | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; NUA 01 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Cadangan ini bertujuan untuk menggalakkan dan mengawal aktiviti perniagaan *informal* dalam kalangan pengusaha makanan. Ianya juga dapat menggalakkan peniaga kecil untuk menceburi di dalam perniagaan mikro iaitu di dalam perniagaan *informal*. Aktiviti ini dapat mewujudkan suasana yang vibran dan juga fungsi pusat perniagaan di kawasan terlibat.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menyediakan peluang perniagaan *informal* yang lebih vibran dan moden selaras dengan perkembangan ekonomi.
2. Menjadi tarikan utama di Kuala Rompin dan Kampung Tekek khususnya golongan muda dan juga pelancong.
3. Merupakan ruang baharu bagi penduduk untuk bersosial dan beraktiviti.
4. Menghidupkan aktiviti malam di Bandar Kuala Rompin dan Kampung Tekek.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Cadangan komponen menaik taraf aktiviti perniagaan informal adalah :

- **A** Tapak penjaja *Urban Street Dining*
- **B** Gerai dan *Night market*
- **C** Tapak penjaja *Food Truck*

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**
1. Kuala Rompin
2. Bandar Satelit
3. Teluk Gading
4. Bandar Tun Razak
5. Kampung Tekek
6. Pantai Hiburan

**B. Fasa Pelaksanaan**
- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**
1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**
1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**
1. Majlis Daerah Rompin
2. Pihak Swasta

**Jadual 7.12 : Komponen Cadangan Menaik Taraf Perniagaan *Informal***

| CIRI-CIRI | *URBAN STREET DINING* | GERAI & *NIGHT MARKET* | PENJAJA *FOOD TRUCK* |
|---|---|---|---|
| **LOKASI CADANGAN** | 1. Kuala Rompin<br>2. Bandar Satelit<br>3. Bandar Tun Razak | 1. Kampung Tekek, Pulau Tioman | 1. Pantai Hiburan<br>2. Dataran Teluk Gading |
| **KEADAAN SEDIA ADA DI TAPAK** | 1. Tapak penjaja sedia ada<br>2. Aktiviti perniagaan yang kurang mendapat sambutan | 1. Tiada aktiviti perniagaan di jalankan di tapak cadangan | 1. Kurang aktiviti perniagaan *informal* di kawasan sedia ada<br>2. Kiosk penjaja di Dataran Teluk Gading yang kurang mendapat sambutan |
| **KEPERLUAN CADANGAN** | 1. Menambahbaik landskap dan imej kawasan terlibat<br>2. Menaik taraf aktiviti perniagaan *informal* di kawasan terlibat<br>3. Meningkatkan ruang niaga yang aktif di kawasan tumpuan<br>4. Meningkatkan jumlah pengunjung di kawasan perniagaan sedia ada | | |
| **AGENSI PENGURUSAN** | Majlis Daerah Rompin | | |
| **CIRI-CIRI CADANGAN** | 1. Pertambahan elemen reka bentuk dan pencahayaan<br>2. Penambahan aktiviti riadah dan hiburan sebagai aktiviti sokongan<br>3. Pertambahan waktu operasi perniagaan<br>4. Pengindahan dan penambahbaikan landskap | 1. Pembaharuan terhadap aktiviti perniagaan sedia ada<br>2. Penerapan konsep dan imej baharu yang lebih mesra pelancong<br>3. Penambahbaikan kemudahan sedia ada<br>4. Penambahan aktiviti riadah dan hiburan sebagai aktiviti sokongan | 1. Pertambahan aktiviti perniagaan kepada yang lebih menarik dan vibran<br>2. Penyediaan kemudahan yang selesa dan kondusif<br>3. Pengindahan dan penambahbaikan landskap |

## A Tapak penjaja Urban Street Dining

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Cadangan ini bagi menggalakkan aktiviti perniagaan yang menarik di Bandar Utama di Daerah Rompin di samping memberi peluang kepada penduduk untuk berniaga.

Pemilihan tapak perniagaan ini adalah berdasarkan potensi aktiviti penjajaan sedia ada di tapak cadangan. Selain itu, lokasinya yang berhampiran pusat perniagaan serta memberi aksesibiliti yang tinggi kepada pengunjung di samping menggalakkan aktiviti riadah.

### KOMPONEN CADANGAN

i. Menaik taraf aktiviti perniagaan di tapak penjaja sedia ada.
ii. Penyediaan ruang makan bagi pengunjung.
iii. Galakan penyertaan penjaja tepi jalan dan penjaja bergerak.
iv. Penjanaan aktiviti pada waktu petang sehingga malam bagi menghidupkan aktiviti di sekitar Bandar Kuala Rompin.
v. Disokong oleh aktiviti hiburan dan rekreasi, pencahayaan yang mencukupi serta rekabentuk landskap yang menarik.
vi. Mendapatkan lesen penjaja daripada Majlis Daerah Rompin.

### LOKASI CADANGAN

i. Tapak Penjaja Bandar Kuala Rompin
ii. Tapak Penjaja Bandar Tun Razak, Keratong
iii. Tapak Penjaja Bandar Satelit

**Rajah 7.29: Tapak Penjaja Kuala Rompin**




**Rajah 7.30: Tapak Penjaja B. Tun Razak**




**Rajah 7.31: Tapak Penjaja Bandar Satelit, Muadzam Shah**




**Contoh Komponen Cadangan *Urban Street Dining***













## B Gerai dan *Night Market*

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Mempromosi produk tempatan dan pusat perniagaan di Kampung Tekek.
2. Meningkatkan fungsi perniagaan di Kampung Tekek.
3. Mewujudkan ruang aktif dan vibran di Kampung Tekek.
4. Meningkatkan ekonomi penduduk setempat.
5. Meningkatkan kawasan tumpuan pelancongan.

### KOMPONEN CADANGAN GERAI

1. Mewujudkan unit gerai berhampiran dengan pantai.
2. Memindahkan peniaga sedia ada di Gerai Transit berhampiran Lapangan Terbang Tioman ke kawasan perniagaan baharu.
3. Menggalakkan perniagaan produk tempatan seperti kraftangan, hasil laut dan makanan tempatan.
4. Menyediakan kemudahan yang lengkap seperti kiosk, tandas, tempat letak kenderaan dan surau.
5. Menjadikan kawasan tarikan pelancongan yang baharu disokong oleh pembangunan mini muzium.

### KOMPONEN CADANGAN *NIGHT MARKET*

1. Menggunakan kiosk bergerak seperti motor dan basikal roda tiga.
2. Diadakan pada hari minggu bagi menggalakkan kedatangan pelancong.
3. Menggalakkan perniagaan barangan tempatan serta makanan.
4. Mewujudkan konsep yang meriah dan menarik seperti penggunaan pencahayaan, produk makanan yang pelbagai dan berkonsep santai.
5. Disokong oleh rekabentuk dan landskap sekitar yang menarik.

### LOKASI CADANGAN

Kg Tekek

**Rajah 7.32 : Pelan Lokasi Tapak Cadangan Gerai dan *Night Market***




**A. Cadangan Gerai**



Keadaan Semasa Tapak Cadangan Gerai



Contoh Cadangan Premis Gerai

**B. Cadangan *Night Market***



Keadaan Semasa Tapak Cadangan



Contoh Cadangan Premis Roda Tiga di Night Market

## C Tapak Penjaja *Food Truck*

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Meningkatkan penglibatan penduduk di dalam sektor perniagaan.
2. Menggalakkan ruang perniagaan aktif di Pantai Hiburan dan Teluk Gading.
3. Menggalakkan kehadiran pelancong.
4. Menyokong aktiviti riadah dan rekreasi sedia ada di tapak.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Berkonsepkan jualan *street food* menggunakan *Food Truck*.
2. Penyediaan ruang makan.
3. Dijalankan pada setiap hari minggu bagi menggalakkan kehadiran pelancong.
4. Disokong oleh aktiviti rekreasi , pencahayaan yang mencukupi serta rekabentuk landskap yang menarik di sekitar tapak.
5. Menggunakan tapak TLK sebagai kawasan perniagaan.
6. Mendapatkan lesen penjaja bergerak di Majlis Daerah Rompin.
7. Menggalakkan penggunaan trak yang mempunyai elemen teknologi hijau dan mesra alam.
8. Mematuhi Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak.

### LOKASI CADANGAN

1. Pantai Hiburan
2. Dataran Teluk Gading

**Rajah 7.33: Pelan Lokasi Tapak Cadangan Penjaja *Food Truck***




**Rajah 7.34: Pelan Lokasi Tapak Cadangan Penjaja *Food Truck* di Teluk Gading**




**Contoh Komponen Cadangan Food Truck**
















| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S6 Membangunkan Aktiviti Perniagaan yang Memacu Ekonomi Daerah dan Bernilai Tambah | T3S6-C5 PENYEDIAAN RUANG MAMPU NIAGA BERASASKAN PRODUK TEMPATAN | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; NUA 01 | SK (SOKONGAN) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Daerah Rompin kaya dengan hasil produk pertanian dan perikanan. Dikenali sebagai pusat agropolitan, produk asas tani dilihat sumber utama penduduk di dalam meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Jualan aktiviti pemasaran hasil produk tempatan dapat dioptimumkan melalui penyediaan ruang mampu niaga yang berpusat di samping mewujudkan perniagaan informal yang terancang.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Menyokong kepada peningkatan ekonomi berasaskan kekuatan sumber pertanian dan perikanan dalam Daerah Rompin melalui penyediaan pusat penjualan.

2. Menggalakkan penduduk tempatan untuk menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan disamping mewujudkan gerai yang mampu disewa bagi menjana pendapatan penduduk serta mempromosikan produk tempatan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen penyediaan ruang mampu niaga berasaskan produk tempatan adalah seperti berikut:

- **A** Menaik Taraf Gerai dan Kiosk di Dataran Teluk Gading
- **B** Pembangunan Gerai Jualan Produk Tempatan di Kampung Janglau

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Teluk Gading
2. Kampung Janglau

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- ☑ **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin

## A Menaik Taraf Gerai dan Kiosk di Dataran Teluk Gading

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Cadangan ini bertujuan untuk menaik taraf aktiviti perniagaan sedia ada di kawasan cadangan agar lebih berdaya maju dan ekonomik. Selain itu, ianya bertujuan untuk mempromosi hasil produk tempatan di samping menggalakkan penglibatan penduduk di dalam bidang keusahawanan.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Menambahbaik fasad gerai sedia ada dengan warna yang menarik
2. Menambah bilangan kiosk (berkembar) di dataran Teluk Gading
3. Menyewakan premis dengan kadar bayaran yang mampu biaya.
4. Menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan yang tersusun dan mencukupi.
5. Memperindah persekitaran gerai dengan elemen-elemen laluan pejalan kaki, landskap, pencahayaan taman poket dan lain-lain.
6. Menggalakkan perniagaan produk makanan berasaskan produk tempatan seperti hasil perikanan.

### LOKASI CADANGAN

Dataran Teluk Gading

**Lokasi Cadangan Menaik Taraf Gerai dan *Kiosk***




**Contoh Komponen Cadangan Menaik Taraf Gerai dan *Kiosk***


Contoh Perniagaan Berasaskan Produk Tempatan


Contoh rekabentuk Kiosk



## B Pembangunan Gerai Jualan Produk Tempatan di Kampung Janglau

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Cadangan ini bertujuan untuk menggalakkan aktiviti perniagaan informal yang terancang di samping mempromosikan produk tempatan. Pembangunan gerai jualan ini dapat menempatkan peniaga produk tempatan yang beroperasi di rizab jalan (Laluan Persekutuan 3) di Kampung Janglau untuk berniaga di kawasan yang lebih terancang dan selamat. Hal ini, secara tidak langsung memberikan kemudahan kepada pengunjung bagi mendapatkan produk tempatan di satu tempat. Lokasi cadangan merupakan tanah hakmilik Majlis Daerah Rompin bagi tujuan pembangunan perniagaan.


### KOMPONEN CADANGAN

i. Membangunkan unit gerai bagi penjualan produk barangan tempatan.
ii. Menyediakan kemudahan yang mencukupi seperti bekalan air bersih, tandas, dan tempat letak kenderaan.
iii. Menyediakan rekabentuk gerai yang menarik dan moden.
iv. Menyediakan perniagaan sokongan seperti pusat jualan IKS dan bengkel kenderaan.
v. Menerapkan landskap kejur dan lembut di sekitar gerai.
vi. Menyewakan dengan kadar bayaran yang mampu biaya.
vii. Menghadkan perniagaan produk tempatan seperti hasil kraftangan dan pertanian sahaja.

### LOKASI CADANGAN

i. Pontian Jaya

### Lokasi Cadangan Pembangunan Gerai Jualan Produk Tempatan




### Contoh Cadangan Komponen Gerai Jualan Produk Tempatan












| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| **T3S7** Pengukuhan Pembangunan Perindustrian yang Beridentiti dan Bernilai Tambah | **T3S7-C1** CADANGAN ZON KLUSTER INDUSTRI | SDGs 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; SMART CITY 2 SMART ECONOMY | **ST** (STRATEGIK) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Cadangan membangunkan Zon Industri mengikut kluster mampu menjadi pemangkin kepada usaha merealisasikan Daerah Rompin sebagai salah satu daerah perindustrian dengan tawaran pelbagai inisiatif dan tindakan strategik yang berupaya menarik minat lebih banyak pelaburan ke daerah ini.
2. Memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber semulajadi yang menyokong kepada kebitaraan Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Sistem industri berkelompok (kluster industri) dapat memandu arah pihak pelabur ke rizab kluster yang mantap dan besesuaian.
2. Menjimatkan kos pengangkutan, logistik dan infrastruktur.
3. Kawalan pembangunan aktiviti perindustrian yang lebih strategik serta dapat menawarkan persekitaran pembangunan yang lebih kondusif.
4. Memastikan pembangunan industri yang lebih terancang dan mengelakkan konflik guna tanah.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berikut merupakan komponen Cadangan zon kluster di Daerah Rompin :

- **A** Kluster Industri Pembuatan dan Perkhidmatan
- **B** Kluster Industri Maritim dan Perikanan
- **C** Kluster Industri Hab Sumberjaya dan IKS

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi & Keluasan Tapak**

1. Muadzam Shah
2. Teluk Gading
3. Kuala Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perancang (Majlis Daerah Rompin)

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perancang (Majlis Daerah Rompin)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. PKNP
3. Pihak Swasta

Zon kluster industri merupakan sebuah kelompok yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah daerah. Pembangunan kepelbagaian zon kluster industri Daerah Rompin ini dapat membantu dalam mengukuhkan identiti serta penjanaan hasil ekonomi daerah ini.

Pengkelasan kluster ini dicadang selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 yang bermatlamat untuk menjadikan perindustrian di Daerah Rompin ke arah kluster berasaskan sumber dan IKS (Kuala Rompin), Kluster Elektrik dan Elektronik (Muadzam Shah) dan Kluster Pemprosesan Makanan (Rompin). Cadangan ini dilihat juga dengan kesesuaian sumber semulajadi yang terdapat di Daerah Rompin. Melalui usahasama pihak berkepentingan serta para pelabur akan mendatangkan pelbagai inisiatif dan tarikan tenaga kerja untuk bekerja di Daerah Rompin.


**Jadual 7.13 : Cadangan Kluster dan Lokasi Perindustrian**

| KLUSTER | LOKASI | KELUASAN (HEKTAR) |
|---|---|---|
| **Kluster Industri Pembuatan dan Perkhidmatan** | Muadzam Shah | 277.66 |
| **Kluster Industri Maritim dan Perikanan** | Teluk Gading | 173.22 |
| **Kluster Industri Hab Sumberjaya dan IKS** | Kuala Rompin<br>Bandar Tun Razak | 174.03<br>0.75 |




Industri Pembuatan Makanan dan Minuman yang boleh dicadangkan di Daerah Rompin

## Rajah 7.35: Pelan Zon Kluster Perindustrian





*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)


### 1 MUADZAM SHAH




### 2 TELUK GADING




### 3 KUALA ROMPIN




### PETUNJUK

**PERINDUSTRIAN**

- Perindustrian Cadangan
- Perindustrian Sedia Ada

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## A Kluster Pembuatan dan Perkhidmatan

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Cadangan kluster ini dilihat bersesuaian dengan menjadikan Bandar Muadzam Shah sebagai pusat industri pembuatan dan perkhidmatan bagi menyokong pertumbuhan industri pembuatan berskala besar.

Sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan sektor yang menjadi pemacu utama ekonomi negara dan pertumbuhannya boleh dipacu dengan memanfaatkan 4IR bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks.

Sebanyak 68 unit industri sedia ada yang beroperasi di Taman Perindustrian Muadzam Shah I dan II yang terdiri daripada aktiviti seperti pembuatan logam dan produk logam (7), bengkel (5), gudang atau stor (12) dan lain-lain (44). Penjanaan aktiviti-aktiviti industri pembuatan dan perkhidmatan yang baharu akan membantu dalam membentuk identiti serta kluster perindustrian di Muadzam Shah.

### KOMPONEN CADANGAN

Antara cadangan industri yang boleh dicadangkan di dalam kluster ini ialah:

1. Industri produk makanan
2. Industri elektrik dan elektronik
3. Industri pembuatan logam dan produk logam
4. Industri pembaikan, pemasangan mesin dan kelengkapan
5. Bengkel
6. Gudang/Stor
7. Asrama Pekerja
8. Kemudahan sokongan (Tempat Letak Kenderaan, Lori/Treler, Medan Selera, Tandas dan Kawasan Lapang dan Rekreasi)


### LOKASI CADANGAN

Muadzam Shah (283.34 hektar)



Pembuatan Elektrik dan Elektronik

**Rajah 7.36 : Pelan Cadangan Kluster Pembuatan dan Perkhidmatan**





Pembentukan industri berkluster di Muadzam Shah akan membentuk industri yang tersusun serta beridentiti. Selain itu, ia juga mampu menarik pelabur atau pemaju untuk mengusahakan asrama-asrama pekerja berstatus swasta untuk disewakan oleh pengusaha-pengusaha industri sekitar. Sebagai contohnya, i-Stay Management Sdn Bhd di Kulai, Johor telah membina dan menyediakan asrama pekerja di dalam kawasan perindustrian berkonsepkan eko dan terkini bagi pemain-pemain industri di sekitar i-Park Kulai. Kewujudan asrama pekerja ini juga membantu dalam membentuk identiti dan matlamat Daerah Rompin ke arah pembangunan hijau.




i-Stay di Kulai, Johor

**Rajah 7.37: Komponen Kluster Pembuatan dan Perkhidmatan**




*Sumber: Chicago Metropolitan Agency of Planning Analysis, 2012*

## A. PELAN KONSEP KLUSTER PEMBUATAN & PERKHIDMATAN MUADZAM SHAH




Terdapat industri sesebuah sedia ada bersebelahan tapak cadangan yang menjalankan aktiviti seperti *hardware* dan bengkel yang menjadikan tapak Cadangan bersesuaian bagi **Kluster Zon Pembuatan dan Perkhidmatan.**

*Pelan Konsep Kluster Pembuatan Muadzam Shah*

### 1 BANGUNAN INDUSTRI TERES

Bangunan industri jenis teres sesuai untuk aktiviti industri ringan terutama aktiviti bengkel, pembungkusan makanan, pemasangan mesin dan kelengkapan serta gudang/stor.



### 2 BANGUNAN INDUSTRI BERKEMBAR

Bangunan Industri jenis berkembar sesuai untuk industri jenis ringan dan sederhana terutama bagi aktiviti industri pembuatan logam serta pembaikan mesin dan kelengkapan.



### 3 BANGUNAN INDUSTRI SESEBUAH

Bangunan industri jenis sesebuah sesuai untuk industri jenis berat seperti industri pembuatan makanan dan pembuatan elektrik dan elektronik.



### 4 ASRAMA PEKERJA

Bangunan asrama pekerja perlu berada di dalam kluster industri dengan menggalakkan pemaju untuk bersama dengan semua pemilik premis di dalam kluster tersebut menempatkan pekerja-pekerja di dalam satu petempatan berpusat. Hal ini akan membantu dalam meningkatkan mobiliti serta penerapan mesra kediaman pekerja industri.




### 5 PUSAT PERNIAGAAN

Pusat perniagaan perlu ada di Zon Indutri Kluster bagi memberi perniagaan dan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja seperti klinik, mini market, kedai runcit, kedai makan, gerai dan lain-

### 6 TANAH LAPANG & REKREASI

Bagi mengelakkan pekerja-pekerja berada di luar untuk akiviti riadah, pemaju perlu menyediakan ruang riadah seperti padang bola/futsal, gelanggang badminton dan lain-lain sokongan kepada kehidupan waktu libur pekerja di dalam Zon Kluster Industri ini.

## A. PELAN KONSEP KLUSTER PEMBUATAN & PERKHIDMATAN MUADZAM SHAH




Terdapat industri sesebuah sedia ada bersebelahan tapak cadangan yang menjalankan aktiviti seperti gudang dan penternakan burung walit yang menjadikan tapak Cadangan bersesuaian bagi **Kluster Zon Pembuatan dan Perkhidmatan.**

*Pelan Konsep Kluster Pembuatan Muadzam Shah*

### 1 BANGUNAN INDUSTRI TERES

Bangunan industri jenis teres sesuai untuk aktiviti industri ringan terutama aktiviti bengkel, pembungkusan makanan, pemasangan mesin dan kelengkapan serta gudang/stor.

### 2 BANGUNAN INDUSTRI BERKEMBAR

Bangunan Industri jenis berkembar sesuai untuk industri jenis ringan dan sederhana terutama bagi aktiviti industri pembuatan logam serta pembaikan mesin dan kelengkapan.



### 3 BANGUNAN INDUSTRI SESEBUAH

Bangunan industri jenis sesebuah sesuai untuk industri jenis berat seperti industri pembuatan makanan dan pembuatan elektrik dan elektronik.


### 4 ASRAMA PEKERJA

Bangunan asrama pekerja perlu berada di dalam kluster industri dengan menggalakkan pemaju untuk bersama dengan semua pemilik premis di dalam kluster tersebut menempatkan pekerja-pekerja di dalam satu petempatan berpusat. Hal ini akan membantu dalam meningkatkan mobiliti serta penerapan mesra kediaman pekerja industri.



### 5 PUSAT PERNIAGAAN & KEMUDAHAN GUNASAMA

Ruang ini dapat menyokong keperluan industri di dalam zon ini seperti tempat letak lori berpusat, premis perniagaan dan perkhidmatan (klinik, dobi, kedai runcit, kedai makan dan lain-lain).



### 6 KEMUDAHAN UTILITI

Penyediaan kemudahan utiliti seperti TNB, IWK dan lain-lain akan menyokong kepada kelancaran aktiviti Perindustrian di dalam zon kluster.

### 7 TANAH LAPANG & REKREASI

Penyediaan ruang riadah dan rekreasi perlu bagi pengisian waktu libur pekerja di dalam Zon Kluster Industri ini.

## B Kluster Industri Maritim dan Perikanan

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Taman Perindustrian Teluk Gading merupakan sebuah kawasan industri sedia ada yang terletak di pintu masuk ke Daerah Rompin dari Negeri Johor. Sebanyak 19 unit industri sedia ada yang beroperasi di Taman Perindustrian Teluk Gading yang terdiri daripada aktiviti seperti bengkel kenderaan dan kapal (7), pendaratan dan pemprosesan hasil laut (10), gudang atau stor (2).

Kawasan perindustrian ini dilihat berpotensi untuk dibangunkan dan diperkembangkan kawasannya sebagai industri maritim. Lokasinya yang strategik yang terletak di persisir Sungai Endau serta mempunyai jeti pelancong ke Pulau Tioman mengukuhkan lagi potensinya bagi menjalankan aktiviti perindustrian yang berasaskan maritim dan perikanan.

### KOMPONEN CADANGAN


Antara komponen yang boleh dicadangkan di dalam kluster ini ialah:

1. Industri berasaskan hasil dan produk makanan laut
2. Stor dan gudang yang lengkap dengan kemudahan sejuk beku
3. Kemudahan pendaratan ikan dan hasil akuakultur marin
4. Pusat pasaran dan lelongan
5. Bengkel membaiki kapal dan kenderaan
6. Kemudahan sokongan (Tempat Letak Kenderaan, Lori/Treler, Medan Selera, Tandas dan Kawasan Lapang dan Rekreasi)
7. Asrama Pekerja

### LOKASI CADANGAN

Teluk Gading (194.65 hektar)

**Rajah 7.38 : Pelan Cadangan Kluster Industri Maritim dan Perikanan**




### Industri Hasil dan Produk Makanan Laut



Antara produk makanan yang boleh dihasilkan adalah:

- ✓ Bebola Ikan
- ✓ Kek Ikan
- ✓ Keropok Ikan/Udang

### Stor dan Gudang



Stor dan gudang memainkan peranan penting bagi penyimpanan barang-barang sehingga barang tersebut diperlukan di pasaran.

### Kemudahan Pendaratan Ikan dan Hasil Akuakultur Marin



Kemudahan ini penting bagi tujuan pendaratan hasil laut serta sebagai tempat tambatan bot. Selain itu, ia juga menjadi pemangkin bagi Kawasan sekitar dalam menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual ikan segar.

### Pusat Pasaran dan Lelongan



Pusat pasaran dan lelongan ini diwujudkan bagi membantu dan memberi sokongan dan galakan kepada para nelayan untuk mempromosikan hasil tangkapannya kepada para pembeli.

### Bengkel Membaiki Kapal dan Kenderaan



Terdapat beberapa lot bengkel membaiki kenderaan bermotor dan kapal sedia ada di Teluk Gading:

- ✓ 2 lot (bengkel kenderaan)
- ✓ 2 lot (bengkel kapal)

## B. PELAN KONSEP KLUSTER INDUSTRI MARITIM DAN PERIKANAN







*Pelan Konsep Kluster Maritim Teluk Gading*

### 1 INDUSTRI HASIL DAN PRODUK MAKANAN LAUT

*Parcel* tapak cadangan ini akan lebih memfokuskan ke arah industri pembuatan hasil dan produk makanan laut. Jenis industri yang telah ada dan cadangan adalah industri jenis teres, berkembar dan sesebuah.

### 2 STOR & GUDANG

Komponen stor dan gudang memainkan peranan penting bagi penyimpanan barang-barang sehingga barang-barang tersebut diedarkan ke pasaran tempatan atau luar.

### 3 KEMUDAHAN PENDARATAN IKAN DAN HASIL AKUAKULTUR MARIN

Kemudahan pendaratan ikan perlulah dilengkapi dengan kemudahan yang lengkap bagi para nelayan terutama jeti dan tempat tambatan bot.



### 4 PUSAT PASARAN DAN LELONGAN

Lokasi Pusat Pasaran dan Lelongan sesuai ditempatkan berhampiran dengan jalan utama bagi memberi kemudahan kepada pengunjung membuat pembelian serta mesra akses kepada nelayan-nelayan dalam mempromosikan hasil tangkapan mereka. Galakan tapak ini dibangunkan oleh pemilik tanah yang dapat memberi sokongan kepada zon kluster maritim.



### 5 BENGKEL MEMBAIKI KAPAL DAN KENDERAAN

Keseuaian cadangan dilihat berdasarkan aktiviti industri pembaikan sedia ada yang telah terdapat di tapak cadangan.



### 6 KEMUDAHAN UTILITI

Penyediaan kemudahan utiliti akan menyokong kepada kelancaran aktiviti Perindustrian di dalam zon kluster.

### 7 TANAH LAPANG & REKREASI

Penyediaan ruang tanah lapang dan rekreasi bukan sahaja untuk kegunaan mereka di Zon Kluster Maritim, malahan boleh dijadikan ruang *photo shoot pocket space* Sungai Endau yang secara tidak langsung mempromosikan Zon Klyuster Maritim Teluk Gading kepada pemborong atau pembeli hasil nelayan.

### 8 ASRAMA PEKERJA

Bangunan asrama pekerja perlu berada di dalam kluster industri dengan menempatkan pekerja-pekerja industri yang bekerja di sekitar serta menyokong kepada aktiviti-aktiviti perikanan sekitar.

## C Kluster Hab Sumberjaya & IKS

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Kluster ini akan menyokong kepada penghasilan sumber pertanian yang terdapat di Daerah Rompin. Ia akan mengembangkan aktiviti industri berskala kecil dan sederhana iaitu industri pemprosesan bahan pertanian dan industri galian bukan logam. Selain itu, kluster ini dicadangkan adalah untuk mempertingkatkan produk-produk bagi industri hiliran dengan dilengkapi infrastruktur dan kemudahan teknologi yang terbaik.

Kluster ini juga dilihat akan memberikan kesan positif dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di samping mewujudkan rangkaian industri yang menyokong kepada pembangunan pertanian dan pengusaha-pengusaha IKS.

### KOMPONEN CADANGAN

Antara jenis industri yang dicadangkan bagi kluster hab halal adalah :

1. Industri sederhana dan ringan
2. Industri ringan termasuk gudang, bengkel pembaikan peralatan elektrik, kilang pembungkusan, pemprosesan makanan dan pejabat urusan.
3. Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
4. Penerapan *circular economy*

### LOKASI CADANGAN

1. Kuala Rompin (178.78 hektar)
2. Bandar Tun Razak (3.01 hektar)




Minyak yang dihasilkan dari kelapa sawit





Nenas dari Rompine Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd

**Pelan Cadangan Kluster Hab Sumberjaya & IKS (Kuala Rompin)**





**Pelan Cadangan Kluster Hab Sumberjaya & IKS (Bandar Tun Razak)**



## C. PELAN KONSEP KLUSTER HAB SUMBERJAYA DAN IKS KUALA ROMPIN




*Pelan Konsep Kluster Hab Sumberjaya dan IKS Kuala Rompin*

### 1 INDUSTRI RINGAN DAN SEDERHANA

Cadangan industri ini menyokong kepada hasrat PKNP untuk menukarkan aktiviti perindustrian penternakan burung walit kepada aktiviti perindustrian lain.

Terdapat 3 Syarikat yang telah membeli lot industri di tapak tersebut yang merangkumi 66 lot sarang burung walit.

### 2 PUSAT PERNIAGAAN & KEMUDAHAN GUNASAMA

Cadangan ini akan menyokong kepada aktiviti Perindustrian yang terdapat di Kuala Rompin.



### 3 *ONE STOP CENTRE IKS*

*One Stop Centre IKS* akan membantu meningkatkan aktiviti penghasilan produk IKS serta memudahkan aktiviti pemasaran produk mereka kerana lokasinya yang lebih tertumpu.



### 4 GUDANG


Komponen Gudang memainkan peranan penting bagi penyimpanan barang-barang sehingga barang tersebut diperlukan di pasaran.



### 5 INDUSTRI PEMPROSESAN MAKANAN

Industri Pemprosesan Makanan dilihat bersesuaian kerana dengan adanya penghasilan sumber pertanian di Daerah Rompin serta ia akan mempertingkatkan penghasilan produk industri hiliran dengan dilengkapi infrastruktur dan kemudahan teknologi yang terbaik.

## C. PELAN KONSEP KLUSTER HAB SUMBERJAYA DAN IKS BANDAR TUN RAZAK




*Pelan Konsep Kluster Hab Sumberjaya dan IKS Bandar Tun Razak*

### 1 INDUSTRI PEMBUNGKUSAN MAKANAN

Cadangan industri pembungkusan makanan akan membantu dalam menyokong kluster IKS yang terdapat di Bandar Tun Razak.



### 2 INDUSTRI RINGAN DAN SEDERHANA

Cadangan industri ini menyokong kepada industri sedia ada yang terletak bersebelahan kawasan tapak cadangan.



### 3 GUDANG

Komponen Gudang memainkan peranan penting bagi penyimpanan barang-barang sehingga barang tersebut diperlukan di pasaran.



### 4 *ONE STOP CENTRE IKS*

*One Stop Centre IKS* akan membantu meningkatkan aktiviti penghasilan produk IKS serta memudahkan aktiviti pemasaran produk mereka kerana lokasinya yang lebih tertumpu.



### 5 INDUSTRI SEDIA ADA

Terdapat 15 unit industri sedia ada yang terdapat bersebelahan dengan tapak cadangan. Aktiviti industri tersebuat adalah terdiri daripada aktiviti bengkel dan logam.



| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T3S7<br>Pengukuhan Pembangunan Perindustrian yang Beridentiti dan Bernilai Tambah | T3S7-C2 | SDGs: 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH; 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE; SMART CITY: 2 SMART ECONOMY | UT (UTAMA) |

# CADANGAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN TAMAN PERINDUSTRIAN BERKONSEPKAN *'MANAGED INDUSTRIAL PARK'*

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

1. Pembangunan perindustrian baharu berkonsepkan '*Managed Industrial Park*' akan mendorong kepada penyediaan taman perindustrian yang moden serta berpusat dan berpagar.
2. Konsep Pembangunan yang dapat memacu matlamat Daerah Rompin iaitu ke arah pembangunan yang mampan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Pembangunan taman perindustrian baharu ini dapat memperkukuhkan pembangunan kluster.
2. Meningkatkan rantaian ekonomi industri di Daerah Rompin.
3. Mewujudkan taman Perindustrian yang moden, berpusat dan berpagar serta peluang pekerjaan di Daerah Rompin.
4. Menarik pelabur-pelabur untuk melabur dan mengusahakan aktiviti perindustrian di Daerah Rompin.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Antara komponen pembangunan yang boleh diterapkan di dalam Taman Perindustrian '*Managed Industrial Park*' ialah:

- **A** Lot/unit industri terancang sesebuah dan teres
- **B** Penyediaan zon penampan bagi industri berat dan pematuhan undang-undang berkaitan
- **C** Badan Pengurusan dan Penyelenggaraan Bangunan di kawasan Industri
- **D** Asrama pekerja
- **E** Kawasan berpagar dan terkawal yang dilengkapi pengawasan keselamatan 24 jam
- **F** Penyediaan infrastruktur dan utiliti seperti sistem kumbahan, tangka air, kolam takungan , pencawang elektrik dan menara pemancar elektrik
- **G** Pusat komersial dan medan selera
- **H** Kemudahan sukan dan kawasan lapang

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Muadzam Shah (243.10 hektar)

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Jabatan Perancang (Majlis Daerah Rompin)

**D. Agensi Pemantau**

1. Jabatan Perancang (Majlis Daerah Rompin)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (BPEN)
2. Pihak Swasta

*Managed Industrial Park* (MIP) merupakan taman perindustrian berpusat dan berpagar yang mengelilingi keseluruhan kawasan , mempunyai akses keluar masuk yang terhad dan terkawal, serta mempunyai kemudahan harta bersama *(common property)* yang keseluruhan kawasannya akan diurus dan diselenggara sendiri oleh *Industrial Park Manager* (IPM).

Konsep ini adalah satu langkah untuk penjenamaan semula taman-taman perindustrian baharu yang akan dibangunkan bagi merancakkan iklim pelaburan di Daerah Rompin. Konsep ini juga merupakan inisiatif daripada pihak pemaju taman perindustrian untuk menyediakan taman perindustrian yang kondusif untuk para pelabur dan pekilang.

Pembangunan kawasan MIP ini berbeza dengan konsep pembangunan taman perindustrian biasa yang mana berdasarkan amalan sedia ada pihak pemaju yang membangunkan mana-mana taman perindustrian akan menyerahkan taman perindustrian tersebut setelah siap kepada pihak PBT untuk penyelenggaraan. Namun, pembangunan taman perindustrian MIP ini adalah suatu cadangan pembangunan taman perindustrian yang akan diurus senggara secara sistematik oleh pihak IPM di mana dalam pembangunan ini, pihak pemaju atau IPM yang dilantik memainkan peranan sebagai pengurus dan penyelenggara taman perindustrian.

Pembangunan konsep MIP ini akan menjamin kawasan industri yang kondusif dan lengkap dengan infrastruktur, utiliti serta kemudahan sokongan yang lain seperti pusat komuniti, asrama berpusat dan lain-lain kemudahan. Pembangunan ini akan dapat dicapai dengan wujudnya IPM sebagai penyelenggara yang menyelenggara taman perindustrian tersebut.

**Jadual 7.14: Ciri-ciri *'Managed Industrial Park'***

| CIRI-CIRI | PERINCIAN CADANGAN |
|---|---|
| **JENIS BANGUNAN** | Pembangunan perindustrian bertanah seperti :<br>• Sesebuah<br>• Teres<br>• Berkembar<br>• Bertingkat |
| **KESELAMATAN** | Kawasan berpagar dan terkawal dari segi laluan keluar-masuk yang terhad |
| **KEMUDAHAN** | Komponen kemudahan bersama seperti :<br>• Kawasan rekreasi<br>• Asrama pekerja berpusat<br>• Kawasan lapang<br>• Lain-lain kemudahan |
| **BADAN PENGURUSAN** | Mempunyai badan pengurusan iaitu IPM yang ditubuhkan oleh pemaju atau usahasama dengan syarikat lain yang akan mengurus dan menyelenggara taman Perindustrian<br><br>IPM dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menyelenggara kawasan MIP mengikut skop dan perjanjian yang dipersetujui dengan pihak berkepentingan. |

*Sumber : Garis Panduan Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan 'Managed Industrial Park' Negeri Selangor*

Berikut merupakan contoh cadangan Pelan Induk '*Managed Industrial Park' Negeri Selangor*. Lakaran ini merupakan gambaran yang boleh dilihat bagi cadangan mengwujudkan taman perindustrian berkonsepkan '*Managed Industrial Park*' di Daerah Rompin. Cadangan ini dilihat mampu menarik pelabur dan pekilang untuk melabur dan mengusahakan aktiviti perindustrian di Rompin.

Rajah di bawah menunjukkan Pelan Konsep bagi Cadangan Menggalakkan Pembangunan '*Managed Industrial Park*'. Pelan konsep ini dilengkapi dengan beberapa komponen penting seperti asrama pekerja, lot industri tersusun serta plot komersial dan tanah lapang dan rekreasi.

Antara taman perindustrian yang boleh dijadikan contoh bagi cadangan ini adalah Taman Perindustrian I-Park@Senai Airport City. I-Park merupakan sebuah pembangunan industri yang mampan di mana perancangannya lebih komprehensif yang menyeimbangkan *work and life*.

**Cadangan Lakaran Pelan Induk '*Managed Industrial Park*' Negeri Selangor**




*Sumber : Garis Panduan Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan 'Managed Industrial Park' Negeri Selangor*







i-Park @ Senai Airport City

**Cadangan Pelan Konsep '*Managed Industrial Park*' di Muadzam Shah**




**Rajah 7.39: Pelan Taman Perindsutrian Berkonsepkan *'Managed Industrial Park'***




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

**1 MUADZAM SHAH**





**PETUNJUK**

PERINDUSTRIAN
- Perindustrian Cadangan
- Perindustrian Sedia Ada

Lain-lain
- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

**PELAN LOKASI**



STRATEGI

**T3S8**

Melaksanakan Reka Bentuk Bandar Yang Beridentiti, Berkualiti Dan Menarik

CADANGAN

**T3S8-C1**

# CADANGAN MENAIK TARAF IMEJ DAN IDENTITI PUSAT BANDAR KUALA ROMPIN SEBAGAI BANDAR PELANCONGAN KEPADA DAERAH ROMPIN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 03

KATEGORI

**UT**
(UTAMA)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya tradisional kini sememangnya menjadi suatu keperluan bagi mengekalkan identitinya daripada mengalami kerosakan atau kecacatan supaya dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi kini dan generasi di masa akan datang khususnya kawasan-kawasan perkampungan di dalam sempadan bandar.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Keperluan bagi memastikan kepentingan dan identiti kampung khususnya dalam kawasan sempadan bandar terus terpelihara disebabkan kesan perbandaran akan menyebabkan kawasan perkampungan akan menerima impak negatif.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berikut merupakan komponen cadangan bagi mewujudkan imej dan identiti di Bandar Kuala Rompin :

- **A** Cadangan *Street Art* Kuala Rompin
- **B** Cadangan Mercu Tanda Ikan Layaran
- **C** Cadangan *Interlocking Pavement* Kawasan Tumpuan
- **D** Cadangan Legaran Dataran Kuala Rompin
- **E** Cadangan Legaran Bangunan Rumah Kedai dan Kedai Pejabat Kuala Rompin
- **F** Cadangan Menaik Taraf Pejalan Kaki dan Laluan Basikal

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Pusat Bandar Kuala Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**

1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin


**Jadual 7.15 : Cadangan Imej Bandar Kuala Rompin**

| IMEJ BANDAR | KUALA ROMPIN BANDAR PELANCONGAN |
|---|---|
| **FUNGSI** | 1. Pusat pentadbiran Daerah Rompin<br>2. Pusat perniagan dan perkhidmatan utama Daerah Rompin. |
| **MERCU TANDA** | 1. Ikan Layaran<br>2. Udang Galah |
| **PUSAT TUMPUAN** | 1. Kawasan perniagaan<br>2. Taman Awam Kuala Rompin<br>3. Dataran Kuala Rompin |
| **CIRI-CIRI BANDAR** | 1. Merupakan kawasan tumpuan penduduk dan pelancong untuk mendapatkan perkhidmatan komersial dan sebagainya. |
| **KOMPONEN CADANGAN UTAMA** | 1. Menaik taraf imej deretan perkedaian melalui pengekalan fasad bangunan, warna bangunan dan keseragaman papan tanda.<br>2. Menyerlahkan struktur mercu tanda pusat bandar di mana Ikan Layaran menjadi penanda ikonik bagi tiga 3 persimpangan bulatan<br>3. Mewujudkan nodus tarikan baharu yang menjadi nadi tumpuan pengunjung sekali gus sebagai penggerak ekonomi setempat<br>4. Menaik taraf landskap persekitaran dengan jajaran landskap teduhan dan hiasan di koridor utama dan persimpangan pusat bandar<br>5. Menaik taraf landskap hiasan di sepanjang jalan protokol<br>6. Mewujudkan elemen seni awam seperti mural dan arca pada lokasi tumpuan pejalan kaki dan berbasikal<br>7. Menyediakan *interlocking pavement* yang tahan lasak memenuhi spesifikasi JKR / MDR pada koridor tumpuan bandar |



Lakaran Reka Bentuk di Daerah Rompin

**Rajah 7.40: Pelan Konsep Cadangan Keseluruhan Rekabentuk Bandar Kuala Rompin**




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

## 1 BANDAR KUALA ROMPIN



## PETUNJUK

- Kawasan Tumpuan
- Lokasi Cadangan
- Koridor Utama Landskap
- Mercu Tanda (*Landmark*)
- Nodus (*Nodes*)
- Laluan (Path)
- Zon Perniagaan
- Zon Perumahan
- Zon Rekreasi
- Zon Industri
- Zon Institusi

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

## PELAN LOKASI



## A Cadangan Streeet Art Kuala Rompin

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

Bagi mewujudkan sebuah bandar yang vibran ruang awam seperti lorong belakang dan tepi bangunan akan dinaiktaraf menjadi sebuah kawasan tumpuan aktiviti dalam bandar yang berpotensi untuk menjadi salah satu tarikan pelancong di Bandar Kuala Rompin.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Cadangan konsep Kepelbagaian Biodiversiti Semula Jadi dan Warisan Budaya Negeri Pahang akan diketengahkan bagi memberi imej dan identiti kepada Daerah Rompin.
2. Laluan lorong belakang dan tepi bangunan akan dinaiktaraf kepada laluan *interlocking pavement* bagi menyokong aktiviti *street art* sekaligus mewujudkan elemen "*sense of place*" kepada kawasan tersebut
3. Penyediaan landskap lembut dan kejur turut diambilkira bagi menyokong aktiviti sosial penduduk dan pelancong.

### LOKASI CADANGAN

1. Jalan Bank
2. Jalan Usahawan
3. Loong Belakang Kedai

Rajah 7.41: Pelan Cadangan "*Street Art*" Kuala Rompin.













Contoh tema mural berkonsepkan alam semula jadi dan tokoh Sejarah




Contoh ilustrasi Street Art di lorong belakang dan tepi bangunan.

## B Cadangan Mercu Tanda Ikan Layaran

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI


1. Mewujudkan sebuah mercu tanda baru yang akan menjadi imej dan tarikan utama kepada pusat bandar Kuala Rompin.
2. Kawasan bulatan sedia ada tidak mempunyai sebarang arca atau mercu tanda yang signifikan kepada pusat bandar Kuala Rompin.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Ikan Layaran atau udang galah akan diterapkan ke dalam rekabentuk arca kerana ia merupakan identiti kepada Daerah Rompin
2. Rekabentuk Arca perlulah dalam skala yang besar yang boleh dijadikan sebagai titik rujukan kepada penduduk dan pelancong
3. Penyediaan landskap lembut sebagai kemasan kepada arca tersebut.

### LOKASI CADANGAN

Bulatan empat Jalan Dato Ibrahim – Jalan Kilat – Jalan Kolam Air.





Bulatan empat Jalan Dato Ibrahim – Jalan Kilat – Jalan Kolam Air.




Arca berkonsepkan Ikan Layaran di Jalan Dato Ibrahim

**Rajah 7.42 : Pelan Cadangan Mercu Tanda Ikan Layaran di Bandar Kuala Rompin**




Ilustrasi cadangan mercu tanda Ikan Layaran di bulatan empat Jalan Dato Ibrahim – Jalan Kilat – Jalan Kolam Air.

## C Cadangan *Interlocking Pavement* Kawasan Tumpuan

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Cadangan semi pedestrian ini dicadangkan bagi mewujudkan sebuah bandar yang mesra pejalan kaki di samping mewujudkan "*sense of place*" kepada kawasan yang terlibat.
2. Laluan ini dijadikan sebagai laluan *semi-pedestrian* yang mesra kenderaan dan pejalan kaki di kawasan tumpuan aktiviti penduduk dan pelancong.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Menaik taraf laluan pejalan kaki dan basikal
2. Landskap lembut dan kejur
3. Papan tanda informasi / arah
4. *Interlocking pavement* (*Semi-pedestrian*)


### LOKASI CADANGAN


1. Jalan Utama
2. Jalan Kilat
3. Jalan Dato Ibrahim
4. Persimpangan bulatan empat




Arca berkonsepkan Ikan Layaran di Jalan Dato Ibrahim

**Rajah 7.43 : Pelan Cadangan *Interlocking Pavement* di Bandar Kuala Rompin**




Contoh ilustrasi *Interlocking Pavement* di kawasan bandar.

## D Cadangan Legaran Dataran Kuala Rompin

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Cadangan ini akan memfokuskan kepada aktiviti bazar di Legaran Dataran Rompin yang merupakan kesinambungan dari aktiviti di kawasan komersial dan Stesen Bas Kuala Rompin di pusat bandar Kuala Rompin.
2. Kawasan ini akan dikhususkan sebagai pusat penjajaan pada waktu malam bagi menghidupkan semula Pusat Bandar Kuala Rompin

### KOMPONEN CADANGAN

1. Menaik taraf laluan pejalan kaki dan basikal
2. Landskap lembut dan kejur
3. Papan tanda informasi / arah
4. *Interlocking pavement* (*Semi-pedestrian*)

### LOKASI CADANGAN


Legaran Dataran Rompin



Arca berkonsepkan Ikan Layaran di Jalan Dato Ibrahim

**Rajah 7.44 : Pelan Cadangan Legaran Dataran Kuala Rompin**




Contoh ilustrasi Legaran Dataran Kuala Rompin pada waktu malam

## E Cadangan Legaran Bangunan Rumah Kedai dan Kedai Pejabat Kuala Rompin

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Sejumlah 135 buah unit kedai (35%) daripada keseluruhan bangunan adalah terdiri daripada bangunan yang berada dalam tahap sederhana dan buruk.
2. Cadangan penambahbaikan dari segi warna cat bangunan perlu dilakukan bagi mewujudkan persekitaran yang vibran dan menarik sekaligus menyokong aspirasi Bandar Rompin sebagai Bandar Pelancongan Daerah Rompin.

### KOMPONEN CADANGAN

**Cat Bangunan**

- ✓ Penggunaan warna pastel yang mempunyai unsur warna yang vibran dan cerah adalah dicadangkan untuk dijadikan sebagai warna rujukan atau panduan kepada bangunan kedai di Pusat Bandar Kuala Rompin.
- ✓ Skema warna :

F09EA7 F6CA94 FAFABE C1EBC0 C7CAFF CDABEB F6C2F3

### LOKASI CADANGAN

Bangunan Rumah Kedai dan Kedai Pejabat

**Rajah 7.45: Pelan Cadangan Menaik Taraf Fasad Bangunan Rumah Kedai dan Kedai Pejabat di Kuala Rompin**













Contoh Ilustrasi Cadangan Menaik Taraf Fasad Bangunan.

## F Cadangan Menaik Taraf Pejalan Kaki dan Laluan Basikal

### DESKRIPSI DAN JUSTIFIKASI

1. Cadangan laluan pejalan kaki di Bandar Kuala Rompin akan memberi fokus bagi menghubungkan nodus utama bandar serta kawasan hijau bandar.
2. Penyediaan kemudahan ini adalah bagi menerapkan konsep bandar selamat di mana konsep ini akan mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada penggunaan kereta dan lebihkan aktiviti berjalan kaki dan berbasikal.

### KOMPONEN CADANGAN

1. Penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal yang berkesinambungan.
2. Penyediaan lintasan pejalan kaki di persimpangan utama dan kawasan institusi seperti kawasan sekolah.
3. Mengambilkira kepentingan pengguna kurang upaya (OKU).
4. Penyediaan papan tanda dan arah
5. Penyediaan elemen pencahayaan.
6. Penanaman pokok teduhan

### LOKASI CADANGAN

Pusat Bandar Kuala Rompin

**Rajah 7.46: Pelan Cadangan Menaik Taraf Pejalan Kaki dan Laluan Basikal di Bandar Kuala Rompin**







Lintasan zebra yang berkesinambungan dengan laluan pejalan kaki.




Contoh ilustrasi penyediaan laluan basikal dan laluan pejalan kaki di kawasan bandar.

STRATEGI

**T3S8**

Melaksanakan Reka Bentuk Bandar Yang Beridentiti, Berkualiti Dan Menarik

CADANGAN

**T3S8-C2**

# CADANGAN PEMBAHARUAN SEMULA PUSAT BANDAR TELUK GADING SEBAGAI HAB PELANCONGAN PENGANGKUTAN DAERAH ROMPIN

AGENDA

SDGs 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

NUA 03

KATEGORI

**UT**
(UTAMA)

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Bandar Teluk Gading merupakan kawasan tumpuan utama pelancong di Daerah Rompin. Terdapatnya Tioman Harbour yang menghubungkan daerah Rompin dengan pulau-pulau di sekitarnya seperti Pulau Tioman. Oleh yang demikian, Bandar Teluk Gading berpotensi untuk dijadikan sebagai hub Pelancongan Pengangkutan di Negeri Pahang khususnya Daerah Rompin.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Bandar Teluk Gading perlu dibangunkan semula dan dinaiktaraf bagi menyokong aktiviti pelancongan sekaligus menjadikan Bandar Teluk Gading sebagai sebuah destinasi pelancongan yang beridentiti.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Berikut merupakan komponen cadangan bagi mewujudkan imej dan identiti di Bandar Teluk Gading:

- **A** Cadangan *Street Art* Teluk Gading
- **B** Cadangan Menaik Taraf Fasad Bangunan Rumah Kedai
- **C** Cadangan *Linear Park* Teluk Gading.
- **D** Cadangan Naik Taraf Dataran Teluk Gading
- **E** Cadangan Menaik Taraf Surau Teluk Gading
- **F** Cadangan Membangunkan Semula Pasar Teluk Gading

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi**

1. Bandar Teluk gading

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ✓ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **JANGKA PANJANG**

**C. Agensi Pemula**

1. Majlis Daerah Rompin

**D. Agensi Pemantau**


1. Majlis Daerah Rompin

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin

**Jadual 7.16 : Ringkasan Cadangan di Bandar Teluk Gading**

| IMEJ BANDAR | KUALA ROMPIN BANDAR PELANCONGAN |
|---|---|
| **FUNGSI** | 1. Pusat aktiviti dan tarikan pelancong.<br>2. Pusat perniagan dan perkhidmatan pelancongan utama Daerah Rompin. |
| **MERCU TANDA** | 1. Menara Teluk Gading<br>2. Cadangan mercu tanda / papan tanda di jalan utama pusat bandar. |
| **PUSAT TUMPUAN** | 1. Kawasan perniagaan<br>2. Tioman Harbour<br>3. Dataran Teluk Gading |
| **CIRI-CIRI BANDAR** | 1. Mempunyai potensi dari segi mempelbagaikan aktiviti sokongan kepada pelancong untuk bersosial di kawasan pusat bandar.<br>2. Mempunyai tarikan sebagai pusat perniagaan berasaskan makanan laut di pekan dan di persisiran sungai. |
## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Berdasarkan kajian analisis yang telah dibuat, terdapat 11 kawasan peninggalan DARA yang menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi pencapaian cadangan pelan DARA yang telah dirangka sebelum ini untuk membangunkan kawasan-kawasan berkenaan. Kawasan pembangunan DARA yang tidak diurus dengan baik boleh mendatangkan pelbagai masalah yang boleh timbul sehingga menjejaskan aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi kawasan tersebut.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Cadangan pembangunan kawasan DARA ini bertujuan untuk mengatasi beberapa masalah dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Dengan latar belakang keadaan kawasan petempatan yang telah dianalisis. Selain itu, cadangan ini juga dicadangkan untuk mewujudkan kawasan yang mampan, menyediakan infrastruktur asas seperti jalan raya, air, dan elektrik, serta mengoptimumkan penggunaan tanah melalui pelan zon yang cekap. Justeru, cadangan pembangunan kawasan DARA ini merupakan satu usaha menyeluruh yang bukan sahaja mengatasi masalah sedia ada, malah memfokuskan kepada pembangunan lestari dan memberi impak positif kepada masyarakat setempat.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

**Pemerkasaan agensi yang tertentu di peringkat negeri atau Persekutuan :**

1. Alternatif 1: Pemerkasaan KKDW di peringkat persekutuan.
2. Alternatif 2: Pemerkasaan PNKP di peringkat negeri
3. Alternatif 3: Penubuhan Entiti Baru di peringkat persekutuan dan negeri.

### INFO CADANGAN

**A. Kawasan DARA**

1. Melati
2. Kota Bahagia
3. Pekoti Timur
4. Chenderawasih
5. Chanis
6. Perantau Damai
7. Selendang
8. Pewira Jaya
9. Selancar
10. Kota Shahbandar
11. Bandar Tun Razak

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **PANJANG** (SELEPAS 2036)

**C. Agensi Pemula**

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

**D. Agensi Pemantau**

1. Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pahang

**E. Agensi Pelaksana**

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
2. Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pahang


### SENARAI KAWASAN DARA

1. MELATI
2. KOTA BAHAGIA
3. PEKOTI TIMUR
4. CHENDERAWASIH
5. CHANIS
6. PERANTAU DAMAI
7. SELENDANG
8. PEWIRA JAYA
9. SELANCAR
10. KOTA SHAHBANDAR
11. BANDAR TUN RAZAK

**11** KAWASAN DARA

*Nota: Bandar Tun Razak tiada rekod pelan DARA diterima atau diperolehi untuk dihasilkan panduan sepertimana pelan-pelan yang lain*

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*



## A ALTERNATIF 1 : Pemerkasaan KKDW Di Peringkat Persekutuan

1. Salah satu analisis hala tuju kajian bagi laporan akhir ini adalah dicadangkan supaya perlu kepada pemerkasaan oleh entiti atau agensi sedia ada. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) merupakan agensi sedia ada utama yang perlu diperkasakan bagi meningkat, menaik taraf dan memperkasa pembangunan ekonomi di bekas kawasan DARA.

2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) merupakan kementerian utama yang menggalas tanggungjawab memajukan bekas kawasan DARA sebelum pembubaran dan selepas pembubaran tersebut

## B ALTERNATIF 2 : Pemerkasaan PKNP di Peringkat Negeri

1. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), pada awalnya dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP), ditubuhkan pada 27 Disember 1965 melalui Enakmen Lembaga Kemajuan Negeri Pahang Bil. 12/65 dengan tanggungjawab utamanya bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri terutamanya di kawasan luar bandar.

2. Peranan dan aktiviti utama PKNP tertumpu kepada sektor pembangunan Industri, Pembangunan Hartanah, Pembangunan Pusat Pertumbuhan dan Bandar Baru, Pelaburan serta Pembagunan Keusahawanan menjadi penyumbang kepada perkembangan sosio-ekonomi negeri.

## C ALTERNATIF 3 : Penubuhan Entiti Baru di Peringkat Persekutuan dan Negeri

1. Sekiranya terdapat penubuhan entiti baru, dicadangkan ianya ditubuhkan sebagai sebuah Agensi Kerajaan ataupun sebuah Agensi Swasta. Sekiranya pihak KPLB memilih untuk menubuhkan satu agensi kerajaan khusus, ianya mestilah satu badan berkanun dimana satu akta atau enakmen penubuhan harus digubal. Jika Kerajaan Persekutuan atau Negeri ingin mempunyai kawalan penuh keatas entiti tersebut untuk tujuan pengawalan pengurusan dana dan untuk mengawal jenis-jenis pembangunan di bekas Kawasan DARA dan LKWJ, pihak perunding berpendapat, disarankan penubuhan agensi baru adalah di peringkat persekutuan atau negeri (Perbadanan).



Keadaan Semasa DARA (Sepayang)



Keadaan Semasa DARA (Pewira Jaya)




Keadaan Semasa DARA (Cenderawasih)



Keadaan Semasa DARA (Melati)

## Rajah 8.1: Pelan Keseluruhan Kawasan DARA Daerah Rompin




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)*

### PETUNJUK

1. MELATI
2. KOTA BAHAGIA
3. PERANTAU DAMAI
4. KOTA SHAHBANDAR
5. CHANIS
6. CHENDERAWASIH
7. PEKOTI TIMUR
8. PEWIRA JAYA
9. SELANCAR
10. SELENDANG
11. BANDAR TUN RAZAK

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan Kawasan DARA


### PELAN LOKASI



## 1 MELATI

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Melati, hanya 21.08% sahaja mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Perumahan dan kemudahan awam adalah guna tanah yang harus di tekankan di kawasan Melati untuk pembangunan akan datang


**21.08%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023




## 2 KOTA BAHAGIA

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Kota Bahagia, hanya 58.32% sahaja mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Komersial dan kemudahan awam adalah guna tanah yang harus di tekankan di kawasan Kota Bahagia untuk pembangunan akan datang


**58.32%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023




## 3 PERANTAU DAMAI (Melibatkan FELDA Keratong 8,9,10)

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Perantau Damai, 80.59% mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Hal ini menunjukkan di Perantau Damai hampir 100% mengikut perancangan yang telah dibuat oleh pihak DARA dahulu.


**80.59%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023




## 4 KOTA SHAHBANDAR

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Kota Shahbandar, hanya 20.59% sahaja mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Perumahan, kemudahan awam dan industri adalah guna tanah yang harus di tekankan di kawasan Kota Shahbandar untuk pembangunan akan datang


**20.59%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023



## 5 CHANIS (Melibatkan FELDA Keratong 6 dan 7)

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Chanis, 89.21% mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Hal ini menunjukkan di Chanis hampir 100% mengikut perancangan yang telah dibuat oleh pihak DARA terdahulu.

**89.21%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023









## 6 CHENDERAWASIH

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Chenderawasih, hanya 37.55% sahaja mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Perumahan dan kemudahan awam adalah guna tanah yang harus di tekankan di kawasan Chenderawasih untuk pembangunan akan datang

**37.55%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023









## 7 PEKOTI TIMUR

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Pekoti Timur, hanya 16.69% sahaja mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Keseluruhan guna tanah kecuali pengangkutan tidak dibangunkan pada guna tanah semasa 2023.

**16.69%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023





## 8 PEWIRA JAYA (Melibatkan FELDA Selancar 1 dan 6)

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Pewira Jaya, 66.30% mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Terdapat 33.70% masih tidak dibangunkan mengikut cadangan yang telah dibuat oleh DARA terdahulu.

**66.30%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023







## 9 SELANCAR (Melibatkan FELDA Selancar 2,3,4 dan 5)

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Selancar, 60.63% mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Terdapat 39.37% masih tidak dibangunkan di Selancar mengikut cadangan yang telah dibuat oleh DARA terdahulu.


**60.63%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023





## 10 SELENDANG (Melibatkan FELDA Selendang 1 dan 2)

Merujuk kepada pencapaian pembangunan semasa di Selendang, 57.67% mengikut cadangan pelan DARA yang telah dirancang sebelum ini. Terdapat 42.33% masih tidak dibangunkan di Selendang mengikut cadangan yang telah dibuat oleh DARA terdahulu.

**57.67%**
Pencapaian Guna Tanah Semasa 2023




**Rajah 8.2 : Perbandingan Pencapaian Cadangan Pelan DARA dan Guna Tanah Semasa 2023**




| | Melati | Kota Bahagia | Pekoti Timur | Chenderawasih | Chanis | Perantau Damai | Selendang | Perwira Jaya | Selancar | Kota Shahbandar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SEMASA | 21.08% | 58.32% | 16.69% | 37.55% | 89.21% | 80.59% | 57.67% | 66.30% | 60.63% | 20.59% |
| CADANGAN DARA | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% |

| STRATEGI | CADANGAN | AGENDA | KATEGORI |
|---|---|---|---|
| T4S1<br>Menyediakan Kaedah Pengurusan dan Pelaksanaan yang Lebih Efektif dan Menyeluruh | T4S1-C2<br>CADANGAN MENAIK TARAF DAN PENGUKUHAN UNIT PELANCONGAN DAN PELABURAN MAJLIS DAERAH ROMPIN | SDG 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH | UT (UTAMA) |

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pengukuhan unit pelancongan dan pelaburan merupakan satu inisiatif dalam menyelaras dan menjadi pengerak kepada semua produk pelancongan yang ada di MDR. Pembentukan unit ini adalah selaras dengan Seksyen 28 Akta 171 Pelantikan Jawatankuasa yang membolehkan tiap-tiap pihak berkuasa tempatan melantik sesebuah jawatankuasa bagi tujuan penyelarasan.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

Dalam usaha untuk menjadikan Rompin sebagai Daerah dan Bandar Pelancongan Bertaraf Antarabangsa dan melengkapi peranan oleh Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) bagi Pulau Tioman dan pulau-pulau yang lain, MDR perlu mewujudkan unit khusus sebagai unit penyelaras, pemantau dan pengerak kepada semua produk pelancongan yang ada di MDR.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

1. Menjadikan Unit Pelancongan dan Pelaburan sebagai Unit Khusus di bawah Yang Di-Pertua.
2. Berperanan sebagai unit yang menyelaras, memantau dan mengerakkan semua sumber dan potensi pelancongan yang ada di kawasan Daerah Rompin (kecuali bawah TDA)

### INFO CADANGAN

**A. Kawasan Pentadbiran**

1. Seluruh Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ☑ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **PANJANG** (SELEPAS 2036)

**C. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin

## AKTA

**SEKSYEN 28 AKTA 171**
**PELANTIKAN JAWATANKUASA**

Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa melantik jawatankuasa, sama ada dari jenis am atau khas, terdiri daripada seorang pengerusi dan sesuatu bilangan Anggota Majlis dan beberapa orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan itu, bagi maksud memeriksa dan melaporkan apa-apa perkara atau menjalankan apa-apa perbuatan yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan itu akan lebih sesuai dijalankan dengan cara suatu Jawatankuasa, dan boleh mewakilkan kepada mana-mana Jawatankuasa apa-apa kuasa yang difikirkannya patut melainkan kuasa untuk mendapatkan wang melalui kadar atau pinjaman, dan boleh menetapkan kuorum bagi mana-mana Jawatankuasa itu.


## A Fungsi Utama Unit Pelancongan dan Pelaburan

1. Bertanggungjawab memacu arah pelaksanaan pembangunan pelancongan dan pelaburan selaras dengan objektif dan cadangan pembangunan
2. Memaklumkan sebarang permasalahan, keputusan dan progres pelaksanaan kepada sebarang keputusan yang diperlukan
3. Sebagai operator (pihak yang mengendali) aktiviti pelancongan dan pelaburan yang bersesuaian dengan peranan Majlis Daerah
4. Menyelaras pelaksanaan dan sesi perbincangan bersama pemilik, pengusaha dan agensi terlibat
5. Menyediakan kertas kerja bagi permohonan peruntukan pembangunan
6. Memastikan permohonan-permohonan pembangunan yang berkaitan di angkat kepada agensi berkaitan untuk tujuan permohonan peruntukan
7. Mengemaskini dan memantau permohonan sehingga siap


## B Fokus Kawasan Utama Unit Pelancongan dan Pelaburan

1. Pembangunan Rompin Green Bussiness Park/ Bandar Bersepadu Pelancongan MICE di Kuala Rompin
2. Pembaharuan Semula Kawasan Teluk Gading
3. Aktiviti Rumah Rakit di sepanjang Sungai Endau dan Sungai Rompin
4. Pewartaan dan Pengurusan Geotapak Daerah Rompin sebagai Geopark Kebangsaan
5. Cadangan Zon Pelaburan Strategik di Taman Negeri Rompin (Asean Heritage Park, Cadangan Pusat Pelajaran, Pusat R&D)
6. Menaik taraf Kawasan Rekreasi Pantai Hiburan, Pantai Rantau Panjang, Pantai Lanjut dan Pantai Bernas
7. Mempelbagai Aktiviti Tarikan Pelancongan Di Kawasan Agrotourism
8. Menyelaras dan Melaksanakan Acara Pelancongan
9. Dan lain-lain yang berkaitan dengan aspek pelancongan dan pelaburan di Daerah Rompin

## ORGANISASI SEMASA (MAJLIS DAERAH ROMPIN)




## ORGANISASI CADANGAN (MAJLIS DAERAH ROMPIN)



**STRATEGI** | **CADANGAN** | **AGENDA** | **KATEGORI**

**T4S2**
**Mempromosikan Daerah Rompin ke Arah Pembangunan Bandar Pintar Menjelang 2035**

**T4S2-C1**

# CADANGAN PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR DAERAH ROMPIN 2035

**UT**
**(UTAMA)**

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Pelaksanaan Bandar Pintar merupakan satu inisiatif dalam memastikan Daerah Rompin berkembang seiring dengan pembangunan moden pada masa hadapan dengan mengaplikasikan konsep bandar pintar dalam pembangunan di Daerah Rompin. Bandar Pintar adalah bandar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi termaju untuk menangani isu dan cabaran perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup, ekonomi, kemampanan alam sekitar dan memastikan pengurusan bandar yang efektif dan efisien.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar adalah sebagai asas rujukan terhadap perancangan pintar yang lebih sistematik untuk seluruh Daerah Rompin.
2. Pelan Tindakan dilaksanakan di peringkat tempatan (Daerah) di mana ianya dalah setaraf dengan Rancangan Tempatan.
3. Menterjemahkan polisi kepada *project base* / program di peringkat tempatan.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen pembangunan yang terlibat adalah berdasarkan kepada proses penyediaan pelan tindakan di mana ia merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- **A** **Peringkat 1:** Penilaian Awal Prestasi Bandar Pintar
- **B** **Peringkat 2:** Libat Urus Pelan Tindakan Bandar Pintar
- **C** **Peringkat 3:** Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar
- **D** **Peringkat 4:** Kajian Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar

### INFO CADANGAN

**A. Kawasan Pentadbiran**

1. Seluruh Daerah Rompin

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- ☑ **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **PANJANG** (SELEPAS 2036)

**C. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

Dalam proses penyediaan pelan tindakan bandar pintar, terdapat empat (4) peringkat yang perlu dilakukan bagi menghasilkan sebuah pelan tindakan bandar pintar yang komprehensif. Proses penyediaan adalah seperti berikut:

**PROSES PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR**

| PERINGKAT 1 | PERINGKAT 2 | PERINGKAT 3 | PERINGKAT 4 |
|---|---|---|---|
| Menjalankan penanda aras bagi menilai prestasi bandar dan asas penentuan keutamaan inisiatif dan potensi | Libat urus dengan agensi dan pihak berkepentingan bagi mengenal pasti cabaran perbandaran dan menyediakan cadangan tindakan | Cadangan projek dan fasa, pelaksanaan projek perintis serta potensi peruntukan/ pembiayaan projek | Kajian semula dan menilai impak & keberkesanan projek / inisiatif yang telah dilaksankan. |

## A Peringkat 1: Penilaian Awal Prestasi Bandar Pintar

Peringkat 1 adalah perujuk kepada proses menjalankan penanda aras bagi menilai prestasi bandar dan asas penentuan keutamaan inisiatif dan potensi.

**Penilaian Awal Prestasi Bandar Pintar** — **Peringkat 1**

1. Agenda dan Dasar Sedia Ada
   - Kenalpasti dasar dan agenda Global, Nasional & Negeri sebagai asas perancangan bandar pintar
2. *Urban Challenges Assessment*
   - Kajian awal isu dan cabaran perbandaran
   - Peluang, potensi, kelemahan dan kekuatan
3. Prospek dan Potensi Negeri / Daerah
   - Keadaan semasa pembangunan dan ekonomi Negeri / Daerah
4. Tahap Kesediaan Penduduk
   - Kajiselidik pandangan rakyat
     - Kefahaman bandar pintar
     - Cabaran perbandaran
     - Kesediaan digital & SWOT
5. Tahap Kesediaan Agensi / *Initiative Assessment*
   - Kajiselidik agensi
     - Inisiatif bandar pintar sedia ada dalam perancangan
     - Cabaran pelaksanaan
6. Tahap Kesediaan Infrastruktur Digital
   - Tahap liputan, kelajuan dan kualiti jalur lebar (4G / 5G/ Fiber)

## B Peringkat 2: Libat Urus Pelan Tindakan Bandar Pintar

Peringkat 2 adalah perujuk kepada libat urus dengan agensi dan pihak berkepentingan bagi mengenalpasti cabaran perbandaran dan menyediakan cadangan tindakan.

**Libat Urus Pelan Tindakan Bandar Pintar** — **Peringkat 2**

- Memberi kefahaman berkaitan bandar pintar
- Maklumbalas dan keperluan utama pelaksanaan

1. Libat Urus 1 – Awam (Townhall)

- Cabaran perbandaran
- Kenalpasti inisiatif sedia ada
- Cadangan awal dasar strategi dan inisiatif
- Peranan agensi

2. Libat Urus 2 – Agensi Negeri / Tempatan

- Refleksi dan pandangan cadangan inisiatif
- Perkongsian dan kerjasama dengan pemain industri

3. Libat Urus 3 – Pemain Industri

## C Peringkat 3: Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar

Peringkat 3 adalah perujuk kepada cadangan projek dan fasa, pelaksanaan projek perintis serta potensi peruntukan / pembiayaan projek.

**Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar** — **Peringkat 3**

- Penetapan kandungan laporan
- Analisis data, rumusan isu dan cabaran, prospek serta penemuan kajian
- Visi & misi bandar pintar
- Inisiatif *(Quick Win, Short Term, Mediam & Long Term)*
- Peranan agensi dan kos projek
- Penetapan projek perintis
- *Raadmap* & tadbir urus bandar pintar

1. Penyediaan Draf Awal Pelan Tindakan

Draf Akhir dan pengesahan agensi dan pihak berkepentingan terhadap cadangan dasar, strategi dan inisiatif bandar pintar

2. Penyediaan Draf Akhir Pelan Tindakan

- Pelaksanaan projek oleh agensi mengikut *roadmap* sasaran
- Pemantauan oleh Jawatankuasa

Kelulusan
- Mesyuarat JK Teknikal
- Mesyuarat JK Pemandu

3. Kelulusan di Mesyuarat JPN Negeri / Majlis Penuh PBT

4. Pelaksanaan Projek / Pemantauan

## D Peringkat 4: Kajian Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar

Peringkat 4 adalah perujuk kepada kajian semula dan menilai impak & keberkesanan projek / inisiatif yang telah dilaksanakan.

**Kajian Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar** — **Peringkat 4**

- Pencapaian bandar pintar berdasarkan sasaran & MS ISO 37122:2019
- Menilai impak & keberkesanan inisiatif kepada rakyat

1. Penilaian Keberkesanan

- Cadangan baharu & peluang penambahbaikan
- Disesuaikan dengan perubahan dasar, cabaran, keperluan rakyat dan teknologi penyelesaian pintar

2. Kajian Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar

- Pelan tindakan berdasarkan tempoh perancangan baharu


3. Pelan Tindakan Bandar Pintar

## RINGKASAN PROSES PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR

| Peringkat 1 | Peringkat 2 | Peringkat 3 | Peringkat 4 |
|---|---|---|---|
| **Penilaian Awal Prestasi Bandar Pintar** | **Libat Urus Pelan Tindakan Bandar Pintar** | **Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar** | **Kajian Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar** |
| 1. Agenda dan Dasar Sedia Ada | 9. Libat Urus 3 – Pemain Industri | 10. Penyediaan Draf Awal Pelan Tindakan | 16. Pelan Tindakan Bandar Pintar |
| 2. *Urban Challenges Assessment* | 8. Libat Urus 2 – Agensi Negeri / Tempatan | 11. Penyediaan Draf Akhir Pelan Tindakan | 15. Kajian Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar |
| 3. Prospek dan Potensi Negeri / Daerah | 7. Libat Urus 1 – Awam (Townhall) | 12. Kelulusan di Mesyuarat JPN Negeri / Majlis Penuh PBT | 14. Penilaian Keberkesanan |
| 4. Tahap Kesediaan Penduduk | | | |
| 5. Tahap Kesediaan Agensi / *Initiative Assessment* | | 13. Pelaksanaan Projek / Pemantauan | |
| 6. Tahap Kesediaan Infrastruktur Digital | | | |

## CONTOH PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR

Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh 2020-2030 merupakan salah satu pelan tindakan yang telah diwartakan oleh kerajaan Negeri Perak. Pelan Tindakan ini telah mengenal pasti 37 projek yang menggariskan empat fasa pelaksanaan dalam tempoh 10 tahun iaitu merangkumi projek *quick win,* projek jangka pendek, sederhana dan panjang. Pelan tindakan ini boleh dijadikan sebagai contoh bagi penyediaan di peringkat Daerah Rompin.




BANDAR PINTAR IPOH


PENGHARGAAN
PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR IPOH

Disediakan oleh :

MAJLIS BANDARAYA IPOH

Dengan Kerjasama :

PLANMalaysia




**Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh (Majlis Bandaraya Ipoh, Perak)**

## NEGERI PAHANG

Kuantan merupakan salah satu daerah di Negeri Pahang yang telah memulakan kajian bagi Pelan Tindakan Bandar Pintar iaitu **SMARTKUANTAN 2030.** Pelan tindakan ini berpotensi untuk menjadi pemangkin kepada daerah-daerah lain di Negeri Pahang untuk menyediakan Pelan Tindakan Bandar Pintar khasnya bagi Daerah Rompin.




SMARTKUANTAN 2030

DISEDIAKAN OLEH :

DENGAN KERJASAMA :

PLANMalaysia
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR & DESA)


Cetakan Pertama 2024

© Hakcipta Majlis Bandaraya Kuantan

Diterbitkan oleh:
Majlis Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih
25100, Kuantan
Pahang Darul Makmur

(609) 5121555 / 5121618 / 5121619

www.mbk.gov.my







**Pelan Tindakan Bandar Pintar: SMARTKUANTAN 2030**

STRATEGI

**T4S2**

**Mempromosikan Daerah Rompin ke Arah Pembangunan Bandar Pintar Menjelang 2035**

CADANGAN

**T4S2-C2**

AGENDA

SDGs 11 | NUA 02 | SMART CITY 1 SMART GOVERNMENT | 2 SMART ECONOMY | 3 SMART PEOPLE | 4 SMART LIVING | 5 SMART MOBILITY | 6 SMART ENVIRONMENT | 7 SMART DIGITAL INFRA

KATEGORI

**UT**
**(UTAMA)**

# CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK PERINTIS BANDAR PINTAR DAERAH ROMPIN

## DESKRIPSI DAN KOMPONEN CADANGAN

### DESKRIPSI

Projek perintis bandar pintar merupakan projek yang akan digerakkan oleh agensi utama iaitu Majlis Daerah Rompin dalam mengaplikasikan dan melaksanakan inisiatif pintar. Projek perintis ini menjadi penggerak kepada inisiatif bandar pintar di Daerah Rompin seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini yang membolehkan Daerah Rompin berkembang dan bersaing dengan bandar-bandar atau daerah maju yang lain.

### JUSTIFIKASI CADANGAN

1. Cadangan penerapan elemen pembangunan pintar di Daerah Rompin bagi projek perintis ini adalah memfokuskan kepada inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, menjamin keselamatan dan persekitaran serta meningkatkan tadbir urus yang lebih sistematik.
2. Pelaksanaan projek perintis ini memfokuskan kepada kawasan pusat bandar utama dan juga kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan penduduk serta para pelancong.

### KOMPONEN PEMBANGUNAN

Komponen pembangunan bagi cadangan ini terbahagi kepada dua (2) aspek di mana setiap aspek merangkumi elemen-elemennya yang tersediri dalam mengaplikasikan konsep bandar pintar :

**A** Menerapkan Elemen Pintar di Bandar-bandar Utama

**B** Mewujudkan Pusat Pengurusan Bandar Pintar Daerah Rompin

### INFO CADANGAN

**A. Lokasi Projek Perintis**

**1. Kawasan Bandar Utama**
A. Bandar Kuala Rompin
B. Bandar Muadzam Shah
C. Bandar Tun Razak
D. Kawasan Pembaharuan Semula Bandar Teluk Gading

**2. Pulau / Mukim Tioman (Kawasan Pelancongan Utama)**
A. Kg. Tekek,
B. Kg. Juara,
C. Kg. Salang
D. Kg. Genting
E. Kg. Mukut

**B. Fasa Pelaksanaan**

- **SEGERA** (2025)
- **PENDEK** (2026 - 2030)
- **SEDERHANA** (2031 - 2035)
- **PANJANG** (SELEPAS 2036)

**E. Agensi Pelaksana**

1. Majlis Daerah Rompin
2. Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

## A Menerapkan Elemen Pintar di Bandar-bandar Utama

Komponen pembangunan pertama yang memfokuskan kepada penerapan elemen pintar ini dikhususnya kepada kawasan pusat bandar utama dan juga kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan penduduk serta para pelancong iaitu di Bandar Kuala Rompin, Bandar Muadzam Shah, Bandar Tun Razak, Kawasan Pembaharuan Semula Bandar Teluk Gading dan di kawasan pelancongan Pulau Tioman seperti yang telah dinyatakan.

### 1. Lintasan Pejalan Kaki Pintar

Penyediaan pejalan kaki yang lebih inklusif menggunakan beberapa elemen bandar pintar iaitu:


1. Kamera AI yang dapat mengesan kehadiran pejalan kaki
2. Papan tanda interaktif (LED)
3. Lampu trafik pejalan kaki
4. Radar *Sensor*
5. Lampu pemantul *(cat-eye)*
6. Butang sentuh



Gambaran lintasan pejalan kaki pintar

### 2. Sistem Kawalan Lampu Isyarat Pintar (*Smart Traffic Light*)


Sistem kawalan lampu isyarat pintar dapat mengurangkan kebarangkalian kenderaan untuk berhenti di setiap persimpangan berikutan laluan lampu hijau dapat diselaraskan mengikut jarak dan kelajuan kenderaan. Penerapan sistem kawalan ini dapat memberi keutamaan pergerakan kepada lorong lalu lintas yang lebih tinggi pada waktu puncak.




Konsep *Smart Traffic Light* di kawasan persimpangan

### 3. Sistem Lampu Jalan Pintar (*Smart Street Lighting*)

*Smart Street Lighting* merupakan lampu jalan LED yang dilengkapi dengan *sensor* dan *timer*. Pencahayaan LED menjanjikan penurunan kos tenaga dengan menggunakan alat pengesan gerakan untuk memberikan pencahayaan hanya apabila diperlukan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan tenaga dan meningkatkan keselamatan awam yang memberi penjimatan elektrik dan penggunaan tenaga mesra alam.





Sistem lampu jalan pintar yang dilengkapi dengan *sensor* dan *timer*

## 4. Pengunaan *Smart Pole System*

*Integrated Smart Pole* merupakan tiang yang dipasang di kawasan tumpuan atau mempunyai kadar jenayah yang tinggi dan digunakan bagi pemantauan aset PBT.

1. Mempunyai pelbagai jenis *sensor* pintar seperti *analytic CCTV, l*ampu LED solar, pembesar suara, *billboard panel*, *sensor* pencemaran udara dan *sensor* paras air
2. Data yang diterima akan dihantar secara langsung ke bilik maklumat kawalan bersepadu (*Data Command Center*) untuk tujuan pemantauan.




**Objektif:** Memperkasakan bandar selamat secara lebih efisien, serta mengintegrasikan data secara pendigitalan.



**Gambaran tiang *Smart Pole* di kawasan Pasir Gudang, Johor**

## 5. Sistem Pembayaran Digital Tempat Letak Kenderaan *(Smart Parking)*

Menyediakan pelbagai kaedah saluran pembayaran parkir kereta melalui aplikasi untuk telefon pintar dengan cara yang lebih mudah, selamat dan cepat untuk pembayaran tempat letak kenderaan.

1. Sistem *Smart Parking* menawarkan kaedah meletak kenderaan tanpa menggunakan kupon.
2. Inisiatif ini dapat menerapkan prinsip *cashless society* yang membolehkan orang ramai membuat pembayaran parkir tanpa membawa tunai.







***Gambaran Smart Parking yang boleh dilaksanakan***

## 6. *Rompin Wifi Hotspot*

Penyediaan perkhidmatan *Rompin Free Wifi* dapat meningkatkan tahap ketersambungan internet masyarakat tempatan dengan penyediaan *wifi hotspot* secara percuma di lokasi-lokasi strategik dan petempatan-petematan utama.

**Faedah:**

1. Dapat meningkatkan jumlah masyarakat celik ICT dalam kawasan MDR.
2. Peningkatan akses masyarakat kepada internet.




**Gambaran pemasangan menara wifi bagi kemudahan internet percuma**

## 7. Kemudahan Sewa Basikal Dan Motorsikal Elektrik Melalui Aplikasi Mudah Alih

Menggalakkan penggunaan basikal dan motorsikal elektrik dengan menyediakan kemudahan seperti:

1. Laluan basikal dan motorsikal
2. Tempat letak basikal dan motorsikal elektrik
3. Papan tanda informasi atau arah
4. Kawasan pengecasan motorsikal / basikal elektrik



**Gambaran tempat letak Basikal / motorsikal elektrik**




**Stesen pengecasan basikal / motorsikal elektrik**

## B Mewujudkan Pusat Pengurusan Bandar Pintar Daerah Rompin

Komponen pembangunan kedua ini merupakan cadangan yang dikhususkan untuk pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Rompin di mana perlunya penyediaan satu pusat pengurusan bandar pintar bagi tujuan pemantauan.

## 1. Pembangunan *Mini Command Center* - (*Rompin Data & Survelliance Command Center* (Rompin DASCOM)


1. Mewujudkan satu bilik kawalan yang menempatkan kesemua unit CCTV, paparan alatan pintar serta menyediakan pusat pangkalan data sebagai mekanisme dalam memantau perkembangan pembangunan di Daerah Rompin untuk mengesan dan memantau perubahan kritikal, pembaikan, risiko dan keperluan ekosistem pembangunan dalam memastikan tahap piawaian kemampanan dan daya huni yang tinggi dapat dicapai dan terlaksana.
2. Merupakan salah satu inisiatif yang wajib dilaksanakan bagi memperoleh status penarafan bandar pintar

## Rompin DASCOM



**Gambaran *Mini Command Center* yang boleh dilaksanakan di Majlis Daerah Rompin**

## Rajah 8.3: Pelan Cadangan Lokasi Projek Perintis Bandar Pintar Daerah Rompin




*Sumber:* Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)

### PETUNJUK

**Pelaksanaan Projek Perintis**

- Cadangan Lokasi Pelaksanaan Projek Perintis

**Lain-lain**

- Jalan Sedia Ada
- Jalan Cadangan Lebuhraya
- Cadangan ECRL 2
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

### PELAN LOKASI



## CADANGAN PEMBANGUNAN RT DAERAH ROMPIN YANG BERKAITAN DENGAN KOMPONEN *SMART CITY*


Berikut merupakan cadangan pembangunan berdasarkan Teras 1 hingga Teras 3 selain daripada projek perintis yang mempunyai hubungkait dengan komponen pembangunan pintar berdasarkan tujuh (7) komponen yang digariskan. Cadangan ini menjadi sokongan dalam perkembangan pembangunan pintar di Daerah Rompin berdasarkan komponen yang berkait rapat dengan pembangunan pintar bagi setiap cadangan.

**Jadual 8.1: Senarai Cadangan Pembangunan Berdasarkan Teras 1 hingga Teras 3 yang Berkaitan dengan Komponen *Smart City***

| TERAS | | STRATEGI DAN CADANGAN PEMBANGUNAN | SG | SE | SP | SL | SM | SEN | SDI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **TERAS 1 PERANCANGAN GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA** | **T1S2** | **PERANCANGAN KE ARAH ROMPIN DAERAH HIJAU** | | | | | | | |
| | T1S2-C2 | Cadangan Pelaksanaan Penerapan Elemen Hijau Dalam Perancangan Pembangunan Daerah Rompin | | | | | | ■ | |
| | T1S2-C3 | Cadangan Penyediaan Stesen Pengecasan Kenderaan EV Daerah Rompin | | | | | ■ | ■ | |
| | T1S2-C4 | Cadangan Menyediakan *Floating Solar* di Pulau Tioman | | | | | | ■ | |
| | **T1S3** | **MEMPERKUKUH PULAU TIOMAN SEBAGAI ZON PEMBANGUNAN HIJAU** | | | | | | | |
| | T1S3-C1 | Memperkenalkan Pulau Tioman Sebagai Pulau Pelancongan Hijau (*Green Tourism Island*) dengan Pengiktirafan Pulau Tenaga Hijau | | | | | | ■ | |
| | **T1S4** | **MENINGKATKAN KUALITI ALAM SEKITAR MELALUI KAWALAN PENCEMARAN** | | | | | | | |
| | T1S4-C2 | Cadangan Stesen Pemantauan Alam Sekitar bagi Kualiti Air dan Udara | | | | | | ■ | |
| | **T1S7** | **MEMPERKUKUHKAN ASPEK KESELAMATAN MARITIM DI DAERAH ROMPIN DENGAN LEBIH SISTEMATIK** | | | | | | | |
| | T1S7-C1 | Cadangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Sempadan Secara Berterusan bagi Mengatasi Masalah Pencerobohan | ■ | | | ■ | | | |
| | **T1S9** | **PERANCANGAN PEMBANGUNAN KAWASAN BERISIKO BAGI MEMINIMAKAN IMPAK KAWASAN BANJIR DAN HAKISAN** | | | | | | | |
| | T1S9-C3 | Cadangan Pelan Tindakan Risiko Bencana yang Komprehensif | ■ | | | ■ | | | |
| **TERAS 2 KOMUNITI INKLUSIF DAN INFRASTRUKTUR MAMPAN** | **T2S2** | **MENINGKATKAN PERHUBUNGAN BANDAR KE KAWASAN PELANCONGAN DAN KAWASAN LUAR BANDAR** | | | | | | | |
| | T2S2-C5 | Cadangan Menyediakan Perkhidmatan Para Transit Desa di Kawasan Pelancongan dan Kawasan Luar Bandar | | | | | ■ | | |
| | **T2S3** | **MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN TAHAP KEBERKESANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL** | | | | | | | |
| | T2S3-C2 | Menyediakan Kemudahan Pusat Kitar Semula Daerah Rompin | | | | | | ■ | |
| | **T2S5** | **MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN SISTEM PEMBENTUNGAN DAN KEUPAYAAN LIPUTAN JALUR LEBAR DAERAH ROMPIN** | | | | | | | |
| | T2S5-C4 | Cadangan Meningkatkan Keupayaan Telekomunikasi Daerah Rompin | | | | | | | ■ |
| | **T2S7** | **PEMERKASAAN PEMBANGUNAN PETEMPATAN DESA SECARA HOLISTIK DARI SEGI KEMUDAHAN, PENAIKTARAFAN KAMPUNG DAN SOSIOEKONOMI** | | | | | | | |
| | T2S7-C4 | Cadangan Meningkatkan Produktiviti, Kualiti dan Pemasaran Produk Desa | ■ | | ■ | | | | |
| **TERAS 3 PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN REKA BENTUK BANDAR MAMPAN** | **T3S1** | **MENGUKUHKAN DAERAH ROMPIN SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN ANTARABANGSA** | | | | | | | |
| | T3S1-C5 | Membangunkan Produk Pelancongan Bercirikan Pelancongan Hijau di Kg. Tekek | | | ■ | ■ | | | |
| | T3S1-C11 | Menaik Taraf Kawasan Rekreasi Pantai dengan Berkonsepkan Rompin Rantaian Biru (*Rompin Coastal Blue Belt*) | | | ■ | | | | |
| | T3S1-C12 | Menggalakkan Program Persidangan dan Pameran (MICE) Berkonsepkan Pelancongan Hijau di *Rompin Convention and Resort Centre* | | | | | | ■ | |
| | T3S1-C16 | *Smart Kiosk* di Jeti | | ■ | ■ | ■ | | | |
| | T3S1-C17 | Menaik Taraf Kemudahan *Wayfinding* di Kawasan Tarikan Ekopelancongan yang Bercirikan Hijau, Selamat, Jelas dan Berinovasi | | | | | | ■ | |
| | **T3S5** | **MEMPRAKTIKKAN AMALAN PERTANIAN YANG BAIK, INOVATIF DAN PRODUKTIF** | | | | | | | |
| | T3S5-C2 | Membudayakan Amalan Pertanian Baik dan Penggunaan Teknologi Moden dalam Setiap Peringkat Proses Aktiviti Agromakanan | | | | | | ■ | |
| **JUMLAH** | | **11 STRATEGI & 17 CADANGAN** | 3 | 1 | 4 | 4 | 2 | 9 | 1 |

**Rumusan Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan**

Daripada keseluruhan cadangan Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian), hanya 17 cadangan di bawah 11 strategi sahaja yang terlibat dalam inisiatif pembangunan pintar. Berdasarkan rumusan matrik, cadangan yang terlibat lebih memfokuskan kepada pembentukan cadangan ke arah komponen *Smart Environment* di mana terdapat 9 cadangan yang menyentuh indikator yang terkandung di dalam komponen tersebut. Pembentukan cadangan yang menjurus ke arah komponen *Smart Environment* adalah sejajar dengan konsep pembangunan yang telah ditetapkan bagi Daerah Rompin iaitu **Pembangunan Bersepadu dan Mampan Ke Arah Rompin Gerbang Pelancongan Hijau.**



## KEPENTINGAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN PINTAR BAGI TUJUAN PENARAFAN BANDAR PINTAR

### PENARAFAN BANDAR PINTAR

Pelaksanaan inisiatif bandar pintar bagi Kajian Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) haruslah berpandukan kepada indikator yang telah diselaraskan untuk mencapai status **Penarafan Bandar Pintar** berdasarkan tahap dan tahun yang telah disasarkan.

Untuk peringkat permulaan, Daerah Rompin perlu mencapai status penarafan bandar pintar bagi sasaran **Tahap 1** di mana terdapat empat (4) kriteria yang perlu dilaksanakan. Oleh itu, cadangan pembangunan pintar yang telah dibuat adalah berdasarkan keutamaan bagi memenuhi kriteria sasaran tahap 1.

### FAEDAH PENARAFAN BADNAR PINTAR

1. Membantu merangka dasar dan hala tuju bandar pintar yang lebih jelas dan bersistematik berasaskan standard global;
2. Membantu mempercepatkan pelaksanaan bandar pintar;
3. Meningkatkan imej bandar melalui penerapan inisiatif bandar pintar sekali gus menarik pelabur dari dalam dan luar negara;
4. Menggalakkan penyertaan swasta dan meningkatkan kesedaran awam dalam pelaksanaan bandar pintar.

Berikut merupakan indikator bandar pintar yang telah digariskan di dalam Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia. Terdapat 85 indikator bandar yang terkandung berdasarkan tujuh (7) komponen bandar pintar yang telah ditetapkan.

**KRITERIA PENARAFAN BERDASARKAN TAHAP**

| TAHAP 1 | TAHAP 2 | TAHAP 3 | TAHAP 4 |
|---|---|---|---|
| Smart City Early Adopter | Developing Smart City | Leading Smart City | Visionary Smart City |
| ✓ Pelan Tindakan Bandar Pintar<br>✓ Jawatankuasa Bandar Pintar<br>✓ *Initiial Dashboard/ Min Command Center*<br>✓ Pematuhan kepada **10 indikator** MS ISO 37122:2019 | ✓ Melaksanakan inisiatif melalui Pelan Tindakan Bandar Pintar<br>✓ Jawatankuasa Bandar Pintar Unit atau Bahagian/Unit Bandar Pintar<br>✓ *Integrated Command Center*<br>✓ Pematuhan kepada **35 indikator** MS ISO 37122:2019 | ✓ Melaksanakan sebahagian besar inisiatif melalui Pelan Tindakan Bandar Pintar<br>✓ Jawatankuasa Bandar Pintar atau Bahagian/Unit Bandar Pintar<br>✓ *Advanced Command Centre/ Integrated Operation Centre*<br>✓ Pematuhan kepada **63 indikator** MS ISO 37122:2019 | ✓ Melaksanakan keseluruhan inisiatif Pelan Tindakan Bandar Pintar<br>✓ Jawatankuasa Bandar Pintar atau Bahagian/ Unit Bandar Pintar atau SME Bandar Pintar<br>✓ *Advanced Command Centre /Integrated Operation Centre*<br>✓ Pematuhan kepada **85 indikator** MS ISO 37122:2019 |
| **2023** | **2025** | **2030** | **2040** |

## SENARAI PELAKSANAAN 85 INDIKATOR BANDAR PINTAR BAGI TUJUAN PENARAFAN MENGIKUT TAHAP DAN SASARAN TAHUN

### 2023 — TAHAP 1 Smart City Early Adopter

**Urus Tadbir**
1. Perkhidmatan bandar dalam talian

**Perancangan Bandar**
2. Permit pembangunan menerusi borang dalam talian (e-borang)

**Kewangan**
3. Pembayaran dalam talian kepada pihak berkuasa tempatan

**Sukan dan Rekreasi**
4. Tempahan dalam talian bagi kemudahan sukan dan rekreasi

**Keselamatan**
5. Kamera litar tertutup digital

**Tenaga**
6. Lampu jalan pintar
7. Pemasangan lampu jalan baru / diperbaharui

**Pengangkutan**
8. Sistem pembayaran digital (e-pembayaran) bagi ruang tempat letak kenderaan.
9. Lampu isyarat pintar

**Telekomunikasi**
10. Jalur lebar pantas

### 2025 — TAHAP 2 Developing Smart City

**Ekonomi**
11. Data terbuka bagi perkhidmatan bandar

**Pendidikan**
12. Peranti pembelajaran digital

**Tenaga**
13. Pengubahsuaian / Pembaharuan bangunan awam
14. Meter elektrik pintar pada bangunan awam dan swasta

**Persekitaran dan Perubahan Iklim**
15. Pembinaan baru / diperbaharui dengan prinsip bangunan hijau
16. Masa nyata – Stesen pemantauan kualiti udara

**Urus Tadbir**
17. Perkongsian data terbuka pihak berkuasa tempatan dalam talian
18. Masa tindak balas bukan kecemasan
19. Masa penyelenggaraan (*downtime*) infrastruktur teknologi maklumat

**Tenaga**
20. Stesen pengecas EV

**Kediaman**
21. Kediaman dengan sistem tenaga pintar

**Populasi dan Sosial**
22. Aksesibiliti bagi warga emas dan OKU pada setiap bangunan
23. Bajet untuk keperluan warga emas dan OKU
24. Lintasan pejalan kaki dengan tanda isyarat
25. Bajet untuk merapatkan jurang digita

**Keselamatan**
26. Bangunan berisiko tinggi – Sijil Perakuan Bomba
27. Masa tindak balas – Bomba & keselamatan
28. Nilai ambang indeks jenayah

**Sisa Pepejal**
29. Kitar semula plastik
30. Sistem pelupusan sisa kenderaan akhir hayat

**Telekomunikasi**
31. Zon putih / zon mati pada rangkaian jaringan telekomunikasi
32. Liputan capaian internet

**Pengangkutan**
33. Kenderaan mikro mobiliti – perkhidmatan perkongsian
34. Peta jalan interaktif masa nyata

**Perancangan Bandar**
35. Penglibatan penduduk dalam proses perancangan
36. Permohonan kelulusan permit pembangunan

### 2030 — TAHAP 3 Leading Smart City

**Pengangkutan**
37. Pengguna bagi perkhidmatan perkongsian mobiliti
38. Kenderaan rendah karbon
39. Amaran dan informasi trafik masa nyata dalam talian
40. Sistem masa nyata bagi aliran pengangkutan
41. Sistem pembayaran bersepadu bagi pengangkutan awam
42. Tempat letak kenderaan dengan sistem ketersediaan masa nyata
43. Pengangkutan awam dengan capaian internet

**Ekonomi**
44. Kadar kelangsungan bagi perniagaan baru

**Air**
45. Bangunan dengan meter air pintar

**Persekitaran dan Perubahan Iklim**
46. Sistem kualiti udara dalaman

**Kesihatan**
47. Rekod perubatan bersepadu secara dalam talian
48. Temu janji pemeriksaan kesihatan dari jarak jauh
49. Informasi kualiti air dan udara masa nyata

**Kediaman**
50. Kediaman dengan sistem air pintar

**Pertanian Bandar/ Tempatan & Keselamatan Makanan**
51. Bajet untuk inisiatif pertanian bandaran
52. Baja kompos dari sisa makanan
53. Liputan pembekal makanan dalam talian

**Budaya**
54. Tempahan dalam talian bagi kemudahan kebudayaan
55. Rekod kebudayaan digital
56. Buku digital (e-books)
57. Pengguna aktif perpustakaan digital

**Sisa Pepejal**
58. Pemasangan sensor pada tong sampah awam
59. Kitar semula sisa elektronik

**Keselamatan**
60. Rondaan sukarelawan dalam talian

**Perancangan Bandar**
61. Kepadatan penduduk dalam bandar

**Sisa Kumbahan**
62. Penggunaan semula air rawatan kumbahan
63. Pengunaan semula bio-pepejal

### 2040 — TAHAP 4 Visionary Smart City

**Ekonomi**
64. Tenaga kerja teknologi maklumat (ICT)
65. Tenaga kerja pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D)

**Pendidikan**
66. Penguasaan lebih dari satu bahasa
67. Sijil Pendidikan tinggi

**Tenaga**
68. Tenaga elektrik dari sisa kumbahan / sisa pepejal / sisa cecair/ sisa haba
69. Tenaga elektrik dan haba dari air kumbahan
70. Tenaga dari sisa pepejal / rawatan sisa cecair
71. Elektrik dari system oenjanaan tenaga teragih
72. Kapasiti penyimpanan grid tenaga

**Kewangan**
73. Pendapatan – Ekonomi perkongsian

**Sisa Pepejal**
74. Sistem kawalan tempat buangan sampah
75. Peranti pemantauan sisa domestik
76. Sisa kepada tenaga

**Pengangkutan**
77. Kenderaan berautonomi yang berdaftar
78. Sistem kenderaan berautonomi
79. Bandar armada bas yang dipacu oleh motor

**Sisa Kumbahan**
80. Penjanaan tenaga dari sisa kumbahan
81. Penggunaan semula sisa kumbahan untukmenjana tenaga
82. Rangkaian saluran paip sisa kumbahan masa nyata

**Air**
83. Pemantauan kualiti air minuman masa nyata
84. Pemantauan kualiti air persekitaran masa nyata
85. Sistem air pintar bagi pengedaran air